



EDISI PELAJAR

SULALATUS SALATIN

SEJARAH MELAYU

Penyelenggara

A. SAMAD AHMAD



PENGANTAR

SULALATUS SALATIN adalah judul asal *Sejarah Melayu*. Dan judul asal inilah yang digunakan untuk versi terbaru ini. Sepanjang yang diketahui versi ini telah menunjukkan beberapa kelainan yang jelas dan ia lebih mendekati karya asal sekiranya dibandingkan dengan versi-versi yang sedia ada iaitu Shellabear, Abdullah Munshi dan Winstedt Raffles Mss. No. 18.

Penghargaan sewajamyalah diberikan kepada Encik A. Samad Ahmad yang telah melakukan satu kajian yang khusus dan teliti bagi menyediakan versi ini. Siapa saja sudah pasti akan dapat merasakan betapa sukamya untuk membuat kajian bagi sesebuah karya yang lama seperti *Sulalatus Salatin* ini. Ia menuntut satu gabungan usaha yang sulit dan rumit, selain menghendaki ketelitian dan ketekunan yang tidak jemu-jemu. Inilah yang telah dilakukan oleh penyelenggara buku ini sewaktu beliau menjadi Penulis Tamu di Dewan Bahasadan Pustaka dalam tahun 1978. Latar belakang hidupnya banyak mendorong beliau mengeTerigahkan semula cerita-cerita lama kepada masyarakat han ini. Sejak kecilnya lagi beliau telah mula berminat membaca hikayat-hikayat lama sehingga beliau mengenali banyak jenis karya tersebut. Minatnya yang begitu mendalam kepada karya jenis itulah yang memungkinkan terhasilnya *Sulalatus Salatin* ini di samping beberapa buah yang lain seperti *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Nakhoda Teriggang*, *Singapura Dilanggar Todak*, *Laksamana Tun Tuah*, *Dosaku*, *Zaman Gerhana* dan lain-lain. Di samping sebagai seorang penulis, Encik A. Samad Ahmad juga adalah seorang wartawan dan pejuang politik di peringkat awal kebangkitan



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

nasionalisme di Malaysia. Beliau pernah menjadi Ketua Pengarah akhbar *Majlis*, sebuah akhbar yang berpengaruh di perTerigahan tahun 40-an dan awal tahun 50-an dan juga salah seorang tokoh Kesatuan Melayu Muda KMM yang bergerak bersama-sama Ibrahim Haji Yaakub, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam dan lain-lain. Kegiatan-kegiatannya inilah yang banyak memberinya semangat menghasilkan semula karya-karya lama dalam usaha mengembalikan kedudukan bangsa Melayu ke tempatnya yang sebenar.

Pada keseluruhannya, *Sulalatus Salatin* versi ini masih mempunyai persamaan asas dengan versi yang sedia ada. Bagaimanapun terdapat juga beberapa perbezaan yang menonjol yang rasanya tidaklah perlu diperjelaskan di sini kerana semuanya telah diSerituh oleh penyelenggara buku ini dengan panjang lebar dalam bahagian "Prolog" dan "Epilog". Dalam kedua bahagian ini beliau telah membuat kajian dengan mendalam dan juga memberikan beberapa contoh kesilapan yang dilakukan oleh para pengedit versi *Sejarah Melayu* sebelum ini, terutamanya Teritang kesilapan mentranskripsikan ejaan jawi yang menyebabkan pengertian dan maknanya berubah. Hal ini mungkin juga disebabkan para pengedit yang terdiri dari sarjana-sarjana Barat ini kurang mendalam pengetahuan mereka dalam bahasa Melayu di samping kemungkinan didorong oleh sebab-sebab politik penjajah sebagaimana kita sekarang sebagai satu bangsa yang merdeka dan berdaulat ingin membuat tafsiran sejarah dari kepentingan dan kaca mata kita Sendiri.

Kami memanglah mengharapkan kajian-kajian yang serupa ini akan terus bertambah dan pihak Dewan Bahasa dan Pustaka Sentiasa menyediakan kemudahan-kemudahannya. Diharap penerbitan *Sulalatus Salatin* ini akan dapat memberi satu pandangan bam dalam menganalisa *Sejarah Melayu* terutamanya kepada para pengkaji dan peminat kesusasteraan Melayu.

Jun 1979



Datuk Haji Hassan Ahmad
Ketua Pengarah
Dewan Bahasa dan Pustaka

SEKAPUR SIRIH

Bismillahi'r rahmani'rahlm

DALAM majlis-majlis perbincangan mengenai buku karya saya Zaman Gerhana, yang telah diadakan di Bilik Mesyuarat Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka pada 12 Disember 1976 dan di Sudut Penulis Dewan Bahasa dan Pustaka pada 28 Januari 1977, di antara beberapa persoalan lain, telah juga timbul persoalan mengenai "Siapakah lawan Hang Tuah bertikam, Hang Jebat atau Hang Kasturi?" Hingga ke hari ini masih terdengar-dengar di telinga saya suara Encik Ismail Ahmad sekarang Haji, melahirkan rasa ragu-ragu dalam perkara itu, seolah-olah beliau menyuarakan keraguan yang selama ini terpendam di dalam hati ramai peminat sastera yang telah membaca dan meneliti *Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu* dari edisi-edisi yang telah diterbitkan.

Sekalipun dalam perbincangan-perbincangan tersebut saya berpeluang menerangkan bahawasanya pernah terbaca sekurang-kurangnya ada dua buah naskhah lama "Sulalatus Salatin" tulisan tangan, mengisahkan bahawa lawan Hang Tuah bertikam itu ialah Hang Jebat, bukannya Hang Kasturi; dan telah juga saya nyatakan di mana adanya naskhah-naskhah tersebut; tetapi sekadar keterangan demikian belumlah rasanya memadai, melainkan dengan ada buktinya.

Alhamdulillah, dengan terbitnya buku ini maka lahirlah bukti yang dimaksudkan itu, sekurang-kurangnya dapat dijadikan satu penjelasan dalam perkara yang menjadi tanda tanya dan menimbulkan keraguan di kalangan peminat- peminat sastera selama ini. Dan bukan sahaja mengenai per-



ديوان بهاس دان پوسٲاڪا
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

soalan tersebut, bahkan di samping itu turut juga terbongkar beberapa perkara lain yang selama ini seolah-olah tersembunyi dan tidak sampai ke pengetahuan kita sekalian.

Buku ini tidaklah dapat saya usahakan hingga selesai, melainkan dengan berkat ihsan dan kerjasama pihak-pihak yang berkenaan; kerana itu, kemudian daripada mengucapkan syukur ke hadrat Allah subhanahu wa taala. Tuhan yang Maha Pemurah lagi Mengasihani, saya dengan sepenuh ikhlas mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tan Sri Haji Hamdan Sheikh Tahir, Pengerusi Lembaga Pengelola Dewan Bahasa dan Pustaka, serta ahli-ahli Lembaga Pengelola sekaliannya, atas pandangan mereka yang menganggap bahawa saya masih boleh dan bergunalagi dalam bidangpenulisan; dan dengan pandangan demikian telah mempela saya menjadi sebagai seorang "Penulis Tamu" Dewan Bahasa dan Pustaka.

Begitu juga kepada Ketua Pengarah DBP, Tuan Haji Hassan Ahmad, dan Timbalan Ketua Pengarah DBP, Encik Hassan Ibrahim, saya ucapkan terima kasih kerana membenarkan saya mengusahakan projek ini, terdahulu daripada satu projek yang telah dicadangkan oleh pihak DBP, dengan syarat-syarat yang munasabah dalam hubungan di antara pihak penerbit dengan pihak penulis. Tambahan pula dengan memberi segala kemudahan yang saya perlukan dalam mengusahakan buku ini.

Ucapan terima kasih saya yang tiada terhingga kepada Prof. Datuk Zainal Abidin bin Abdul Wahid, atas kesudian mengorbankan masa beliau yang amat berharga itu, menyemak dan meneliti kandungan naskhah buku ini semasa dalam bentuk bertaip lagi, walaupun beliau Sentiasa sibuk dengan berbagai urusan dan tanggungjawab yang berat-berat.

Kepada Encik Baharuddin Zainal, Ketua Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera DBP, serta sekalian pegawai dan kakitangan bahagian itu, bahkan menyeluruh kepada jurutaip dan penyelenggara pejabatnya, saya ucapkan ribuan terima kasih atas sepenuh kerjasama yang telah diberikan kepada saya sejak dari mula saya mengusahakan buku ini.

Setinggi-tinggi terima kasih saya ucapkan kepada sahabat-sahabat saya, terutama sekali kepada Drs. Khalid Hussain yang telah bersusah payah menyemak bahasa Jawa dan merumi serta mentafsirkan "Ciri' yang ada di dalam buku ini. Begitu juga kepada Tuan Haji Khairuddin Muhammad, pensyarah di

Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Tuan Haji Sulaiman Noor dan Ustaz Mohd. Marzuki bin Haji Safie dari Dewan Bahasa dan Pustaka yang telah memberi kerjasama menyemak ayat-ayat dalam bahasa Arab. Bagaimanapun, patut saya tegaskan di sini bahawa jika ada, terdapat apa-apa kekhilafan dalam hal yang berkenaan ini, bahkan dalam keseluruhan isi buku ini, bukan sekali-kali menunjukkan kelemahan pihak-pihak yang berkenaan, tetapi adalah menjadi sepenuh tanggungjawab saya Sendiri, kerana sebagai seorang Hamba Allah yang bersifat lemah, saya sedia insaf akan kelemahan dan kekurangan saya dalam serba hal.

Seterusnya ucapan terima kasih saya kepada Encik Rahmat bin Ramly, Ketua Unit Pengeluaran DBP, serta sekalian kakitangannya, begitu juga kepada sekalian pegawai dan kakitangan di Bahagian Perpustakaan dan Unit Seriifoto DBP, yang telah memberi sepenuh kerjasama dalam usaha menjayakan penerbitan buku ini. Juga ribuan terima kasih saya kepada sahabat-sahabat perseorangan saya, terutama sekali kepada Tuan Syed Zulflida bin SyedMohd. Noor, Pengarang, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, yang telah bermurah hati meminjamkan buku-buku dan bersusah payah mencarikan penerangan-penerangan dalam beberapa hal yang amat saya perlukan. Kepada Tuan Haji Abdul bin Haji Omar, Encik Ayob Yamin, Encik Harudan Yahya, Encik Amdun Hussein, Encik A. Rahim A. Rahman, Encik Hasan Majid, Encik Ghazali Sulaiman selaku editor buku ini dan lain-lain sahabat saya yang ada hubungan sedikit sebanyak dalam usaha ini.

Tidak sekali-kali dapat saya melupakan budi Encik Shahrum Yub, Ketua Pengarah Muzium Negara dan pegawai-pegawai Muzium itu, yang telah berihisan membuat salinan, serta memberi izin saya menggunakan gambar peta kepulauan Melayu yang di dalamnya ada tertulis nama "Goa" di Sulawesi, iaitu sebuah peta milik Muzium tersebut yang amat saya perlukan, untuk digunakan di dalam buku ini. Budi tiap-tiap seorang yang telah saya sebutkan di atas itu tiadalah dapat saya membalasnya, melainkan akan jadi kenangan di sepanjang hayat saya, dan saya berdoa semoga Allah سبحانه و تعالی akan membalasnya dengan sebaik-baik balasan.

Ucapan terima kasih saya atas budi sekalian yang ber-

kenaan itu, ialah kerana saya menyedari bahawa saya seorang dan bangsa Melayu, bangsa yang sedia terkenal beradab mulia dan berbudi tinggi; yang demikian saya memohon ke hadirat Allah, janganlah hendaknya menjadi sebut-sebutan orang kelak, sebagai seorang dan bangsa Melayu yang berbudi tinggi itu, bukan lagi tidak tahu menghargai dan tidak tahu membalas budi orang, malahan mengenang budi dan menghargai jasa orang pun sudah tidak tahu lagi

Kuala Lumpur
3 April 1978

A. Samad Ahmad



ديوانُ بهاسِ دانِ قوستاکے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

TIGA NASKHAH LAMA TULIS TANGAN

DALAM milik Dewan Bahasa dan Pustaka terdapat tiga buah naskhah lama tulis tangan *Sulalatus Salatin*, yang lebih dikenali sekarang dengan nama *Sejarah Melayu*. Naskhah-naskhah itu biarlah dinamakan: 1 Naskhah Munshi MoHarumad Ali, cod DBP MSS 86A, yang selepas ini disebut naskah A; 2 Naskhah Hj. Othman Abdullah, cod DBP MSS 86, yang selepas ini disebut naskah B; dan 3 naskhah DBP, cod DBP MSS 86B yang selepas ini disebut naskah C. Sesungguhnya ketiga-tiga naskhah tersebut itulah yang saya gunakan dalam mengusahakan buku ini.

Naskhah A: Naskhah ini diperolehi dalam bulan Februari 1977 dan Tuan Omar bin Masajee, mengandungi 418 halaman, tetapi halaman-halaman pada helai bahagian akhlmya telah hilang. Pada halaman pertama di bahagian atasnya ada tertulis nama pemilik asalnya: Munshi S. Md. Ally.

Dalam "Kata Pengantar" untuk edisi jawi yang asal buku *Sejarah Melayu* tahun 1896, W.G. Shellabear ada menyebut Munshi Mohammad Ali meminjamkan kepada beliau sebuah naskhah *Sejarah Melayu* yang dijadikan perbandingan dengan beberapa naskhah *Sejarah Melayu* yang lain; naskhah Munshi MoHarumad Ali itu seterusnya disebut beliau sebagai MSS. B. Dalam penjelasan mengenai naskhah tersebut, beliau menyatakan bahawa MSS. B ialah hasil kerja dua orang penyalin, kerana terdapat beberapa halaman yang akhir dalam naskhah itu tulisannya berbeza daripada yang lainnya, dan tidak disalin dengan cermat. Seterusnya beliau menerangkan bahawa naskhah itu tiada mengandungi tarikh, tetapi keadaannya agak



baru dan beliau ragu-ragu kiranya umur naskhah tersebut melebihi empat puluh tahun tidak terdahulu daripada tahun 1856, kerana tarikh beliau menulis "Kata Pengantar" itu ialah 1 Januari, 1896.

Daripada penerangan W.G. Shellabear seperti di atas itu, dapat dipastikan dengan tiada ragu-ragu lagi bahawa naskhah A milik Dewan Bahasa dan Pustaka iniliah naskhah yang disebutkan oleh W.G. Shellabear itu. Apa yang beliau katakan dua orang penyalin yang berbeza tulisannya itu memanglah benar, kerana mulai dari halaman 343 daripada jumlah 418 halamannya, seolah-olah ditulis dengan gopoh-gapah dan banyak terdapat kekhilafan, terutama Teritang ejaannya lihat perbandingan tulisan pada Teraan 1 dan 2.

Ejaan yang dipakai dalam naskhah A ini bolehlah dikatakan mengikut kaedah yang agak lebih baru, jika dibandingkan dengan naskhah B; tetapi pada seTerigah-seTerigah tempat ternyata penyalinnya ada kecenderungan meminda, misalnya mengenai nama kitab *Duril Mazlum*, dalam naskhah ini ditulis دارالمظلوم tidak seperti dalam naskhah B, huruf-huruf itu diberi baris *دُرَيْمَظْلُوم*.

Kecuali terdapat perbezaan Teritang ejaan, seperti yang disebutkan di atas, kedua-dua naskhah A dan naskhah B itu pada keseluruhannya adalah serupa; di mana terdapat ayat-ayat yang meragukan dalam naskhah B, terdapat juga ayat-ayat yang serupa satu persatu perkataannya dalam naskhah A lihat hal. 97; begitu juga pada halaman-halaman yang tertinggal lihat hal. 106-108; ini membawa erti bahawa satu daripada naskhah itu disalin daripada naskhah yang satu lagi.

Seperti yang dapat kita ketahui bahawa naskhah B itu jauh lebih tua daripada naskhah A, iaitu terbukti pada tarikh naskhah itu disalin yang tertulis di penghujung halaman terakhlnya: tahun Hijrah .1223 T.M. 1808 lihat Teraan 3, sedangkan naskhah A mengikut kata W.G. Shellabear, tersalin tidak terdahulu daripada T.M. 1856, maka nyatalah bahawa naskhah A itu disalin daripada naskhah B.

Naskhah B: Naskhah ini diperolehi daripada AllahyarHaru Tuan Haji Othman Abdullah, bekas Pengurus Akhbar *Majlis*, Kuala Lumpur, dalam bulan Januari 1963. Angka halaman pada halaman terakhlnya ialah 321. Beberapa halaman pada

bahagian permulaannya telah hilang, dan kira-kira suku bahagian naskhah itu tulisannya berkeadaan kelam dan agak sukar dibaca. Sekurang-kurangnya dua halaman naskhah itu hal. 82 dan 83 tulisannya hilang sama sekali. Selain dari segala kekurangan dan kecacatan ini, keadaannya boleh dikatakan masih baik, dan tulisan pada bahagian terbesarnya adalah terang dan jelas.

Semasa mengusahakan buku ini, naskhah B inilah yang saya jadikan asas panduan; di halaman-halaman yang hilang pada bahagian permulaan naskhah tersebut, dan pada bahagian-bahagian di mana hurufnya kelam dan sukar dibaca, rujukan telah dibuat kepada naskhah A. Di antara yang menarik perhatian mengenai naskhah B ini ialah, bukan sahaja ejaan bahasa Arab diberi baris, bahkan nama seTerigah-seTerigah orang dan tempat juga diberi baris; misalnya Andul Nina Mara Kulina *أَنْدُلْ نِينَا مَارَا كُولِينَا* hal. 41. Tun Jana Pakibul *تُنْ جَانْ فَكَيْبُلْ* hal. 140, Mululuki *مُلُولُوكِي* hal. 143; Pulau Sabut *فُولُو سَبُوتْ* barangkali supaya jangan keliru dibaca Pulau Sebat.

Satu lagi perkara yang menarik perhatian ialah Teritang penyalin merakamkan namanya pada naskhah yang disalinnya; hal seperti ini jarang terdapat dalam naskhah-naskhah sastera Melayu lama. Ini adalah satu bukti menunjukkan bahawa penyalin itu ialah seorang yang bertanggungjawab dalam bidang usahanya.

Naskhah C: Naskhah ini tiada dapat dikesan daripada siapakah telah diperolehi, kerana tiada didapati sebarang catatan mengenainya; keadaannya bolehlah dikatakan sudah terlalu uzur dan tiada dapat diagak berapa helaikah pada bahagian permulaannya telah berkecai-kecai, Pada keseluruhannya keadaan naskhah ini sudah begitu reput oleh "makan diri", kerana dakwat dari tulisan yang di sebelah telah meresap tembus ke sebelah yang lain, menyebabkan segala tulisannya menjadi gelap dan kabur. Jika kurang berhlmat-hlmat menyelak helai-helainya nescaya kertasnya rerak Sendiri dan menjadi cebisan-cebisan kertas.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Naskhah ini tiada berangka halaman, dan tidak seperti naskhah B, dalam naskhah C ini tiada tercatat sebarang tarikh menyatakan bilakah kerja menyalin itu selesai, nama penyalinnya pun tiada disebutkan; tetapi gaya tulisannya

amat baik yang membuktikan bahawa penyalinnya ialah seorang yang benar-benar ahli dalam bidang ini.

Apa yang menarik perhatian dalam naskhah C ini ialah mengenai kisah Hang Tuah. Seperti naskhah A dan naskhah B, dalam naskhah ini juga menceritakan pertikaman di antara Hang Tuah dengan Hang Jebat, tegasnya bukan dengan Hang Kasturi seperti dalam versi W.G. Shellabear, versi Munshi Abdullah, dan versi Raffles MS No. 18 lihat Teraan 5. Satu perkara yang bukan sahaja menimbulkan rasa hairan, bahkan mendukacitakan ialah dalam hal mengenai riwayat dari mana berasalnya Hang Tuah. Tatkala hendak merujuk kepada naskhah C ini inengenai suatu ayat yang agak mengelirukan dan serupa bunyinya pada kedua-dua naskhah A dan naskhah B lihat hal. 97 saya dapati beberapa helai telah hilang, khususnya mengenai kisah hubungan berbaik-baik yang dijalin di antara raja Melaka dengan raja Goa di Sulawesi hal. 93-97. Kehilangan helai-helai tersebut daripada naskhah C itu Teritu sahaja menimbulkan tanda tanya; tetapi bagaimanapun, orang yang melakukan perbuatan ini, walau siapa jua ianya, sudah pastilah mempunyai sesuatu muslihatnya Sendiri yang tersembunyi.

Naskhah C ini berakhir dengan kisah Tun Ali Hati dibunuh. Ayat-ayat terakhirnya berbunyi: " ... Maka disuruh oleh Sultan Mahmud bunuhlah Tun Ali Hati itu matilah. *Wa llahu a'lamu bis-sau'ab, wailaihil marji'u wal-ma'ab*; tamat al kalam, *taas-salam*, dan di akhlmya sekali huruf " م "

A. Samad Ahmad



دشمن تقدیر و تقدیر کرب کناپنکن بکنه ایفون مستهکان بود ایت سوره
 مانیه لاکم ۲ حاضر دشمن فکاین کسره ای بر دیری مجاہج جری دملین بوئین
 اهوئت خذک مری مهر اج سرعت کوی کفه بوان سوزن بوم بوجی بلا خرم رنقا
 لغ لونا مکت مان مونری بوان خکس کزین منا تغل درم دان بشران کت دان
 سخا یسان ران و کوم و جان روتب فلا ویکر کد دیوید فرا بودی کالامول
 عانی مالک مریا درم راج اذ راج فرج بسوزی کولده دمغ لیبرداون برکت
 دنمایین بطلایرتین اورغیج مجاہج جری درخدا بطلایرتیم درخدا انت چچو
 اصل اورغ مجاہج جری دهول کلا کندان تر مشهورله خذکل نوری بودامغ
 لیبرداون مندافت انت راج تک بر سود مری بوکیت ککتغ درخدا انت چچو
 راج لکندر ذوالقرنین مک دانغله فاته کواتغ راج منغکا بو کفامیغ دشمن کل
 فکاوین دان رعیت کلین منکلو ریح انت راج ایت هندف دراجاکنز
 دعالم منغکا بو مک اولده دمغ لیبرداون دبریکتن یثیر نام کزیر کسره دشمن
 سکین التز مک اوله فاته کواتغ دباوان کبانی کعالم منغکا بودراجاکنز
 دسان سلما بکند کرجان دعالم منغکا بو ایت مک باتغ جلاتغ هایم فون ترالو
 بسرد فر بوتکن تیغ بای بکند لاین درخدا انت چچو بکند یثیر سیاف دافت دودق
 دسان کلتان دان باتغ سلوکوری کن بالوهن دان باتغ فولته بالوهن
 کندغ دان رویغ کایغ دافت دخر بوتکن تران لمیغ مجادی فاکر کلتان
 بکند ایت کب ایتله عالم منغکا بو ایت دنمای فاکر رویغ یثیر کسره دانتغ

TERAAN 1
 Diturunkan daripada naskhah A
 Kisah Batala membacakan ciri. Lihat hal. 33.

حمد فون سکر هیلد بکند حکایه محمد سره تیتہ بکند فد تن اندر سکار کما
 کن فد سکل اتو توان ۲۰ ایت صدق فون کیت نکو اعی حکایه محمد خضیفه ماکه
 تیار کن او برانی سکل توان ۲۰ ایت سفره محمد خضیفه هاک جکا سفره حرم اوله
 خارغ برانین سبایتیل مک کیت بری حکایه حرم مک تن اندر سکار فون
 کلوراه ممبا و حکایه حرمه ایت مک سکل تیتہ سلطان احمد ایت کواش
 د سمینکن فد سکل تو توان ۲۰ مک سموات دیم مک ساهه تن ایستودنت
 اندر سکار افر کیم سکن کباوه دو بی بعد فون سکل تیتہ ایت هندی فون
 بعد فون سفره محمد خضیفه فاکل ۲۰ ایت سکلین سفره هیلالغ تیبیا چکو
 اد برانی دو بی بعد فون سفره محمد خضیفه فاکل ۲۰ ایت ادله سفره هیلغا
 لغن بنیار مک تن اندر سکار ماکو مذاق سکل سیم تن ایستو ایت کواش
 د فر کیم سکن کعد سلطان احمد مک بکند فون ترسیم مک تیتہ سلطان احمد
 مبرکت ایت مک د نکو اعی بکند حکایه محمد خضیفه سده هاری سیغ مک فرغی
 فون نایکد کداره مک احان احمد فون نایک کاجه جور و د مع نماه سربا
 او داد کفلا دان تن عید دینتوه مک بکند فون کلوراه د غن کل هیلالغ
 مک بر فرغله اور غلاک د غن فرغی ترلا نو ساید در قد سنه نمقت سکل
 هیلالغ مداک سکل فرغی فون اندور مک تمیل انفسو لبر کورک د غن
 سره سکل او بار سی سناغ بر سکلور د نمقت فد سکل در علاک بوث
 فلور و سناغ سفره کاجه حانه کیدی در قد ساغه نمقت اتو فون کد

فهدله فرغ مداک را لواند در مک سلطان احمد سو غن ترد سوبی دیاسر
 کاجه من مک اوله فرغی کاجه سلطان احمد دکنو غن دیبا کین ۲۰ مک سلطان
 حمد فون برلا کین تمبو د غن فرغی کسانا فونتا غن بکند لوره سدیکت
 مک اوله سلطان احمد دکنه اکلن تا غن مک تیتہ بکند اعی اتو مایلو یه تلم
 تا غن کیت سکل مایلمت تا غن سلطان احمد نوک ایت مک سکل هیلالغ ملا
 یو فون تمیل فون مک بر سکل د غن فرغی ایت د فون سکل مول فرغی
 سلفکر ایت تر صالح ۲۰ سنا ایتکه فنگکن فد چچو مک دیکه اوله چچو
 سربا کاهه چچون سکل ۲۰ مک ایتکه فنگکن د انقده کراج بر جاشن سکل
 باوالاری مک کاهه صالح الدین ان شاه انقه نقالی اورع لیمیل اولم مک
 ایقون فر کیم کلور مینر یکن سلطان احمد سکل ای مایلمت تا غن سلطان
 احمد نوک ایت مک صالح الدین فون تمیل کعد ان کاجه سلطان احمد برود
 فکن نمبو د غن فرغی مک دینکم اوله فرغی کناه او ان صالح الدین نوک
 کبلا کف ربه دالو مایم مانقه سکل فون هیلالغ مداک یغ فلیمن ماته سربا
 او دنا فون نوک ارین کناهتمه فرغی مک کاجه فون ددر اسکن سربا و دنا
 فون د او سغ اور غله دبا و کیمبال کرم من مکد سور او مک سلطان احمد
 لیمت فد جیب مک د وک اوله جیب د غن انکور سیره مک کات جیب ان سنا
 انقه نقالی تیار متقا و دغه د و باقی جکلور کوه بر سجوک ران ملسن
 سچای سربا او دنا مایم مک مداک سون الیله نایکی اوله فرغی د راجع

TERAAN 2

Diturunkan daripada naskhah A

Kisah pertempuran akhir perwira-perwira Melaka me nentang Peringgi. Lihat hal 368-369.

اوله ساکنه قلم بندسهارم
 بق دلت لاله فاجله
 رحيم الله انو بفتح ح و تاليف
 جسي فاجله و تاليف كارنيا ايوندا
 اوله بكنده تر جان در بوكت
 لالو كينتم در نيمت كسيف
 لالو ملاك اله ملاك اوله
 در نيمت لالوله كاجوه
 باج اوله فاجله و تاليف
 يات حيب واليم اطير
 تمت قيصر حيكات
 كفه هاري جمعت كفا و قمر
 جم فوكل ساپلس ايتم
 ادنا غما عجم
 النجدة كور
 كور يانقا النجدة
 امت اوتم
 كرتا مهر
 جاليدك
 بفتح مشوره
 اسه

TERAAN 4

Diturvknkan daripada naskhah B.

Halaman terakhir. Perhatikan nama penyalinn dan tarikh disalin.

Handwritten text in a dense, cursive script, likely a manuscript page. The text is arranged in approximately 15 horizontal lines, filling most of the page area.

Handwritten text in a dense, cursive script, likely a manuscript page. The text is arranged in approximately 15 horizontal lines, filling most of the page area.

TERAAN 6

Diturunkan daripada naskhah C.

Kisah Puteri Awi Kesuma memilih suami. Naskhah-naskhah A dan B tertinggal pada bahagian ini. Lihat halaman 160-164.

PROLOG

PERSOALAN mengenai sekitar asal-usul *Sulalatus Salatin* atau lebih terkenal sekarang dengan nama Sejarah elayu itu, sudah lamalah dipertikaikan oleh beberapa orang sarjana, terutama sekali sarjana-sarjana Barat, yang mempunyai segala kemudahan untuk mengkaji, meneliti dari membanding-bandingkan di antara sebilangan banyak naskhah *Sulalatus Salatin* yang ada tersirupan di luar tanahair, khususnya di Eropah. Di sini tidaklah munasabah rasanya menyentuh segala hujah dan pendapat para sarjana tersebut, kecuali pada hal-hal yang difikirkan perlu; dan ini pun dengan hanya berpegang kepada edisi-edisi yang telah dicetak dan diterbitkan.

Tidak ragu-ragu lagi bahawa rahsia mengenai asal-usul *Sulalatus Salatin* itu, adalah tersimpul di dalam isi mukadimah pengarang atau penyusunnya; dan dengan meneliti, menghalusi isi mukadimah dari naskhah-naskhah yang ayat-ayatnya tidak berkacau-bilau, maka tidaklah begitu sukar rasanya untuk memahami satu persatu maksudnya; ini bererti untuk menghuraikan segala sesuatu yang tersirat di dalamnya, haruslah diteliti halus-halus setiap ayat di dalam mukadimah itu. Bagi memenuhi maksud ini, maka dengan berdasarkan naskhah yang dijadikan asas panduan bagi edisi ini, saya turunkan ayat-ayat atau perenggan-perenggan yang berkenaan, serta cuba menghuraikannya dengan sedapat yang terupaya:

... pada suatu masa bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan Orang Besar-besar berSerida gurau. Pada antara itu ada seorang Orang Besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain. Maka berkata ia kepada fakir, "Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari



ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita-yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya.

Daripada ayat-ayat dalam perenggan di atas itu, dapat difahami bahawa timbulnya ura-ura atau hasrat mengenai penyusunan "Sulalatus Salatin", ialah di suatu majlis Orang Besar-besar . Orang Besar yang disebut telah mendengar "ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa" itu, tidak lain daripada yang Dipertuan di Hilir, Sultan Abdullah Ma'ayah Syah. Di samping itu ada dua rangkai kata dalam perenggan ini, yang dianggap mengandungi rahsia dan boleh dipersoalkan, iaitu pertamanya: "Ada Hikayat Melayu ", dan yang keduanya: "Dibawa orang dari Goa".

Oleh adanya perkaitan di antara perkataan "Hikayat Melayu", itu dengan ayat " ... barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya", maka dapat difahami bahawa "Hikayat Melayu" adalah merupakan sebagai inti dari "Sulalatus Salatin". Dengan lain-lain perkataan, bahawa nenek moyang yang asal yakni naskhah asal "Sulalatus Salatin", adalah berintikan sebuah naskhah hikayat yang bernama "Hikayat Melayu". Tidaklah pula diketahui, adakah naskhah yang tersebut itu, merupakan satu-satunya naskhah "Hikayat Melayu"; atau adakah seperti lain-lain hasil sastera Melayu lama, iaitu selain daripadanya ada beberapa buah lagi salinan yang serupa dengannya. Terbitnya rasa keraguan ini ialah, kerana daripada perkataan " ... ada Hikayat Melayu" itu, seolah-olah membawa pengertian bahawa "Hikayat Melayu" itu sudah sedia diketahui adanya, jika tidak pun sudah sedia terkenal pada zaman itu.



Dalam bidang kesusasteraan Melayu lama, apabila disebut "hikayat", maka dengan serta-merta tergambarlah kepada kita betapa bentuk keadaannya, iaitu tiada mempunyai bab atau bahagian, tiada mempunyai perenggan, tiada mempunyai tanda-tanda berhenti, melainkan berselerak dengan perkataan "maka" dan ada pula pada bahagian-bahagian yang terTeritu menggunakan perkataan-perkataan: "arakian"; "hatta", "kata sahibul hikayat" dan sebagainya. Sebagaimana bentuk hasil-hasil sastera Melayu lama yang bernama "Hikayat", termasuklah juga "Hikayat Melayu" itu,

maka naskhah-naskhah "Sulalatus Salatin", juga tidak berubah bentuk keadaannya daripada yang sedemikian itu. Hanya sesudah melalui edaran zaman lebih dua abad terkemudian daripada zaman penciptaannya, iaitu sesudah naskhah-naskhah itu disunting, dicetak dan diterbitkan menjadi edisi tidak terkecuali edisi ini], bamlah berubah bentuknya, dengan tersusun kepada beberapa bab atau bahagian, diadakan perenggan-perenggan serta tanda-tanda baca dan sebagainya. Mengenai "Sulalatus Salatin", sehingga namanya pun bukan asli lagi, bahkan telah diubah oleh pihak yang terTeritu kepada *Sejarah Melayu*.

Sekarang kita beralih pula kepada persoalan yang satu lagi, iaitu mengenai rangkaian kata "Dibawa orang dari Goa". Di sini timbul tanda tanya: "Goa" yang mana? Ada dua "Gua" yang pernah dipertikaikan oleh para sarjana Barat dengan alasan-alasan terTeritu, iaitu Goa Portugis di India dan Goa yang ada di negeri Pahang. Namun begitu tidak pula dinafikan bahawa pernah juga ditimbulkan nama Goa di Sulawesi sebagai satu kemungkinan, tetapi hanya sebagai lintasan sebutan semata-mata, seolah-olah kemungkinan itu dipandang sepi dan Harus diketepikan sahaja. Dalam perkara ini sungguh menghairankan, kerana rasanya tak mungkin para sarjana tersebut tidak mengetahui wujudnya Goa sebagai sebuah negeri atau kerajaan yang pada suatu zaman dahulu amat terkenal di tanah Bugis itu lihat peta di hal. 95.

Sehingga ini seolah-olah sudah menjadi penerimaan yang mutlak, bahawa dari Goa Portugis di India itulah "Hikayat Melayu" dibawa ke Johor pada T.M. 1612 itu; tetapi seperti juga beberapa perkara berhubungan dengan sejarah, yang kesimpulannya dibuat dari anggapan dan dugaan boleh dipertikaikan, maka demikianlah juga perkara ini dapat dipertikai untuk dipertimbangkan.



ديوان بهاس دان قوستاکے

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Menurut kelaziman berlaku dalam masa peperangan, kerja atau usaha-usaha untuk mencari atau memperoleh naskhah-naskhah, bukanlah menjadi keperluan utama. Usaha-usaha untuk mendapat dan mengumpulkan naskhah-naskhah itu, walaupun ada di antara golongan penyerang itu yang benar-benar meminatinya, hanya dijalankan sesudah pihak pelanggar atau penyerang sesebuah negeri itu menang, sudah merasai diri mereka selamat dan bertapak kuat. Demikianlah, sesudah

Kesultanan Melaka jatuh ke tangan Portugis dalam T.M. 1511, mungkin ada sesuatu golongan di dalam angkatan perang Portugis itu yang benninat, telah menghimpun segala naskhah-naskhah Melayu yang ada tertinggal di istana-istana dan tiada sempat dibawa berundur, naskhah-naskhah itu mungkin telah dikumpulkan bersama-sama dengan segala khazanah rampasan dari Melaka yang hendak dibawa oleh Albuquerque ke Goa, tetapi malangnya kapal-kapal Albuquerque yang sarat membawa segala khazanah rampasan itu Teriggelam dalam pelayaran, tidak sampai ke Goa. Ini bererti kalau ada pun naskhah-naskhah Melayu yang hendak diangkut keluar itu telah musnah, Teriggelam kedaras laut.

Dalam T.M. 1536 angkatan Teritera Portugis telah mudik arah ke ulu Sungai Johor dan telah menirupakan kerugian yang sebegitu teruk ke atas orang Melayu, sehingga menyebabkan raja Melayu itu minta damai, lalu pindah bersemayam di Muar lihat *History of Malaya*, Winstedt, hal. 76. Sir R.O. Winstedt menduga bahawa dalam peristiwa itulah naskhah Hikayat Melayu yang masih belum selesai itu, dibawa pergi oleh salah seorang askar Portugis.

Di sini menimbulkan persoalan, iaitu di tempat yang dikatakan askar Portugis itu menjurupai naskhah "Hikayat Melayu" seperti dugaan di atas, tidak mungkin tiada terjurupa lagi naskhah-naskhah lain, seperti naskhah-naskhah hikayat, kitab-kitab agama dan lain-lain lagi bersama-sama di situ. Sudah Teritulah askar Portugis tersebut membawa pergi kesemua sekali naskhah-naskhah yang ada itu, bukan hanya dipilihnya naskhah "Hikayat Melayu", yang menurut Winstedt, merupakan sebuah naskhah yang belum selesai .tu, untuk diangkut ke Goa India. Ini menimbulkan keraguan, mengapakah pedagang atau pelaut Melayu yang pergi ke Goa itu sesudah 76 tahun kemudian, tidak membeli dan membawa balik kesemua naskhah-naskhah yang ada di Goa itu, iaitu oleh memandang kepada naskhah-naskhah demikian, lebih-lebih lagi jika naskhah-naskhah itu diketahui sebagai rampasan dari dalam istana, Teritu sahaja laris dan mudah dijual. Mengapa pula dipilihnya naskhah "Hikayat Melayu" itu sahaja untuk dibawanya balik?

* * * *

Berdasarkan naskhah yang diturunkan menjadi edisi ini, dapat kita memahami bahawa perhubungan muhibah di antara Goa di Sulawesi dengan Melaka sudah terjalin sejak dari zaman kerajaan Sultan Mansur Syah di Melaka lihat hal. 93-97. Mungkin juga seperti orang-orang dari pulau-pulau Sumatera dan Jawa pada zaman itu, orang-orang dari tanah Bugis itu juga sudah agak ramai datang dan tinggal di Melaka. Hubungan ini terbukti berterusan sehingga ke masa kebelakangan. Para pelayar, pelaut dan peniaga dari negeri-negeri di Sulawesi itu tidak putus-putus berulang datang ke Semenanjung ini; bukan sekadar itu sahaja, malah dengan melalui aliran sejarah, ikatan perhubungan muhibah di antara kedua pihak itu telah terjalin dengan lebih erat lagi melalui hubungan semenda-menyemenda, bukan sahaja di kalangan golongan rakyat, bahkan di kalangan raja-raja pemerintah.

Jika kita berpegang kepada pendapat bahawa naskhah "Hikayat Melayu", iaitu inti kepada "Sulalatus Salatin" itu sudah dalam penyusunan sejak dan zaman Kesultanan Melaka, dan dianggap sempat dibawa berupdur keluar, yakni diselamatkan tatkala Melaka jatuh ke tangan Portugis, dan seterusnya walaupun naskhah itu tidak dibawa dari Melaka terus ke Goa di Sulawesi, tetapi mungkin di sepanjang masa pengunduran itu telah dibawa ke beberapa tempat lain, pada akhirnya tidaklah boleh dikesuali atau dinafikan sama sekali, bahawa naskhah tersebut telah dibawa ke Goa di Sulawesi itu. Kemudian, pada zaman pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah III bemegeri di Pekan Tua dalam edisi lain ada yang menyebut Pasir Raja, dan ada pula menyebut di Pasai, naskhah itu telah "dibawa orang dari Goa" ke Pekan Tua,



Di sini haruslah difahami bahawa sehingga ke masa sebelum Perang Dunia Pertama, ada di antara golongan bangsawan dan hartawan Melayu yang benar-benar meminati hasil-hasil sastera Melayu lama, khususnya hikayat-hikayat, sanggup mengupah orang, membekalkan wang dan makanan dengan secukupnya serta menyewakan perahu tongkang untuk pergi mencari dan membeli hikayat-hikayat yang belum dikarang, ataupun hikayat-hikayat yang salinannya belum ada di dalam milik mereka. Usaha mencari hikayat-hikayat ini hingga sampai ke negeri Minangkabau dan ke Pulau Jawa. Peminat-peminat tersebut akan berpuashati, sekalipun hasil yang diperolehinya

dan usaha orang yang diupah itu hanya merupakan sebuah hikayat yang belum ada di dalam miliknya. Demikianlah halnya dengan orang yang membawa naskah "Hikayat Melayu" dari Goa di Sulawesi itu, walaupun hanya sebuah naskah itu sahaja yang dibawanya kePekan Tua atau Pasir Raja, namun ia merasa yakin bahawa ia akan mendapat harga jualan yang lumayan.

* * * *

Selanjutnya kita beralih pula ke suatu perenggan lain dalam mukadimah itu:

"Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratlah atas anggota fakir allazi murakkabun 'alajahlihi, Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannya, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Puridan¹ qaddasa l-lahu sirrahum; Melayu bangsanya, dari Bukit Si Guntang Maha Miru; malakat; negerinya Batu Sawar Darul Salam.

Ayat-ayat di atas adalah membayangkan bahawa setelah mendengar demikian titah rajaanya, maka pengarang atau penyusun "Sulalatus Salatin" itu merasai dirinya berhadapan dengan suatu tugas yang berat; tetapi bagaimanapun, adalah menjadi tanggungjawabnya memenuhi hasrat rajanya itu. Dan sebagai seorang yang mempunyai penuh rasa tanggungjawab atas karyanya, maka beliau bukan sahaja menyatakan nama dan jawatan, iaitu namanya Tun Muhammad, timang-timangannya Tun Seri Lanang, dan jawatannya Bendahara, bahkan menyatakan juga bangsanya, asal nenek moyangnya, bermula

ديوان بهاس دان قوستاکے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

1. Jika disemak nama-nama zuriat Bendahara Seri Maharaja dan kakandanya, Seri Nara Diraja lihat hal. 192-196, neseaya menimbulkan keraguan, kerana seolah-olah membawa erti bahawa cucu Seri Nara Diraja berkahwin dengan piut Bendahara Seri Maharaja dan beranakkan Tun Seri Lanang. Dalam edisi ini ada menyebut juga Bendahara Seri Maharaja banyak anaknya lihat hal. 193, tetapi yang dinyatakan hanya empat orang sahaja; nama Tun Abdul Karim dan Tun Jenal lihat hal. 243 tiada disebut. Kekeliruan ini jelas menunjukkan bahawa galur keturunan ini ditokok tambah oleh orang yang kemudian dari Tun Seri Lanang yang telah samar-samar pengetahuannya dalam hal itu. Bukti yang menunjukkan tokoh tambah yang kemudian itu, ialah nama-nama disebutkan hingga kepada cicit Tun Seri Lanang, sementara tiga orang anak Tun Seri Lanang telah berjawatan Bendahara pula.

dari Bukit Si Guntang MaHaruitu, kemudian ke Melaka, dan negerinya ialah Batu Sawar Darul Salam.

Seterusnya ayat-ayat dalam perenggan itu berbunyi:

"Tatkala hijratu l-nabiyi salla 'Oahu 'alaihi wa sallama seribu dua puluh tahun kepada tahun Dal, pada dua belas haribulan Rabi'ul Awal, kepada hari KHaruis, waktu al-duha, pada ketika syamsu, pada zaman kerajaan Seri Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah zillullahi fil-'alam,² diikuti dengan susur-galur baginda serta puji-pujian dalam bahasa Arab. Sedang baginda bemegeri di Pekan Tua³, dewasa itulah datang Hamba Seri Narawangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja, Petani; mejunjungkan titah Yang Dipertuan di Hilir, Sultan Abdullah Ma'ayat Syah ibni Sultan 'ala Jalla Abdul Jalil Syah, diikuti dengan beberapa pujian dalam bahasa Arab dan pengertiannya dalam bahasa Melayu demikian bunyinya titah Yang Maha Mulia itu: "Bahawa beta Minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara, peri persetua dan peri petuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali; supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu; syahadan beroleh faedahlah ia daripadanya."

Daripada keterangan di atas dapat kita ketahui tarikh, tahun, bulan dan hari edisi Raffles MS. No. 18 menyebut hari Ahad sehingga ke saat dan ketikanya, titah Yang Dipertuan di Hilir, Sultan Abdullah Ma'ayat Syah, disampaikan secara rasmi kepada Tun Seri Lanang. T.H. 1021, 12 Rabiul Awal, yang disebutkan itu ialah bersamaan dengan 13 Mei 1612⁴.

Dalam ayat " ... dewasa itulah datang Hamba Seri Narawangsa ... ", ternyata ada berlaku kekhilafan penyalin, iaitu tertinggal perkataan "kepada". Ayat itu seharusnya berbunyi " ... dewasa itulah datang kepada Hamba, Seri Narawangsa ... " Perkataan "petuturan" yang terdapat pada Hampir ke-

2. T.M.1597-1613.

3. Di daJam edisi ini ada menyebut: "setelah beberapa lamanya Sultan Mahmud di Pahang, lalu berangkat ke Johor, duduk di *Pekan Tua*, membuat kota kara" lihat hal. 254. Ini adalah meragukan, kerana tidak dapat dipastikan tempatnya. Adakah Pasir Raja, ataukah Batu Sawar seperti yang disebut oleh Tun Sed Lanang sebagai negerinya itu, dikenali juga dengan nama Pekan Tua? Atau adakah pengertiannya sama seperti "Kampung Baru" yang kini ada banyak di menta tempat itu?

4. Lihat *JMBRAS* vol. XVI, Part m, 1938 hal 35.

semua naskhah "Sulalatus Salatin" itu telah lama diperbincangkan oleh para sarjana, iaitu apabila mereka membicarakan persoalan mengenai karya tersebut, dan ramai yang bersetuju mengatakan bahawa perkataan itu ialah "peraturan". Tetapi oleh kerana boleh dikatakan kesemua naskhah-naskhah itu, tidak terkecuali naskhah yang diturunkan menjadi edisi ini, menyebut "petuturan" (فتوران) maka pengertian perkataan ini haruslah dihalusi lagi, kerana mungkin sebutan seperti yang tertulis itu betul. Dalam persoalan ini, selain daripada pengertian "peraturan" itu ada dua kemungkinan lagi, iaitu: Pertama mungkin perkataan "petuturan" pada zaman itu digunakan dalam bahasa Melayu sebagai istilah yang bermaksud "salasilah" dalam bahasa Arab; dan kedua mungkin dimaksudkan "mempertuturkan" atau dalam perkataan seperti yang biasa digunakan sekarang "memperkatakan"; yang demikian hikayat yang dikehendaki oleh Yang Dipertuan di Hilir itu, ialah "mengandungi peristiwa-peristiwa, dan memperkatakan perihal raja-raja Melayu serta dengan adat istiadatnya sekali."

Kesimpulan dari kata-kata yang melahirkan tujuan Yang Dipertuan di Hilir minta perbuatkan hikayat tersebut, adalah mengandungi erti yang dalam serta mudi maksudnya, "Supaya diketahui oleh segala anak cucu kita ... diingatkan oleh mereka ... beroleh faedah ia daripadanya." Kata-kata ini bermaksud supaya segala "kita" yang terkemudian, mengambil ingatan: "Yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan serupadan, maka dengan demikianlah 'kita' sekalian kelak beroleh faedah."



Setelah fakir allazi murakkabun 'ala jahlihi maka fakir perkejutlah diri fakir pada mengusahakan dia, syahadan mohonkan taufik ke hadrat Allah, Tuhan sani'il - 'alam, dan minta huruf kepada nabi sayyidul 'alam, dan minta ampun kepada sahabat yang akram; maka fakir karanglah hikayat ini karena zooni' tuhu min jaddi wa abi, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namai hikayat ini "Sulalatus Salatin" yakni "Pertuturan Segala Raja-raja".

Pada ayat pertama dari sebahagian perenggan yang terakhir mukadimah itu sekali lagi terdapat kekhilafan penyalin,

iaitu ternyata ada perkataan tertinggal antara perkataan "ala jahlihi" dengan perkataan "maka fakir perkejutlah ..." Ayat itu mungkin berbunyi: "Setelah fakir allazi murakkabun 'ala jahlihi *mendengar titah Yang Maha Mulia itu*, maka fakir perkejutlah ... "

Seterusnya dari perenggan ini dapat difahami bahawa setelah mendengar titah itu, maka Tun Seri Lanang pun menggerakkan segenap daya upaya dengan penuh azam, sambil memohon petunjuk dari Allah dan syafaat dari nabi, lalu mengarang hikayat yang dinamainya *Sulalatus Salatin*, yakni "Petuturan Segala Raja-Raja", sebagai yang didengarnya daripada aki atau datuknya dan bapanya, iaitu supaya menyukakan rajanya itu.

Apabila Tun Seri Lanang menyebut bahawa karyanya itu ditujukan "untuk menyukakan rajanya", maka kita dapat menduga bahawa sudah semestinyalah ditulis dan disusunnya dengan begitu teliti dan berhati-hati benar, sehingga pada penilaiannya Sendiri karyanya itu sudah cukup sempurna.

Di sini jelas juga kepada kita bahawa ada sebuah sahaja naskhah asal atau naskhah sulung *Sulalatus Salatin* yang ditulis dengan tangan Tun Seri Lanang Sendiri; tetapi sejak dari terciptanya naskhah sulung *Sulalatus Salatin* itu, maka terdapat sebilangan banyak naskhah-naskhah salinannya, dan tiap sebuah ada berselisih atau berbeza sedikit sebanyak dengan naskhah yang lain, bukan sahaja perbezaan Teritang nama orang, tempat, perkataan, bahkan jalan ceritanya juga berbeza-beza; sehingga menyebabkan seTerigah-seTerigah sarjana yang mengkaji dan menyelidiki karya itu, apabila membandingkan dengan naskhah-naskhah yang ada, merasai ragu-ragu Teritang beberapa perkara, umpamanya, siapakah pengarang atau penyusunnya yang sebenar? Di manakah naskhah asal itu Teritang? Mana satukah di antara naskhah-naskhah itu yang tertua? Sebanyak manakah isi "Hikayat Melayu" yang dibawa orang dari Goa itu, ditokok tambah oleh Tun Sed Lanang? Seterusnya berapa banyak lagi yang ditokoktambah, dipinda dan sebagainya oleh orang-orang yang terkemudian daripada Tun Seri Lanang? Di samping itu berapa banyak pula yang ditokok-tambah dan diubah-pinda oleh penyalin-penyalin yang berlagak memandai-mandai mengubah mengikut sedap Sendiri dan tiada bertanggungjawab?

Sebabnya maka berlaku perbezaan-perbezaan itu, sehingga menimbulkan keraguan seperti yang disebut di atas, memang mudah difahami, iaitu teru tama sekali disebabkan berbagai kelemahan, bahkan kebalan penyalin-penyalin yang menyalin dari satu naskhah ke satu naskhah lain, dan begitulah berterusan melalui sepanjang peredaran zaman sejak dari terciptanya naskhah sulung *Sulalatus Salatin* itu.⁵

Dalam perkara ini hendaklah difahami bahawa penyalin-penyalin itu bukanlah kesemuanya ahli dalam bidang tulis-menulis; ada di antara naskhah-naskhah itu didapati seolaholah penyalinnya belum berapa mahir menulis, kerana ejaannya banyak yang salah dan tulisannya pun seperti 'cakar ayam'. Harus juga difahami bahawa kerja menyalin sesebuah naskhah itu hanya sebagai kerja sambilan sahaja, sedangkan kerja itu memerlukan ketekunan dan kesabaran. Sesebuah naskhah seperti naskhah ini, memerlukan seseorang penyalin yang mengambil masa berbulan-bulan lamanya; yang demikian sudah Teritulah menimbulkan rasa jemu dan bosan, dan ini membawa kepada kecuaiian dan melakukan kekhilafan.

Selain dari itu adalah menjadi kebiasaan pula kepada penyalin-penyalin naskhah, tidak mahu ada sebarang kecacatan pada naskhah yang mereka salin itu; keranjika ada sebarang cacat, comot atau kotor, boleh menyebabkan kurang nilai naskhah itu apabila dijual atau disewakan kelak; maka sebab itulah penyalin-penyalin itu membiarkan sahaja, tidak mahu memotong, memadam atau membetulkan sebarang kekhilafan sama ada pada susunan ayat, ejaan, tertinggal atau sebagainya, sekalipun mereka sudah mengetahui dengan pasti di mana tempat-tempat kekhilafan itu berlaku. Ini ialah kerana lazimnya segala hasil sastera Melayu lama itu ialah untuk dinikmati oleh pendengar-pendengarnya; oleh itu suara, gaya dan kelimearan bacaan si pembaca adalah lebih penting kepada para pendengar itu daripada mengambil tahu Teritang salah khilaf apa-apa yang tertulis di dalam naskhah. Segala apa yang disebutkan di atas itu tidak juga terkecuali penyalin naskhah yang menjadi asas panduan bagi edisi ini, kerana memang ada

5. Huraian lanjut mengenai *Sulalatus Salatin*, dan persoalan-persoalan yang menimbulkan keraguan pada sarjana mengenainya sila lihat A. Samad Ahmad, *Kesusasteraan Melayu II* hal. 62-73, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1965. Lihat juga Epilog.

terdapat beberapa kekhilafannya, malah pada satu tempat dalam naskhah tersebut ada tertinggal lebih dari satu halaman.

* * * *

Akibat daripada segala kelemahan penyalin-penyalin itu, dengan tulisannya yang buruk dan salah ejaan, maka apabila sesebuah naskhah itu diusaha untuk dijadikan edisi, jika kurang-kurang teliti penyuntingnya memahami sesuatu perkataan yang tertulis di dalam naskhah itu, nescaya terjadilah kekeliruan dalam pengertiannya.

Satu contoh menunjukkan kekeliruan penyunting memahami perkataan dari tulisan penyalin itu ialah mengenai perkataan "kelengkapan" dalam cerita yang kedua puluh lima edisi Shellabear⁶ dan juga edisi Munshi Abdullah,⁷ iaitu mengenai peristiwa pembunuhan Telanai Terengganu. Ayat yang berkenaan itu berbunyi: Maka raja Pahang pun tersenyum; titah baginda, "Adapun Telanai Terengganu kita suruh bunuh itu sebab biadab mulutnya, mengata-ngata negeri Melaka di bawah *kelengkapannya*." Perkataan kelengkapannya itu, yang sebenarnya ialah *kelangkangannya*. Sungguhpun perbezaan di sini hanya antara huruf ق dengan huruf غ, tetapi dalam pengertian adalah jauh bezanya; kerana jika sekadar mengatangka negeri Melaka di bawah *kelengkapannya*, tidaklah rasanya mematutkan Telanai itu dibunuh; di sebaliknya kalau Telanai Terengganu mengata-ngata negeri Melaka di bawah kelangkangannya, ini adalah satu penghinaan besar terhadap kerajaan Melaka, dan sepatutnya dia dihukum demikian.

* * * *



Begitulah satu contoh yang menunjukkan betapa kurang telitinya seseorang penyunting dalam memahami sesuatu perkataan dari naskhah-naskhah yang penyalin-penyalinnya banyak mempunyai kelemahan, terutama sekali tulisannya buruk

6. Lihat *Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, W.G. Shellabear, Edisi Ketiga, 1977 hal. 136.

7. Lihat *Sejarah Melayu*, edisi ABDULLAH ibn Abdulkadir Munsji, Jakarta: Djambatan lihat hal. 200.

dan ejaannya terlalu banyak yang salah. Namun begitu kekhilafan penyunting dari satu contoh seperti yang disebutkan di atas itu, tidaklah sebegitu berat jika dibandingkan dengan suatu kekhilafan terTeritu, yang begitu keliru dan mengelirukan dalam sejarah. Kekhilafan ini ialah mengenai gelaran "Sultan Megat" sebagaigelaran bagi raja Melaka yang kedua, iaitu seperti yang disebutkan di dalam teks Raffles MS No. 18. Ayat itu berbunyi:

"Maka datanglah peredaran dunia, maka Sultan Iskandar Syah pun mangkatlah, maka anakanda baginda Raja Kecil Besarlah Kerajaan menggantikan ayahanda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Megat."

"Adapun Tun Perpateh Tulus pun sudah hilang; maka anaknya jadi Bendahara. Maka Sultan Megat beristerikan anak Bendahara, maka baginda beranak tiga orang laki-laki bernama Radin Bagus, seorang bernama Radin Terigah, seorang bernama Radin Anum. Setelah dua tahun lama baginda di atas kerajaan, maka Sultan Megat pun mangkatlah"⁸

Dalam ulasannya mengenai: tarikh, pengarang dan pengenalan rangka asal "Hikayat Melayu", Winstedt dalam satu perenggan menyebutkan sekali lagi nama "Sultan Megat", demikian bunyinya:

Menurut edisi 1612 Sh. hal. 60 Iskandar Syah, raja Singapura yang akhir dan raja Melaka yang pertama, telah digantikan oleh puteranya Raja Besar Muda *passim*: menurut naskhah Blagden puteranya itu bukan Besar Muda tetapi "Kecil Besar bergelar Sultan Megat" (ماکت). Istimewa lagi memandangkan kepada makalah Dr. Callenfels JRASMB Vol. XV. Part II, 1937 menyatakan bahawa Parameswara Raja Melaka yang pertama memakai suatu gelaran yang menunjukkan dia berketurunan lebih rendah daripada isterinya, ini adalah menarik perhatian: seorang Megat ialah anak seorang kebanyakan dari isterinya seorang raja, seperti yang penyunting di Johor pada tahun 1612 itu harus tahu.⁹

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Demikian Winstedt dengan berpandukan teks Raffles MS. No. 18, mengemukakan alasan bahawa raja Melaka yang

-
8. Lihat *JMBRAS* Vol. XVI, Part III, 1938 hal. 82
 9. *Ibid* hal. 32.

kedua itu ialah keturunan Megat, sebab gelaran baginda "Sultan Megat". Maka itu tidak hairanlah kiranya ada seTerigah-seTerigah sejarawan dan para penuntut dan peminat sejarah, mengenali nama Sultan Iskandar, raja Singapura yang akhir juga raja Melaka yang pertama, sebagai Megat Iskandar. Ini ialah kerana apabila anak itu seorang Megat, maka sudah semestinyalah ayahnya juga Megat. Tetapi, malangnya, Winstedt seolah-olah terlupa, bahawa adalah menjadi resam semula jadi orang Melayu, tidak pernah menonjol-nonjolkan nama atau gelaran bagi raja pemerintah atau Sultan mereka dengan sesuatu nama atau gelaran yang membawa pengertian lebih rendah darjat keturunannya daripada keturunan raja; malah seseorang Sultan atau raja pemerintah bagi sesebuah negeri yang berketurunan Daeng dari Bugis, tidak pernah memakai gelaran "Sultan Daeng", maka kerana itu tidak mungkin adanya gelaran "Sultan Megat" itu.

Punca yang menyebabkan kekeliruan ini tidak syak lagi, seperti yang telah terdahulu disebutkan, iaitu kerana penyunting kurang teliti dalam memahami bunyi perkataan yang dianggapnya "Megat" itu. Ejaan *مکات* yang dimaksudkan di sini sebenarnya ialah "makuta" atau "makota" iaitu perkataan yang berasal dari bahasa Sanskrit "mukuta"; sesudah lama kemudian, bunyi sebutan perkataan ini berubah kepada "mahkota". Sebagai kesimpulannya, bahawa gelaran bagi raja Melaka yang kedua itu bukan "Sultan Megat", tetapi ialah "Sultan Mahkota",

Patut juga ditegaskan di sini bahawa sebutan "Sultan Mahkota" itu masih lagi dipakai sehingga ke hari ini; sebagai bukti yang jelas, perhatikan baris pertama dalam Lagu Kebangsaan negeri Kedah yang berbunyi: "Allah Selamat Sultan Mahkota".



A. Samad Ahmad

BISMILLAHIR-RAHMANIR-RAHLM

ALHARUDU lillahi Rabbil alamin allazi la ila ha illa huwa wa kana fil awwali wala syaiaa ma 'ahu. Segala puji-pujian bagi Allah, yang tiada Tuhan hanya Ia, dan adalah Ia pada azal, tiada sesuatu jua pun serta-Nya, *Wahuwal-abadinyu as-samadiyu mudabbiruhu biyadihi summa khalaqal-khalaiqa wala hajatalahu.* Dan Ialah Tuhan yang abadi, lagi Sentiasa ada-Nya, dan tiada suatu jua pun kemudian. Dijadikan-Nya segala makhluk, dan tiada hajat bagi-Nya. *Wa lamma arada izhara rububiyatihi fakhalaqal-nura habibihi wa min zalikal-nuri khalaqal-anbiya 'a wa rafa 'a rutbatahu.* Maka tatkala Ia hendak menyatakan ketuhanan-Nya, maka dijadikan-Nyanur kekasihNya, dan daripada nur itulah dijadikan-Nya segala anbia' dan diperangkat-Nya martabat-Nya. *Wastafa minhum adama liyuzhira nurahu falizalika sajadal-mala'ikatu kulluhum lahu.* Daripada anbia' itu Nabi Allah Adam, supaya menyatakan nur kekasih-Nya; maka dari kerana itulah sujud sekalian malaikatakan dia. *Wa akhrajahu minal-jannati kana fih hikmatuhu wa tafadhdhala alaihi bir-rutbatil-ulya fasara khalifat.* Dan dikeluarkan-Nya ia dari dalam syurga, adalah dalamnya hikmatNya, dan dianugerahi-Nya akan dia martabat yang tinggi, maka jadilah ia akan khalifah-Nya di bumi, *Subhanal-lazi tafarradha bil uluhiyati wa kana lahu wa yufnil-khala'iqu, ba'da khalqih summa yu 'iduhu.* Maha sud bagi Allah yang tinggi ketuhananNya, dan tiada sekutu bagi-Nya, dan lagi akan difanakan-Nya segala makhluk, kemudian dijadikan-Nya: maka dikembali-



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

kan pula. *Asyhadu alla ilaha illallah wa asyhadu anna Muhammadan abduhu wa rasuluh*. Naik saksi aku bahawasanya tiada Tuhan hanya Allah, esa Ia, dan tiada sekutu bagi-Nya, Bahawa Nabi Muhammad itu Hamba-Nya, lagi pesuruh-Nya. *Allahumma salli wa sallim 'ala saiyyidina sahibilliwa 'il-Harudi wa maqamil-mahmud, wa 'ala alihi wa ashabihilfa'izina biyadihil-malakutu wa linailil-maqsudi*. Ya Tuhanku, anugerahi kiranya rahmat dan sejahtera akan penghulu kami Muhammad, yang mempunyai *liwa il-Harudi*, dan yang mempunyai syafaat dan rahmat Allah dan salawat atas segala sahabatnya yang berbahagia, dengan membanyakkan sehabis-habis kuasanya pada menghasilkan maksudnya, iaitu pada keredaan Allah Taala.

Menjunjung Titah Raja

Wa ba'adahu adapun kemudian dari itu telah berkata fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya, dan singkat pengetahuan ilmunya; dan pada suatu masa bahawa fakir duduk pada suatu majlis dengan Orang Besar-besar berSerida gurau. Pada antara itu ada seorang Orang Besar, terlebih mulianya dan terlebih besar martabatnya daripada yang lain. Maka berkata ia kepada fakir, "Hamba dengar ada Hikayat Melayu dibawa oleh orang dari Goa; barang kita perbaiki kiranya dengan istiadatnya, supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, dan boleh diingatkan oleh segala mereka itu. Dan adalah beroleh faedah ia daripadanya."

Setelah fakir mendengar demikian, jadi beratalah atas anggota *fakir allazi murakkabun 'ala jahlihi*, Tun Muhammad namanya, Tun Seri Lanang timang-timangannva, Paduka Raja gelarannya, Bendahara, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja, cicit Bendahara Tun Narawangsa, piut Bendahara Seri Maharaja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, anak baginda Mani Purindan *qaddasallahu sirrahum*, Melayu bangsanya, dari Bukit Si Guntang MaHaruiru, Malakat, negerinya Batu Sawar Darul 'I-salam. Demikian katanya: "Tatkala *hijratul-nabiyyi sallallahu 'alaihi wa sallama* seribu dua puluh satu tahun, kepada tahun Dal, pada dua belas haribulan Rabiulawal, kepada hari Khamis, waktu alduha, pada ketika syamsu, pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan Alau'd-Din Riayat Syah *zillullahu fil-alam*, anak Sultan 'Ala Jalla Abdul Jalil Syah, akhi Sultan Muzaffar Syah ibni Sultan Alau'd-Din

A-3

Ri'ayat Syah, ibni Sultan Mabmud Syah, cucu Sultan Alau'd-Din Syah, cicit Sultan Mansur Syah, piut Sultan Muzaffar Syah, anak Sultan Muhammad Syah almarhum; *Khalladallahu mulkahu wa sultanahu wa abbada 'adlahu wa ihsanahu*. Sedang baginda bemegeri di Pekan Tua, * dewasa itulab datang kepada Hamba, ** Seri Narawangsa yang bernama Tun Bambang, anak Seri Akar Raja, Petani; menjunjungkan titab Yang Dipertuan di Hilir, Sultan Abdullab Ma'ayab Syah ibni Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah, *fainna syarafal-makan uial-zaman*, Maka ia sesungguhnya kemuliaan tempat dan zaman, *wa zainul-majalisi ahlul-iman*; dan ia perhiasan segala keduduk"an orang yang beriman; *uumurul 'madarijal-ta'ati wal-ihsan*; dan ia menerangi segala pangkat taat dan kebajikan: *zayyada fadlahu wal-imtinan*, dan ditambahi Allah Taala kiranya ia kemuraban dan kelebihan; *wa abbada 'adldhu fi sa'iril-buldan*, dan dikekalkan Allah kiranya ia dengan adilnya pada segala negeri, demikian bunyinya: Titah Yang Maha Mulia itu, "Bahawa beta minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara peri persetua dan peri petuturan raja-raja Melayu dengan istiadatnya sekali; supaya diketahui oleh segala anak cucu kita yang kemudian daripada kita, diingatkannya oleh mereka itu; Syahadan beroleh faedahlah ia daripadanya. "

Setelah fakir *allazi murakkabun 'ala jahlihi* mendengar titah Yang Maha Mulia itu*** maka fakir perkejutlah diri fakir pada mengusahakan dia, syahadan mohonkan taufik kehadiran Allah, Tuhan *sani'il-'alam*, dan minta huruf kepada nabi *sayyidil-anam*, dan minta ampun kepada sahabat yang akram; maka fakir karanglah hikayat ini, *Kama sami'tuhu min jaddi wa abi*, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namai hikayat ini "Sulalatus Salatin", yakni petuturan segala raja-raja, *Hazihi durratul-akhbar, uial-amsal*, inilah mutiara segala ceritera dan cabaya segala peri umpamanya. Maka barang siapa membaca dia, jangan dibicarakan dengan sempuma bicara, kerana hikayat ini tahu kamu akan perkataan sabda Nabi *sallallahu alaihi wa sallam*, "*Tafakkaru fi alaillahi wala tafakkaru fi zatillah*," yakni bicarakan oleh-

A-4

*Lihat Prolog

** *Ibid*

*** *Ibid*

mu segala kebesaran Allah, dan jangan kamu fikirkan pada zat Allah.

Penaklukan Iskandar Zul-Karnain

A'lam ketahui olehmu, kepada zaman dahulukala, dan pada masa yang telah lalu, kata yang empunya ceritera, bahawa Raja Iskandar, anak Raja Darab, Rom bangsanya, Makaduniah nama negerinya, Zul-Karnain gelarannya; sekali persetua baginda berjalan hendak melihat matahari terbit, maka baginda sampai pada suatu bi'at, negeri Hindi. Maka ada seorang raja di tanah Hindi, terlalu besar kerajaannya, seTerigah negeri Hindi itu dalam tangannya; namanya Raja Kida Hindi. Setelah ia mendengar Raja Iskandar datang, maka Raja Kida Hindi pun menyuruhkan Perdana Menteri menghimpunkan segala rakyat dan raja-raja yang takluk kepadanya. Setelah sudah kampung semuanya, maka dikeluarkanlah oleh Raja Kida Hindi akan Raja Iskandar; maka setelah bertemulah segala rakyat antara kedua pihak itu, lalu berperanglah, terlalu ramai seperti yang dalam Hikayat Iskandar itu. Maka alahlah Raja Kida Hindi itu oleh Raja Iskandar, ditangkap baginda denganhidupnya Raja Kida Hindi itu; maka disuruhlah oleh Raja Iskandar membawa iman, maka Raja Kida Hindi pun membawa imanlah dan jadi Islam, dalam agama Nabi Ibrahim Khalilu 'llah 'alaihi s-salam. Maka dipersalini oleh Raja Iskandar akan Raja Kida Hindi seperti pakaian dirinya; maka dititihkan oleh Raja Iskandar kembali ke negerinya.

Maka adapun akan Raja Kida Hindi itu ada beranak seorang perempuan, terlalu baik parasnya, tiada berbagai lagi dan tiada taranya masa itu, cahaya mukanya gilang-gemilang seperti cahaya matahari, dan amat bijaksamanya dan sempuma budinya; Puteri Syahrul-Bariyah namanya. Maka Raja Kida Hindi pun memanggil Perdana Menteri pada tempat yang sunyi, maka titah Raja Kida Hindi kepada Perdana Menteri, "Ketahui olehmu, bahawa aku memanggil engkau ini, aku hendak bertanyakan bicara kepadamu; bahawa anakku yang tiada ada taranya seorang pun anak raja-raja pada zaman ini, itulah hendak aku persembahkan kepada Raja Iskandar; apa nasihatmu akan daku?" Maka sembah Perdana Menteri, "Sahaja sebenamyalah pekerjaan yang seperti titah tuan Hamba itu." Maka sabda Raja Kida Hindi pada Perdana Men-

A-5

teri, "Insya-Allah Taala, esok hari pergilah tuan Hamba kepada Nabi Khidir, katakanlah oleh tuan Hamba segala perihal ini."

Maka esok harinya, pergilah Perdana Menteri itu kepada Nabi Khidir. Setelah sudah Perdana Menteri itu pergi, maka disuruh Raja Kida Hindi suratkan nama Raja Iskandar atas segala dirHarunya, dan atas segala panji-panjinya. Adapun setelah Menteri itu sampai kepada Nabi Khidir maka ia pun memberi salam, maka disahut oleh Nabi Khidir salam Menteri itu, lalu disuruhnya duduk. Arakian maka berkatalah Perdana Menteri itu kepada Nabi Khidir alaihi s-salam, "Ketahui oleh tuan Hamba, ya nabi Allah, bahawa raja Hamba terlalu amat kasihnya akan Raja Iskandar, tiada dapat Hamba sifatkan; dan ada ia beranak seorang perempuan, tak dapatlah dikatakan, tiada ada bagainya anak raja-raja dalam alam ini dari masyrik lalu ke maghrib pada rupanya dan budi pekertinya, tiada ada taranya pada masa ini. Adalah raja Hamba akan hendak dipersembahkan dia akan isteri Raja Iskandar."

A-6

Kata sahibul-hikayat, maka pada ketika itu juga pergilah Nabi Khidir kepada Raja Iskandar, maka diceriterakannyalah perihal itu. Maka kabullah pada Raja Iskandar. Kemudian daripada itu maka Raja Iskandar pun keluarlah ke penghadapan, dihadap oleh segala raja-raja dan ulama dan pendita dan segala Orang Besar-besar, dan segala pahlawan yang gagah-gagah mengelilingi takhta kerajaan baginda, dan dan belakang baginda segala Hamba yang khas dan segala yang kepercayaannya. Maka adalah pada ketika itu Raja Kida Hindi pun ada mengadap Raja Iskandar, duduk di atas kerusi yang berpermata. Maka ada seketika duduk itu, maka Nabi Khidir alaihi s-salam bangkit berdiri serta menyebut nama, Allah subha nahu wa taala, dan mengucap selamat akan Nabi Ibrahim Khalilu 'llah dan segala nabi yang dahulu-dahulu; syahadan makamenbaca khutbah nikah akan Raja Iskandar, dan diisyaratkannya perkataan itu kepada Raja Kida Hindi. Demikian kata Nabi Khidir: "Ketahui olehmu hei Raja Kida Hindi, bahawa raja kami inilah yang diserahkan Allah Taala kerajaan dunia ini kepadanya, dari daksina lalu ke paksina. Adapun sekarang, bahawa tuan Hamba ada beranak perempuan, terlalu baik parasnya; kehendaknya minta daripada tuan Hamba, dan diambil Raja Kida Hindi kiranya akan menantu, supaya ber-

hubunglah segala anak cucu Raja Iskandar, jangan lagi berpu tusan kiranya hingga hari kiamat. Bagaimana, kabulkah? Atau tiadakah?"

Perkahwinan Puteri Syahrul-Bariyah

A-7 Kata sahibil-hikayat, tatkala didengarlah oleh Raja Kida Hindi kata Nabi Khidir demikian itu, maka ia pun segera turun dari atas kerusi, lalu berdiri di tanah, seraya ia menyembah pada Raja Iskandar, dan berkata ia: "Bahawa ketahui oleh tuanku, ya nabi Allah, dan segala tuan-tuan yang ada hadir; bahawa Hamba ini dengan sesungguhnya Hamba kepada Raja Iskandar, dan anak Hamba sekalian pun Hambajuga ke bawah duli baginda itu, seperti sahaya yang mengerjakan dia seorang, dua orang itu. Ketahui olehmu hei segala tuan-tuan sekalian yang ada ini, bahawa Nabi Khidir akan wali hamba dan wali anak hamba yang bernama Tuan Puteri Syahrul-Bariyah itu." Apabila didengar oleh Nabir Khidir kata Raja Kida Hindi demikian itu, maka berpalinglah ia mengadap kepada Raja Iskandar, dan berkata ia kepada Raja Iskandar, "Bahawa sudahlah hamba kahwinkan anak Raja Kida Hindi yang bernama Puteri Syahrul-Bariyah dengan Raja Iskandar. Adapun isi kahwinnya tiga ratus ribu dinar emas, redakah tuan Hamba?" Maka sahu t Raja Iskandar, "Redalah Hamba."

Maka dikahwinkan Nabi Khidirlah anak Raja Kida Hindi dengan Raja Iskandar atas syariat Nabi Ibrahim Khalilu 'llah, di hadapan segala mereka yang tersebut itu. Maka bangkit berdirilah segala raja-raja dan segala Orang Besar-besar dan ' para menteri dan hulubalang dan segala pendita dan ulama dan segala hukama menabur akan emas dan perak ,Jan permata ratna mutu manikam kepada kaki Raja Iskandar, hingga t'ertimbunlah segala emas dan perak dan ratna mutu manikam itu di hadapan Raja Iskandar, seperti busu t dua tiga timbunannya. Maka sekalian harta itu disedekahkan pada segala fakir dan miskin.

A-8 Setelah hari malam, maka datanglah Raja Kida Hindi membawa anaknya kepada Raja Iskandar dengan barang kuasanya, dengan pelbagai permata yang ditinggalkan oleh datuk neneknya; sekaliannya itu dikenakannya akan pakaian anaknya. Maka pada malam itu naik mempelailah Raja Iskandar. Syahadan. maka hairanlah hati Raja Iskandar melihat rupa Pu-

teri Syahrul-Bariyah itu, tiadalah tersifatkan lagi, dan pada keesokan harinya maka dipersalin Raja Iskandar akan Tuan Puteri Syahrul-Bariyah itu dengan selengkap pakaian kerajaan, tiada terperi lagi banyaknya; dan Raja Iskandar pun menganugerahi pula persalin akan segala raja-raja daripada pakaian yang mulia-mulia, sekaliannya emas bertatahkan ratna mutu manikam, tiga buah perbendaharaan yang terbuka. Maka Raja Kida Hindi pun dianugerahi persalin, dan dianugerahi seratus cembul emas berisi permata, dan ratna mutu manikam dan harta benda yang mulia-mulia, sekaliannya emas bertatahkan ratna mutu manikam, dan dianugerahi seratus ekor kuda yang hadir dengan segala alatnya daripada emas bertatahkan ratna mutu manikam; maka hairanlah hati segala yang memandang dia.

Kemudian dari itu maka berhentilah Raja Iskandar di kenaikan sepuluh hari, setelah datang kepada sebelas harinya, maka berangkatlah Raja Iskandar seperti adat dahulukala, dan tuan puteri anak Raja Kida Hindi pun dibawa baginda; maka baginda pun berjalanlah, lalu ke matahari hidup, seperti yang tersebut dalam hikayatnya yang masyhur itu. Hatta berapa lamanya, telah sudah Raja Iskandar melihat matahari terbit, maka baginda pun kembalilah, lalu dari negeri Kida Hindi. Maka Raja Kida Hindi pun keluarlah mengadap Raja Iskandar dengan segala persembahannya, daripada khatifah yang mulia-mulia, dan daripada harta benda yang ajaib-ajaib. Maka Raja Kida Hindi pun berdatang sembah pada Raja Iskandar akan peri dendamnya dan berahinya akan tapak hadrat Raja Iskandar, tiada dapat kita katakan lagi. Syahadan peri rindu . dendamnya akan anaknya Tuan Puteri Syahrul-Bariyah dan dipohonkannyalah anaknya ke bawali duli Raja Iskandar.

A-9

Arakian maka dianugerahkan Raja Iskandar akan Tuan Puteri Syahrul-Bariyah kembali pada ayahnya, Raja Kida Hindi; maka dianugerahi Raja Iskandar akan Puteri Syahrul-Bariyah persalinan seratus kali, dan dianugerahi harta dar ipada emas dan perak, dan ratna mutu manikam, dan daripada permata dan harta benda yang indah-indah, tiada terhisabkan banyaknya lagi, Maka Raja Kida Hindi pun menjunjung duli Raja Iskandar, maka dipersalin baginda pula seratus kali daripada pakaian baginda Sendiri.

Setelah itu maka dipalu oranglah gendang berangkat dan

ditiup oranglah nafiri alamat Raja Iskandar berangkat. Maka baginda pun berangkatlah dari istana, seperti ad at dahulukala, kasadnya hendak menaklukkan segala raja-raja yang belum takluk kepadanya, seperti yang termazkur itu. *Wallahu a'lamu bis-satuab wa ilaihil-marji'u uial-ma'ab,*

Zuriat Iskandar Zul-Karnain

Adapun diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera, bahawa Puteri Syahrul-Bariyah, anak Raja Kida Hindi, telah Hamillah ia dengan Raja Iskandar; tetapi Raja Iskandar tiada tahu akan isterinya HaruiI itu, dan Tuan Puteri Syahrul-Bariyah pun tiada tahu akan dirinya bunting itu. Tatkala Tuan Puteri Syahrul-Bariyah kembali kepada ayahnya, Raja Kida Hindi, maka baharulah ia tahu akan dirinya bunting itu; dirasanya dirinya tiada haid. Maka Tuan Puteri Syahrul-Bariyah pun memberi tahu kepada ayahnya, Raja Kida Hindi, katany a, "Ketahuilah ayahanda, bahawa Hamba ini dua bulanlah sekarang tiada haid. Setelah Raja Kida Hindi mendengar kata anaknya itu, maka Raja Kida Hindi pun terlalu sukacita oleh anaknya itu bunting dengan Raja Iskandar; maka dipelihara'kannya dengan sepertinya. Setelah genaplah bulannya, maka Tuan Puteri Syahrul-Bariyah pun beranaklah seorang lelaki, Maka oleh Raja Kida Hindi akan cunda itu pundinamai Aristun Syah uialadul-malihul-*mukarram*, terlalu sangat dikasihi oleh Raja Kida Hindi.

Hatta berapa lamanya Raja Aristun Syah pun besarlah, terlalu baik rupanya, seperti rupa ayahanda baginda, Raja Iskandar Zul-Karnain. Maka oleh Raja Kida Hindi dipinangkannya anak raja Turkistan. Maka Raja Aristun Syah. beranak seorang lelaki, maka dinamainya Raja Aftus. Setelah empat puluh lima tahun lamanya Raja Iskandar kembali ke negeri Makaduniah, maka Raja Kida Hindi pun kembali ke rahmat Allah; maka cunda baginda, Raja Aristunlah kerajaan dalam negeri Hindi mengangkat kerajaan ninda baginda. Adalah umur baginda di atas kerajaan tiga ratus lima puluh lima tahun; maka Raja Aristun Syah pun berpindahlah dari negeri yang fana ke negeri yang baka. Maka anakanda baginda Raja Aftuslah naik kerajaan dalam "negeri Hindi; adalah umur baginda di atas kerajaan seratus dua puluh tahun, maka baginda pun hilang; maka Raja Aska'inat naik raja, umur baginda di atas

A-10

kerajaan tiga tahun. Setelah sudah hilang maka Raja Kasdas namanya naik raja pula; adalah umur baginda di atas kerajaan dua belas tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Amtabus namanya naik raja pula di atas takhta kerajaan; adalah umur baginda di atas kerajaan tiga belas tahun. Setelah sudah baginda hilang, maka Raja Zaman Yus namanya naik raja pula; adalah umur baginda itu di atas kerajaan tujuh tahun. Setelah sudah hilang baginda, maka Kharu Seka'inat namanya naik raja pula; adalah umur baginda itu di atas kerajaan tiga puluh tahun. Setelah sudah hilang baginda, maka Raja Arkhad Seka'inat namanya naik raja pula, adalah umur baginda di atas kerajaan sembilan tahun. Setelah sudah hilang baginda, maka Raja Kudar Zakuhun, anak Raja Amtabus pula naik raja, adalah umur baginda itu di atas kerajaan tujuh puluh tahun. Setelah sudah hilang baginda, maka Nabtayusar namanya naik raja; adalah umur baginda itu di atas kerajaan empat puluh tahun.

A-II

Maka Raja Ardis Mikan naik kerajaan; adalah baginda beristerikan anak Raja Nusyirwan Adil, raja masyrik dan maghrib, maka beranaklah baginda dengan tuan puteri anak Raja Nusyirwan Adil seorang lelaki bernama Raja Darmanus. Maka anak cucu bagindalah kerajaan turun-temurun sampailah kepada anak cucu baginda yang bernama Tersu Berderas naik raja. Akan baginda itu anak Raja Zaman, cucu Syah Tersu, cicit Raja Dermanus, piut Raja Ardis Mikan anak Raja Kudar Zakuhun, cucu Raja Amtabus, cicit Raja Sabur, piut Raja Aftus, anak Raja Aristun Syah, anak Raja Iskandar ZulKarnain. Maka Tersu Berderas beristerikan anak Raja Sulan, raja di negeri Amdan Negara; kata seTerigah riwayat, Raja Sulan itu daripada anak cucu Raja Nusyirwan Adil, anak Kobat Syahriar, raja masyrik dan maghrib; melainkan Allah subha nahu wa taala juga yang mengetahuinya Tetapi akan Raja Sulan itu raja besar sekali, segala raja-raja Hindi dan Sindi, sekalian dalam tangannya, dan segala raja-raja yang di bawah angin ini sekaliannya takluk kepada baginda itu. Maka Raja Tersu Berderas beranak dengan puteri anak Raja Sulan itu tiga orang lelaki, Raja Hiran seorang namanya, ialah kerajaan di benua Hindi dan seorang namanya Raja Suran, diambil ninda baginda Raja Sulan; seorang lagi Raja Fandin namanya, ialah kerajaan di benua Turkistan.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Perjalanan Hendak Menakluk Negeri China

Setelah berapa lamanya maka Raja Sulan pun hilanglah, maka cunda baginda, Raja Suranlah di atas kerajaan menggantikan ninda baginda di negeri Amdan Negara, terlalu besar kerajaannya, lebih besar pula daripada ninda baginda Raja Sulan. Maka adalah kerajaan baginda itu, segala raja-raja dari masyrik lalu ke maghrib sekaliannya takluk kepada baginda, melainkan negeri China juga yang tiada takluk kepada Raja Suran. Maka Raja Suran pun berkira-kira hendak menyerang negeri China. Maka baginda menyuruhlah menghimpunkan segala bala Teriteranya; maka sekalian rakyat pun berkampunglah daripada segala pihak negeri, tiada terpermanai lagi banyaknya. Maka segala raja-raja yang takluk kepada Raja Suran itu pun sekaliannya datang dengan alat senjatanya, dan dengan segala rakyatnya sekali; adalah banyaknya segala raja-raja itu seribu dua ratus. Maka telah sudah sekaliannya datang berkampung, maka Raja Suran pun berangkatlah hendak menyerang benua China.

A-12

Maka adalah daripada banyaknya rakyat berjalan itu, segala hutan belantara pun habis menjadi padang, dan bumi pun bergentar seperti gerupa, dan gunung pun bergerak, dan segala tanah yang tinggi-tinggi itu pun menjadi rata, dan batu pun habis berpelantingan, dan segala sungai pun habis kering, jadi seperti lumpur, kerana dua bulan perjalanan itu tiada berputusan lagi; jikalau pada malam yang gelap sekalipun, menjadi terang seperti bulan pumama pada ketika cuaca, daripada kebanyakan kilat cahaya Senjata; jikalau halilintar di langit sekalipun tiada kedengaran, daripada kesangatan tempik segala hulubalang dan sorak segala rakyat, bercampur dengan gajah, kuda, tiada lah sangka bunyinya lagi. Maka segala negeri yang bertemu dengan Raja Suran itu habislah dialahkannya, maka sekalian negeri itu semuanya habis takluk kepada baginda.

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Setelah berapa lamanya, maka Raja Suran pun sampailah kepada sebuah negeri Gangga Negara namanya, Raja Gangga Syah Johan nama rajanya. Maka adapun negeri itu di atas bukit, dipandang dari hadapan terlalu tinggi, dan dari belakang rendah juga; ada sekarang kotanya di darat Dinding, ke sana Perak sedikit. Setelah Raja Gangga Syah Johan mendengar khabar Raja Suran datang, maka baginda menyuruhlah meng-

A-13

himpunkan segala rakyatnya, dan menyuruh menutupi pintu kotanya, dan bangunan-bangunan pun disuruh tunggui, dan parit pun dipenuhi dengan air. Maka segala rakyat Raja Suran pun datanglah mengepung kota Gangga Negara itu, maka dilawan berperang oleh orang di atas kota itu. Maka segala rakyat Raja Suran pun tiada boleh tampil; kenaikan baginda gajah meta. Maka beberapa ditikam dan dipanah orang dari atas kota, tiada diendakkannya; maka tampil juga ia menghampiri pintu kota Gangga Negara, dipalunya dengan cokmamanya, maka pintu Gangga Negara pun robohlah. Maka Raja Suran pun masuklah ke dalam kota Gangga Negara dengan segala hulu balangnya.

Setelah . Raja Gangga Syah Johan melihat Raja Suran itu datang, maka Raja Gangga Syah Johan pun berdiri memegang panahnya; maka segera dipanahnya, kena gumba gajah Raja Suran, gajah itu jatuh terjerumus. Maka Raja Suran pun melorupat serta menghunus pedangnya, diparangkan kepada Raja Gangga Syah Johan, maka kenalah lehemya, putus kepalanya, terpelanting ke tanah. Maka Raja Gangga Syah Johan pun matilah. Setelah rakyat Gangga Negara melihat rajanya mati itu, maka sekaliannya pun lari; maka ada seorang saudara raja itu perempuan, Puteri Dara Segangga در سگنگ نامانیا; terlalu baik parasnya, maka diambil bagindalah akan isteri. Setelah negeri Gangga Negara sudah alah, maka Raja Suran pun berjalanlah dari sana.

Hatta berapa lamanya berjalan itu datanglah ke negeri Langgiu; dahulu negeri itu negeri besar, kotanya daripada batu hitam, sekarang lagi ada kota itu di hulu Sungai Johor. Adapun nama asal Langgiu itu dengan bahasa Siam ertinya perbendaharaan permata, maka adalah nama rajanya Chulan; akan baginda itu raja besar, segala raja-raja yang di bawah angin dalam hukumannya.



A-14

Demi Raja Chulan mendengar Raja Suran datang itu, maka Raja Chulan pun menghimpunkan segala rakyat; dan segala raja-raja yang takluk kepada baginda, semuanya berkampunglah. Maka Raja Chulan pun mengemukakan akan Raja Suran; maka rupa segala rakyat itu seperti lautan, rupa gajah dan kuda pun demikian juga, seperti pulau rupanya, dan tunggul panji-panji seperti hutan, dan segala Senjata pun berlapis-lapis. Sekira-kira empat gorah bumi jauhnya berjalan, setelah datang-

lah pada suatu sungai, maka kelihatanlah rakyat Raja Suran seperti hutan rupanya. Maka kata Siam, "pangkali" ertinya "sungai", maka dinamai orang sungai itu Sungai Pangkali.

Maka bertemulah rakyat Siam dengan rakyat Keling, lalu berperanglah, tiada sangka bunyinya lagi; segala yang bergajah berjuang gajahnya, dan yang berkuda bergigitkan kudanya, dan yang berpanah berpanahanlah dianya, dan yang berlembing bertikamkan lembingnya, dan yang berpedang bertetakan pedangnya. Maka rupa segala Senjata seperti hujan yang terlalu le bat, tidaklah lagi tarupak awan di langit, oleh kebanyakan kilat Senjata itu; gegak gempitalah bunyi tempik sorak orang berperang itu, maka terbangkitlah lebu duli ke udara, kelam-kabut, siang menjadi malam seperti gerhana matahari. Maka segala rakyat antara kedua belah pihak itu pun jadi campur-baur, tiada berkenalan lagi waktu berperang itu. Mana yang mengamuk di amuk orang pula, ada yang menikam ditikam orang pula. Maka kedua pihak itu pun banyaklah mati dan lukanya, darah pun banyaklah tum pall mengalir ke bumi seperti air sebak. Maka lebu duli itu pun hilanglah, maka kelihatanlah orang berperang itu, beramukamukan terlalu ramai; sama-sama tiada mahu undur lagi. Maka Raja Chulan pun menampilkan gajahnya menempuh ke dalam rakyat Raja Suran yang tiada terpermanai banyaknya itu, barang di mana ditempuhnya bangkai bertimbun-timbun; maka segala rakyat Keling pun banyaklah matinya, lalu undur.

Setelah dilihat oleh Raja Suran, maka baginda pun tampillah mengusir Raja Chulan itu. Maka adapun kenaikan Raja Suran, gajah tunggal lagi meta, delapan hasta tingginya; tetapi gajah Raja Chulan itu terlalu berani. Maka bertemulah kedua gajah itu, lalu berjuang, maka bunyi kedua gading gajah itu seperti bunyi petir yang tiada berputusan. Maka kedua gajah itu pun tiada beralahan; maka berdiri Raja Chulan di atas gajahnya menimang-nimang lembingnya, lalu ditikamkannya kepada Raja Suran, maka kenalah ke baluhan gajah itu, sejengkal menjunjung ke sebelah. Maka Raja Suran pun segera memamah Raja Chulan, kena dadanya terus ke belakang; maka jatuhlah ia dari atas gajahnya ke tanah, lalu mati. Maka segala rakyat Raja Chulan melihat rajanya mati itu, maka sekaliannya pun pecah belahlah, lalu lari cerai-berai; maka diikuti oleh segala rakyat Keling mana yang dapat habislah dibunuh-

A-15

nya. Maka segala rakyatkeling pun masuklah ke dalam kota Langgiu itu, lalu merampas, tiada terkira banyaknya beroleh rampasan itu. Maka ada seorang anak Raja Chulan itu perempuan, Tuan Puteri Onang Kiu namanya; terlalu baik parasnya. Maka dipersembahkan orang kepada Raja Suran, maka oleh baginda diambillah akan isteri. Setelah itu maka Raja Suran berjalanlah, maka baginda pun teruslah ke Temasik.

A-16

Maka kedengaranlah pula khabarnya ke benua China, mengatakan, "Raja Suran datang hendak menyerang kita, membawa rakyat tiada terpermanai banyaknya; sekarang sudah sampai ke Temasik." Maka raja China pun terlalu hebat mendengar khabar itu; maka titah raja China pada segala menteri dan segala pegawainya, "Apa bicara kamu sekalian pada menolakan bala ini; jikalau sampai raja benua Keling itu ke mari, nescaya binasalah benua China ini." Maka sembah seorang menteri yang tua, "Jikalau sampai raja daripada yang banyak, ya tuanku syah alam, yang diperHambalah membicarakan dia." Maka titah raja China, "Bicarakanlah olehmu." Maka Perdana Menteri pun menyuruhlah melengkapi sebuah pilau yang terbesar, diisi dengan jarum yang Serii, lagi yang karat; maka diambilnya pula pohon kesmak dan pohon segala buah-buahan yang ada buahnya, ditanamnya di atas pilau itu, dan dipilihnya orang yang tua-tua sudah tanggal giginya, disuruhnya naik pilau itu, dipesannya oleh Perdana Menteri itu dan disuruhnya belayar ke Temasik.

Setelah datang ke Temasik, maka dipersembahkan oranglah kepada Raja Suran, "Ada sebuah perahu datang dari benua China." Maka titah Raja Suran pada orangnya, "Pergilah engkau tanya pada China itu, berapa lagi jauhnya negeri China dari sini?" Maka orang itu pun pergilah bertanya pada orang pilau itu. Maka sahut China itu, "Tatkala kami keluar dari benua China, sekalian kami-kami ini sedang muda-muda belaka, baharu dua belas tahun umur kami, dan segala buah-buahan ini binyanya kami tanam, kami pun tualah, gigi kami semua pun habis tanggal; segala buah-buahan yang kami tanam itu berbuahlah, baharulah kami sampai ke mari," Maka diambilnya jarum ada beberapa bilah itu, ditunjukkannya pada Keling itu, katanya, "Besi ini kami bawa ke mari dari benua China seperti lengan besamya, sekarang inilah tinggalnya habis haus, dan kiamlah perizannya kami di jalan, tiadalah kami

tahu akan bilangan tahunnya."

Setelah Keling itu mendengar kata China itu, maka ia pun segera kembali memberi tahu Raja Suran; maka segala kata China yang didengarnya itu semuanya dipersembhkannya kepada Raja Suran. Setelah Raja Suran mendengar sembah orang itu, maka titah Raja Suran, "jikalau seperti kata China itu, terlalulah jauhnya benua China itu; manakalakah kita sampai ke sana? Baik kita kembali." Maka sembah segala hulubalang, "Benarlah seperti titah Seri Maharaja itu."

A-17

Hendak Mengetahui Isi Laut

Maka Raja Suran fikir dalam hatinya, "Bahawa isi darat telah aku ketahuilah, dan segala isi laut bagaimana gerangan rupanya? Jika demikian, baik aku masuk ke dalam laut, supaya aku ketahu betapa halnya." Setelah baginda berfikir demikian, maka baginda pun menyuruh menghimpunkan segala pandai dan utus, maka dititahkan baginda berbuat sebuah peti kaca berkunci dan berpesawat dari dalam. Maka diperbuatlah oleh segala utus itu sebuah peti kaca seperti kehendak Raja Suran itu, dan diberinya berantai emas. Setelah sudah maka dibawanyalah ke hadapan Raja Suran; maka baginda pun terlalulah sukacita melihat perbuatan peti itu, maka baginda memberi anugerah akan segala hakim dan utus itu, tiada ter-kira-kira banyaknya. Maka Raja Suran pun masuklah ke dalam peti itu, maka segala yang di luar semuanya habis kelihatan; maka dikunciikan baginda pintu peti itu dari dalam. Maka di-hulurkan oranglah ke dalam lau t, maka peti itu pun Teriggelamlah, maka Raja Suran pun terus melihat dari dalam peti itu, pelbagai kekayaan Allah subhanahu wa taala dipandang baginda, moga-moga dengan takdir Yang Amat Kuasa, maka peti Raja Suran itu jatuh ke dalam bumi yang bernama Dika.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

Maka Raja Suran pun keluarlah dari dalam peti itu, lalu berjalan melihat segala yang indah-indah; maka baginda bertemu dengan sebuah negeri terlalu besar, lagi dengan teguhnya. Maka Raja Suran pun masuklah ke dalam negeri itu, maka dilihat baginda dalam negeri itu suatu kaum Bu Sum (بوسوم) namanya, terlalu amat banyak, tiada siapa mengetahui bilangannya ; tetapi mereka itu seTerigah Islam dan seTerigah kafir.

A-18

Setelah mereka itu memandang rupa Raja Suran itu, maka sekalian orang itu hairan tercengang-cengarig dan takjub me-

mandang pakaian baginda itu. Maka oleh segala mereka itu akan Raja Suran dibawanya kepada rajanya. Adapun nama raja mereka itu Raja Aktabu'l-Ard. Setelah raja itu melihat rupa Raja Suran itu, maka ia bertanya pada orang yang membawa baginda itu, "Orang mana ini?" Maka sembah orang itu, "BaHaru datang tuanku orang ini, dari mana-mana datangnya, kami sekalian tiada tahu." Maka Raja Aktabu'l-Ard bertanya kepada Raja Suran, "Orang mana kamu ini? Dan dari mana kamu datang ke mari ini?" Maka sahut Raja Suran, "Adalah Hamba ini datang dari dalam dunia: Hambalah raja segala manusia, nama Hamba Raja Suran." Maka Raja Aktabu'l-Ard pun terlalu hairan mendengar kata Raja Suran itu; maka katanya, "Adakah dunia lain daripada dunia kami itu?" Maka sahut Raja Suran, "Bahawa alam itu terlalulah sekali banyak, pelbagai jenis di dalamnya." Setelah Raja Aktabu'l-Ard mendengar kata Raja Suran itu, terlalu amat takjub ia, seraya mengucap *subhana 'llahu' malikul' jabbar*. Maka oleh Raja Aktabu'l-Ard akan Raja Suran dibawanya naik duduk di atas takhta kerajaannya.

Zuriat Raja Suran

Adapun Raja Aktabu'l-Ard ada beranak seorang perempuan, terlalu baik parasnya, bernama Tuan Puteri Mahtabu'l-Bahri. Maka oleh Raja Aktabu'l-Ard akan Raja Suran dikahwinkan dengan anaknya Tuan Puteri Mahtabu'l-Bahri itu; antara tiga tahun lamanya baginda duduk dengan Tuan Puteri Mahtabu'l-Bahri itu, maka baginda pun beranaklah tiga orang lelaki. Setelah baginda melihat anakanda baginda ketiga itu, maka baginda pun terlalu masyghul, fikir baginda, "Apa kesudahan anakku di bawah bumi ini, apa upayaku membawa dia keluar?"



A-19 Kata sahibu'l-hikayat, Terigah baginda berfikir itu, dengan takdir Allah Yang Empunya Iradat, sekonyong-konyong datanglah raja jin Asmaghiah Peri mengadap baginda. Setelah Raja Suran melihat rajajin itu, lalu dikenal baginda; maka titah baginda, "Apakah kerja tuan hamba ke mari? "Maka sembahnya, "Sahaja hamba mengadap." Maka titah Raja Suran, "Jika demikian hendaklah tuan Hamba perbuatkan hamba, mahkota tiga biji akan pakaian anak hamba, supaya ada tanda Raja Iskandar Zul-Karnain kepadanya." Maka sahut raja jin

Asmaghiah Peri, "Mahkota kudrat yang di dalam perbendaharaan Paduka Mambanglah hamba ambil." Maka sahut baginda, "Sebenar-benar bicaralah kehendak tuan hamba itu." Maka raja jin pun bermohonlah, lalu ghaib dari mata baginda. Maka diambilnya mahkota tiga buah dari dalam perbendaharaan Raja Sulaiman 'alaihi s-salam, dibawanya kepada Raja Suran. Maka diambil baginda dengan sukacitanya. Maka raja jin pun bermohon lalu kembali. Maka Raja Suran pun datang kepada Raja Aktabu'l-Ard membawa mahkota itu; maka kata Raja Suran, "Jikalau anak Hamba ketiga ini sudah besar, hendaklah tuan Hamba hantar ia ke dalam dunia, supaya mahkota kerajaan Iskandar Zul-Karnain itu jangan berputusan; mahkota ini akan pakaiannya." Maka sahut Raja Aktabu'l-Ard, "Baiklah. "

Setelah itu maka Raja Suran pun bermohonlah kepada Raja Aktabu'l-Ard, dan bertangis-tangisan dengan isteri baginda, memeluk mencium anakanda baginda ketiga. Maka Raja Aktabu'l-Ard memberi kuda semberanijantan, Farasu'l-Bahri namanya; maka Raja Suran pun naiklah ke atas kuda itu, maka oleh kuda itu dibawanya Raja Suran keluar dari dalam laut, lalu berjalan ia di Terigah laut itu.

Maka dilihat oleh rakyat baginda, yang di atas kuda itu Raja Suranlah; maka segera dibawanya seekor kuda betina yang baik ke pantai Baniras. Setelah kuda jantan itu melihat kuda betina itu, maka ia pun naiklah berjalan ke darat. Maka baginda pun turunlah semayam dihadap menteri, hulubalang, rakyat sekalian; maka kuda itu pun kembalilah ke dalam laut itu. Maka titah Raja Suran kepada menterinya. "Himpunkanlah segala bala Teritera kita sekalian, kumpulkan segala gajah kuda, jangan diberi berpecah-pecah, kerana hendak kembali; dan tafahus segala yang sakit dan yang kekurangan makanan; tetapi alat Senjata perbaiki barang yang tiada baik, dan panggil segala hakim dan utus. Maka segala mereka itu pun datanglah mengadap baginda dengan alat pegawainya; maka titah baginda pada segala hakim dan utus itu, "Hendaklah kamu sekalian perbuatkan aku suatu alamat, tanda kita masuk ke dalam laut ini. Adalah kehendak hatiku, biarlah perbuatannya kekal hingga hari kiamat; dan kamu suratkan segala hikayat kita masuk ke dalam laut, supaya diketahui dan didengar oleh segala anak cucu kita yang kemudian."

A-20

Setelah segala hakim dan utus mendengar titah Raja Suran itu, maka diambil oleh mereka itu suatu batu, maka disuratnyalah dengan bahasa Hindustan. Setelah sudah maka disuruh oleh Raja Suran masukkan beberapa harta daripada emas dan perak dan permata dan ratna mutu manikam dan segala mata benda yang ajaib-ajaib. Maka titah Raja Suran, "Pada akhir zaman kelak ada seorang daripada anak cucuku juga, ialah beroleh harta ini, dan raja itulah yang menaklukkan segala negeri yang di bawah angin ini."

B-18

Setelah itu maka Raja Suran pun kembalilah ke benua Keling. Setelah sampai baginda ke negeri Keling, maka baginda pun berbuat sebuah negeri terlalu besar, kotanya daripada batu hitam tujuh lapis, serta dengan tebalnya, dan tingginya sembilan depa; daripada pandainya segala pandai dan utus berbuat dia itu, tiadalah kelihatan rapatannya lagi, rupanya seperti dituang, pintunya daripadabesi melela bertatahkan emas berpennata, Adapun peri luasnya kota itu, tujuh buah gunung di dalamnya; sama Terigah negeri itu ada sebuah tasik terlalu luas, seperti laut rupanya, jikalau gajah berdiri di seberang sana, tiada kelihatan dari sebelah sini, maka serba ikan dilepaskan di dalam tasik itu. Maka di Terigah tasik itu pula ada sebuah pulau terlalu tinggi, Sentiasa berasap seperti di saput embun rupanya; maka di atas pulau itu, ditanami pelbagai kayu-kayuan daripada serba jenis buah-buahan dan bunga-bunga yang ada di dalam dunia ini semuanya ada di sana; apabila Raja Suran hendak bermain-main ke sanalah ia pergi. Maka di tepi tasik itu diperbuatnya pula suatu hutan terlalu besar; maka dilepaskannya segala binatang liar, dan apabila Raja Suran hendak berburu atau menjerat gajah, pada hutan itulah ia pergi. Setelah sudahlah negeri itu diperbuat, maka dinamai oleh Raja Suran "Bijaya Negara", sekarang pun ada lagi negeri itu di benua Keling. Adapun kisah Raja Suran itu, jikalau dihidikatkan semuanya, seperti Hikayat Hamzahlah tebalnya.

A-21



Hatta berapa lamanya maka Raja Suran pun beranaklah dengan Tuan Puteri Onang Kiu anak Raja Chulan, seorang perempuan, terlalu baik parasnya, pada zaman itu tiadalah sebagainya seorang jua pun; maka dinamai oleh baginda Tuan Puteri Cendani Wasis, dan beranak dengan Tuan Puteri Dara Segangga tiga orang lelaki, yang tua bernama Citram Syah, seorang bernama Paladu Tani, dan seorang ber-

B-19

nama Nila Manam. Maka Puteri Cendani Wasis dipinang oleh raja China didudukkannya dengan anaknya yang bernama Raja Cu Lan. Maka oleh Raja Suran anakandanya Paladu Tani dirajakan di negeri Amdan Negara, dan Nila Manam dirajakannya di Bijaya Negara akan menggantikan kerajaan baginda. Maka Citram Syah dirajakannya di negeri Candu Kani.

A-22

Maka kata Citram Syah, "Aku anak yang tua, dirajakannya pada negeri kecil; baiklah aku membuang diriku." Maka Citram Syah pun pergilah membuang dirinya berkapal, dibawanya segala alat kerajaannya, dan dua puluh buah kapal lengkap dengan alat peperangan. Niat baginda hendak mengalahkan segala negeri yang di tepi laut, supaya takluk kepada baginda. Setelah beberapa puluh buah negeri dialahkan baginda, maka datanglah pada Laut Selbu; maka pada suatu malam, turun taufan terlalu besar, dengan hujan, ribut, guruh, petir, Maka segala kapal itu pun habislah pecah cerai-berai ke sana sini, seTerigah kembali ke negeri Candu Kani, seTerigah tiada ketahuan perginya. Adapun hikayatnya terlalu amat lanjut; jika kami hikayatkan semuanya, jemu orang yang mendengar dia; maka kami sirupankan juga, kerana perkataan yang amat lanjut itu tiada gemar bagi orang yang berakal adanya.



ديوان بهاس دان پوسٹاڪے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

II

Kisah Bermula di Bukit Si Guntang

ALKISAH maka tersebutlah perkataan sebuah negeri di tanah Andalas, Palembang namanya; nama rajanya Demang Lebar Daun, asalnya daripada anak cucu Raja Sulan juga Adapun negeri Palembang itu, Palembang yang ada sekarang inilah. Muara Tatang nama sungainya, di hulunya itu ada sebuah sungai, Melayu namanya. Adalah dalam sungai itu ada satu bukit bernama Bukit Si Guntang; di hulunya Gunung Mahamiru, di daratnya ada satu padang bernama Padang Penjaringan . Maka ada dua orang perempuan balu berhuma padi, terlalu luas humanya; adalah namanya seorang Wan Empuk dan seorang namanya Wan Malini. Maka terlalulah jadi padinya. Tiada dapat terkatakan; telah Hampir akan masak padinya itu.

B-20

A-23

Sebermula maka tersebutlah perkataan anak Raja Suran yang tiga bersaudara, yang dipeliharakan oleh Raja Aktabu'l-Ard. Setelah besarlah terlalu baik parasnya anak raja ketiga itu; yang tua dinamai oleh Raja Aktabu'l-Ard Nila Pahlawan, yang Terigah dinamai Krisyna Pandita, dan yang bongsunya dinamai Nila Utama, Maka ketiga anak raja itu bertanyakan ayahnya kepada ninda baginda, Raja Aktabu'l-Ard. Maka sahut Raja Aktabu'l-Ard, "Adalah akan ayahmu itu anacucu Raja Iskandar Zul-Karnain, nasab Sulaiman 'alaihi s-salam, pancar Nusyirwan Adil, raja masyrik dan maghrib. Maka adalah pesan ayahmu apabila tuan Hamba besar, disuruhnya hantarkan ke dunia. Sekarang kembalilah tuan ke dunia"

Setelah ketiga anak raja itu mendengar kata ninda baginda


DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

itu terlalulah sukacitanya; seraya katanya, "Berilah kami ketiga bersaudara ini jalan ke dunia itu." Maka oleh Raja Aktabu'l-Ard ketiga cucunda baginda itu diberinyalah memakai alat kerajaan dengan selengkap pakaian anak raja-raja, yang bertatahkan ratna mutu manikam, serta dikenakannya mahkota itu ketiganya, Setelah itu maka ketiga baginda pun bermohonlah kepada ninda dan bonda baginda. Maka dipeluk dicium baginda serta ditangisinya, Maka oleh Raja Aktabu'lArd diberinya seekor lembu yang amat putih, seperti perak yang terupam wamanya; maka ketiga anak raja itu pun naiklah ke atas lembu itu lalu berjalanlah keluar.

Dengan takdir Allah Subhanahu wa taalaYang Maha Kuasa, maka teruslah ke Bukit Si Guntang itu waktu malam. Maka kepada malam itu dipandang oleh Wan Empuk dan Wan Malini dari rumahnya, di at as Bukit Si Guntang itu bemyala seperti api. Maka kata Wan Empuk kepada Wan Malini, "Cahaya apa gerangan di Bukit Si Guntang itu? Bemyala seperti cahaya matahari terbit kelihatan. Takut pula beta melihat dia." Maka kata Wan Malini, "Janganlah kita ingar-ingar, jikalau gemala naga besar gerangan itu." Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun diamlah dengan takutnya, lalu keduanya tidur.

A-24

Setelah hari siang maka keduanya pun bangunlah; maka kata Wan Empuk kepada Wan Malini, "Mari kita lihat, apa yang terang bercahaya di Bukit Si Guntang semalam itu." Maka kata Wan Malini, "Marilah." Maka keduanya basuh muka dan makan sirih lalu turun berjalan. Maka dilihatnya padinya berbuahkan emas, berdaunkan perak dan berbatangkan suasa. Maka kata Wan Empuk, "Yang bercahaya semalam rupanya padi kita ini berbuahkan emas, berdaunkan perak dan batangnya suasa ini. " Maka sahut Wan Malini, "Beta pandang semalam di at as Bukit Si Guntang itu, bukannya padi huma kita ini." Maka keduanya naiklah ke Bukit Si Guntang itu. Maka dilihatnya tanah negara bukit itu menjadi seperti wama keem as-em asan; maka datang sekarang tanah itu diceritakan orang seperti emas juga.

B-21

Maka dilihat oleh Wan Empuk dan Wan Malini di atas tanah yang menjadi emas itu ada tiga orang lelaki muda teruna, muda wangsas, dan lelaki di atas lembu putih seperti perak, lengkap ketiganya itu memakai pakaian anak raja-raja yang bertatahkan ratna mutu manikam; memakai mahkota ketiga, ter-

A-25

lalu sekali elok parasnya, Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun hairan tercengang-cengang melihat paras sikapnya orang muda ketiga itu; seorang memegang curik dan satu kayu yang bercap di tangannya, seorang memegang lembing dan seorang memegang pedang, sekaliannya daripada keemasan. Maka Wan Empuk pun fikir dalam hatinya, "Anak raja mana orang muda ketiga ini, sekonyong-konyong ada di Bukit Si Guntang ini, dari mana gerangan datangnya? Dan apa jua bangsanya? Baik aku bertanya kepadanya; entah sebabnya maka padiku berbuahkan emas, dan tanah negara bukit itu pun seperti emas. "

Setelah keduanya berfikir, lalu bertanya, "Siapa tuan hamba ketiga ini? Anak 'raja mana tuan hamba? Anak raja jinkah atau anak raja perikah, atau anak raja inderakah? Hendaklah berkata benar tuan Hamba ketiga kepada kami kedua ini; kerana lamalah kami duduk di lembah Bukit Si Guntang ini, seorang manusia pun tiada datang ke mari, baharu pada hari inilah kami melihat tuan hamba ketiga ini."

Maka sahut Nila Pahlawan, "Adapun kami ini bukan daripada jin dan peri, dan bukan kami daripada bangsa indera; bahawa adalah bangsa kami ini daripada manusia. Asal kami daripada anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain, dan nasab kami Raja Nusyirwan Adil, raja masyrik dan maghrib, pancar kami daripada Raja Sulaiman 'alaihi s-salam, dan nama kami Nila Pahlawan, dan yang seorang ini Krisyna pendita, dan yang seorang Nila Utama; dan nama curik kami ini Si Mandang Kini, dan kayu ini Cap Kerupa namanya, dan pedang ini Badram Balawa namanya, dan lembing ini Lembuara namanya."

B-22

A-26

Maka kata Wan Empuk dan Wan Malini "Jikalau tuan hamba daripada anak cucu Raja Iskandar apa sebab maka tuan hamba ke mari, dari mana jalan tuan hamba?" Maka Nila Pahlawan pun berceritalah seperti ceritera ayahnya kepada Raja Aktabu'l-Ard. Segala hikayat Raja Iskandar beristerikan anak Raja Kida-Hindi, dan peri Raja Suran masuk ke dalam laut, dan peri duduk dengan bondanya beranakkan baginda ketiga bersaudara itu, semuanya dihikayatkannya kepada Wan Empuk dan Wan Malini. Maka kata Wan Empuk, "Apa alamatnya seperti kata tuan hamba itu?" Maka sahut Nila Pahlawan, "Mahkota kami ketiga inilah alamatnya; serta padi habis berbuahkan emas, berdaunkan perak dan berbatangkan suasa, dan tanah negara bukit inimenjadi seperti wama keemas-

emas. Jikalau embuk tiada percaya, pandanglah alamat kami, anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain; pancar Sulaiman alaihi s-salam."

Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun percayalah akan kata orang muda itu, serta dengan sukacitanya. Ketiga anak raja itu dibawanya kembali ke rumahnya. Maka ketiga baginda bersaudara pun duduklah dipeliharakan oleh Wan Empuk dan Wan Malini; padinya pun dituainyalah. Maka Wan Empuk dan Wan Malini pun kayalah dengan sebab mendapat anak raja itu.

Maka terdengarlah kepada Demang Lebar Daun bahawa Wan Empuk dan Wan Malini mendapat anak raja dari Bukit Si Guntang, daripada anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain itu. Maka Demang Lebar Daun pun mudiklah, mendapatkan Wan Empuk dan Wan Malini mengadap anak raja itu. Maka di ambilnya ketiga anak raja itu dibawa dengan kenaikan baginda lembu putih itu ke negeri Palembang, dipeliharakannya dengan sempumanya. Maka Nila Pahlawan digelar Sang Si Perba. Dengan takdir Allah taala, maka lembu kenaikan baginda itu pun muntahkan buih, maka keluar daripada buih itu seorang manusia lelaki, hadir dengan pakaiannya, serta ia berdiri membaca ciri demikian bunyinya:

B-23
A-27

*Ahusta Paduka Seri Maharaja serta Seri Sepah Buana suran bumi boji bala pikrama nakalang kama makuta dan Menteri Buana prasama Sakritbana Tanggadarma dan busaya kuta dan singgahsana ranawikrama dan Rawanaba Palawikasad dadi prabu di kala mula mali mala ka Seri Darma Rajadiraja, Raja Permaisuri. **

Maka oleh Demang Lebar Daun dinamanya "Batala", ertinya orang yang membaca ciri. Daripada anak cucu Batala itulah asal orang membaca ciri dahulukala.



Asal Raja Minangkabau dan Tanjung Pura

Syahadan termasyhurlah pada segala negeri bahawa Demang Lebar Daun mendapat anak raja tiga bersaudara dari Bukit Si Guntang dan daripada anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain. Maka datanglah Patih Suatang, raja Minangkabau, ke Palembang dengan segala pegawai dan rakyat sekaliannya, minta seorang anak raja itu hendak dirajakannya di alam Minang-

*Bacaan Drs. Khalid M. Hussain. Lihat juga Lampiran.

kabau. Maka oleh Demang Lebar Daun diberikannya yang bernama Sang Si Perba, serta dengan sekalian alatnya. Maka oleh Patih Suatang dibawanya kembali ke alam Minangkabau, dirajakannya di sana.

A-28 Selama baginda kerajaan di alam Minangkabau itu, maka batang jelatang-ayam pun terlalu besar, diperbuatkan tiang balai baginda; lain daripada anak cucu baginda tiada siapa dapat duduk di sana kegatalan, dan batang saluguri akan baluhan tabuh, dan batang pulut-pulut baluhan gendang, dan ruyung-kayang dapat diperbuatkan tetaran lembing menjadi pagar istana baginda itu; sebab itulah alam Minangkabau itu dinamai "Pagar Ruyung", yang tersebut datang sekarang. Syahadan Patih Suatanglah akan bendahara baginda, memerintahkan kerajaan baginda.

B-24 Bermula ke Tanjung Pura pun kedengaranlah. Rajanya pun telah hilang; maka patihnya datang ke Palembang, meminta anak raja itu kepada Demang Lebar Daun akan dirajakannya di Tanjung Pura. Maka diberikannya Krisyna Pandita dengan alatnya; tinggallah Nila Utama kerajaan di Palembang, dipangku Demang Lebar Daun. Setelah berapa lamanya baginda dalam kerajaan bergelar Seri Teri Buana, maka baginda pun hendak beristeri. Maka baginda menyuruh memanggil Demang Lebar Daun. Maka Demang Lebar Daun pun datang mengadap, duduk menyembah; sembahnya: "Apa kehendak duli tuanku memanggil patik?" Adapun Demang Lebar Daunlah memulai asal berbahasa kepada raja bertuanku berpatik itu; serta meletakkan adat Melayu seTerigahnya. Maka titah Seri Teri Buana, "Adalah kita memanggil paman ini, kita hendak beristeri, carikan kita, adakah paman?" Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, yang mana titah duli tuanku Yang Maha Mulia, patik junjung;" seraya ia menyembah, lalu kembali menyuruh mengambil anak raja-raja, barang yang baik dipersembahkan kepada Seri Teri Buana. Setelah malam dibawalah baginda beradu; setelah siang hari maka dilihar baginda anak raja itu sekonyong-konyong kedal. Maka dikembalikan baginda kepada Demang Lebar Daun, minta carikan yang lain pula. Maka dipersembahkannya pula; serta dibawa baginda beradu, kedal pula. Maka habislah anak raja-raja dalam negeri Palembang itu, serta dibawa baginda beradu kedal pula semua tubuhnya. Maka dipersembahkan oleh

Demang Lebar Daun mengatakan tiada lagi anak raja-raja dalam negeri Palembang ini yang baik.

Hatta maka terdengarlah kepada Seri Teri Buana akan baik paras anak Demang Lebar Daun; pada zaman itu seorang pun tiada sebagainya yang di bawah angin ini. Maka baginda pun berahilah akan anak Demang Lebar Daun itu. Hendak dipinta oleh baginda, kalau-kalau tidak diberi oleh Demang Lebar Daun. Dengan hal demikian jadi masyghullah baginda; beberapa hari baginda tiada keluar diadap oleh orang di balai. Setelah Demang Lebar Daun melihat yang demikian itu, lalu ia masuk ke penghadapan dalam, maka ia pun bertanya kepada dayang-dayang, "Apa mulanya duli Yang Dipertuan telah berapa hari tiada keluar semayam?" Maka oleh dayang-dayang itu semuanya hal kelakuan baginda itu dikhabarkannya kepada Demang Lebar Daun.

A-29

B-25

Setelah Demang Lebar Daun mendengar khabar dayangdayang itu, maka ia fikir dalam hatinya, "Ada juga sesuatu yang dikuyukan oleh anak raja ini, baik aku bertanya kepadanya." Setelah ia berfikir, maka kata Demang Lebar Daun, "Pergi dayang persembahkan ke bawah duli Yang Dipertuan katakan manira hendak mengadap." Demang Lebar Daun yang permulaan . berbahasa kepada raja Melayu "Yang Dipertuan" itu. Maka dayang-dayang itu pun masuklah mengadap baginda, persembahkan Demang Lebar Daun hendak mengadap baginda itu.

Maka Seri Teri Buana pun keluar semayam dihadap Demang Lebar Daun; dipandangnya muka baginda pucat-pucat berseri selaku-laku ada menaruh berahi. Maka sembah Demang Lebar Daun, "Daulat tuanku patik berdatang sembah, apa sebab maka duli tuanku tiada keluar semayam seperti sedia kala? Apa juga duli tuanku kehendaki tiada akan duli tuanku peroleh itu? Kerana negeri Palembang ini duli tuanku yang empunya dia. Patik sekalian ini hamba yang khas sekadar mengembalai sahaja. Jangankan setara yang lain, yang duli tuanku kehendaki tiada akan tuanku peroleh, jikalau atas nyawa patik sekalian duli tuanku kehendaki patik persembahkan. Jikalau tiada yang demikian sembah patik ini bukanlah patik sekalian hamba Melayu."

A-30

Setelah Seri Teri Buana mendengar sembah Demang Lebar Daun itu, maka baginda fikir dalam hati, "jika demikian baik-

lah aku katakan rahsiaku ini, mudah-mudahan kuperoleh, kerana tiada tertanggung berahiku ini. Maka titah baginda, "Adapun rahsia dalam hati Hamba ini terlalu besar, jikalau Hamba katakan pun tiada akan Hamba peroleh, maka demikianlah hal Hamba."

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Daulat tuanku, mengapa tuanku berlindung titah lagi? Kerana sembah patik ke bawah duli Yang Maha Mulia telah putus, tiada Hamba Melayu. itu dapat menyalahi kehendak tuannya. "Maka titah baginda, "Adalah Hamba mendengar khabar paman konon ada menaruh seorang anak perempuan, amat baik parasnya. Jikalau dengan ikhlas paman, inilah yang Hamba pohonkan kepada paman."

Bersurupah Berteguh Janji

B-26

A-31

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Sungguh tuanku seperti khabar orang itu; jikalau tuanku berkehendakkan patik itu, patik sembahkan, lamun mahu duli tuanku berjanji dahulu dengan patik. Maka titah baginda, "Apa janji paman hendak diperjanjikan dengan hamba itu? Katakan oleh paman hamba dengar." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Barang maklum duli tuanku Yang Maha Mulia, jikalau anak patik telah terambil ke bawah duli, jikalau ia kena penyakit seperti patik-patik yang lain, telah maklum ke bawah duli tuanku itu, jikalau ada ampun kumia duli Yang Maha Mulia, janganlah tuanku keluarkan dari bawah istana tuanku. Biarlah ia menjadi gembala dapur Yang Maha Mulia, dan menyapu sampah di bawah peraduan duli tuanku. Seperkara lagi, perjanjian patik mohonkan anugerah ke bawah duli Yang Maha Mulia, segala hamba Melayu jikalau ada dosanya ke bawah duli, patik pohonkan jangan ia difadihatkan, dinista yang keji-keji, jikalau patut pada hukum syarak bunuh, tuanku; jangan duli tuanku aibi."

ديوان بهاس دان قوستاکے

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

حاکمیتا، تہہ تہہ 2008

Maka titah Seri Teri Buana, "Kabullah hamba akan janji paman itu; tetapi hamba pun hendak minta janji juga pada paman." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Janji yang mana itu, patik pohonkan titah duli Yang Maha Mulia." Maka titah Seri Teri Buana, "Hendaklah oleh segala anak cucu Hamba, jikalau ada salahnya sekalipun, atau zalim jahat pekertinya, jangan segala Haru ba Melayu itu derhaka dan menitikkan darahnya ke bumi, jikalau mereka itu akan cedera, berundur hingga takluk negerinya juga. "

Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, tetapi jikalau anak cucu duli tuanku dahulu mengubahkan, anak cucu patik pun berubahlah tuanku." Maka titah Seri Teri Buana, "Baiklah paman, kabullah hamba akan waad itu. Maka baginda pun bersumpah-sumpahanlah dengan Demang Lebar Daun. Titah baginda, "Barang siapa hamba Melayu derhaka mengubahkan perjanjiannya, dibalikkan Allah bumbungan rumahnya ke bawah kaki ke atas." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau raja Melayu itu mengubahkan perjanjian dengan Hamba Melayu, dibinasakan Allah negerinya dan takhta kerajaannya." Itulah dianugerahkan Allah subhanahu wa taala pada segala raja-raja Melayu, tiada pernah memberi aib kepada segala Hamba Melayu, jikalau sebagaimana sekalipun besar dosanya, tiada diikat dan tiada digantung, difadihatkan dengan kata-kata yang keji hingga sampai pada hukum mati, dibunuhnya. Jikalau ada seorang raja-raja Melayu itu memberi aib seseorang Hamba Melayu, alamat negerinya akan binasa.

A-32

B-27

Setelah sudah Demang Lebar Daun berteguh-teguhan waad itu, maka ia menyembah lalu kem bali ke rumahnya, menghiasi anaknya yang bernama Radin Ratna Cendera Puri itu dengan selengkap perhiasan yang keemasan. Setelah sudah, lalu dibawanya masuk ke dalam, dipersembahkannya kepada Seri Teri Buana. Setelah baginda memandang rupa baik paras anak Demang Lebar Daun itu, maka baginda pun hairan serta dengan sukacitanya. Maka titah baginda, "Sepenuh kasih pamanlah, Hamba terima. "Maka sembah Demang Lebar Daun, "Barang Daulat tuanku bertambah-tambah." Seraya ia bermohon kembali.

Setelah hari malam, Seri Teri Buana pun beradulah dengan Raden Ratna Cendera Puri. Setelah han siang, dengan anugerah Allah Taala dilihat baginda akan isterinya suatu pun tiada merbahayanya; dipandang baginda bertambah amat pula indah sifat parasnya, kerana asal Demang Lebar Daun itu daripada Raja Sulan juga. Maka baginda pun terlalu sukacita, seraya baginda menyuruh memanggil Demang Lebar Daun; maka Demang Lebar Daun pun datang mengadap serta duduk menyembah. Maka titah Seri Teri Buana, "Paman, adalah anak paman suatu pun tiada merbahayanya. "Maka sembah Demang Lebar Daun, "Maka dipandangnya suatu pun tiada cacatnya anak-

A-33

B-28

nya itu. Maka sembah Demang Lebar Daun dengan sukacitanya, "Daulat Berdaulat tuanku Seri Teri Buana, Dipertuan Teritera hamba Melayu;" seraya menyembah lalu kembali mengampungkan segala pegawai dan rakyat sekalian memulai berjaga-jaga, mengahwinkan Seri Teri Buana dengan anaknya; membuat panca persada tujuh belas pangkat serta dengan alat perhiasannya, terlalu indah perbuatannya. Betala tukangnya.

A-34

Maka terlalulah ramai orang berjaga-jaga itu, empat puluh hari empat puluh Malam dengan segala bunyi-bunyian, beratus kerbau, lembu, biri-biri, itik, ayam, angsa yang disembelih orang akan makanan segala orang yang bekerja itu; kepala kerbau menjadi tungku, kerak nasi menjadi busut dan air didih menjadi anak sungai. Setelah genap empat puluh hari empat puluh malam, maka Seri Teri Buana dan Raden Ratna Cendera Puri pun dihiasi oranglah dengan segala pakaian yang keemasan, bertatahkan ratna mutu manikam yang gemerlapan. Akan Seri Teri Buana pun mengenakan mahkota baginda yang amat gilang-gemilang, cahaya manikamnya gemerlapan memberi hairan yang melihat dia; maka baginda naiklah ke atas perarakan emas berpermata di bawah payung empat terkembang. Maka diarak oranglah tujuh kali berkeliling negeri Palembang itu dengan serba bunyi-bunyian, lalu ke istana; maka baginda pun dikahwinkan dengan Raden Ratna Cendera Puri. Maka rupa baginda dua laki isteri itu seperti matahari berkembar dengan bulan dipandang.

Setelah sampai tiga hari, maka dimandi-mandikan oleh Demang Lebar Daun, diarak pula ke panca persada dengan sepertinya, betapa adat raja yang besar-besar mandi, demikianlah dikerjakan oleh Demang Lebar Daun. Setelah selesailah daripada itu maka Seri Teri Buana pun karalah kerajaan di dalam negeri Palembang, amat berkasih-kasihannya dua laki isteri; menjadi makmurlah negeri Palembang Darul Salam selama baginda naik kerajaan itu,

Sebermula pada suatu hari, hanyat buih dari hulu terlalu besar, maka dilihat orang dalam buih itu ada seorang budak perempuan, terlalu baik rupanya. Maka dipersembahkan oranglah kepada Seri Teri Buana, maka diisutlah baginda; maka dinamai baginda akan budak itu Puteri Tanjung Buih, diangkat baginda anak terlalulah baginda dua laki isteri akan Puteri Tanjung Buih itu.

Membunuh Ular Sakti Mona

Alkisah maka tersebutlah Sang Si Perba kerajaan di Minangkabau itu; pada suatu hari berhimpun segala Orang Besar-besar dan orang tua-tua, yang memegang anak negeri kepada Patih Suatang. Maka kata mereka itu, "Adapun raja kita ini dikatakan anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain, pancar Sulaiman 'alaihi s-salam; mari kita cuba dahulu jikalau dapat baginda membunuh ular 'Sakti Mona' yang membinasakan perhumaan kita itu. Jika dapat bagindamembunuh dia, kararlah baginda kita pertuan, dan jika tiada dapat, baiklah tuan hamba juga jadi raja kami." Maka Patih Suatang pun pergilah mengadap Sang Si Perba bersama-sama dengan sekalian mereka itu. Maka sembah Patih Suatang, "Terlalulah bahagia kami sekalian merajakan tuanku di tanah Minangkabau ini; tetapi tuanku, ada seekor ular besar membinasakan perhumaan kami itu. Jikalau ada derma kumia tuanku, kami minta bunuhkan ular itu, kerana kami tiada dapat membunuh dia; berapa 'pun kami tetak dan kami tikam, tiada juga ia luka, jangankan matinya. Itulah kami minta bunuhkan kepada tuanku." Maka titah Sang Si Perba, "Baiklah, kamu tunjukkanlah aku tempatnya." Maka dibawa oranglah baginda kepada tempat ular itu.

Maka ada seorang hulubalang baginda, Permasku Mambang namanya, maka ia dititahkan oleh Sang Si Perba membunuh ular itu. Maka curik Si Mandang Kini itu dikumiakan baginda kepadanya. Maka titah baginda, "Pergilah engkau bunuh ular itu dengan curikku ini, matilah olehnya." Maka ia pun pergilah bersama-sama mereka itu kepada temp at ular itu, Setelah ular itu mencium bau manis, maka ular itu pun keluarlah hingga kepalanya dari dalam rongganya. Dilihatnya ular Sakti Mona itu berlingkar seperti busut yang besar rupanya. Setelah ular itu melihat Permasku Mambang, ia pun menggerakkan dirinya, maka diparang oleh Permasku Mambang, penggal tiga lalu mati. Maka Permasku Mambang pun kembalilah bersama-sama dengan sekalian mereka itu, mcngadap Sang Si Perba, persembahkan ular itu sudah mati, tetapi curik Si Mandang Kini sumbing seratus sembilan puluh. Maka Sang Si Perba pun terlalu sukacita, beberapa puji baginda akan Permasku Mambang serta dianugerahi baginda persalinan dengan sepertinya. Maka kerajaanlah baginda dalam Minangkabau, kararlah dengan Seritosa datang kepada anak cucu baginda,

B-29

A-35

B-30

A-36

Sebermula maka tersebutlah perkataan Tajitram Syah rosak di Laut Selbu, terdarupar ke pantai dengan beberapa orang lasykar baginda. Hatta sampai kepada sebuah kuala sungai bernama Belambang Majut, dahulunya sebuah negeri; Belambang Majutlah nama negeri itu, rajanya bernama Demang Kebayunan; dan ada anaknya seorang perempuan, terlalu baik rupanya bernama Raden Suwata Caratu, pancar Demang Lebar Daun juga. Pada masa itu Demang Kebayunan hilir bermain ke kuala dengan segala hulubalang, berjalan di pasir. Maka Demang Kebayunan pun bertemulah dengan Tajitram Syah duduk di bawah pohon ru, dihadap oleh lasykanya.

Maka tanya Demang Kebayunan, "Dari mana tuan Hamba datang yang serupa ini? Apa sebabnya maka duduk di sini?" Maka sahut Tajitram Syah, "Adalah Hamba ini orang rosak, kena taufan!" Maka diceriterakannyalah daripada mulanya sampai ia rosak itu, habis diceriterakannya. Setelah Demang Kabayunan mendengar baginda itu anak raja besar, maka dibawanya kembali ke negerinya, didudukkan dengan anaknya yang bernama Raden Seridari itu. Maka beranaklah ia empat orang, dua orang lelaki dan dua orang perempuan. Seorang Ratna Dewi namanya, dan yang seorang lagi namanya Seri Dewi; yang lelaki itu yang seorang bernama Maniaka, dan seorang Nila Kama.

A-37 Syahadan tatkala telah termasyhurlah raja turun ke Bukit Si Guntang itu daripada anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain, maka kata sahibul hikayat, datanglah suruhan raja China meminang. Maka didengamya Tajitram Syah itulah raja benua Keling, daripada anak cucu Iskandar Zul-Karnain ada di negeri Belambang Majut. Maka suruhan raja China itu pun. datanglah ke negeri itu meminang. Maka oleh Tajitram Syah diberikannya anakanda baginda yang bernama Seri Dewi itu, kerana ia yang tua ke benua China; dan seorang dipinang raja benua Jawa, Ratu Majapahit, diberikan baginda anakanda baginda yang bernama Ratna Dewi itu. Maka titah baginda "Berhubunglah benua China dan benua Jawa dengan benua Keling."

B-31 Hatta, maka terdengarlah ke benua Keling Tajitram Syah rosak, ada duduk di dalam tanah Andalas, sebelah Laut Selbu; maka segala menteri baginda dalam Canda Kani datanglah

beberapa puluh buah kapal menjemput baginda. Adalah kata yang empunya ceritera, maka Tajitram Syahpun kembali membawa anakanda baginda kedua ke benua Keling. Demikianlah dalam hikayat, perkataannya yang sempuma. Maka adapun negeri Belambang Majut itu sekarang dinamai orang Bangkahulu, dahulukala negeri besar adanya.

Mencari Tempat Baru Untuk Berbuat Negeri

Alkisah maka tersebutlah perkataan Seri Teri Buana kerajaan di Palembang itu, ada pada suatu han baginda berfikir hendak mencari tempat berbuat negeri, kerana Palembang baginda tiada berkenan; lagi pula baginda hendak melihat laut. Maka baginda pun memanggil Demang Lebar Daun. Setelah Demang Lebar Daun datang, maka titah baginda, "Apa bicara paman, adalah hamba ini hendak pergi bermain-main melihat laut." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Baiklah tuanku, jikalau duli Yang Dipertuan akan berangkat patik mengiringlah, kerana patik tiada dapat bercerai dengan duli tuanku." Maka titah baginda, "Hamba pun tiada dapat bercerai dengan paman; segeralah paman berlengkap perahu." A-38

Maka Demang Lebar Daun pun menyembah, lalu keluar mengerahkan segala Orang Besar-besar yang akan dibawanya mengiring itu berlengkap perahu, membaiki alat Senjata. Maka mereka itu sekalian berlengkap; setelah sudah lengkap, maka Demang Lebar Daun pun memanggil saudaranya yang muda, katanya, "Tinggallah tuan hamba, peliharakan negeri ini baik-baik, hamba hendak mengiring duli Yang Dipertuan, barang ke mana kehendak baginda hamba iringkan." Maka kata saudaranya, "Baiklah." Maka Demang Lebar Daun pun masuklah mengadap Seri Teri Buana, persembahkan segala perahu itu sudah lengkap. Maka titah baginda, "Bermuatlah paman, tiga hari lagi kita pergi." Maka Demang Lebar Daun pun menyembah, lalu keluar mengerahkan segala orang yang akan dibawa itu bermuat; maka sekaliannya pun bermuatlah, masing-masing pada perahunya. Setelah genap tiga hari, maka Seri Teri Buana pun berangkatlah, berkenakan telumba berdandan emas bertatah permata, pebujangan lelayang berdandan perak bersendi tembaga suasa. Maka Demang Lebar Daun dengan segala menteri hulubalang masing-masing dengan perahunya, ada tongkang, B-32

ada ganting, ada kelulus. Maka rupa perahu mereka yang mengiring itu terialu banyak, bagai tiada dapat dibilang rupanya penuh di laut; rupa tunggul panji-panji seperti awan berarak; rupa payung segala raja-raja dan catria seperti mega membangun; rupa tiang seperti pohon kayu. Setelah sampai ke kuala, lalu belayar menyusur.

A-39

Hatta beberapa hari di laut, maka sampailah ke kuala Inderagiri" Maka titah Seri Teri Buana, "Apa namanya suiigar ini?" Maka sembah mereka yang pelayaran, "Kuala Kuantan tuanku, namanya." Maka tarupak pula gunung Lingga dari sana. Titah baginda, "Gunung mana yang kelihatan dua itu?" Maka sembah orang itu, "Gunung Lingga tuanku."

"Setelah datang ke suatu selat, maka segala kelengkapan baginda pun kekurangan air; beberapa dicari oleh sekalian mereka itu tiada bertemu dengan air tawar, maka kalutlah mereka itu sekaliannya kehausan air. Maka titah Seri Teri Buana, "Lingkarlah rotan, carupakkan ke air itu." Maka dikerjakan oranglah seperti titah baginda itu, Maka baginda pun turun ke sampan, serta baginda bercita akan Raja Iskandar Zul-Karnain dan Raja Sulaiman 'alaihi s-salam. Maka dicelupkan baginda ibu kaki ke dalam lingkaran rotan itu. Dengan anugerah Tuhan Yang Maha Kuasa, berkat pancar Nabi Sulaiman 'alaihi s-salam, air masin itu menjadi tawar. Maka segala kelengkapan baginda masing-masing mengisi air ke dalam terupayannya; maka dipanggil orang "Selat Air Tawar" datang sampai sekarang. Setelah itu maka sekalian kelengkapan baginda pun belayarlah mengiringkan baginda. Hatta sampailah ke Selat Sambu.

Sebermula maka tersebutlah perkataan Raja Bintan, pada zaman dahulu baginda itu raja besar di bawah angin ini; raja itulah yang emp'unya nobat yang ada sekarang ini. Kata yang empunya ceritera, raja itu bernama Raja Ishar Syah, dan nama isterinya Iskandar Syah. Ada baginda beranak seorang perempuan bernama Wan Seri Beni Raja Ishar Syah itu pancar dari- A-40 pada Raja Banglung. Maka baginda kedua laki isteri sudah hilang, anakanda baginda Wan Seri Benilah kerajaan di negeri Bintan menggantikan kerajaan ayahanda bonda baginda, bemegeri di Bukit Bijana, di darat Telaga Tujuh, berbandar di Tanjung Bintan, bertimbangan Tanjung Siak Menanti; Teluk Bintan itulah labuhan dagang. Mangkubumi baginda yang ber-

B-33

nama Aria Bupala dan Menteri Bupala telah mendengar khabar raja yang dari Bukit Si Guntang itu datang dari Palembang ada di Selat Sambu; maka keduanya pun masuklah mengadap Wan Seri Beni persembahkan khabar itu.

Maka titah Wan Seri Beni, "Apa bicara tuan Hamba akan anak raja itu datang ke teluk rantau kita ini?" Maka sembah Menteri Bupala, "Mana titah Hamba junjung, adalah pada pendapat Hamba, baik juga kita alu-alukan dia, kerana baginda raja besar." Maka titah Wan Seri Beni, "Sebenamyalah bicara tuan Hamba;" seraya menyuruh mendapatkan anak raja itu, "Jikalau ia tua katakan adinda empunya sembah, danjikalau ia muda katakan bonda empunya salam." Pada maksud baginda, jika raja itu tua dari baginda hendak diambil akan suami, dan jika muda hendak diambil akan anak.

A-41 Maka Aria Bupala dan Menteri Bupala pun menyembah, lalu keluar berlengkap empat buah lancaran, dua buah diisinya dengan alat senjata, hulubalang menduduki dia; dan dua buah berisi sirih pinang dan segala buah-buahan tebu pisang serta makanan. Menterilah menduduki dia; maka Aria Bupalalah pergi jadi tuanya. Maka segala perahu itu pun pergilah mengikut dari Tanjung Rengas sampai ke Selat Sambu, tiada berputusan rupa perahu. Maka Aria Bupala pun sampailah kepada kelengkapan Palembang; maka disuruh sungsong oleh Demang Lebar Daun kepada Batala. Setelah bertemu lalu dibawanya mengadap.

B-34 Setelah Aria Bupala melihat rupa Seri Teri Buana itu, maka ia pun tercengang seketika. Dipandanginya lagi Terigah muda, bangun teruna. Maka katanya, "Tuanku, paduka bonda empunya salam, tuanku dipersilakan paduka bonda masuk ke negeri; itu pun jikalau ada dengan tulus ikhlas duli tuanku." Maka titah Seri Teri Buana, "Lain-lain pula titah paduka bonda; adalah kita ke mari ini tuan, sahaja hendak mengadap bondalah." Maka Aria Bupala pun terlalu suka mendengar titah baginda itu, maka segala sirih pinang dan buah-buahan dan makanan itu sekaliannya dipersembahkan oleh Aria Bupala. Maka sekaliannya itu pun disambut orang, disuruh bahagikan pada segala Orang Besar-besar dan segala mereka yang ada. Aria Bupala pun dengan segala menteri, hulubalang Teritera yang sertanya itu dipersalin baginda dengan sepertinya, maka sekaliannya menjunjung duli baginda.

Setelah itu titah Seri Teri Buana, "Katakan sembah kita kepada paduka bonda itu, esoklah kita mengadap paduka bonda," Maka sembah Aria Bupala, "Baiklah tuanku," serta ia bermohon kepada baginda dengan segala menteri hulubalang yang sertanya, lalu turun kembali mengadap Wan Seri Beni. Maka segala kata-kata, peri kelakuan Seri Teri Buana itu semuanya dipersembahkannya kepada Wan Seri Beni. Maka baginda pun hairan serta dengan sukacitanya, seraya menyuruh menghiasi negeri. Maka segala kelengkapan Bintang, lancaran tiang tiga, selur, dendang dan jong diatur oranglah, semenjak dari Tanjung Rengas sampai ke Karas Besar tiada putus lagi kelengkapan Bintang, demikian ceriteranya pada zaman dahulukala; dan perahu dagang yang ada dalam labuhan Teluk Bintang, tidar, data dan banting, semuanya diundurkan orang, ada yang ke hulu ada yang ke hilir Teluk Bintang. Itulah diperbuat orang pantun.

A-42

Teluk Bintang labuhan dagang,
Tempat mengail parang-parang;
Adakah hitam pinggangnya ramping,
Bagai bunga sudah dikarang.

Setelah keesokan harinya, maka segala kelengkapan Palembang pun kelihatanlah dari atas pelarian kota; maka gemparlah segala orang mengatakan Seri Teri Buana telah kelihatan kelengkapannya. Maka Aria Bupala dengan segala hulubalang Bintang pun dititahkan oleh Wan Seri Beni mengalualukan baginda itu. Maka sekaliannya pergilah mengalu-alukan. Maka bertemulah kelengkapan Palembang dengan kelengkapan Bintang, selaku-laku akan berperang lakunya; rupa tunggul, panji-panji, merawal dan ambul-ambul seperti taruk kayu dalam hutan ditiup angin; bersatu rupanya kemar dari Tanjung Rengas itu, seperti kawan semut beriring-iring rupanya. Maka gemuruhlah bunyi bahananya, tempik sorak suara rakyat antara kedua pihak itu berdayung, bercampur dengan segala bunyi-bunyian, gegak-gempita bahananya.

B-35

A-43

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia
HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka kelihatanlah kenaikan Seri Teri Buana bemyala rupanya, berseri rupa alat perhiasan, menyusup rupanya datang. Maka Menteri Bupala pun telah hadir di jambatan dengan segala menteri sida-sida, bentara menanti. Maka kenaikan Seri Teri Buana pun terkepillah di jambatan ber-

kembar dengan perahu Demang Lebar Daun. Maka Menteri Bupala pun mengepulkan gajah menyambut baginda turun, maka baginda pun naiklah ke atas gajah Demang Lebar Daun mengepulkan gajah baginda.

Syahadan di Bintang gajah memangku puan baginda, dan Demang Mangku Raja, saudara Demang Lebar Daun, menyandang pedang badram belawa, dengan segala penjawat baginda berjalan di hadapan gajah baginda; Menteri Bupala memegang gading kanan, Aria Bupala memegang gading kiri. Maka payung iram-iram kerajaan putih pun terkembanglah empat, serta cogan kerajaan panji-panji alam pun terdirilah. Maka diarak oranglah baginda masuk ke dalam kota Bintang dengan segala bunyi-bunyian diiringkan oleh segala menteri hulubalang kedua buah negeri itu, terlalu sabur rupanya. Mereka yang melihat bersesak bertindih-tindih sepanjang pasar itu. Maka disuruh arak oleh Wan Seri Beni langsung sekali ke dalam; maka diarak oranglah masuk ke dalam rong sekali, terkepil di atas rong dalam.

Maka Demang Lebar Daun dengan Menteri Bupala segera menyambut baginda, maka baginda berjalanlah di seri balai, naik langsung semayam di atas singgahsana Raja Ishar Syah, ayahanda Wan Seri Beni. Syahadan Wan Seri Beni pun telah semayam di seri penghadapan dihadap sekalian isi istana dan segala isteri Orang Besar-besar, Maka Demang Lebar Daun pun diatur bertimbalan dengan Aria Bupala, dan yang lain daripada itu masing-masing kepada peraturannya, penuh pepak mengadap Seri Teri Buana di balairung.

A-44

B-36

Jadi Anak Angkat Raja Perempuan Bintang



Maka puan daripada Wan Seri Beni pun dipersembahkan bentalah kepada Seri Teri Buana. Maka titah Wan Seri Beni, "Ya anakku tuan, santaplah siri bonda yang tiada dengan sepertinya. Besamya untung banda, tuan datang ke negeri ini, dan kerajaanlah tuan di sini; bonda pun tiada empunya anak, tuannya anak banda, dan tuannya yang empunya negeri Bintang ini dengan segala bala Teriteranya, bonda berikan kepada tuan, mana perintah tuannya akan bala Teritera tuan; akan segala alat kerajaan banda kepada tuannya bonda salinkan." Maka baginda pun menyuruh menghiasi istana bonda baginda, Puteri Iskandar Syah, dengan selengkap alat perhiasan yang

keemasan, bertatahkan ratna mutu manikam. Maka baginda menyuruhkan isteri Menteri Bupala dengan segala isteri Orang Besar-besar menjemput Raden Ratna Cendera Puri usungan emas berpermata, berkhemah badar sila, bertabir dewangga pirang.

Maka pergilah isteri Menteri Bupala bertandu mengiringkan usungan emas itu dengan isteri Orang Besar-besar, diikuti oleh segala pegawai serta dengan alat senjatanya. Setelah sampai, maka isteri Menteri Bupala dengan segala yang bersamanya itu pun turunlah kepada kenaikan Seri Teri Buana, mendapatkan Raden Ratna Cendera Puri. Setelah bertemu maka sekaliannya duduk menyembah serta dengan berkenan memandang baginda, terlalu baik parasnya, sedap Manis barang lakunya.

A-45

Maka sembah Menteri Bupala, "Tuanku, paduka banda empunya salam, tuanku dipersilakan paduka banda naik ke istana. Maka ujar Raden Ratna Cendera Puri, "Titah duli paduka Suri itu Hamba junjunglah; Hamba lagi menanti raja turun mengadap duli baginda." Maka sembah isteri Menteri Bupala, "Sudah maklum tuanku, paduka kakanda, paduka bonda menitahkan patik sekalian mengadap, persilakan duli tuanku."

B-37

Maka Terigah berkata-kata itu, Demang Lebar Daun pun datang dititahkan Seri Teri Buana, mengambil anakandanya, Maka Raden Ratna Cendera Puri pun naik ke atas usungan, bersama-sama isteri Bupala dan bondanya; yang lain dari itu masing-masing berjalan di tanah dengan segala inang pengasuh, dayang-dayang mendara perwara. Adalah Raden Cendera Puri terlalulah ramai berjalan mengiringkan usungan itu masuk ke dalam. Setelah sampai ke istana Wan Seri Beni, maka Raden Ratna Cendera Puri pun turunlah, naik ke istana diiringkan sekalian yang berserta dengan baginda itu.

Setelah Wan Seri Beni melihat anakanda bagindaitu, maka baginda pun bangkit dari atas petarana menyambut tangan Raden Ratna Cendera Puri, dibawa semayam bersama-sama di atas peterana itu. Maka Raden Ratna Cendera Puri pun tunduk menyembah duli Wan Seri Beni maka dipeluk dicium baginda serta berkenan memandang rupa dan laku Raden Ratna Cendera Puri itu; maka jatuhlah hati baginda terlalu kasih. Maka diperjamu bagindalah dengan segala nikmat dan

A-46

dipersalin dengan pakaian raja-raja yang keemasan, bertatahkan ratna mutu manikam. Maka baginda Sendiri menghantarkan Raden Ratna Cendera Puri ke istana bonda baginda, Puteri Iskandar Syah. Setelah itu baginda pun kembali ke istana Sendiri.

B-38

Maka diceriterakan oleh orang yang empunya ceritera, adalah Seri Teri Buana akan kerajaan di Bintan ditabalkan oleh Wan Seri Beni dan dinobatkan; segala menteri hulubalang bala Teritera Bintan dan Palembang mengadap nobat baginda; Betalalah membaca ciri; gelar baginda Seri Teri Buana juga. Demang Lebar Daun dijadikan oleh Wan Seri Beni akan Bendaharanya. Menteri Bupala dan Aria Bupala menjadi Menteri dan Penghulu Hakim. Demang Mangku Raja dititahkan Seri Teri Buana pulang ke Palembang menjadi kerajaan di hulu. Kata sahibul hikayat ialah asal raja Palembang yang ada sekarang ini.

Hatta maka tersebutlah anak cateria China yang tinggal di negeri Belambang Majud, terlalu baik rupanya. Maka ia tiada juga duduk di dalam negeri itu, lalu ia pergi ke Palembang. Maka oleh Demang Mangku Raja, dipersembahkan ke Bintan, ke bawah duli Seri Teri Buana. Maka oleh baginda didudukkan dengan Puteri Tanjung Buih; maka daripada anak cucunya yang lelaki dipanggil orang "awang" dan yang perempuan dipanggil "dara", dan itulah asal "perawangan" dan "perdaraan" pada zaman Melaka. Maka negeri Bintan makmurlah selama Seri Teri Buana kerajaan itu, sampailah kepada dua tahun baginda di atas kerajaan Bintan.

A-47

Pada suatu hari, baginda berkira-kira hendak membawa isteri baginda bermain-main ke Bengkilau. Maka baginda menyuruhkan Aria Bupala mengadap banda baginda, Wan Seri Beni; titah baginda, "Katakan sembah Hamba kepada bonda, bahawa hamba hendak membawa perempuan bermain-main ke Bengkilau." Maka Aria Bupala pun menyembah, lalu masuk mengadap Wan Seri Beni, persembahkan seperti titah Seri Teri Buana itu, Maka titah Wan Seri Beni, "Mengapa maka anakku hendak pergi bermain-main jauh? Bukankah ada pelanduk dan kijang rusa berpuluh-puluh teban? Dan kerbau lembu berpuluh-puluh kandang? Dan ikan udang berpuluh-puluh kolam? Maka ia hendak pergi bermain-main jauh; dan bunga-bunga dan buah-buahan dengan tamannya, dan

burung ada dengan sangkarannya, tiadalah kita beri anak kitapergi."

Setelah Aria Bupala mendengar titah Wan Seri Beni itu, maka ia pun menyembah lalu mengadap Seri Teri Buana, persembahkan semua titah Wan Seri Beni itu habis dipersembhkannya kepada baginda. Maka titah baginda, "Baliklah tuan Hamba pula, persembahkan sembah Hamba. Jikalau Hamba tidak diberi bonda pergi pun serba mati; kematian Hamba walau ditirupa rambut yang sehelai pun Hamba mati."

Maka Aria Bupala pun bermohonlah kepada baginda, mengadap Wan Seri Beni, persembahkan seperti titah Seri Teri Buana itu. Maka Wan Seri Beni pun tiadalah terkata-kata lagi seraya baginda bertitah, "Daripada anak kita mati, biarlah dia pergi. Segala kamu sekalian pun pergilah iringkan anak kita itu, jangan taksir membelakan anak kita itu," Maka Aria Bupala pun menyembah Wan Seri Beni, lalu mengadap Seri Teri Buana. Segala titah Wan Seri Beni itu semuanya dipersembhkannya kepada baginda.

B-39

Maka Seri Teri Buana pun menitahkan Demang Lebar Daun berlengkap. Maka Demang Lebar Daun pun menyuruhkan segala hulubalang berhadir perahu akan mengiring itu, seraya menyuruhkan orang berhadir kenaikan, den dang panjang lima belas; pembujangan-pembujangan panjang dua belas; kayuh-kayuhan - selur panjang sepuluh; penanggahan-telentam panjang tiga belas. Maka terkenallah sekalian alatnya; dan perahu gendang adap-adap.

A-48

Setelah rata sudah bermuat harta dengan rakyat, maka Demang Lebar Daun pun masuk mengadap baginda, sembahnya, "Adalah yang seperti titah itu, telah sialah tuanku patik hadirkan." Maka Seri Teri Buana pun berangkatlah turun ke kenaikan, membawa isteri baginda diiringkan segala isi istana baginda. Maka segala Orang Besar-besar yang mengiring itu pun turunlah, masing-masing pada perahunya. Setelah itu maka nafiri pun ditiup oranglah di haluan kenaikan; maka kenaikan pun berkeayuhan; maka sekalian perahu pun bergeraklah, ada yang berdayung, ada yang berkayuh, terlalu banyaknya seperti kapar penuh rupanya lautan; gemuruh bunyi bahana rakyat yang bergolot itu, bercampur dengan bunyi rebana dan sorak suara segala biduan. Maka terlalulah sabar bunyinya, adalah rupa perahu dari Teluk Bintan ke

Lobam tiadalah berputusan.

B-40

A-49

Telah sampai ke Bengkilau, maka baginda pun berhenti di sana membawa Raja Perempuan turun ke padang mengambil buah kemunting, diiringkan segala dayang-dayang mendera perwara dan segala menteri hulubalang sekalian terlalu ramai. Maka titah Seri Teri Buana pada Menteri Bupala, "Tanjung mana yang di seberang itu?" Maka sembah Menteri Bupala, "Tanjung Bemban tuanku, namanya." Maka titah baginda, "Niat kita hendak ke sana;" lalu baginda berangkat turun membawa isteri baginda ke kanaikan. Maka sekaliannya pun turun ke perahu, nafiri pun berbunyiilah; maka sekaliannya mengiring ke kenaikan menuju tanjung itu. Setelah sampai maka baginda pun turunlah ke pasir, membawa isteri baginda mengambil remis dan karang-karangan, diiringkan mendara perwara dan segala isteri Orang Besar-besar yang pergi berburu.

Kata sahibul hikayat adalah berburu itu dari Tanjung Bemban sampai ke sebelah Tanjung Serigkuang, ke barat Terang. Kenaikan dengan sekalian perahu mengikut ke sana. Maka berburu itu sampai kepada bukit. Maka anjing baginda terjun diHambat seekor pelanduk putih. Maka titah baginda, "Baiklah temp at ini diperbuat negeri, anjing alah oleh pelanduk, jika manusia betapa lagi?" Maka titah baginda kepada Demang Lebar Daun, "Paman kerahkan orang menebas tempat ini, kita perbuat negeri;" seraya baginda berjalan naik ke atas bukit itu. Serta baginda memandang ke seberang maka kelihatanlah pasir merentang terlalu putih. Maka baginda bertanya kepada Menteri Bupala, "Tanah mana pasimya yang merentang putih di seberang itu?" Maka sembah Menteri Bupala, "Pasir di sebelah tanah besar tuanku, Temasek namanya." Maka titah baginda, "Sekarang apa bicara segala orang, kerana kita mau ke sana, terlalu sekali kita berkenan memandang dia." Maka sembah Demang Lebar Daun, "Jikalau duli Yang Dipertuan hendak ke sana, baiklah tuanku memberi tahu paduka bonda."



A-50

Maka baginda pun menitahkan Aria Bupala berbalik ke Bintan, mengadap Wan Seri Beni, persembahkan segala pesan Seri Teri Buana mengatakan baginda hendak ke sana. Maka Aria Bupala pun menyembah, lalu pergi berbalik ke Bintan. Setelah ia sampai lalu mengadap Wan Seri Beni, persembahkan

segala pesan Seri Teri Buana itu. Maka titah Wan Seri Beni, "Yang mana kesukaan anak kitalah; bawalah oleh kamu alat anak kita sekaliannya dan segala pegawai dan rakyat; setelah sudah Teritu, kita pun ke sana."

B-41

Setelah itu maka Aria Bupala pun menyembah lalu berbalik mengadap Seri Teri Buana, yang seperti titah baginda itu semuanya dikerjakannya, serta membawa segala rakyat serta pegawai Bintan itu. Maka sembah Aria Bupala, "Paduka bonda empunya salam; titah paduka bonda, yang mana kesukaan duli tuanku itu, kesukaan bondalah. Semua rakyat dan pegawai Bintan ini akan mengiringkan duli tuanku. Paduka bonda pun akan mengikut duli tuanku juga, jikalau sudah Teritu duli tuanku bertempat."

Temasek Dijumpai

Maka Seri Teri Buana terlalu sukacita serta baginda mengerahkan segala orang akan menyeberang. Maka sekaliannya berhadirlah; setelah waktu dinihari lepas nobat, maka nafiri berangkat pun berbunyi, maka sekaliannya menyeberanglah mengikut kenaikan, hingga penuhlah rupa lautan itu dengan perahu, menuju Temasek.

Hatta dengan takdir Allah Taala, setelah mengirap pasir, maka turunlah ribut barat daya, terlalu besanya serta dengan ombaknya. Maka berpecahlah sekalian perahu itu, yang bersama dengan kenaikan itu hanya empat buah perahu juga; pertama perahu Demang Lebar Daun, dan perahu Menteri Bupala dan perahu Hatata. Empat buah perahu itulah yang tiada bercerai dengan kenaikan baginda. Maka berapa dipertimbakan kenaikan itu tidak mahu kering air ruangnya, masih hingga lutut juga. Maka titah baginda, "Buanglah segala isi perahu itu, supaya ia timbul." Maka dibuang oranglah segala muatannya, tiada juga timbul, Makin banyak pula air ruangnya. Titah baginda, "Buang pula biar habis sekali buangbarang itu." Maka segala semberib, piring, talam emas, bokor emas dan perak dan tembaga suasa sekaliannya habis dibuangkan orang.

A-51

Syahadan datanglah ke Teluk Belanga, maka kenaikan itu tiadalah tertimba lagi, lalu akan Teriggelam. Maka titah baginda, "Apa yang ada lagi di dalam perahu ini, maka tiada ia mahu timbul ini?" Maka sembah Menteri Bupala, "Pada pendapat

B-42 patik, kalau sebab mahkota kudrat itu juga tuanku, maka kenaikan demikian halnya." Maka diambil mahkota itu, lalu diletakkan baginda ke air. Sekonyong-konyong teduhlah ribut itu dan ombak pun Teriang seperti air di dalam balang. Maka didayungkan oranglah ke pantai; setelah datang ke pantai maka baginda pun turunlah, membawa isteri baginda diiringkan mendara perwarasekalian, bermain di padang Temasek itu, Maka segala perahu yang banyak itu pun datanglah semuanya berkampung, dan segala Orang Besar-besar itu turun dengan isterinya mengadap baginda dua laki isteri. Maka Seri Teri Buana pun berangkat melihat tanah Temasek itu diiringkan segala Orang Besar-besar. Dipandang baginda terlalu molek perbuatan tanah itu, bukit tanahnya dan rata di atasnya, dan padang di negaranya.

A-52 Maka baginda semayam di bawah pohon jambu laut, dihadap segala Orang Besar-besar, berbicara hendak membuat negeri; seraya menitahkan rakyat menebas kayu di padang itu. Maka segala rakyat pun naiklah menebas; sekonyong-konyong melintas seekor binatang maha tangkas lakunya, merah wama bulu tubuhnya, kehitam-hitaman kepalanya, dan putih dadanya; sikapnya terlalu perkasa, besar sedikit daripada kambing randuk. Setelah ia melihat orang banyak itu. lalu ia melorupat, ghaib daripada mereka itu. Maka titah Seri Teri Buana, "Apa nama binatang yang serupa itu?" Maka seorang pun tiada menyahut. Maka sembah Demang Lebar Daun, "Tuanku, ceritera orang patik dengar, yang demikian sifat dan kelakuan binatang itu, singa konon namanya, tuanku."

Maka titah baginda, "Patutlah kita perbuat negeri tempat ini, kerana binatang gagah ada di dalamnya; dan sebutlah Temasek ini Singapura;" sampailah sekarang disebut orang "Singapura". Setelah itu baginda pun menitahkan Aria Bupala ke Bintan. Titah baginda, "Katakan, paduka anakanda empunya sembah, adakah paduka anakanda berbalik ke Bintan lagi, di Temaseklah paduka anakanda berbuat negeri. Jikalau ada kasih bonda, hamba minta sekalian rakyat serta gajah, kuda dan bonda pun tuan hamba bawa sekali. "

B-43 Maka Aria Bupala pun menyembah kepada tuanku, berangkat dengan segala pegawai, dan dua tiga puluh perahu, dengan kenaikan Wan Seri Beni lancar bertiang tiga. Setelah ke Bintan

maka Aria Bupala pun naik mengadap Wan Seri Beni, persembahkan segala pesan Seri Teri Buana itu. Maka Wan Seri Beni pun menyuruh berlengkap pada segala Orang Besar-besar, mengerahkan rakyat sekalian bermuat gajah, kuda ke perahu. Setelah mustaed, maka Wan Seri Beni pun pergilah ke Singapura. Setelah sampai maka sekaliannya naiklah; maka negeri Singapura pun telah sudahlah diperbuat orang dengan kota paritnya, dan dengan segala istana dan balairung dalam dan balairung luar, serta sekalian rumah orang, kedai dan pasar; terlalu indah perbuatan negeri Singapura itu.

A-53

Maka Seri Teri Buana pun semayamlah di istana sebuah seorang dengan Wan Seri Beni kerajaan dalam Singapura. Terlalulah makmumnya negeri itu, adalah labuhan dagang dari Teluk Tanjung Ru, sampailah ke parit, kampung orang; dari negeri itu sampai ke Tanah Merah bertemu bumbungan rumahnya, dan Demang Lebar Daunlah memerintahkan negeri itu, Maka Seri Teri Buana pun ditabalkan pula oleh Wan Seri Beni di Singapura itu. Anak Menteri Bupala dititahkan di Bintan, bergelar Tun Telanai, zaman itu dikumiai sirihnya dan air, nasinya makan di balai bertetarupan belaka, dan sampai ke anak cucunya bergelar Telanai juga tiada lain, kerana ia asal Bendahara Bintan. *Wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihi'maryi'u wal-ma 'ab.*



ديوان بهاس دان پوسٹاڪے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

III

Puteri Nila Pancadi ke Singapura

B-44

ALKISAH maka tersebutlah perkataan raja di benua Keling, Adi Rama Raja Mudaliar namanya, asalnya daripada anak cucu Raja Suran, raja di negeri Bijaya Negara. Maka baginda beranak seorang lelaki bernama Cambutharam Mudaliar; setelah Adi Rama Mudaliar mati, maka anakanda baginda Jambuga Rama Mudaliarlah kerajaan, Maka baginda beranak seorang perempuan, Tuan Puteri Nila Pancadi namanya, terlalu baik parasnya. Maka masyhurlah pada segala negeri baik parasnya Tuan Puteri itu. Maka beberapa puluh raja-raja yang meminang dia, tiada diberikan ayahnya.

A-54

Sebermula Seri Teri Buana pun beranak dua orang lelaki, terlalu baik paras rupanya anakanda baginda kedua itu; yang tua bernama Raja Kecil Besar, dan yang muda bernama Raja Kecil Muda, dipelihara baginda dengan sepertinya. Setelah besarlah kedua anakanda baginda itu, maka terdengarlah baik paras Tuan Puteri Nila Pancadi itu ke Singapura. Maka Seri Teri Buana pun memerintahkan Aria Bupala dengan Maha Indera Bijaya utusan ke benua Keling, meminang Puteri Nila Pancadi itu akan anakanda baginda Raja Kecil Besar. Maka Aria Bupala dengan Maha Indera Bijaya pun belayarlah ke benua Keling.

Hatta berapa lamanya di laut maka sampailah ke negeri Bijaya Negara; maka disuruh sambut oleh Raja Jambuga Rama Mudaliar surat dari Singapura itu, dengan dihormati diarak berkeliling negeri baginda. Maka disuruh bawa kepada juru-



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

bahasa. Setelah diketahui bagindalah ertinya maka Raja Jambuga Rama Mudaliar pun terlalu sukacita, maka titah Raja Jambuga Rama Mudaliar, "Berkenanlah kita akan kehendak saudara kita itu, tetapi jangan saudara kita bersusah-susah menyuruhkan anakanda baginda ke mari; biarlah kita menghantarkan anak kita ke Singapura." Setelah itu maka Aria Bupala dan Maha Indera Bijaya dipersalin baginda dengan seperti, serta diperjamunya.

Setelah musim balik maka Raja] ambuga Rama Mudaliar pun membalas surat serta bingkisan. Maka Aria Bupala dan Maha Indera Bijaya pun bermohonlah kepada baginda itu lalu belayar. Antara berapa lamanya di laut maka sampailah ke Singapura. Maka Seri Teri Buana menitahkan Demang Lebar Daun menyambut surat dari benua Keling itu. Maka pergilah Demang Lebar Daun menyambut surat itu seperti adat segala raja-raja yang besar-besar demikianlah dip erbu at. Maka lalu diarak sampai ke balai ruang luar, maka surat itu pun die sambut oleh bentara, lalu dipersembahkan kepada Seri Teri Buana. Maka disuruh baca oleh baginda. Setelah diketahui oleh baginda ertinya, maka baginda pun terlalu sukacita. Maka Aria Bupala dan Maha Indera Bijaya pun menjunjung duli baginda, serta dipersembahkan segala pesan Raja Jambuga Rama Mudaliar itu, makin bertambah-tambah sukacitanya baginda mendengar dia.

A-55

Hatta datanglah kepada musim kapal datang, Raja Jambuga Rama Mudaliar pun menyuruh berengkap beberapa buah kapal. Setelah sudah lengkap maka anakanda baginda Tuan Puteri Nila Pancadi disuruh baginda hantarkan kepada empat puluh orang hulubalang Keling, Andul Nina Mara Kulina nama panglimanya. Maka Puteri Nila Pancadi pun naiklah ke kapal dengan lima ratus orang dan dayang-dayang perwaranya. Maka hulubalang itu pun belayarlah membawa Tuan Puteri Nila Pancadi dengan segala kapal itu, beberapa sambuk dan batil sertanya.

دیوان بهاس دان قوستاکے

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Malaysia

Setelah berapa lamanya dari benua Keling, maka sampailah ke Singapura. Maka disuruh sambut dengan hormat dan kepunyaan, diberikan baginda sebuah istana terlalu indah-indah dengan besamya. Setelah itu maka Seri Teri Buana pun memulai pekerjaan berjaga-jaga akan mengahwinkan anakanda baginda Raja Kecil Besar dengan Tuan Puteri Nila Pancadi.

B-45

B-46
A-56

Tiga bulan lamanya berjaga-jaga itu, setelah datang kepada ketika yang baik, maka anakanda baginda Raja Kecil Besar pun dikahwinkan oleh Batala dengan Puteri Nila Pancadi. Syahadan anakanda Raja Kecil Muda pun dikahwinkan dengan cucu saudara Demang Lebar Daun, terlalu baik parasnya, Raden Lasmi Puri namanya. Setelah selesailah daripada pekerjaan itu maka Andul Nina Mara Kulina dan segala hulubalang Keling pun bermohonlah kembali. Maka sekaliannya dianugerahi persalinan oleh Seri Teri Buana. Maka surat dan bingkisan pun diarak oranglah turun ke kapal, maka utusan itu pun kembalilah belayar ke benua Keling, sampai dengan sejahteranya.

Raja dan Bendahara Adik-beradik

Hatta maka Wan Seri Beni dan Demang Lebar Daun dan Menteri Bupala dan Aria Bupala pun telah hilang. Selang dua tahun datanglah peredaran dunia, maka baginda Seri Teri Buana pun mangkat, ditanamkan orang di Bukit Singapura itu, tiada berapa jauh dengan Wan Seri Beni. Maka anakanda baginda Raja Kecil Besarlah kerajaan menggantikan kerajaan ayahanda baginda. Gelar baginda di atas kerajaan Paduka Seri Pikrama Wira; dan adinda baginda, Raja Kecil Muda dijadikan baginda Bendahara, bergelar Tun Perpatih Permuka Berjajar; ialah yang pertama jadi Bendahara.

Syahadan apabila Paduka Seri Pikrama Wira tiada keluar, maka Tun Perpatih Permuka Berjajarlah duduk di balai, akan ganti Paduka Seri Pikrama Wira. Bermula jikalau Tun Perpatih Permuka Berjajar duduk di balai, jikalau anak raja-raja datang tiada dituruninya, melainkan anak raja yang akan ganti kerajaan juga maka dituruninya. Jika Bendahara masuk mengadap, tempatnya duduk itu dibentangi permaidani. Jika raja sudah masuk maka Bendahara pulang, segala Orang Besar-besar dan segala Orang Kaya-kaya di balai itu semuanya pergi menghantarkan Bendahara pulang ke rumahnya.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Adapun akan Demang Lebar Daun ada seorang cucunya lelaki, dijadikan oleh Paduka Seri Pikrama Wira Perdana Menteri, gelamya Tun Perpatih Permuka Jegalar, duduk berseberangan dengan Bendahara, dan pada ketika menjunjung duli Bendahara dahulu; dan duduk di bawah Bendahara ialah

Penghulu Bendahari, gelamya Tun J ana Buga Dendang. Sudah itu segala menteri dan segala Orang Besar-besar dan cateria, sida-sida, dan di bawahnya seorang pemegang jawatan hulubalang besar di atas segala hulubalang, gelamya Tun Tempurung; sudah itu segala Orang Besar-besar cateria, sida-sida bentara, Orang Kaya-kaya, masing-masing pada martabatnya, demikianlah adatnya pada zaman purbakala,

A-57

B-47

Hatta berapa lamanya Paduka Seri Pikrama Wira duduk dengan Tuan Puteri Nila Pancadi terlalu berkasih-kasihan, maka baginda beranak seorang lelaki, disebut orang Raja Muda. Maka negeri Singapura pun makin besarlah, termasyhur Irebesarannya pada segala alam.

Peristiwa Tatal dan Menarah Kepala Budak

Alkisah maka tersebutlah perkataan Betara Majapahit, baginda beranak dengan Puteri Tajitram Syah yang di negeri Belambang Majut itu dua orang lelaki, yang tuanya bernama Raden Inu Merta Wangsa dan yang mudanya bernama Raden Mas Putera Sm. Maka yang tua itudirajakan bagindadiMajapahit, dan yang muda dirajakan di Daha. Setelah itu maka Betara Majapahit pun hilanglah; maka anakanda baginda itulah kerajaan di Majapahit. Terlalu besar kerajaannya pada zaman itu, segala seluruh Jawa semuanya dalam hukumnya, segala raja-raja Nusantara pula, seTerigah takluk kepada baginda. Setelah Betara Majapahit mendengar Singapura negeri besar, rajanya tiada menyembah kepada baginda, kerana bukan orang lain kepada baginda, maka Betara Majapahit pun menyuruh utusan singapura. Bingkisannya sekeping tatal tujuh. Depa panjangnya, ditarah tiada putus; syahadan nipisnya seperti kertas, digulungnya seperti subang; maka utusan baginda itu pun belayarlal. Hatta berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Singapura. Maka surat Betara Majapahit itu pun disuruh jemput oleh Paduka Seri Pikrama Wira dengan sepertinya diarak. Maka utusan Majapahit itu pun mengadaplah; maka surat itu pun disuruh baginda baca, demikian bunyinya: "Lihatlah oleh paduka mamanda pandainya tukang Jawa menarah. Adakah di singapura orang pandai menarah yang demikian itu?" Maka bingkisan itu pun dibuka oleh Paduka Seri Pikrama Wira, dilihat baginda tatal bergulung seperti subang. Maka baginda pun tersenyum; tahu baginda akan

A-58

B-48

ibarat kehendak Betara Majapahit itu. Fikir baginda, "Dipertidaknya lelaki kita oleh Betara Majapahit itu, kita dikirimnya subang. ".Maka titah baginda kepada utusan, "Tiada kita ajaib akan tatal ditarah diperbuat subang itu, kita terlebih pula pandai tukang, kepada kepala orang dapat ditarahnya." Maka sembah utusan itu, "Jangan duli tuanku salah terupa akan paduka anakanda, kalau ada ke bawah duli tuanku pandai yang begitu."

Maka baginda pun menyuruh memanggil seorang pandai, Cedun Pawang Antan namanya, anak cucu Rangga Rakna, tukang raja Bintan. Setelah ia datang, maka disuruh baginda ambil budak baharu duduk mentimun, disuruh baginda tarah kepalanya di ribaan emaknya. Titah baginda, "Tarah olehmu budak itu, biar habis rambutnya jangan diberi luka; jikalau luka atau garis, engkau aku bunuh." Maka Pawang Antan pun menyembah, lalu ditarahnya dengan beliung kalang, maka kepala budak itu liuk ke kiri, liuk ke kanan, ditarahnya juga tiada berhenti. Maka budak itu pun tidur, rambutnya habis licin; jangankan luka, garis pun tiada.

A-59 Maka titah Paduka Seri Pikrama Wira kepada utusan itu, "Pakanira lihatlah pandai orang Singapura, akan kayu ditarah itu, berapa puluh depa panjangnya, dan nafasnya dapat ditaruhnya." Maka utusan Majapahit itu pun hairanlah tercengang; maka sembahnya, "Sungguhlah seperti titah duli Paduka Sangulun itu. "

B-49 Hatta musim ke Jawa telah adalah, maka Paduka Seri Pikrama Wira pun menyuruhkan Bendahara mengarang surat akan dikirimkan ke Majapahit. Setelah sudah dikarang, maka beliung itu pun dibingkiskan sekali. Maka utusan itu pun bermohonlah, lalu belayar kem bali ke Jawa. Setelah beberapa hari lamanya di jalan sampailah ke Majapahit. Maka utusan itu pun mengadap Betara Majapahit persembahkan surat bingkisan itu. Maka surat itu disuruh baginda baca, dan bingkisan itu dibuka, dilihat baginda beliung kalang, dan demikian bunyinya surat itu: "Adapun paduka anakanda menunjukkan tukang Jawa menarah tatal dapat diperbuat subang, tiada kisah kepada paduka ayahanda: akan pandai tukang Singapura, kepala budak baharu tau duduk mentimun ditarahnya di hadapan utusan paduka anakanda dengan beliung kalang itu, iaitulah beliungnya yang paduka ayahanda bingkiskan kepada

paduka anakanda, tanyalah utusan paduka anakanda itu."

Maka Betara Majapahit pun terlalu amat murka, beliung itu dilontarkan baginda kepada utusan baginda itu, Maka titah Betara Majapahit, "Tiada berakal si keparat iki, patut engkau bawa beliung akan penarah kepalaku itu? Bukankah kepalaku hendak ditarah raja Singapura itu?" Maka baginda pun menyuruh berlempap perahu akan menyerang Singapura, seratus delapan puluh banyaknya jong, lain daripada itu berapa ratus buah ganting, pemangkah, lelanang dan telemba, jongkong terlalu banyak bilangannya, terlalu sesak kelengkapan itu. Maka dititahkan Betara Majapahit seorang penggawanya Demang Wira Raja gelamya; maka belayarlal kelengkapan itu sekaliannya.

Hatta berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Bintan, terdengar ke Singapura. Maka Paduka Seri Pikrama Wira pun menitahkan orang berlempap, adapun pada masa itu kelengkapan Singapura empat ratus yang hadir di Kalang. Maka kelengkapan Jawa pun datang lalu berperanglah terlalu sabur, berlanggar-langgaran serta dengan tempik-soraknya, tiga hari tiga malam; maka patahlah kelengkapan Majapahit, kerana kurang tahunya berperang dengan berperahu, maka banyaklah Teriggelam oleh seligi dengan batu, lalu undur, Maka diperikut oleh kelengkapan Singapura, barang yang bertahan habislah dirarupas dan ditawan. Maka orang Singapura pun kembalilah dengan kemenangannya, maka Orang Majapahit pun barang yang lepas datanglah mengadap Betara Majapahit persembahkan alah peperangannya.

A-60

B-50

Setelah selesailah daripada itu, maka Paduka Seri Pikrama Wira pun mengahwinkan anakanda baginda, Raja Muda, dengan anak Tun Perpatih Permuka Berjajar, terlalu sangat berkasih-kasih. Setelah datanglah kepada peredaran dunia, maka Paduka Seri Pikrama Wira pun mangkatlah, maka anakanda baginda, Raja Muda, kerajaan menggantikan kerajaan ayahanda baginda di atas kerajaan itu, bergelar Rakna Wikrama. Adapun Bendahara Tun Perpatih Permuka Berjajar pula suka berahang, anaknya pula jadi Bendahara bergelar Tun Perpatih Tulus.

Badang Beroleh Gagah

Maka tersebutlah perkataan seorang perempuan duduk ber-

A-61

huma diam di Sayung; ada seorang budak, hambanya, bernama Badang; kerjanya berhuma akan tuannya juga. Sekali persetua, pada suatu hari Badang pergi menahan lukah ke hilir pada satu sungai. Pagi-pagi dijenguknya lukahnya itu, dilihatnya hampa, suatu pun tiada isinya; tetapi sisik ikan dan tulangnya ada di tepi sungai itu banyak; Sentiasa hari demikian juga. Maka tuannya bersungut katanya, "Si Badang ini, orang pergi menebas menebang, dia leka dengan sebab mengatakan menahan lukah, seekor ikan pun tiada kupandang, sahaja engkau suka duduk sama-sama dengan aku laku rupanya." Maka Badang pun diam disunguti oleh tuannya; di dalam hatinya berkata, "Jikalau belum kudapat yang makan ikan dalam lukah itu, belum puas hatiku."

B-51

Ada pada suatu hari diintainya dari sebalik banir kayu, maka dipandanginya datang hantu terlalu besar-panjang, tubuhnya merah seperti api, matanya bagai matahari terbit, rambutnya seperti raga dan janggutnya datang pada pusatnya. Maka oleh Badang diambilnya parang dan kapaknya, serta diberaniberanikan dirinya, lalu diterpanya menangkap janggut hantu itu, serta katanya, "Engkau inilah makan ikanku dalam lukahku; sekali ini engkau matilah olehku."

A-62

Maka hantu itu pun terkejut serta dengan takutnya mendengar kata Badang itu, gementar-gementar; hendak berlepas dirinya tiada dapat. Maka kata hantu itu, "Jangan aku engkau bunuh, apa kehendakmu aku beri." Maka fikir Badang, "Jika aku hendakkan kaya, jikalau aku mati, tuan aku boleh akan dia. Jika aku hendakkan ilmu halimun, dapat tiada aku mati dibunuh orang; dan jikalau hendak menjadi Orang Besar-besar, bukan asal aku. Jika demikian baik aku menuntut minta kuat dan gagah, supaya aku kuat mengerjakan tuanku." Setelah ia fikir, maka kata Badang pada hantu itu, "Berilah aku kuat dan gagah, segala kayu dan batu yang besar-besar itu dapat aku bantuan dengan umbi akamya dengan sebelah tanganku juga. "



Maka kata hantu itu, "Baiklah, jika engkau hendakkan gagah seperti maksud itu makanlah muntahku." Maka kata Badang, "Baiklah, muntahlah engkau supaya aku makan;" maka hantu itu pun muntahlah terlalu banyak. Maka oleh Badang dimakannya muntah hantu itu habis semuanya, dan janggut hantu itu dipegangnya juga Setelah itu oleh Badang

dicubanya segala pohon kayu Harupinya yang besar-besar itu, dengan sekali bantunnya habis patah-patah; maka janggut hantuc itu pun dilepaskannya, lalu ia berjalan pulang datang ke tempat huma tuannya. Maka segala kayu yang besar-besar dua riga pemeluk itu habis dibantunnya dengan umbi dan akanya, diherupaskannya ke bumi remuk-redam, setelah dibantunnya patah-patah. Dengan sebentar teranglah, saujana mata memandang luas; setelah itu Badang pun pulang tidur.

Maka dipandang tuannya Badang lagi tidur, belum pergi menebas; maka ia inarah serta membangunkan Badang, katanya, "Hei Badang, mengapa engkau tiada mendengar kataku lagi? Begini han belum juga bekerja." Maka sahut Badang, "Sudah habis tanah itu tebas tebangnya sahaya kerjakan." Maka kata tuannya, "Sebanyak-banyaknya lagi kupandang kelmarin; masa mana engkau kerjakan? Sahaja sangat ia hendak menang." Maka sahut Badang, "Marilah datuk lihat, jika tiada percaya akan sahaya!" Maka tuannya pun pergilah dengan Badang; sefelah sampai dipandang oleh tuannya tanah itu terlalu luas, disangkanya tebasan orang lain. Katanya kepada Badang, "Tebasan siapa engkau bawa aku ini?" Maka kata Badang, "Inilah datuk tebasan kita." Maka dikhabarkannyalah perihal dirinya itu. Maka tuannya pun hairanlah serta dengan sukacitanya bertambahlah kasihnya akan hambanya itu; menjadi kayalah ia, dengan berkat gagah hambanya Badang itu, menjadi dua tiga puluh Hambanya, maka dipanggil "Orang Kaya Sayung"; Badang pun dimerdehakkannya.

B-52

A-63

Sebermula kedengaranlah ke Singapura, maka oleh Seri Rakna Wikrama disuruh baginda panggil, maka Badang pun datang mengadap; maka dilihat baik akhlaknya; dijadikan baginda "sandim sani". Berapa lamanya Badang menjadi Hamba ke bawah duli baginda, maka ada pada suatu hari Seri Rakna Wikrama santap hendak berulam buah kuras. Dipersembahkan orang, di Sayung ada sedahan kuras berbuah. Maka dititahkan baginda Badang pergi seorang dirinya; perahunya pitang panjang delapan, galahnya batang kerupas sepemeluk besamanya. Digalah mudak tujuh kali, digalahnya sampai ke terusan Tambiuh, galahnya pun patah, terhunjam di sana, dan terungkek lagi; yang sekeratnya digalangkannya riga kali sampai di hilir Tanjung Putus, di sana dibuangkan-

nya. Maka ia pun ke Sayung, lalu dipanjatnya kuras itu, dipandangnya yang berbuah hanya sedahan. Maka dipautnya dahan kuras itu patah, Badang pun jatuh ke tanah dan kepalanya terherupas di batu yang besar. Maka batu itu belah dua, maka kepala Badang tiada belah; sekarang lagi ada batu itu di Sayung disebut orang "Batu Belah". Maka datanglah Badang ke Singapura dengan pilang itu, pulang serta dengan tebu, pisang, ubi keladi dan buah kuras dipersembhkannya kepada Seri Rakna Wikrama, dan pilangnya itu ada di hulu Temasek itu sekarang.

B-53

Syahadan pada suatu masa raja membuat sebuah pilang panjang lima belas, di hadapan istana. Setelah sudah, maka disuruh sorong oleh baginda kepada mereka empat lima ratus orang tiada tersorong, maka dititahkan baginda kepada Badang. Maka disorong oleh Badang sama seorang, melancar lalu ke seberang. Maka oleh baginda Badang dijadikan hulubalang.

A-64

Kegagahan Badang Diuji

Hatta, kedengaranlah ke benua Keling, ada seorang hulubalang raja Singapura, Badang namanya, terlalu gagah. Adapun kepada Raja benua Keling ada seorang pahlawan terlalu amat gagah, tiada berlawan di benua Keling bernama Nadi Bija Niakra. Maka oleh raja benua Keling, pahlawan itu disuruhnya bawa ke Singapura, membawa tujuh buah kapal. Maka titah raja benua Keling pada seorang hulubalangnya, "Pergilah engkau bawa pahlawan aku ini ke Singapura dengan tujuh buah kapal itu, lawan olehmu hulubalang raja Singapura itu bergusti. Jikalau pahlawan aku alah olehnya, maka isi tujuh buah kapal ini berikan akan taruhnya, dan jika ia alah, patutlah sebanyak harta yang tujuh buah kapal itu juga." Maka sembah hulubalang itu, "Baiklah tuanku," maka ia pun belayarlah.

Berapa lamanya di laut datanglah ke Singapura, maka dipersembahkan orang kepada Seri Rakna Wikrama, "Ada pahlawan dari benua Keling datang, hendak melawan Badang bermain, jikalau ia alah, harta tujuh buah kapal itulah akan taruhnya." Maka baginda Seri Rakna Wikrama pun keluar diadap orang; maka hulubalang Keling itu pun mengadap membawa pahlawan itu. Maka oleh Seri Rakna Wikrama disuruh bergusti dengan Badang, maka barang main pahlawan Keling

itu semuanya tewas juga. Maka ada sebuah batu di hadapan balairung itu terlalu besarnya, maka kata Nadi Bija Niakra pada Badang, "Mari kita berkuat-kuatan pada mengangkat batu ini; barang siapa tiada terangkat ialah alah. Maka sahut Badang, "Baiklah, angkat oleh tuan Hamba dahulu." Maka oleh Nadi Bija Niakradiangkatnya, tiada terangkat, Maka disungguh-sungguhnya, terangkat hingga lutut, lalu diherupaskannya ke tanah. Maka katanya kepada Badang, "Sekarang berganti tuan Hambalah pula." Maka kata Badang, "Baiklah." Maka oleh Badang diangkatnya batu itu dengan sebelah tangannya, dilambung-lambunginya, lalu dilontarkannya di kuala. Itulah batunya tersandang yang ada sekarang di hujung tanjung Singapura itu. Maka oleh hulubalang Keling, isi ketujuh buah kapal serta dengan kapalnya sekali, diserahkan kepada Badang. Maka ia bermohon kepada duli baginda, lalu belayar ke benua Keling.

A-65
B-65

Sebermula kedengaranlah ke Perlak, "Bahawa hulubalang raja Singapura terlalu gagah, Badang namanya; tiada ada dua taranya pada zaman ini." Diceriterakan oleh yang empunya ceritera bahawa raja Perlak itu ada menaruh seorang pahlawan, Benderang namanya; terlalu gagah, lagi ke mana-mana termasyhumya. Maka tatkala orang berkhabarkan Badang itu, Benderang pun ada mengadap raja Perlak. Maka sembah Benderang kepada raja Perlak, "Tuanku, masakan Badang gagah daripada yang diperHamba. Jika dengan sabda tuanku, supaya yang diperHamba pergi ke Singapura itu melawan Badang bermain."

Maka raja Perlak memberi titah pada Mangkubumi Tun Perpatih Pandak namanya. "Hendaklah tuan Hamba pergi ke Singapura, kerana Benderang ini hendak Hamba titahkan ke Singapura melawan Badang," Maka sembah Tun Perpatih Pandak, "Baiklah tuanku, dan titah patik junjung." Setelah hadir, maka Raja Perlak pun menyuruh mengarak surat bersama-sama Tun Perpatih Pandak dan Benderang turun ke perahu. Maka Tun Perpatih Pandak pun belayarliah.

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

Hatta beberapa hari di jalan, maka sampailah ke Singapura, Maka disembahkan oleh orang kepada Seri Rakna Wikrama mengatakan, "Tun Perpatih Pandak disuruhkan raja Perlak datang membawa seorang pahlawan bernama Benderang akan 'melawan Badang." Setelah didengar baginda sembah orang

A-66

B-55 itu maka baginda pun keluarlah di hadapan segala menteri, hulubalang, sida-sida bentara dan biduanda sekalian di balairung. Maka baginda menitahkan pegawai menjemput surat raja Perlak itu, diarak dengan sepeertinya.

Setelah datang, maka disambut bentara kiri dipersembahkannya kepada baginda; maka disuruh baginda baca kepada orang, terlalu baik bunyinya. Maka Tun Perpatih Pandak pun menjunjung duli; maka baginda suruh duduk setara dengan Tun Jana Buga Dendang, dan Benderang didudukkan setara dengan Badang. Maka titah baginda Seri Rakna Wikrama pada Tun Perpatih Pandak. "Apa lain pekerjaan tuan Hamba disuruhkan saudara kita?" Maka sembah Tun Perpatih Pandak, "Patik dititahkan paduka adinda membawa patik itu Benderang tuanku, disuruh mencuba kuat dengan Badang. Jikalau Benderang alah, isi sebuah gedung dipersembahkan paduka adinda ke bawah duli tuanku; jikalau Badang pula alah, demikian juga tuanku. "

A-67 Maka titah Seri Rakna Wikrama, "Baiklah, esok harilah kita adu bermain." Setelah itu baginda pun berangkatlah masuk, dan segala yang mengadap masing-masing kembalilah ke rumahnya. Maka Seri Rakna Wikrama pun menyuruh memanggil Badang; maka Badang pun datang mengadap. Maka titah baginda, "Esok hari Badang kita adu bermain dengan Benderang." Maka sembah Badang, "Tuanku, adalah akan Benderang pada zaman ini pahlawan gagah bukan barang-barang perkasanya tuanku, telah masyhurlah pada segala negeri. Jikalau patik alah tiadakah duli tuanku malu? Pada fikir hati patik jikalau duli Yang Dipertuan hendak mengadu patik dengan dia, baik tuanku panggil pada malam ini Benderang itu, anugerahi ayapan supaya patik lihat kelakuannya. Jikalau patik dapat melawan dia patik lawanlah, tuanku; jikalau tidak terlawan oleh patik jangan patik diberi bermain dengan dia." Maka titah baginda, "Benarlah bicaramu itu.

B-56 Setelah hari malam, baginda pun menyuruh memanggil Benderang dengan Tun Perpatih Pandak dan segala temannya. Setelah itu datang mengadap, maka dianugerahi ayapan makan minum bersuka-sukaan. Adapun akan Benderang berhampir duduk dengan Badang; maka oleh Badang disesaknya Benderang, maka oleh Benderang ditindihnya pahanya dan diketkannya sungguh-sungguh. Maka oleh Badang dibangkitnya

pahanya, terangkat paha Benderang. Maka oleh Badang pula ditindihnya paha Benderang, maka oleh Benderang hendak diangkatnya pahanya, tiada terangkat. Adapun akan kelakuan Badang dengan Benderang itu, seorang pun tiada tau, melainkan dianya berdua juga yang tau. Setelah sejam lamanya, maka segala utusan itu pun mabuklah, sekaliannya bermohonlah kembali ke perahunya,

Adapun Tun Perpatih Pandak, setelah sampai ke perahunya, maka Benderang berkata pada Perpatih Pandak, "Jikalau dapat dengan bicara tuan Hamba, janganlah Hamba diadu dengan Badang itu; jikalau tiada terlawan oleh Hamba, kerana pada pemandangan Hamba, ia terlalu perkasanya." Maka kata Tun Perpatih Pandak, "Baiklah, mudah juga Hamba mem-bicarakan dia," Setelah itu maka hari pun sianglah.

A-68

Setelah utusan Perlak habis balik. itu, maka titah Seri Rakna Wikrama kepada Badang, "Dapatkah engkau melawan Benderang itu?" Maka sembah Badang, "Tuanku, jikalau dengan daulat tuanku, dapat patik melawan dia, tuanku." Maka titah baginda, "Baiklah," seraya baginda berangkat masuk. Maka segala yang mengadap masing-masing kembalilah ke rumahnya.

Dari pagi-pagi hari Seri Rakna Wikrama sudah keluar diadap orang, dan Tun Perpatih Pandak pula masuk mengadap. Maka titah baginda pada Tun Perpatih Pandak. "Sekaranglah baik kita adu Badang dengan Benderang." Maka sembah Tun Perpatih Pandak, "Tuanku, pada bicara patik, janganlah ia kita adu, kerana jikalau alah salah seorang, takut menjadi mufarik tuanku dengan paduka adinda." Maka Seri Rakna Wikrama pun tersenyum mendengar sembah Tun Perpatih Pandak. Maka titah baginda, "Benarlah seperti kata Tun Perpatih itu." Maka Benderang pun dititahkan baginda merenangkan rantai terlalu besar, bersama-sama dengan Badang; disuruh bubuhkan di belakang Siram, supaya kapal tiada boleh lalu. Maka direntangkannya di belakang Siram; setelah itu keduanya dipersalin baginda. Maka Tun Perpatih Pandak pun bermohonlah kembali; maka Seri Rakna Wikrama pun memberi surat dan kiriman akan raja Perlak. diarak oranglah ke perahu, maka Tun Perpatih Pandak pun belayarliah kembali ke Perlak.

B-57

A-69

Setelah ia sampai ke Perlak, maka surat pun diaraklah oleh raja Perlak bergajah; dikepilkan di balai. Maka surat itu disambut, disuruh baca oleh baginda, setelah didengar baginda maka terlalulah sukacitanya raja Perlak mendengar bunyi surat itu. Maka baginda bertanya pada Tun Perpatih Pandak, "Oleh apa maka tiada jadi diadu Benderang dengan Badang?" Maka oleh Tun Perpatih Pandak segala perihal Benderang dengan Badang tatkala minum itu, semuanya dipersembahkannya. Maka raja Perlak pun diam mendengar sembah Tun Perpatih Pandak itu. Hatta berapa lamanya Badang pun matilah, ditanamkan orang di Buru. Setelah kedengaranlah ke benua Keling Badang sudah mati, maka dikirim oleh raja benua Keling nisan batu, inilah nisannya yang ada sekarang di Buru itu,

Setelah berapa lamanya Seri Rakna Wikrama di atas kerajaan, maka baginda beranak dua orang lelaki dan seorang perempuan; yang lelaki itu Damia Raja namanya, terlalu baik parasnya dan sikapnya tiada berbagai pada zaman itu. Setelah sudah besar didudukkan baginda dengan anak Tun Perpatih Permuka Berjajar, Damia Puteri namanya; dan anakanda baginda yang perempuan didudukkan baginda dengan Tun Perpatih Tulus, anak Tun Perpatih Permuka Berjajar juga, terlalu berkasih-kasihani laki-isteri keempat anakanda baginda itu.

B-58

Hatta berapa lamanya baginda Seri Rakna Wikrama di atas kerajaan, datanglah peredaran dunia, maka baginda pun mangkatlah; maka anakanda baginda Damia Rajalah naik raja menggantikan kerajaan ayahanda baginda. Adalah gelar baginda di atas kerajaan Paduka Seri Maharaja. Maka isteri baginda Damia Puteri pun Hamillah; telah genap bulannya maka baginda pun berpu teralah lelaki. Tatkala anak raja itu keluar, ditumpu oleh bidannya akan ulu baginda menjadi lembang sama Terigan, tinggi kiri kanan. Maka dinamai baginda Raja Iskandar Syah. *Wallhu a'lamu bis-sauiab wa taahim marji'u wal-ma 'ab*

ديوان بهاس دان قوستاک

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Mula Kedatangan Islam ke Alam Melayu

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Alkisah maka tersebutlah perkataan raja Pasai, demikian hikayatnya: diceriterakan oleh yang empunya ceritera ada Merah dua bersaudara, diam Hampir Pasangan. Adapun akan asal

Merah itu dari Gunung Serigkuang; yang tua Merah Caga namanya, dan yang muda Merah Silu namanya. Maka adalah Merah Silu itu menahan lukah kerjanya, kena gelang-gelang itu maka dibuangkannya, ditahannya pula lukahnya kena pula gelang-gelang itu. Setelah berapa ditahannya lukahnya itu demikian juga, maka oleh Merah Silu gelang-gelang itu direbusnya, maka gelang-gelang itu menjadi emas dan buihnya menjadi perak. Maka oleh Merah Silu ditahannya pula lukahnya kena gelang-gelang itu direbusnya, jadi emas seperti dahulu itu juga; maka banyaklah Merah Silu beroleh emas. Maka terdengarlah kepada Merah Caga bahawa adindanya, Merah Silu santap gelang-gelang; maka Merah Caga pun marahkan adindanya itu hendak dibunuhnya. Setelah terdengar kepada Merah Silu, kakanda baginda hendak membunuhnya itu, maka Merah Silu pun lari ke Rimba Jurun. Maka orang yang di Rimba Jurun itu diemasinya, maka sekalian orang itu pun menurut katanya.

A-70

Adalah pada suatu riwayat Merah Silu pergi berburu, maka anjingnya bernama Si Pasai itu pun menyalak. Dilihat Merah Silu Si Pasai menyalak itu di atas tanah tinggi, seperti ditimbun orang rupanya. Maka Merah Silu naik di atas tanah tinggi itu, maka dilihatnya seekor semut besar seperti kucing; maka oleh Merah Silu semut itu diambil dan dimakannya. Maka tanah tinggi itu diperbuatnya akan tempat, dinamainya Semundra ertinya semut merah

Sebermula maka tersebutlah pada zaman Rasul Allah *salla'llahu 'alaihi wa salam*, baginda bersabda pada segala sahabat: "Pada akhir zaman kelak, ada sebuah negeri di bawah angin, Semundra namanya; maka apabila kamu dengar khabarnya negeri Semundra itu, maka segeralah kamu pergi ke negeri itu, bawa isi negeri Semundra itu masuk Islam, kerana dalam negeri itu banyak wali Allah akan jadi; tetapi ada pula seorang fakir di negeri Mutabari namanya, ialah kamu bawa serta kamu, setelah berapa lamanya kemudian daripada sabda nabi *salla'llahu 'alaihi wa salam*, maka terdengarlah kepada segala negeri, datang ke Mekah pun kedengaran nama negeri Semundra itu. Syarif di Mekah menyuruhkan sebuah kapal membawa segala perkakasan kerajaan seraya disuruhnya singgah ke negeri Mu'tabari; adapun nama nakhoda kapal itu Sheikh Ismail.

B-59
A-71

Maka kapal itu pun belayarlah, lalu ia singgah di negeri Mu'tabari. Adapun raja dalam negeri itu Sultan Muhammad namanya; maka baginda bertanya, "Kapal dari mana ini?" Maka sahut orang dalam kapal itu; "Adalah kami ini kapal dari Mekah, hendak pergi ke negeri Semundra." Adapun Sultan Muhammad itu daripada anak cucu hadrat Abu Bakar Al Siddik radhi Allah anhu. Maka ujar orang kapal itu, "Kerana kami pergi ini dengan sabda nabi Rasul Allah."

Setelah didengar oleh Sultan Muhammad sahda Rasul Allah salla'llahu 'alaihi wa salam itu maka dirajakannya anaknya yang tua di negeri Mu'tabari akan ganti kerajaannya; maka baginda dengan anakanda baginda yang muda memakai pakaian fakir, meninggalkan kerajaan turun dari istana lalu naik kapal itu; katanya, "Kamu bawa Hamba ke negeri Semundra." Maka pada hati orang isi kapal itu, bahawa inilah mudah-mudahan fakir yang seperti sabda Rasul Allah itu. Maka fakir itu pun dibawanyalah naik kapal lalu belayar.

Berapa lamanya di jalan maka sampailah kepada sebuah negeri, Fansuri namanya; maka segala orang isi negeri itu pun masuk agama Islamlah. Keesokan harinya maka fakir itu pun naik ke darat membawa Quran, maka disuruhnya baca pada orang isi negeri Fansuri itu, seorang pun tiada dapat membaca dia. Maka dalam hati fakir itu bukan negeri ini yang seperti sabda nabi kita Muhammad Rasul Allah salla 'llahu 'alaihi wa salam itu. Maka turunlah ia ke kapal kepada nakhoda Sheikh Ismail, belayar pula berapa lamanya, maka sampailah kepada sebuah negeri Lamiri namanya, maka orang Lamiri itu pun masuk Islam. Maka Fakir itu pun naik ke darat membawa Quran; maka disuruhnya baca pada orang dalam negeri itu, dan seorang pun tiada dapat membaca dia. Maka fakir itu pun kembali ke kapal lalu belayar. Berapa lamanya maka sampailah ke negeri Haru namanya maka segala orang dalam negeri Haru itu pun semuanya masuk Islam. Maka fakir pun naiklah ke darat membawa Quran, maka disuruhnya baca pada orang negeri itu, dan seorang pun tiada tahu membaca dia. Maka fakir itu pun bertanya kepada orang dalam negeri itu, "Di mana negeri yang bernama Semundra itu?" Maka kata orang itu, "Sudahlah!"

Maka fakir itu pun turunlah ke kapal, lalu belayar berbalik pula; maka jatuh ke negeri Perlak, maka sekalian mereka itu

A-72
B-60

pun diislamkannya. Maka kapal itu pun belayarlah ke Semundra. Maka fakir pun naik ke darat, maka ia bertemu dengan Merah Silu berkarang di pantai. Maka fakir itu pun bertanya katanya, "Apa negeri ini?" Maka sahut Merah Silu, "Adapun nama negeri ini Semundra. "Maka kata fakir itu, "Siapa nama pengetuanya dalam negeri ini?" Sahut Merah Silu, "Hambalah pengetua sekalian mereka itu." Maka oleh fakir itu Merah Silu diislamkannya dan diajarinya kalimatul syahadat. Setelah Merah Silu Islam maka Merah Silu pun kembali ke rumahnya, fakir itu pun kembalike kapal.

Syahadan pada malam itu Merah Silu pun tidur, maka ia bermimpi dirinya berpandangan dengan Rasulullah salla'llahu 'alaibi wa salam. Maka sabda Rasulullah kepada Merah Silu, "Ngangakan mulutmu!" Maka oleh Merah Silu dingangakan mulutnya; diludahi oleh Rasulullah mulut Merah Silu. Maka Merah Silu pun terjaga dari tidumya. Dicumnyanya bau tubuhnya seperti bau narawastu. Telah hari siang, maka fakir pun naik ke darat membawa Quran disuruhnya baca pada Merah Silu. Maka oleh Merah Silu dibacanya Quran itu; maka kata fakir itu kepada Sheikh Ismail, nakhoda kapal, "Inilah 'alaihi wasalam itu." Maka oleh Sheikh Ismail segala perkakasan kerajaan yang dibawanya itu semuanya diturunkannya dari dalam kapal itu. Maka Merah Silu dirajakannya dan dinamainya Sultan Maliku's Salleh.

A-73
B-61

Adapun yang besar dalam negeri itu dua orang, Seri Kaya seorang namanya, Bawa Kaya seorang namanya; keduanya masuk Islam. Seri Kaya bernama Sidi Ali Ghiathu'd-Din dan Bawa Kaya bernama Sidi Asma Yaumi'd-Din, Maka Sheikh Ismail pun belayarlah kembali ke Mekah, dan fakir itu tinggallah di negeri Semundra akan menetapi Islam isi negeri Semundra itu,



Kemudian dari itu maka Sultan Maliku's-Salleh menyuruhkan Sidi Ali Ghiathu'd-Din ke negeri Perlak, meminang anak raja Perlak. Adapun raja Perlak itu beranak tiga orang perempuan, dua orang anak gahara, seorang anak gundik, Ganggang namanya. Setelah Sidi Ali Ghiathu'd-Oin datang ke Perlak, ketiga anak businda itu ditunjukkannya kepada Sidi Ali Ghiathu'd-Din. Puteri yang dua bersaudara itu duduk di bawah mengupas pinang, anaknya Puteri Ganggang itu

A-74 disuruhnya duduk di atas, pada tempat yang tinggi; berkain wama air mawar, berbaju wama jambu, bersubang lontar muda, memegang bunga jengkalan; terlalu baik parasnya.

B-62 Maka Sidi Ali Ghiathu'd-Din pun datang mengadap. Maka titah raja Perlak, "Itulah anak Hamba dua orang duduk di bawah, seorang yang di atas itu." Maka sembah Sidi Ali Ghiathu'd-Din kepada raja Perlak, "Anakanda yang duduk di atas itulah dipohonkan oleh paduka anakanda;" tetapi Sidi Ali Ghiathu d-Din tiada tau akan puteri Ganggang itu anak gundik raja Perlak. Maka raja Perlak pun menyuruh berengkap seratus buah perahu, Tun Perpatih Pandak disuruh menghantar Puteri Ganggang itu ke negeri Semundra. Maka Malikus Salleh pun keluarlah mengalu-alukan Puteri Ganggang hingga Jambu Air, dibawanya masuk ke negeri Semundra dengan seribu kemuliaan dan kebesaran. Setelah datang ke Semundra maka baginda pun memulai pekerjaan berjaga-jaga beberapa hari, berapa malaman lamanya. Setelah itu maka baginda pun kahwinlah dengan Puteri Ganggang. Telah sudah kahwin itu maka memberi kumia akan segala hulubalang dan memberi derma akan fakir dan miskin dalam negeri Semundra itu daripada emas dan perak, dan akan Tun Perpatih Pandak. Setelah selesailah daripada itu, berapa antaranya maka Tun Perpatih Pandak pun bermohonlah kembali ke Perlak.

Hatta maka Suktan Maliku's-Salleh denganPuteriGanggang pun beranak dua orang lelaki, yang tua dinamai baginda Sultan Maliku't- Tahir dan yang muda dinamai baginda Sultan Maliku'l-Mansur; akan Sultan Maliku't-Tahir diserahkan baginda kepada Sidi Ali Ghiathu'd-Din dan Sultan Maliku'l-Mansur diserahkan kepada Sidi Asma Yaumi'd-Din.

A-75 Setelah berapa lamanya Sultan Maliku't-Tahir dan Sultan Maliku'l-Mansur pun besarlah, dan negeri Perlak pun alah oleh musuh dari seberang, dan orang Perlak pun pindahlah ke negeri Semundra. Maka Sultan Maliku's-Salleh pun berfikir dalam hatinya hendak berbuat negeri akan tempat anakanda baginda; maka titah Sultan Maliku's-Salleh pada segala Orang Besar-besar, "Bukchan kita pergi berburu." Setelah pagi-pagi hari maka

B-63 Sultan Maliku's-Salleh pun naiklah gajah yang bernama Permadewan itu, lalu berangkat ke seberang. Datang ke pantai, maka anjing yang bernama Si Pasai itu pun menya-

lak; maka Sultan Maliku's-Salleh pun segera mendapatkan anjingnya itu menyalak tanah tinggi, sckira-kira luas tempat istana, dengan kelengkapannya terlalu amat baik, seperti diterupa rupanya. Maka oleh Sultan Maliku's-Salleh disuruhnya tebas. Setelah sudah maka diperbuatnya negeri; pada tempat tanah tinggi itu dibuatnya istana, lalu dinamainya negeri itu "Pasai", menurut nama anjingnya itu, Maka anakanda baginda, Sultan Maliku't-Tahir pun dirajakan baginda di Pasai itu, Sidi Ali Ghiathu'd-Din dijadikan baginda Mangkubumi akan anakanda baginda itu. Maka segala rakyat dan gajah kuda, segala perkakas kerajaan semuanya dibahagi dua, sebahagi diberikan baginda akan Sultan Maliku't-Tahir, dan sebahagi diberikan baginda akan Sultan Maliku'l-Mansur.

Setelah berapa lama antaranya, maka Sultan Maliku's- Salleh pun geringlah. Baginda menyuruh menghimpunkan Orang Besar-besar dalam negeri Semundra itu, kedua anakanda baginda pun dipanggil. Setelah sekaliannya datang, maka Sultan Maliku's-Salleh pun bersabda kepada anakanda baginda kedua serta menteri dan segala Orang Besar-besar, "Hei anakku kedua dan segala taulanku, dan sekalian kamu pegawaku, aku ini Hampirlah ajalku akan mati. Baik-baiklah kamu sekalian sepeninggalan aku ini; hei anakku, jangan engkau berbanyak tamak akan harta orang, dan jangan kamu inginkan isteri Hamba kamu; kedua anakku ini hendaklah muafakat, jangan kamu bersalahan dua bersaudara."

A-76

Maka sabda baginda kepada Sidi Ali Ghiathu'd-Din dan Sidi Asma Yaumi'd-Din, "Hei saudaraku kedua, baikbaik engkau memelihara anakku kedua ini, dan jangan kamu bertuan raja yang lain daripada anakku kedua ini." Maka kedua mereka itu pun sujud serta dengan tangisnya. Maka sembah Sidi Ali Ghiathu'd-Din dan Sidi Asma Yaumi'd-Din, "Ya tuan kami, demi Allah Taala, Tuhan yang menjadikan semesta sekalian alam, bahawa kami kedua ini yang diperHamba, sekali-kali tiada kami kedua ini mengubahkan waad dan setia kami akan bertuan raja yang lain daripada paduka anakanda kedua ini."

B-64

Maka oleh Sultan Maliku's-Salleh akan anakanda baginda Sultan Maliku'l-Mansur dirajakan baginda di Semundra itu; antara selang tiga hari maka Sultan Maliku's-Salleh pun mangkatlah, ditanamkan di sisi baginda juga, maka disebut

orang sekarang Marhum di Semundra. Maka Sultan Maliku't-Tahir dan Sultan Maliku'I-Mansur, kemudian daripada ayahanda baginda mangkat, baginda di kedua buah negeri itu menyuruh menghimpunkan segala rakyat, gajah, kuda dan segala alat kerajaan; maka negeri kedua buah itu terlalu besar dengan ramainya.

Raja Pasai Ditipu dan Ditawan

A-77

Alkisah maka tersebutlah perkataan. raja Syahru'n-Nuwi; terlalu besar kerajaannya, dan terlalu banyak hulubalang dan rakyatnya tiada terpekanai lagi. Maka dikhabarkan orang kepada raja Syahru'n Nuwi, negeri Pasai terlalu ramai, segala dagang dan saudagar banyak dalam negeri Pasai, dan rajanya terlalu besar kerajaannya. Maka raja Syahru'n-Nuwi pun bersabda kepada segala hulubalangnya, "Siapa dapat menangkap raja Pasai?" Maka ada seorang hulubalangnya, terlalu gagah berani, Awi Dicu namanya; maka sembahnya, "Ya tuanku, jikalau ada kumia duli tuanku, empat ribu hulubalang diberi akan Hamba, Hambalah menangkap raja Pasai itu, dan membawa dia dengan hidupnya ke bawah duli tuanku."

B-65

Maka oleh raja Syahru'n Nuwi diberinya hulubalang empat ribu dan seratus buah sum, diserahkan kepada hulubalang itu, maka berengkaplah ia. Setelah mustaed maka Awi Dieu pun belayarlal ke Pasai pura-pura bemiaga sum yang banyak itu; akan dirinya dikatakannya utusan Raja Syahru'n Nuwi. Setelah didengar oleh Sultan Maliku't-Tahir bahawa utusan raja Syahru'n-Nuwi datang, maka disuruh baginda alu-alukan, serta suratnya disuruh sambut pada segala hulubalang baginda

Setelah sampai ke darat maka suruhan itu pun dibawa oranglah. Maka oleh Awi Dicu diisinya peti empat buah dengan empat orang hulubalang yang gagah. Maka dipesaninya, "Apabila kamu kelak sampai ke hadapan raja Pasai, bukalah peti ini; kamu keluar tangkap raja Pasai," maka peti itu diberikannya kunci dari dalam, maka diarak oranglah peti yang dikatakan "bingkisan kepada raja Pasai itu." Setelah datanglah ke hadapan raja Pasai, maka surat itu pun dibaea oranglah di hadapan raja Pasai. Maka hulubalang Syahru'n Nuwi yang di dalam peti itu pun keluar menangkap

raja Pasai itu. Maka segala hulubalang Pasai pun geruparlah, masing-masing menghunus Senjata hendak memerangi hulubalang Syahru'n-Nuwi. Maka kata hulubalang itu, "Jikalau kamu memerangi kami, raja kami sahaja kami bunuh."

A-78

Setelah segala hulubalang Pasai mendengar kata sekalian mereka itu, maka hulubalang Pasai pun berhentilah, masing-masing berdiam diri. Maka Awi Dicu dengan segala hulubalang Syahru'n Nuwi pun turunlah ke perahunya membawa raja Pasai, lalu belayar kembali ke negeri Syahru'n Nuwi. Setelah datang, maka raja Pasai pun dipersembahkan oleh Awi Dieu kepada raja Syahru'n Nuwi. Maka raja Syahru'n Nuwi pun terlalulah sukaeitanya, Awi Dicu dengan segala yang pergi itu semuanya dipersalini oleh raja Syahru 'n Nuwi. Adapun akan raja Pasai itu disuruhnya menggembala ayam.

Sebermula maka tersebutlah perkataan Sidi Ali Ghiathu'd-Din muafakat di negeri Pasai dengan segala menteri yang tua-tua, akan berbuat sebuah kapal dan dibelinya segala dagangan Arab, kerana segala orang Pasai pada zaman itu semuanya tahu bahasa Arab. Maka Sidi Ali Ghiathu'd-Din pun naiklah ke kapal lalu belayar. Hatta berapa lamanya di jalan, sampailah ke negeri Syahru'n-Nuwi; maka Sidi Ali Ghiathu'd-Din pun naiklah ke darat mengadap raja Syahru'n- Nuwi, segala lasykamya semuanya memakai pakaian Arab, membawa persembahan diperbuatnya seponhon kayu emas dan buahnya daripada sekalian permata, kira-kira sebahara emas harganya.

B-66

Setelah raja Syahru'n-Nuwi melihat persembah Sidi Ali Ghiathu'd-Din itu terlalulah sukacita rasa hatinya, maka kata raja Syahru 'Nuwi, "Apa juga kehendakmu kepada aku?" Maka sembah Sidi Ali Ghiathu'd-Din, "Tiada apa kehendak kami," maka raja Syahru'n-Nuwi pun hairan dalam hatinya, memandang persembahan mereka itu amat banyak beberapa bahara itu. Maka Sidi Ghiathu'd-Din pun bermohonlah, sekaliannya turun ke kapal. Beberapa hari antaranya, maka Sidi Ali Ghiathu'd-Din pun naik pula mengadap raja Syahru'n-Nuwi, membawa persembahan papan catur cemas, buahnya perennata, sebelah hijau dan sebelah merah; itu pun kira-kira sebahara emas harganya. Maka kata raja Syahru'n-Nuwi, "Apa juga kehendak kamu

A-79

kepada aku, supaya aku beri akan kamu." Maka sembah mereka itu, "Tiada apa kehendak kami, tuanku," sekaliannya pun bermohon turun ke kapal.

B-67 Setelah berapa hari pula antaranya, musim kembali pun datanglah; maka Sidi Ali Ghiathu'd-Din pun membaiki alat kapalnya akan belayar. Setelah hadir, maka sekalian mereka itu pun naiklah mengadap raja Syahru 'n-Nuwi, membawa persembahan itik emas, scekor jantan dan seekor betina, kirakira sebahara emas harganya; dan satu pasu emas diisinya dengan air penuh. Maka itik itu pun dilepaskannya dalam pasu itu, lalu itik itu berenang berambat-ambat dua laki bini serta menyelam. Maka raja Syahru'n-Nuwi pun terlalu amat hairan melihat perbuatan hikmat mereka itu. Maka sabda raja Syahru'n-Nuwi, "Berkata benarlah kamu sekalian, apa juga kehendakmu; demi Tuhan yang kusembah ini, barang yang kamu kehendaki, dada kutahani."

A-80 Maka sembah Sidi Ali Ghiathu'd-Din, "Ya tuanku, jikalau ada kumia raja akan kami sekalian, orang yang menggembala ayam raja itulah kami pohonkan ke bawah duli raja." Maka titah raja Syahru n-Nuwi, "Adapun ia itu raja Pasai; oleh kamu kehendaki maka aku anugerahi akan kamu." Maka sembah mereka itu, "Oleh ia sama Islam maka kami pohonkan ke bawah duli raja." Maka oleh raja Syahru'n-Nuwi, Sultan Muliku't-Tahir dianugerahkannya kepada Sidi Ali Ghiathu'd-Din, lalu dibawanya turun ke kapal. Setelah dimandikan dan dipersalinnya dengan pakaian kerajaan, maka angin pun turunlah; maka sauh pun dibongkar orang maka Sidi Ali Ghiathu'd-Din pun belayarlal. Berapa hari di laut, Hampirlah ke Pasai.



Peristiwa Kerana Seorang Dayang

Sebermula maka tersebutlah perkataan Sultan Maliku'l-Mansur di negeri Semundra; pada suatu hari maka baginda memberi titah pada Sidi Asma Yaumi'd-Din. "Hendak melihat abang Hamba, betapa halnya gerangan?" Maka sembah Sidi Asma Yaumi'd-Din, "Jangan tuanku berangkat, paduka kekanda belum berketahuan khabamya, kalau fitnah." Beberapa kali Sid. Asma Yaumi'd-Din menegah Sultan Maliku'l-Mansur, tiada juga didengar oleh baginda. Maka Sidi Asma Yaumi'd-Din menyuruh orang memalu mong-mong

melarangi; demikian bunyinya, "Bahawa Sultan Maliku'lMansur hendak berangkat melihat negeri saudaranya, Sidi Asma Yaumi'd-Din tiada berkenan, kerana ia menteri yang tua, lagi tahu pada segala pekerjaan; tak dapat tiada fitnah juga."

Maka oleh Sultan Maliku'I-Mansur digagahnya juga dirinya berangkat mengelilingi negeri Pasai itu, lalu masuk istana Sultan Maliku't-Tahir. Maka baginda pun berahi akan seorang perempuan dayang-dayang kakanda baginda, lalu diambalnya" dibawa kembali ke Semundra. Maka baginda bersabda kepada Sidi Asma Yaumi'd-Din, "Hei bapaku, bahawa aku kedatangan suatu pekerjaan yang musykil dan hilanglah budi-bicaraku, kerana aku terkena oleh hawa nafsuku, maka binasalah aku oleh pekerjaan aku, sebab tiada terkuasai hawa nafsuku." Maka sembah Sidi Asma Yaumi'd-Din, "Telah berlakulah hukum Allah atas segala makhluknya. "

A-68

A-81

Setelah itu maka kedengaranlah khabar Sultan Maliku't-Tahir sudah ada di Jambu Air, dan akan khabar Sultan Maliku'l-Mansur pun telah kedengaranlah. Maka Sultan Maliku't-Tahir pun menaruh dendamlah kepada hatinya akan adinda baginda, hingga tiada dikeluarkannya. Baginda menyuruh Sultan Maliku'l-Mansur minta dialu-alukan apa bicaranya juga; maka Sultan Maliku'l-Mansur keluarlah dari negeri Semundra hilir ke Kuala. Adapun akan Sultan Maliku't-Tahir naik dari Sungai Katari, lalu berjalan ke istana baginda. Maka Sultan Maliku'l-Mansur pun kembalilah ke Semundra, baginda fikirkan akan pekerjaan yang telah lalu, sebab tiada ia menurut bicara Sidi Asma Yaumi'd-Din itu; tiadalah berguna sesalnya, tetapi Sultan Maliku't-Tahir sudah tergerak hatinya akan Sultan Maliku'l -Mansur.

Bermula akan Sultan Maliku't-Tahir ada seorang anak, Sultan Ahmad namanya; tatkala baginda tertangkap, anakanda baginda itu lagi kecil. Pada masa baginda kembali dari negeri Syahru 'n-Nuwi, anakanda baginda itu besarlah, akan Sidi Ali Ghiathu'd-Din pun telah masyghul akan dirinya. Ada seorang menteri Tun Perpatih Tulus Tukang Segara namanya; dijadikan Mangkubumi oleh Sultan Maliku't-Tahir, akan menggantikan mertuanya. Pada suatu hari Sultan Maliku't-Tahir bersabda pada Tun Perpatih Tulus Tukang Segara, "Apa bicara tuan Hamba akan pekerjaan Sultan Maliku'I-Mansur supaya datang ke

B-69

A-82

mari?" Maka sembah Tun Perpatih Tulus Tukang Segara, "Ada satu muslihat kita." Maka titah Sultan Maliku 't- Tahir, "Adalah kehendak Hamba, Sultan Maliku'l-Mansur jangan mati." Maka sembah Tun Perpatih Tulus Tukang Segara, "Jikalau paduka adinda mati, bukanlah tukang namanya; mari paduka anakanda Sultan Ahmad kita khatankan. Sultan' Maliku'lMansur kita jempu t, pada ketika itulah kita kerjakan. "

Maka Sultan Maliku't- Tahir pun menyuruh menghiasi negeri dan balairung; maka baginda pun memulai pekerjaan berjaga-jaga. Sultan Maliku'l-Mansur pun dijemput oleh baginda; maka Sultan Maliku'l-Mansur pun datanglah; oleh Sultan Maliku't-Tahir Sultan Maliku'l-Mansur dengan Sidi Asma Yaumi'd-Din juga disuruhnya masuk, segala hulubalang Semundra semuanya tinggal di luar. Setelah masuk, Sultan Maliku'l-Mansur dan Sidi Asma Yaumi'd-Din disuruh baginda tangkap. Sultan Maliku'l-Mansur disuruh bawa ke Manjung pada scorang hulubalang. Maka titah baginda pada Sidi Asma Yaumi'd-Din, "Engkau tinggal di sini, jangan serta pergi dengan tuanmu. Jika engkau hendak pergi, kusuruh penggal lehermu." Maka sahut Sidi Asma Yaumi'd-Din, "Baiklah kcpala berceraai dengan badan, daripada Hamba berceraai dengan tuannya." Maka oleh baginda disuruhnya kerat Sidi Asma Yaumi'd-Din, kepalanya dibuangkan ke laut, badannya disulakan di kapal Pasai.

Adapun Sultan Maliku'l-Mansur dibawa oranglah ke Manjung berperahu, setelah datang ke sebelah Jambu Air arah ke timur, dilihat oleh puawang kepala manusia lekat pada kemudi. Maka diberi orang tahu kepada Sultan Maliku'l-Mansur, lalu disuruh baginda ambit, dilihat baginda kepala Sidi Asma Yaumi'd-Din. Baginda memandang ke darat, maka titah baginda, "Padang maya ini?" Sekarang pun Padang Maya juga disebut orang. Maka Sultan Maliku'l-Mansur pun naiklah ke darat berjalan ke Padang Maya itu membawa kepala Sidi Asma Yaumi'd-Din serta dengan tangisnya menyuruh memohonkan badannya kepada Sultan Maliku't-Tahir, maka oleh baginda ~~diberikannya~~ Maka Sultan Maliku'l-Mansur pun menanamkan mayat Sidi Asma Yaumi'd-Din dengan kepalanya di Padang Maya itulah. Setelah sudah maka baginda pun pergi ke Manjung.

B-70

A-83

Peninggalan Sultan Maliku'l-Mansur itu, maka Sultan Ah-

mad dikhatankan oleh ayahandanya. Selang tiga tahun antaranya, maka Sultan Maliku't-Tahir pun tersedarlah akan saudaranya; seraya katanya, "Wahai! Terlalu sekali ahmak budiku! Kerana perempuan seorang, saudaraku kuturunkan dari atas kerajaannya, dan menterinya pun aku bunuh!" Baginda menyesal akan diri, lalu baginda menyuruh hulubalang dengan beberapa buah perahu pergi menjempu t adinda baginda ke Manjung. Maka Sultan Maliku'l-Mansur pun dibawa oranglah dengan tertib kerajaan. Telah datanglah ke Padang Maya, baginda pun naik ke darat, mendapatkan kubur Sidi Asma Yaumi'd-Din.

Maka Sultan Maliku'l-Mansur pun memberi salam, katanya, "As-sallamu 'alaikum hei bapaku! Tinggallah bapaku di sini, kerana Hamba hendak pergi dijemput oleh abang Hamba." Maka sahut Sidi Asma Yaumi'd-Din dari dalam kubumya, demikian bunyinya, "Ke mana pula baginda pergi? Baiklah kita di sini!" Telah didengar Sultan Maliku'l-Mansur, baginda pun mengambil air sembahyang, lalu sembahyang dua rakaat serta salam. Telah sudah sembahyang, maka baginda pun berbaring-baring di sisi kubur Sidi Asma Yaumi'd-Din, lalu baginda putus nyawa.

Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Maliku't-Tahir bahawa paduka adinda telah mangkat di sisi kubur Sidi Asma Yaumi'd-Din. Baginda terkejut, lalu segera mendapatkan adinda baginda ke Padang Maya. Mayat adinda baginda itu ditanamkan di sisi kubur Sidi Asma Yaumi'd-Din seperti diadatkan raja yang besar-besar. Setelah itu baginda pun kembalilah ke negeri Pasai dengan percintaannya. Maka oleh baginda, anakanda baginda Sultan Ahmad dirajakan; baginda turun dari atas kerajaan.

A-84
B-71

Telah berapa lamanya, maka Sultan Maliku't-Tahir pun geringlah. Baginda berwasiatlah kepada anakanda baginda, Sultan Ahmad, katanya, "Hei anakku, cahaya mataku, dan buah hatiku! Hendaklah jangan engkau melalui sembah segala Hambamu yang tua-tua. Pada barang sesuatu pekerjaan, hendaklah engkau mesyuarat dengan segala menterimu, dan jangan engkau segera menggerakkan tanganmu, dan hendaklah engkau perbanyak sabarmu pada segala pekerjaan yang keji, jangan engkau peringankan ibadatmu akan Allah subha nahu wa taala; dan jangan engkau mengambil hak segala manusia.

dengan tiada sebenarnya. Maka Sultan Ahmad pun menangimendengar wasiat ayahanda baginda itu, Telah berapa hari antaranya maka Sultan Maliku't-Tahir pun mangkatlah. Maka ditanamkan oleh baginda Hampir masjid. Beberapa lamanya Sultan Ahmad di atas kerajaan, terlalulah adil perintah baginda pada barang hukumnya.



ديوانُ بهاسِ دانِ قوستاڪے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

IV

Singapura Dilanggar Todak

ALKISAH diceriterakan orang yang empunya ceritera - alamat akan binasa negeri Singapura. Maka ada seorang Hamba Allah, orang Pasai, turun dari atas angin ke Pasai tiga bersahabat, Tuan Jana Khatib namanya; memahirkan ilmu khayal lillah lagi tamam dua belas alam. Oleh itu pergi dua bersahabat ke singapura, seorang pergi ke Samarlanga, itulah yang disebut orang tuan di Samarlanga, yang seorang tuan itu di Bunguran. Maka suatu hari Tuan Jana Khatib berjalan di Pekan Singapura bertudung; maka ia lalu Hampir pagar istana raja. Maka dipandangnya di pintu peranganin raja itu, ada seorang perempuan dilindung oleh pohon pinang gading; oleh Tuan Jana Khatib ditiliknya pohon pinang itu belah dua.

A-85

Setelah dilihat oleh Paduka Seri Maharaja perihal itu maka baginda pun terlalu murka; titah baginda, "Lihatlah kelakuan Tuan Jana Khatib, diketahuinya isteri kita ada di pintu maka ia menunjukkan ilmunya. "Maka disuruh baginda bunuh; Tuan Jana Khatib pun dibawa orang akan dibunuh, Hampir ujung negeri tempat orang membuat bikang; di sanalah ia ditikam orang. Maka titik darahnya setitik, badannya pun ghaiblah. Orang yang membunuh itu pun kembalilah, dipersembahkannya kepada raja. Maka oleh perempuan yang membuat bikang itu, darah Tuan Jana Khatib yang titik itu ditutupnya dengan tudung bikangnya. Dengan berkat darah wali Allah, perempuan itu pun menjadi kayalah dari harga bikangnya; tutup bikang pun menjadi batu. ada sekarang di Singapura. Ada

B-72

ديوان بهاس دان قوستاکے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

diceriterakan orang, badan Tuan Jana Khatib itu terhantar di Lengkwai, ditanamkan orang di sana. Inilah dibuat orang pantun:

Telur itik dari Singgora,
Pandan tersandar di batang tui;
Darahnya titik di Singapura,
Badan terhantar di Lengkwai.

Hatta tiada berapa lama antaranya, maka datanglah todak menyerang Singapura, berlorupatan lalu ke parit. Maka segala orang yang di pantai itu banyak mati dilorupati todak itu; barang yang kena terus-menerus olehnya. Maka tiadalah dapat orang berdiri di pantai itu lagi. Maka geruparlah orang berlari-larian ke sana ke mari, semuanya mengatakan, "Todak datang menyerang kita; banyaklah sudah mati ditikamnya." Maka paduka Seri Maharaja pun segera naik gajah, lalu baginda keluar diiringkan segala menteri hulubalang sida-sida bentara sekalian. Setelah datang ke pantai, maka baginda pun hairanlah melihat perihal todak itu, barang yang kena dilorupatinya sama sekali matilah. Maka terlalulah banyak orang yang mati ditikam todak itu. Maka baginda pun menitahkan orang berkotakan betis, maka dilorupati oleh todak itu, terus berkancing ke sebelah. Adapun todak itu seperti hujan, usahkan kurang, makin banyak orang mati.

A-86

Syahadan pada antara itu, datanglah seorang budak berkata, "Apa kerja kita berkotakan betis ini? Mendayakan diri kita. Jika berkotakan batang pisang alangkah baiknya?" Setelah didengar Paduka Seri Maharaja kata budak itu, maka titah baginda, "Benar seperti kata budak itu," maka dikerahkan baginda rakyat mengambil batang pisang diperbuat kota, Maka dikerjakan oranglah berkotakan batang pisang. Maka segala todak yang melorupat itu lekatlah jongomya, tercacak kepada batang pisang itu; dibunuh oranglah bertimbun-timbun di pantai itu, hingga tiadalah termakan lagi oleh segala rakyat. Maka todak itu pun tiadalah melorupat lagi. Pada suatu ketika paduka pada masa todak itu melompat, datang ke atas gajah Paduka Seri Maharaja, kena baju baginda; maka diperbuat orang seloka:

B-73

Carek baju dilompati todak,
Baharu menurut kata budak.

Setelah itu maka Paduka Seri Maharaja pun kembalilah ke istana baginda. Maka sembah Orang Besar-besar, "Tuanku, akan budak itu terlalu sekali besar akal nya. Sedang ia lagi budak sekian ada akal nya, jikalau sudah ia besar betapa lagi? Baiklah ia kita bunuh, tuanku." Maka titah raja, "Benarlah bagai kata tuan Hamba sekalian itu, bunuhlah ia!" Maka adalah budak itu, tatkala ia akan dibunuh, maka ia menanggungkan hak nya atas negeri itu; lalu ia pun dibunuh orang lah.

A-87

Hatta, setelah berapa lamanya baginda di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Anakanda baginda Raja Iskandar Syah menggantikan kerajaan ayahanda baginda, beristerikan anak Tun Perpatih Tulus, beranak seorang lelaki bernama Raja Ahmad, timang-timangannya Raja Besar Muda, terlalu baik rupa dan silkapnya, tiada berbagai pada zaman itu. Setelah baginda besar, maka oleh ayahanda baginda didudukkan dengan anak Raja Sulaiman Syah, raja Kota Mahligai, bernama Tuan Puteri Kamaru'l Ajaib, terlalu baik parasnya, tiada sebagainya pada zaman itu,

Akibat Khianat, Singapura Dialahkan Majapahit

Sebermula ada seorang bendahari Raja Iskandar Syah, Sang Rajuna Tapa namanya; asalnya orang Singapura, ada dengan pedayangan Palembang beranak seorang perempuan, terlalu baik rupanya; dipakai oleh Raja Iskandar Syah, terlalu kasih baginda. Maka oleh gundik-gundik yang lain difitnahkan berbuat jahat. Maka Raja Iskandar Syah pun terlalu sangat murka, lalu disuruh baginda percanggaikan di bujung pasar. Maka Sang Rajuna Tapa pun terlalu amat malu melihat anaknya itu. Maka katanya, "Jika sungguh sekalipun anak Hamba berbuat jahat, bunuhlah ia; mengapakah diberi malu demikian?"

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

B-74

Hatta, maka Sang Rajuna Tapa pun berkirinya, "Sang Rajuna Tapa. bendahari Raja Singapura empunya sembah kepada Betara Majapahit, jikalau Betara hendak mengalahkan Singapura, segeralah datang; Hamba ada belot dalam negeri." Setelah Betara Majapahit mendengar bunyi surat bendahari Singapura itu, maka baginda pun segera menyuruhkan berlengkap tiga ratus jong, lain daripada banting dan jongkong, kelulos, tiada berbilang lagi; dua keti rakyat Jawa yang pergi itu.

A-88

Setelah angin musim bertiup, maka Demang Mangku

Negara pun belayarliah sekaliannya menyeberang, dialah panglimanya. Berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Singapura. Tiada sempat orang Singapura mengeluari lagi, segala rakyat Jawa sudah pun naik mengepung kota Singapura itu. Diceriterakan oleh yang empunya ceritera ini, ada sepohon jambu laut tempat rakyat Jawa menyandarkan tombaknya itu condong. Zaman Aceh mengalahkan negeri raja itu ditebangnya.

Maka dikeluari oleh orang Singapura terlalu sabar berperang; tetak-menetak, parang-memarang, tikam-menikam, serta dengan tempik-soraknya, gegak-gempita, tiada sangka bunyi lagi. Maka darah di Terigah peperangan itu seperti air sebak, merah rupanya pasir itu, datang sekarang ada lagi. Maka patahlah perang orang Singapura, lalu sekaliannya undur masuk ke dalam kota; pintu kota pun ditutup, dan dilawan berperang dari dalam kota kira-kira sebulan lamanya. Maka oleh Sang Rajuna Tapa, beras dikatakannya tiada lagi. Maka titah Raja Iskandar Syah, "Cari barang siapa yang ada berjual, jangan ditawar lagi." Maka dicari secupak pun hendak dibeli tiada orang berjual; dengan demikian orang Singapura pun letihlah, tiada terangkatkan Senjatanya lagi. Setelah dilihat oleh Sang Rajuna Tapa telah letihlah isi negeri Singapura itu, pada waktu malam dibukanyalah pintu kota; maka masuklah rakyat Jawa.

Raja Iskandar Berlepas ke Darat

Maka raja dengan segala para menteri hulubalang, sida-sida bentara sekalian pun berlepaslah dibawa rakyat ke Seletar, lalu berjalan ke darat mengiringkan baginda. Maka Jawa pun kembalilah dengan kemenangannya. Adapun akan Sang Rajuna Tapa, dengan takdir Allah Taala menunjukkan kuasa-Nya, baharu hendak mengambil beras, tiba-tiba rengkiang beras itu pun berbalik, jatuh ke parit, kaki tiangnya ke atas dan bumbungnya ke bawah; Sang Rajuna Tapa pun jatuh tersungkur di Terigah parit itu, laki bini menjadi batu; ada datang sekarang dengan beras itu.

**B-75
A-89**

Sebermula Raja Iskandar Syah berjalan itu datang Hampir hulu Muar, bertemu suatu tempat yang baik. Maka baginda berhenti berbuat tempat dengan pagamya, akan berbuat negeri. Apabila malam hari, datanglah biawak terlalu banyak

beribu-ribu. Setelah hari siang dibawa orang ke air, apabila malam datang pula berlaksa-laksa, serta siang hari di pandang orang banyak pula, maka dibunuh orang dibuangkan ke air, dan apabila malam datang pula berganda, dibunuh orang menjadi busuklah temp at itu tiadalah terhidu bau busuknya; maka itulah tempat itu dipanggil orang "Biawak Busuk", datanglah sekarang.

Maka Raja Iskandar Syah pun berjalanlah dari sana. Adapun baginda berjalan itu mendarat, berapa hari antaranya terus hampir ke Sirupang Ujong, maka dilihat baginda temp at itu baik, lalu disuruh tebas, dibuat kota di sana, apabila malam menjadi buruk, maka dinamai "Kota Buruk ", datang sekarang disebut orang tempat itu Kota Buruk. Baginda berjalan dari sana terus ke Seriing Ujong, dipandang baginda tempat itu terlalu baik; maka ditinggalkan baginda seorang menteri di sana. Itulah sebabnya, datang sekarang Seriing Ujong itu bermenteri.

Membuka Negeri Melaka

A-90 Maka Raja Iskandar Syah pun berjalan balik membaruh, lalu terus kepada sebuah sungai, Bertam namanya; dan kualanya berbukit. Maka baginda pun datanglah ke sana, berhenti di bawah sepohon kayu, terlalu rarupak, maka baginda menyuruh berburu; sekonyong-konyong terjun anjing dihambat pelanduk. Titah baginda "Baik tempat ini diperbuat negeri, anjing alah oleh pelanduk; jikalau orangnya betapa lagi?" Maka sembah segala Orang Besar-besar, "Benarlah seperti titah duli tuanku itu." Maka disuruh baginda tebas, diperbuat negeri. Maka **B-76** titah baginda, "Apa nama kayu itu?" Maka sembah orang, "Kayu Melaka namanya, tuanku," Maka titah Raja Iskandar Syah, "Jika demikian, Melakalah nama negeri ini."

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Maka kota negeri Melaka sudahlah diperbuat orang sekalian, diamlah baginda di Melaka. Adapun baginda di Singapura tiga dua tahun, Singapura pun alah oleh Jawa; baginda semayam di Melaka tiga tahun, maka datanglah peredaran dunia, baginda pun mangkat. Anakanda baginda Raja Mudalah kerajaan menggantikan ayahanda baginda, terlalu adil perintah baginda itu. Maka Raja Mudalah memerintahkan istiadat takh ta kerajaan baginda. Bagindalah yang pertama berbuat menteri empat orang di balai mengajari orang; meng-

adakan bentara empat puluh berdiri diketapakan akan menjunjungkan titah raja, dan menyampaikan barang sesuatu sembah orang ke bawah duli raja, dan bagindalah yang menjadikan Anak Tuan-tuan biduanda kecil, dijadikan suruh-suruhan raja dan membawa segala alat raja barang sebagainya.

Hatta, berapa lamanya maka baginda beranak tiga orang lelaki, seorang bernama Raden Bagus, seorang bernama Raja Terigah, dan seorang bernama Raden Anum; ketiganya beristerikan anak Bendahara Tun Perpatih Tulus. Setelah Tun Perpatih Tulus hilang, maka Raden Baguslah jadi Bendahara, gelamya Tun Perpatih Permuka Berjajar. Maka datanglah pada peredaran dunia, Raja Besar Muda pun mangkatlah; maka anakanda baginda Raja Tengahlah kerajaan menggantikan ayahanda baginda. Baginda beranak seorang lelaki bernama Raja Kecil Besar. Setelah datanglah pada peredaran dunia, maka Raja Tengah pun mangkatlah. Maka anakanda baginda, Raja Kecil Besarlah kerajaan, menggantikan ayahanda baginda. Terlululah adil saksama baginda pada memelihara segala rakyat, seorang pun tiada raja-raja dalam alam ini sepertinya pada zaman itu, lagi dengan murahnyanya. Maka negeri Melaka pun besarlah, lagi dengan makmumnya; segala dagang pun berkampung. Baginda beristerikan anak Tun Perpatih Permuka Berjajar, beranak dua orang lelaki, seorang bernama Raja Kecil Lambang, dan seorang bernama Raja Mahkota.

A-91

B-77

Setelah berapa lamanya baginda di atas kerajaan, maka baginda bermimpi pada suatu malam, berpandangan dengan keelokan hadrat nabi mustaffa Rasulullah salla'llahu' 'alaihi wa salam. Maka sabda Rasulullah pada Raja Kecil Besar, "Ucap olehmu: *Asyhadu alla ilaha i'l Allah wa asyhadu anna Muhammad-ar-rasulullah*." Maka oleh Raja Kecil Besar seperti sabda Rasulullah salla'llahu 'alaihi wa salam itu diturutnya. Maka sabda Rasulullah kepada Raja Kecil Besar, "Adapun namamu Sultan Muhammad Syah. Esok hari apabila asar matahari, datanglah sebuah kapal dari Jeddah, turun orangnya sembahyang di pantai Melaka ini, hendaklah engkau ikut barang katanya." Maka sembah Raja Kecil Besar, "Baiklah tuanku, yang mana sabda junjungan itu tiada Hamba perahu." Maka nabi salla 'llahu 'alaihi wa salam pun ghaiblah.

Setelah hari siang, maka Raja Kecil Besar pun terkejut dari beradu, maka dicium baginda tubuhnya bau narawastu,

A-92

dan dilihat baginda kalamnya pun seperti sudah dikhatankan. Pada hati Raja Kecil Besar, "Bahawa mimpi aku ini. *Asyhadu alia ilaha i'l Allah wa asyhadu anna Muhammad-ar-rasulullah.*" Maka segala orang pun datanglah ke dalam istana baginda; sekaliannya pun hairan mendengar yang disebut raja itu, Maka kata raja perempuan, "Entah kena syaitankah raja ini, atau gilakah raja ini gerangan? Baik segera memberitahu Bendahara."

Kedatangan Islam ke Melaka

B-78

Maka dayang-dayang pun pergi memberitahu Bendahara. Maka Bendahara pun segera datang, lalu masuk ke dalam istana. Maka dilihat Bendahara raja tiada berhenti-henti daripada menyebut "*La ilaha i'l Allah. Muhammad-ar-rasulullah.*" Maka kata Bendahara, "Bahasa mana yang disebut raja ini?" Titah raja, "Semalam beta mimpi berpandangan dengan keelokan hadrat junjungan, Rasulullah salla 'llahu 'alaihi wa salam. Maka segala mimpi baginda itu semuanya dikatakannya pada Bendahara. Maka kata Bendahara, "Jikalau benar mimpi raja itu apa alamatnya?" Maka titah Raja Kecil Besar, "Alamatnya kalam beta seperti dikhatankan orang, itulah tanda sah Hamba bertemu dengan Rasulullah salla 'llahu 'alaihi wa salam: dan sabda Rasulullah pada Hamba, Asar sekarang datang sebuah kapal dari Jeddah, turun orangnya di pantai Melaka itu sembahyang; hendaklah turut olehmu barang katanya." Maka Bendahara pun hairanlah melihat kalam baginda seperti dikhatankan orang. Maka kata Bendahara, "Jikalau sungguh datang kapal asar ini, benarlah mimpi raja itu; jikalau tiada, bahawa syaitanlah mengharu raja ini." Maka titah baginda, "Benar seperti kata bapa Hamba, Bendahara itu." Maka Bendahara pun kembalilah ke rumahnya.

A-93

Setelah hari pun asarlah, maka datanglah sebuah kapal dari Jeddah, serta ia datang berlabuhlah; maka turunlah makhdum dari dalam kapal itu, Syed Abdul Aziz namanya, lalu ia sembahyang di pantai Melaka itu. Maka hairanlah segala orang Melaka melihat dia. Maka kata segala orang itu, "Mengapa orang itu tunggang-tunggik?" Maka berebutlah orang. yang melihat itu; sesak, penuh tiada bersela lagi, dan haru-birulah bunyinya sampai ke dalam. Maka raja pun segeralah naik gajah, lalu berangkat keluar diiringkan oleh segala Orang

Besar-besar. Maka dilihat raja kelakuan makhdum sembahyang itu nyatalah seperti yang di dalam mimpinya itu. Maka titah raja kepada Bendahara dan pada segala Orang Besar-besar, "Nyatalah demikian seperti dalam mimpi kita itu,"

Setelah sudah makhdum itu sembahyang, maka raja pun menderumkan gajahnya. Makhdum dibawa baginda naik gajah, lalu dibawa baginda masuk ke dalam negeri. Maka segala Orang Besar-besar semuanya masuk Islam; sekalian isi negeri lelaki perempuan, tua muda, kecil besar sekaliannya masuk Islam dititahkan baginda. Maka raja pun bergurulah pada Makhdum akan tertib sembahyang, baginda digelamya seperti sabda nabi salla 'llahu 'alaihi wa salam - Sultan Muhammad Syah. Adapun Bendahara bergelar Seri Wak Raja, yakni bapa tua raja, kerana Bendahara itu ayah - yang salah tak menjadikan - kepada baginda; itulah pertama-tama bergelar Bendahara. Raden Anum menjadi Perdana Menteri, bergelar Seri Amar Diraja; Tun Perpatih Besar, anak Tun Perpatih Permuka Berjajar,* yang pertama jadi Bendahara; anak Seri Teri Buana, yang bernama Raja Kecil Muda, jadi Penghulu Bendahari, bergelar Seri Nara Diraja, maka ia beristerikan anak Bendahara, beranak seorang perempuan bernama Tun Rana Sandari. Maka Sultan Muhammad pun mengatur takhta kerajaan baginda.

B-79

Syahadan bagindalah yang pertama-tama meletakkan "kekuningan larangan"; tidak dapat dipakai orang keluaran, dan diambil akan sapu tangan; dan tiada dapat dibuat tepi tabir dan ulasan bantal besar dan tilam, dan bungkus barang apa-apa, dan akan karang-karangan benda; dan tiada dapat diambil akan perhiasan rumah; dan lain daripada itu pun tiada juga dapat, melainkan kain, baju, dan destar, tiga perkara itu jua yang dapat dipakai. Dan larangan berbuat rumah bermanjungan bertiang gantung, tiada terletak ke tanah; dan bertiang terus dari atap, dan peranginan; dan jikalau perahu, bertingkap berpenghadapan, dan tidak dapat orang memakai penduk dan teterapan keris; sebesar-besar orang keluaran tiada dapat bergelang kaki emas, dan jikalau berkeroneong emas berkepala perak tiada boleh.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

*Di sini naskhah A tertinggal beberapa halaman.

Bermula segala orang yang beremas, bagaimana sekalipun kayanya, jikalau tiada dianugerahi raja tiada boleh dipakai, apabila sudah dianugerahi barang sekali jua pun, dapatlah dipakai selama-lamanya. Dan jikalau orang masuk ke dalam jika tiada kain berpancung, dan berkeris di hadapan, dan bersebai, tiada dapat masuk, barang siapa pun baik; dan apabila berkeris di belakang masuk ke dalam, dirarupas oleh penunggu pintu.

Maka inilah dahulu kala larangan raja Melayu, barang siapa melalui dia salah ke bawah duli, hukumnya didenda pati, yakni sekati lima. Bermula payung putih itu tarupak dari jauh, sebab itulah maka payung putih lebih daripada kuning; dan pakaian raja payung putih, dan pakaian anak raja payung kuning.

Susunan Tertib Adat Istiadat Diraja

Adapun apabila raja dihadap orang di balairung, maka Bendahara dan Penghulu Bendahari dan Temenggung, dan segala menteri dan Orang Besar-besar, segala sida-sida duduk di seri balai; maka segala anak raja-raja itu duduk dikelek-kelekan balai kiri kanan, dan segala sida-sida yang muda-muda duduk diselang-selang antara Bentara, dan hulubalang muda-muda berdiri di ketapakan balai memikul pedang, dan kapala bentara yang di kiri itu, daripada anak cucu menteri yang patut akan menjadi Bendahara dan Penghulu Bendahari dan Temenggung; dan kepala bentara yang di kanan itu, daripada anak cucu hulubalang yang akan patut jadi Laksamana dan Seri Bija Diraja; dan barang siapa bergelar Sang Setia bakal Seri Bija Diraja, dan barang siapa bergelar Sang Guna bakal Laksamana, dan barang siapa bergelar Tun Pikrama bakal Bendahara.



Syahadan jika menjunjung duli, dahulu kepala bentara yang empat lima orang itu daripada sida-sida yang duduk di Seri balai itu, melainkan segala menteri yang besar-besar. Adapun nakhoda Cempa yang pilihan duduk di seri balai, maka segala anak tuan-tuan yang bersahaja-sahaja duduk di selasar balai. Adapun segala perkakas raja, seperti ketur dan kendi, kipas dan barang sebagainya diselang-selang duduknya; melainkan puan dan pedang dikelek-kelekan kiri dan kanan; pedang kerajaan itu, Laksamana atau Seri Bija Diraja memikul pedang itu.

Dan apabila utusan datang atau pergi, ceper dan kerikal dibawa hamba raja dari dalam, maka disambut oleh kepala bentara yang di kanan, kerikal itu diletakkan had Bendahara. Maka ceper dan tetarupan diberikan pada orang yang membawa surat. Jika surat dari Pasai atau dari Haru, dijemput dengan selengkap alat kerajaan: gendang, serunai, nafiri, nagara, payung putih dua berapit; melainkan mendeli juga yang tiada pergi menjemput itu; dan menteri mengepalakan gajah, dan bentara di buntut gajah; sida-sida membawa surat dengan penghulu biduanda kecil; dan gajah dikepilkan di hujung balai, kerana raja dua buah negeri itu sama besamya dengan raja Melaka, tua muda sekaliannya berkirin salam jua.

Telah datang ke balai, maka surat disambut oleh hulubalang asal, yakni kepala bentara yang dari kanan; kepala bentara yang dari kiri menyampaikan titah raja kepada utusan, kepala bentara yang di kanan menyampaikan sembah. Dan jika surat dari negeri lain, dikurangkan hormatnya daripada itu, sekadar gendang serunai sahaja, dan payung kuning juga; dan jikalau patut bergajah, bergajah; dan jikalau patut berkuda, berkuda; maka diturunkan di luar pintu yang di luar sekali. Jika raja itu terbesar sedikit, diberi bemaferi dan payung, satu putih, satu kuning; Gajah diderumkan di dalam pintu yang di luar, kerana dahulukala pintu itu tujuh lapis. Bermula utusan itu, jika akan pulang, dipersalin adatnya, dan jika utusan Rekan sekalipun, dipersalin juga; dan jika utusan kita akan pergi pun dipersalin juga adatnya.

Jika baginda menggelar orang, maka raja dihadap orang di balairung, orang beradat. Maka dijemput orang itu: jika "Perserian", Orang Besar-besar menjemput dia; jika "Persangan", orang kecil menjemput dia; jika "Pertuanan" orang sedang menjemput dia; dan jika orang bergelar itu patut bergajah, dibawakan gajah; yang patut berkuda, dibawakan kuda; dan jikalau tiada patut bergajah dan berkuda, dibawa berjalan dengan bingkisan, dengan payung dan gendang serunai, tetapi payung itu, ada hijau, ada yang biru, ada yang merah, dan sebesar-besamya payung kuning; dan payung putih dengan nagara itu mahal adanya, sebaik-baiknya nafiri. Dan payung kuning itu payung anak raja-raja dan orang besar-besar; dan payung ungu dan merah dan hijau itu payung sida-sida dan bentara hulubalang sekalian. Adapun payung

biru dan hitam itu akan payung barang orang bergelar juga.

Telah orang bergelar itu datang ke dalam, maka dihentikan di luar, maka ciri yang amat indah-indah bunyinya dibacakan orang di hadapan raja.* Daripada anak cucu Batala itulah yang membaca ciri itu. Telah sudah ciri itu dibaca, maka dibawa orang keluar; adapun yang menyambut ciri itu daripada kaum keluarga orang bergelar itu juga, maka dibawalah masuk; maka dibentangkan tikar barang di mana dikehendaki raja, supaya kemudian pun di sanalah dia duduk.

B-83 Maka datanglah persalin; jika akan jadi Bendahara, lima ceper persalinannya; baju seceper, kain seceper, destar seceper, sebai seceper, ikat pinggang seceper; jikalau anak raja-raja dan para menteri cetera empat ceper juga, ikat pinggang tiada; jikalau bentara sida-sida hulubalang tiga ceper; kain seceper, baju seceper, destar seceper, ada yang semuanya sekali seceper, ada yang tiada berceper, kain, baju, destar di biru-biru sahaja, maka diampu oleh Hamba raja, datang pada orang bergelar itu disampaikan di lehernya. Maka dipeluk oleh orang itu lalu dibawanya keluar. Dan jika persalin utusan, demikian juga adatnya, masing-masing pada patutnya.

Setelah datang persalinan, maka orang bergelar itu keluar bersalin, sudah bersalin masuk pula, maka dikenakan orang patam dan pontoh, kerana orang bergelar itu semuanya berpontoh, tetapi masing-masing pada patutnya; ada yang berpontoh bemaga dengan penangkal dan azimat, ada yang berpontoh Permata, ada yang berpenyangga sahaja, ada yang berpontoh perbuatan khalkah biru, ada yang berpontoh perak; dan yang bertimbangan, ada yang sebelah. Setelah sudah, maka ia menjunjung duli lalu pulang, disuruh hantar pada siapa patut, atau orang yang menjemput itu juga menghantari, diarak; ada yang bergendang serunai sahaja, ada yang bemafiri, ada yang bemagara; ada yang berpayung putih, tetapi mahal adanya payung putih dan nagara itu; sedang payung kuning dan nafiri lagi susah diperoleh pada zaman itu.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Syahadan apabila raja berangkat hari raya berusung, Penghulu Bendahari memegang kepala usungan yang di kanan, dan yang di kiri Laksamana, dan di belakang itu Menteri keduanya memegang dia, dan pada rantai dekat kaki raja. Seri

*Lihat Ciri Istiadat Berunai di bahagian Lampiran.

Bija Diraja memegang dia; dan bentara, hulubalang berjalan dahulu di hadapan raja, masing-masing dengan jawatannya. Segala alat kerajaan dibawa orang berjalan di hadapan raja, tombak kerajaan sebatang dari kiri dan sebatang dari kanan; di hadapan raja segala bentara memikul pedang, dan di hadapan sekali segala orang yang berlembing. Adapun jogan di hadapan raja, dan di hadapannya gong gendang dan segala bunyi-bunyian, negara dari kanan, nafiri dari kiri; jikalau berjalan, lebih kanan daripada kiri; dan pada kedudukan, lebih kiri daripada kanan. Demikian lagi ketika mengadap nobat pun demikian juga; orang yang berjalan di hadapan raja itu, barang yang kecil dahulu. Adapun tombak berjajar dan segala pawai dahulu sekali, dan pelbagai bunyi-bunyian serba jenis sekaliannya dahulu. Adapun Bendahara berjalan di belakang raja dengan kadi dan pakeh, segala Orang Besar-besar dan segala menteri yang tua-tua.

B-84

A-94

Bermula jika raja bergajah, Temenggung di kepala gajah, Laksamana atau Seri Bija Diraja di buntut, bentara memikul pedang kerajaan. Adapun jika mengadap nobat, barang Orang Besar-besar dari kiri gendang; barang orang kecil dari kanan gendang. Adapun yang kena sirih nobat pertama Bendahara dan anak raja-raja, dan Penghulu Bendahari, dan Temenggung, dan Menteri keempat, dan kadi, dan pakeh, dan Laksamana, Seri Bija Diraja, dan sida-sida yang tua-tua, dan barang siapa yang dikehendaki raja, dan cateria, itu pun jikalau ada Bendahara mengadap nobat; jikalau tiada Bendahara, tiadalah bersirih puan itu, jika ada anak raja-raja sekalipun.

Sebermula apabila raja bekerja, Penghulu Bendaharilah yang memerintahkan dalam, dan menyuruhkan penghulu balai menghiasi balai dan membentang tikar, dan menggantung tabir dan langit-langit, dan melihati makanan orang, dan mengunjung orang, memanggil orang, kerana hamba raja, dan segala bendahari raja, dan segala yang memegang hasil negeri raja, dan syahbandar sekalian dalam kira-kira Penghulu Bendahari belaka. Maka Penghulu Bendaharilah menyuruh memanggil orang, dan akan Temenggung mengatur orang makan di balai. Maka orang makan itu berhadapan empat orang, terus lalu ke bawah; demikian juga jika temannya makan itu tiada seorang, tinggal tiga; jika tiada dua, tinggal dua; jika tiada tiga, tinggal seorang, makan juga ia;

B-85

A-95

tiada dapat yang di bawah itu naik menggenapi di tempat yang di atas. Adapun Bendahara makan seorangnya sehidangan dengan anak raja. Demikianlah istiadat pada zaman Melaka; banyak lagi lain dari itu, jikalau dikatakan semuanya nescaya bimbang hati orang yang mendengar dia.

Syahadan jika malam dua puluh tujuh, tatkala pada siangnya mengarak sejadah ke masjid, Temenggung mengepalakan gajah; maka puan dan segala alat kerajaan dan gendang, semuanya diarak dahulu ke masjid. Setelah malam maka raja berangkat seperti adat hari sembahyang terawih, sudah itu berangkat kembali. Setelah esok. harinya maka Laksamana mengarak serban, adat raja-raja Melayu berangkat ke masjid berTerigkolok berbaju sarong, itulah yang jadi larangan pada orang kahwin; barang siapa yang dikumiai maka beroleh memakai dia; dan memakai cara Keling itu pun larangan lagi, melainkan barang siapa sedia pakaian, dapatlah dipakainya sembahyang dan kahwin.

Tatkala hari raya kecil atau besar, maka Bendahara dan segala Orang Besar-besar sekaliannya masuk berkampung ke dalam; usungan pun diarak oleh Penghulu Bendahari masuk. Setelah melihat usungan, maka segala orang yang duduk di balai habis turun berdiri, beratur bersaf-saf, maka "gendang adi-mula" pun dipalu oranglah tujuh ragam; pada seragam nafiri berbunyi. Setelah genaplah tujuh kali, maka raja pun berangkatlah keluar bergajah diarak ke istana. Setelah mereka melihat raja, sekaliannya duduk di tanah, maka usungan pun terkepillah di astaka, maka Bendahara naik ke astaka menyambut raja naik ke atas usungan, lalu berangkat ke masjid seperti yang tersebut dahulu itu.

B-86

Adapun tatkala orang mengadap nobat ada hari bulan Ramadan atau Syawal, setelah rata beratur sekalian hulubalang di kiri kanan gendang, jikalau ada Raja Muda mengadap nobat, maka dipersilakan oleh bentara Raja Muda itu berdiri di atas permaidani. Setelah itu nafiri pun berbunyi tiga kali, maka sida-sida keluar di dalam, disambut bentara. Itulah istiadat raja-raja Melayu dahulukala, barang yang pendengaran sida itulah sida katakan.

A-96

Kata rawi, bahawa Sultan Muhammad Syah selama di atas kerajaan, terlalu sekali adil baginda pada memeliharakan segala manusia. Maka negeri Melaka pun besarlah, dan jajah-

annya pun makin banyaklah; yang arah ke barat hingga Bemas Ujung Karang, arah ke timur hingga Terengganu. Maka masyhurlah pada segala negeri dari bawah angin datang ke atas angin bahawa negeri Melaka terlalu besar, lagi dengan makmumya; dan rajanya daripada bangsa Raja Iskandar Zul Karnain; dan pihak Raja Nusyirwan Adil, raja masyrik maghrib; pancaran Nabi Sulaiman 'alaihi s-salam. Maka segala raja-raja sekaliannya datang ke Melaka mengadap baginda. Segala raja-raja itu dihormati baginda, dan dipersalin baginda dengan pakaian yang mulia-mulia. Maka segala dagang bawah angin dan dagang atas angin sekaliannya datang ke Melaka, terlalulah ramainya bandar Melaka pada zaman itu. Maka oleh segala dagang Arab dinamainya Malakat, yakni perhlmpunan segala dagang, dari kerana banyak pelbagai jenis dagang ada di sana; tambahan segala Orang Besar-besarnya punsangat saksama, *Wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihimarji'u wal-ma 'ab.*

Membuang Diri Kerana Berkecil Hati

Alkisah maka tersebutlah perkataan ada sebuah negeri di benua Keling, Pahili namanya; Nizamu'l Muluk Akhbar Syah nama rajanya. Adapun raja itu Islam dalam agama Nabi Muhammad Rasulullah salla 'llahu 'alaihi wa-sallam, maka baginda beranak tidak orang, dua lelaki dan seorang perempuan; yang tua Mani Purindan namanya, dan yang Terigah Raja Akbar Muluk Kud Syah namanya, yang perempuan, Damia Seri Wandi namanya. Maka Raja Nizamu'l Muluk Akbar Syah pun sudah hilang, maka anakanda baginda Raja Akbar Muluk Kud Syahlah kerajaan, menggantikan ayahanda baginda. Maka baginda berbahagi pusaka tiga bersaudara, seperti dalam hukum Allah demikianlah diturutnya.

A-97

B-87

Datanglah kepada papan cuki emas bertatahkan permata, buahnya permata merah sebelah, permata hijau sebelah, Maka kata baginda Mani Purindan pada adiknya, Raja Akbar Muluk Kud Syah, "Cuki ini berikanlah kepada saudara kita yang perempuan, kerana bukan layak kita memakai dia," Maka kata Raja Akbar Muluk Kud Syah, "Tiada Hamba mau memberikan, yang kehendak Hamba kita nilaikan cuki ini; jika saudara kita itu hendakkan dia, diberikannya harganya pada kita." Maka baginda Mani Purindan pun malu rasanya,

oleh katanya tiada diturut oleh saudaranya itu, Maka kata dalam hatinya, "Sedang pekerjaan ini lagi tiada diturutnya kata aku, jikalau pekerjaan yang lain betapa lagi? Jikademikian baiklah aku membuang diriku barang ke mana. Jika di sini pun bukan aku kerajaan dalam negeri ini. Ke mana baik aku pergi, melainkan ke Melakalah aku pergi, kerana raja Melaka zaman ini raja besar, patutlah aku menyembah, kerana baginda daripada anak cucu Raja Iskandar ZulKarnain."

A-98 Setelah demikian fikir baginda Mani Purindan, maka baginda pun berangkatlah dengan beberapa buah kapal, lalu belayar hendak ke Melaka. Setelah datang ke Tanjung Jambu Air, maka angin pun turunlah terlalu kencang; maka kapal baginda Mani Purindan pun Teriggelam. Baginda Mani Purindan pun terjun ke air, terselirupang di belakang ikan alu-alu, maka lalu dilarikannya ke darat. Baginda Mani Purindan pun hendak naik mencapai segala anak kayu yang tumbang itu, semuanya merebahkan dirinya. Maka baginda berpaut pada pohon gandasuli, lalu naik ke darat berjalan dengan letihnya dan lapar serta dahaganya. Maka didengamya bunyi burung tekukur itu dilihatnya ada. Setelah dekat maka burung tekukur itu terbang, diikutnya pula; apabila baginda Mani Purindan berhenti, tekukur itu pun ikut berhenti. Diceriterakan yang empunya ceritera, ada dua hari dua malam baginda Mani Purindan mengikut tekukur itu, apabila ia berhenti tekukur itu pun berhenti, dengan demikian maka teruslah ke bendang orang. Sebab itulah dipersurupahkan oleh baginda Mani Purindan - segala anak cucunya tiada boleh makan ikan alu-alu; tiada boleh bermain burung tekukur dan memakai bunga gandasuli.

B-88 Hatta beberapa lama maka sampailah baginda Mani Purindan ke negeri Pasai. Setelah didengar oleh Raja Pasai ia anak raja benua Keling, maka didudukkannya dengan anaknya. Daripada anak cucunya lah pancar raja dan bendahara Pasai itu. Setelah berapa lamanya ia di Pasai, maka baginda Mani Purindan pun kembali ke benua Keling, berlengkap kapal. Apabila musim telah datang maka ia pun belayar pula ke Melaka dengan alat dan lasykamya; penghulu lasykamya bernama Khaja Ali Ferid Muhammad, dengan tujuh buah kapal sertanya.

Setelah datang ke Melaka lalu menghadap Sultan Muhammad Syah; maka didudukkan baginda setara menteri. Setelah itu maka diambil oleh Seri Nara Diraja akan menantu, didudukkannya dengan Ratna Sandari. Baginda Mani Purindan beranak dua orang lelaki, yang tua bernama Tun Ali, yang perempuan bernama Tun Ratna Wati, terlalu baik parasnya. Setelah besar maka diperisteri oleh Sultan Muhammad Syah, beranak seorang lelaki bernama Raja Kassim. Kemudian baginda beristeri akan anak raja Rekan, beranak pula seorang lelaki bernama Raja Ibrahim, maka dialah dirajakan baginda menurutkan kehendak Raja Perempuan; akan tetapi Sultan Muhammad Syah kasih juga akan anakanda baginda Raja Kassim, daripada malu baginda akan Raja Perempuan diturutkan bagindalah kehendaknya; maka barang laku Raja Ibrahim itu dibenarkan oleh baginda. Adapun Raja Kassim, jika terambil sirih orang secarik pun dimurkai baginda, akan Raja Kassim terlalu baik budinya, maka segala Orang Besar-besar dan rakyat pun sekaliannya kasih akan Raja Kassim dan benci akan Raja Ibrahim.

A-99

Hatta Raja Rekan pun datang menghadap ke Melaka, maka sangat dipermulia oleh Sultan Muhammad Syah, kerana Raja Perempuan itu saudara sepupu kepada Raja Rekan. Adapun Raja Rekan itu anak Sultan Sidi, saudara Sultan Sujak. Apabila Raja Rekan akan masuk menghadap, orang menitir gendang ria, sekalian orang berkampung. Itulah maka diperbuat orang pantun:

B-89

Gendang ria dapat berbunyi,
Raja Rekan masuk menghadap
Orang kaya apa disembunyi
Dendam sahaya dapat berdapar



Maka Raja Rekan itu didudukkan baginda tara Bendahara; apabila makan ke bawah. Maka sembah segala hulubalang Rekan kepada rajanya, "Mengapakah kita seperti ayam? Tidur di bumbungan, makan ke bawah pun, tidak bermohon sekali-sekali." Maka Raja Rekan itu bermohonlah duduk di bawah Bendahara. Maka titah Sultan Muhammad Syah, "Baiklah." Maka jadinya Raja Rekan duduk di bawah Bendahara.

Hatta berapa lamanya Bendahara Seri Wak Raja pun

A-100

kembalilah ke rahmat Allah. Maka Seri Amar Diraja pula jadi Bendahara. Adapun Bendahara Seri Amar Diraja itu daripada anak cucu Raja Muda Singapura asalnya; jadi Bendahara itu anak saudara sepupu juga pada Seri Nara Diraja, ada ia beranak seorang perempuan. Akan baginda Mani Purindan pun sudah hilang; anaknya yang bernama Tun Ali itu diambil oleh Bendahara Seri Amar Diraja akan menantu. Seri Nara Diraja pun sudah hilang, cucunya yang bernama Tun Ali, anak baginda Mani Purindan pula jadi Penghulu Bendahari menggantikan nindanya bergelar Seri Nara Diraja juga.

B-90

Setelah enam puluh tujuh tahun lamanya Sultan Muhammad Syah di atas kerajaan, datanglah pada peredaran dunia, maka baginda pun kembalilah ke rahmat Allah Taala, kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un. Maka dikerjakan oleh segala Orang Besar-besar seperti adat kerajaan, diperbuatnya raja-diraja berulas kekuningan. Maka segala alat dinaikkan ke atas raja-diraja; orang menyelarupai enam belas buah raja diraja; dan perasapan enam belas raja-diraja; empat orang pada satu raja-diraja dan diannya enam belas raja-diraja; orang yang menyelarupai tetarupan enam belas raja-diraja; derma emas perak di ceper dengan beras-kunyit empat raja-diraja; derma kain berkudi-kudi empat raja-diraja.

Istana di bawah Pengaruh Raja Rekan

A-101

Jenazah Sultan Muhammad Syah dinaikkan ke atas perarakan lalu ditabalkan; sudah itu maka Raja Ibrahim pula ditabalkan. Setelah sudah maka jenazah diarak ke masjid dengan alat pawai dan bunyi-bunyian. Pertama berjalan dahulu dian; sudah itu orang menyelarupai kain; sudah itu perasapan; sudah itu orang menyelarupai tetarupan; sudah itu maka perarakan keranda. Setelah datang ke masjid, disembahyangkan di sana. Setelah itu maka anakanda baginda, Raja Ibrahim kerajaan menggantikan ayahanda baginda, gelar baginda Sultan Abu Syahid. Tetapi baginda Raja Ibrahim itu budak, tiada ia hiraukan kerajaan; tiada lain pekerjaan baginda melainkan bermain bantak sama-sama dengan budak-budak banyak; itulah dibuat orang nyanyi:

Mana Sultan Abu Syahid,
Budak-budak bermain bantak;

Tuan seorang dip an dang baik,
Bagai cincin kena pennata.

Maka Raja Rekanlah memangku Sultan Abu Syahid memerintahkan negeri Melaka. Maka negeri Melaka seperti terhukumlah oleh Raja Rekan. Akan Raja Kasim dinyahkan oleh Raja Rekan. Maka baginda diam pada si pengail, Sentiasa mengail ke laut. Adapun Raja Rekan seolah-olah ialah kerajaan dalam negeri Melaka, kerana bonda Sultan Abu Syahid itu sepupunya, menjadi kuatlah ia. Maka segala Orang Besarbesar, para menteri, hulubalang semuanya datang pada Bendahara, berkampung mesyuarat. Maka kata segala Orang Besarbesar itu kepada Bendahara, "Apahal kita ini? Kerana sekarang Raja Rekanlah tuan kita, bukannya duli Yang Dipertuan." Maka sahut Bendahara, "Apatah daya kita! Kerana Raja Rekan tiada pernah bercerai dengan Duli Yang Dipertuan." Setelah mendengar kata Bendahara itu, sekaliannya pun berdiam diri, lalu masing-masing kembali ke rumah. Adapun Seri Nara Diraja bicara dalam hatinya akan pekerjaan itu. Raja Kassim dipersilakannya ke rumahnya; diberinya santap, kerana bonda Raja Kasim itu saudaranya.

Hatta berapa lamanya, datanglah sebuah kapal dari at as angin. Setelah kapal itu berlabuh, maka segala nelayan pun datanglah berjual ikan kepada orang dalam kapal itu; maka Raja Kasim pun datang berjual ikan, melakukan dirinya seperti laku si pengail yang banyak itu. Adapun dalam kapal itu ada seorang maulana, namanya Maulana Jalalu'd-Din. Setelah ia melihat Raja Kasim, maka segera disuruhnya naik dan diberinya hormat dengan sepertinya. Maka kata Raja Kasim "Mengapa maka tuan Hamba menghormati Hamba? Kerana Hamba ini si polan berjual ikan." Maka kata Maulana Jalalu'd-Din, "Bahawa engkau ini anak raja Melaka, engkaulah kelak kerajaan dalam negeri ini." Maka kata Raja Kasim "Apa daya Hamba akan menjadi raja? Jika dengan tuah Maulana mahu menolong Hamba maka dapat Hamba akan jadi raja." Maka kata Maulana itu, "Pergilah tuan Hamba ke darat, cari orang yang dapat mengerjakan pekerjaan tuan Hamba. Insya-Allah Taala, hasillah pekerjaan tuan Hamba; tetapi suatu janji saya pinta pada tuan Hamba, Puteri Rekan, bonda Sultan Abu Syahid itu berikan Hamba." Maka kata Raja

B-91
A-102

Kasim, "Baiklah, jikalau Hamba menjadi raja." Maka kata Maulana segeralah tuan Hamba naik ke darat, kerjakanlah oleh tuan Hamba malam ini; bahawa Allah subha nahu wa taala ada menyertai tuan Hamba. "

Peristiwa Rampas Kuasa

Maka Raja Kassim pun naiklah ke darat serta fikir dalam hatinya, "Kepada siapa aku minta tolong ini? Jika demikian baik aku pergi kepada Seri Nara Diraja, kerana ia kasih akan aku, kalau-kalau mau ia menolong aku." Setelah demikian fikimya maka Raja Kasim pun pergilah kepada Seri Nara Diraja. Maka segala kata Maulana itu semuanya dikatakannya kepada Seri Nara Diraja. Maka kata Seri Nara Diraja, "Baiklah, Hambalah menyertai tuanku."

A-103 Setelah sudah berteguh-teguhan kata, maka Seri Nara Diraja pun berlengkap menghimpunkan orangnya. Setelah hari malam, maka Raja Kasim pun naik gajah yang bernama Juru Demang; maka Seri Nara Diraja mengepalakan gajah Raja Kasim itu, dan Maulana Jalalu'd-Din pun ada bersama-sama. Maka segala orang kapal semuanya dibawanya naik dengan Senjatanya. Maka kata Raja Kasim pada Seri Nara Diraja, "Apa bicara tuan Hamba, jika Bendahara tiada serta dengan kita? Tiada akan hasil pekerjaan kita. Jikalau kita ajak pun masakan ia mahu." Maka kata Seri Nara Diraja, "Mudah juga pekerjaan itu pada Hamba, mari kita pergi pada . Bendahara." Maka kata Raja Kasim, Baiklah, mana kata tuan Hambalah Hamba ikut." Maka pergilah keduanya kepada Bendahara.

B-92 Setelah sampai di luar pagar Bendahara, maka kata Seri Nara Diraja, "Segera beritahu Bendahara, Yang Dipertuan menanti di luar." Maka segera diberi orang tahu pada Bendahara mengatakan Yang Dipertuan ada berdiri di luar. Maka Bendahara pun segera keluar, berkeris pun tiada, berdestar pun di jalan, Adapun pada malam itu sangat kelam. Setelah datang Bendahara ke bawah gajah, maka gajah pun diderumkan oleh Seri Nara Diraja seraya katanya kepada Bendahara, "Titah suruh naik." Maka Bendahara segera naik ke atas gajah; maka gajah itu pun berdiri, lalu berjalan. Maka dilihat oleh Bendahara, raja itu Raja Kasim, bukannya Sultan Abu Syahid; dan kilat Senjata pun terlalu banyak. Bendahara

pun hairanlah melihat perihal itu. Maka kata Seri Nara Diraja pada Bendahara, "Apa bicara tuan Hamba? Bahawa Raja Kasim hendak membunuh Raja Rekan." Maka Bendahara tiada berdaya lagi, lalu disahutnya, "Sukalah Hamba, kerana Raja Kasim pun teraula tuan kepada Hamba; selamanya pun Hamba hendak mengerjakan Raja Rekan itu." Maka Raja Kasim pun terlalu sukacita mendengar kata Bendahara itu.

Maka baginda pun masuklah melanggar ke dalam. Orang pun geruparlah mengatakan Raja Kasim melanggar ke dalam; segala Orang Besar-besar dan hulubang sekalian pun datang mengusir Bendahara, sekalian mereka itu bertanya "Mana Bendahara?" sahut orang itu, "Bendahara pergi bersama-sama dengan Raja Kasim." Maka pada hati segala Orang Besar-besar itu. Bendaharalah yang empunya pekerjaan ini. Maka sekalian mereka itu pun mendapatkan Bendahara dan bersertalah dengan Raja Kasim. Maka dalam pun alahlah. Akan Raja Rekan tiada bercerai dengan Sultan Abu Syahid. Maka kata Seri Nara Diraja, "Bahawa titah menyuruh merebut Sultan Abu Syahid, takut dibunuh oleh Raja Rekan." Maka orang berseru-seru melarang jangan menikam Raja Rekan dahulu. Maka tiada didengarkan oleh sekalian, kerana sangat sabar. Maka ditikam oranglah Raja Rekan terus-menerus. Setelah Raja Rekan merasai luka itu, maka ditikamnya Sultan Abu Syahid. Maka baginda pun syahidlah. Adapun umur baginda di atas kerajaan setahun lima bulan. Setelah Sultan Abu Syahid sudah mangkat, maka Raja Kasim pun masyghul akan adinda baginda itu, maka ditanamkanlah seperti adatnya.

A-104

B-93

Syahadan maka Raja Kasimlah menggantikan kerajaan adinda baginda. Maka baginda pun ditabalkan oranglah; adapun gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Muzaffar Syah, Maka Maulana Jalalu'd-Din pun menuntut janjinya kepada baginda. Maka disuruh hiasi oleh baginda seorang dayangdayang yang baik rupanya dengan selengkap pakaian, lalu diberikan kepada Maulana itu dikatakan Puteri Rekan. Maka pada hati Maulana itu ialah Puteri Rekan, segera diambilnya lalu dibawanya ke atas angin.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Sebermula adalah Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan itu, terlalu baik budi pekerti baginda dengan adilnya dan murah serta ampun periksa dengan saksama pada mengasihani rakyat baginda; dan bagindalah menyuruhkan membuat

A-105

kitab undang-undang supaya jangan bersalahan lagi segala hukum menteri. Bermula akan Seri Nara Diraja terlalu sangat dikasihi baginda, barang suatu katanya dan sembahnya tiada dilalui baginda. Arakian, maka Sultan Muzaffar Syah beristerikan anak Bendahara Seri Amar Diraja, baginda beranak seorang lelaki terlalu baik parasnya, dinamai baginda Raja Abdullah. Hatta maka Bendahara Seri Amar Diraja pun hilanglah, maka Tun Perpatih Sedang, anak Bendaharalah pula jadi Bendahara bergelar Bendahara Seri Wak Raja juga, tetapi sungguhpun jadi Bendahara sekadar nama sahaja, yang orang besamya Seri Nara Diraja juga; barang suatu katanya tiada dilalui raja,

B-94

Ada pada suatu hari Sultan Muzaffar Syah dihadap orang di balairung; setelah lamalah sudah baginda dihadap orang, maka Bendahara pun hendak masuk mengadap. Setelah datang di luar pintu maka Sultan Muzaffar Syah pun berangkat masuk, sebab Iama sudah baginda duduk, tiada baginda tahu akan Bendahara datang itu, maka pintu pun tertutup ditiup oleh angin. Pada hati Bendahara, "Yang Dipertuan murka akan aku serta aku datang baginda berangkat masuk dan pintu pun ditutup orang." Maka Bendahara pun terlalu malu rasanya lalu kembali ke rumahnya makan racun, lalulah hilang.

A-106

Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Muzaffar Syah, mengatakan Bendahara mati; maka baginda pun terkejut mendengarnya. Maka titah baginda, "Apa sebabnya maka Bendahara mati?" Maka dipersembahkan oleh Tun Indera Segara, sebab makan racun; Maka segala perihal ehwalnya semuanya dipersembahkan kepada baginda. Maka Sultan Muzaffar Syah terlalulah dukacita, lalu berangkat pergi menanamkan Bendahara seperti istiadatnya. Tujuh hari baginda tiada buat oleh bercintakan Bendahara Seri Wak Raja. Setelah itu maka Seri Nara Dirajalah jadi Bendahara. Maka ada anak Bendahara Seri Wak Raja tiga orang, yang tua sekali perempuan Tun Kudu namanya; terlalu baik parasnya, maka diperisteri oleh Sultan Muzaffar Syah. Adapun yang dua orang itu lelaki, yang Terigah bernama Tun Perak, yang bongsu bernama Tun Perpatih Putih. Adapun Tun Perak tiada kena kerja raja, ia pergi duduk di Kelang beristerikan. Hatta berapa lamanya, maka orang Kelang pun menolak penghulunya, maka sekaliannya mengadap ke Melaka, hendak

mohonkan penghulu yang lain. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Siapa pula kamu kehendaki akan jadi penghulu kamu itu?" Maka sembah orang Kelang, "Tuanku, jika ada ampuni duli Yang Maha Mulia, Tun Peraklah patik sekalian pohonkan akan jadi penghulu patik sekalian." Maka titah baginda, "Baiklah." Maka Tun Peraklah jadi penghulu orang Kelang itu. *Wallahu a'lamu bissawab wa ilaihil-marji'u uial-ma'ab.*



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

V

Bakat Kebijaksanaan Tun Perak

ALKISAH, maka tersebut perkataan raja benua Siam. daripada zaman dahulukala, negeri Siam itu Syahru 'n Nuwi namanya disebut orang. Syahadan segala raja-raja di bawah angin ini, semuanya takluk kepadanya; Bubunnya nama rajanya. Setelah didengar oleh benua Siam bahawa Melaka negeri besar, tiada takluk ke Siam, maka Paduka Bubunnya pun menyuruhlah ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka raja benua Siam pun terlalu marah, serta menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka; Awi Cakri nama panglimanya membawa rakyat terlalu banyak, tiada terpemanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah duli Sultan Muzaffar Syah, bahawa raja benua Siam menyuruhkan hulubalangnya, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpemanai, berjalan darat serta terus ke hulu Pahang.

B-95

A-107

Maka setelah baginda mendengar khabar itu, maka baginda menyuruh menghimpunkan segala rakyat di teluk rantau mudik ke Melaka. Maka berkampunglah sekaliannya ke Melaka; maka Tun Perak mudik ke Melaka orang Kelang dengan segala anak bininya sekali. Maka orang Kelang pun masuk menghadap raja, persembahkan segala perihal; demikian sembahnya: "Tuanku, segala teluk rantau yang lain semuanya menghadap dengan lelaki juga, akan patik sekaliannya dibawa oleh Tun Perak dengan perempuan."



ديوان بهاس دان پوسٲاڪا
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar sembah orang Kelang itu, maka titah baginda pada seorang bentara, Seri Amerta gelamya, "Jikalau datang Tun Perak kelak ke balairung mengadap, katakan oleh Seri Amerta sembah orang Kelang itu; jangan kamu katakan dengan titah kita."

Adapun akan Seri Amerta itu asalnya daripada orang Pasai, Tun Semendera namanya; sebab ia cerdik, lagi tahu berkata-kata, maka dijadikan baginda bentara, digelar Seri Amerta. Maka diperbuatkan baginda suatu bangku betul di bawah lutut baginda; di sanalah ia memikul pedang. Ialah yang menyampaikan barang titah raja.

A-108 Pada suatu hari, maka Tun Perak datang mengadap raja, duduk di tanah sama orang yang banyak. Maka kata Seri Amerta pada Tun Perak, "Tuan Tun Perak, segala orang Kelang ini mengadukan halnya ke bawah Duli Yang Dipertuan, adapun orang teluk rantau yang lain semuanya mengadap lelaki juga, akan orang Kelang mengapa maka Tun Perak bawa dengan perempuannya sekali? Mengapa demikian fil tuan?"

B-96 Maka tidak disahuti oleh Tun Perak tanya Seri Amerta itu. Maka sekali lagi Seri Amerta berkata-kata, tiada juga disahuti oleh Tun Perak. Setelah genap tiga kali Seri Amerta berkata, maka baharulah disahut oleh Tun Perak. Katanya: "Rei Seri Amerta, tuan Hamba dengan pedang tuan Hamba sebilah itu juga, hendaklah baik-baik peliharakan, jangan diberi berkarat; akan pekerjaan kami, orang bekerja ini, di mana tuan Hamba tahu? Akan sekarang, Duli Yang Dipertuan dalam negeri ini dengan anak isteri baginda, dan dengan segala alat takhta kerajaan; maka benarkah pada pendapat tuan Hamba, kami sekalian datang- dengan berlelaki juga, dengan jauh tempat Selat Kelang? Jikalau barang sesuatu hal negeri ini, apa disebutkannya akan kami sekalian? Sebab itulah maka segala orang Kelang ini Hamba bawa dengan segala anak perempuannya sekali. Jikalau dia berperang dengan musuh pun bersungguh-sungguh hati; kurang-kurang ia melawankan Duli Yang Dipertuan, lebih-lebih ia melawankan anak perempuannya." HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka oleh Seri Amerta segala kata-kata Tun Perak semuanya disuruhnya persembahkan ke bawah duli Sultan Muzaffar Syah, Setelah baginda mendengar kata Tun Perak itu, maka

baginda pun tersenyum; maka titah baginda, "Benarlah seperti kata Tun Perak itu." Maka diambil baginda sirih daripada puan, disuruh berikan kepada Tun Perak. Maka titah baginda pula kepada Tun Perak, bahawa Tun Perak tiada patut diam di Kelang lagi, baiklah Tun Perak duduk di negeri.

Hatta maka orang Siam pun datanglah, lalu berperang dengan orang Melaka terlalu ramai. Ada berapa lamanya berperang, maka rakyat Siam pun banyak mati, hal Melaka pun tiada alah; maka Siam pun kembalilah. Maka seraya ia pulang itu, segala rotan ikat barang-barangnya semuanya dicarupakkannya di hulu Muar. Maka rotan itu tumbuh, maka itulah dinamai orang "rotan Siam"; dan pasungan kayu ara itu pun tumbuh, ada sekarang di hulu Muar; jeluk dan tumang Siam tempatnya bertanak itu pun tumbuh juga, ada sekarang.

A-109

Setelah Siam sudah pulang, maka segala orang teluk rantau masing-masing kembalilah ke tempatnya. Maka hanya Tun Perak tiada ia diberi raja pulang lagi ke Kelang, dijadikan baginda bentara, Maka ada seorang Keling diam di Kelang, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak; maka Keling itu persembahkan ke bawah duli Sultan Muzaffar Syah. Maka baginda memberi titah kepada Seri Amerta, menyuruh berkata kepada Tun Perak. Maka pada masa itu Tun Perak pun datang mengadap; maka Bentara Seri Amerta berkata kepada Tun Perak; "Tuan Tun Perak, bahawa orang ini mengadap, mengadukan halnya ke bawah duli Yang Dipertuan, mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak, mengapatah maka demikian pekerti tuan?"

B-97

Maka Tun Perak diam, tiada disahutinya kata Seri Amerta itu. Setelah tiga kali Seri Amerta berkata, baharu disahuti oleh Tun Perak. "Akan tuan-Hamba dijadikan duli Yang Dipertuan bentara, dianugerahi pedang sebilah itu juga tuan Hamba peliharakan; baik-baik asami jangan diberi makan karat; akan pekerjaan kami orang memegang negeri di mana tuan Hamba tahu. Jikalau sebesar tempurung sekalipun, negeri namanya; baik juga pada kami maka kami kerjakan, kerana duli Yang Dipertuan tahu akan baiknya juga pada kami, tiada tahu akan jahatnya; tetapi jikalau duli Yang Dipertuan akan membicarakan Hamba dengan dia, pecatlah Hamba dahulu, maka bicarakanlah Hamba dengan dia. Jikalau Hamba belum dipecat, bagaimana Hamba dibicarakan dengan sakai Hamba?"

A-110

Maka berkenan pada hati Sultan Muzaffar Syah kata Tun Perak itu; maka titah baginda, "Adapun Tun Perak itu tiadalah patut menjadi bentara lagi, patut menjadi menteri. Maka digelar baginda Paduka Raja, disuruh duduk di seri balai setara Seri Nara Diraja. Maka Paduka Raja pun naiklah duduk dekat Seri Nara Diraja di seri balai; maka Seri Nara Diraja berkisar ke Terigah.

Hatta maka Seri Nara pun berpindah ke sebelah kanan, maka jadi Paduka Raja duduk tempat Bendahara. Adapun akan Seri Nara Diraja pun telah tualah, tiada beranak lelaki; beranak dengan isterinya, anak Bendahara Seri Amar Diraja itu, seorang perempuan Tun Putih namanya, diperisteri, oleh Raja Abdullah. Ada beranak dengan gundik seorang lelaki Tun Nina Madi namanya, tiada diakui oleh Seri Nara Diraja, sebab takut akan isterinya. Maka Tun Nina Madi pun besarlah, beranak bercucu. Maka isteri Seri Nara Diraja pun telah hilang.

Satu Cara Mengelakkan Pecah-Belah

B-98

Sekali persetua, Seri Nara Diraja duduk di balai diadap orang banyak, maka Tun Nina Madi pun lalu; maka kata Seri Nara, seraya katanya pada segala orang yang mengadap itu, "Tahukah tuan Hamba ia ini anak Hamba?" Maka sembah orang itu, "Sahaya semua pun tahu juga; oleh tunku tiada mengaku, sahaya semua pun takutlah mengatakan anak tunku. "Maka Seri Nara Diraja pun tersenyum; maka Tun Nina Madi pun digelar oleh Sultan Muzaffar Syah "Tun Bijaya Maha Menteri".

A-III

Setelah Paduka Raja jadi Orang Besar, maka segala anak Melayu pun berbelahlah, seTerigah pada Paduka Raja dan seTerigah pada Seri Nara Diraja, kerana keduanya sama Orang Besar berasal. Maka Seri Nara Diraja tiada muafakat dengan Paduka Raja, Sentiasa bersingggit juga. Berapa kali lelayan Paduka Raja kedapatan dengan Paduka Raja dalam kampung Seri Nara Diraja.

Maka Sultan Muzaffar Syah pun tahu akan perihal itu, maka terlalu dukacita baginda melihat kelakuan Paduka Raja dengan Seri Nara Diraja itu. Maka fikir baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri ini, kerana Orang Besar tiada muafakat sama orang besar." Maka baginda berbicara hendak dimuafatkan antara kedua Orang Besar itu; maka Sultan

Muzaffar Syah menyuruh memanggil Seri Nara Diraja. Maka Seri Nara Diraja pun datanglah mengadap. Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Maukah Seri Nara Diraja beristeri?" Maka sembah Seri Nara Diraja, "Jikalau dengan nugerahi duli Yang Dipertuan, baiklah tuanku."

Maka titah baginda, "Maukah Seri Nara Diraja akan Tun Bulan, anak Orang Kaya Hitam?" Maka sembah Seri Nara Diraja, "Mohon tuanku." Maka baginda bertitah pula, "Maukah akan Tun Ratna Sandari, saudara sepupu kepada Paduka Raja?" Maka sembah Seri Nara Diraja, "Mohon tuanku." Maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Maukah akan Tun Gemala, saudara Bendahara Seri Wak Raja?" Maka sembah Seri Nara Diraja, "Mohon patik tuanku." Maka berapa orang anak Orang Besar-besar ditawarkan oleh Sultan Muzaffar Syah, tiada juga berkenan pada Seri Nara Diraja. Maka titah baginda, "Maukah Seri Nara Diraja akan Tun Kudu?" Maka sembah Seri Nara Diraja, "Daulat tuanku."

A-112

Bermula akan Tun Kudu itu anak Bendahara Seri Wak Raja, saudara Paduka Raja, dipcristeri oleh Sultan Muzaffar Syah, terlalu baik rupanya; tetapi matanya juling sedikit. Setelah didengar oleh Sultan Muzaffar Syah, Seri Nara Diraja mau akan Tun Kudu .itu, sesaat itu juga ditalak oleh baginda, dihantarkan ke rumah Paduka Raja, diberi bel anj a, disuruh berhadir akan dikahwinkan dengan Seri Nara Diraja. Maka kata anak buah Seri Nara Diraja, "Bagaimana maka datuk hendak beristeri, kerana datuk telah sudah tua, bulu mata dan bulu kening pun telah putih?" Maka kata Seri Nara Diraja, "Di mana kamu sekalian tahu, jikalau demikian sia-sialah yang dibeli oleh bapaku sekati emas di benua Keling itu."

B-99

Setelah sudah lepas idah maka Seri Nara Diraja pun duduklah dengan Tun Kudu; maka menjadi fakatlah Seri Nara Diraja dengan Paduka Raja; jadi berkasih-kasihan seperti saudara sejalan jadi. Maka sembah Seri Nara Diraja pada Sultan Muzaffar Syah, "Tuanku, baiklah Paduka Raja dijadikan Bendahara, kerana menteri sedia anak Bendahara."

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Adapun Bendahara Paduka Raja itulah yang dikatakan orang bijaksana, kerana pada zaman itu tiga buah negeri yang sama besamya, pertama-tama Majapahit; kedua Pasai; ketiga Melaka. Dalam negeri yang tiga buah itu, tiga orang yang bijaksana. Pertama di Majapahit, Patih Aria Gajah Mada; dan

A-113

Pasai, Orang Kaya Raja Kenayan; dan Melaka Paduka Raja, iaitu Bendahara; maka Seri Nara Diraja menjadi penghulu Bendahari.

Langgaran Siam Dipatahkan

B-100 Hatta berapa lamanya, maka datanglah pula musuh Siam menyerang Melaka dari laut. Awi Dicu nama panglimanya. Maka kedengaranlah ke Melaka khabamya, maka dipersembahkan orang kepada Sultan Muzaffar Syah. Maka baginda menitahkan Beridahara Paduka Raja berengkap mengeluarinya musuh Siam itu, dengan Seri Nara Diraja dan Seri Bija Diraja dan hulubalang sekalian dititahkan mengiringkan Bendahara Paduka Raja. Akan Seri Bija Diraja itu sedia asal Melayu, Tun Hamzah namanya; asalnya konon daripada muntah lembu, ialah yang dipanggil orang Datuk Bongkok. Apabila ia berjalan atau duduk bongkok, serta mendengar khabar musuh, jadi betul; daripada sangat gagah dan beraninya, Maka digelar oleh Sultan Muzaffar Syah Seri Bija Diraja hulubalang Besar, duduk di atas segala hulubalang.

Maka Bendahara Paduka Raja pun pergilah mengeluarinya Siam, bersama-sama Seri Bija Diraja dan segala hulubalang banyak; maka Siam pun Hampirlah ke Batu Pahat.

A-114 Maka ada seorang anak Seri Bija Diraja, Tun Omar namanya, terlalu berani; kelakuannya gila-gila bahasa. Maka Tun Omar disuruhkan oleh Bendahara Paduka Raja Sulu. Maka Tun Omar pun pergilah dengan seorang dirinya; perahunya olang-oleng. Setelah bertemu dengan perahu Siam yang banyak itu, maka dilangganya sekali, dua tiga buah perahu Siam alah, lalu terus perahunya ke sebelah. Maka ia berbalik pula, dilangganya yang lain pula, dua tiga buah alah perahu Siam itu; maka Tun Omar pun kembalilah. Maka orang Siam pun terlalu hairan melihat kelakuan Tun Omar itu.

Setelah hari malam maka Awi Dicu pun datanglah. Maka oleh Bendahara Paduka Raja, segala pohon bakau, dan nyireh, dan tumu, api-api itu sekaliannya, disuruhnya tambati putung api; gemerlapan rupanya dipandang orang. Setelah dipandang oleh orang Siam api tiada terbilang lagi banyaknya itu, maka kata hulubalang Siam, "Terlalu amat banyak Melayu itu tiada terbilang lagi. Jikalau ia datang apa jadinya kita? Sedang akan sebuah perahunya tadi lagi, tiada terlawan

oleh kita." Maka kata Awi Dicu, "Benar seperti kata kamu itu, marilah kita kembali." Maka segala perahu Siam pun kembalilah. Adapun perigi Batu Pahat itu, orang Siamlah memahat dia. Maka diperikut oleh Bendahara Paduka Raja had Singapura. Maka banyak perahu Siam dilanggar oleh kelengkapan Bendahara Paduka Raja; maka orang Siam pun belayar larilah pulang ke benua Siam. Maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke Melaka, mengadap Sultan Muzaffar Syah. Maka segala perihal ehwal itu semuanya dipersembahkan ke bawah duli baginda. Maka baginda pun terlalu sukacita; baginda memberi anugerah persalinakan Bendahara Paduka Raja pakaian yang mulia-mulia, danakan segala hulubalang yang pergi itu semuanya dianugerahi persalin masing-masing pada kadanya.

B-101

Adapun segala Siam yang pulang itu sampai ke benua Siam, maka Awi Dicu pun masuk mengadap Paduka Bubunnya. Maka segala perihalnya semua dipersembhakkannya kepada Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun terlalu marah; maka baginda Sendiri hendak berangkat menyerang Melaka. Maka ada seorang anak Bubunnya lelaki, bernama Cau Panden; maka ia berekap ke bawah duli Paduka Bubunnya hendak menyerang Melaka, sembahnya: "Duli Pra Cau, lengkapi patik; patiklah mengalahkan Melaka itu." Maka Paduka Bubunnya pun terlalu sukacita mendengar sembah anaknya Cau Panden itu. Maka baginda menyuruh berlengkap kepada Pra Kelung delapan ratus sum sahaja; lain perahu kecil-kecil, tiada terbilang lagi, menantikan musim juga.

A-115

Maka kedengaranlah ke Melaka bahawa Cau Panden, anak Bubunnya, akan dititahkan baginda itu menyerang Melaka. Ada seorang Hamba Allah diam di Melaka, bangsanya Arab; namanya Saidi Arab disebut orang. Maka tuan itu Sentiasa bermain panah lasykar, seperti dewal orang berdikir itu. Barang ke mana tuan itu pergi panah itu dibawanya. Tatkala orang membawa khabar itu, maka tuan itu ada mengadap Sultan Muzaffar Syah. Setelah ia mendengar khabar Cau Panden akan datang itu, maka Tuan Saidi Arab itu berdiri di hadapan Sultan Muzaffar Syah. Maka panahnya itu dihalakannya ke benua Siam; maka katanya serta menarik panahnya itu: "Mati Cau Panden." Maka Sultan Muzaffar Syah pun tersenyum; maka titah baginda, "Jikalau sungguh mati Cau Panden,

sungguhlah tuan keramat ."

Adapun Cau Panden lagi di bemia Siam, maka berasa pada dada Cau Panden seperti rasa kena panah; maka Cau Panden pun sakit muntahkan darah, lalu mati. Maka tiadalah Siam jadi menyerang Melaka, sebab Cau Panden mati. Itulah dibuatkan orang nyanyi:

Cau Panden anak Bubunnya,
Hendak menyerang ke Melaka;
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladung air mata.

A-116
B-102 Maka kedengaranlah ke Melaka bahawa Cau Panden telah mati, sakit muntahkan darah, dadanya bagai rasa kena panah. Setelah Sultan Muzaffar Syah mendengar khabar itu, hairanlah baginda; maka baginda bertitah: "Sungguhlah Tuan Saidi Arab ini Hamba Allah." Maka beberapa puji baginda akan Tuan Saidi Arab itu, maka ia pun dianugerahi baginda dengan sepertinya,

Pemerintahan Sultan Mansur Syah

Hatta setelah empat puluh dua tahun umur Sultan Muzaffar Syah di atas kerajaan, maka baginda pun mangkatlah. Maka anakanda baginda Raja Abdullah kerajaan, menggantikan ayahanda baginda. Gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mansur Syah, adalah umur baginda tatkala naik raja itu dua puluh tujuh tahun, sudah beristeri akan anak Seri Nara Diraja yang bernama Tun Putih; ada beranak dengan gundik seorang, bernama Puteri Bakal.

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Adapun ini suatu riwayat diceriterakan oleh yang empunya ceritera: ada sebuah negeri, Indera Pura namanya; air sungainya tonor, lagi dengan rantau pasir sepanjangnya, dalam sungai itu terlalu banyak pulau, dalamnya aimya tawar sampai ke kuala. Musim utara gelora muaranya; kelian emas di hulunya, banyak padang luas-luas di sana. Isi hutannya gajah, badak, harimau, seladang dan sekalian perburuan. Adalah diceriterakan orang, daging seladang itu kurang sepemanggangan daripada daging gajah. Dahulukalanya Indera Pura itu takluk ke benua Siam, nama rajanya Maharaja Dewa Sura, keluarga juga pada Paduka Bubunnya.

A-117

Setelah Sultan Mansur Syah mendengar khabar negeri itu,

maka terlalu rasanya baginda ingin; maka baginda menitahkan Bendahara Paduka Raja menyerang Indera Pura, ia membawa kelengkapan dua ratus. Adalah dititahkan baginda yang pergi bersama-sama: pertama Tun Pikrama, dan Tun Wijaya Maha Menteri, dan Seri Bija Diraja, dan Seri Bija Pikrama, dan Tun Sura Diraja, dan Tun Amar Diraja, dan Tun Bija Diraja, dan Seri Bija Pikrama, dan Tun Bija Setia, dan Sang Bija Rana, dan Tun Rakna, dan Seri Setia, dan Sang Naya, dan Sang Guna, dan Sang Jaya Pikrama, dan Sang Aria, dan Sang Rakna Sura, dan Sang Sura Pahlawan, dan Tun Bija Pikrama, Sekalian hulubalang itu pergi mengiringkan Bendahara Paduka Raja; maka Bendahara dengan segala hulubalang itu menjunjung duli Sultan Mansur Syah, lalu turun pergi.

B-103

Beberapa lamanya dijalan maka sampailah ke negeri Indera Pura, maka orang Melaka pun berperanglah dengan orang Indera Pura, terlalu ramai. Maka dengan takdir Allah Taala, Tuhan yang maha kuasa melakukan kudrat-Nya atas HambaNya, maka dengan mudahnya juga Indera Pura pun alahlah. Maka orang Indera Pura pun larilah, ada yang seTerigah tertawan, Maka Maharaja Dewa Sura pun berlepas lari ke hulu, dan anaknya perempuan seorang tinggal, Puteri Onang Sari namanya; baik rupanya, dapat oleh Bendahara dibawanya turun ke perahunya, dipeliharakannya dengan seperjanya.

Maka Bendahara Paduka Raja menyuruhkan Tun Pikrama dengan segala hulubalang sekalian pergi mencari Maharaja Dewa Sura ikut ke hulu. Maka sekalian hulubalang itu pun pergi berdahulu-dahuluan, hendak berolehjasa pada Bendahara Paduka Raja. Adapun akan Seri Bija Diraja pergi mengikut Maharaja Sura itu seraya berburu kerbau jalang dan menikam seladang, dan memikat berkik; dan di mana pasir yang baik di sana ia singgah bermain. Maka kata anak buahnya, "Bagaimana tunku, ini bukan pekerjaan kita disuruh Datuk Bendahara bermain; disuruhkan mengikut Maharaja Sura. Orang lain sungguh-sungguh ia mengikut; kita raga-raga dengan bermain. Jika orang kelak bertemu dengan dia, oranglah yang beroleh jasa; kita satu pun tiada perolehan. "

A-118


DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia
HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka kata Seri Bija Diraja, "Di mana kamu semua orang muda-muda tahu, kerana Maharaja Sura itu kukirakan namanya di bawah namaku, harinya di bawah hariku, ketikanya di bawah ketikaku; di mana ia akan Iepas daripada tanganku?"

B-104

Adapun Maharaja Dewa Sura Ian itu berperahu digalahkan orang-orangnya, hingga ke kaki jeram. "Pada hatiku," katanya, "jauhlah sudah aku; tiada akan sampai lagi orang Melaka mengikut ke mari." Maka kata Maharaja Dewa Sura pada orang yang bergalah itu, "Kwai! Kwai!" Ertinya perlahan-lahan. Maka datang sekarang disebut orang jeram itu "Jeram Kwai".

A-119

Maka segala orang Melaka pun datang, maka Maharaja Dewa Sura pun terjun ke darat, tiada sempat berperahu lagi; berjalan mengilir, tiga hari tiga malam dalam hutan, tiada makan dan tiada minum air. Maka baginda terus pada sebuah rumah seorang perempuan tua. Maka Maharaja Dewa Sura menyuruh minta nasi pada perempuan itu; maka kata perempuan tua itu, "Tuanku, di manakah Hambamu beroleh nasi, kerana Hambamu orang miskin, nantilah Hambamu randaukan dahulu dengan daun-daun kayu sayur-mayur, lagi menangkap anak-anak ikan." Maka diambilnya periuk dijerangnya di dapur, lalu ia turun ke pantai membawa tangguk.

Raja Indera Pura Ditawan

Adapun segala hulubalang yang ikut itu berdahulu-dahuluan menurut Maharaja Dewa Sura, semuanya terlalu ke hulu; akan Seri Bija Diraja mudik perlahan-lahan, maka ia bertemu dengan perempuan tua itu, Terigah menangkap anak ikan. Maka disuruhnya tangkap; maka dapat, dipisitnya - "Di mana Maharaja Dewa Sura? Jikalau tidak kamu katakan, sekarang aku suruh apit." Maka kata si tua itu, "Jangan Hamba diapit, akan Maharaja Dewa Sura duduk di rumah Hambamu." Maka oleh Seri Bija Diraja disuruhnya segala orangnya naik mengepung Maharaja Dewa Sura; maka Maharaja Dewa Sura pun ditangkap oranglah.

Adapun rumah perempuan tua itu, dekat sebuah anak sungai kecil, ada sepohon kayu mahang, maka dinamai anak sungai itu Pahang, sungai Batang Pahang. Maka disebut oranglah negeri Indera Pura itu negeri Pahang.

Maka Maharaja Dewa Sura pun dibawa oranglah pada Seri Bija Diraja, maka lalu dibawanya hilir, dipersembahkannya kepada Bendahara Paduka Raja. Adapun Maharaja Dewa Sura ditangkap oleh Seri Bija Diraja tiada dipasungnya, dan tiada diikatnya, ditaruhnya seperti adat raja juga. Setelah datang

kepada Bendahara Paduka Raja demikian juga, ditaruhnya seperti adat raja juga. Maka gajah kenaikan Maharaja Dewa Sura yang bernama Kurancak itu disuruh bawa oleh Bendahara ke Melaka dahulu.

A-120

Setelah berkampunglah segala hulubalang dan orang Melaka sekalian, maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke Melaka. Berapa lama di jalan maka sampai ke Melaka, lalu naik mengadap Sultan Mansur Syah, membawa Maharaja Dewa Sura dan Puteri Onang Sari, dipersembahkan kepada baginda; maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita. Maka Bendahara Paduka Raja pun dianugerahi baginda persalin dengan segala hulubalang yang pergi itu dengan seperitnya.

Maka Seri Bija Diraja dititahkan baginda diam di Pahang, dianugerahi gendang nobat dengan selengkapnya, melainkan nagara juga yang tiada, dan dianugerahi payung iram-iram berapit oleh jasanya menangkap Maharaja Dewa Sura itu. Syahadan apabila Seri Bija Diraja keluar dari Melaka, lepas **B-105** Pulau Melaka juga nobatlah ia. Maka Seri Bija Diraja pun duduklah di Pahang. Sementara belum diberi raja, Seri Bija Dirajalah memerintahkan Pahang; setahun sekali ia mengadap ke Melaka, persembahkan ufti Pahang. Kepada zaman itu ufti Pahang setahun tujuh kati, lain hasil bandar dan anak sungai.

B-105

Adapun akan Maharaja Dewa Sura itu diserahkan oleh Sultan Mansur Syah kepada Bendahara Paduka Raja juga. Maka oleh Bendahara tiada dipasungnya, sangat dipeliharanya. Setelah berapa lamanya, maka oleh Bendahara diserahkan kepada Seri Nara Diraja. Maka oleh Seri Nara Diraja akan Maharaja Dewa Sura dipenjarakannya di hujung balai, tempatnya **A-121** duduk diadap orang banyak; tetapi sunggulpun dipenjarakannya, seperti adat kerajaan Maharaja Dewa Sura itu tiada diubahnya; diberinya bertilam dan bantal besar. Jikalau makan disuruhnya hadap dan disampaikan tetarupan.

A-121

Ada pada suatu hari Seri Nara Diraja dititahkan kepada orang banyak maka kata Maharaja Dewa Sura, "Tatkala Hamba di negeri Hamba ditangkap oleh Seri Bija Diraja, kepada perasaan Hamba seperti dalam kerajaan Hamba juga; setelah Hamba datang kepada Bendahara Paduka Raja, .itu pun demikian juga; lebih pula peliharanya daripada Seri Bija Diraja. Setelah

datang kepada Keling tua ini baharulah Hamba merasai penjara."

B-106 Maka kata Seri Nara Diraja, "Hei Maharaja Dewa Sura, bagaimana tiada demikian? Akan Seri Bija Diraja hulubalang gagah. Negeri tuan Hamba lagi dapat dialahkannya; ini pula tuan Hamba seorang, apa bahayanya kepadanya? Akan Bendahara Paduka Raja Orang Besar, segala orang dalam negeri ini semuanya orangnya belaka. Jika tuan Hamba terjun lari, di mana akan lepas daripadanya; akan Hamba seorang fakir, jika tuan Hamba lari, siapa akan Hamba suruh menangkap tuan Hamba. Jika tuan Hamba lepas, duli Yang Dipertuan murka akan Hamba, orang sekalian pun mentaksirkan Hamba." Maka kata Maharaja Dewa Sura, "Benarlah kata tuan Hamba; tuan Hambalah yang sempuma Hamba ke bawah duli Yang Maha Mulia. "

A-122 Sebermula akan Puteri Onang Sari" pun diperisteri oleh Sultan Mansur Syah, beranak dua orang lelaki, seorang bernama Raja Muhammad dan seorang bernama Raja Ahmad. Maka Sultan Mansur Syah terlalu kasih akan anakanda baginda Raja Muhammad itu; titah baginda ialah akan kerajaan di Melaka ini.

Hubungan Muhibah Melaka-Sulawesi

Sebermula adalah pada suatu hari, Sultan Mansur Syah fikir hendak mengutus ke Mengkasar, maka memanggil Bendahara Paduka Raja. Setelah Bendahara Paduka Raja datang mengadap, maka titah baginda, "Hamba hendak mengutus ke Mengkasar. Bagaimana kepada Bendahara, baiknya atau jahatnya?" Maka sembah Bendahara, "Sebaik-baik pekerjaan tuanku, berbanyak-banyak sahabat daripada seteru."



Maka titah baginda, "Karanglah surat Hamba kepada raja Mengkasar." Maka Bendahara pun bermohonlah kepada baginda, lalu kembali mengarang surat Sultan Mansur Syah kepada raja Mengkasar. Setelah sudah, lalu dipersembahkan Bendahara; maka disuruh baginda baca.

Setelah didengar Sultan Mansur Syah bunyi surat itu, terlalulah baginda berkenan. Adalah yang disuruhkan pergi utusan itu, Seri Bija Pikrama dengan Tun Sura Diraja. Maka keduanya pun menjunjung duli; surat pun diarak oranglah dengan gendang serunainya, nafiri, dan payung putih satu dan

payung kuning satu. Maka sampailah kejambatan, maka kedua utusan itu pun tumnlah ke perahunya menyambut surat itu, dan yang menghantar surat itu pegawai empat orang. Setelah surat sudah turun maka sekalian yang menghantar itu pun kembalilah, maka Seri Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja pun belayarlah.

B-107

Hatta berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Mengkasar, pelabuhannya. Maka dipersembahkan oranglah kepada raja Goa, mengatakan utusan dari Melaka datang. Maka raja Goa pun keluarlah dihadap oleh keraeng-keraeng dan hulubalang dengan segala juak-juaknya, penuh dari balai datang ke tanah, orang yang mengadap. Maka surat pun disuruhnya sambut dengan sepertinya, betapa adat menyambut surat raja-raja yang besar-besar itu, demikianlah dibuatnya dengan hormat mulianya; delapan orang hulubalangnya, diarak dengan bunyi-bunyian, Setelah datang, disambut oleh penghulu bantaranya, dipersembhkannya kepada raja di Goa. Maka disuruhnya baca, setelah sudah dibaca, maka raja di Goa pun terlalu sukacita mendengar bunyi surat raja Melaka mengatakan daripada jalan muafakat itu. Setelah itu Seri Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja pun naiklah menyembah raja di Goa, lalu duduk bersama-sama dengan hulubalangnya. Maka segala bingkisan pun dibawa oranglah masuk.

A-123

Maka titah raja di Goa, "Hei Orang Kaya, apa khabar saudaraku di Melaka, tiada ia sakit-sakit? Dan apa kehendaknya menyuruhkan Orang Kaya kedua ini, apa hendak dicari?"

Maka sahut Seri Bija Pikrama, "Khabar baik keraeng. Tidak apa kehendak paduka adinda menyuruh mengadap tuanku, sekadar hendak muafakat juga, keraeng." Maka raja di Goa pun terlalu suka, seraya katanya, "Aku pun demikian lagi Orang Kaya, hendak muafakat dengan saudaraku raja Melaka."




ديوان بهاس دان قوستاکے

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

1956

Maka sirih berkelurupang berceper pun datanglah, diberikan kepada Seri Pikrama dan Tun Sura Diraja. Maka kedua tempat sirih itu diberikan kepada budak-budaknya, Seketika duduk, maka raja di Goa pun masuk; maka segala yang mengadap itu masing-masing kembalilah, maka Seri Bija Pikrama, dan Tun Sura Diraja pun turunlah ke perahu. Maka raja Mengkasar pun menyuruh menghantar pada kedua utusan



Peta Sulawesi - Perhatikan "Goa" dalam bulatan yang ditunjukkan dengan anak panah,

(Disiarkan dengan ihsan Muzium Negara)

itu, daripada sirih-pinang dan buah-buah serta dengan juadahnya.

A-24

Adapun akan Seri Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja, beberapa kali diperjamu oleh raja di Goa, Sentiasa ia mengadap dan berkata-kata dengan baginda.

B-108

Hatta angin musim pun telah bertiuplah; pada suatu hari datanglah Seri Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja mengadap raja di Goa hendak bermohon kembali. Maka sembahnya, "Keraeng, patik hendak bermohon, kerana musim sudah ada."

Maka titah raja di Goa, "Baiklah Orang Kaya; apa yang kegemaran saudaraku raja Melaka, supaya aku carikan."

Dari Mana Hang Tuah Berasal

Maka sembah Seri Bija Pikrama, "Tuanku, yang kegemaran paduka adinda itu, jikalau ada budak laki-laki yang baik rupanya dan sikap serta dengan beraninya, itulah yang kegemaran paduka adinda."

Maka titah raja di Goa, "Budak-budak bagaimana itu? Anak orang baikkah? Atau sebarang orangkah?"

Maka sembah Seri Bija Pikrama, "Jikalau boleh, anak orang baiklah, keraeng."

Setelah baginda mendengar kata Seri Bija Pikrama itu, maka titah raja di Goa kepada juak-juaknya, "Pergi engkau semua carikanaku, anak daeng baik, anak hulubalang baik; barang yang baik rupanya dan sikapnya engkau ambil."

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka segala juak-juaknya pun pergilah mencari anak orang, daripada segala kampung dan dusun dicarinyatiada dapat olehnya. Maka didengamya ada anak raja Bajung yang terlalu baik rupanya dan sikapnya, bapanya sudah mati. Maka segala juak-juak itu pun pergilah ke Bajung. Setelah sampai, dilihatnya sungguh seperti khabar orang itu, lalu diambilnya, dibawanya kembali mengadap raja di Goa dipersembhkannya.

Maka oleh raja di Goa, ditunjukkannya pada utusan itu. Maka titah baginda, "Budak ini berkenankah saudaraku di Melaka, orang kaya?"

A-25

Maka dipandang oleh utusan kedua itu, terlalulah ia berkenan dengan gemamya. Maka sembah Seri Bija Pikrama, "Demikianlah tuanku, yang dikehendaki paduka adinda."

Maka titah baginda, "Jika demikian budak inilah Orang Kaya, aku kirimkan kepada saudaraku raja Melaka, ia ini anak

raja Bajung, daripada tanda muafakat, serta dengan kasihku akan saudaraku raja Melaka, maka aku berikan."

B-109 Maka sembah Seri Bija Pikrama, "Sebcnamyalah titah tuanku itu; yang titah paduka adinda pun demikian juga, tuanku. "

Adapun anak raja Bajung itu Daeng Merupawah namanya; umumnya baru dua belas tahun. Diceriterakan orang yang empunya ceritera, sudah dua ia membunuh, mengembari orang mengamuk di negeri.

Setelah keesokan hari, maka utusan kedua itu pun naiklah mengadap raja Mengkasar, didapitinya raja di Goa telah pepak diadap orang. Maka Seri Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja pun duduk menyembah. Maka oleh raja di Goa utusan kedua itu dipersalini dengan sepertinya. Maka keduanya menyembah. Maka titah raja di Goa, "Katakan kepada saudaraku, Orang Kaya, akan Daeng Merupawah ini petaruhku Orang Kaya kedua kepada saudaraku, raja Melaka. PerHamba ia baik-baik, dan kalau ada sesuatu yang dikehendaki oleh saudaraku, raja Melaka, dalam Mengkasar ini menyuruh ia kepada aku." Maka sembah utusan kedua itu, "Baiklah tuanku."

A-126 Setelah itu maka kedua utusan itu pun bermohonlah, lalu turun. Maka surat dan bingkisan pun diarak oranglah dengan selengkap alatnya, dengan segala bunyi-bunyian. Setelah datang ke perahu maka surat serta bingkisan itu disambut oranglah, disirupan. Maka segala yang menghantar itu pun kembalilah, maka Daeng Merupawah serta dengan Seri Bija Pikrama, *maka kedua buahnya itupun belayarlah kembali. ?**

Hatta berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Mansur Syah, mengatakan Seri Bija Pikrama telah datang. Maka baginda pun keluarlah, semayam diadap segala Orang Besar-besar dan hulubalang sida-sida, bentara, biduanda, Hamba raja sekalian. Maka surat itu disuruh baginda sam but dengan istiadatnya. Maka Sed Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja pun bersamasama baginda, serta membawa Daeng Merupawah.

* Naskhah A dan Naskhah B serupa sahaja bunyi kata-kata ayatnya, Tatkala hendak menyemak ayat yang meragukan ini pada Naskhah C, terdapat beberapa helai, khususnya mengenai dari mana Hang Tuah berasal, telah hilang, mungkin telah dicabut orang - A.S.A.

Setelah sampai ke balai, maka surat disambut bentara dipersembahkan ke bawah duli baginda; maka disuruh baca kepada khatib. Setelah sudah dibaca, maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita mendengar bunyi surat raja Mengkasar itu. Maka Seri Bija Pikrama dan Tun Sura Diraja pun naik menjunjung duli, lalu duduk mengadap kepada tempatnya sedia itu; maka Daeng Merupawah pun dipersembahkan ke bawah duli dengan segala pesan raja Mengkasar itu semuanya dipindahkannya.

B-110

Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu suka, serta berkenan baginda memandang rupa dan sikapnya Daeng Merupawah itu. Maka titah baginda, "Bagaimana maka raja Mengkasar berkiririnkan anak raja Bajung ini? Dilanggarkah raja Bajung maka anaknya tertawan ini?"

Maka sembah Seri Bija Pikrama, "Tiada tuanku, raja Mengkasar bertanya kepada patik akan kegemaran duli tuanku maka patik katakan gemar akan budak yang baik rupa." Mala semuanya perihal ehwalnya habis dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mansur Syah. Maka baginda pun suka, serta Seri Bija Pikrama dipuji baginda. Maka Daeng Merupawah itu dinamai baginda Hang Tuah, itulah asal Hang Tuah; maka dipelihara oleh baginda dengan sepertinya, terlalu kasih baginda akan Hang Tuah, maka dianugerahi akan dia sebilah keris terupa Melaka dengan selengkap perhiasannya.

A-127

Adapun Hang Tuah selama ia di Melaka, tiada lain kerjanya, hanya berguru akan ilmu hulubalang. Barang siapa yang lebih tahunya dimasukinya; adalah kepada zaman itu tiadalah dua orang-orang muda sebagainya.

Adapun "Perhangan" ke bawah duli Sultan Mansur Syah yang setelah sudah pilihan delapan orang, iaitu Hang Jebat, dan Hang Kasturi, dan Hang Lekir, dan Hang Lekiu, dan Hang Ali dan Hang Iskandar, dan Hang Hassan, dan Hang Hussin; dan tua-tuanya Tun Bija Sura, menjadi sembilan dengan Hang Tuah. Sekaliannya berkasih-kasihan, muafakat, sama berilmu, tetapi kepada barang main persembahannya oleh Hang Tuah. Demikianlah diceriterakan oleh yang empunya ceritera.

Maharaja Dewa Sura Dibebaskan

Pada suatu hari, gajah Maharaja Dewa Sura yang bernama Kurancak itu dibawa oleh gembalanya mandi, lalu dari

hadapan penjara Maharaja Dewa Sura, maka dipanggil oleh Maharaja Dewa Sura, maka gajah itu datang; ditatapnya, diA-128 lihatnya kukunya kurang satu. Maka kata Maharaja Dewa Sura, "Selamanya tiada aku periksa akan gajahku ini haruslah maka negeri aku alah, inilah sebabnya."


B-111 Bermula maka gajah kenaikan Sultan Mansur Syah yang bernama Kemanci itu pun lepas ke hutan, maka beberapa disuruh cari oleh Seri Rama, kerana ia panglima gajah, tiada bertemu; dan jika orang yang bertemu dengan gajah itu pun, jika dalam paya yang dalam, atau duri yang semak, tiadalah dapat terambil oleh orang. Maka kata Seri Rama, "Ada juga orang yang tahu dalam negeri ini maka demikian halnya."

Maka segala hal itu dipersembhkannya kepada Sultan Mansur Syah, bahawa Maharaja Dewa Sura terlalu tahu kepada gajah; maka baginda menyuruh kepada Maharaja Dewa Sura, baginda minta ambikan gajah kenaikan itu. Maka kata Maharaja Dewa Sura kepada orang yang membawa titah, "Persembahkan ke bawah duli Yang Dipertuan jikalau patik itu dilepaskan, dapat patik itu mengembalikan gajah itu."

Maka orang yang dititahkan itu pun datanglah mengadap baginda, persembahkan segala kata Maharaja Dewa Sura itu ke bawah duli; maka oleh Sultan Mansur Syah akan Maharaja Dewa Sura disuruh baginda lepaskan. Maka gajah itu pun dapatlah diambil oleh orang. Maka oleh Sultan Mansur Syah akan Maharaja Dewa Sura dianugerahi baginda persalin dengan sepertinya, serta dititahkan baginda segala Anak Tuan-tuan berguru kepada Maharaja Dewa Sura itu akan ilmu gajah, kerana adat Sultan Mansur Syah apabila orang tahu pada ilmu gajah atau kuda, atau tahu bermacam pelbagai Senjata, istimewa tahu akan ilmu huiubalang, maka segala Anak Tuan-tuan sekalian disuruh baginda belajar atau mencari, akan belanjanya baginda menganugerahi mereka itu.

A-129 Sebermula akan Seri Rama itu panglima segala gajah, ialah asal cateria, duduknya dikelek-kelekan kanan, sirihnya bertetarupan. Apabila Seri Rama datang mengadap Sultan Mansur Syah, maka titah baginda, "Bawa persantapan Orang Kaya Seri Rama." Maka dibawa orang arak pada batil tembaga suasa, disampaikan tetarupan, diberikan kepada Seri Rama, kerana ia peminum, maka diminumnyalah, demikianlah adatnya.

Bermula akan Seri Nara Diraja pun beranak dengan Tun



Kudu tiga orang, yang tua lelaki bernama Tun Tahir, yang tengah perempuan bernama Tun sengaja, yang bongsu lelaki bernama Tun Mutahir, terlalu baik rupanya.

B-112

Hatta maka Tun Kudu pun kembali ke rahmat Allah, tinggal anaknya ketika itu lagi kecil. Maka Seri Nara Diraja beristeri pula, beranak dua orang, lelaki seorang, perempuan seorang; lelaki ini bernama Tun Bongsu, dan yang perempuan bernama Tun Sadah ..

Adapun selama Sultan Mansur Syah di atas kerajaan itu, tiada Siam datang ke Melaka, dan orang Melaka tiada ke Siam. Maka fikir Sultan Mansur Syah, "Apa sudahnya kita beralangan dengan Siam ini?" Setelah demikian fikir baginda, maka Sultan Mansur Syah pun menyuruh memanggil Bendahara Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dan segala menteri dan Orang Kaya-kaya cateria, sida-sida, bentara, hulubalang sekalian; maka semuanya masuk duduk di balai.

A-130

Maka Sultan Mansur Syah pun keluarlah, maka segala yang duduk di balai itu semuanya turun, berdiri di tanah, rata menyembah baginda; maka baginda pun semayamlah di atas singgahsana kerajaan peterana emas bepermata. Maka bentara menyuruhkan segala Orang Besar-besar dan hulubalang sekalian naik mengadap, Maka Bendahara Paduka Raja dengan sekalian menteri, hulubalang cateria, sida-sida, bentara semuanya naik, duduk masing-masing pada temp at tarafnya menyembah baginda, dan segala bentara berdiri di ketapakan memikul pedang berikat ghuri. Maka segala nakhoda yang mulia-mulia dan segala Hamba raja yang tua-tua, duduk di balai kecil; maka tombak kerajaan dua batang berdiri di selasar balai, disampaikan tatarupan; maka Sultan Mansur Syah memandang ke kanan, bertarap sujud yang di kanan; baginda memandang pula ke kiri, berderam khidmat yang di kiri; maka baginda memandang ke hadapan, bersaf-saf menyembah dari hadapan.



Hubungan Baik-baik Melaka-Siam

Setelah itu maka titah Sultan Mansur Syah kepada Bendahara Paduka Raja dan segala menteri hulubalang, "Apa bicara tuan Hamba sekalian, baiklah kita menyuruh ke benua Siam; apa sudahnya kita beralangan selama ini, kita berkelahi dengan dia pun tiada, dan berdamai pun tiada; orang Siam tiada datang ke Melaka, dan orang Melaka pun tiada pergi ke Siam."

B-113

A-131 Maka sembah segala menteri dan Orang Besar-besar, "Benar titah duli Yang Maha Mulia itu, kerana daripada banyak seteru sebaik-baiknya berbanyak sahabat."

Maka titah Sultan Mansur Syah, "Jika demikian Bendahara, siapa baik kita suruh utusan ke benua Siam?"

Maka sembah Bendahara Paduka Raja, "Tun Telanailah baik dititahkan, dan Menteri Jana Putera akan pengapitnya."

Maka titah baginda kepada Tun Telanai, "Berlengkaplah Tun Telanai segera." Maka sembah Tun Telanai, "Baiklah tuanku."

Adapun akan Tun Telanai itu anak Bendahara Paduka Raja, pegangannya Rupert dengan Suir. Maka Tun Telanai pun bermohonlah ke bawah duli Sultan Mansur Syah pergi berlengkap; pada ketika itu kelengkapan Suir dua puluh lancaran bertiang tiga. Setelah sudah lengkap, pungutan Rupert tinggal lagi di Tanjung Jati. Maka Tun Telanai pun datanglah ke Melaka; masa itulah Tun Telanai dibuatkan orang nyanyi:

Lalai-lalai mana bubutan?
Bubutan lagi di kelati;
Kakak Tun Telanai, di mana pungutan?
Pungutan lagi di Tanjung jati.

Maka titah Sultan Mansur Syah kepada Bendahara Paduka Raja, "Hendaklah tuan Hamba karang surat kita ke benua Siam. Kehendak kita, surat itu sembah jangan, salam pun jangan, kasih sayang pun jangan."



Setelah Bendahara Paduka Raja mendengar titah baginda itu, maka kata Bendahara kepada segala pegawai, "Hendaklah tuan-tuan sekalian karang surat yang seperti titah itu. Maka seorang pun tiada bercakap; maka ratalah orang ditanya oleh Bendahara Paduka Raja, datang kepada orang pembawa tepak dan pembawa kendi, habis ditanya Bendahara Paduka Raja, seorang pun tiada tahu; maka Bendaharalah mengarang dia, demikian bunyinya:

A-132 "Hendak tidak dilawani, takut mudarat ke atas nyawa; sungguhpun dilawani, terlalu takut akan Paduka Bubunnya. Daripada sangat harap akan ampun dan kumia, maka menyuruhkan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera." Kemudian maka kata-kata yang lain pula. Maka Sultan Mansur Syah pun berkenanlah mendengar bunyi surat itu.

Setelah sudah surat itu, maka diaraklah di atas gajah dikepilkan di balairung; yang membawa surat itu, anak cateria; yang mengepalakan gajah, bentara; yang menghantar surat itu, menteri. Maka diarak oranglah berpayung putih, dengan gendang serunai, nafiri, nagara; medeli juga tiada. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun menjunjung duli; keduanya dipersalini baginda. Setelah itu maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun belayarlah.

B-114

Hatta berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke benua Siam. Maka diwartakan oranglah kepada Paduka Bubunnya, "Ada utusan dari Melaka datang," Maka oleh Paduka Bubunnya disuruhnya jemput surat itu pada Pra Kelung. Disuruhnya arak dengan seperti. Setelah datang ke balairung maka surat itu dibaca oleh jurubahasa. Setelah diketahui ertinya, maka terlalu sukanya mendengar bunyi surat itu. Maka titah baginda Paduka Bubunnya kepada Tun Telanai, "Siapa mengarang surat ini?" Maka sembah Tun Telanai, "Mangkubumi raja Melaka, tuanku." Maka titah Paduka Bubunnya, "Bukan layak Mangkubumi Melaka, layaknya Mangkubumi aku; dan siapa nama raja Melaka?" Maka sembah Tun Telanai, "Sultan Mansur Syah." Maka titah Paduka Bubunnya, "Apa erti Mansur Syah?" Tun Telanai diam. Maka sembah Menteri Jana Putera, "Erti Mansur Syah, raja yang dimenang akan Allah Taala daripada segala seterunya."

Maka titah raja Siam, "Apa sebab Melaka diserang Siam, tiada alah?" Maka Tun Telanai pun menyuruh memanggil orang Suir, seorang tua, lagi untut kedua kakinya. Maka di suruh oleh Tun Telanai bennain lembing di hadapan Paduka Bubunnya. Maka orang tua itu dilambung-lambunginya lembing itu, maka ditahankannya belakangnya; maka lembing itu jatuh ke atas belakangnya, mengantul jatuh ke tanah, sedikit pun tiada garis belakangnya.

A-133

Maka sembah Tun Telanai, "Inilah sebabnya maka Melaka diserang tiada alah, kerana semuanya orang Melaka demikian belaka." Maka pada hati Paduka Bubunnya, "Sungguh juga; sedang orang tua untut amat jahat lagi demikian." Setelah itu maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun turunlah ke perahu.

Selang berapa hari, maka Paduka Bubunnya pun pergi menyerang sebuah negeri, Hampir negeri Siam juga. Maka Tun

B-115 Telanai dan Tun Jana Putera pun pergi dengan segala orangnya, maka oleh raja Siam segala orang Melaka diberinya ketumbukan pada tempat yang keras, kotanya teguh, dan Senjatanya pun banyak; tetapi tempat itu mengadap ke matahari mati.

A-134 Maka Tun Telanai pun mesyuarat dengan Menteri Jana Putera; maka kata Tun Telanai, "Apa bicara kita disuruhnya melanggar pada tempat yang keras, orang kita hanya sedikit. " Maka sahut Menteri Jana Putera, "Marilah kita mengadap Paduka Bubunnya, bicara itu betalah berdatang sembah pada Paduka Bubunnya." Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun pergilah mengadap Paduka Bubunnya. Maka sembah Menteri Jana Putera, "Tuanku, akan adat kami, segala Islam, apabila sembahyang, mengadap ke matahari mati; jikalau ada kumia duli Pra Cau, biarlah patik-patik kepada ketumbukan yang lain. Perang mengadap ke matahari mati pemali. "

Maka titah Paduka Bubunnya, "Jika kamu tidak boleh perang mengadap matahari mati, ke matahari hiduplah pindah."

Adapun tempat itu adalah nipis sedikit, lagi kurang alatnya; maka dilanggarlah oleh orang Melaka. Dengan takdir Allah Taala, negeri itupun alahlah; orang Melakalah yang pertama menempuh dahulu. Setelah negeri itu sudah alah, maka Paduka Bubunnya pun memberi anugerah akan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dengan segala orang Melaka. Maka Tun Telanai dianugerahi oleh Paduka Bubunnya seorang pu teri, Onang Minaling Lang namanya; maka diperisteri oleh Tun Telanai, itulah beranakkan Tun Ali Haru; maka Tun Ali Haru beranakkan Laksamana Datuk Panjang, akan Laksamana beranakkan Tun .Cendera Panjang, dan Tun Cendera Panjang berlakikan Tun Perak, beranakkan Tun Kiayi, yang Lergelar Seri Akar Raja, yang mati di Aceh.

Bermula maka Tun Telanai pun bermohonlah kepada Paduka Bubunnya. Maka Paduka Bubunnya pun membalas surat dan membebarkannya diarak ke perahu, maka utusan kedua pun belayarlah kembali. Berapa lama di jalan, maka sampailah ke Melaka. Maka oleh Sultan Mansur Syah, surat itu diarak bergajah seperti adat pergi itu juga. Setelah datang ke dalam maka gajah ditolakkan di balairung; maka disambut oleh Bentara diberikan pada khatib, disuruh baca serta ber-

tetarupan, demikian bunyinya: "Surat daripada Pra.Cau Wadi datang kepada Awi Melaka;" sudah itu maka kata-kata lain.

B-116

Setelah Sultan Mansur Syah mendengar bunyi surat itu terlalulah sukacita baginda, maka baginda pun memberi nugerahi persalin kepada Tun Telanai dan akan Menteri Jana Putera dan segala utusan Siam. Setelah datang musim yang baik, maka utusan yang menghantar itu pun bermohonlah. Maka Sultan Mansur Syah memberi persalin serta membalas surat kiriman akan raja Siam; maka utusan Siam pun kembalilah mengadap Pra Cau, *wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihil-marji'u uial-ma'ab*.

A-135



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

VI

Malang Membawa Tuah

ALKISAH maka tersebutlah perkataan ratu Majapahit sudah hilang; baginda tiada meninggalkan anak lelaki, hanya ada anak perempuan seorang, bernama Raden Galoh Awi Kesuma; ialah dirajakan oleh Patih Aria Gajah Mada. Hatta berapa lamanya, ada seorang penyadap pergi bermain ke laut dengan perempuannya. Setelah ia datang ke Pantai Bengawan, maka dilihatnya ada seorang budak hanyut berpegang kepada sekeping papan perahu, terlalu baik rupanya. Maka budak itu diambilnya, lain dinaikkan ke perahunya. Dilihatnya budak itu tiada khabarkan dirinya, daripada lama di dalam laut, tiada makan dan tiada minum air, kerana "Sebelum ajal belum mati"; seperti kata Ali *Karrama 'llahu uiajhahu, 'La mauta ilia bi'lajali'*, yakni tiada mati melainkan dengan ketikanya. Maka oleh si penyadap dititikkan air kanji ke mulut budak itu; budak itu pun membuka matanya, dilihatnya dirinya di atas perahu. Maka oleh si penyadap budak itu dibawanya kembali ke rumahnya dipelihara dengan sepertinya.

Ada berapa hari lamanya budak itu pun baiklah, maka si penyadap bertanya kepada budak itu, katanya, "Anak siapa engkau ini, siapa namamu, dan apa sebabnya maka engkau hanyut dengan sekeping papan perahu ini?" Maka sahut budak itu, "Hamba ini anak raja Tanjung Pura, anak cucu raja yang turun dari Bukit Si Guntang. Adalah nama Hamba Raden Perlan Langu. Hamba ini tiga bersaudara, dua lelaki dan seorang perempuan; sebab Hamba demikian ini, ayah Hamba pergi

A-136

ديوان بهاس دان قوستاکے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

bermain-main ke Pulau Permainan, setelah datang ke tengah laut, ribut pun turun dan ombak pun besar. Perahu ayah hamba, raja Tanjung Pura, tiadalah terbela lagi, lalulah rosak; ayah bonda Hamba tiada sempat naik ke sampan, sekaliannya habislah berenang mengusir perahu yang lain, entah betapa gerangan halnya Hamba tiada tahu. hamba dapat berpegang kepada sekeping papan, lalulah rupanya hamba dibawa ombak dengan arus ke mari; tujuh hari tujuh malam tiada makan dan tiada minum air, senyampang bertemu dengan bapa hamba ini berbuat kasih akan hamba. Tersangatlah kasih bapaku akan hamba, kiranya bapa hantarkan hamba ke Tanjung Pura, kepada ayah bonda hamba, kalau-kalau ada lagi hayatnya; supaya bapa Hamba diberinya harta, akan pembalas kasih bapa Hamba. "

B-117

Setelah didengar oleh si penyadap, maka ia pun hairanlah, seraya katanya, "Benarlah kata tuan hamba itu, tetapi di mana kuasa hamba akan menghantarkan tuan hamba ke Tanjung Pura? Diamlah tuan hamba di sini serta hamba dahulu, barang bila di jemput oleh paduka ayahanda kelak, hamba kembalikan tuan hamba; lagi pula rasa hamba telah kasih dan sayang melihat rupa tuan hamba terlalu elok ini. Biarlah hamba angkat anak, dan hamba pun tidak beranak." Maka kata Raden Perlan Langu, "Baik paman, mana kata paman hamba turut." Maka oleh si penyadap Raden Perlan Langu itu dinamainya Ki Mas Jaya. Terlalulah kasih si penyadap laki bini akan Ki Mas Jaya, Sentiasa ditimangnya; katanya "Tuanlah kelak menjadi betara Majapahit, duduk dengan Raden Galoh Kesuma." Demikianlah katanya pada tiap-tiap kali ia menimang Ki Mas Jaya itu. Pada suatu hari ia menimang katanya, "Tuanlah kelak menjadi betara Majapahit, duduk dengan Raden Galoh Awi Kesuma; jika tuan sudah menjadi betara Majapahit, paman tuan jadikan Patih Aria Gajah Mada." Maka sahut Ki Mas Jaya, "Baiklah paman, jika manira menjadi betara Majapahit, paman manira jadikan Patih Gajah Mada."

A-137



Hatta berapa lamanya, Puteri Awi Kesuma pun besarlah, selama di atas kerajaan di pangku oleh Patih Aria Gajah Mada. Maka terbelulah kekeparasnya. Maka banyaklah sangka orang akan Patih Aria Gajah Mada; dikatakan hendak duduk dengan Puteri Awi Kesuma itu, kerana baginda sudah besar, tiada dicarikannya laki. Maka pada suatu hari Patih Aria Gajah Mada

B-118

fikir akan dirinya memangku kerajaan puteri Majapahit, "Tak dapat tiada dikata orang akan aku dengan anak tuan aku ini, daripada salah terupanya."

A-138 Setelah demikian fikirannya, maka pada ketika awal-awal orang akan pergi memayang, Patih Aria Gajah Mada pun memakai cara si pemayang berbaju buruk, membawa rajut bekas ikan berisi nasi, memikul pengayuh turun berjalan. Maka dilihatnya ramai orang di pengkalan menantikan pawang turun hendak menurupang. Maka Patih Aria Gajah Mada pun datang duduk, turut berdayung, tiada seorang pun mengenal dia. Dalam antara yang banyak itu berkatalah seorang, "Manira dengar Raden Galoh Awi Kesuma selama baginda kerajaan ini telah besarlah, terlalu baik parasnya. Siapa gerangan akan suaminya?" Maka sahut temannya, "Pada pendapat manira, siapa lain daripada Patih Aria Gajah Mada? Kerana ia empunya perintah dalam negeri ini, ia umpama raja dalam Majapahit ini. "Maka kata seorang lagi, "Sungguh kata pakanira itu, siapa dapat melarang dia?"

Setelah Patih Gajah Mada mendengar kata-kata orang itu, lalu ia kembali ke rumahnya dengan masygul. Telah hari siang maka fikir ia, "Baiklah Raden aku tanya, kalau-kalau mudah-mudahan mahu ia berlaki, barang siapa yang dikehendaknya dengan kesukaannya, supaya jangan sia-sia kebaktianku kepada ayahanda baginda." Dengan demikian fikimya, lalu ia pun masuk mengadap Puteri Galoh Awi Kesuma; maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Tuanku, patik memohon ampun, pada pemandangan patik tuanku telah besarlah; patutlah tuanku bersuami, kerana tiada baik anak raja-raja yang besar tiada bersuami." Maka titah Puteri Awi Kesuma, "Jikalau paman hendak memberi beta bersuami, kampungkanlah sekalian orang dalam negeri ini, biar beta pilih; barang siapa berkenan pada hati beta, orang itulah beta ambil akan suami beta." Maka sembah Patih Aria Gajah Mada dengan sukacitanya, "Baiklah tuanku, *akan patik himpunkan orang; jikalau manusia sekerat, anjing sekerat sekalipun, jikalau sudah berkenan ke bawah duli tuanku, itulah patik pertuan." Setelah itu ia pun bermohon, lalu mengerahkan orang membuat

NSK C

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

*Mulai dari sini Naskhah A dan Naskhah B tertinggal. Bahagian yang tertinggal itu dilengkapkan dengan salinan diturunkan dari Naskhah C.

panggung akan tempat Puteri Awi Kesuma duduk. Maka dengan segeranya diperbuat orang, digantungi tabir dan langit-langit. Syahadan maka Patih Aria Gajah Mada pun keluarlah, lalu ia menyuruh orang memukul eanang berkeliling negeri dan pinggiran Majapahit itu, menyuruh berkampung ke Majapahit kerana tuan puteri hendak memilih suami. Setelah sekalian mendengar demikian itu, maka segala raja-raja dan menteri, hulubalang, sida-sida, bentara dengan segala rakyat besar kecil, tua muda, tinggi, rendah, terupang, herot, petot, kiat, capik riuk, buta-tuli, Serigau, bisu sekaliannya pun berhimpunlah ke Majapahit. Kurang-kurang dikerah orang, lebih-lebih ia hendak datang kerana mendengar Tuan Puteri Awi Kesuma hendak memilih suaminya itu. Pada bicaranya, mudah-mudahan kalau dia dipilih oleh tuan puteri itu. Setelah habis semuanya orang itu berkampung, maka Tuan Puteri Awi Kesuma pun naiklah ke at as peranginan memandang ke jalan. Maka segala orang itu pun disuruh oleh Patih Aria Gajah Mada lalu seorang-seorang.

Hatta segala raja-raja dan menteri, sida-sida, bentara, hulubalang sekaliannya lalulah berjalan, seorang-seorang di hadapan peranginan itu, semuanya dengan perhiasan, masing-masing dengan kenaikannya dengan pelbagai kelakuan. Telah habislah segala Orang Besar-besar, maka segala rakyat kecil besar semuanya lalu, seorang pun tiada perkenan Puteri Awi Kesuma. Setelah habis orang banyak itu, kemudian lalulah Ki Mas Jaya, anak angkat si penyadap itu, berkain segara kuning bertulis madu memancar, bersabuk biaban hijau, berkeris berhulu cula, tiada memakai pontoh, bergelang kemit tubuh, bersunting bunga semadarasah wilis eerupaka, berurap-urapan hingga leher; giginya seperti bunga seri gading, bibinya seperti daun ketirah, terlalu baik parasnya, manis, pantas, pangus, tiada siapa taranya pada zaman itu.



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

Bakal Ratu Majapahit

Setelah dilihat oleh Puteri Awi Kesuma, maka berkenan pada hati baginda; maka titah baginda kepada Patih, "Anak siapa ia itu? Berkenan pada hati beta." Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Baiklah tuanku, anak barang siapa pun baik, lamun tuanku berkenan akan suami juga." Maka oleh Patih Aria Gajah Mada, disuruhnya panggil anak si penyadap itu, dibawa-

nya pulang ke mmahnya, lalu dimandikannya, dibedaki dan dipelihara dengan seperti nya. Maka Patih pun memulai pekerjaan berjaga-jaga, hendak mengahwinkan Tuan Puteri Awi Kesuma dengan anak si penyadap itu; berjaga-jaga tujuh hari tujuh malam.

Telah datang pada ketika yang baik, maka anak si penyadap itu pun diarak berkeliling negeri, lalu dikahwinkan dengan Puteri Awi Kesuma. Telah sudah kahwin maka keduanya pun amat berkasih-kasihan; maka anak si penyadap itulah menjadi betara Majapahit, bergelar Sang Aji Jaya Ningrat. Setelah Sang Aji Jaya Ningrat menjadi betara Majapahit itu, maka si penyadap itu pun masuk mengadap; maka sembahnya, "Mana janji paduka betara dengan kula? Apabila tuanku menjadi betara Majapahit, kula hendak dijadikan Patih Aria Gajah Mada." Maka titah betara, "Sabarlah paman dahulu, lagi Hamba bicarakan." Maka si penyadap pun kembalilah ke rumahnya. Maka Sang Aji Jaya Ningrat fikir dalam hatinya, "Betapa peri aku memecat Patih Aria Gajah Mada ini? Suatu pun tiada apa salahnya kepada aku; lagi ia penaka turus negeri Majapahit; tetapi janjiku dengan bapa angkatku itu, apa aku balaskan kepadanya?" Dengan demikian fikir baginda, maka baginda pun terlalulah masygul, dua tiga hari tiada keluar diadap orang.

Syahadan maka setelah dilihat oleh Patih Aria Gajah Mada kelakuan betara Majapahit itu, maka Patih Aria Gajah Mada pun masuklah mengadap ke dalam. Maka sembahnya, "Apakah mulanya maka tuanku tiada keluar tiga hari ini?" Maka titah betara, "Tubuh beta tiada sedap rasanya." Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Pada pemandangan patik ada juga sesuatu kedukaan tuanku, hendaklah tuanku katakan pada patik; mudah-mudahan dapat patik membicara akan dia." Maka kata betara Majapahit, "Adapun paman, beta berbicara benarlah kepada paman, bahawa beta ini bukannya anak si penyadap; beta anak raja Tanjung Pura, anak cucu raja yang turun dari Bukit Si Guntang itu; nama beta Raden Perlan Langu." Maka segala perihal ayahanda baginda bermain ke laut itu semuanya baginda katakan; dan perihal rosak, lalu baginda hanyut didapati oleh si penyadap, dan peri baginda berjanji sedang ditimangnya itu, semuanya dikhabarkan baginda kepada Patih Aria Gajah Mada. "Maka sekarang bapa

angkat Hamba itu menuntut janjinya pada Hamba, ia hendak Hamba menjadikan dia patih ganti paman, be tapa perinya! Itulah yang Hamba masyghulkan. "

Maka Patih Aria Gajah Mada pun terlalulah sukacita mendengar betara itu anak raja besar; kerana raja Tanjung Pura kehilangan anak itu masyhurlah khabamya dalam tanah Jawa. Sembah Patih Aria Gajah Mada, "Tuanku, baiklah rama andeka dijadikan akan ganti patik, biarlah patik turun, patik pun sudah tua." Maka titah betara Majapahit, * "Tiada beta mahu memecat paman; jikalau bukan paman, tiada akan jadi pekerjaan olehnya." Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Jika demikian, apabila ia datang menuntut janjinya itu, demikian titah paduka betara, "Sungguhpun kebesaran Patih Aria Gajah Mada itu terlalu sangat, tetapi susahya pun terlalu besar; tiada akan terkerjakan oleh paman. Ada lagi kebesaran yang lebih daripada itu dengan tiada bersusah-susah. Adapun sekalian penyadap dalam negeri ini semuanya kuserahkan pada paman, dan paman pun kududukan sama setara dengan Patih Aria Gajah Mada; tak dapat tiada suka ia tuanku, kerana ia telah tahu akan hasilnya sadapan itu." Maka titah Bctara Majapahit, "Benarlah bicara paman itu." Maka Patih Aria Gajah Mada pun bermohonlah lalu keluar pulang ke rumahnya'a. Pada hari csoknya maka si penyadap pun masuklah mengadap. Ia berdatang sembah menuntut janji betara. Maka oleh betara Majapahit seperti kata Patih Aria Gajah Mada itu dikatakannya. Maka si penyadap itu pun terlalu sukacita; scgala penyadap dalam negeri Majapahit itu scmuanya diserahkan pada si pnyadap itu, dan ia digelar Patih Adi Kara, didudukan setara Patih Aria Gajah Mada.

A-140

B-119

Hatta maka raja Tanjung Pura pun beroleh khabar mengatakan Betara Majapahit itu anakanda baginda, Raden Perlan Langu. Maka raja Tanjung Pura pun menyuruhkan orang pergi ke Majapahit memeriksai Betara Majapahit itu. Maka orang itu pun pergilah ke Majapahit. Maka dilihatnya ialah betara itu anak raja Tanjung Pura; maka mereka itu pun kembalilah ke Tanjung Pura persembahkan kepada raja Tan-

A-141

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia
HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

*Selesai salinan yang diturunkan dari Naskhah C.

jung Pura, mengatakan nyatalah Betara Majapahit itu paduka anakanda baginda. Terlaluah sukacita hati raja Tanjung Pura, lalu baginda mengutus ke Majapahit. Maka masyhurlah pada segala negeri bawah angin, Betara Majapahit itu anak raja Tanjung Pura; segala raja-raja di seluruh tanah Jawa pun datang mengadap Betara Majapahit dengan persembahannya. Berapa lamanya maka Betara Majapahit pun beranak dengan puteri Awi Kesuma seorang perempuan, terlalu baik parasnya bernama Radin Galuh Cendera Kirana. Termasyhurlah pada segala negeri peri baik paras puteri ratu Majapahit itu, maka beberapa raja-raja hendak datang meminang, tetapi tiada diterima oleh Betara Majapahit.

Menjalin Muhibah Melaka-Majapahit

Sebermula, ke Melaka pun kedengaranlah pula peri baik parasnya tuan puteri itu. Maka Sultan Mansur Syah pun berkirakira akan pergi ke Majapahit, berani rasanya baginda akan galuh Majapahit itu. Baginda memberi titah kepada Bendahara Paduka Raja menyuruh berengkap; maka baginda pun mengerah segala orang supaya berengkap perahu, masing-masing dengan kuasanya. Ada lima ratus banyaknya perahu yang besar-besar, lain pula perahu yang kecil-kecil tiada terbilang; kerana pada masa itu kelengkapan Singapura sahaja seratus buah lancaran bertiang tiga. Sungai Raya pun demikian juga. Maka Bendahara Paduka Raja, dan Seri Nara Diraja dan Seri Bija Diraja dan segala hulubalang yang besar-besar, ditinggalkan baginda menunggui negeri.

B-120

Maka Sultan Mansur Syah pun memilih Anak Tuan-tuan yang baik-baik empat puluh orang, dan "Perawangan" yang asal empat puluh orang. Tun Bijaya Sura akan penghulunya. Adapun Tun Bijaya Sura itu moyang Seri Bija Diraja, Tun Sabtu namanya; berakkan Tun Sirupan yang ada di Aceh. Adapun segala "Hanghang" yang bernama sembilan orang, iaitu Hang Jebat, dan Hang Kasturi dan Hang Lekir, dan Hang Lekiu dan Hang Ali dan Hang Sekandar dan Hang Hassan dan Hang Hussin dan Hang Tuah anak raja Bajung, orang sembilan itulah yang tiada bertara barang kelakuannya; barang yang tiada terbuat oleh orang lain, dialah membuatnya.

A-143

Syahadan akan Hang Tuah janganlah dikatakan lagi, pertama rupa dengan sikapnya, cerdik lagi perkasa dengan hikmat-

nya, lagi berani, tiada dapat seorang pun menyamainya; dialah sahaja yang lebih daripada yang lain. Apakala ada orang mengamuk dalam Melaka itu, apabila tiada terkembari oleh orang yang lain, maka Hang Tuahlah dititahkan Sultan mengembari dia. Diceriterakan orang yang empunya ceritera selama Hang Tuah dalam Melaka itu, ia membunuh orang yang mengamuk tujuh puluh empat orang, barang yang tiada dapat siapa-siapa mengembari dia, maka ialah yang mengembari; demikianlah peri Hang Tuah dalam Melaka. Jikalau ia bergurau sama mudamuda maka disingsingnya tangan bajunya, maka ia memengkis katanya, "Laksamana akan lawanku," maka jadi disebut-sebutlah namanya oleh samanya muda-muda "Laksamana". Maka Sultan Mansur Syah pun turut menyebut nama Hang Tuah itu Laksamana.

Sekali persetua, pada suatu hari ada seorang Jawa demam terkokol-kokol, maka oleh segala orang muda-muda ditertawakan. Maka orang Jawa itu pun kemalu-maluan, lalu ia mengamuk dengan golok Sunda. Maka orang pun banyaklah mati ditikamnya, seorang pun tiada dapat mengembari dia. Maka orang pun geruparlah berlarian ke sana ke mari. Maka Hang Tuah pun dititahkan Sultan Mansur Syah mengembari Jawa mengamuk itu; maka Hang Tuah pun menyembah, lalu ia segera mendapatkan Jawa mengamuk itu, dan Hang Jebat dan Hang Kasturi mengikut dia dari belakang, hendak melihat Hang Tuah mengembari Jawa mengamuk itu.

A-143

B-121

Setelah Jawa itu melihat Hang Tuah, lalu diusimya; maka Hang Tuah pura-pura lari dan kerisnya dijatuhkannya. Setelah dilihat oleh Jawa itu keris Hang Tuah, maka dibuangkannya pula goloknya, lalu diambilnya keris Hang Tuah. Adapun akan Hang Tuah terlalu tahu pada melihat keris; maka oleh Hang Tuah diambilnya golok Jawa itu, lalu segera Jawa itu diusimya. Maka oleh Jawa itu ditikamnya Hang Tuah, maka Hang Tuah melorupat, tiada kena, serta ditikamnya Jawa itu dengan golok itu kena dapur-dapur susunya terus, maka Jawa itu pun mati. Dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansur Syah, Jawa itu sudah mati dibunuh oleh Hang Tuah, maka baginda memanggil Hang Tuah. Setelah ia mengadap maka dianugerahi persalinan, dilekatkan bagindalah gelar Hang Tuah itu "Laksamana". Maka masyhurlah gelar Hang Tuah "Laksamana" disebut orang.

A-144

Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun bersiaplah akan berangkat pergi ke Majapahit serta menyuruh memberitahu ke Inderagiri pada Sultan Nara Singa, dan ke Tungal pada Raja Merlang, dan ke Jambi pada Adipati Sira Sela Sida Raja, dan ke Palembang pada Demang Mangku Raja, di Lingga pada Maharaja Isak, diajak mengiring ke Majapahit. Maka segala raja-raja itu pun datanglah, masing-masing dengan kelengkapannya. Telah sudah berhadir sekaliannya maka Sultan Mansur Syah pun berangkat ke Majapahit,

B-122

Hatta berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Jawa. Maka kedengaranlah kepada Betara Majapahit bahawa raja Melaka datang, telah ada di laut Bengawan. Maka disuruh baginda alu-alukan pada segala menteri dan penggawa yang besar-besar semuanya pergi. Adapun pada ketika itu Raja Daha dan raja Tanjung Pura, adik Betara Majapahit, keduanya ada mengadap Betara Majapahit. Maka raja Melaka pun datanglah. Maka Betara Majapahit pun berdiri bersama-sama raja Tanjung Pura dan raja Daha; baginda memberi istana akan raja Melaka. Maka Sultan Mansur Syah pun naiklah ke paseban mengadap Betara Majapahit duduk sebaris dengan raja Tanjung Pura. Baginda dipersalin Betara Majapahit dengan pakaian yang keemasan, bertatahkan ratna mutu manikam dan didudukkan betara di atas segala raja-raja yang banyak dan dikumiai sebilah keris ganja kerawang; ada empat puluh bilah keris yang lain akan pengiringnya, semuanya dipecahkan sarungnya.

A-145

Adapun keris itu pertama-tama dianugerahi baginda pada raja Kediri, disuruh sarungkan; dan dikehendaki sudah dalam sehari. Maka oleh raja Kediri disuruhnya sarungkan keempat puluhnya. Maka disuruh Betara Majapahit perlente, keempat puluhnya dapat semuanya diambil. Maka dianugerahinya pula kepada raja Tanjung Pura, itu pun demikian juga, dapat diperlente keempat puluhnya. Setelah datang kepada Sultan Mansur Syah, raja Melaka, disuruh baginda sarungkan pada Tun Bijaya Sura. Maka oleh Tun Bijaya Sura diserahkan kepada segala perawangan yang empat puluh itu sebilah-sebilah seorang, disuruhnya tunggu. Maka segala perawangan itu pun membawa keris itu pada segala penyarung, dan ditungguinya segala keris yang diperbuatkan sarungnya itu. Maka tiadalah dapat diperlente oleh penjurit Majapahit.

Maka sehari itu juga keempat puluh keris itu sudahnya. Maka kata betara Majapahit, "Terlalu cerdik raja Melaka daripada raja-raja yang lain." Maka Sultan Mansur Syah pun diperjamu oleh Berara Majapahit dengan segala bunyi-bunyian, betapa adat raja-raja yang besar-besar diperjamu, demikianlah diperbuatnya. Setelah sudah berjamu itu, maka Sultan Mansur Syah pun dianugerahi baginda sebuah kampung, lengkap dengan istana dan balainya. Maka baginda pun duduklah di sana dengan segala orang Melaka; dan sehari-hari Sultan Mansur Syah mengadap Betara Majapahit.

Adapun tempat betara dihadapi orang itu, tiga mata anak tangganya; diberi bertingkat rendah sedikit. Maka ditambahnya seekor anjing dengan rantai emas, segala hamba-hamba raja duduk di bawahnya. Jadi, tempat anjing itu, di hadapan raja Melaka dan raja-raja yang lain-lain itulah. Setelah sampai pada harinya, maka Betara Majapahit berhadirlah akan mengerjakan Sultan Mansur Syah dengan anakanda baginda Raden Galuh Cendera Kirana. Maka negeri pun dihiasinya, seperti lebu, pekan, pesara pun diperbaiki orang; dan paseban agung, balai lanjak dan balai mengantar sekaliannya habis terkena alat perhiasannya. Setelah mustaedlah, maka betara Majapahit pun berjaga-jagalah dengan segala bunyi-bunyian dari sekalian jenisnya dipermain orang; joget, wayang semuanya ada, masing-masing dengan tahunya. Maka beratus-ratus kerbau lembu, biri-biri dan ayam, angsa disembelih orang akan makanan segala yang berjaga-jaga bekerja itu.

B-123
A-146

Telatah Budak-budak Raja Melaka

Syahadan maka Sultan Mansur Syah pun **Sentiasa** hari duduk mengadap Betara Majapahit, dengan raja Daha dan raja Tanjung Pura, serta segala raja-raja yang banyak itu. Maka setelah dilihat oleh Hang Tuah, anjing di hadapan Sultan Mansur Syah dan di hadapan segala raja-raja itu, maka kata Hang Tuah kepada Tun Bijaya Sura, "Manatah tuan Hamba mengatakan diri tuan hamba 'iyar? Tunjukkanlah 'iyar tuan Hamba di medan ini." Demi Tun Bijaya Sura mendengar kata Hang Tuah itu, maka sahutnya, "InsyaAllah Taala, aku tunjukkanlah 'iyar kepada Betara Majapahit ini." Maka ia pun memakai dengan selengkap perhiasan diambilnya utar-utar dibubuh-



HAKI CIPTA TERPELIHARA 2008

A-147

nya genta, maka berlayamlah ia, menari dengan berbagai-bagai laku tarinya. Setelah dilihat oleh betara Majapahit, disuruh baginda naik Tun Bijaya Sura itu menari. Maka Tun Bijaya Sura pun naiklah seraya menyembah. Maka titah Betara Majapahit, "Menarilah Tun Bijaya Sura, kita hendak melihat permainan orang Melaka." Maka Tun Bijaya Sura pun menyembah, lalu bangkit berlayam menari. Setelah Hampir dengan anjing itu, maka dikirapkannya utar-utar itu; maka gemerenginglah bunyinya genta itu. Maka anjing itu pun terkejut, putus rantai emas itu, lalu lari ke hutan, terus hilang.

B-124

Maka Tun Bijaya Sura pun berhenti, duduk menyembah. Maka titah betara Majapahit seraya tersenyum, "Sangat cerdas Tun Bijaya Sura itu dengan ditipunya anjing di hadapan raja Melaka, hilang. Adakah permainan Tun Bijaya Sura lain dari itu?" Maka sembah Tun Bijaya Sura, "Ada lagi tuanku, bersapu-sapu rengit namanya." Maka titah Betara Majapahit, bermainlah kita hendak melihat dia." Maka sembah Tun Bijaya Sura, "Jikalau diampuni, patik bermain di hadapan duli paduka betara, maka nyata dapat dipandang patik bermain." Maka titah Betara Majapahit, "Naiklah!" Maka oleh Tun Bijaya Sura, dibawanya budak-budak dua tiga orang lalu naik. Maka ia berkanjar di hadapan Betara Majapahit, kesemua kakinya ke hadapan Betara Majapahit. Maka kata segala penggawa Majapahit, "Tanpa kedep tambung laku sira di hadapan Seri Paduka Betara. "Maka sahut Tun Bijaya Sura, "Bagaimana, manira disuruh Seri Betara bermain; jikalau tidak begitu, bukanlah sapu rengit namanya." Maka titah betara, "Jangan kamu larang, biarlah ia bermain." Maka Tun Bijaya Sura pun bermainlah sapu-sapu rengit. Maka Seri Betara pun tersenyum melihat pejenaka Tun Bijaya Sura itu; dalam hatinya berkata, "Sangat bijaksana raja Melayu ini, semua Hambanya cerdas belaka; ia membalas akan tuannya mengadap anjing, maka kakinya pula disuruhnya hadap kepada kita."

A-148

Setelah bermain maka Tun Bijaya Sura pun menyembah kaki Betara, lalu turun mendapatkan rakannya. Maka kata Tun Bijaya Sura pada Hang Tuah, "Hei Hang Tuah, dan Hang Jebat dan Hang Kasturi, tunjukkanlah kepada betara perkasanya; akan Hamba sudahlah menunjukkan 'iyar Hamba, menghilangkan kehinaan tuan kita, Jika tuan-tuan

dara sekaliannya berahi melihat rupa Hang Tuah; kalau perempuan dalam pelukan lakinya pun terkejut, keluar hendak menengok Hang Tuah. Itulah maka dipantun oleh segala Jawa demikian:

B-126

A-150

Onja suruh. tanggapana penglipur; saben dina katon parandene onang uga. Ertinya, ini sirih, buat olehmu akan penglipur rasa berahi; sehari dilihat sungguh, demikian pun rindu juga. *Iwer Sang dara kabeh, dene Laksamana lumaku-lumaku, penjurit ratu Melayu.* Ertinya, sabar segala anak dara-dara semuanya melihat Laksamana berjalan, hulubalang raja Melayu. *Ayu-ayu apa dewe pande wesi para tan ayu, saben dina den gurinda.* Ertinya, baik-baik anak orang pandai besi, apa tak kena, Sentiasa hari dicanainya. *Kaget wong paken, dene Laksamana tumandang, Laksamana tumandang, penjurit ratu ing seberang.* ertinya terkejut orang dalam pangkuan, oleh melihat Laksamana, lagi hulubalang raja seberang. *Tututana, yen ketemu, paTeriana karo, ketelu jaro man mara.* Ertinya, ikut olehmu jikalau bertemu bunuh keduanya, ketiga dengan suruh-suruhannya. *Geger wong pasar dene Laksamana liwat penjurit ratu Melaka.* Ertinya, gerupar orang di pasar melihat Laksamana lalu, lagi hulubalang raja Melaka. *Wis laliya kung alagi kungku maning; sumbalinga lipur kung, ati saben gelak kung.* Ertinya, baik sudah lupa yang lalaikan itu, datang rindukan pula, sungguhpun aku hiburan-hiburkan yang hatiku ini Sentiasa dendam. *Geger wong pasiban dene Laksamana teka. Laksamana teka, penjurit ratu Melaka.* Ertinya, gerupar orang di penghadapan sebabsebab melihat Laksamana datang, hulubalang raja Melaka, *Den urai rambute, den tangisi, morambute melu tan diremen.* Ertinya, diuraikan rambutnya tangisi, usah! Rambutku ini dia pun turut 'tah di mana.

B-51

Demikianlah Hang Tuah di dalam negeri Majapahit diberahikan orang.

B-127

Adapun Laksamana pada masa itu tiadalah ada bandingnya, melainkan ada seorang hulubalang raja Daha, Sangka Ningrat namanya, jalah yang dapat sedikit berlawanan dengan

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Laksamana pada masa itu, ia pun dipantungkan juga oleh Jawa demikian bunyinya: *Geger wong ing panggung dene Sangka Ningrat teka penjurit ratu ing Daha*. Ertinya, gerupar orang di atas panggungan, sebab melihat Sangka Ningrat datang itu hulubalang ratu Daha.

Demikianlah peri orang dalam negeri Majapahit selama Sultan Mansur Syah di Majapahit, kelakuan segala orang muda-muda itu, masing-masing dengan zamannya, Dalam hati Betara Majapahit akan Sultan Mansur Syah pada zaman itu tiadalah ada raja-raja dua taranya; arif bijaksana dengan segala Hamba sahayanya makin bertambah-tambahlah meramaikannya. Maka pekerjaannya pun dibesarkannyalah, empat puluh hari empat puluh malam. Maka bunyi-bunyian Melayu dengan bunyi-bunyian Jawa pun bertarulah bunyinya; gong, gendang, serunai, nafiri, nagara, gendir, sambianya, sekati, kopak, ceracap, celimpong dan rebab, gelinang, suling, gambang, dandi, tiadalah sangka bunyi lagi; segala permainan Jawa pun habislah dipermain orang. Maka titah Betara Majapahit, "Adapun permainan Melayu dengan Jawa, barang yang dipermain orang di hadapan anakku raja Melaka dan segala raja-raja sekalian, sudahlah kita pandang; kalau ada lagi permainan kepada Tun Bijaya Sura, hendaklah dipermain pada zaman anak kita, raja Melaka, kita kerjakan ini, akan menjadi zaman dalam negeri Majapahit ini."

A-152

Maka sembah Tun Bijaya Sura, "Ada suatu permainan lagi tuanku kepada patik, 'berkeliling gelagat' namanya. Itulah kesudahan permainan Melaka, tuanku." Maka titah Betara Majapahit, "Permainlah oleh Tun Bijaya Sura, kita hendak memandang dia." Maka sembah Tun Bijaya Sura, "Jika Paduka Betara titahkan patik bermain, tiang pesiban Hampir duli sampean Paduka Betara semayam itu, baik empat patik bermain tuanku." Maka titah Betara, "Naiklah." Maka oleh Tun Bijaya Sura dipohonkannya sapu tangan Sultan Mansur Syah yang berdaun budikan emas bertatah intan dengan pudu itu, baunya pun amat harum, lalu dibawanya naik setara dengan Betara Majapahit, serta ia menyembah, lalu ia berpegang kepada tiang, Hampir dengan Seri Betara itu, lalu ia berkeliling berpusing. Maka sapu tangan itu diayunnya, habis tersapu pada muka penjawat Betara Majapahit dan kepada muka Betara pun berangin-angin, Hampir akan tersapu juga.

B-128

A-153

Demi dilihat oleh segala hulubalang Jawa kelakuan Tun Bijaya Sura itu, semuanya marah katanya, "Candala budak-budak ratu Melaka ini *tambung laku tanpa kedep*, muka an-dika Paduka Betara dipapasi, tidak umpama sedikit, main cara mana si keparat ini." Maka Tun Bijaya Sura pun berhentilah seraya menyembah lalu turun. Maka titah Betara sambil tersenyum, "Jangan kamu marah, sudah dengan kehendakku menyuruh ia bermain." Maka Tun Bijaya Sura pun dianugerahi oleh baginda persalinan dengan selengkapnya, Dalam hati baginda, "Sangat cerdasnya Tun Bijaya Sura ini, bagaimanapun tipunya hendak membalaskan tuannya juga, orang Melaka ini. Barang mainnya tiada dapat diturun oleh orang negeri lain, barang sebagainya lebih juga ia."

Maka Betara Majapahit menyuruh memanggil seorang kepetangan yang terlebih tahu lagi pantas daripada yang lain. Maka titah Betara, "Dapatkah engkau menyendal keris Tun Bijaya Sura itu?" Maka sembah kepetangan itu, "Apa daya kula menyendal dia, kerana Melayu. ini memakai keris di hadapan, jika berkeris di belakang seperti orang Jawa, dapat kula Seridal." Maka titah Betara "Baiklah aku memberi dia berkeris di belakang."

A-154

Setelah keesokan hari, maka Betara Majapahit pun keluar dihadap oleh segala raja-raja, menteri hulubalang; dan Sultan Mansur Syah pun ada mengadap. Maka titah Betara Majapahit, "Tahukah Tun Bijaya Sura memakai cara Jawa?" Maka sembah Tun Bijaya Sura, "Jikalau dikumiai Paduka Betara, tak tahu pun kula pakai juga." Maka dikumiai Betara Majapahit persalinan. Maka Tun Bijaya Sura pun memakai cara Jawa, berkeris di belakang, Setelah ia memakai, lalu ia menyembah dan turun melihat orang menyabung terlalu ramai; bunyi sorak orang terlalu gemuruh, seperti tagar sampai ke langit, Dalam pada sabar itu, maka oleh kepetangan itu diambilnya keris Tun Bijaya Sura, dapat matanya sahaja, lalu dipersembahkan kepada Betara Majapahit. Maka Tun Bijaya Sura pun menoleh ke belakang, dilihatnya kerisnya tiada. Maka katanya, "Eh, keSeridalan aku oleh Jawa keparat ini." Maka lalu ia segera naik menyamar; didekatnya orang yang membawa puan Betara Majapahit itu. Maka disembanya mata keris orang itu, dimasukkannya ke dalam sarung kerisnya, lalu ia turun.

B-129

Maka orang menyabung itu pun berhentilah. Maka Betara

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

pun duduklah di penghadapan dihadap orang banyak. Keris Tun Bijaya Sura itu ditindih Betara di bawah pahanya. Maka titah Betara, "Tun Bijaya Sura, mari sini!" Maka Tun Bijaya Sura pun segera datang, duduk di bawah Betara. Maka oleh Betara diambilnya keris Tun Bijaya Sura itu, ditunjukkan baginda pada Tun Bijaya Sura; titah Betara, "Tun Bijaya Sura, kita mendapat keris terlalu baik, adakah Tun Bijaya memandang keris seperti keris ini?" Maka Tun Bijaya Sura, dikenalnya kerisnya; maka oleh Tun Bijaya Sura, dihunusnya mata keris itu dari sarungnya, maka sembahnya, "Mana baik dengan keris patik ini?" Maka dilihat oleh Betara keris itu, dikenal baginda, kerana adat raja-raja] awa akan orang yang membawa puannya itu diberinya memakai keris yang baik, keris kerajaan lengkap dengan alatnya. Maka Betara pun bertanya pada orang membawa puan itu, "Mana kerismu?" Maka dilihatnya kerisnya tinggal sarungnya sahaja. Sembahnya, "Ke mana keris patik? Tinggal sarungnya juga!" Maka Betara pun tersenyum, maka titah baginda, "Terlalu cerdik sekali Tun Bijaya Sura ini, tiada tersemu oleh kita." Maka keris Tun Bijaya Sura itu dikembalikan Betara, dan akan keris baginda itu dianugerahkan sekali pada Tun Bijaya Sura.

A-155

Syahadan orang berjaga-jaga itu pun genaplah empat puluh hari empat puluh malam. Setelah datanglah kepada ketika yang baik, maka Sultan Mansur Syah pun kahwinlah dengan Raden Galuh Cendera Kirana, disuruh Betara nikahkan, setelah sudah nikah, lalu masuk ke dalam pelaminan. Maka baginda kedua laki isteri pun terlalulah amat berkasih-kasih. Adapun Betara Majapahit sangat kasih akan Sultan Mansur Syah, sehari-hari dibawa baginda semayam dan santap bersama-sama.

B-130

Memohon Jajahan Sebelum Kembali



Hatta berapa lamanya Sultan Mansur Syah di Majapahit, maka baginda pun berkira-kira hendak kembali. Maka baginda bermohonlah pada Betara Majapahit hendak membawa Raden Galuh kembali ke Melaka, maka dikabulkannya oleh Betara. Maka Sultan Mansur Syah pun menyuruhkan orang berlengkap. Setelah sekaliannya hadir, maka baginda pun menitahkan Tun Bijaya Sura minta Inderagiri kepada Betara. Maka Tun Bijaya Sura pun pergilah mengadap Betara Majapahit.

A-156

Maka sembahnya, "Tuanku, paduka anakanda empunya sembah ke bawah duli sampean, andika paduka anakanda hendak memohonkan Inderagiri, tuanku." Maka titah Betara pada segala Orang Besar-besar, "Apa bicara kamu sekalian bahawa anak kita, raja Melaka hendakkan Inderagiri? Berikan atau jangan?" Maka sembah Patih Aria Gajah Mada, "Sebaik-baiknya tuanku anugerahkan kepada paduka anakanda, supaya jangan jadi mufarik lagi kita dengan dia." Maka titah Betara kepada Tun Bijaya Sura, "Katakan salam kita kepada anak kita, pemberian kitalah akan anak kita; janganlah setara Inderagiri, seluruh Jawa ini lagi anak kita empunyai dia." Maka Tun Bijaya Sura pun bermohonlah kembali. Segala titah Betara Majapahit itu semuanya dipersembahkannya pada Sultan Mansur Syah. Maka baginda pun terlalu sukacita mendengar titah Betara Majapahit itu, lalu baginda menyuruh Hang Jebat memohonkan Jambi dengan Tungkal. Maka dikumiakan oleh Betara Majapahit. Sembah Tun Bijaya Sura pula, "Siantan tidakkah tuanku pohonkan kepada paduka ayahanda?" Maka titah baginda, "Kami pun lupa berpesan kepada Hang Jebat memohonkan Jambi dengan Tungkal tadi, pergilah Laksamana kita titahkan mohonkan Siantan."

B-131
A-157

Maka Laksamana pun menyembah lalu pergi mengadap Betara Majapahit. Maka titah Betara, "Hendak ke mana Laksamana baharu-baharuan datang mengadap kita." Maka sembah Laksamana, "Tuanku, paduka anakanda mohonkan Siantan; konon tuanku, jikalau duli tuanku kumiakan dialap, jikalau tidak akan dikumi pun paduka anakanda alap; kerana paduka anakanda sangat berkehendakkan Siantan." Maka Betara Majapahit pun tersenyum mendengar sembah Laksamana itu. Titah Baginda, "Hei Laksamana, jikalau sungguh anak kita berkehendakkan Siantan, menarilah Laksamana, kerana kita tiada memandang Laksamana menari, telah termasyhur Laksamana pandai menari ketika sedang pekerjaan anak kita itu."



Maka Laksamana pun menyembah, lalu bangkit menari seperti merak mengigal di dalam talam lakunya. Maka hairanlah Betara dengan sekalian yang mengadap, melihat laku Laksamana menari itu terlebih keluputannya daripada joget Mangun Asmara. Maka Laksamana pun berhentilah, lalu duduk menyembah Betara. Maka dianugerahi baginda per-

salinan dengan sepertinya. Maka titah Betara Majapahit, "Hei Laksamana, kita berikanlah Siantan itu kepada anak kita; tetapi Laksamanalah yang memegang Siantan itu sampai kepada anak cucu Laksamana, tiada dapat yang lainnya memegang dia; apakala lain daripada segala anak cucu Laksamana memegang Siantan itu, binasalah Siantan. "Sebab itulah maka tiada boleh dipegang oleh pihak yang lain; jika lain daripada anak cucu Hang Tuah memegang dia, datanglah kecederaan ke atasnya. Maka Laksamana pun bermohonlah pada Betara Majapahit, lalu kembali kepada Sultan Mansur Syah. Segala titah Betara Majapahit itu semuanya di persembakkannya kepada baginda. Maka baginda pun terlalu sukacita mendengamya.

Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun bermohonlah kepada Betara Majapahit bersama-sama isteri baginda. Maka kedua anakanda baginda laki isteri dipeluk dicium baginda, beberapa puluh peti pakaian dan beratus orang dayang-dayang dibekalkan Betara akan anakanda baginda itu. Maka Sultan Mansur Syah pun bermohonlah kepada Betara, membawa isteri baginda turun ke perahu, diiringkan segala dayang-dayang, inang pengasuh Raden Galuh. Maka sekaliannya pun belayarlah diiringi segala kelengkapan yang banyak.

A-158

Hatta berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Pulau Sabut (**سبوت**). Maka Bendahara Paduka Raja dan Penghulu Bendahari, serta sekalian Orang Besar-besar keluarlah sekalian mengalu-alukan baginda, dengan membawa segala bunyibunyian dan segala alat kerajaan. Maka rupa perahu tiada terbilang lagi banyaknya. Setelah bertemulah dengan Sultan Mansur Syah maka Bendahara, Penghulu Bendahari dan segala Orang Kaya-kaya semuanya menjunjung duli baginda. Maka baginda pun sampailah ke Melaka, lalu berangkat masuk ke istana membawa Raden Galuh-Cendera Kirana semayam. [Maka oleh Sultan Mansur Syah akan Raja Merlang Inderagiri dikahwinkan baginda dengan anakanda baginda Puteri Bakal, tiada diberi kembali ke Inderagiri; itulah beranakkan Raja Nara Singa, yang bergelar Sultan Abdul Jalil.] *

B-132

ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERRELIHARA 2008

Setelah berapa lamanya maka Sultan Mansur Syah pun beranaklah dengan Raden Galuh Cendera Kirana seorang

*[] Diturunkan dari Naskhah C.

lelaki, dinamai baginda Raden Dikelang; dan dengan isteri baginda anak Seri Nara Diraja pun ada baginda beranak dua orang, perempuan keduanya; seorang bernama Raja Mahadewi dan seorang lagi bernama Raja Cendera, baik-baik parasnya. Dengan isteri baginda saudara Bendahara Paduka Raja yang bongsu, beranak seorang lelaki bernama Raja Hussain, terlalu baik sikapnya lagi perkasa. Maka dikahwinkan baginda dengan Tun Naja, ** saudara Tun Tahir.

Hang Tuah Dihukum Bunuh

A-159 Hatta maka sekali persetua, kuda kenaikan Sultan Mansur Syah jatuh ke pelindungan tahi, seorang pun tiada hendak menambatkan tali kepada kuda itu, Setelah dilihat oleh Laksamana Hang Tuah orang yang beratus-ratus itu seorang pun tiada mau turun mengambil kuda itu, maka Hang Tuah pun segera terjun ke dalam pelindungan itu, ditambatkannya tali pada kuda itu. Maka diudar oranglah ke atas. Setelah kuda itu naik, maka Hang Tuah pun naik; tubuh dan muka Hang Tuah penuhlah dengan tahi sampai ke kepalanya, lalu ia pergi mandi berlangir, berbedak. Setelah Sultan Mansur Syah melihat kuda baginda sudah naik itu, maka terlalulah sukacita baginda; beberapa puji baginda akan Hang Tuah, serta dianugerahi persalinan dengan sepertinya,

B-133 Syahadan berapa lamanya maka datanglah *hujjatu'l balighat* akan Hang Tuah; maka ada seorang dayang-dayang raja, orang yang keluar masuk, bukan orang yang tetap di dalam, bermukah dengan Hang Tuah. Maka diketahu oleh Sultan Mansur Syah; baginda pun terlalu murka. Hang Tuah disuruh baginda bunuh kepada Seri Nara Diraja. Maka oleh Seri Nara Diraja dibawanya pulang ke rumahnya; fikir dalam hatinya, "Adapun Hang Tuah ini, bukan barang-barang orang; tiadalah dua orang, orang yang di dalam negeri Melaka ini sebagainya pada zaman ini. Jikalau ia ini mati, di mana duli Yang Dipertuan beroleh Hamba seperti Hang Tuah ini? Lagipun belum sampai dosanya patut dibunuh." Setelah ia fikir demikian, maka kata Seri Nara Diraja pada Hang Tuah, "Mana perintah Orang Kaya sahaya turut." Maka sahut Hang Tuah, "Hanya

**Naskhah w.e. Shellabear hlm. 104, Tun Sengaja; naskhah Abdullah Munshi hal. 136, nama ini disebut Tun Naca.

jikalau sahaya hendak Orang Kaya taruh, pasunglah sahaya supaya sahaya jangan berjalan." Maka oleh Seri Nara Diraja disuruhnya bawa Hang Tuah kepada suatu dusunnya di hulu, di sana dipasungnya. Maka dipersembahkannya, "Akan Hang Tuah telah matilah sudah, tuanku." Maka Sultan Mansur Syah pun diamlah. Akan Hang Tuah, sebilang hari disuruh Seri Nara Diraja hantari makanan yang berjenis-jenis. Sungguhpun sekian halnya, ia di dalam dukacita juga, malah beransur kurus. *Wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihil-marji'u walma'ab.*

Perhubungan Dengan Negeri China

Alkisah maka tersebutlah perkataan raja benua China, setelah kedengaranlah khabar kebesaran raja Melaka ke benua China, maka raja benua China pun mengutus ke Melaka bingkisan jarum sarat sebuah pilau, lain daripada sutera benang emas kimka dewangga, serta beberapa benda yang gharib-gharib. Setelah datang ke Melaka, maka disuruh Sultan Mansur Syah jemput surat dari benua China itu, diarak seperti adat menyambut surat dari benua Siam. Setelah datang ke balairung, maka disambut oleh bentara, diberikan kepada khatib, lalu dibaca khatib demikian bunyinya:

"Surat di bawah cerpu raja langit, datang ke atas mahkota raja Melaka. Kita dengar raja Melaka raja besar, sebab itulah maka kita hendak bersahabat, berkasih-kasihan dengan raja Melaka, kerana kita pun daripada anak cucu Raja Iskandar Zul-Karnain, sebangsa juga dengan raja Melaka, kerana tiadalah ada dalam alam dunia ini raja-raja yang besar daripada kita. Tiada siapa pun tabu akan bilangan rakyat kita; maka daripada sebuah rumah sebilang jarum kita pintak. Itulah jarumnya sarat sebuah pilau kita kirimkan ke Melaka."

A-161

Setelah Sultan Mansur Syah ^{ديوان بهاس دان قوستاک} mendengar bunyi surat itu, baginda pun tersenyum. Maka disuruh baginda ambil segala jarum yang di pilau itu, dan pilau itu disuruh baginda isi dengan sagu rendang sehingga sarat. Maka ^{DEWAN BAHASA DAN PUSAKA} Tun Perpatih Putih, adik Bendahara Paduka Raja, dititahkan Sultan Mansur Syah membawa utusan ke benua China. Maka Tun Perpatih Putih pun pergilah. Beberapa lamanya di jalan, sampailah ke benua China. Maka oleh raja China disuruhnya arak surat dari Melaka itu, dihentikan di rumah Perdana Menteri yang ^{HAKE CIPTA TERPELIHARA: 2008}

B-134

bernama Li Po. Setelah Hampir dinihari, maka masuklah Li Po membawa Tun Perpatih Putih dengan segala menteri dan Orang Besar-besar hendak mengadap raja China. Maka datanglah gagak sekawan, tiada terhisabkan banyaknya, turut masuk sama-sama,

A-162 Setelah datang kepada pintu kota, maka Li Po pun berhenti dengan sekalian mereka. Maka gagak itu pun berhenti; maka berbunyiilah gong pengerah, gemuruh bunyinya dan pintu pun terbuka, maka Li Po dengan sekalian mereka itu pun berjalanlah masuk, dan gagak pun masuk. Maka datang ke pintu selapis lagi, berhenti pula; gagak pun berhenti juga, hingga sampai kepada tujuh lapis pintu pun demikian juga. Setelah datang kepada balairung, hari pun siang. Maka sekalian mereka pun duduklah di balai, masing-masing pada tempatnya. Adapun balai itu panjangnya separsakh, tiada beratap; daripada banyaknya orang mengadap itu hingga bertemu-temu lutut juga, tempatnya tiada bersela lagi; semuanya itu segala para menteri dan hulubalang belaka.

B-135 Maka gagak berkawan itu sekaliannya mengembangkan sayapnya, menaungi sekalian mereka itu. Maka berbunyiilah guruh, petir dan kilat sabung-menyabung. Maka raja China pun keluar; berbayang-bayang rupanya kelihatan dari dalam mungkur kaca dalam mulut naga. Demi melihat raja China, maka sekalian mereka itu pun semuanya menundukkan kepala ke bumi menyembah raja China, tiada mengangkat muka lagi. Maka surat dari Melaka itu pun dibaca oranglah. Setelah diketahuinyalah ertinya, maka terlalulah sukacita raja China mendengar dia, dan sagu pun dibawa oranglah, ke hadapan raja. Maka titah raja China pada Tun Perpatih Putih, "Bagaimana membuat dia ini?" Maka sembah Tun Perpatih Putih, "Digelek tuanku, pada seorang sebiji disuruhkan oleh raja kami pada seorang rakyat, hingga sarat sebuah pilau; demikianlah banyak rakyat raja kami, tiada seorang pun tahu akan bilangannya." Maka titah raja China, "Besar raja Melaka itu, banyak sungguh rakyatnya, tiada berapa bezanya dengan rakyat kita. Baiklah ia kuambil akan menantuku." Maka titah raja China kepada Li Po, "Hei Li Po, sedang raja Melaka lagi kuasa menyuruh rakyatnya menggelek sagu, ini pula aku. Adapun beras yang akan maka
A-163 lagi ditumbuk." Maka sembah Li Po "Baiklah tuanku." Itulah

sebabnya datang sekarang pun raja China tiada makan beras ditumbuk, hanya dikupas juga; pada sehari-hari lima puluh gantang banyaknya, daging babi seekor, minyak babi seterupayan.

Adapun Tun Perpatih Putih mengadap raja China, kesepuluh jarinya dibubuhnya sepuluh bentuk cincin; barang siapa menteri China itu memandang legat matanya kepada cine in itu, dihunus oleh Tun Perpatih Putih sebetuk, diberikan kepada menteri yang memandang itu. Demikianlah pada sehari-hari ia mengadap raja China. Maka barang siapa menteri yang memandang cincinnya itu diberinya. Maka titah raja China kepada Tun Perpatih Putih, "Apa kegemaran orang Melaka?" Maka sembah Tun Perpatih Putih, "Sayur kangkung tuanku, jangan dikerat-kerat, belah panjang-panjang, iaitulah kegemaran kami semua orang Melaka makan, tuanku." Maka disuruh oleh raja China sayuran kangkung, seperti yang dikatakan oleh Tun Perpatih Putih itu. Setelah sudah masak, dihantarkan di hadapan Tun Perpatih Putih; dan orang Melaka sekaliannya pun membibit hujung sayur kangkung itu, serta menengadah, mengangakan mulutnya. Maka kelihatanlah raja China duduk di atas kerusi dalam mulut naga pada mungkur kaeanya. Maka barulah dapat dipandang dengan nyata oleh orang Melaka raja China itu, Setelah sekalian China melihat orang Melaka makan sayur kangkung itu maka diturutnya. Sebab itulah orang China tahu makan sayur kangkung datang sekarang,

Hatta musim kembali pun datanglah, setelah berapa lamanya maka Tun Perpatih Putih pun bermohonlah hendak kembali . Maka raja China pun fikir dalam hatinya, "Baik raja Melaka itu aku -ambil akan menantu; kerana ia raja besar, supaya ia berkirim sembah kepada aku." Maka titah raja China pada Tun Perpatih Putih, "Suruhkan anakku raja Melaka mengadap aku ke mari, supaya aku dudukkan dengan anakku Puteri Hang Liu." Maka sembah Tun Perpatih Putih, "Tuanku, akan paduka anakanda raja Melaka tiada dapat meninggalkan negeri Melaka, kerana ada pemusuhan. Jikalau tuanku hendak menganugerahkan paduka anakanda raja Melaka, biarlah patik bawa ke Melaka anugerah tuanku itu. Dengan pertolongan Tuhan Yang Maha Kuasa, akan selamat sampai anakanda ke Melaka."

B-136
A-164

Puteri Raja China ke Melaka

Maka raja China pun memberi titah pada Li Po, menyuruh berengkap perahu akan menghantar anakanda baginda ke Melaka seratus buah pilau; seorang menteri yang besar akan panglimanya, Lak Di Po namanya. Setelah sudah lengkap, maka raja China pun memilih anak para menteri China yang perempuan, baik-baik parasnya, lima ratus orang akan dayang-dayang anakanda baginda; dan anak menteri yang lelaki lima ratus orang juga banyaknya, akan barang-barang gunanya kepada anakanda baginda. Setelah itu maka Tuan Puteri Hang Liu serta surat pun diaraklah ke perahu, maka Tun Perpatih Putih dan Tuan Puteri pun belayarlah.

A-165 Hatta berapa lamanya di jalan sampailah ke Melaka, maka di persembahkan orang kepada Sultan Mansur Syah mengatakan Tun Perpatih Putih datang, membawa puteri anak raja China. Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita. Baginda pun berangkat diiringi segala Orang Besar-besar mengalu-alukan anak raja China itu. Setelah bertemu maka denganseribu kebesaran dan kemuliaannya, serta dibawa baginda masuk ke dalam negeri, lalu ke istana sekali. Maka Sultan Mansur Syah pun hairan melihat baik paras puteri anak raja China itu, disebut-sebut baginda *Tabarakal'llahu ahsanul khaliqin Allahu Rabbul 'alamin*. Maka Puteri Hang Liu dengan segala anak menteri China lelaki dan perempuan sekalian pun, semuanya diislamkan bagindalah. Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun kahwinlah dengan anak raja China, Puteri Hang Liu itu.

B-137 Syahadan berapa lamanya beranaklah seorang lelaki, dinamai baginda Paduka Haruimat, ialah beranakkan Seri China, ayah Paduka Ahmad, ayah Paduka Isak. Maka segala anak menteri China itu disuruh diam di bukit, di luar kota; maka disebut orang bukit itu 'Bukit China' datang sekarang, dan mereka itulah yang menggali perigi di Bukit China, dan anak cucu orang itulah yang dinamai biduanda China. Maka Sultan Mansur Syah pun menyuruhkan Lak Di Po kembali, serta dipersalin baginda dengan segala menteri China yang sertanya itu, Berapa lamanya maka musim pun telah adalah, Lak Di Po pun bermohonlah lalu belayar kembali. Maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera dititahkan baginda utusan ke China. Bahawa barulah Sultan Mansur Syah berkirim sembah pada raja China,

kerana sudah menjadi menantu; hanya demikian bunyinya: "Sahaya anak raja Melaka, empunya sembah pada raja benua China." Seperti surat yang dibawa Lak Di Po, maka pada Tun Telanai pun demikianlah juga.

A-166

Maka Tun Telanai pun belayarlal ke benua China. Dengan takdir Allah Taala angin besar pun turun, maka Tun Telanai dengan kedua buah perahu itu pun biaslah, jatuh ke Brunei. Setelah didengar oleh raja Brunei, maka disuruh baginda panggil; maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun masuk mengadap raja Brunei. Maka raja Brunei pun bertanya pada Tun Telanai, "Apa bunyi surat raja Melaka pada raja China?" Maka sembah Tun Telanai, "Sahaya raja Melaka empunya sembah, datang kepada paduka ayahanda raja China." Maka kata raja Brunei, "Berkirim sembahkan raja Melaka pada raja China?" Maka Tun Telanai diam, lalu Menteri Jana Putera berkisar ke hadapan; maka sembahnya, "Tidak tuanku paduka ayahanda berkirim sembah kepada raja China, kerana erti 'sahaya' itu pada bahasa Melayu 'Hamba'; maka Hamba paduka ayahandalah yang berkirim sembah kepada raja China, bukannya paduka ayahanda." Maka raja Brunei pun diam mendengar sembah Menteri Jana Putera itu.

Setelah datang musim akan pulang, maka Turi Telanai dan Menteri Jana Putera pun bermohonlah kepada Sang Aji Brunei, hendak kembali. Maka raja Brunei pun berkirim surat sembah ke Melaka, demikian bunyinya: "Paduka anak-anda empunya sembah, datang ke bawah duli paduka ayahanda... " Setelah itu maka Tun Telanai dan Menteri Jana Putera pun belayarlal kembali. Berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Melaka. Maka surat raja Brunei itu pun dibawanya. masuk mengadap, dipersembahkannya segala hal-ehwalnya. Maka terlalulah sukacita baginda mendengar dia, lalu baginda memberi anugerah akan Tun Telanai dan Menteri Jana Putera. Beberapa puji baginda akan Menteri Jana Putera dan dipersalin baginda selengkapnya.

B-138

A-167



Kedal Kerana Tulah?

Sebermula tat kala sampai Lak Di Po dengan menteri yang menghantarkan Tuan Puteri Hang Liu itu ke benua China, persembahan raja Melaka itu pun diarak masuk ke dalam. Maka disuruhnya baca kepada Perdana Menteri. Setelah di-

ketahuinyalah ertinya, maka terlalulah sukacita raja Chm. mendengar raja Melaka berkirin sembah kepadanya itu. Ada selang dua hari, dengan takdir Allah Taala maka raja China pun datanglah penyakit gatal semua tubuh baginda, lalu menjadi kedal. Maka raja China pun menyuruh memanggil tabib minta ubati. Makin diubati oleh tabib, semakin sangat kegatalan. Maka beberapa ratus tabib disuruh raja China mengubati baginda, tiada juga sembuh. Maka ada seorang tabib tua berdatang sembah pada raja China, demikian sembahnya, "Tuanku seri kopiah, adapun penyakit kenohong ini tiada akan terubati oleh patik-patik sekalian; kerana penyakit ini bersebab datangnya." Maka titah raja China, "Apa sebabnya penyakit ini?" Maka sembah tabib tua itu, "Tuanku ini tulah, kerana raja Melaka berkirin sembah itu, Jikalau tiada air basuh kaki raja Melaka, tuanku santap dan dibasuhkan muka tuanku yang telah kedal anjing itu, tiadalah akan sembuh penyakit tuanku ini."

A-168 Setelah raja China mendengar sembah tabib tua itu, maka baginda pun menitahkan utusan ke Melaka, minta air basuh kaki raja Melaka; setelah hadir maka utusan itu pun belayarlal. Berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansur Syah, mengatakan utusan raja China datang hendak meminta air kaki duli Yang Dipertuan. Maka Sultan Mansur Syah pun keluar semayam balairung dihadap orang. Maka surat raja China itu pun diarak oranglah ke balairung; maka disuruh baca pada khatib. Setelah tau baginda akan ertinya maka oleh Sultan Mansur Syah diberi baginda air basuh kaki. Maka surat pun dibalas, dan utusan China pun dipersalin. Maka surat dan air basuh kaki baginda itu pun diarak oranglah ke perahu. Maka utusan raja China pun belayarlal.

B-139 Setelah berapa lamanya di jalan maka sampailah ke benua China. Maka surat dan air basuh kaki raja Melaka itu pun diarak ke dalam. Tiadalah sempat raja China membaca sur at itu lagi; air basuh kaki Sultan Mansur Syah itu pun disantap, dimandi dan dibasuhkan muka baginda. Maka dengan sesaat itu juga penyakit kedal tubuh baginda itu pun hilanglah. Maka raja China pun sembuhlah, dan baginda bersumpah tiada mau disembah oleh segala anak cucu raja Ujung Tanah datang sekarang. Maka titah raja China, "Segala anak cucu kita jangan

lagi berkehendak disembah raja Melaka datang kepada anak cucu raja Melaka, kadar muafakat berkasih-kasihian jua."



ديوانُ بهاسِ دانِ قوستاڤه
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

VII

Hang Jebat Kesiangan di Istana

A-169 HATTA dalam antara itu Hang Kasturi pun berkendak dengan seorang dayang-dayang dalam, yang dipakai raja, tetapi hasratnya yang sah Hang Jebat yang empunya pekerjaan. Hang Kasturilah yang bergelar Seri Diraja Dewa, anak cucunya ialah 'Perhangan' yang asal zaman Melaka.

Maka Hang Jebat kesiangan di dalam istana, lalu ia hendak mengamuk. Maka Sultan Mansur Syah dengan Raja Perempuan serta dayang-dayang perwara sekalian turunlah dari istana itu, pindah ke istana yang lain. Maka Hang Jebat pun dikepung oranglah. Maka Sultan Mansur Syah pun semayam di balai kecil menghadapi orang mengepung Hang Jebat itu. Bendahara Paduka Raja dengan segala Orang Besar-besar hulubalang sekaliannya ada belaka mengadap. Rupa manusia sesak penuh tiada bersela lagi; rupa jebang perisai berlapis-lapis, tombak lembing seperti ranggas, tetapi seorang pun tiada dapat menaiki Hang Jebat itu,

B-140 Adapun pada zaman itu Hang Jebat bukan barang-barang orang, di bawah Hang Tuah dialah yang terbilang. Maka oleh Hang Jebat semua pintu istana itu dikandangnya; hanya satu pintu yang di hadapan jua dibukanya. Maka segala talem, kerikal, batil, ceper, dulang gangsa, dikaparkannya di lantai istana itu, Maka di atas itulah ia berlari ke sana sini, gemereng bunyinya, memberi hebat yang mendengar dia.

Maka Sultan Mansur Syah pun menitahkan orang menaiki Hang Jebat; maka tiada seorang pun bercakap menaiki dia.

دیوان بهاس دان قوستاک

DIWAN RAH SAIBAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka Sultan Mansur Syah pun mengenang Laksamana Hang Tuah, titah baginda: "Sayangnya si Tuah tiada, jikalau ada si Tuah, dapat ia menghapuskan kemaluanku!" **A-170**

Setelah mendengar titah baginda mengenang Hang Tuah itu, maka Bendahara Paduka Raja dan Seri Nara Diraja dan segala Orang Besar-besar pun bermohonlah hendak menaiki Hang Jebat. Maka tiada diberi Sultan Mansur Syah; titah baginda: "Jikalau tuan Hamba sekalian salah seorang bermara, jika seribu sekalipun nyawa si Jebat, masa kita samakan dengan tuan-tuan sekalian." Maka segala Orang Besar-besar itu pun diamlah.

Maka Sultan Mansur Syah pun murka akan segala hulubalang muda-muda, oleh tiada mau menaiki Hang Jebat itu. Maka segala hulubalang yang muda-muda itu pun semuanya pergi, hendak menaiki Hang Jebat itu. Baharu hingga semata tangga, diterpa oleh Hang Jebat; sekalian habis terjun menyarupakkan dirinya ke tanah.

Setelah dilihat oleh Sultan Mansur Syah perihal itu, maka baginda pun mengenang Hang Tuah pula. Telah tiga kali Sultan Mansur Syah menyebut-nyebut Hang Tuah itu, maka Seri Nara Diraja pun berdatang sembah: "Tuanku, patik memohonkan ampun, mengapatah duli tuanku sangat amat memohonkan ampun, mengapatah duli tuanku sangat amat mengenang Hang Tuah, orang yang sudah mati; patik pun adalah khilaf, kerana belum patut hukumnya mati; kerana Hang Tuah bukan barang-barang Hamba ke bawah duli Yang Dipertuan. Maka titah Sultan Mansur Syah, "Sebab itulah maka kita mengenang Si Tuah. Jika ia ada, tadilah sudah dihapuskan pekerjaan si derhaka itu; sayang si Tuah tiada!"

Dilihat Seri Nara Diraja Sultan Mansur Syah sangat-sangat mengenang Hang Tuah itu, maka sembah Seri Nara Diraja: "Tuanku, jikalau sekiranya Hang Tuah seperi-perinya ada hidup, adakah ampun duli Yang Dipertuan akan dia?" Maka titah Sultan Mansur Syah, "Adakah si Tuah Seri Nara Diraja taruh?" **A-171**
B-141

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka sembah Seri Nara Diraja, "Tuanku, gila apakah patik menaruh Hang Tuah. Duli tuanku menyuruh membuang dia, sudahlah patik buang; maka patik berdatang sembah demikian sebab duli Yang Dipertuan sangat mengenang dia.


Jikalau ada kiranya ia, adakah ampun duli Yang Dipertuan akan dia?"

Maka titah Sultan Mansur Syah, "Jikalau ada si Tuah itu, jika seperti Bukit Kaf sekalipun besar dosanya, nescaya kita ampuni. Hanya kepada bicara kita ada juga si Tuah. Jikalau ada segeralah bawa ke mari, supaya kita ampuni; kita suruhkan membunuh si Jebat."

Maka sembah Seri Nara Diraja, "Ampun tuanku beriburibu ampun atas batu kepala patik. Tatkala titah duli Yang Dipertuan menyuruh membunuh Hang Tuah itu, maka fikir patik belum patut Hang Tuah itu dibunuh sebab dosanya itu. Hang Tuah bukan barang-barang Hamba ke bawah duli Yang Dipertuan; kalau-kalau ada perkenaannya kepada kemudian hari. Sebab itulah maka ia patik taruh pada dusun anak patik, patik suruh pasung; melainkan ampun ke bawah duli Yang Dipertuan juga akan patik."

A-172 Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita mendengar sembah Seri Nara Diraja itu. Maka titah baginda, "Syabas! Bahawa Seri Nara Dirajalah sempuma Hamba." Maka di anugerahi baginda persalin dengan sepertinya. Maka titah baginda pada Seri Nara Diraja, "Segeralah si Tuah suruh bawa ke mari."

Maka Seri Nara Diraja pun menyuruh orang mengambil Hang Tuah; maka Hang Tuah datanglah dibawa orang ke hadapan Sultan Mansur Syah. Pucat, kurus, berjalan teranggar-anggar. Miskinan Hang Tuah belas segala yang memandang, kerana lama dalam pasungan. Setelah Sultan Mansur Syah melihat Hang Tuah datang, maka dianugerahi baginda ayapan. Setelah sudah Hang Tuah makan, maka oleh Sultan Mansur Syah diambil keris daripada pinggang baginda, dianugerahi pada Hang Tuah; maka titah baginda, "Basuhkan arang di muka aku." Maka sembah Hang Tuah, "Insya-Allah Taala, baiklah tuanku." Maka Hang Tuah pun menjunjung duli, lalu pergi mendapatkan Hang Jebat.



Pertarungan Hang Tuah-Hang Jebat

B-142 Setelah datang ke bawah tangga istana itu, maka Hang Tuah pun menyeru Hang Jebat, disuruhnya turun. Setelah Hang Jebat mendengar orang menyeru ia turun itu, maka dipandangnya ke bawah, dilihatnya Hang Tuah memanggil dia.

Maka kata Hang Jebat, "Hei Tuah! Adakah lagi engkau? Adalah sangka aku engkau sudah mati, maka aku mahu membuat pekerjaan terlanjur demikian ini. Hanya kita sekarang bertemulah sama sebesi; marilah engkau naik, supaya kita bermain." Maka kata Hang Tuah, "Baiklah!"

Maka Hang Tuah pun naiklah. Baharu dua tiga mata anak tangga maka diterpa oleh Hang Jebat. Maka Hang Tuah pun turun. Maka naik pula; itu pun demikian juga. Setelah dua tiga kali demikian maka kata Hang Tuah pada Hang Jebat, "Jikalau engkau sungguh lelaki, marilah engkau turun, kita bertikam sama seorang supaya temasya orang melihat kita."


A-173

Maka kata Hang Jebat, "Bagaimana aku akan turun? Kerana orang lain datang menikam aku."

Maka kata Hang Tuah, "Seorang pun tiada aku beri menolong aku, hingga sama seorang juga kita bertikam."

Maka kata Hang Jebat, "Di mana pula demikian? Jikalau aku turun nescaya ditikam orang. Jika engkau hendak membunuh aku, marilah engkau naik. "

Maka kata Hang Tuah, "Bagaimana aku akan naik? Baharu semata dua anak tangga, sudah engkau terpa aku. Jika engkau hendakkan aku naik, menyiah engkau sedikit."

Maka kata Hang Jebat, "Baiklah! Naik- engkau!" maka Hang Jebat pun menyiah sedikit. Maka Hang Tuah segera melorupat naik. Dilihatnya ada pada dinding istana itu sebuah utar-utar kecil, maka segera diambil oleh Hang Tuah. Maka bertikamlah Hang Tuah dengan Hang Jebat sama seorang. Hang Tuah berutar-utar, Hang Jebat tiada; tetapi akan Hang Tuah bertikam itu tiada tetap kakinya, terketar-ketar lakunya menyalahkan tikam Hang Jebat itu, miskinan kerana lenguh bekas dipasung. Maka dipandang oleh Hang Tuah gundik raja yang dibunuh dan dihiris Hang Jebat dari muka lalu ke farajnya dan ditelanjinginya; maka oleh Hang Tuah sambil bertikam itu dikuiskannya kain perempuan itu dengan kakinya, seperti diselimuti, tertutup semua tubuhnya.

Belas pula mendengar Hang Tuah baharu lepas daripada pasungannya, berdiri lagi belum tetap baik, maka ia bertikam itu kemamar-kemamar bahasa lakunya. Maka keris Hang Tuah tertikam pada papan dinding istana itu, lekat kerisnya; maka hendak ditikam oleh Hang Jebat, maka kata Hang Tuah, "Adakah adat lelaki orang demikian? Jika engkau sungguh

A-174

B-143


lelaki, berilah aka menanggalkan kerisku dahulu," Maka kata Hang Jebat. "Tanggalkan kerismu." Maka Hang Tuah pun menanggalkan kerisnya, diperbaikinya. Maka bertikam pula ia dengan Hang Jebat, dua tiga kali keris Hang Tuah tertikam kepada tiang dan dinding, Disuruh oleh Hang Jebat tanggalkan,

Moga-moga dengan takdir Allah Taala maka Hang Jebat pun tertikam pada dinding pintu, lekat kerisnya. Maka segara ditikam oleh Hang Tuah dari belakangnya terus ke hulu hati. Maka kata Hang Jebat, "Hei Tuah! Demikiankah lelaki menikam mencuri dan mengubah waadnya? Engkau dua tiga kali lekat kerismu, aku suruh tanggalkan juga; aku sekali lekat kerisku, engkau tikam.," Maka sahut Hang Tuah "Siapa bersetia dengan engkau orang derhaka." Maka ditikam pula seliang lagi, maka Hang Jebat pun matilah.

A-175 Setelah sudah Hang Jebat mati, maka Hang Tuah pun turunlah dari istana itu, pergi mengadap Sultan Mansur Syah. Terlalulah sukacita baginda, maka segala pakaian yang dipakai baginda itu, semuanya dianugerahkan baginda kepada Hang Tuah, Maka bangkai Hang Jebat pun ditarik oranglah, maka segala anak bininya semuanya habis diumbut, datang kepada kaki tiang dan tanah bekas rumah pun habis digali dibuangkan ke laut

Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun melekatkan gelar "Laksamana itu akan Hang Tuah, dan diarak berkeliling negeri anak raja-raja. Maka didudukkan setara Seri Bija Diraja, Hang Tuahiah pertama-tama jadi laksamana, disuruh memikul pedang kerajaan berganti-ganti dengan Seri Bija Diraja: kerana adat dahulu kala Seri Bija Diraja memikul pedang kerajaan itu berdiri di tingkat kelek-kelekan dan Laksamana pun mulanya berdiri juga, setelah penat rasanya, maka disangkutkan pantatnya pada birai kelek-kelekan; tiada siapa menegur kerana ia Orang Besar-besar, Hatta dengan Iemikian jain duduklah ra dikelek-kelekan, maka menjadi adatlah datang sekarang orang memikul pedang kerajaan duduk dikelek-kelekan kiri,

B-144 Adapun Seri Nara Diraja dianugerahi baginda Seriing Ujung itu semuanya sekali. Adapun Seriing Ujung itu dahulukala berbahagi dua dengan Bendahara; ada penghulunya, Tun Tuakal namanya. Ada salahnya sedikit kepada Sultan Mansur



Syah, maka dibunuh baginda. Maka orang Seriing Ujung tidaklah keluar lagi, sebab penghulunya mati itu, maka datang sekarang orang Sungai Seriing Ujung itu semuanya kepada Seri Nara Diraja, sampai kepada anak cucunya, demikianlah zaman Melaka.

Adapun akan Sultan Mansur Syah pun pindahlah, tiada mahu diam lagi pada istana tempat Hang Jebat mati itu. Maka baginda memberi titah kepada Bendahara Paduka Raja, menyuruh membuat istana. Maka Bendahara Seri dia mengadap dia, kerana adat Bendahara pegangannya Bintang. Adapun besar istana itu tujuh belas ruang, pada seruang tiga-tiga depa luasnya; besar tiangnya sepemuluk, tujuh pangkat kemuncaknya. Pada antara itu diberinya berkapa-kapa, pada antara kapa-kapa itu diberinya bumbungan melintang dan bergajah-menyusu; sekaliannya bersayap layang-layang, sekaliannya itu diukir dan berscongkuap. Pada antara Serigkuap itu diperbuatnya belalang bersagi; sekaliannya dicat dengan air emas. Kemuncaknya kaca merah, apabila kena sinar matahari, bemyala-nyala rupanya seperti manikam. Akan dinding istana itu sekaliannya berkambi, maka ditarupali dengan cermin China yang besar, apabila kena panas matahari bemyala-nyala rupanya, kilau-kilauan tiada nyata benar dipandang orang. Adapun rasuk istana itu kulim, sehasta lebamya, dan sejengkal tiga jari tebalnya. Akan birai istana itu dua hasta lebamya, dan tebalnya sehasta, diukimya rembatan pintu istana itu empat puluh banyaknya, semuanya bercat dengan air emas. Terlalu indah perbuatan istana itu, sebuah pun istana raja yang di bawah angin ini tiada sepertinya pada zaman itu. Istana itulah yang dinamai orang 'Mahligai Hawa Nafsu'; atapnya tembaga dan timah disiripkan.

A-176

Istana Sultan Mansur Syah Terbakar



Hampirilah akan sudah istana itu, maka Sultan Mansur Syah pun berangkatlah ke istana itu hendak melihat dia. Maka raja pun berjalanlah dalam istana itu, maka segala Hamba raja berjalan dari bawah istana.

B-145

Maka Sultan Mansur Syah pun berkenan melihat perbuatan istana itu, maka baginda lalu pergi ke penanggahan. Maka dilihat oleh Sultan Mansur Syah satu rasuk penanggahan itu putih lagi kecil; maka titah baginda, "Apa rasuk itu?" Maka

A-177

sembah segala raja raja itu, "Ibul, tuanku." Maka titah Sultan Mansur Syah, "Hendak sangat gerangan Bendahara." Setelah itu maka baginda pun kembalilah; tatkala itu Tun Indera Segara mengiring baginda.

Adapun akan Tun Indera Segara itulah asal sida-sida, maka Tun Indera Segara pergi memberitahu Bendahara mengatakan Yang Dipertuan murka oleh rasuk itu kecil. Setelah didengar Bendahara kata Tun Indera Segara itu, maka Bendahara pun segera menyuruh beramu rasuk kulim, sehasta lebarnya dan sejengkal tebalnya. Maka dengan sesaat itu juga datanglah rasuk itu dibawa orang; maka Bendahara telah Sendirinya pergi ke penanggahan mengenakan rasuk itu. Maka bunyi orang bekerja itu kedengaran pada Sultan Mansur Syah, maka baginda bertanya, "Mengapa maka orang riuh itu?" Maka sembah Tun Indera Segara, "Bendahara tuanku, mengganti rasuk yang kecil tadi Sendirinya; Bendahara memahat mengenakan dia." Maka Sultan Mansur Syah segera menyuruh membawa persalin akan Bendahara dengan selengkapnya. Maka pada zaman itu Tun Indera Segara dinamai orang Syahmura. Maka istana itu pun sudah, maka Sultan Mansur Syah menganugerahi persalin akan segala orang yang bekerja itu. Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun pindahlah ke istana yang baharu itu.

A-178 Hatta tidak berapa lamanya, maka dengan takdir Allah Taala mahligai itu pun terbakarlah. Tiba-tiba di atas kemuncaknya api; tiadalah sempat lagi. Maka baginda dengan Raja Perempuan serta dayang-dayang sekaliannya habis turun ke istana lain; suatu pun harta raja tidak dibawa, sekaliannya tinggal dalam istana itu. Maka orang pun datang terlalu banyak hendak berbela api itu, tiada terbela lagi. Maka harta dalam istana itulah yang diperlepas orang; tetapi timah atap istana itu bancur, cucurlah turun seperti hujan yang lebat. Maka seorang pun tiada berani masuk mengambil harta, maka Bendahara hadir berdiri menghadapi segala orang berlepas harta raja.

B-146 Maka segala anak tuan-tuan pun berebutlah masuk berbela segala harta raja yang dalam istana itu; tatkala itulah segala anak tuan-tuan itu banyak jadi gelaran. Orang yang pertama-tama masuk itu Tun Isap namanya, ialah menghulu-hulu orang masuk dengan pekis geramnya. Maka dibawanya

harta raja itu keluar; tetapi sekali sahaja, sudah itu tiadalah masuk lagi, maka dinamai orang Tun Isap Berakah. Adapun Tun Mayuddin hendak masuk takut akan romanya hangus, kerana tubuhnya berbulu belaka, maka dinamai orang Tun Mai Ulatbulu; dan akan Tun Ibrahim hendak masuk takut, kadar berjalan keliling istana juga, maka dinamai orang Tun Ibrahim Pusing Langit Berkeliling; dan akan Tun Muhammad, sekali-sekali ia masuk, kira-kira bawakan dua tiga orang dibawanya, maka dinamai orang Tun Muhammad Unta. Adapun akan Hang Isa, orang sekali masuk membawa, ia dua tiga kali masuk keluar, maka dinamai orang Hang Isa Pantas. Maka segala harta yang dalam istana itu pun habislah lepas, tiada berapa yang terbakar. *Maka mahligai itu pun habislah hangus; maka api itu pun padamlah. Maka Sultan Mansur Syah pun memberi anugerah akan segala anak tuan-tuan itu, masing-masing pada kadanya. Yang patut bersalin dianugerahi persalin, yang patut berselat dianugerahi selat, yang patut bergelar digelar baginda.

A-179

Maka Sultan Mansur Syah pun memberi titah pada Bendahara menyuruh berbuat istana dan balairung. Dalam sebulan itu juga dikehendaki sudah. Maka Bendahara pun mengerahkan orang membuat istana dan balairung. Orang Ungaran berbuat istana besar, orang Sugal sebuah istana, dan orang Buru sebuah istana, dan orang Suir sebuah istana, dan orang Pancur Serapung membuat balairung, orang Sudir membuat balai penghadapan, dan orang Merba membuat penanggahan, dan orang Sawang membuat balai jawatan di sisi balairung, orang Kundur membuat balai apit pintu keduanya, dan orang Suntai berbuat balai kendi, orang Melai berbuat pemandian, orang Upang berbuat bangsal gajah, orang Tungkal membuat masjid, orang Bintang membuat pagar istana, orang Muar membuat kota wang. Adapun istana itu baik pula daripada dahulu. Setelah sudah sekaliannya, maka Sultan Mansur Syah pun diamlah di istana baharu itu karatlah selama-lamanya,

B-147

A-180



ديوان بهاس دان پوسټاك

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Ramalan Bendahara Paduka Raja

Hatta berapa lamanya maka Seri Nara Diraja pun sakit;

*Dalam naskhah-naskhah Shellabear dan Abdullah ditegaskan bahawa alat-alat kerajaan Nila Utama turut terbakar.

setelah diketahuinyalah dirinya akan mati, maka disuruhnya panggil Bendahara Paduka Raja. Setelah Bendahara datang, maka kata Seri Nara Diraja pada Bendahara, "Adapun adik, sakit beta sekali ini sahaja ajal beta rasanya; akan anak beta budak-budak belaka, pertama kepada Allah Taala beta serahkan, kemudian kepada adiklah. Tambahan ia pun sedia anak adik. Suatu pun tiada pusaka beta tinggalkan akan dia, melaink an hanyalah emas lima buah candu peti, dua-dua orang membawa dia pada satu; kerana ia pun lima bersaudara, sekaliannya itu perintah adiklah." Setelah itu maka Seri Nara Diraja pun kembalilah ke rahmat Allah Taala, Maka Sultan Mansur Syah pun datang menanamkan Seri Nara Diraja, dianugerahi payung, gendang, serunai, nafiri, nagara. Setelah sudah ditanamkan maka raja pun kembalilah ke istana baginda dengan dukacitanya akan Seri Nara Diraja. Maka anak Seri Nara Diraja semuanya diam pada Bendahara Paduka Raja.

Maka pada suatu malam Bendahara turun hendak sembahyang subuh, maka dilihat oleh Bendahara betul pada kepala Tun Mutahir bercahaya menerus ke langit. Maka di-Hampiri oleh Bendahara, dilihatnya Tun Mutahir. Maka dengan sekejap juga cahaya itu pun padamlah. Maka kata Bendahara akan Tun Mutahir, "Budak ini kelak menjadi Orang Besar-besar. Daripada Hamba pun lebih kebesarannya, tetapi tiada kekal. "Maka oleh Bendahara segala candu peti yang ditinggalkan Seri Nara Diraja akan anaknya itu dituanginya timah, supaya jangan dapat dibuka orang lagi. Maka makan pakai Tun Mutahir Tun Tahir pada Bendahara Paduka Raja. Ada seorang lagi anak Seri Nara Diraja, Tun Abdullah namanya, lain bondanva, terlalu olahan. Jika ia membuang kuku tiga hari maka sudah. Jika berkuda pada baying-bayang panas, berpenanak membaiki diri. Jika pada pakaian, tewas Tun Tahir dan Tun Mutahir oleh Tun Abdullah, kerana bondanya ada.

Hatta berapa lamanya, Tun Tahir dan Tun Mutahir pun besarlah; akil balighlah ia, tahu lah ia berkehendak hati Sendiri. Maka Tun Tahir dan Tun Mutahir pun datang kepada Bendahara Paduka Raja, sembah Tun Tahir dan Tun Mutahir pada Bendahara Paduka Raja, "Tunku, akan sekarang sahaya sudah sudah besarlah, orang pun adalah datang kepada sahaya, dan sahaya pun hendak bermain, bergurau dengan segala sahabat

handai sahaya; perjamu apa yang sahaya perjamukan? Hendak sahaya beri makan sirih, apa yang sahaya belikan? Hendak pun sahaya mencari, dengan apa yang sahaya carikan? Sahaya dengar ada bapa sahaya meninggalkan sahaya emas sebuah candu peti seorang, jikalau ada ampun kurnia datuk, hendak sahaya pohonkan; hendak sahaya suruh carikan."

Maka sahut Bendahara, "Sungguh ada bapamu meninggalkan engkau emas sebuah candu peti seorang, akan emas itu emasku, tiada kuberikan kepadamu. Jikalau engkau hendak mencari biarlah kupinjamkan emas orang, barang sepuluh tahlil seorang," Maka sembah Tun Tahir dan Tun Mutahir, "Baiklah tunku, yang mana sabda datuk tiada sahaya lalui." Maka oleh Bendahara diberinya Tun Tahir dan Tun Mutahir emas sepuluh tahlil seorang. Maka oleh Tun Tahir dan Tun Mutahir diambilnya emas itu, dikirimkannya pada orang mencari.

A-182

Setelah setahun antaranya, maka Tun Tahir dan Tun Mutahir pun datang pada Bendahara, persembahkan emas yang sepuluh tahlil seorang itu. Maka kata Bendahara, "Emas apa ini?" Maka sembah Tun Tahir dan Tun Mutahir, "Emas yang tunku pinjamkan pada sahaya itu." Maka kata Bendahara, "Ada berapa engkau beroleh labanya?" maka sembah Tun Tahir dan Tun Mutahir, "Adalah sahaya tebuskan dengan seorang; lain dan itu sahaya belanjakan." Maka kata Bendahara, "Panggil penghulu dengan si Tahir dan si Mutahir." Maka keduanya datang. Maka sabda Bendahara Paduka Raja pada penghulu dengan Tun Tahir, "Mana surat daftar dengan si Tahir?" Maka sembahnya, "Ada tunku," maka dipersembhkannya surat itu, maka dibaca oleh Bendahara. Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Siapa nama dengan yang baharu ditebus itu?" Maka sembah penghulu dengan itu "Si Datang tunku, namanya." Maka sabda Bendahara, "Ini bukan ada nama si Datang." Maka sembah penghulu dengan .itu, "Si Datang lama lain, tunku, Si Datang baharu lain."

B-149

Maka sabda Bendahara Paduka Raja, "Panggil keduanya, bawa ke mari." Maka keduanya pun datanglah. Maka sabda Bendahara, "Mana si Datang baharu, yang mana si Datang lama?" Maka sembah penghulu dengan, "Mana si Datang lama, yang ini si Datang baharu, tunku." Maka sabda Bendahara pada penghulu dengan, Tun Mutahir, "Siapa nama dengan

A-183

yang baharu ditebus itu?" Maka sembah penghulu dengan, "Itu si Lamat, tunku, namanya." Maka sabda Bendahara, "Yang mana rupanya si Lamat itu?" Maka sembah penghulu dengan itu, "Ini si Lamat lama, yang ini si Lamat bam tunku." Maka sabda Bendahara Paduka Raja, "Baiklah, taruh olehmu baik-baik. "

Maka kata Bendahara pada Tun Tahir dan Tun Mutahir, "Mengapatah engkau pulangkan emas ini, kerana emas ini emasku, ambillah akan engkau, dan emas yang dua buah candu peti itu pun aku pulangkanlah kepadamu. Maka Tun Tahir dan Tun Mutahir pun kembalilah ke rumahnya, membawa emas dua buah candu peti itu, maka kedua-duanya menyuruh mencari.

Adapun akan Tun Mutahir selamanya ia menyuruh mencari itu, tiada pernah rosak, maka ia menyuruh belayar juga. Setelah besarlah ketiganya maka Tun Tahir dijadikan oleh Sultan Mansur Syah Penghulu Bendahari menggantikan ayahnya, bergelar Seri Nara Diraja juga; dan Tun Mutahir dijadikan Temenggung, bergelar Seri Maharaja, dan Tun Abdullah bergelar Seri Nara Wangsa. *Wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihil-m.arii'u ical-ma'ab.*

Akibat Tiada Menyembah ke Melaka

A-184 Alkisah maka tersebut lah pcrkataan Kampar, Maharaja Jaya nama rajanya, Pekan Tua
B-150 negerinya, asalnya daripada raja Minangkabau tiada ia menyembah ke Melaka, Maka Sultan Mansur Syah menitahkan Seri Nara Diraja menyerang Kampar. Maka Seri Nara Diraja pun berlengkaplah. Setelah sudah lengkap, maka Seri Nara Diraja pun pergilah bersama-sama dengan Sang Setia, dan Sang Naya, dan Sang Guna dan segala hulubalang sekalian; Khoja Baba pun pergi mengiringkan Seri Nara Diraja.

Setelah datang ke Kampar, maka dipersembahkan orang kepada Maharaja Jaya, mengatakan: "Orang Melaka datang menyerang kita." Setelah Maharaja Jaya mendengar khabar Seri Nara Diraja datang menyerang dia itu, maka Maharaja Jaya memberi titah kepada mangkubuminya, Tun Demang namanya, suruh mengampungkan rakyat Kampar. Maka Tun Demang pun keluarlah mengampungkan segala rakyat dan berhadir segala kelengkapan perang. Setelah itu maka Seri

Nara Diraja pun datanglah. Maka segala orang Melaka pun naiklah ke darat, lalu dikeluarkan oleh Maharaja Jaya dengan kenaikan gajah, dan Tun Demang di bawah gajah, Senjatanya lembing. Maka bertemulah orang Melaka dengan orang Kampar, lalu berperang terlalu ramai; ada yang bertikamkan lembing, ada yang bertetakkan pedang dan cipan, ada yang berpanahan. Maka daripada kedua pihak rakyat pun banyaklah matinya, dan darah yang mengalir di bumi. Adapun perang itu seperti dalam hikayat. Daripada sangat tempuh orang Melaka, maka orang Kampar pun undur.

Setelah dilihat oleh Maharaja Jaya, lalu ditempuhkannya gajahnya pada orang Melaka, bersama-sama dengan Tun Demang. Barang di mana ditempuhnya, mayat berkaparan di medan, dan darah mengalir di bumi. Maka segala orang Melaka pun habis lari lalu ke air, melainkan Seri Nara Diraja dan Khoja Baba yang lagi berdiri, tiada bergerak daripada tempatnya. Maka Maharaja Jaya dan Tun Demang pun datanglah bersama-sama dengan segala orang Kampar yang banyak itu; rupa Senjata seperti hujan mencurah datangnya ke hala Seri Nara Diraja dan Khoja Baba. Maka kata Seri Nara Diraja pada Maharaja Jaya, seraya menimang lembingnya, "Tuanku, tanah sedikit ini hendak sinda pohonkan, jikalau digagahi juga, hendak diambil; lembing anugerah paduka kakanda ini sinda persembahkan di dada."

A-185

B-151

Maka oleh Tun Demang, ditikamnya Khoja Baba dengan lembingnya, kena rusuknya, tetapi menyisip. Maka oleh Khoja Baba diuraikannya Terigkoloknya; maka katanya pada Seri Nara Diraja, "Orang Kaya, beta luka!" Maka dibebat oleh Seri Nara Diraja. Akan Khoja Baba Senjatanya panah perisai; maka dipanahnya kena pelipisan Tun Demang terus menyebelah. Maka Tun Demang pun tersungkur di bawah gajah Maharaja Jaya. Maka kata Khoja Baba, "Apa rasa Tun Demang?" Setelah Maharaja Jaya melihat Tun Demang mati, maka baginda pun terlalu marah, segera menampilkan gajahnya mengusir Seri Nara Diraja. Maka oleh Seri Nara Diraja, ditikamnya dengan lembing yang ditangannya itu, kena dada Maharaja Jaya, terus ke belakangnya, lalu jatuh ke atas gajahnya ke tanah; maka Maharaja Jaya pun matilah.

A-186

Setelah orang Kampar melihat Maharaja Jaya dan Tun Demang sudah mati itu, maka sekaliannya pun pecahlah, lalu

lari, Maka diperikut oleh orang Melaka, dibunuhnya, lalu dimasukinya ke dalam kota sekali. Maka orang Melaka pun merampaslah, terlalu banyak beroleh rampasan, dan kota itu, pun dibakarnya sekali. Setelah itu maka Seri Nara Diraja pun kembalilah dengan kemenangannya; gajah Maharaja Jaya itu pun dibawanya juga. Berapa lamanya sampailah ke Melaka. Maka Seri Nara Diraja dengan segala hulubalang pun masuklah mengadap Sultan Mansur Syah; baginda pun terlalulah sukacita mendengar negeri Kampar alah itu. Baginda memberi persalinan akan Seri Nara Diraja, dan Sang Setia, dan Sang Guna, dan Sang Naya masing-masing pada kadanya.

B-152 Maka akan Khoja Baba digelar Akhtiar Muluk, dialah beranakkan bapa Khoja Bulan, Khoja Bulan beranakkan Khoja Muhammad Syam, bapa Khoja Umar dan Khoja Buang, dan Bi Jaban duduk dengan Paduka Seri Indera Tun Mat, beranakkan Tun Kitam dan Tun Mariam dan Tun Kecil; akan Tun Mariam duduk dengan Seri Akar Raja yang bernama Tun Utusan, cucu Seri Pikrama Raja Tun Tahir, maka Paduka Megat beranak dua orang perempuan, Tun Cembul seorang namanya, duduk dengan Seri Asmara Tun Hitam, beranakkan Tun Jamal dan Tun Muhammad dan Tun Kala pun namanya, duduk dengan Tun Gombak, anak Datuk Sekudai; seorang lagi yang perempuan Tun Putih namanya, duduk dengan Tun Anum, anak Datuk Paduka Tuan, bergelar Seri Bija Wangsa, yang lelaki bernama Tun Pandak; seorang lagi anak Paduka Megat dengan Tun Mariam, Tun Kaca namanya, duduk dengan Tun Pahlawan, beranakkan Tun Jemaat dan Tun Tipah. Adapun Tun Kuni anak Paduka Seri Indera, Tun Amat, duduk dengan Tun Pua, anak Paduka Seri Raja Muda bernama Tun Hussain, beranakkan Tun Sulong, duduk dengan Megat Isak, beranakkan Megat Dagang dan Megat Kelang, bergelar Paduka Megat. Akan Akhtiar Muluk, dianugerahi pedang, disuruh berdiri di ketapakan balat, sama-sama dengan bentara yang banyak. Maka Kampar itu diserahkan pada Seri Nara Diraja, maka Seri Nara Dirajalah yang pertama meletakkan di Kampar itu Adipati.

A-187



Sesudah Kampar, Siak Pula

Arakian maka Sultan Mansur Syah pun hendak menyuruh menyerang Siak. Akan Siak itu dahulukala negeri besar, Ma-

haraja Parameswara nama rajanya, asalnya daripada raja Pagar Ruyung yang dahulu, tiada ia mahu menyembah ke Melaka; sebab itulah maka baginda suruh serang. Adalah yang dititahkan itu Seri Udana, dan enam puluh banyaknya kelengkapan yang pergi itu, Sang Jaya Pikrama, dan Sang Surana, dan Akhtiar Muluk, dan Sang Aria dititahkan baginda pergi sama-sama dengan Seri Udana. Adapun akan Seri Udana itu anak Tun Hamzah, cucu Bendahara Seri Amar Diraja; akan Seri Udana itu beranak dua orang, seorang bernama Tun Abu Syahid dan seorang lagi bernama Tun Perak. Akan Tun Abu Syahid beranakkan Orang Kaya Tun Hassan; akan Orang Kaya Tun Hassan beranakkan Seri Rama, bapa Tun Hidak; akan Tun Hidak beranakkan Tun Putih dan Tun Kurai. Akan Tun Perak beranak seorang perempuan bernama Tun Aisyah, seorang lelaki bernama Tun Muhammad. Adapun pegangan Seri Udana itu Merba. Pada zaman itu satu lengkapan Merba tiga puluh lancaran bertiang tiga.

A-188

B-153

Setelah sudah lengkap, maka Seri Udana pun pergilah dengan segala hulubalang yang tersebut itu. Berapa hari di jalan, maka sampailah ke Siak. Maka dipersembahkan orang kepada Maharaja Parameswara "Kelengkapan Melaka datang menyerang kita." Maka baginda memberi titah pada mangkubuminya yang bernama Tun Jana Pakibul, menyuruh mengampungkan segala rakyat dan memperbaiki kota, dan berengkap Senjata. Maka kelengkapan Melaka pun mudiklah. Adapun kota Siak itu di tepi sungai; maka oleh orang Melaka, segala kelengkapan dikepilkannya berkembar dengan kota Siak. Maka oleh orang Melaka ditempuhinya sekali dengan Senjata, rupanya seperti air turun dari atas bukit; maka rakyat Siak pun banyaklah matinya. Bermula, Maharaja Parameswara berdiri di kepala kotanya, menyuruhkan segala rakyatnya berperang. Setelah dilihat oleh Akhtiar Muluk, maka segera dipanahnya, kena pada dada Maharaja Parameswara terus, maka Maharaja Parameswara pun matilah. Setelah rakyat Siak melihat rajanya sudah mati, habislah pecah lari cerai-berai; maka kotanya pun dibelah oleh orang Melaka, dimasukinya; sekaliannya menawan dan merampas, terlalu banyak beroleh rampasan.

A-189

Maka ada seorang anak Maharaja Parameswara lelaki, Megat Kudu namanya, dibawa orang pada Seri Udana ber-

sama-sama den van Tun Jana Pakibul. Maka Seri Udana pun kembalilah dengan kemenangannya. Selang berapa hari lamanya maka sampailah ke Melaka. Maka Seri Udana pun masuklah dengan segala hulubalang, membawa Megat Kudu dan Tun Jana Pakibul mengadap Sultan Mansur Syah. Maka terlalulah sukacita baginda, serta baginda memberi anugerah persalinan akan Seri Udana dengan segala hulubalang yang pergi itu. Akan Akhtiar Muluk disuruh arak berkeliling negeri, sebab jasanya membunuh Maharaja Parameswara itu. Maka Seri Udana dijadikan Perdana Menteri. Akan Megat Kudu pun dipersalin baginda, dikahwinkan dengan anakanda baginda yang bernama Raja Mahadewi; maka dirajakan pula di Siak, digelar Sultan Ibrahim. Tun Jana Pakibul juga jadi mangkubuminya. Maka Sultan Ibrahim beranak dengan isteri baginda, anak Paduka Seri Sultan Mansur Syah, seorang lelaki bernama Raja Abdullah. *Wallahu a'lamu bis-sauwab wa ilaihil-marji'u walma'ab.*

B-154

Ditolak Bumi Melaka

Alkisah maka tersebutlah perkataan anak Sultan Mansur Syah yang bernama Raja Muhammad itu; pada niat baginda Raja Muhammad itulah hendak dirajakan di Melaka. Maka Raja Ahmad dan Raja Muhammad telah besarlah kedua anakanda baginda itu. Akan Raja Muhammad itulah yang sangat dikasihi baginda.

A-190

Sekali persetua, Raja Muhammad pergi bermain-main berkuda ke kampung Bendahara Paduka Raja. Adapun pada masa itu Tun Besar, anak Bendahara, sedang bermain sepak raga di lebu, dengan segala orang muda-muda. Maka Raja Muhammad pun lalu, ketika itu Tun Besar sedang menyepak raga, maka raga itu pun jatuh menirupa destar Raja Muhammad, jatuh ke tanah. Maka kata Raja Muhammad, "Ceh, jatuh destar kita oleh Tun Besar!" Sambil memandang mata penjawatnya. Maka berlari orang yang membawa puan baginda, ditikamnya Tun Besar, kena belikat terus ke hulu hati. Maka Tun Besar pun mati.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka orang pun geruparlah; segala anak buah Bendahara Paduka Raja pun semuanya keluar dengan alat Senjatanya. Maka Bendahara Paduka Raja pun keluar bertanva, "Apa sebab gerupar ini?" Maka kata orang itu, "Anakanda Tun

Besar mati dibunuh oleh Raja Muhammad!" Maka segala perihalnya semua dikatakan orang pada Bendahara Paduka Raja. Maka kata Bendahara, "Mengapatah maka kamu semua berlengkap ini?" Maka sahut segala anak buah Bendahara, "Sahaya semua hendak berbalas akan kematian saudara sahaya semua!" maka kata Bendahara Paduka Raja, "Hei! Hei! Hendak derhakakah ke bukit? Hendak derhakakah ke bukit? Nyiah! Nyiah! Kamu semua; nyiah! Kerana istiadat Hamba Melayu tiada pernah derhaka. Tetapi akan anak raja seorang ini, janganlah kita pertuan." Maka segala anak-anak Bendahara Paduka Raja pun diamlah sama-sama; masing-masing menyuruh menyimpan Senjatanya. Mayat Tun Besar pun ditanamkan oranglah.

B-155

Setelah Sultan Mansur Syah mendengar gerupar itu, maka baginda pun bertanya, "Apa digeruparkan orang itu?" Sembah Tun Indera Segara "Tun Besar, anak Datuk Bendahara tuanku, mati dibunuh oleh paduka anakanda Raja Muhammad." Maka segala perihal semuanya dipersembahkan kepada Sultan Mansur Syah. Maka titah baginda, "Apa kata Bendahara?" Maka sembah Tun Indera Segara, "Akan kata Datuk Bendahara, yang adat Hamba Melayu tidak pernah derhaka, tetapi akan kita bertuankan anak raja seorang ini janganlah."

A-191

Maka Sultan Mansur Syah pun memanggil Raja Muhammad; setelah datang, maka baginda pun murka akan anakanda baginda Raja Muhammad, titah baginda, "Celaka si Muhammad ini. Hei Muhammad! Apatah dayaku engkau ditolak muka bumi Melaka!" Maka baginda pun menyuruh memanggil Seri Bija Diraja ke Pahang. Maka Seri Bija Diraja pun datanglah. Maka Raja Muhammad pun diserankan baginda kepada Seri Bija Diraja, disuruh rajakan di Pahang. Maka Tun Hamzah menantu Bendahara Seri Amar Diraja, digelar baginda Seri Amar Diraja juga. Maka diberikan baginda jadi Bendahara di Pahang, dan lain dari itu diberi baginda yang layak jadi Penghulu Bendahara; dan yang patut jadi Temenggung; dan anak Seri Bija Diraja seorang dijadikan hulubalang besar, bergelar Seri Akar Raja, dan anak tuan-tuan yang asal berasal, seratus orang lelaki, seratus orang perempuan. Maka dari Sedili Besar datang ke Terengganu dianugerahi baginda akan Raja Muhammad. Setelah sudah lengkap, maka Seri Bija Diraja pun kembali ke Pahang membawa Raja Muhammad.

B-156

A-192 Setelah datang ke Pahang maka oleh Seri Bija Diraja akan Raja Muhammad dirajakanlah di Pahang; gelar baginda di atas kerajaan, Sultan Muhammad Syah. Baginda beristerikan cucu Sultan Iskandar, raja Kelantan, Mengindera Puteri namanya, beranak tiga orang lelaki; yang tua bernama Raja Ahmad, yang Terigah bernama Raja Jamil, yang bongsu bernama Raja Mahmud. Setelah itu maka Seri Bija Diraja pun kembalilah ke Melaka. Maka negeri Melaka pun makin makmur, masyhurlah kebesaran Melaka itu dari atas angin datang ke bawah angin. Maka oleh segala Arab dinamainya Malaqat, yakni perhimpunan dagang. Adapun pada zaman itu sebuah negeri pun di bawah angin ini tiada menyamai Melaka, melainkan Pasai dan Haru, tiga buah negeri itu juga sama besar; tua muda pun rajanya berkirim salam juga; tetapi orang Pasai, barang dari mana surat datang, jika salam pun dibacakannya sembah juga.

Juara Catur

A-193 Sekali persetua ada seorang, Tun Bahara namanya, orang Pasai, ia datang ke Melaka, Maka Tun Bahara itu pandai terlalu ia bermain catur, tiada siapa menyamai dia pada zaman itu. Maka bercaturlah Tun Bahara itu dengan orang Melaka. Lawannya itu berfikir, ia tiada fikir, pandang kiri, pandang kanan, sambil ia bersyair, dan ber bait, dan bergurindam, dan serseloka. Serta sudah ia berperang, berjalan tiada dengan berfikir lagi, terlalu bangat. Maka segala orang yang tahu-tahu bercatur, semuanya alah olehnya, seorang tiada dapat melawan dia, melainkan Tun Pikrama, anak Bendahara Paduka Raja; ia juga yang dapat sedikit melawan Tun Bahara itu , tetapi jikalau lalai Tun Pikrama, digelarkan oleh Tun Bahara itu 'sayur keladi', dan jika Tun Bahara membuang sebijir bidak ujung jua pun, alah pula Tun Bahara oleh Tun Pikrama, itulah yang tahu bercatur. *Wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihilmari'ju wal-ma 'ab.*

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Disuruh Mcorupak ke Ujung Tanah

A-194
B-157 Alkisah maka tersebutlah perkataan, ada sebuah negeri di tanah Mengkasar, Meluluki namanya, Keraeng Majiko nama rajanya; terlalu besar kerajaan raja itu, segala negeri di tanah Mengkasar itu takluk kepadanya. Maka ia beristerikan anak

Keraeng di Tandereng Jikamak tujuh bersaudara. Ketujuhnya dibuat isteri oleh baginda itu; akan puteri yang bongsu itu terlalu baik parasnya. Adapun puteri yang tua sekali beranak seorang lelaki, dinamai ayahandanya Semerluki. Berapa lamanya Semerluki pun besarlah; terlalu berani, lagi dengan perkasanya tiada berbagai dalam tanah Mengkasar itu.

Pada suatu hari Semerluki masuk mengadap ibunya, ia terpandang kepada emak bongsunya; maka Semerluki pun berahi hendakkan emak bongsunya itu. Maka Keraeng Majiko pun tahu akan kelakuan anaknya itu. Maka tiadalah diberi oleh Keraeng Majiko, katanya pada Semerluki, "Bagaimana engkau hendakkan emak bongsumu? Kerana ia saudara emakmu, isteri kepada aku. Jikalau engkau hendak beristeri baik paras, pergilah engkau merorupak ke Ujung Tanah; di sana banyak perempuan yang seperti kehendakmu, dan yang lebih daripada emak bongsumu itu."

Maka Semerluki pun berlengkaplah; dua ratus banyaknya kelengkapan pelbagai rupa perahu. Setelah sudah lengkap, maka Semerluki pun pergilah, kasadnya hendak mengalahkan segala negeri di bawah angin ini. Pertama-tama ia pergi ke Jawa, banyak dirosakkannya jajahan Jawa; tiada berani orang mengeluari dia. Maka Semerluki pun lalu ke Siam, banyaklah teluk rantau Siam dialahkannya, tiada juga dikeluari orang Siam.

A-195

Maka lalulah ia ke laut Ujung Tanah, dirosakkannya segala teluk rantau jajahan Melaka. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Mansur Syah, "Bahawa segala jajahan kita banyak binasa oleh raja Mengkasar yang bernama Semerluki itu." Maka baginda pun menitahkan Laksamana pergi memairi Semerluki. Maka Laksamana pun berlengkaplah. Setelah sudah lengkap, maka Semerluki pun berangkatlah ke laut Melaka. Maka Laksamana pun keluarlah dengan segala kelengkapan. Setelah bertemu lalu berperang berlanggar-langgaran; rupa panah dan sumpitan seperti hujan yang tebat. Maka banyaklah kelengkapan Mengkasar yang rosak oleh kelengkapan Melaka.

B-158

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka perahu Laksamana bertemulah dengan perahu Semerluki. Maka oleh Semerluki disuruhnya carupaki saunterbang ke perahu Laksamana, lekat; maka disuruhnya putar, maka oleh Laksamana disuruhnya tetas, sambil bertikam. Maka kelengkapan Semerluki pun banyaklah alah oleh ke-

lengkapannya; tetapi orang Melaka banyak mati oleh sumpitan, kerana pada masa itu orang Melaka belum lagi tahu akan tawar ipuh.

A-196 Maka Semerluki pun undur lalu ke Pasai, segala jajahan Pasai banyak diperbinasakannya. Maka raja Pasai pun menitahkan Raja Kenayan menge luari Semerluki, maka Orang Kaya Raja Kenayan pun berengkap. Setelah sudah .lengkap, maka Orang Kaya Raja Kenayan pun keluarlah, Setelah bertemu dengan Semerluki di Teluk Nerli, maka berperanglah kelengkapan Mengkasar dengan kelengkapan Pasai. Maka Semerluki' pun bertemu dengan perahu Raja Kenayan; maka oleh Semerluki disuruhnya carupaki sauh terbang ke perahu Raja Kenayan, lekat; disuruhnya putar. Maka kata Raja Kenayan, "Putarlah olehmu, jika dekat sekarang nescaya kuamuk dengan jenawi bertumit ini." Maka segera disuruh tetas oleh Semerluki, lalu ditetas oranglah, dan bercerailah perahu keduanya itu. Maka kata Semerluki, "Berani Raja Kenayan daripada Laksamana. "

B-159 Maka Semerluki pun kembali, lalu dari laut Melaka; maka diperikut oleh Laksamana, barang yang terpencil habis dialahkannya. Maka Semerluki pun datanglah ke laut Ungaran, banyaklah kelengkapannya rosak oleh Laksamana. Maka oleh Semerluki diambilnya suatu batu tolak baranya, dicarupakkannya di Selat Ungaran itu; maka kata Semerluki, "Timbul batu ini, maka aku datang ke laut Ujung Tanah." Maka pada tempat itu dinamai orang, Tanjung Batu; ada lagi batunya datang sekarang. Maka Semerluki pun kembalilah ke Mengkasar, dan Laksamana pun kembalilah ke Melaka mengadap Sultan Mansur Syah. Maka akan Laksamana dipersalinkan baginda, dan dianugerahi baginda akan segala orang yang pergi itu, masing-masing pada kadarnya. *Wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihil-marji'u wal-ma 'ab.*

Kitab Duri'l-Mazlum



A-197 Alkisah maka tersebutlah perkataan seorang pendita, Maulana Abu Ishak namanya, terlalu faHaru pada ilmu tasauf. Maka tuan itu tawaf di Kaabah berapa lamanya, Sentiasa dengan air sembahyang juga, tiada hadas lagi, melainkan pada sebulan dua kali ia mengambil air sembahyang. Maka dikarangnya sebuah kitab dengan dua bahasa, suatu bahasa zat, kedua bahasa

sifat;* diriamainya *Duri'l-mazlum* (**دُرِيْمَظْلُوم**). Maka segala orang yang banyak semuanya memuji dia. Setelah didengar oleh bondanya, segala orang memuji anaknya itu, maka kata bondanya, "Apa tuan-tuan semua pujikan pada Abu Ishak, kerana ia malas; dengan semudanya itu, pada sebulan dua kali mengambil air sembahyang. Aku dengan tuaku ini pada sebulan sekali jua mengambil air sembahyang."

Hatta setelah sudah kitab itu, maka Maulana Abu Ishak pun menyuruh memanggil seorang muridnya, Maulana Abu Bakar namanya; maka diajarkannya *kitab Duri'l-mazlum* itu kepadanya, Maka kata Maulana Abu Ishak, "Pergilah engkau ke Melaka, beri .fatwa olehmu segala orang di bawah angin." Maka sahut Maulana Abu Bakar, "Baiklah, tetapi kitab ini tuan buat dengan dua bahasa; hanya jika ditanyai orang Hamba pada bahasa zat dan bahasa sifat, seperti pengajar tuan itulah Hamba jawabkan. Jikalau ditanyai orang bahasa af'al, apa jawab Hamba kelak?" Maka kata Maulana Abu Ishak, "Benar katamu itu." Maka dikarangnya pula bahasa af'al, maka jadilah kitab *Duri'l-mazlum* itu tiga bahasa.

Setelah sudah, maka Maulana Abu Bakar pun turunlah ke bawah angin membawa kitab itu, menurupang kapal dari Jeddah ke Melaka, Setelah berapa lamanya di laut, sampailah ke Melaka, Maka sangat dipermulia oleh Sultan Mansur Syah **A-198** akan Maulana Abu Bakar. Kitab *Duri'l-mazlum* itu disuruh baginda arak lalu ke balairung. Maka Sultan Mansur Syah pun bergurulah pada Maulana Abu Bakar; maka sangatlah dipuji **B-160** oleh Maulana Abu Bakar akan Sultan Mansur Syah, terlalu amat terang hati; banyaklah ilmu diperoleh baginda, Maka oleh Sultan Mansur Syah *Duri'l-mazlum* itu disuruh ertikan ke Pasai kepada Makhdum Patakan. Maka *Duri'l-mazlum* pun diertikan, setelah sudah, dihantarkan ke Melaka; maka terlalu sukacita Sultan Mansur Syah melihat *Duri'l-mazlum* sudah bermakna itu, Maka *Duri'l-mazlum* itu ditunjukkan baginda pada Maulana Abu Bakar, maka berkenanlah Maulana Abu Bakar akan makna *Duri'l-mazlum* itu; beberapa pujinya akan Tuan Patakan. Maka segala Orang Besar-besar Melaka sekaliannya pun bergurulah pada Maulana Abu Bakar, melainkan

A-198

B-160

*Naskhah Abdullah - bahas zat, kedua bahas sifat hlm. 168.

Naskhah Shellabear - bahas zat, kedua bahas sifat hlm. 127.

Kadi Melaka yang tiada berguru, Kadi Yusuf namanya. Adapun akan Kadi Yusuf itu, daripada anak cucu makhdum yang pertama mengislamkan segala orang Melaka itu.

A-199 Sekali persetua, Kadi Yusuf hendak pergi sembahyang Jumaat, lalu betul-betul di muka pintu Maulana Abu Bakar. Tatkala itu Maulana Abu Bakar ada berdiri di pintunya, maka dilihat oleh Kadi Yusuf akan Maulana Abu Bakar dikelilingi oleh cahaya seperti sumbu dian dikelilingi apinya, demikianlah rupanya. Maka Kadi Yusuf segera berlari datang menyembah pada Maulana Abu Bakar; maka segera disambutnya seraya tersenyum. Maka Kadi Yusuf pun bergurulah kepada Maulana Abu Bakar, setelah itu maka Kadi Yusuf punjununlah, maka ia memecat dirinya daripada Kadi, bernama Maulana Yusuf. Maka anaknya pula menjadi Kadi, bernama Kadi Munawar.

B-161 Arakian maka Sultan Mansur Syah pun menitahkan Tun Bija Wangsa ke Pasai, bertanyakan suatu masalah, "Segala isi syurga itu kekalkah ia dalam syurga; dan segala isi neraka itu kekalkah ia dalam neraka," dan membawa emas urai tujuh tahlil, dan membawa perempuan dua orang, peranakan Mengkasar, Dang Bunga namanya seorang, dan anak biduanda Muar, Dang Bibah namanya seorang. Adapun bingkisan Sultan Mansur Syah akan raja Pasai, kimka kuning berbunga, sepucuk; kimka ungu berbunga, sepucuk; nuri merah seekor, kakatua ungu seekor. Maka titah Sultan Mansur Syah pada Tun Bija Wangsa, "Tanyakan oleh Tun Bija Wangsa pada segala pendeta di Pasai, akan masalah ini; barang siapa dapat mengatakan dia, emas urai tujuh tahlil dan perempuan dua orang itu, Tun Bija Wangsa berikanlah kepadanya; dan kata yang dikatakannya itupun tabalkan oleh Tun Bija Wangsa, bawa ke mari," Maka sem bah Tun Bija Wangsa, "Baiklah tuanku." Maka surat ke Pasai serta bingkisan itu pun disuruh arak ke perahu dengan tertib kerajaan; maka segala alat mengarak surat itu, semuanya pergi sekali dengan Tun Bija Wangsa. Maka Tun Bija Wangsa pun pergilah.

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

A-200 Antara berapa hari di laut, sampailah ke Pasai. Maka oleh Raja Pasai surat dari Melaka itu disuruh arak dengan sepertinya, serta dengan sempurna kebesaran dan kemuliaan. Setelah datang ke balai, maka disuruh baca pada khatib, serta menyelarupai tatarupan, demikian bunyinya; "Salam doa

paduka kakanda, datang kepada paduka adinda Seri Sultanu'Imu'azzam wal-malikul-mukarram zillu 'llah fi'l-alam. Kemudian daripada itu kiranya, paduka kakanda menyuruhkan patik itu Tun Bija Wangsa dan Tun Rakna mengadap paduka adinda, dan bertanyakan suatu masalah, hendaklah dikatakan oleh segala pendeta dalam Pasai kebenarannya. Cenderamata paduka kakanda akan paduka adinda, kimka kuning berbunga sepucuk, kimka ungu berbunga sepucuk, dan nuri merah seekor, kakatua ungu seekor; jangan kiranya diaibkan, daripada tanda tulus dan mesra juga, adanya."

Maka terlalulah sukacita raja Pasai mendengar bunyi surat itu, Maka titah Sultan Pasai pada Tun Bija Wangsa, "Apa pesan saudara kita pada Tun Bija Wangsa?" Maka sembah Tun Bija Wangsa, "Tuanku, akan titah paduka kakanda menyuruh bertanya akan masalah 'segala isi syurga dan isi neraka itu, kekalkah dalam syurga dan dalam neraka? Atau tiadakah?' Barang siapa dapat mengatakan dia dengan kebenaran kata ini, emas urai tujuh tahlil dan perempuan dua orang diberikan pada orang itu; dan kata itu pun disuruh paduka kakanda tabalkan bawa ke Melaka. "

B-162

Maka Sultan Pasai segera menyuruh memanggil Makhdum Mua; maka ia pun datanglah, dibawa duduk sama-sama oleh Sultan Pasai. Maka kata Sultan Pasai pada Makhdum Mua, "Tuan, raja Besar menitahkan Tun Bija Wangsa ke mari, bertanyakan masalah segala isi syurga dan isi neraka itu; kekalkah isi syurga itu, dan kekalkah isi neraka itu, atau tiadakah? Hendaklah tuan beri kehendaknya, supaya jangan kemaluan kita." Maka kata Makhdum Mua, "Adapun segala isi syurga, kekal dalamnya, sabit dengan Quran, yang tersebut: *'Innal-lazina amanu wa 'amilus-salihati ulaikahum khairul-bariyah; Jazauhum 'inda rabbihlm jannatu 'adnin tajri mintahthalanhar Khalidina fiha abada,'*

A-201

"Demikian lagi dalam neraka, isinya kekal juga ia dalamnya, seperti firman Allah Taala: *'Innal-lazina kafaru min ahli-kitabi uial-musyrikina fi nari jahannama khalidina fiha ulaikahum syarrul-bariyah,'* Maka kata Tun Bija Wangsa, "Tiadakah lain daripada itu?" Maka kata Makhdum Mua, "Tiadalah lain lagi daripada itu, kerana: *khalidina fiha abada;* betapa lain lagi." Tatkala itu Tun Hassan, murid Makhdum Mua pun ada juga duduk. Maka ia memalis, tiada ia berkenan

A-202

akan kata Makhdum itu. Maka Raja pun masuklah, dan segala yang mengadap pun masing-masing kembalilah ke rumahnya, Setelah hari petang, maka Sultan Pasai pun pergi ke rumah Makhdum Mua. Maka titah Sultan Pasai pada Makhdum Mua, "Adapun bagaimana kata tuan pada utusan tadi, jikalau seperti kata ini adalah orang Melaka pun tahu akan dia; mengapa pula maka ditanyakannya pada kita ke mari, kalau-kalau ada lain daripada ini juga dikehendaknya." Maka kata Makhdum Mua, "Tiada lagi, kepada Hamba demikianlah; kepada syah alam betapa benamya?" Maka kata raja Pasai, "Kalau-kalau demikian kehendaknya." Maka sembah Makhdum Mua, "Benarlah sabda syah alam itu, apa daya kita lagi, kerana kata yang diperhamba sudah terlanjur kepadanya; malu hamba membaliki dia," Maka kata raja Pasai, "Mudah juga pekerjaan itu, apabila hamba sudah kembali, tuan suruh panggil utusan itu, maka tuan kata padanya, "Tadi, sedang tuan bertanya di hadapan khalayak, maka demikian kata Hamba, sekarang pada tempat sunyi Hamba katakanlah yang tahkiknya, inilah dia."

B-163

A-203

Maka Makhdum Mua pun menyuruh memanggil Tun Bija Wangsa, Maka Tun Bija Wangsa pun datang; maka diperjamunya makan oleh Makhdum Mua. Setelah sudah makan, maka dibawanya kepada tempat yang sunyi, maka kata Makhdum Mua pada Tun Bija Wangsa, "Tadi tuan bertanya pada hamba tengah majlis, di hadapan segala khalayak yang banyak, maka demikian kata hamba; sekarang hamba katakanlah pada tuan hamba yang tahkiknya, inilah ia." Maka Tun Bija Wangsa pun terlalu sukacita mendengar kata Makhdum Mua itu; emas urai yang tujuh tahlil dan perempuan yang dua orang itu pun diberikannya pada Makhdum Mua, Maka 'kata' ditabalkannya, dibawanya turun ke perahu. Maka raja Pasai pun bertanya, "Gendang apa yang berbunyi tengah malam ini?" Maka sembah Penghulu Bujang, bergelar Tun Jana Bebiri, "Tuanku, 'kata' yang ditanyakan oleh Makhdum Mua itulah ditabalkannya." Maka Sultan Pasai pun diamlah. Maka oleh Makhdum Mua, emas urai yang tujuh tahlil dan perempuan sekaliannya itu, dipersembakannya kepada raja Pasai; maka titah raja Pasai, "Apa gunanya pada hamba sekalian itu, ambillah akan tuan." Maka oleh Makhdum, akan Dang Bibah dinamanya Dang Eula Bendahari.

Setelah hari siang, maka Tun Bija Wangsa pun bermohonlah kepada raja Pasai. Maka raja Pasai pun membalas surat raja Melaka, dan beberapa bingkisan baginda; maka diarak ke perahu dengan sepertinya. Maka Tun Bija Wangsa dan Tun Rakna pun dipersalin dengan selengkapnya; setelah itu kedua utusan itu pun bermohonlah kepada raja Pasai, turunlah bersama-sama surat itu ke perahu lalu bclayar. Berapa lama di laut, maka sampailah ke Melaka; surat masalah itu diarak dahulu, kemudian surat raja Pasai. Maka terlalu sukacita Sultan Mansur Syah mendengar jawab masalah itu, dan dibawakan pada Maulana Abu Bakar Maka beberapa puji baginda akan Makhdum Mua. *Wallahu a'lamu bis-sawab wa ilaihil-marji'u wal-ma 'ab.*



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

VIII

Raja Cempa dan Zuriatnya

A-204

ALKISAH, tersebutlah perkataan raja Cempa, demikian bunyinya diceriterakan oleh yang empunya ceritera: Ada sepohon pinang Hampir istana raja Cempa itu. Pinang itu bermayang, terlalu besar mayangnya; dinantikan mengurai, tiada juga mengurai. Maka kata raja Cempa kepada seorang Hambanya, "Panjat olehmu pinang itu, lihat apa dalam mayang itu." Maka dipanjatlah oleh budak itu, lalu diambilnya mayang pinang itu, dibawanya turun. Maka oleh raja Cempa, dibelahnya mayang pinang itu; dilihat baginda dalam mayang itu seorang budak lelaki, terlalu baik parasnya. Maka seludang mayang itu menjadi 'gong jebang' namanya, dan bidang seludang itu menjadi sebilah pedang beladai, itulah pedang kerajaan raja Cempa. Maka terlalulah kesukaan raja Cempa beroleh budak itu, lalu dinamai oleh raja Cempa Pau Gelang. Maka disuruh baginda susui pada isteri segala raja-raja dan para menteri, tiada ia mahu menyusu. Maka ada seekor lembu raja Cempa, bulunya panca warna; akan lembu itu beranak muda, maka disuruh baginda perah susu lembu itu diberikan minum pada budak itu; maka diminumnya susu lembu itu. Sebab itulah maka datang sekarang, Cempa tiada makan lembu dan membunuh dia.

B-165

Hatta maka Pau Gelang pun besarlah. Adapun akan raja Cempa itu ada beranak seorang perempuan, Pau Bania namanya. Maka oleh raja Cempa anakanda baginda itu didudukkannya dengan Pau Gelang. Telah berapa lamanya, maka



raja Cempa pun matilah; maka Pau Gelanglah kerajaan menggantikan kerajaan mertuanya. Setelah Pau Gelang di atas kerajaan, maka baginda berbuat sebuah negeri, terlalu besar; tujuh buah gunung di dalamnya, luas kotanya pada sepenampang sehari pelayaran angin tegang kelat. Setelah sudah negeri itu maka dinamainya Bal. Pada suatu riwayat, negeri Bal itulah yang bernama Metakat, negeri Raja Suil, anak Raja Fadha'il. Telah berapa lamanya, maka Pau Gelang beranak dengan Pau Bania seorang lelaki. Pau Tari namanya; setelah ia besar, maka Pau Gelang pun matilah. Maka Pau Tarilah naik raja menggantikan ayahanda baginda. Maka Pau Tari beristerikan anak raja Kuci, Bia Suri namanya; beranak seorang lelaki Pau Gama namanya. Setelah ia besar maka Pau Tari pun matilah; maka Pau Gamalah kerajaan menggantikan ayahanda baginda.

A-205

Maka Pau Gama pun berengkap, hendak mengadap ke Majapahit. Setelah sudah lengkap, maka baginda pun pergilah. Setelah berapa lamanya di jalan, sampailah ike Majapahit, maka kedengaranlah ke Majapahit, kepada Betara Majapahit; mengatakan raja Cempa datang hendak mengadap sampean paduka Betara. Maka disuruh alu-alukan oleh Betara Majapahit pada segala pegawai. Setelah bertemu dengan Pau Gama, maka dengan seribu kemuliaan dibawa ia masuk ke Majapahit. Maka oleh Betara Majapahit akan Pau Gama didudukkan baginda dengan anakanda baginda yang bernama Raden Galuh Ajeng, Telah berapa lamanya, maka Raden Galuh Ajeng pun Hamillah; setelah itu maka Pau Gama pun bermohonlah hendak pulang ke Cempa. Maka titah Betara Majapahit, "Baiklah, tetapi akan anak Hamba tiada Hamba lepaskan dibawa." Maka sembah Pau Gama, "Mana perintah tuanku, tiada patik lalui; jikalau patik tiada mati, segera juga patik datang mengadap tuanku."

Maka Pau Gama pun bermohonlah pada isterinya, Raden Galuh Ajeng; maka kata Raden Galuh Ajeng, "Baiklah, tetapi jikalau anak tuan Hamba ini jadi, apa namanya?" Maka kata Pau Gama, "Jikalau anak Hamba jadi, jika lelaki namai Raja Jakanak. Jikalau sudah ia besar, suruhkan ia mendapatkan Hamba ke Cempa." Maka kata Raden Galuh Ajeng, "Baiklah!" Setelah itu maka Pau Gama pun naiklah ke perahunya, lalu belayar kembali. Telah berapa lamanya sampailah ia ke Cempa.

B-166
A-206

Sepeninggalan Pau Gama kembali itu, maka Raden Galuh Ajeng pun beranak seorang lelaki, dinamainya Raja Jakanak. Setelah ia besar, maka Raja Jakanak pun bertanya pada bondanya, "Siapa bapa aku?" Maka kata bondanya, "Bapamu raja Cempa, sudah ia pulang." Maka segala pesan ayahnya, semuanya dikatakan oleh bondanya kepada Raja Jakanak. Setelah didengarnya perihal ayahnya itu, maka ia pun menyuruh berbuat perahu, beberapa puluh buah. Setelah sudah mustaid, maka Raja Jakanak pun bermohonlah pada Betara Majapahit dan kepada bondanya, lalu belayar kembali. Setelah berapa lamanya di jalan sampailah ia ke Cempa. Maka Raja Jakanak pun masuklah mengadap ayahandanya, Pau Gama. Maka terlalulah kesukaan Pau Gama melihat anakanda baginda datang itu, maka dirajakannya di Bal.

A-207 Hatta berapa lamanya Pau Gama pun. matilah. Maka Raja Jakanaklah menggantikan ayahanda baginda; baginda beristerikan seorang puteri, Pau Ji Yan Bi namanya; beranak seorang lelaki, Pau Kubah namanya. Setelah Pau Kubah besar, maka Raja Jakanak pun matilah, maka Pau Kubahlah kerajaan menggantikan ayahanda baginda. Baginda beristerikan anak raja Lakiu, Pau Cin namanya. Maka baginda beranak beberapa orang lelaki dan perempuan. Ada seorang anak baginda perempuan, terlalu baik parasnya; maka dipinang oleh raja Kuci, tiada diberi oleh Pau Kubah, lalu diserang oleh Pau Kuci. Maka berperanglah orang Kuci dengan orang Cempa, terlalu ramai; tiada beralahan.

B-167 Pada suatu hari raja Kuci menyuruh pada Penghulu Bendahari Cempa, dibawanya muafakat, diberinya emas dan harta terlalu banyak, maka Penghulu Bendahari Cempa pun kabullah sekaliannya serta dia. Setelah hari malam maka dibukanyalah pintu kota Cempa oleh bendahari itu, maka segala orang Kuci pun masuklah ke dalam kota Bal, beramuklah dengan orang Cempa. Adapun orang Cempa, seTerigah melawan dan seTerigah berlepas anak bininya. Maka kota Bal pun alangkah. Pau Kubah pun mati Maka segala anak rajaraja Cempa dan segala menteri pun larilah, membawa dirinya ke sana ke mari, cerai-berai tiada berketahuan.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka ada dua orang anak raja Cempa, Syah Indera Berma seorang namanya; seorang lagi Syah Pau Ling, lalu ke Aceh; ialah asal raja Aceh. Insyallah Taala lagi akan dikisahkan-

perkataannya kemudian. Adapun Syah Indera Berma lalu ke Melaka; maka terlalulah kesukaan Sultan Mansur Syah melihat segala mereka itu. Maka Syah Indera Berma dan isterinya, Kenia Mesra, sangat dipermulia baginda. Maka sekaliannya disuruh masuk agama Islam; akan Syah Indera Berma dengan isterinya, serta temannya sekalian pun masuk Islamlah. Maka oleh Sultan Mansur Syah, akan Syah Indera Berma, dijadikan baginda menteri, terlalu sangat dikasihi baginda. Dan mereka itulah asal segala Cempa di Melaka, asal berasal daripada anak cucu Syah Indera Berma. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u wa 'l-ma 'ab.*

A-208

Gema Peristiwa Rarupas Kuasa di Pasai

Alkisah, maka tersebutlah perkataan raja Pasai, Sultan Zainal Abidin namanya; akan baginda itu dua bersaudara. Saudara yang muda hendak merebut kerajaan abangnya, maka segala orang Pasai semuanya serta dengan raja muda itu. Maka Sultan Zainal Abidin pun lari menurupang balok orang, lalu ke Melaka. Maka raja muda pun naik rajalah di Pasai. Setelah Sultan Zainal Abidin sampai ke Melaka, maka dipennulia oleh Sultan Mansur Syah, dan diberi baginda persalinan dengan selengkap pakaian. Maka Sultan Mansur Syah pun menyuruh berlengkap akan menghantarkan Sultan Zainal Abidin ke Pasai.

Setelah sudah lengkap akan menghantarkan Sultan Zainal Abidin itu, maka Bendahara Paduka Raja dan Seri Bija Diraja, dan Laksamana, dengan segala hulubalang, semuanya dititahkan baginda mengikut Bendahara Paduka Raja, menghantar Sultan Zainal Abidin ke Pasai. Telah berapa lama di laut, sampailah ke Pasai. Maka orang Melaka pun naiklah berperang dengan orang Pasai. Empat lima kali perang, tiada juga alah; kerana orang Melaka yang datang itu hanya dua laksa, dan rakyat Pasai dua belas laksa banyaknya, pada sebuah dusun seorang penghulunya. Setelah tiada hasil pekerjaan orang Melaka, maka Laksamana dan Seri Bija Diraja dan segala hulubalang sekalian pun berkampung pada Bendahara, mesyuarat akan pekerjaan Pasai itu. Maka kata Bendahara, "Apa bicara kita sekalian, akan kita telah lama di sini, suatu pun pekerjaan kita tiada berkeTerituan." Maka kata Laksamana dan Seri Bija Diraja, "Adapun kita akan beroleh menga-

B-168

A-209

lahkan Pasai ini, sahaja musykillah; kerana kita sedikit, dan orang Pasai ini terlalu banyak. Adalah pada bicara Hamba, baiklah kita kembali dahulu, supaya Yang Dipertuan jangan asa-asaan. "

Maka kata Bendahara, "Benarlah seperti kata Orang Kaya itu." Maka sahut anak Bendahara, Tun Mat narnanya, Tun Pikrama Wira gelarannya; katanya, "Mengapa Tunku hendak pulang dahulu? Adakah kita sudah perang besar barang sekali? Pada bicara sahaya, baik juga kita naiki sekali lagi, alah tak alah pun kembalilah kita. Biarlah sahaya naiki sama-sama dengan Laksamana dan Seri Bija Diraja, serta dengan hulubalang." Maka kata Laksamana dan Seri Bija Diraja, "Benar seperti kata anakanda itu, biarlah sahaya semua naik menggantikan anakanda."

Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Insya-Allah Taala esoklah kita naik sama-sama." Maka hari pun malamlah, maka Bendahara pun menyuruh menanak nasi, akan memberi orang makan esok hari.

B-169

Setelah hari siang, daripada pagi-pagi hari, segala Orang Kaya-kaya itu pun semuanya berkarpung pada Bendahara Paduka Raja. Maka Bendahara menyuruh bersaji nasi, akan memberi orang makan. Maka katajuruhanak, "Pinggan mangkuk kita kurang, tiada cukup; kerana orang yang diberi makan ini terlalu banyak; dua puluh hidangan pun lebih. Maka kata Bendahara kepada segala Orang Kaya itu, "Adapun kita akan pergi berperang, baiklah kit a makan sedaun." Maka oleh Bendahara disuruhnya bentangi kajang di pantai itu; di atas kajang itu diHarupari daun, maka dibubuhlah nasi di atas daun itu. Maka makanlah Bendahara Paduka Raja dengan segala Orang Kaya-kaya dan hulubalang rakyat sekalian sedaun.

A-210

Setelah sudah makan, maka Bendahara dan Tun Pikrama Wira, Laksamana, Seri Bija Diraja, Tun Telanai, Seri Akar Diraja, Tun Bija Diraja, Tun Bija Diraja, Sang Naya, Sang Setia, Sang Guna, Tun Bija Sura, Sang Jaya Pikrama, Sang Aria Diraja, Sang Rakna, Sang Sura Pahlawan, Sang Setia Pahlawan, Raja Indera Pahlawan, Seri Raja Pahlawan, Raja Pahlawan, Raja Dewa Pahlawan, dan segala hulubalang dan rakyat sekalian pun naiklah ke darat melanggar. Gemuruh bunyi bahana rakyat berjalan itu; gemerlapan rupa tunggul



panji-panji, dan rupa sinar cahaya Senjata seperti kilat sabung-menyabung.

Maka rakyat Pasai pun keluarlah, terlalu azamat bunyi tempik soraknya, lakunya seperti air yang penuh, rupa tunggul panji-panji seperti pohon kayu. Setelah berhadapanlah kedua pihak rakyat itu, lalu berperanglah; tiada sangka bunyi lagi tempik segala hulubalang, dan sorak segala rakyat, bercampur-campm dengan bunyi gajah, kuda, terlalu gegak-gempita bunyinya; jika halilintar di langit sekalipun tiada akan kedengaran. Maka daripada kedua pihak itu pun banyak mati dan luka, darah pun turupah ke bumi, mayat manusia berhantaran di medan. Maka daripada sangat tempoh segala hulubalang Pasai, maka segala rakyat Melaka pun pecah, habis lari berHaruburan datang ke air. Segala hulubalang yang gagah berani pun turut lari, melainkan Bendahara juga lagi terdiri di tebing mengelih-ngelih ke belakang, dilihatnya air. Maka kata Bendahara pada budaknya, si Kerangkang namanya, "Kerangkang, Kerangkang, unjukkan lembingku! Embuh-embuhan tua, seorangku kulepori."

A-211
B-170

Adapun akan Tun Pikrama bertahan tiga orang dengan Hang Isap dan Nina Ishak, Senjatanya panah; maka ketiganya bertelut di tanah memanah pada segala rakyat Pasai itu. Maka segala orang Pasai pun tiada boleh tampil, barang tampil habis mati kena panah orang bertiga itu; maka segala rakyat Pasai pun bertahanlah. Maka kata Nina Ishak pada Tun Pikrama, "Orang Kaya, bagaimana kita bertahan, hanya tiga orang ini? Segala orang kita yang lari itu tiada tahu akan kita lagi bertahan ini, baiklah ia kita beritahu." Maka kata Tun Pikrama. "Baiklah tuan Hamba pergi membalikkan segala orang itu." Maka Nina Ishak pun pergilah membalikkan orang yang lari itu, barang siapa bertemu dengan dia disuruhnya berbalik mendapatkan Tun Pikrama; maka sekalian orang itu pun berbaliklah.

Maka Nina Ishak pun bertemu dengan Tun Hamzah, menantu Tun Pikrama, lari merapah pada semak-semak, tiada memandang ke belakang lagi. Maka diseru oleh Nina Ishak, katanya, "Hei Tun Hamzah! Mengapa maka tuan Hamba lari seperti biawak hitam ini? Bukankah Orang Kaya Tun Pikrama lagi di sana bertahan? Maka sebab tuan Hamba diambil oleh Orang Kaya akan menantu, bukankah kerana rupa, tuan

A-212

B-171

Hamba baik? Rupa dan sikap tuan Hamba pun baik; dan rambut tuan Hamba ikal, pada sangka Orang Kaya berani juga tuan Hamba maka diambil akan menantu. Jika tidak demikian patutkah tuan Hamba duduk dengan anak Orang Kaya Tun Pikrama itu?" Maka kata Tun Hamzah, "Lagikah Orang Kaya di darat?" Maka sahut Nina Ishak, "Lagi bertahan, berdua dengan Hang Isap. "

Maka Tun Hamzah pun berbaliklah, lembingnya dilambung-lambung, dan perisainya bergenta dikirap-kirapnya. Maka Tun Hamzah pun bertempik melambung-lambung dirinya, katanya, "Tahanlah amuk Hamzah akhir zaman ini!" Maka lalu ditempuhnya ke dalam rakyat Pasai yang seperti laut itu, habis pecah; barang yang bertemu habis dibunuhnya.

A-213

Maka segala orang Melaka pun turut merempuh semuanya, sama-sama dengan Tun Hamzah mengamuk itu. Maka segala rakyat Pasai pun habislah lari, cerai-berai tiada berketahuan lagi, yang mati pun terlalu banyak. Maka oleh orang Melaka digulungnya sekali-sekali, lalu ke Tebat Madinah; Maka negeri Pasai pun alahlah. Maka oleh orang Melaka dimasuki dari pintu tani, maka istana pun dapatlah; Sultan Pasai pun larilah ke hutan. Maka Sultan Zainal Abidin pun ditabalkan oleh Bendahara.

B-172

Beberapa hari Bendahara di Pasai memerintahkan kerajaan Sultan Zainal Abidin, maka Bendahara pun bermohonlah pada Sultan Zainal Abidin, katanya, "Tuanku, diperHamba hendak bermohon kembali, apa pesan tuanku kepada paduka ayahanda?" Maka kata Sultan Zainal Abidin, "Yang sembah Hamba di Melaka itu, tinggal di Melakalah." Maka Bendahara Paduka Raja pun marah mendengar kata Sultan Zainal Abidin itu maka kata Bendahara, "Yang sembah Hamba di Pasai itu pun, tinggal di Pasailah," lalu Bendahara turun ke perahu, dan sekalian pun kembalilah. Setelah datang ke Jambu Air, maka datang orang dari darat mengatakan Sultan Zainal Abidin sudah alah, didatangi oleh raja Pasai pula. Setelah Bendahara mendengar khabar itu, lalu bermesyuarat dengan Laksamana dan Seri Bija Diraja serta segala hulu balang sekaliannya. Maka kata Laksamana, "Baik jika kita balik, kita rajakan Sultan Zainal Abidin, supaya masyhur nama Yang Dipertuan pada segala negeri." Maka kata Bendahara, "Tiada Hamba mau, kerana ia tiada mau menyembah duli Yang Di-

pertuan lagi; tiadalah Hamba mau merajakan dia lagi." Maka kata segala yang banyak pun, "Yang mana bicara datuk, sahaya semua menurut." Setelah itu maka Bendahara pun belayarlah.

Hatta berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Melaka. Bendahara dan segala hulubalang pun datanglah ke istana mertgadap, Maka Sultan Mansur Syah murka akan Bendahara, tiga hari tiada ditegur baginda, oleh tiada mau balik merajakan Sultan Zainal Abidin. Maka Sultan Mansur Syah menyuruh mengadap, maka baginda pun bertanya pada Laksamana akan perihal tatkala di Pasai. Maka Laksamana berdatang sembah berjahat Bendahara. Maka Sultan Mansur Syah makin sangat murka akan Bendahara.

A-214

Tatkala itu segala anak buah Bendahara semua pun ada mengadap baginda. Setelah itu baginda pun berangkat masuk; maka segala yang mengadap itu, masing-masing pulang ke rumah. Maka segala anak buah Bendahara pun datang kepada Bendahara, segala kata Laksamana, yang berjahat Bendahara kepada Sultan Mansur Syah itu, semuanya dikhabarkan pada Bendahara Paduka Raja; maka Bendahara pun diam.

Setelah esok hari, maka Sultan Mansur Syah pun keluar dihadap orang banyak, segala pegawai semuanya hadir mengadap, melainkan Laksamana juga yang tiada. Maka Sultan Mansur Syah menyuruh mernanggil Bendahara Paduka Raja, maka Bendahara pun datanglah mengadap. Maka Sultan Mansur Syah bertanya kepada Bendahara akan hal kelakuan tatkala di Pasai itu, Maka Bendahara berdatang sembah berkhabar tatkala perang di Pasai itu, dan berbagai-bagai pujinya akan Laksamana. Maka Sultan Mansur Syah pun hairan mendengarnya; maka baginda memberi persaan akan Bendahara dengan sepertinya, dengan selengkap pakaian kerajaan dianugerahkan baginda. Tun Pikrama, dan Hang Isap, dan Tun Hamzah, dan Nina Ishak, semuanya dikurniakan persalinan. Maka Tun Pikrama digelar Paduka Tuan, akan anak Tun Pikrama yang bernama Tun Khoja Ahmad, bergelar Tun Pikrama; ialah yang beranakkan Tun Isap Berakah, akan Tun Isap Berakah beranakkan Tun Amat dan Tun Muhammad dan Tun Biajid; dan beberapa orang perempuan. Akan Tun Hamzah digelar baginda Tun Perpatih Kasim, oleh jasanya menyiah-

B-173

A-215

kan orang Pasai. Maka Buru dianugerahkan kepada Paduka Tuan; pada zaman itu kelengkapan Bum itu empat puluh banyaknya lancaran yang bertiang tiga. Setelah itu maka Sultan Mansur Syah pun berangkatlah masuk. Maka Bendahara dengan sekalian yang mengadap pun kembali masing-masing ke rumahnya.

Maka segala anak buah Laksamana datang kepada Laksamana. Akan kata-kata Bendahara Paduka Raja memuji Laksamana di hadapan Sultan Mansur Syah itu, semuanya dikhabarkan kepada Laksamana. Maka Laksamana pun segera pergi kepada Bendahara Paduka Raja; didapatinya Bendahara sedang penuh dihadap orang banyak. Maka Laksamana pun datang lalu meniarap, menyembah kaki Bendahara Paduka Raja. Maka sembah Laksamana "Sungguhlah tunku sedia asal Orang Be sar-besar, penghulu pada sahaya semua." Adapun diceriterakan oleh yang empunya ceritera, tujuh kali Laksamana menyembah, meniarap pada kaki Bendahara Paduka Raja. *Wa 'llah u a 'lam ubi 'l-sawab, wa ilaihi 'l-marji 'u wa 'l-ma 'ab.*

Wasiat Sultan Mansur Syah

Alkisah maka tersebutlah perkataan Raden Kelang, anak Sultan Mansur Syah dengan Raden Galuh Cendera Kirana, anak Betara Majapahit; setelah baginda besarlah, maka kasad Sultan Mansur Syah, sungguhpun ada Raja Ahmad, saudara Raja Muhammad yang dirajakan di Pahang itu, Raden Kelanglah hendak dirajakan baginda; kerana Raden Galuh Cendera Kirana itulah menjadi Raja Perempuan Besar di Melaka.

A-216

B-174

Pada suatu hari Raden Kelang pergi bermain di Kampung Keling, maka orang pun mengamuk. Maka sekalian orang pun habis pecah lari, maka Raden Kelang berdiri menghunus kerisnya, menantikan orang mengamuk itu. Maka orang itu pun datang, lalu bertikam dengan Raden Kelang; sama datang mata keris itu, maka keduanya kena dada, lalu sama mati; seorang rebah ke kanan dan seorang rebah ke kiri. Maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Mansur Syah, "Paduka anakanda sudah mangkat mengembari orang mengamuk." Maka baginda pun segera berangkat mendapatkan anakanda baginda; maka diarak baginda dibawa kembali ke istana. Maka ditanamkan seperti istiadat kerajaan; maka segala orang yang mengiringkan Raden Kelang itu, semuanya habis dibunuh

baginda, kerana tiada menyertai anakanda baginda itu, Setelah itu empat puluh hari baginda tiada nobat, bercintakan anakanda baginda itu. Setelah genap empat puluh hari maka Bendahara pun persembah nobat, maka baharulah baginda nobat.

Sebermula akan Paduka Mimat, anak Sultan Mansur Syah dengan Puteri Hang Liu, anak raja China itu pun sudah hilang; ada seorang lagi saudaranya anakanda baginda itu, bernama Paduka Seri China; dirajakan baginda di Jeram, harnpir Langat; ada lagi kotanya, dan orangnya di Jeram itu pun baik-baik bahasanya jika bertemu dengan orang.

A-217

Hatta berapa lamanya, datanglah peredaran dunia; maka Sultan Mansur pun geringlah. Setelah diketahui baginda dirinya akan mangkat, maka baginda pun menyuruh memanggil anakanda baginda, Raja Ahmad, timang-timangannya Raja Hussain; dan Bendahara Paduka Raja, dan segala Orang Besar-besar sekalian, datang berkampung. Maka titah Sultan Mansur Syah pada sekalian, mereka itu, "Ketahui olehmu sekalian, bahawa dunia ini telah lepaslah rasanya daripada genggamanku; melainkan negeri akhiratlah penghadapanku. Adapun pun petaruhkulah pada Bendahara dan segala Orang Kaya-kaya sekalian, anak kita Ahmad ialah ganti kita pada tuan-tuan sekalian. Jikalau barang sesuatu salahnya, hendaklah dimaafkan oleh tuan-tuan sekalian, kerana ia budak yang bebal, tiada tahu istiadat."

B-175

Setelah segala mereka mendengar titah Sultan Mansur Syah demikian itu, maka sekaliannya pun menangislah terlalu sangat. Maka sembah Bendahara Paduka Raja dan segala menteri hulubalang, Orang Kaya-kaya sekalian, "Ya tuanku, jangan apalah hati patik sekalian duli tuanku perbinasakan dengan hal yang demikian itu; bahawa patik sekalian ini adalah berkaul jika diafiatkan Allah Taala kiranya duli Yang Dipertuan daripada gering sekali ini, habislah segala harta yang di dalam khazanah patik, akan patik sekalian sedekahkan pada segala fakir miskin; tetapi barang dijaunkan Allah kiranya yang demikian itu, jikalau layu rumput dihalaman Yang Dipertuan, seperti tihan itulah patik sekalian kerjakan."

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka Sultan Mansur Syah pun memandang kepada anakanda baginda, Raja Ahmad; maka titah baginda, "Hei anakku, ketahui olehmu, bahawa dunia ini sekali-kali tiada kekal

A-218

adanya. Yang hidup itu sedia akan mati juga sudahnya; iman yang sempurna dan pekerti yang baik, itulah yang kekal disebut orang selama-lamanya, Adapun peninggalan aku ini, hei anakku, hendaklah engkau berbuat adil sangat-sangat, dan jangan engkau mengambil hak orang tiada sebenarnya. Makan *haqu'l-adam* terlalu besar dosanya, tiada diampuni Allah subhanahu wa taala; melainkan dengan izin yang empunya hak juga; dan jangan khali engkau keluar dihadap orang, kerana Hamba Allah sekaliannya banyak berserah kepadamu; jikalau kesukaran baginya, hendaklah segala yang kesakitan itu segera engkau tolong; jikalau teraniaya ia, hendaklah engkau periksa ia baik-baik, supaya di akhirat jangan diberatkan Allah atasmu, kerana sabda nabi, *salla 'llahu 'alaihi wa salam: Kullukum ra 'in wa kullukum mas'ulun 'an ra'iyatihi*, yakni segala kamu yang menggembala dunia lagi akan ditanyai daripada kebelaan kamu; ertinya segala raja-raja di akhirat lagi akan ditanyai Allah subhanahu wa taala daripada segala rakyat. Sebab dernikianlah, maka sebaiknyalah engkau berbuat adil dan saksama, supaya di sana jemah diringankan Allah Taala kira-kiramu; dan hendaklah engkau muafakat dengan segala menteri dan segala Orang Besar-besarmu, kerana raja itu, jikalau bagaimana sekalipun bijaksana dan tahunya, jikalau tiada muafakat dengan segala pegawai, di mana akan dapat ia melakukan bijaksananya itu? Dan tiada akan Seritosa kerajaannya; kerana raja-raja itu umpama api, segala menteri itu umpamanya kayu; kerana api itu tiada akan nyala, jikalau tiada kayu; seperti kata Farsi, *'Ar'ayatu juan bakhasta sultan khasad'*, yakni rakyat itu umpama akar, dan raja itu umpama pohon; jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri. Demikianlah raja itu dengan segala rakyatnya. Hei anakku, hendaklah engkau turut seperti amanatku ini; supaya beroleh berkat diberi Allah subha nahu wa taala, *bija hi nnabi salla 'llahu 'alaihi wa salam.*" Setelah Raja Hussain mendengar titah ayahanda baginda itu, maka baginda pun terlalulah sangat menangis.

B-176

A-219



Pemerintahan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELISARA 2008

Hatta selang beberapa hari, maka Sultan Mansur Syah pun mangkadah; berpindah dari negeri yang fana ke negeri yang baqa; *kalu innali'llahi wa inna ilaihi raji'un*. Maka dikerjakan

oranglah seperti adat raja-raja yang telah lalu; maka Raja Hussainlah kerajaan, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Adapun baginda itu terlalu perkasa, tiada berbagai pada zaman itu; akan baginda sudah beristeri sama raja, beranak dua orang lelaki, seorang bernama Raja Menawar, seorang lagi bernama Raja Zainal; dan dengan isteri baginda bernama Tun Naja, anak Seri Nara Diraja Tun Ali, saudara Seri Nara Diraja Tun Tahir, itu pun ada baginda beranak tiga orang; yang tuanya perempuan bernama Raja Hitam, yang Terigah lelaki bernama Raja Muhammad, dan yang bongsu pun perempuan juga bernama Raja Fatimah; tetapi akan Raja Muhammad itu, jauh mudanya daripada Raja Menawar, dan tua daripada Raja Zainal.

B-177

A-220

Adapun raja Pahang yang bernama Raja Ahmad, anak Sultan Pahang itu, beristerikan anak Bendahara Seri Amar Diraja, beranak seorang lelaki bernama Raja Mansur; dan yang bernama Sultan Muhammad Syah itu pun beranak tiga orang lelaki, seorang perempuan; seorang bernama Raja Jamal, seorang bernama Raja Muzaffar, seorang bernama Raja Ahmad. Maka oleh Sultan Alau'd-Din Riayat Syah, anakanda baginda yang bernama Raja Fatimah itu, didudukkan baginda dengan anak raja Pahang, yang bernama Raja Ahmad itu. Setelah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah kerajaan itu, maka Raja Ahmad pun pergi ke Pahang, mendapatkan kakanda baginda. Maka baginda beristerikan cucu Iskandar Syah, raja Kelantan, beranak seorang perempuan bernama Raja Wati.

Sebermula maka tersebutlah dalam Melaka pencuri terlalu buas, orang kehilangan pun tiada berhenti lagi Sentiasa malam. Setelah Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mendengar pencuri . terlalu ganas itu, maka baginda pun terlalu masyghul, setelah hari malam, maka baginda pun memakai cara pakaian si pencuri. Maka baginda berjalan menyamar, tiada membawa teman; hanya Hang Isap dibawa baginda berserta pergi itu.

ديوان بهاس دان قوستاک

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Putra Jaya

Maka Sultan Alau'd-Din Riayat Syah pun berjalanlah tiga orang dengan penjawat sirih santap baginda, berkeliling negeri Melaka itu, hendak melihat hal negeri itu. Setelah datang pada suatu tempat, maka baginda bertemu dengan pencuri lima orang; mengusung satu candu-peti dua orang, dan yang tiga orang lagi mengiringkan dia. Maka segera diusir baginda pencuri itu, setelah Hampir, maka pencuri itu pun terkejut,

A-221

B-178

lalu lari kelima-limanya; maka peti itu pun dicarupakkannya. Maka titah Sultan Alau'd-Din pada Hang Ishak, "Tunggu olehmu peti ini." Maka sembah Hang Ishak, "Baiklah tuanku."

Maka Sultan Alau'd-Din dengan Hang Isap pun pergilah mengikut pencuri lima orang itu, maka segala pencuri itu pun lari ke atas Bukit Melaka, maka diikuti baginda ke atas bukit, bertemu di negara bukit itu; maka Sultan Alau'd-Din pun bertempik, lalu diparang baginda seorang, kena pinggangnya putus seperti mentimun, penggal dua. Maka yang empat orang itu lari ke jambatan, diperturut oleh baginda; datang ke bawah bodi, maka keempatnya berbalik menghadapi Sultan, Alau'd-Din. Maka dibunuh baginda pula seorang lagi, maka yang tiga orang itu lari. Setelah datang ke hujung jambatan, dibunuh oleh Hang Isap seorang; yang dua orang lagi itu terjun ke air, lalu berenang ke seberang. Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din pun berjalanlah kembali mendapatkan Hang Ishak. Maka titah baginda pada Hang Ishak dan Hang Isap, "Bawa peti ini ke rumahmu;" maka sembah Hang Isap, "Baiklah tuanku." Maka Sultan Alau'd-Din pun kembalilah ke istana baginda.

Langkah Membasmi Pencuri

A-222

Setelah hari siang, maka Sultan Alau'd-Din pun keluarlah semayam dihadap orang. Maka Bendahara dan segala Orang Besar-besar, para menteri, sida-sida, bentara, hulubalang sekaliannya hadir mengadap baginda. Maka titah Sultan Alau'd-Din pada Seri Maharaja, kerana ia Temenggung, "Adakah kawal semalam?" Maka sembah Seri Maharaja, "Ada tuanku." Maka titah baginda, "Kita dengar ada orang mati dibunuh orang; di atas bukit seorang, di bawah bodi seorang, dan di hujung jambatan seorang; jikalau demikian, orang yang mati itu Seri Maharajakah membunuh dia?" Maka sembah Seri Maharaja, "Tidak patik tahu tuanku." Maka titah Sultan Alau'd-Din, "Sia-sialah kawal Seri Maharaja; orang mati tiga orang tiada diketahui. Sekarang kita dengar pencuri terlalu ganas dalam negeri ini."

B-179

Setelah itu maka Sultan Alau 'd-Din pun menitahkan orang memanggil Hang Ishak dan Hang Isap, suruh bawa peti itu, Maka kedua mereka itu pun datanglah membawa candu-peti.

Maka titah Sultan Alau'd-Din pada Hang Ishak dan Hang Isap, "Apa ada pendengaranmu semalam? Khabarkan kepada Bendahara dan segala Orang Besar-besar ini." Maka Hang Ishak dan Hang Isap pun berkhabarlah akan segala perihal semalam itu, semuanya dikatakannya kepada Bendahara dan segala Orang Besar-besar yang mengadap itu. Demi mendengar kata Hang Isap itu, semuanya menyembah kepada Sultan Alau'dDin dengan takutnya, sekaliannya - menundukkan kepala. Maka disuruh oleh baginda tafahus orang yang empunya peti itu. Ada seorang saudagar, Ki Tarambulum namanya, ialah yang empunya peti itu; ialah kehilangan pada malam itu. Maka disuruh oleh Sultan Alau'd-Din kembalikan peti itu pada Ki Tarambulum; maka beberapa puji dan doanya akan Sultan Alau'd-Din. Maka baginda pun berangkat masuk; dan segala khalayak yang mengadap itu pun kembalilah masing-masing ke rumahnya.

A-223

Semenjak itu maka kawal Seri Maharaja pun terlalu keras. Jika bertemu dengan orang berjalan dibunuhnya, tiada ditangkapnya lagi. Pada suatu malam Seri Maharaja berkawal, bertemu dengan seorang pencuri; maka diparang oleh Seri Maharaja dengan pedang bertupai, putus bahunya; maka tersampai pada alang kedai itu. Telah hari siang maka perempuan yang punya kedai itu pun hendak membuka kedai, maka dilihatnya lengan orang tersampai pada alang kedainya itu; maka ia pun terkejut, lalu menjerit. Maka daripada hari itulah datang kepada akhirnya, tiada pencuri lagi dalam negeri Melaka. Maka titah Sultan Alau'd-Din kepada Bendahara Paduka Raja, menyuruh membuat balai di sirupang empat di Terigah negeri, disuruh bubuh seorang penghulu diam di sana. Maka titah baginda pada Seri Maharaja: Jikalau orang mendapat harta orang, jika tiada dipulangkannya pada yang empunya, disuruh baginda kudung tangannya, jikalau tiada bertemu dengan yang empunya harta, ke balai itulah dihantarkan. Maka di dalam negeri Melaka itu, jikalau harta orang gugur dijalan atau di pekan, maka dicarinyalah ke balai itu; dan apakala didapati pula oleh orang, maka adalah tergantung di balai itu; demikianlah periadil Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u, wa'l ma'ab.*

B-180

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Akibat Salam Dibacakan Sembah

A-224 Alkisah maka tersebutlah perkataan Haru, Maharaja Diraja nama rajanya, anak Sultan Sujak, yang turun daripada: batu hulu dikata hilir, hilir dikata hulu. Maka Maharaja Diraja mengutus ke Pasai; Raja Pahlawan namanya yang diutuskan baginda itu. Setelah datang ke Pasai, maka surat itu diaraklah ke dalam. Telah datang ke dalam balai, maka disambut oleh ben tara, diberikan pada orang yang membaca dia; maka dibuka lalu dibacanya.

Adapun di dalam surat itu, "Salam paduka kakanda." Maka oleh khatib itu, "Paduka kakanda empunya sembah, datang kepada paduka adinda." Maka kata Raja Pahlawan, "Lain surat lain dibaca; salam dikata sembah." Maka oleh khatib itu dibacanya "sembah" juga. Maka berkata pula Raja Pahlawan, "Ah, lain surat, lain dibaca; remak mati di tanah Pasai, jangan mati di tanah Haru. Jika demikian anjing Pasai pun tahu akan sebuah sepatah." Maka dibaca juga oleh khatib Pasai itu "sembah". Maka Raja Pahlawan pun terlalu marah; maka diamuknya segala orang di balai itu, banyak matinya. Maka orang pun geruparlah, maka oleh orang Pasai, Raja Pahlawan dibunuhnya, dan segala temannya itu habis dibunuhnya. Maka barang orang Haru yang tinggal itu kembalilah ke Haru, memberitahu rajanya. Maka Maharaja Diraja pun terlalu marah, maka disuruhnya serang Pasai; sebab itulah maka Haru berkelahi dengan Pasai.

A-225 Hatta setelah berapa lama antaranya, maka Maharaja Diraja pun menitahkan hulubalangnya yang bernama Seri Indera, merosakkan segala jajahan Pasai, lalu ke jajahan Melaka. Adapun pada zaman itu dari Jugra datang ke Tanjung Puan, tiada berputusan rumah orang, maka itulah yang dirosakkan oleh orang Haru.



Setelah didengar oleh Sultan Alau'd-Din, maka baginda menitahkan Paduka Tuan, anak Bendahara Paduka Raja, dan Laksamana Hang Tuan, dan Seri Bija Diraja, dan segala hulubalang memairi kelengkapan orang Haru itu. Maka Paduka Tuan dan segala hulubalang itu pun pergilah. Setelah kelengkapan Melaka sampai had Pulau Arang, maka bertemulah dengan kelengkapan Haru, lalu berperang, berlanggar-langgaran, terlalu azamat bunyinya perang itu, seperti akan kiamat

lakunya; tetapi kelengkapan Haru tiga ratus banyaknya, kelengkapan Melaka hanya seratus. Pada sebuah perahu Melaka, dua tiga buah perahu Haru. Maka perahu Seri Bija Diraja dan perahu Laksamana, empat lima buah perahu Haru melanggar dia; rupa Senjata seperti hujan. Maka rakyat di perahu Seri Bija Diraja pun habis terjun. Pada ketika itu Tun Isap Berakah di perahu Seri Bija Diraja, maka perahu Seri Bija Diraja pun alah; sekerat haluannya sudah dinaiki oleh segala orang Haru, melainkan Seri Bija Diraja dengan Tun Isap Berakah juga yang lagi terdiri; yang lain semuanya habis terjun.

Maka kata Tun Isap pada Seri Bija Diraja, "Orang Kaya, mari kita amuk orang Haru ini." Maka kata Seri Bija Diraja, "Sabar dahulu." Maka segala orang Haru pun datanglah ke pitak agung haluan. Maka kata Tun Isap, "Orang Kaya, mari kita amuk orang Haru ini." Maka sahut Seri Bija Diraja, "Belum lagi ketikanya." Maka orang Haru pun datang ke tiang agung; maka kata Tun Isap Berakah, "Orang Kaya, marilah kita amuk orang Haru ini, apa juga dinantikan?" Maka sahut Seri Bija Diraja, "Sabar juga dahulu encik, belum datang pada ketikanya." Maka orang Haru pun datanglah, lalu ke sebelah timbun. Maka Seri Bija Diraja pun masuk ke dalam kurung; maka kata Tun Isap Berakah, "Kusangka berani Seri Bija Diraja ini maka aku mau naik ke perahunya; jika ku tahu akan dia penakut, baiklah aku naik perahu Laksamana."

A-226

B-182

Maka orang Haru pun datanglah hampir ke muka pekajangan, maka Seri Bija Diraja pun keluarlah dari kurung seraya katanya pada Tun Isap, "Encik, telah datanglah ketikanya, marilah kita amuk;" maka kata Tun Isap, "Baiklah." Maka Seri Bija Diraja dan Tun Isap pun mengamuklah, segala orang Haru terlalu banyak matinya, habis berhamburan terjun lari ke air, yang setengahnya lari ke perahunya sendiri. Akan Laksamana demikian juga, banyak perahu orang Haru tenggelam dilanggarnya; maka kelengkapan Haru pun undurlah lari, lalu diperikut oleh Seri Bija Diraja dan Laksamana, barang yang dapat dinaikinya segala perahu orang Haru itu alah. Maka segala rakyat yang mana terjun itu pun naiklah melanggar kelengkapan Haru, hingga banyak yang terbunuh, tinggal sebahagian juga lagi. Maka kelengkapan Haru pun patahlah, lalu lari menuju negerinya. Maka diperikut oleh orang Melaka; barang yang terpercil habis dialhkannya. Maka segala orang

A-227 Haru pun larilah mengadap rajanya, persembahkan perihalnya itu.

Mia Ruzul Dengan Kambing Randuk

B-183 Setelah Maharaja Diraja mendengar kelengkapannya alah oleh orang Melaka itu, maka Maharaja Diraja pun terlalu marah; maka ia bertempik, katanya, "Jikalau aku di atas gajahku Binudan ini, Melaka se-Melakanya, Pasai se-Pasainya, jangan juga kudrat Allah melintang; kulanggar kota Melaka dengan gajahku Binudan ini." Maka disuruhnya keluar pula orang Melaka sekali lagi, maka segala orang Haru pun keluarlah. Adapun segala kelengkapan Melaka pun telah datanglah ke pangkalan Dungun, berhenti di sana. Maka segala orang Melaka pun naiklah ke darat hendak buang air. Maka ada seorang Keling, Mia Ruzul namanya, Keling Melaka, mengikut pergi. Maka ia pun naik juga, hendak buang air. Bam ia berTeriggek di batang, maka ia memandang ke darat arah semak-semak; maka terpandang ia kepada kambing randuk makan, sekalisekali kelihatan mukanya, Pada pendapat Mia Ruzul "Orang Haru tua rupanya, hendak mengintai aku ini,"

A-228 Maka Mia Ruzul pun bangkit, lari tunggang-langgang, jatuh terjerurnus, bangkit lari pula mengusir orang banyak. Maka sekalian orang pun terkejut masing-masing memegang Senjata, gerupar melihat Mia Ruzul terlari-lari itu. Maka kata semua orang itu, "Mengapa Mia Ruzul ini?" Maka kata Mia Ruzul sambil terhungap-hungap, "Kita tumu Haru tua, kita hudap dia zughul, kit a zughul dia hudap." Kata orang itu, "Di mana ia?" Maka sahut Mia Ruzul, "Syana tuan." Maka segala orang itu pun pergilah ke tempat itu; maka dipandang orang iaitu kambing randuk makan rumput. Maka orang itu pun semuanya suka tertawa, seraya berkata, "Cis Mia Ruzul, habis kita kena pedayanya." Maka sekaliannya pun turunlah ke perahu; itulah diperbuat orang pelabun datang sekarang, "Cis Mia Ruzul, kita hudap dia zughul, kita zughul dia hudap."

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Arkian maka kelengkapan Haru pun datang, bertemu dengan kelengkapan Melaka lalu berperang, tiada sangka bunyinya lagi. Maka rupa anak panah dan damak sumpitan seperti rnanik hujan yang lebat. Maka oleh orang Melaka dilanggarnya sekali-sekali, dicurahnya dengan batu dan seligi; maka kelengkapan Haru pun banyaklah alah, barang yang tinggal habis

lari, mudik ke hulu, kepada rajanya. Maka Maharaja Diraja pun menyurung damai kepada Paduka Tuan; maka kabullah Paduka Tuan. Maka oleh orang Haru diperbuatnya balai di pangkalan Dungun.

Setelah sudah, Maharaja Diraja menyuruhkan Raja Serba Nyaman, dan Raja Jengur, dan Raja Sembuh, dan segala kejarun Haru, sekaliannya berkampung kepada Paduka Tuan. Maka Paduka Tuan dan segala Orang Besar-besar, hulubalang Melaka pun naiklah ke darat. Maka pihak Melaka dan Haru pun duduklah di balai itu berkata-kata. Sedang temasya berkata-kata, maka balai itu pun roboh. Maka segala orang Melaka dan orang Haru pun terkejut, habis berdiri sekaliannya menghunus Senjata, melainkan Seri Bija Diraja juga berdekat dengan Laksamana yang tiada bergerak daripada tempatnya duduk itu, hib pun ia tiada; duduk sambil ia mengupam kerisnya. Maka kata orang Haru akan Seri Bija Diraja, "Dia ini sungguh kecil, timbangan lada Pidir." Maka duduklah sekaliannya berkata-kata pula.

B-184

A-229

Maka Maharaja Diraja pun berkirim surat ke Melaka. Setelah itu maka Paduka Tuan pun kembalilah bersama-sama dengan segala Orang Besar-besar dan hulubalang sekalian. Telah berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Melaka. Maka Paduka Tuan dengan sekalian hulubalang pun masuklah mengadap Sultan Alau'd-Din Riayat Syah; maka baginda pun terlalu sukacita oleh mendengar peperangan baginda jaya itu. Maka baginda pun memberi persalin, dianugerahkan pada Bendahara, dan akan Paduka Tuan, dan Laksamana, dan Seri Bija Diraja, dan segala hulubalang yang pergi itu, sekaliannya dipersalin baginda.

Hatta berapa lama antaranya, maka Seri Bija Diraja pun matilah. Ada anaknya lelaki dua orang, seorang perempuan, Tun Cendera Panjang disebut orang; yang lelaki itu seorang bernama Tun Kerunta, bergelar Seri Bija Diraja menggantikan pekerjaan ayahnya, seorang lagi lelaki bergelar Tun Bija Diraja, ialah beranakkan Sang Setia. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u wa 'l-ma 'ab.*

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia
HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Ketiganya Sama Gagah

Alkisah maka tersebu dah perkataan raja Maluku, negerinya dialahkan oleh Kastilan; maka raja Maluku pun lari ke Melaka.

A-230

B-185 Pada ketika itu Raja Rekan dan Telanai Terengganu pun ada di Melaka mengadap Sultan Alau'd-Din. Maka raja Maluku dipersalin oleh Sultan Alau'd-Din dengan pakaian anak raja-raja, dan dianugerahi dengan sepertinya. Adapun raja Maluku itu terlalu pandai bersepak raga. Maka segala anak tuan-tuan yang muda-muda pun bermainlah sepak raga dengan raja Maluku, dan raja Malukulah menjadi ibu. Setelah raga itu datang kepadanya, maka disepakinya raga itu seratus kali, dua ratus kali, maka baharulah diberikannya pada orang lain; maka pada barang siapa hendak diberikannya itu ditunjukkannya, tiada salah lagi. Setelah itu maka ia duduk di atas kerusi berhentikan lelahnya, dikipas orang dulu. Maka segala orang muda-muda itu bersepaklah, serta datang raga itu kepada raja Maluku maka disepakinya, berpenanak nasi raga itu di atas, tiada turun lagi, melainkan apabila hendak diberikannya pada orang lain; demikianlah peritahunya raja Maluku itu bersepak raga, dapat dibawanya naik tangga.

A-231 Syahadan akan raja Maluku itu terlalu gagah; jika nyiur duduk umbi, ditetaknya dengan beladau, putus; dan akan Telanai Terengganu pun kuat juga. Jika nyiur duduk umbi, ditikamnya dengan lembing, terus menyebelah. Akan Sultan Alau'd-Din pun perkasa; jika nyiur duduk umbi dipanah baginda terbayang ke sebelah, Maka Sultan Alau'd-Din terlalu kumia akan raja Maluku dan Telanai Terengganu. Maka ketiganya berjanji akan mengambil Maluku dari tangan Kastilan.

Pada suatu hari raja Maluku meminjam kuda pada Maulana Yusuf, itulah dibuat orang nyanyian:

Raja Maluku meminjam kuda,

Meminjam kuda pada Maulana,

Tuanku nyawa orang muda,

Arif bertambah bijaksana.



ديوان بهاس دان فوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

B-186 Setelah berapa lamanya di Melaka, maka raja Maluku dan Telanai Terengganu pun bermohonlah pada Sultan Alau'd-Din, masing-masing kembali ke negerinya. Maka kedengaranlah kepada Sultan Muhammad Syah, raja Pahang, bahawa Telanai Terengganu mengadap ke Melaka, tiada memberitahu baginda. Maka Sultan Muhammad Syah pun terlalu murka, maka baginda menitahkan Seri Akar Raja ke Terengganu membunuh Telanai. Setelah Seri Akar Raja datang ke Terengganu, maka

disuruhnya panggil Telanai, maka Telanai tiada mau datang, katanya, "Adakah adat hulubalang dipanggil oleh samanya hulubalang?" Maka oleh Seri Akar Raja disuruhnya datangi Telanai, disuruhnya bunuh. Setelah Telanai mati maka Seri Akar Raja pun kembalilah ke Pahang. Maka oleh Sultan Muhammad, Terengganu itu diserahkan baginda pada Seri Akar Raja, turun-temurun ke anak cucu Seri Akar Raja juga memegang dia.

Maka sembah Bendahara Pahang pada Sultan Muhammad, "Salah pekerjaan kita membunuh Telanai ini; tiada dapat tiada marah paduka adinda di Melaka." Maka titah Sultan Muhammad, "Apatah ditakutkan pada raja Melaka; kerana aku dekat patut kerajaan di Melaka itu, kerana aku tua daripada Ahmad, lagipun aku sudah hendak dirajakan oleh paduka marhum di Melaka. Berleengkaplah Bendahara dan Orang Kaya-kaya sekalian, aku hendak mengambil kerajaan Melaka daripada Raja Ahmad." Tatkala itu Sultan Muhammad di atas gajah kenaikan baginda yang bernama Geniang itu; maka titah baginda, "Lihatlah kelak, jikalau tiada aku langgar balairung Melaka dengan gajahku ini, begini kelak..." Maka dicubakan baginda gajah itu, dilanggarkan baginda pada balairung Sendiri; maka titah Sultan Muhammad, "Demikianlah kelak balairung Melaka kulanggar." Maka sekalian Orang Besar-besar Pahang pun diam, tiada berbunyi, melihat kelakuan Sultan Muhammad murka itu.

A-232

Adapun segala anak cucu Telanai Terengganu semuanya lari ke Melaka, maka dipersembahkanlah ke bawah duli Sultan Alau'd-Din, "Bahawa Telanai telah dibunuh Sultan Muhammad, sebab mengadap ke Melaka. Seri Akar Raja yang datang membunuh;" dan peri raja Pahang hendak melanggar balairung Melaka, akan merebut kerajaan baginda itu, semuanya dipersembahkan. Maka Sultan Alau'd-Din pun terlalu murka; titah baginda, "Raja Pahang hendak menunjukkan makanya kepada kita. Baiklah kita suruh serang negerinya." Maka baginda menyuruh berleengkap hendak menyerang Pahang. Maka sembah Bendahara Paduka Raja, "Ampun tuanku, beribu-ribu ampun di atas batu kepala patik, pada bicara patik, hamba tua ini, jangan taajal kita membinasakan Pahang itu; barang suatu hal paduka kakanda, tuankulah yang rugi. Baik patik itu dilaksanakan kita utuskan ke Pahang." Maka titah Sultan

B-187

A-233

Alau'd-Din, "Baiklah, yang mana kata Bendahara kita turut." Maka ada cucu Telanai Terengganu tiga orang lelaki; disuruh Sultan Alau'd-Din peliharakan baik-baik kanak-kanak itu. Megat Sulaiman seorang namanya; Megat Hamzah seorang namanya; dan lagi seorang Megat Omar namanya, Maka Laksamana pun berlengkaplah; setelah sudah mustaed, maka surat pun diarak oranglah ke perahu. Setelah itu maka Laksamana pun pergilah.

Gema Pembunuhan Telanai Terengganu

A-234
B-188

Berapa lama antaranya di jalan, maka sampailah ke Pahang, lalu mudik ke negeri. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Muhammad, "Bahawa Laksamana datang, dititahkan paduka adinda dari Melaka mengadap tuanku." Maka baginda pun keluarlah dihadap segala hulubalang Pahang. Maka disuruh baginda jemput surat dari Melaka itu. Seri Pikrama Raja, Penghulu Bendahari Pahang, dititahkan baginda menjemput surat itu. Setelah datang ke perahu Laksamana, maka surat pun disambut orang, dibawa ke darat bersama-sama dengan Laksamana, Maka surat itu pun dibawa naik ke atas gajah, lalu diarak dengan gendang, serunai, nafiri, nagara, di bawah payung putih berapit dua. Maka Laksamana pun berpesan pada seorang orangnya, "Jikalau surat sudah dibaca, hendaklah engkau bunuh seorang keluarga Seri Akar Raja." Maka kata orang itu, "Baiklah". Maka surat pun sampailah ke dalam. Segala orang yang mengadap Sultan Muhammad itu sekaliannya turun dari atas balai, melainkan Sultan Pahang juga tinggal seorangnya. Maka gajah pun dikepilkan di balai, surat pun disambut oleh bentara, lalu dibaca oleh khatib, demikian bunyinya, "Salam doa paduka adinda datang kepada kakanda," maka kata-kata yang lain pula.

Setelah surat sudah dibaca, maka segala orang pun naiklah duduk, masing-masing pada tempatnya. Maka Laksamana pun menjunjung duli, lalu duduk; sesaat duduk berkata-kata, maka bunyi orang gerupar di luar. Maka Sultan Pahang pun bertanya, "Apa gerupar itu?" maka sembah orang yang baru masuk itu, "Tuanku, orang Laksamana konon membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja." Maka titah Sultan Muhammad Syah pada Laksamana, "Orang tuan konon membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja; baik tuan periksa," Adalah

adat raja Pahang, memanggil Orang Kaya-kaya Melaka "tuan".

Maka Laksamana pun menyuruh membawa orang itu masuk dengan ikatnya. Setelah datang maka kata Laksamana, "Sungguhkah tuan hamba membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja?" Maka sahut orang itu, "Sungguh tuanku." Maka sembah Laksamana pada Sultan Pahang, "Sungguhlah patik ini membunuh saudara sepupu Seri Akar Raja, tetapi tiada patik beri dipengapa-ngapakan kerana salah Seri Akar Raja pun ada ke bawah duli paduka adinda di Melaka, oleh membunuh Telanai Terengganu, tiada memberitahu ke Melaka." Maka Sultan Muhammad Syah pun tersenyum; titah baginda, "Adapun Telanai Terengganu kita suruh bunuh itu, sebab biadab mulutnya, mengatakan negeri Melaka itu di bawah kelangkangannya. Adapun saudara sepupu Seri Akar Raja yang mati itu, mana bicara Laksamana dengan Seri Akar Raja; kerana ia pun bukan orang lain pada Laksamana."

A-235

Maka Laksamana dan Seri Akar Raja pun bermohonlah pergi menanamkan saudara sepupunya itu, Maka Sultan Pahang pun berangkatlah masuk. Maka segala yang mengadap itu masing-masing kembalilah ke rumahnya. Laksamana pun turunlah ke perahunya. Selang beberapa hari Laksamana di Pahang, maka Laksamana pun bermohon kepada Sultan Muhammad Syah, hendak kembali ke Melaka. Maka Sultan Pahang pun memberi surat dan memberi persalin akan Laksamana. Maka surat pun diarak orang ke perahu Laksamana. Setelah datang ke perahu, maka yang menghantar surat itu pun pulanglah. Maka Laksamana pun hilirlah lalu belayar. Berapa hari di jalan, maka sampailah ke Melaka. Surat itu pun diarak serta disambut, lalu dibaca. Setelah sudah, Laksamana pun naik menjunjung duli Sultan Alau'd-Din; lalu duduk mengadap, persembahkan segala hal-ehwalnya tatkala di Pahang itu. Maka terlalulah sukacita Sultan Alau'd-Din; beberapa puji baginda akan Laksamana, serta dianugerahi baginda persalin seperti pakaian anak raja-raja. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi 'l-marji 'u wa 'l-ma'ad.*

B-189

A-236

IX

Membunuh Tanpa Memberitahu ke Melaka

ALKISAH maka tersebutlah perkataan Sultan Ibrahim, raja Siak. Ada seorang salah pada baginda, maka disuruh baginda bunuh pada Tun Jana Pakibul. Maka kedengaran ke Melaka, raja Siak membunuh orang tiada memberitahu ke Melaka. Maka Sultan Alau'd-Din menitahkan Laksamana ke Siak. Setelah sampai, maka oleh Sultan Ibrahim disuruh jemput surat dari Melaka itu, seperti ad at Sultan Pahang menjemput surat dari Melaka. Maka gajah dikepilkan di balairung, maka Sultan Ibrahim berdiri di atas balai, lalu surat pun disambut oranglah; maka Sultan Ibrahim pun duduk, dan surat pun dibaca orang.

B-190

Setelah sudah surat dibaca, maka segala orang pun naiklah duduk. Maka Laksamana pun berkata pada Tun Jana Pakibul, Perdana Menteri Siak, "Sungguhkah tuan Hamba membunuh Tun anu itu?" maka sahut Tun Jana Pakibul, "Oleh dengan titah, maka hamba berani; kerana ia derhaka ke bawah duli Yang Dipertuan." Maka Laksamana mengadap kepada Tun Jana Pakibul, mengiring kepada Sultan Ibrahim; oleh Laksamana ditunjuknya Tun Jana Pakibul dengan tangan kirinya, katanya, "Tiada berbudi tuan hamba, sungguhlah tuan hamba orang hutan, maka tiada tahu akan istiadat dan cara bahasa. Benarkah membunuh orang tiada memberitahu ke Melaka? Hendak maharajalelakah tuan hamba di Siak ini?" Maka Sultan Ibrahim dan segala Orang Besar-besar semuanya dram, tiada menyahut kata Laksamana Hang Tuah itu.

A-237



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Setelah Laksamana sudah berkata itu, lalu ia menyembah pada Sultan Ibrahim. Maka Sultan Ibrahim memberi persalin akan Laksamana Hang Tuah. Maka Laksamana pun bermohonlah pada Sultan Ibrahim akan kembali ke Melaka. Maka Sultan Ibrahim pun persembah surat ke Melaka, demikian bunyinya: "Paduka kakanda empunya sembah, datang kepada paduka adinda, melainkan ampun paduka adinda juga diperbanyak akan paduka kakanda." Maka surat pun diarak oranglah ke perahu. Maka Laksamana pun kembalilah ke Melaka.

Setelah datang ke Melaka, maka surat pun diarak bergajah, payung satu kuning, satu ungu. Telah datang ke pintu luar, maka gajah diderumkan di sana, gendang, payung semuanya tinggal di luar; surat pun dibawa oranglah masuk ke dalam dibaca oleh khatib. Setelah sudah dibaca surat itu, maka Laksamana pun menjunjung duli, lalu duduk pada tempatnya sediakala. Maka Sultan Alau'd-Din pun bertanya pada Laksamana. Maka oleh Laksamana segala hal ehwalnya di Siak itu, semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Alau'd-Din; baginda pun terlalu sukacita dan memberi persalin akan Laksamana dengan sepertinya. Demikianlah istiadat dahulukala, jangankan di dalam negeri Melaka itu akan dapat membunuh tiada dengan setahu raja, jika pada negeri lain sekali pun, lamun takluk Melaka, tiada dapat membunuh.

B-191
A-238

Arkian maka Raja Menawar, anak Sultan Alau'd-Din pun besarlah, maka oleh Sultan Alau'd-Din anakanda baginda itu dirajakan di Kampar, dinobatkan dahulu di Melaka. Segala hulubalang dan para menteri semuanya turun mengadap nobat. Setelah sudah dinobatkan disuruh hantar pada Seri Nara Diraja ke Kampar, bergelar Sultan Menawar Syah; Seri Nara Diraja pun pergilah membawa Sultan Menawar Syah ke Kampar, setelah sampai maka Sultan Menawar Syah pun dirajakan oleh Seri Nara Diraja di Kampar. Telah sudah, maka Seri Nara Diraja pun kembalilah ke Melaka mengadap Sultan Alau'd-Din Riayat Syah,

Hatta berapa lamanya, datanglah pada perutusan, maka Sultan Alau'd-Din pun geringlah. Maka baginda menyuruh memanggil anakanda baginda, Raja Mamad, dan Bendahara Paduka Raja dan sekalian Orang Besar-besar datang berkampung mengadap baginda. Maka Sultan Alau'd-

- A-239** Din pun minta sandari pada dayang-dayang; maka dipanggil baginda hampir daripada antara orang itu enam orang; pertama Bendahara Paduka Raja, kedua Kadi, ketiga Paduka Tuan, keempat Seri Nara Diraja, kelima Temenggung, keenam Laksamana Hang Tuah. Maka hampirlah orang keenam itu, tujuh dengan anakanda baginda, Raja Mamad. Maka titah baginda, "Ketahui oleh segala tuan-tuan sekalian, bahawa umur kita telah pautlah, ajal kita pun hampirlah rasanya. Adapun jikalau sudah kita mati, bahawa anak kita Si Mamadlah rajakan oleh Bendahara dengan segala Orang Kaya-kaya sekalian akan ganti kita; hendaklah sangat-sangat pelihara kamu akan dia, kerana ia kanak-kanak. Seperti mana kasih tuan-tuan semua akan kita, demikianlah kasih tuan hamba sekalian akan dia; jikalau barang suatu khilaf bebalnya, sangat-sangat maaf tuantuan sekalian dan tegur ajari dia; tuan hamba tilik kepada kanak-kanaknya."
- B-192**

Setelah segala mereka itu mendengar titah Sultan Alau'd-Din demikian itu, maka cucurlah air mata mereka itu, tiada berasa lagi. Maka sekaliannya berdatang sembah dengan tangisnya, "Ya tuanku, barang dilanjutkan Allah Taala kiranya Yang Dipertuan, kerana patik sekalian belum lagi puas diperHamba Yang Dipertuan; tetapi jauhkan Allah, kiranya yang demikian itu, jika layu bunga di genggam Yang Dipertuan, sedia seperti titah itulah patik sekalian kerjakan; kerana patik semua tiada mau menyembah raja-raja lain daripada anak cucu tuanku."

Pemerintahan Sultan Mahmud Syah

- A-240** Maka Sultan Alau'd-Din pun terlalu sukacita mendengar sembah segala mereka itu. Maka baginda memandang kepada muka anakanda baginda, Raja Mamad, maka titah baginda, "Hei anakku, adapun engkau hendaklah banyak-banyak sabar, dan ampunmu akan segala hamba sahayamu, dan baik-baik memelihara akan dia; kerana firman Allah Taala *Inna 'lahu ma'as sabirin*, yakni bahawa Allah Taala serta pada segala yang sabar, Dan jikalau datang kepada dua pekerjaan, suatu pekerjaan Allah, dan suatu pekerjaan dunia, maka dahulukan olehmu pekerjaan Allah daripada pekerjaan dunia. Hendaklah engkau sangat-sangat menyerahkan dirimu kepada hadrat Allah Taala yang akan memelihara akan kamu, kerana *wa man*

yatawakkal 'ala'llah, Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi dia, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu ketanahanmu, seperti kata Arab *Al-'abdi tinu'lmaulahu*, yang hamba itu tanah tuhan. Jikalau engkau bunuh ia tiada dengan dosanya, bahawa kerajaanmu binasa. Hei anakku, hendaklah engkau turut dan engkau ingatkan wasiatku ini, dan kau kerjakan, supaya berkat diberi Allah subha nahu wa taala." Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din pun mangkat; maka ditanamkan oranglah seperti adat. Setelah baginda kembali ke rahmat Allah, *kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un*; maka anakanda baginda Raja Mamadlah kerajaan menggantikan kerajaan ayahanda baginda. Gelar baginda di atas kerajaan Sultan Mahmud Syah.

B-193

Arkian tiada berapa lama baginda kerajaan, ada seorang orang salah dibawa mengadap kerajaan baginda, salahnya pun tiada apa bahananya; maka oleh Seri Maharaja disuruhnya bunuh, maka dibunuh oranglah. Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Hei, lihatlah Seri Maharaja! Anak harimau diajarnya makan daging. Dia kelak ditangkapnya." Hatta maka Seri Bija Diraja pun datanglah dari Singapura. Maka Bendahara Paduka Raja berkata pada Seri Bija Diraja, "Orang Kaya, Yang Dipertuanlah amanat marhum akan ganti baginda kerajaan." Maka sahut Seri Bija Diraja, "Beta tiada mendengar amanat marhum." Setelah didengar Sultan Mahmud Syah kata Seri Bija Diraja itu, maka baginda diam, Pada hati baginda, "Tiada suka Seri Bija Diraja bertuankan aku." Maka baginda berdendam akan Seri Bija Diraja.

A-241

Hatta betapa lama selangnya, dengan takdir Allah Taala, maka Sultan Mahmud Syah pun geringlah, sakit buang air, pada sehari dua tiga belas kali buang air. Maka Bendahara Paduka Raja dan Laksamana Hang Tuan pun sudah bercerai dengan baginda. Jikalau akan santap, Bendahara Paduka Raja menyuap, dan jikalau buang air Laksamana membasuh; pada sehari dua tiga puluh kali Laksamana membasuh baginda, dan Bendahara Paduka Raja pun dua tiga belas kali menyuap baginda pada sehari, demikianlah hal Bendahara dengan Laksamana memelihara Sultan Mahmud Syah, tidak diberinya yang lain. Nasi santapan baginda itu Bendahara Paduka Raja membasuh beras, Laksamana Hang Tuah menanak dia, Berapa

A-242

lamanya Sultan Mahmud Syah gering itu, adalah baik sedikit, boleh santap Sendiri,* dan boleh beradu. Maka baginda pun santap nasi sesuap, lalu bentan; nyaris lepas dari tangan. Maka Bendahara Paduka Raja dan Laksamana Hang Tuah pun diberi orang tahu; maka keduanya segera datang, duduk Hampir baginda, kerana baginda telah sabur, diratapi orang. Maka dilarang oleh Bendahara Paduka Raja orang meratap itu,

Setelah terdengar kepada bonda Sultan Alau'd-Din akan Sultan Mahmud Syah gering sangat, dan telah diratapi orang itu, maka baginda pun datang. Adapun bonda Sultan Alau'd-Din ninda Sultan Mahmud Syah itu, disebut orang Raja Tua; akan baginda itu kasih akan cunda baginda, Sultan Menawar yang di Kampar itu daripada cunda baginda Sultan Mahmud Syah. Fikimya, "Serta aku datang, aku tiarapi Sultan Mahmud Syah, kutangisi, supaya ia mati; Sultan Menawar Syahlah kerajaan di Melaka kelak." Maka Raja Tua pun datanglah dengan tergerbang-gerbang rambut baginda, sambil dengan tangisnya hendak hampir, maka tiada diberi oleh Bendahara dan Laksamana. Katanya, "Jangan tuanku hampir paduka cunda." Maka kata Raja Tua, "Mengapa maka hamba tiada diberi dekat kepadanya?" Maka kata Bendahara Paduka Raja dan Laksamana, "Sahaja tidak patik beri tuanku dekat kepada cunda. Jika tuanku dekat pada paduka cunda, patik amuk," seraya mengisar kerisnya. Maka kata Raja Tua sambil undur, "Syahidlah anak Melayu hendak derhaka." Maka sembah Bendahara Paduka Raja dan Laksamana Hang Tuah, "Sekali ini Melayu bernama derhakalah. Jikalau tuanku hendak bergagah juga mendekati paduka cunda, sahaja patik amuklah." Maka Raja Tua pun tiada mahu hampir kepada Sultan Mahmud Syah, lalu kembali.

A-243



Bendahara Paduka Raja Dengan Laksamana

Maka baginda pun dipelihara oleh Bendahara dan Laksamana perlahan-lahan. Maka dengan dipelihara Allah subha nahu wa taala, belum lagi habis rupanya suratan ajal baginda, maka Sultan Mahmud Syah pun sembulan. Baginda memberi persalin akan Bendahara Paduka Raja dan Laksamana Hang Tuah; dianugerahi pula usungan satu seorang, barang ke mana ia pergi

*Dari sini Naskhah B hilang dua halaman (hlm. 194 dan 195).

disuruh berusung. Maka oleh Laksamana usungannya itu dipakainya; barang ke mana ia berjalan berusung; segala anak buahnya di bawah usungannya. Adapun akan Bendahara Paduka Raja usungannya itu dibungkusnya dengan kekuningan, digantungnya pada tempat ia duduk di hadapan orang sediakala itu, Maka sembah segala anak buah Bendahara Paduka Raja, "Bagaimana Datuk ini, bagai Pak Si Bendul, diberi raja usungan ditaruh, akan Laksamana dianugerahi usungan, berusung ia ke sana ke mari, segala anak buahnya di bawah usungannya, alangkah baiknya dipandang? Jika Datuk berusung pun demikianlah."

Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Akukah Pak Si Bendul, engkaukah Pak Si Bendul? Akan Laksamana ia berusung itu dipandang oleh segala dagang, maka ditanyanya, "Siapa berusung itu? Maka disahut orang 'Laksamana', maka katanya, 'orang besarkah Laksamana itu?' Maka sahut orang itu, 'Orang Besar'. Maka kata segala dagang, 'Adakah Orang Besar lagi daripadanya?' Maka sahut orang, 'ada; Bendahara lebih besar daripadanya'. Jika aku pun kelak berusung, ditanya orang demikian juga, 'tiadakah orang besar daripada Bendahara ini?', maka pada sangka segala dagang yang tiada tahu, akulah raja; kerana raja lagi budak. Seperkara lagi, akan Laksamana berusung itu segala anak buahnya di bawah usungannya, mengiringkan dia; jika aku berusung pun, engkau semua anak buahku, mengiringkan aku di bawah usunganku; jikalau Yang Dipertuan kelak berusung, engkau semua juga di bawah usungan Yang Dipertuan, seolah-olah samalah aku dengan raja; manatah kelebihan raja daripada aku?" Maka segala anak buah Bendahara pun diari mendengar kata Bendahara Paduka Raja itu. .

A-244

Adapun adat Bendahara Paduka Raja apabila beroleh perahu yang baik, atau Senjata yang baik, diberikannya pada Laksamana. Maka kata Laksamana, "Mari sahaya lihat." Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Tiada hamba tunjukkan, kalau tuan hamba ambil." Maka kata Laksamana, "Jikalau tiada Datuk anugerahkan, apakah sahaya mengambil dia?" Maka oleh Bendahara Paduka Raja ditunjukkan pada Laksamana. Setelah dilihat oleh Laksamana lalu diambalnya, demikianlah sediakala itu pun segala anak buah Bendahara Paduka Raja berkata juga, "Datuk ini bagai Pak Si Bendul, namun ada

B-196

A-245

Senjata yang baik dan perahu yang baik, habis diberikan pada Laksamana; menjadi sahaya semua satu pun tiadaperolehan. Jika dianugerahkan pada sahayaalangkah baiknya?" Maka kata Bendahara Paduka Raja, "Akukah Pak Si Bendul, engkaukah Pak Si Bendul? Jikalau ada gajah yang baik atau kuda yang baik, pinta olehmu padaku. Akan pekerjaan demikian di mana engkau semua tahu; kerana Laksamana Hang Tuah itu hulubalang besar, sebab itulah maka segala Senjata yang baik dan perahu yang baik, aku berikan kepadanya. Apabila datang musuh hendak menyerang negeri, siapakah kita adu berperang dengan musuh raja? Bukankah ia hulubalang duli Yang Dipertuan, jadi hulubalang kita?" Maka segala anak buah Bendahara Paduka Raja pun diamlah oleh mendengar kata Bendahara itu.

Wasiat Bendahara Paduka Raja

A-246 Hatta berapa lamanya maka Bendahara Paduka Raja pun sakit. Maka Bendahara menyuruh memanggil segala anak cucunya, yang sehari dua hari perjalanan. Setelah berkampung semuanya, maka Bendahara Paduka Raja pun berwasiatlah pada segala anak cucunya itu, katanya, "Hei segala anak cucuku, jangan kamu " tukarkan agamamu dengan dunia yang tiada kekal adanya ini; yang hidup itu sahaja akan mati juga kesudahannya . Hendaklah kamu semua tuliskan kepada hatimu pada berbuat kebaktian kepada Allah Taala dan Rasul Allah *salla 'llahu 'alaihi wa salam*; dan jangan kamu sekaliannya melupai daripada berbuat kebaktian; kerana pada segala hukum, bahawa raja-raja yang adil itu dengan nabi *salla 'llahu 'alaihi wa salam*; umpama dua buah permata pada sebetuk cincin; lagi pula raja itu umpama ganti Allah dalam dunia, kerana ia *zillu'llah 'lalam*, Apabila berbuat kebaktian kepada raja, serasa berbuat kebaktian akan nabi Allah, apabila berbuat kebaktian kepada nabi Allah, serasa berbuat kebaktian kepada Allah Taala. Firman Allah Taala: *ati'ul-laha wa 'ati'ur Rasula wa ulil amri minhum* yakni berbuat kebaktianlah kamu akan Allah, dan akan rasul-Nya, dan akan raja, inilah wasiatku kepada kamu semua. Hendaklah jangan kamu sekalian lupai, supaya kebesaran dunia akhirat kamu semua peroleh.

B-197

Maka Bendahara memandang pada Seri Maharaja, maka kata Bendahara, "Hei Mutahir, engkau kelak menjadi Orang

Besar, daripada aku pun lebih kebesaranmu, tetapi jangan pada bicaramu engkau bapa saudara raja; jikalau ada terlintas pada bicaramu demikian itu, engkau dibunuh orang." Maka Bendahara pun memandang pula pada anaknya yang tua sekali, bernama Tun Zainal Abidin, katanya, "Zainal, Zainal, jika engkau tiada berpekerjaan raja, hendaklah engkau diam di dalam hutan; kerana perutmu panjang sejengkal, oleh taruk kayu dan daun kayu pun padalah akan isinya." Maka kata Bendahara kepada Seri Nara Diraja, "Tahir, Tahir, engkau jangan turut-turutan pada bicara si Mutahir. Jikalau seturutan dengan dia, engkau pun terbawa-bawa." Maka Bendahara pun berkata pada cucunya, Tun Pauh namanya, "Pauh, Pauh, engkau jangan diam di negeri, diam engkau di rantau juga, supaya sarupah-sarap sekaliannya menjadi emas." Maka Bendahara berkata pula pada cicitnya, Tun Isap namanya, "Isap, Isap, engkau jangan mencari pencarianmu di balairung raja." Demikianlah wasiat Bendahara Paduka Raja pada segala anak cucunya, tiada sekata pada seorang, pada tiap-tiap orang lain-lain, masing-masing pada patutnya.

A-247

B-198

Setelah itu maka terdengarlah kepada Sultan Mahmud Syah, Bendahara sakit sangat. Maka baginda pun berangkatlah mendapatkan Bendahara Paduka Raja. Maka Bendahara pun menyembah pada baginda, maka sembah Bendahara Paduka Raja, "Ampun tuanku, pada perasaan patik yang dunia ini luputlah daripada genggamannya patik, melainkan negeri akhiratlah semata-mata patik hadapi; segala anak buah patik, petaruh patiklah ke bawah duli tuanku. Hendaklah tuanku jangan dengar-dengaran akan sembah orang yang tiada sebenarnya; jikalau tuanku dengar-dengaran akan kata orang yang fitnah, akibat tuanku menyesal kelak. Bahawa yang kehendak nafsu itu daripada was-was syaitan 'alaihi 'l-la 'anat. Banyak raja-raja yang besar-besar dibinasakan Allah kerajaannya, sebab menurutkan hawa nafsu syaitan."



Setelah itu, maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke rahmat Allah; maka oleh Sultan Mahmud Syah dikerjakan seperti istiadat Bendahara mati. Maka Tun Perpatih Putih, saudara Bendahara Paduka Raja, dijadikan Bendahara oleh Sultan Mahmud Syah, disebut orang Bendahara Putih. Adapun akan Bendahara Putih, jika sejengkal lagi panjang dian, tiada dipakainya lagi puntung dian itu, dibuangkannya, 'pun-

A-248

B-199

tung' katanya; yang lain pula dipasangnya. Maka Bendahara Putih beranak seorang lelaki yang bernama Orang Kaya Tun Abu Sayid; maka Orang Kaya Tun Abu Sayid beranak dua orang lelaki, yang tua bernama Tun Abu Isahak, bergelar Seri Amar Bangsa, seorang bernama Tun Abu Bakar, duduk dengan Tun Cina, bergelar Seri Amar Bangsa juga; maka ia beranak lima orang, dua lelaki, tiga perempuan. Tun Perak seorang namanya, bergelar Paduka Tuan, yang disebut Datuk Paduka Tuan, hulubalang di Bintan; seorang lagi bernama Tun Remba, berlakikan Tun Abu Bakar, yang bergelar Seri Bija Pikrama, beranakkan Tun Hitam, duduk dengan Raja Abdul, beranakkan Raja Ahmad; seorang lagi Tun Hitam namanya, berlakikan Raja Sulaiman anak Raja Kudrat, beranak seorang lelaki, duduk dengan Tun Hitam beranakkan Raja Ahmad, seorang lagi Tun Bandan namanya, berlakikan Seri Bija Diraja Tun Hassan, beranakkan Tun Bambang, bergelar Paduka Seri Raja Muda, duduk dengan Tun Hitam; seorang lagi anak Seri Amar Bangsa, Tun Abu Bakar namanya, bergelar Seri Amar Bangsa juga, disebut orang Datuk Busu, ialah beranakkan Tun Hitam yang berlakikan Tun Dagang; seorang lagi Tun Kulub namanya; seorang lagi anak Orang Kaya Tun Abu Sayid, bernama Orang Kaya Tun Muhammad, ialah beranakkan Orang Kaya Tun Undan, dan Orang Kaya Tun Sulit, dan bonda Tun Hamzah, dan bonda Tun Sida. Adapun Orang Kaya Tun Muhammad, jika daripada pihak anak Melayu ialah alim, tahu akan saraf dan nahu sedikit dan tahu akan ilmu fikah sedikit.

A-249

Sebermula akan Sultan Mahmud Syah pun sangat besar:, tahulah baginda memerintah kerajaan Sendirinya; terlalu baik sikapnya, tiada berbagai pada zaman itu. Jika keris terupa Melaka yang panjang Terigah tiga jengkal itu dijadikan baginda pendua, tiada kelihatan dari sebelah. Maka Sultan Mahmud Syah pun bersterikan anak Sultan Muhammad Syah, raja Pahang; beranak tiga orang, yang tua lelaki bernama Raja Ahmad, yang dua lagi itu perempuan.



ديوان بهاس دان قوستاکے

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

1990

Bermula Seri Rama pun sudah mati; anaknya pula menggantikan jadi panglima gajah, bergelar Seri Rama juga, martabatnya seperti ayahnya juga. Maka Seri Rama beranak dua orang lelaki, seorang bergelar Seri Nata, dan seorang bergelar Tun Aria. Akan Seri Nata beranakkan Tun Biajid Hitam.

Akan Tun. Aria beranakkan Tun Mamad, akan Tun Mamad beranakkan Tun Anjang.

Nyaris Lembing Diterbangkan ke Dada

Sekali persetua Sultan Mahmud Syah bermain dengan isteri Tun Biajid, anak Laksamana Hang Tuah; pada tatkala itu Tun Biajid tiada di rumah, pergi ke Merba, kerana Merba pegangannya. Maka pada suatu Malam Sultan Mahmud pergi ke rumah isteri Tun Biajid; setelah dinihari maka baginda pun kembali. Maka Tun Biajid pun baru datang dari Merba diiringkan oleh orang-orangnya hendak pulang ke rumahnya, maka bertemu dengan Sultan Mahmud Syah yang kembali dari rumah isterinya. Maka Tun Biajid pun tahu akan Sultan Mahmud bermain dengan isterinya itu; jikalau hendak dibunuhnya pada masa itu dapat, kerana tiada berapa orang yang mengiringkan baginda; daripada ia hamba Melayu, tiada ia mahu mengubah setianya, sekadar lembingnya ditimang-timangnya, katanya, "Hei Sultan Mahmud, demikiankah pekerjaan tuan hamba akan hamba? Sayang tuan hamba tuan kepada hamba, jikalau tuan hamba bukannya tuan kepada hamba, jika tidak lembing ini kuterbangkan di dada itu, ubah nama si Biajid anak Laksamana Hang Tuah."* Maka tatkala segala hamba raja yang mengiringkan baginda itu hendak gusar, maka titah Sultan Mahmud Syah, "Jangan kamu semua marah, kerana katanya itu benar, kita sedia salah kepadanya; pada hukumnya patut kita dibunuhnya, daripada ia hamba Melayu, tiada ia mau derhaka, maka demikian lakunya. " Maka baginda pun kembalilah ke istana.

A-250

B-200

Maka oleh Tun Biajid isterinya itu ditalakannya, dan ia pun tiadalah mahu mengadap dan bekerja lagi. Maka oleh Sultan Mahmud Tun Biajid dipanggil baginda, maka Tun Biajid pun datang mengadap maka gundek baginda yang bernama Tun Iram Seridari, dianugerahkan baginda pada Tun Biajid. Maka diambil oleh Tun Biajid akan Tun Iram Seridari itu diperisterinya. Sungguhpun demikian, tiada juga Tun Biajid mau ke majlis; jika dititahkan, dari rumahnya turun ke perahu lalu pergilah ia.

*Naskhah Shellabear hlm, 159, dan naskhah hlm. 211- "Jika tiada lembing ini kutumbukkan di dada bukannya Hamba anak laki-laki."

A-251

Pada suatu malam, Sultan Mahmud Syah pergi ke rumah seorang perempuan, Tun Dewi namanya. Maka didapati baginda Tun Ali Sandang ada di sana; maka Sultan Mahmud pun berbalik, baginda menoleh ke belakang, dilihat baginda Tun Isap, anak Tun Abu Yazid, cucu Tun Abu Sayid, cicit Seri Udana, piut Tun Hamzah, anak Bendahara Seri Amar Diraja, ada mengiring baginda. Maka oleh Sultan Mahmud diambil baginda sirih di puan, dianugerahkan pada Tun Isap. Maka Tun Isap pun fikir pada hatinya, "Apa gerangan erti-

B-201

nya Yang Dipertuan memberi aku sirih dari puan ini? Pada bicaraku entah Yang Dipertuan menyuruh membunuh Tun Ali Sandang gerangan?" Kerana pada zaman dahulukala sirih di puan raja itu terlalu mulia, tiada barang-barang orang dianugerahkan raja; barang siapadianugerahi sirih daripada puan itu tanda kurnialah akan orang itu.

Peristiwa Pembunuhan Tun Ali Sandang

Setelah demikian fikir Tun Isap, maka Tun Isap berbalik ke rumah Tun Dewi, lalu dinaikinya. Maka ditikannya Tun Ali kena dadanya terus, lalu mati. Telah Tun Ali Sandang sudah mati, maka Tun Isap pun turun mengadap Sultan Mahmud. Maka orang pun geruparlah, mengatakan Tun Ali Sandang sudah mati, dibunuh oleh Tun Isap. Maka Seri Wak Raja, anak Bendahara Paduka Raja yang bongsu, diberi orang tau, kerana Tun Ali Sandang keluarga pada Seri Wak Raja. Maka Seri Wak Raja pun terlalu marah; disuruhnya adang Tun Isap,

A-252

hendak dibunuhnya. Maka oleh Sultan Mahmud akan Tun Isap disuruh baginda berlepas; maka Tun Isap pun berleplash, lalu ke Pasai. Setelah datang ke Pasai, Tun Isap tiada mau menyembah raja Pasai. Kata Tun Isap, "Akan si Isap tiada ia menyembah raja yang lain melainkan Sultan Mahmud Syah." Lalu pula ia ke Haru, raja Haru pun tiada mau ia menyembah. Maka Tun Isap lalu ke Brunei, kepada raja Brunei pun Tun Isap tiada mau menyembah. Maka Tun Isap beristerikan anak Raja Brunei, beranak cuculah ia di sana; itulah maka Datuk Muar banyak keluarganya orang Brunei. Maka kata Tun Isap, "Adapun si Isap turupah darahnya di Melaka, matinya pun di Melaka." Maka Tun Isap pun kembalilah ke Melaka.

Setelah datang, lalu mengadap Sultan Mahmud, maka dia

dapatinya baginda lagi santap; ayapan itu dianugerahkan baginda akan Tun Isap. Setelah sudah Tun Isap makan, maka oleh Sultan Mahmud dipeluk dicium baginda akan Tun Isap. Maka disuruh ikat dengan destar, disuruhhantarkan pada Seri

Wak Raja, kerana pada bicara baginda, "Apabila kuikat Tun Isap ini, kuhantarkan pada Seri Wak Raja, nescaya tiada akan dibunuhnya." Adapun tatkala itu Seri Wak Raja di atas gajah.

B-202

Maka Tun Isap pun datang dibawa oleh Hamba raja. Maka kata

Hamba raja itu pada Seri Wak Raja, "Titah duli Yang Dipertuan kepada Orang Kaya, akanTun Isap ini sedia salahnya,

dipinta maaf kepada Orang Kaya." Setelah Seri Wak Raja melihat Tun Isap terikat itu, segera

A-253

dicabuknya dengan kusa

kepala Tun Isap, kena ubun-ubunnya pesuk, lalu mati.

Maka Hamba raja itu pun kernbali mengadap Sultan Mahmud, persembahkan, "Tun Isap telah mati dibunuh Seri Wak Raja, dicabuknya dengan kusa dari atas gajah." Maka Sultan Mahmud pun diam mendengar kata Hamba raja itu, dari kerana sangat kasih baginda akan

Seri Wak Raja itu, Adapun pada masa itu, empat orang yang dikasihi oleh Sultan Mahmud, pertama-tama Seri Wak Raja, kedua Tun Umar, ketiga Hang Isa Pantas, keempat Hang Hussain Cengang, Maka titah Sultan Mahmud pada keempat orang itu, "Apa kehendak tuan

Hamba keempat pintalah pada kita; jikalau apa sekalipun tiada kita tahani." Maka yang pertama berdatang sembah Seri Wak Raja, demikian sembahnya, "Tuanku,jikalau ada kurnia

duli Yang Dipertuan, patik hendak mohonkan jadi panglima gajah, kerana Seri Wak Raja itu sangat gemar akan

gajah, lagi terlalu tahu. Maka titah Sultan Mahmud, "Kabul-

A-254

lah kita akan kehendak Seri Wak Raja itu, hanya apatah daya

kita, kerana Seri Rama lagi ada; bagaimana kita akan memecat

dia, kerana suatu pun tiada apa salahnyapada kita; tetapi ji-

kalaupun Seri Rama sudah mati, nescaya Seri Wak Raja kita jadi-

kan panglima gajah. "

Maka Tun Umar pula berdatang sembah, "Tuanku,jikalau ada kurnia duli Yang Dipertuan,

patik hendak mohonkan jadi raja di laut." Maka titah Sultan Mahmud, "Baiklah, tetapi

Laksamana lagi ada; apa daya kit a mengambil daripadanya. Hendak pun ia kita pecat, suatu

pun tiada apa salahnya pada kita; tetapi apabila Laksamana tiada, Tun Umarlah kit a jadikan

raja di lau t." Setelah dilihat oleh Hang Isa Pantas dan

Hang Hussain Cengang kedua Orang Besar-besar itu tiada lulus sembahnya, maka keduanya fikir seketika. Maka titah Sultan

B-203 pada Hang Hussain Cengang, "Berdatang sembahlah kamu kedua, apa kehendakmu pohonkan kepada aku." Sembah Hang Isa Pantas, "Tuanku, jikalau ada kumia duli Yang Dipertuan, patik hendak pohonkan emas, barang dua tiga kati, dan kain baju, barang dua tiga banian." Maka dengan sesaat itu juga dianugerahi baginda. Maka Hang Hussain Cengang pun berdatang sembah, "Tuanku, jikalau ada kumia duli Yang Dipertuan, patik hendak mohonkan kerb au dua tiga belas kelamin, dengan barang empat lima puluh orang." Itu pun dengan segera dianugerahkan baginda.

Telatah Orang-orang Yang Dikasihi Raja

Adapun apabila Sultan Mahmud berangkat berperahu, datang had pangkalan Seri Wak Raja, maka baginda menyuruh memanggil Seri Wak Raja; berpenanak-penanak baginda menanti di pangkalan, belum juga Seri Wak Raja datang; kerana perangai Seri Wak Raja, apabila datang Hamba raja memanggil dia, maka ia naik ke rumah berbaring-baring, kadang-kadang lalu tidur; serta dibangunkan oleh Hamba raja itu, maka Seri

A-255 Wak Raja bangun, lalu buang air dan mandi. Maka dibangatkan pula oleh Hamba raja itu, barulah ia berkain; dua tiga belas kali dirombaknya, belum baik, dibaikinya. Sudah itu maka berbaju dan berdestar, itu pun demikian juga; dua tiga belas kali diikat, dirombak, belum baik diperbaikinya; bersebai pun demikian juga. Maka dibangatkan oleh Hamba raja, maka Seri Wak Raja pun turun hingga pintu, berbalik pula, berkata pada isterinya, "Tegur oleh tuan Hamba barang yang cedera pakaian Hamba ini." Jika belum baik, ditegur oleh isterinya, dirombaknya pula, diperbaikinya. Maka datang Hamba raja membangatkan, maka Seri Wak Raja turun hingga h alam an, naik pula ke rumah, duduk di buaian, berbuai-buai. Maka dibangatkan oleh Hamba raja, baharulah turun, lalu ber-
jalan mengadap raja.

Adapun apabila Sultan Mahmud hendakkan Seri Wak Raja bangat datang, maka Tun Isap Berakah dititahkan baginda memanggil Seri Wak Raja. Telah Tun Isap datang pada Seri Wak Raja, maka kata Tun Isap Berakah, "Orang Kaya, titah dipanggil." Maka kata Seri Wak Raja, "Baiklah," lalu .ia naik

ke rumah. Maka Tun Isap Berakah tahu akan adat Seri Wak Raja itu. Maka Tun Isap berkata, "Minta tikar segulung. " Diberi orang; lalu ia baring-baring. Maka Tun Isap berseru minta nasi, maka segera diberi orang nasi, disuruhkan Seri Wak Raja.

Setelah sudah ia makan, maka katanya, "Beta haus, buatlah beta barang-barang yang lemak manis." Maka kata Seri Wak

B-204

Raja, "Lamun Tun Isap juga datang dititahkan Yang Dipertuan, banyaklah kehendak hatinya; marilah kain baju beta,

hendak pergi mengadap." Maka Seri Wak Raja pun memakai, lalu segera pergi mengadap Sultan Mahmud. Demikian peri

A-256

Seri Wak Raja, barang kelakuannya baik juga pada Sultan Mahmud Syah, daripada sangat kasih baginda akan dia.


Maka Seri Wak Raja pun hendak beristerikan anak Kadi Menawar, cucu Maulana Yusuf. Maka berjaga-jagalah akan bekerja. Setelah datang pada ketika yang baik, maka Seri Wak Raja pun beraraklah akan kahwin, di atas gajah kenaikan Sultan Mahmud Syah yang bernama Balidsi itu. Tun Abdul Karim, anak Kadi Menawar, mengepalakan gajah; Tun Zainal Abidin bertimbal rangka; Seri Udani di buntut gajah. Adapun Kadi Menawar berhadir di kampungnya dengan mercun dan periuk api; pintu pagamya ditutupkannya. Maka kata Kadi Menawar, "Jikalau dapat Seri Wak Raja masuk ke kampung Hamba ini, maka HambadudukkandengananakHamba,jikalau tiada dapat masuk tiadalah Hamba kahwinkan; biar hilang belanja Hamba. "

Setelah datang gajah Seri Wak Raja keluar pintu Kadi Menawar, dipasangnya mercun dan periuk api, serta tempik sorak bergemuruh bunyinya, bercampur dengan segala bunyi-bunyian terlalu azamat bunyinya. Maka Balidsi pun terkejut, lalu lari; beberapa pun ditahani oleh Tun Abdul Karim, tiada juga bertahan. Setelah dilihat oleh Seri Wak Raja kelakuan gajah itu, maka katanya pada Tun Abdul Karim, "Abang, abang, baiklah undur ke Terigah, biar beta ke kepala

pula." Maka Tun Abdul Karim pun ke Terigahlah. Maka Seri Wak Raja pula tampil ke kepala gajah; maka dipalingnya

A-257

Balidsi, lalu dilangganya pintu pagar Kadi Menawar; beberapa pun dipasang orang mercun dan periuk api, dan tempik sorak seperti tagar, tiada dihisabkannya; dirempuhnya juga. Maka pintu pagar pun terbuka, lalu masuk ke dalam. Sekalian orang pun hairan melihat tahunya Seri Wak Raja; gajah penakut jadi



B-205

be rani. Maka gajah pun terkepillah di balai Kadi Menawar; Seri Wak Raja pun melorupatke balai, maka dikahwinkan oleh Kadi Menawar dengan anaknya di hadapan Sultan Mahmud Syah. Telah sudah kahwin, sekalian orang pun berangkatlah kembali ke istana baginda Adapun akan Kadi Menawar itu terlalu tahu menetakkan beladau, ia belajar kepada raja Maluku yang datang ke Melaka dahulu. Apabila Kadi Menawar duduk dihadap segala muridnya, tempat ia duduk itu berkisi-kisi, maka kata Kadi Menawar pada segala muridnya, "Berapa batang kehendak tuan Hamba diputuskan kisi-kisi itu, Hamba tetak dengan beladau. Maka sembah segala muridnya, dua batang; maka ditetak oleh Kadi dengan beladaunya dua batang, putus. Jika dikata orang itu tiga batang, tiga batang putus. Berapa dikehendaki orang demikian juga putusnya; demikianlah peri tahunya Kadi Menawar menetakkan beladau, Sentiasa beladau itu ada diletak-

A-258

kan di sisinya Adapun di luar kisi-kisi itu digantungnya timba dua tiga biji. Apabila Kadi Menawar kumur-kumur, dipancarkannya dari dalam kisi-kisi itu kepada timba itu betul, tiada bersememeran kiri kanan kisi-kisi itu.

Berapa lamanya Seri Wak Raja duduk dengan anak Kadi Menawar, beranak seorang lelaki, bernama Tun Umar, bergelar Seri Petam, disebut orang Datuk Rambat, Akan Datuk Rambat banyak beranak, yang tua sekali lelaki bernama Tun Daud, disebut orang Datuk Dibaruh; seorang lagi perempuan, duduk dengan Tun Isap Misai, beranakkan Tun Ahmad, bergelar Paduka Raja, menjadi Temenggung. Maka Paduka Raja Tun Ahmad beristerikan Tun Ganggang, beranakkan Tun Seri Lanang, bergelar Bendahara Paduka Raja; itulah disebut orang Datuk Bendahara Paduka Raja yang ke Aceh. Seorang lagi anak Seri Petam bernama Tun Ali Sandang, ayah Datuk Muar yang perempuan; dan seorang lagi Tun Bintang namanya, ialah ayah Tun Mai; seorang lagi Tun Hanzah namanya, ayah Tun Menduru; seorang lagi Tun Tugak namanya, ayah Tun Umar, yang mati di Petani. Banyak lagi lain daripada itu, tiadalah kami sebutkan semuanya, kalau jemu orang mendengar dia.

B-206

Adapun akan Seri Wak Raja itu, terlalu tahu pada gajah dan kuda, ada seekor kuda putih dipeliharanya, terlalu sayang Seri Wak Raja; seruang selasanya dilapangkannya akan tempat kuda itu. Apabila orang hendak meninjau kuda itu,

hendak dibawa bermain terang bulan, maka dipinjamkan oleh Seri Wak Raja. Maka dibawanyalah berjalan dua tiga belit, lalu dibawa oleh kuda itu kembali juga, melainkan Tun Isap Berakah juga yang dapat meminjam dia. Apabila Tun Isap Berakah meminjam dia, maka dibawanyalah bermain, berjalan sebelit dua belit; maka dibawa kembali oleh kuda itu ke tambatannya. Maka kata Seri Wak Raja, "Mengapa maka dibawa kembali?" Maka kata Tun Isap Berakah, "Perut beta lapar, hendak minta nasi." Maka diberi oleh Seri Wak Raja nasi. Setelah sudah ia makan, maka kata Tun Isap Berakah. "Beta bawa pula kuda ini bermain." Maka kata Seri Wak Raja, "Bawalah." Maka kuda itu dibawa pula oleh Tun Isap Berakah; dua tiga belit berjalan dibawa pula oleh kuda itu kembali pulang ke rumah Seri Wak Raja. Maka kata Tun Isap Berakah pada budak-budak Seri Wak Raja, "Katakan kepada Orang Kaya, aku haus, hendak minta barang-barang apa." Maka diberi oleh Seri Wak Raja. Dua tiga kali pun dibawa kuda itu balik, demikian juga, ada-ada sahaja yang dipintanya. Maka kata Seri Wak Raja, "Lamun Tun Isap Berakah juga datang, semaja banyakkah kehendak hatinya. Katakan padanya, bawalah kuda itu sekehendak hatinya bermain-main semalaman ini." Maka dibawalah oleh Tun Isap Berakah kuda itu bermain semalam-malaman itu.

A-259

Pada suatu han datang seorang Patan, terlalu pandai naik kuda, maka disuruh oleh Sultan Mahmud bawa pada Seri Wak Raja. Setelah datang maka kata Seri Wak Raja pada Patan itu, "Tahukah Khoja naik kuda?" Maka sahut Patan itu, "Tahu jugasahaya tunku." Maka kata Seri Wak Raja, "Naiklah kuda Hamba ini." Maka kuda itu disuruh bubuh kekang dan pelana oleh Seri Wak Raja. Maka Patan itu pun naiklah ke atas kuda itu, lalu digertaknya. Maka kata Seri Wak Raja, "Khoja, cemeti kuda itu." Maka oleh Patan itu dicemetinya; maka oleh kuda itu dirempuhkannya ke bawah rumah, lalu Patan itu menyarupakkan diri ke tanah, jatuh tunggang-langgang. Maka kata Seri Wak Raja, "Hei, hei, oleh apa-apa?" Maka Seri Wak Raja menyeru anaknya, Tun Umar, katanya, "Umar, Umar, naik kuda itu." Maka Tun Umar pun naiklah ke atas kuda itu. Maka kata Seri Wak Raja, "Cemeti awang, kuda itu." Maka oleh Tun Umar dicemetinya; kuda itu pun menangkah.

A-260

B-207

terlalu hairan Patan itu melihat kepandaian Seri Wak Raja pada kuda.

A-261

Sebermula akan Tun Umar sangat dikasihi Sultan Mahmud; ianya anak Seri Bija Diraja Datuk Bongkok; terlalu berani, kerana ia diakui oleh gurunya tiada mati oleh Senjata seterunya; sebab itulah kelakuan Tun Umar itu gila-gila bahasa, tiada apa bena akan lawannya. lalah beranakkan nenek Tun Aceh, bapa Seri Akar Raja Tun Kassim, nenek Paduka Seri Dewa Tun Timar. Adapun Hang Isa Pantas, barang lakunya terlalu pantas; ada suatu titian di Sungai Melaka itu timbul tergoleng-goleng; jika diirik orang Teriggelam batang itu, ampuh had betis orang. Jika Hang Isa Pantas dari sana, diiriknya batang itu dari kanan bergoleng ke kiri, diiriknya pula dari kiri bergoleng ke kanan; dengan demikian sampailah ia ke seberang; kura-kura kakinya pun tiada basah.

Sekali persetua musim orang bermain layang-layang, maka segala orang muda-muda dan anak tuan-tuan semuanya bermain layang-layang berbagai rupa layang-layangnya. Maka Raja Ahmad, anak Sultan Mahmud Syah pun bermain layang-layang terlalu besar, seperti kajang sebidang besamya; dan talinya tali kail Teriggiri yang besar. Apabila banyak layang-layang orang sudah naik, maka dinaikkan bagindalah layang-layang itu. Setelah dilihat orang layang-layang Raja Ahmad itu naik, maka segala orang banyak habis menurunkan layang-layangnya, kerana barang layang-layang yang tergesel oleh layang-layang Raja Ahmad itu, putus. Maka Hang Isa Pantas pun membuat layang-layang kecil juga, talinya rami kembar tiga; maka disamaknya dengan samak kaca. Apabila Raja Ahmad menaikkan layang-layang, semua orang habis menurunkan layang-layangnya. Layang-layang Raja Ahmad pun berdekat dengan layang-layang Hang Isa Pantas, lalu bergesel. Maka tali layang-layang Raja Ahmad pun putus, jatuh ke Tanjung Jati.



B-208

A-262

Adapun akan Hang Hussain Cengang hendak kahwin dengan anak Hang Usuh. Setelah sudah nikah, maka nasi hadapan pun dikeluarkan orang. Maka segala orang tua-tua mengadap bersuap-suapan itu. Setelah tiga orang bersuap-suapan itu, maka nasi itu pun hendak diangkat orang, maka dipegang oleh Hang Hussain Cengang, katanya, "Jangan diangkat dahulu, anak tuan hendak sudah, sudahlah; Hamba lagi hendak makan,

kerana belanja Hamba banyak sudah habis." Maka dimakannya seorang, seraya berdiri lutut, Setelah habis nasi itu, maka segala perempuan yang memandang kelakuannya itu, semuanya riuh tertawa gelak-gelak. Setelah sudah ia makan, maka Hang Hussain Cengang pun masuklah ke pelaminan.

Arkian pada sekali hari raya, Seri Bija Diraja tiada mudik dari Singapura; sudah hari raya maka ia mudik mengadap ke Melaka, Maka Sultan Mahmud pun murka akan Seri Bija Diraja. Titah baginda, "Apa sebabnya maka Seri Bija Diraja lambat datang, tiadakah Seri Bija Diraja tahu akan adat?" Maka sembah Seri Bija Diraja, "Maka patik lambat mudik, patik sangka bulan belum timbul petang itu; maka alpalah patik, melainkan ampun duli Yang Dipertuan juga lagi." Maka titah Sultan Mahmud, "Tahulah kita akan kehendak Seri Bija Diraja, tiada suka bertuankan kita, hendak bertuankan abang di Kampar." Maka disuruh baginda bunuh. Maka kata Seri Bija Diraja pada orang yang hendak membunuh itu, "Apakah dosa hamba ke bawah duli Yang Dipertuan kerana salah hamba yang sedikit inikah maka hamba hendak dibuangkan?" Maka segala kata-kata Seri Bija Diraja itu dipersembahkan orang kepada Sultan Mahmud Syah, Maka titah baginda, "Jikalau Seri Bija Diraja tiada tahu, tunjukkan sura! ini kepadanya." Adapun dalam surat itu, empat lima perkara dosa Seri Bija Diraja di dalamnya. Setelah Seri Bija Diraja memandang surat itu, maka Seri Bija Diraja pun diamlah, lalu ia pun dibunuh oranglah. Maka Sang Setia Bintang, anak Tun Bija Diraja, cucu Seri Bija Diraja Datuk Bongkok itulah pula memegang Singapura.

A-263

Arkian Sultan Mahmud hendak pergi mengaji Maklumat pada Maulana Yusuf; akan tuan itu telah junun, jika layang-layang orang lalu di atas bumbung rumahnya, disuruhnya buang ali-ali. Setelah dapat, maka disuruhnya koyak layang-layang itu, dipesuk-pesukkan; katanya, "Biadab, lalu di atas rumahku," demikianlah kelakuan tuan itu, Maka Sultan Mahmud pun datang bergajah, banyak orang mengiringkan baginda pergi ke rumah Maulana Yusuf itu. Setelah datang ke pintu pagarnya, kata orang kepada penunggu pintunya, "Beritahu Maulana Yusuf, Yang Dipertuan datang." Maka orang penunggu pintu, diberinya tahu Maulana Yusuf; maka kata Maulana Yusuf, "Apa kerja Sultan datang ke rumah

B-209

A-264

fakir? Tutup pintu!" Maka Sultan Mahmud pun kembalilah ke istana baginda. Setelah hari malam, maka segala Hamba disuruh baginda pulang; setelah sunyi, maka Sultan Mahmud pun pergi dua berbudak, kitab Maklumat itu baginda Sendiri membawa dia. Setelah datang keluar pintu pagar Maulana Yusuf, maka titah Sultan Mahmud pada penunggu pintu, "Beritahu Maulana, bahawa fakir Mahmud datang." Maka kata Maulana Yusuf, "Jikalau fakir Mahmud datang, bukai pintu; kerana fakir patutlah datang ke rumah sesama fakir." Nlaka Sultan Mahmud dibawa naik, duduk ke rumahnya. Maka Sultan Mahmud pun mengaji Maklumat pada Maulana Yusuf.

Manjong dan Kelantan Diserang

Hatta berapa lamanya maka Sultan Mahmud menitahkan Paduka Tuan menyerang Manjong, kerana Manjong itu dahulukala negeri besar, tiada ia muafakat dengan Beruas. Maka Paduka Tuan pun pergilah, dengan sepuluh orang hulubalang sertanya. Setelah datang ke Manjong, maka berperanglah orang Melaka dengan orang Manjong. Dengan takdir Allah Taala, Manjong pun alah dengan mudahnya. Maka Paduka Tuan pun lalu ke Beruas; raja Beruas pun mengalu-alukan Paduka Tuan. Setelah bertemu, disambut dengan sempuma kemuliaan dan kebesaran, dibawanyalah masuk ke negeri.

A-265
B-210

Maka oleh Paduka Tuan, cucunya yang bernama Tun Isap Berakah itu, didudukkannya dengan saudara raja Beruas, yang bernama Puteri Sita itu. Maka Tun Isap Berakah beranakan Tun Biajid namanya, bergelar Bendahara Seri Maharaja, disebut orang Datuk Bendahara J ohor. Maka ia beristerikan Tun Munah, anak Tun Bintan dengan Orang Kaya Tun Hassan Rupert, yang bergelar Seri Petam. Maka Bendahara Johor beranakan Tun Hidap, maka Tun Hidap diperisteri oleh Tun Isap Misai, anak Bendahara Tun Nara Wangsa. Tun Isap Misai bergelar Bendahara Seri Maharaja, ialah yang disebut orang Datuk Bendahara yang tua. Dialah yang mengarang Anak Panah Sedasa. Adapun dipanggil orang Tun Isap Misai itu, sebab datuk itu bermisai panjang, tiada lepas tangannya bermain-main misainya, Maka datuk itulah beranakan Tun Jehat, disebut orang Datuk yang ke Perak; seorang lagi Tun Kecil namanya, diperisteri oleh Raja Mahmud ber-

anakkan Raja Sulung. Maka Raja Sulung beranakkan Raja Bagus; Raja Bagus beranakkan Raja Gembuk, dan Raja Mah, dan Raja Serii. Maka Raja Sulung tertawan ke Aceh; maka dirajakan oleh Sultan Mughal ke Perak, bergelar Sultan Muzaffar Syah, beristerikan Puteri Perak, beranakkan Sultan Mansur Syah, raja Perak; anak cucunya yang ada sekarang ini. Dan Raja Muda beranakkan dua orang perempuan. Raja Putih seorang namanya, Raja Mah seorang namanya,

Setelah itu maka Paduka Tuan pun kembalilah ke Melaka, dan Raja Beruas pun datang bersama-sama. Setelah sampai ke Melaka, maka terlalulah sukacita Sultan Mahmud Syah oleh mendengar Manjong alah itu. Maka baginda pun menganugerahi persalinan akan Paduka Tuan itu. Maka raja Beruas pun dipersalin baginda dan dinobatkan sekali, digelar Tun Aria Bija Diraja. Maka Manjong pun diserahkan kepadanya, maka Tun Aria Bija Diraja pun bermohonlah kepada Sultan Mahmud kembali ke Beruas. Maka ia duduk di Manjong, dan Tun Aria Bija Diraja pun nobatlah di Manjong; segala hulubalangnyanya semuanya mengadap nobat. Setelah sudah nobat semua orang menyembah padanya, maka Tun Aria Bija Diraja berpaling menyembah mengadap ke Melaka, katanya, "Daulat Sultan Mahmud Syah."

A-266

Kalakian maka Sultan Mahmud pun menitahkan Seri Maharaja menyerang Kelantan. Pada zaman itu, negeri Kelantan itu terlalu besar; besar daripada Petani. Sultan Menawar Syah nama rajanya, anak saudara pada Sultan Iskandar Syah, tiada baginda mau menyembah ke Melaka; asalnya daripada anak cucu Raja Culan .. Maka Seri Maharaja pun pergilah dengan beberapa puluh hulubalang; setelah datang ke Kelantan, maka orang Melaka pun naiklah ke darat. Maka dikeluati oleh orang Kelantan, lalu berperang, beramuk-amukan, terlalu sabur, rupa kilat cahaya Senjata seperti kilat dilangit, sabung-menyabung, gemuruh bunyi bahana tempik hulubalang, dan gemerencing bunyi Senjata, seperti akan sampai ke langit; daripada kedua pihak rakyat itu pun banyaklah luka dan matinya; darah pun mengalir di bumi. Maka dengan tolong Rabbu'l 'alamin, patahlah perang orang Kelantan, maka kota Kelantan pun alah; maka segala orang Melaka pun masuklah ke dalam kota merampas; terlalu banyak beroleh rampasan.

B-211

Maka anakanda raja Kelantan tiga orang perempuan dapat;

A-267 yang lelaki seorang lepas, Raja Gembuk namanya. Maka anak **A-267** raja Kelantan yang perempuan itu, ketiganya tertawan oleh orang Melaka, seorang bernama Onang Kinang, seorang bernama Cau Pa, seorang bernama Cau Pauk. Maka ketiganya dibawa oleh Seri Maharaja kembali ke Melaka.

Setelah sampai ke Melaka, maka Seri Maharaja pun masuk menghadap Sultan Mahmud. Maka puteri ketiga itu pun dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud; maka terlalulah sukacita baginda oleh Kelantan alah itu, dan baginda memberi anugerah persalin akan Seri Maharaja berserta segala hulubalang yang pergi itu. Maka puteri Kelantan ketiganya ditaruh dalam istana. Puteri Onang Kinang itu diperisteri baginda, beranak tiga orang; yang tua perempuan bernama Raja Mah, yang Terigah lelaki bernama Raja Muzaffar, yang bongsu perempuan bernama Raja Dewi.

A-268 Syahadan pada suatu ceritera ada konon Bendahara Putih berkata, "Dari kakak Hamba, Bendahara Paduka Raja, besar Hamba; kerana Bendahara Paduka Raja sekali dititahkan mengeluari Siam, sekali dititahkan menyerang Pahang; akan Hamba jadi Bendahara, bergerak sejari pun tiada. Seorang anak saudara Hamba dititahkan menyerang Manjong, alah Manjong; seorang anak saudara Hamba dititahkan menyerang Kelantan, alah Kelantan." Maka sahut segala orang yang menghadap itu, "Sungguh seperti sabda datuk itu." Adapun akan Bendahara Putih itu, jika dian panjang sejengkal lagi, tiada dipakai, katanya. "Puntung dianlah itu," dian lain pula dipasangnya. Jika tikar pesuk barang dua tiga liang, tiada dipakainya, 'buruk', katanya; tikar yang lain pula dipakainya. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u wa 'l-ma'ab.*



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

X

Tun Mutahir Dijadikan Bendahara

ALKISAH tersebutlah perkataan Sultan Menawar Syah yang kerajaan di Kampar itu, telah mangkat; ada anak baginda seorang lelaki bernama Raja Abdullah, ialah menggantikan kerajaan ayahanda baginda. Maka Raja Abdullah pun mengadap ke Melaka. Maka oleh Sultan Mahmud Syah akan Raja Abdullah itu diambil baginda akan menantu, didudukkan dengan anakanda baginda saudara Raja Ahmad. Maka dinobatkan pula, bergelar Sultan Abdullah Syah; maka Sultan Abdullah pun kembalilah ke Kampar.

B-212

Hatta berapa lamanya, maka Bendahara Putih pun kembalilah ke rahmat Allah; maka dikerjakan bagindalah seperti istiadat Bendahara mati. Setelah sudah ditanamkan, maka Sultan Mahmud menyuruh kumpulkan segala anak buahnya, barang yang patut jadi Bendahara. Pada masa itu ada sembilan orang yang patut menjadi Bendahara; pertama Paduka Tuan, kedua Tun Zainal Abidin, ketiga Tun Telanai, keempat Seri Nara Diraja, kelima Seri Maharaja, keenam Seri Wak Raja, ketujuh Tun Abu Syahid, kedelapan Tun Abdul, dan kesembilan Tun Bijaya Maha Menteri. Maka berdirilah berbanjar di hadapan istana Sultan Mahmud. Maka titah baginda, "Siapa di antara Orang Kaya-kaya ini yang akan jadi Bendahara?" Maka sembah Paduka Tuan, "Patik yang sembilan orang ini semuanya patut jadi Bendahara; barang siapa yang dikedah duli Yang Dipertuan, itulah jadikan Bendahara."

A-269



Adapun bonda Sultan Mahmud, saudara Tun Mutahir itu,

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

ada menengok-nengok dari balik pintu. Maka kata bonda baginda itu, "Tuan, Pak Mutahirlah kata, jadi Bendahara," kerana sangat kasih baginda akan saudaranya itu. Maka titah Sultan Mahmud, "Pak Mutahirlah jadi Bendahara." Maka sekalian orang pun sukalah, dan segala saudaranya pun kabullah akan Seri Maharaja jadi Bendahara. Maka datanglah persalinan seperti mana adat Bendahara; dan dianugerahi karas bandan dengan selengkap alatnya. Adapun akan adat dahulukala, apabila orang jadi Bendahara, atau jadi Penghulu Bendahari, atau jadi Temenggung, atau jadi Menteri, dianugerahi baju sakhlata dan karas bandan dengan selengkap alatnya, tetapi Penghulu Bendahari, dan Temenggung, dan Menteri tiada berkobak, hanya Bendahara berkobak dan buli-buli dawat; jika jadi Temenggung dianugerahi tombak bertetarapan.

B-213 Setelah Seri Maharaja jadi Bendahara, bergelar Bendahara Seri Maharaja, maka negeri Melaka pun makin makmurlah, lagi dengan ramainya, kerana Bendahara Seri Maharaja terlalu saksama, serta adil dengan murahnyanya; dan terlalu baik budi pekertinya pada membaiki orang, dan terlalu sangat pada merneliharakan segala dagang. Maka akan ad at kapal dari atas angin apabila akan belayar ke Melaka, serta ia membongkar sauh, maka selawatlah malim, disahut nakhoda dengan segala kiwi, "Selamat Bendahara Melaka! Pisang jarum, air Bukit China; Bendahara Seri Maharaja." Maka sahut segala khalasi, "Orang berbayu tok, berbayur." Setelah itu belayarlah ia ke Melaka.

A-270

Adapun akan Bendahara Seri Maharaja, besar daripada Bendahara yang lain, jikalau ia duduk di balai dihadap orang di atas tikar pacar, di bawah tikar pacar itu di bentangi permaidani; jikalau raja-raja datang tiada dituruni, sehingga diunjukkannya tangannya, katanya, "Naik tuan, naik tuan," melainkan anak raja yang akan ganti kerajaan maka dituruni oleh Bendahara Seri Maharaja. Jikalau raja Pahang, Bendahara Seri Maharaja berdiri; maka raja Pahang naik dudnk pada tempat Bendahara Seri Maharaja itu, dan Bendahara Seri Maharaja duduk hampir dekat.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Adapun akan Bendahara Seri Maharaja banyak anaknya; yang tua sekali lelaki, Tun Hassan namanya; terlalu baik rupanya, dan perdana lakunya; ialah menjadi Temenggung akan ganti ayahnya; akan istiadat Temenggung, mengatur orang

makan di balairung. Adapun akan Tun Hassan Ternenggung, apabila akan mengatur orang makan, maka ia memakai seberhana pakaian; berkain memancung, bersebai, berdestar berhalaman, bertajuk dan berkancing; maka ia berjalan di naga-naga mengatur orang makan itu, menunjuk-nunjuk dengan kipas, lakunya seperti pendekar yang tahu menari. Dan Tun Hassan Ternenggung yang pertama melabuhkan baju Melayu, dan membesarkan pangkal tangan baju, dan memanjangkan tangan baju; akan dahulu baju Melayu kecil juga. Maka dipantungkan orang:

A-271

Murah dikata derji,
Empat hasta sehelai baju;
Muda berusul lela Manja,
Bagai mutia dalam teraju.

Tetapi akan Bendahara Seri Maharaja pun terlalu baik rupanya, lagi sangatlah hiasan; pada sehari enam tujuh kali bersalin pakaian, baju yang hadir juga seratus banyaknya, pelbagai rupa dan warnanya; destar yang sudah terikat pada kelebut dua tiga puluh semuanya, sudah dipakai belaka; cermin besar setinggi berdiri satu. Apabila Bendahara Seri Maharaja sudah berkain, berbaju, berkeris, dan bersebai, lalu naik duduk di buaian. Maka Bendahara Seri Maharaja bertanya kepada isterinya, katanya, "Tuan, tuan, destar mana yang patut dengan kain baju beta ini?" Maka kata Bendahara perempuan, "Destar anu itulah yang patut" Maka barang yang dikata oleh Bendahara perempuan itulah yang dipakai oleh Bendahara Seri Maharaja, Demikianlah hal Bendahara Seri Maharaja pada zaman itu, seorang pun tiada taranya.

B-214



Sekali persetua, Bendahara Seri Maharaja duduk dihadap orang banyak; makakata Bendahara Seri Maharaja pada segala orang yang mengadap dia itu, "Mana baik hamba, mana baik si Hassan?" Maka sembah segala orang itu, "Baik juga Datuk daripada anakanda." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Salah hamba itu, kerana hamba pun ada bercermin; pada mata Hamba, baik juga si Hassan, kerana ia orang muda; tetapi termanis hamba sedikit." Maka sahut segala orang yang banyak, "Sungguhlah gerangan seperti sabda Datuk itu."

A-272

Titisan Keturunan Bendahara Seri Maharaja

Ada seorang lagi anak Bendahara Seri Maharaja, Tun Biajid Rupal namanya disebut orang, bergelar Seri Petam, beristerikan Tun Cendera Panjang, anak Seri Bija Diraja Datuk Bongkok, beranak seorang lelaki bernama Tun Abdullah. Seorang lagi Tun Lela Wangsa gelarnya, lain bondanya; anak gundik Bendahara Seri Maharaja seorang perempuan bernama Tun Benggala, bergelar Tun Nila Wangsa, disebut orang Datuk di Bukit, duduk dengan Orang Kaya Tun Abu Syahid, beranakan Orang Kaya Tun Hassan.

B-215 Sebermula akan Tun Hassan Temenggung, anak Bendahara Seri Maharaja, beranak seorang lelaki bernama Tun Mad Ali, terlalu baik sikapnya, ialah beranakan Tun Jenal; dan Tun Jenal beristerikan Tun Cina, beranakan Tun Genggang yang disebut orang Datuk Sayung, berlakikan Tun Ahmad yang bergelar Paduka Raja, beranakan Tun Muhammad, bergelar Bendahara Paduka Raja, beristerikan Tun Aminah, anak Tun Kadut, cucu Seri Amar Bangsa Tun Pang; itulah yang disebut orang Datuk Bendahara yang ke Aceh. Maka Datuk yang ke Aceh beranak dengan Tun Aminah tiga orang lelaki, dan perempuan seorang, Tun Gembuk namanya; yang lelaki seorang Tun Anum namanya, bergelar Seri Maharaja, menjadi Bendahara; dan Tun Jenal seorang namanya, bergelar Bendahara Paduka Raja, yang disebut orang Datuk Sekudai; seorang Tun Mad Ali namanya, bergelar Paduka Maharaja, dia pun menjadi Bendahara juga. Seorang lagi anak gundik Datuk yang ke Aceh, Tun Rembau namanya, bergelar Seri Paduka Tuan di Aceh, menjadi panglima Bandar Darul Salam.

A-273 Adapun Bendahara Seri Maharaja Tun Anum beranak tiga orang, yang tua lelaki bernama Tun Kiai, bergelar Paduka Maharaja, dua perempuan, seorang bernama Tun Emas Irang, yang bongsu bernama Tun Putih, duduk dengan Tun Ahmad, anak Datuk Sekudai, beranak tiga orang; yang tua bernama Tun Besar, yang Terigah bernama Tun Fatimah, dan yang bongsu lelaki bernama Tun Biajit.

Adapun Paduka Maharaja Tun Kiai pun banyak anak; Tun Emas Anum, seorang namanya; Tun Emas Radin seorang namanya; Tun Dagang seorang namanya; Tun Abdullah seorang namanya; Tun Sandang seorang namanya, dan perempuan seorang bernama Tun Ciai.

Akan Datuk Sekudai pun banyak beranak; Tun Ahmad seorang namanya, bergelar Paduka Raja, menjadi Temenggung; seorang bernama Tun Kelang, bergelar Raja Indera Bongsu; seorang bernama Tun Mutahir, bergelar Tun Nara Wangsa; seorang bernama Tun Hamzah, bergelar Seri Paduka Tuan; seorang bernama Tun Perak, bergelar Seri Amar Bangsa; seorang bernama Tun Dagang, bergelar Seri Maharaja; seorang bernama Tun Isap; dan yang perempuan Tun Emas Ayu seorang namanya; Tun Mariah seorang namanya; Tun Fatimah seorang namanya, duduk dengan Seri Pikrama Raja, Tun Emas Dagang, anak Orang Kaya Besar Tun Muhammad; dan Tun Kasa seorang namanya; Tun Gembuk seorang namanya, berlakikan Paduka Seri Indera Tun Mahmud, anak Seri Asmara Tun Itam; dan Tun Selat seorang namanya, dan Tun Jendul seorang namanya.

A-274

Adapun Bendahara Paduka Raja Tun Mad Ali, beranak tiga orang juga, yang perempuan bernama Encik Raja, timangtimangan Raja Emas Bongsu, duduk dengan Raja Kecil Besar, Sultan Inderagiri; dan Raja Sulaiman; dan seorang bernama Tun Rantau, bergelar Bendahara Seri Maharaja, beristerikan Tun Kecik, anak Paduka Tuan, Tun Kuri, anak Maharaja Diraja Tun Isap. Maka Tun Rantau dengan Tun Kecik beranak dua orang; seorang perempuan dan seorang lelaki; yang perempuan bernama Tun Embong, yang lelaki bernama Tun Muhammad; anak gundik seorang perempuan bernama Tun Amah, seorang lelaki Tun Hassan namanya. Seorang anak Bendahara Paduka Raja Tun Mad Ali, Tun Habab namanya, bergelar Tun Pikrama beristerikan Tun Rubiah, anak Seri Perdana Menteri Tun Mansur, berakkan Tun Mat Ali, timang-timangnya Tun Sulong.

B-216

Akan Tun Rembau, Seri Paduka Tuan yang di Aceh, beranak empat orang dengan anak Bendahara Perak, Tun Aceh seorang namanya, bergelar Bendahara Daru'l Salam; Tun Perak seorang namanya, bergelar Raja Indera Bongsu, beristerikan anak Maharaja Tun Jiba, beranak tiga orang yang lelaki bernama Tun Jiba, bergelar Tun Nara Wangsa; seorang lagi perempuan duduk dengan Seri Paduka Megat Mansur, menjadi panglima bandar. Banyak lagi anak Seri Paduka Tuan Tun Rembau, tiada kami sebutkan lagi, kalau jemu orang yang

A-275

mendengar dia; anak cucu yang didapati oleh Datuk itu lima puluh banyaknya.

Akan Seri Nara Diraja, kakak Bendahara Seri Maharaja jadi penghulu Bendahari juga; beranak lima orang, yang tua sekali lelaki, Tun Ali namanya; seorang lagi perempuan Tun Kudu namanya, diperisteri oleh Sultan Mahmud, disuruh panggil pada segala orang dalam "Datuk Tuan", penyebutan segala anak cucu "Datuk Putih "; yang Terigah lelaki, Tun Hamzah namanya; seorang lagi Tun Mahmud namanya bergelar Tun Nara Wangsa, beristerikan anak Tun Isap Berakah, bergelar Bendahara Seri Maharaja, itulah disebut orang Datuk Tua; berakkan Tun Ahmad, bergelar Paduka Raja, duduk dengan Tun Genggang, berakkan Tun Seri Lanang, bergelar Paduka Raja, menjadi Bendahara; ialah berakkan Bendahara Seri Maharaja, dan Bendahara Paduka Raja, dan Bendahara Paduka Maharaja, dan Seri Paduka Tuan. Seorang lagi anak Seri Nara Diraja yang bongsu perempuan, Tun Putih namanya.

- B-217** Adapun Tun Abdul, adik Bendahara Seri Maharaja, bergelar Seri Nara Wangsa, itu pun banyakjuga anaknya, beberapa orang lelaki dan perempuan; yang perempuan seorang duduk dengan Orang Kaya Tun Rana, berakkan Tun Dolah, dan Tun Hidap Panjang, bapa Datuk Jawa, dan Datuk Jawa itu Datuk Singgora, seorang lagi perempuan, Tun Minda namanya, diangkatanak oleh Seri Nara Diraja.
- A-276**

Peristiwa Patih Adam Dengan Tun Minda

Sebermula tersebutlah Pangeran Surabaya, yang bernama Patih Adam, datang ke Melaka menghadap Sultan Mahmud; maka dianugerahi persalin, dan sangat dipermulia baginda, maka didudukkan setara menteri. Pada satu hari, Patih Adam duduk di balai Seri Nara Diraja, tatkala itu Tun Minda lagi kecil, baharu tahu berlari-lari. Maka Tun Minda berlari-lari di hadapan Seri Nara Diraja; maka berkata Seri Nara Diraja pada Patih Adam, "Dengarlah kata anak hamba ini, ia hendak berlakikan Patih Adam." Maka Patih Adam pun tersenyum, seraya katanya, "Inggih!"

Setelah musim kembali ke Jawa, maka Patih Adam pun bermohonlah pada Sultan Mahmud. Maka dipersalin baginda dengan sepertinya; maka oleh Patih Adam ditebusnya seorang budak perempuan yang sama umurnya dengan Tun Minda;

besamanya pun sama; dibawanya kembali ke Jawa. Setelah sampai ke Surabaya maka budak itu disuruhnya peliharakan baik-baik. Selang berapa lama antaranya, maka budak itu pun besarlah; patutlah akan bersuami, maka diberinya berlaki. Setelah itu maka Patih Adam pun berlingkaplah hendak ke Melaka. Maka dipilihnya empat puluh anak peria yang baik-baik dibawanya serta, dan beberapa ratus orang yang sigap-sigap. Maka Patih Adam pun belayarlah ke Melaka.

A-277

Setelah sampai, maka Patih Adam datang kepada Seri Nara Diraja; maka kata Patih Adam, "Manira datang ini hendak menuntut janji andeka pakanira, hendak mendudukkan manira dengan anakanda." Maka kata Seri Nara Diraja, "Tiada Hamba berjanji hendak mendudukkan anak hamba dengan tuan hamba." Maka kata Patih Adam, "Tiadakah tatkala anakanda lagi kecil, berlari-lari, maka kata tunku, 'Patih Adam, dengar juga anak hamba ini hendak berlakikan tuan hamba.'" Maka sahut Seri Nara Diraja, "Sungguh hamba berkata demikian, tetapi hamba bergurau juga dengan tuan Hamba." Maka kata Patih Adam, "Adakah adat Peremasan diperguraukan orang?" Maka Patih Adam pun kembalilah ke persenggerahannya. Maka berbicara dalam hatinya hendak merogol Tun Minda. Akan Tun Minda pun telah besarlah, berumah sendiri. Maka oleh Patih Adam diemasinya segala penunggu pintu Seri Nara Diraja, katanya pada penunggu pintu itu, "Berilah aku masuk dengan empat puluh orang peria ini juga." Maka kabullah penunggu pintu itu memberi masuk ke rumah Tun Minda; sebab ia diupah itu, hilanglah setianya. Sungguhlah seperti sabda amiru'l-mu'minin Ali Karamma 'llahu wajhahu: *Jindaru l-wafà 'ala man la asla lahur*, yakni sia-sia setia atas orang yang tiada berbangsa baginya.

B-218

Pada suatu malam, masuklah Patih Adam dengan empat puluh peria yang pilihan itu; maka Patih Adam pun naiklah ke rumah Tun Minda. Maka Tun Minda hendak lari, ditangkap oleh Patih Adam; maka orang pun gemparlah. Seri Nara Diraja pun diberi orang tahu; maka Seri Nara Diraja pun terlalu amarah, lalu menyuruh mengampungkan orang. Maka segala orang pun berkampunglah dengan segala setianya, maka dikepung oranglah rumah Tun Minda. Adapun Patih Adam, duduk juga ia di sisi Tun Minda, ditindihnya paha Tun Minda; maka diurainya sabuknya, diikatkannya pada pinggang Tun

A-278

Minda, sekerat diikatkannya pada pinggangnya, kerisnya pun dihunusnya. Maka rupa senjata orang yang mengepung itu berlapis-lapis. Maka segala anak peria itu pun melawan, habis mati dibunuh orang; serta mati seorang, diberitahu oleh penakawannya pada Patih Adam, "Pangeran, si anu *sampun pejah*." Maka sahut Patih Adam, "*Dendamene*," ertinya biarlah. Dengan demikian keempat puluhnya habis mati dibunuh orang. Maka diberitahu oleh penakawannya pada Patih Adam, katanya, "*Punapa karsa andeka dening peria 'i punika kabeh sampun pejah*." Maka sahut Patih Adam, "*Dendamene kang sampun pejah ingsun putera dalem ikabela nanging peratu*," ertinya, biarnyalah habis mati semuanya, akan aku anak orang besar ini pun bela aku padalah.

- A-279** Hatta maka dinaiki oranglah rumah itu; maka dilihat orang Patih Adam duduk bertindih paha dengan Tun Minda. Kata Patih Adam, "Jika aku kamu bunuh, anak orang ini pun kubunuh." Maka segala kata Patih Adam pun diberi orang tahu pada Seri Nara Diraja.
- B-219** Maka kata Seri Nara Diraja, "Janganlah Patih Adam itu dibunuh, takut anak hamba dibunuhnya; kerana pada hamba, jikalau seluruh Jawa itu pun sekali habis, jika anak hamba mati tiada hamba samakan." Maka tiadalah jadi Patih Adam dibunuh orang; maka dikahwinkan oleh Seri Nara Diraja dengan Tun Minda.

Adapun Patih Adam selama di Melaka itu, tiada pernah ia bercerai dengan Tun Minda barang sejadi juga, barang ke mana ia pergi bersama-sama juga dengan Tun Minda. Setelah datanglah musim akan kembali ke Jawa, maka Patih Adam pun bermohonlah pada Seri Nara Diraja, hendak kembali ke Jawa membawa Tun Minda; maka dikabulkan oleh Seri Nara Diraja. Maka Patih Adam pun mengadap Sultan Mahmud, bermohon hendak kembali ke Jawa; maka dipersalin oleh baginda dengan selengkap pakaian, dan dianugerahi dengan sepertinya. Setelah itu maka Patih Adam pun kembalilah ke Surabaya. Adapun Patih Adam beranak dengan Tun Minda seorang lelaki, Patih Hussain namanya; itulah moyang Pangeran Surabaya yang kena amuk.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Memintang "Puteri Gunung Ledang"

- A-280** Hatta berapa lamanya, maka isteri Sultan Mahmud, bonda Raja Ahmad itu pun mangkat; maka Sultan Mahmud pun

sangat bercinta, Maka baginda memberi titah pada Bendahara dan pada segala Orang Besar-besar, "Apa bicara Orang Kaya sekalian, kerana negeri Melaka sekarang'g tiada beraja perempuan?"

Maka sembah Bendahara dengan segala Orang Besar-besar, "Anak raja mana yang hendak tuanku pinang? Supaya patik sekalian kerjakan."

Maka titah Sultan Mahmud, "Jikalau kita hendak beristerikan sama anak raja, raja yang lain adalah; yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja-raja yang lain, itulah yang hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak menyuruh meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setia lah kita titahkan."

Maka sembah Laksamana dan Sang Setia, "Baiklah tuanku." Maka Tun Mamad dititahkan berjalan dahulu membawa orang Inderagiri akan menebas jalan, kerana Tun Mamad penghulu orang Inderagiri. Maka Laksamana dan Sang Setia pun pergilah sama-sama dengan Tun Mamad. Berapa hari lamanya di jalan, sampailah ke kaki Gunung Ledang. Maka Laksamana dan Sang Setia, dan Tun Mamad dengan segala orang sertanya itu pun naiklah ke Gunung Ledang, Dendang Anak namanya Benua membawa jalan, itu pun terlalu sukar; angin pun bertiup terlalu keras; baharu kira-kira berTerigah gunung itu, maka tiadalah ter naik lagi oleh segala mereka itu. Maka kata Tun Mamad pada Laksamana dan Sang Setia, "Berhentilah Orang Kaya dahulu di sini, biar beta naik." Maka kata Laksamana dan Sang Setia, "Baiklah."

B-220

A-281

Maka Tun Mamad pun naiklah dengan dua orang yang pantas berjalan sertanya, naik ke Gunung Ledang itu. Setelah datanglah had buh perindu, maka Tun Mamad dengan dua orang yang naik itu, seperti akan terbanglah rasanya, daripada sangat amat keras angin bertiup; maka awan pun seperti dapat dicapai lakunya, dan bunyi buluh perindu itu terlalu merdu bunyinya, burung terbang dengan suatu taman; terlalu indah perbuatannya. Maka Tun Mamad pun masuk ke dalam taman itu, maka dilihatnya serba bunga yang ada di dalamnya pelbagai jenis, dan buah-buahan yang ada di dalam dunia ini adalah didalam taman itu, sekaliannya lengkap dengan jambangannya, pelbagai rupa jambangannya. Setelah segala mergastua dan segala kayu-kayuan di dalam taman itu melihat Tun

Mamad datang, maka segala burung itu pun berbunyi, pelbagai bunyinya; ada yang seperti orang bersyair, ada yang seperti orang berbait, ada yang seperti orang berseloka, ada yang seperti orang bergurindam; maka limau manggar pun bersorak, anggerik pun mengilai, delima pun tersenyum; maka bunga air mawar pun berpantun serta berseloka, katanya:

A-283

"Asa-asaan gigi si Mambang, hendak makan ikan;
Dalam telaga lagi bertelur, sisiknya gilang gemilang."

Maka disahut oleh bunga tanjung, katanya:

"Dang Nila memangku puan,
Berembang buah pedada;
Adakah gila bagimu tuan,
Burung terbang dipipiskan lada."

Maka dijawab oleh bunga telipuk:

"Kuning Ledang bagai dikarang,
Riang-riang disambar wakab;
Hairan memandang dunia sekarang,
Bayang-bayang hendak ditangkap."

Maka Tun Mamad 'pun hairanlah mendengar reneana taman itu, seraya berjalan ke Terigah taman itu. Maka Tun Mamad pun bertemu dengan sebuah balai, semua perkakasnya tulang dan atapnya rambut; di atas balai itu ada seorang perempuan tua, baik rupanya, menyampai kain pendukung; empat orang perempuan muda-muda mengadap dia. Maka ia bertanya pada Tun Mamad, katanya, "Orang mana kamu ini, dan hendak ke mana kamu?" Maka kata Tun Mamad, "Kami ini orang Melaka, dan hamba Tun Mamad, dititahkan oleh Sultan Mahmud Syah meminang Puteri Gunung Ledang, Laksamana dan Sang Setia ada di bawah gunung ini, tiada boleh naik, akan hamba disuruhnya; dan tuan hamba, siapa nama tuan hamba?"

B-221

Maka sahut perempuan itu, "Nama hamba Dang Raya Rani, hambalah pengetua Puteri Gunung Ledang; nantilah hamba di sini, biar hamba persembahkan segala kata tuan hamba itu pada tuan puteri."

Setelah ia berkata, maka kelimanya lenyaplah; ada kadar sesaat maka kelihatan pula seorang perempuan tua, bongkok belakangnya lipat tiga, Maka ia berkata pada Tun Mamad,

"Adapun segala kata tuan Hamba itu sudahlah dipersembahkan oleh Dang Raya Rani pada tuan Puteri Gunung Ledang; akan titah tuan puteri, "Jikalau raja Melaka hendakkan aku, perbuatkanlah aku jambatan emas satu dan jambatan perak satu, dari Melaka datang ke Gunung Ledang itu. Akan peminangnya hati nyamuk tujuh dulang; hati kuman tujuh dulang; air mata setempayan; air pinang muda setempayan; darah anak raja yang bernama Raja Ahmad itu semangkuk. Jikalau ada demikian kabullah tuan puteri akan kehendak raja Melaka itu." Setelah sudah ia berkata demikian lenyaplah ia, Pada suatu riwayat, orang tua yang berkata-kata itulah Puteri Gunung Ledang, merupakan dirinya seperti orang tua.

A-283

Setelah itu maka Tun Mamad pun turunlah dari sana kembali pada Laksamana dan Sang Setia. Maka segala kata Puteri Gunung Ledang itu semuanya dikatakannya pada Laksamana dan Sang Setia. Setelah itu sekaliannya pun turunlah dari Gunung Ledang, berjalan kembali ke Melaka. Berapa lamanya di jalan sampailah ke Melaka. Maka Laksamana dan Sang Setia dan Tun Mamad pun masuklah menghadap Sultan Mahmud Syah; maka segala kata yang didengarnya daripada Puteri Gunung Ledang itu semuanya dipersembhkannya kepada Sultan Mahmud. Maka titah baginda, "Semua kehendaknya itu, dapat kita adakan; mengeluarkan darah anak kita itu juga apatah daya; kerana tiada sampai hati kita." *Wallahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u wa'l-ma'ab.*

Tepuk Berbalas, Alang Berjawat

Alkisah maka tersebutlah perkataan raja Inderagiri Sutan Nara Singa, menjadi menantu marhum Melaka, masa kembali dari Melaka ke Inderagiri. Adapun pada ketika itu, segala Anak Tuan-tuan Inderagiri tiada dimalui oleh segala Anak Tuan-tuan Melaka. Apabila segala Anak Tuan-tuan Melaka berjalan ke sana, sini, maka bertemu pada tempat yang lecah atau sungai, maka dipanggilnya Anak Tuan-tuan Inderagiri; maka ia minta dukung melalui lecah itu. Sudah seorang, seorang ia berdukung pada Anak Tuan-tuan Inderagiri; pada seorang Anak Tuan-tuan Inderagiri, dua tiga orang Anak Tuan-tuan Melaka, berganti-ganti ia berdukung. Maka segala Anak Tuan-tuan Inderagiri pun berdatang sembah pada Sutan Nara Singa, "Tuanku, mari kita bermohon kembali ke Indera-

B-222
A-284

giri, kerana tiada kuasalah patik sekalian duduk di Melaka ini, tiada sekali-kali diumpamakan oleh segala orang Melaka ini; dijadikannya seperti hambanya." Maka titah Sutan Nara Singa, "Baiklah."

Maka Sutan Nara Singa pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah; pada ketika itu baginda sedang dihadap orang. Maka Sutan Nara Singa pun berdatang sembah ke bawah duli Sultan Mahmud, sembahnya, "Tuanku, jikalau ada kurnia Yang Dipertuan, patik hendak bermohon kembali ke Inderagiri, kerana sungguhpun ada negeri patik dianugerahi duli Yang Dipertuan, tiada patik melihat dia." Maka tiada dilepas oleh Sultan Mahmud Syah; lalu baginda pun diam.

A-285 Setelah berapa lamanya, maka Sutan Nara Singa bermohon; dikatakan hendak membawa isteri baginda bennain, lalu berlepas kembali ke Inderagiri. Setelah datang ke Inderagiri, didapati baginda Maharaja Tuban, ayah saudara baginda sudah mati, tinggal anaknya Maharaja Isap, ialah jadi raja Inderagiri. Setelah Sultan Nara Singa datang, maka Maharaja Isap diincitkan oleh Tun Kecil dan Tun Bali, nama Orang Besar di Inderagiri. Maka Maharaja Isap lari ke Lingga. Adapun anak raja Lingga bernama Maharaja Megat, anak Maharaja Terengganu; maka oleh Maharaja Megat diambilnya Maharaja Isap akan menantu. Setelah Maharaja Megat mati, Maharaja Isaplah menjadi raja di Lingga. Berapa lama antaranya, maka Maharaja Isap pun mengadap ke Melaka. Maka oleh Sultan Mahmud Syah dianugerahi persalinan dengan selengkapnya.

B-223 Setelah Sutan Nara Singa mendengar Maharaja Isap mengadap ke Melaka, maka diserangnya Lingga; habis ditawannya anak isteri Maharaja Isap, dibawanya ke Inderagiri. Setelah mendengar Sutan Nara Singa melanggar Lingga, maka Maharaja Isap pun bermohonlah ke bawah duli Sultan Mahmud, lalu kembali ke Lingga; didapatinya segala anak bini pegawai Lingga seorang pun tiada ditawani oleh Sutan Nara Singa, hanya pihak dirinya juga. Maka Maharaja Isap apabila kembali ke Melaka, dihadap oleh segala hulubalanginya, mukanya dipalitnya dengan arang; serta ia duduk ditegur oleh pegawainya, katanya, "Muka kanda itu arang." Maka oleh Maharaja Isap disapunya. Hari esoknya, apabila dihadap hulubalanginya, dibubuhnya juga mukanya arang; ditegur oleh hulubangnya. Maka kata Maharaja Isap, "Dapatkah empuk semua meng-

A-286

hapuskan arang di muka hamba itu?" Maka segala hulubalang Lingga pun tahulah akan maksud Maharaja Isap itu; masing-masing berdatang sembah, katanya, "Baiklah tuanku, patiklah membasuh arang di muka kanda dengan air Sungai Inderagiri. Bila tuanku titahkan patik semua kerjakan." Maka kata Maharaja Isap, "Jikalau sudah sekata, sabarlah dahulu, kerana puteri Sultan Melaka ada di Inderagiri. "

Hatta berapa lamanya, maka Sutan Nara Singa pun mengadap ke Melaka dengan isterinya. Setelah didengar oleh Maharaja Isap, Sutan Nara Singa dengan isterinya ke Melaka itu, lalu ia berlengkap, setelah sudah lengkap, lalu diserangnya Inderagiri alah; segala anak gundik Sultan Nara Singa habis dibawanya ke Lingga.) Setelah itu lalu Maharaja Isap mengadap ke Melaka. Maka Sutan Nara Singa pun telah mendengar khabar Maharaja Isap melanggar Inderagiri, baru ia hendak masuk bermohon kepada Sultan Mahmud, Maharaja Isap pun datang mengadap; tatkala itu Sultan Mahmud sedang dihadap orang, akan membicarakan pekerjaan Maharaja Isap melanggar Inderagiri itu, Setelah datanglah Maharaja Isap, lalu ia menjunjung duli, dan lalu duduk pada tempatnya yang sediakala itu. Maka Sultan Mahmud pun memandang Bendahara Seri Maharaja dengan isyarat; maka Bendahara pun bertanya kepada Maharaja Isap, "Iakah Maharaja Isap menyerang Inderagiri? Tiadakah kah Maharaja Isap ketahui, Sutan Nara Singa menantu ke bawah duli Yang Dipertuan?" Maka sahut Maharaja Isap, "Sungguh tunku hamba tunku langgar Inderagiri; sedia hamba tunku ketahui Sutan Nara Singa menantu ke bawah duli Yang Maha Mulia; akan tetapi tatkala Sutan Nara Singa menyerang Lingga, menawani anak perempuan hamba tunku, tiada hamba tunku derhaka ke bawah duli Yang Dipertuan Yang Maha Mulia; dan salah hamba tunku kepada Sutan Nara Singa, hamba tunku mengadap ke bawah duli di Melaka ini; masa Sutan Nara Singa keluar dari Melaka kembali ke Inderagiri, anak perempuan hamba tunku ditawaninya. Itulah sebabnya maka Inderagiri hamba tunku langgar; itu pun setelah hamba tuanku dengar puteri Yang Dipertuan telah ke Melaka, melainkan hamba tunku mengharap ampun duli Yang Maha Mulia juga semata-mata."

B-224
A-287

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Setelah Sultan Mahmud mendengar sembah Maharaja Isap itu, maka baginda pun berkenan mendengar dia. Maka oleh

Sultan Mahmud Syah, antara keduanya dimuafakatkan; maka Sutan Nara Singa dan Maharaja Isap pun muafakatliah, seperti saudara lakunya.*

Setelah itu keduanya pun bermohonlah kepada Sultan Mahmud, masing-masing kembali ke negerinya. Sebab itulah raja Inderagiri dan raja Lingga itu berkeluarga daripada anak cucu Maharaja Isap.

Hang Nadim Dititahkan ke Benua Keling

A-288 Hatta maka Sultan Mahmud pun hendak menyuruh ke benua Keling, membeli kain serasah empat puluh bagai; pada sebagai empat puluh helai; pada sehelai empat puluh perkara bunganya. Maka Hang Nadim dititahkan baginda ke benua Keling membeli kain itu; kerana Hang Nadim itu terlalu pandai barang pekerjaan. Adapun Hang Nadim itu sedia asal temak Melaka, dan keluarga yang hampir juga kepada Bendahara Seri Maharaja, menantu kepada Laksamana Hang Tuah. Maka Hang Nadim pun pergilah naik kapal Hang Isap; kerana orang Melaka pada masa itu, rata-rata berkapal segala yang bermodal. Maka belayarlah ia ke benua Keling.

B-255 Setelah berapa lamanya di jalan, sampailah ia ke benua Keling. Maka Hang Nadim pun masuk mengadap raja benua Keling; maka segala kehendak Sultan Mahmud itu semuanya dikatakannya kepada raja Keling. Maka raja Keling pun menyuruh menghimpunkan segala orang yang tahu menulis; maka sekalian mereka itu pun berkampunglah, ada kadar lima ratus banyaknya. Maka disuruh oleh raja Keling menulis seperti kehendak Hang Nadim itu; maka dituliskan oleh segala penulis itu. Setelah sudah, ditunjukkan pada Hang Nadim, maka tiada berkenan pada Hang Nadim. Maka ditulis oleh segala pandai Keling itu pula yang lain, itu pun tiada berkenan pada Hang Nadim. Maka kata segala penulis banyak itu, "Hanya inilah pengetahuan kami sekalian, jika lain daripada ini tiadalah kami sekalian tahu; tetapi berilah kami teladannya oleh Hang Nadim, supaya kami sekalian turut." Maka kata Hang Nadim, "Marilah peta dengan dawat itu." Maka segera diberikan oleh

A-289

*Peristiwa Sutan Nara Singa menyerang Lingga dan serangbalas Maharaja Isap ke atas Inderagiri serta perihal mengenai peristiwa itu tiada terse but dalam naskhah Shellabear mahu pun naskhah Abdullah.

Keling itu peta dan dawat pada Hang Nadim. Maka oleh Hang Nadim ditulisnyalah pada kertas, bunga yang seperti kehendak hatinya itu.

Setelah dilihat oleh segala penulis Keling yang banyak, maka sekaliannya hairan tercengang, melihat kelakuan tangan Hang Nadim menulis itu. Telah sudah, oleh Hang Nadim ditunjukkannya pada segala pandai menulis yang banyak itu, katanya, "Demikianlah bunga yang hamba kehendaki. Maka hendak diturut oleh segala penulis itu, tiada dapat, tangannya gementar. Dalam pada penulis Keling beratus-ratus itu, melainkan dua orang juga yang dapat menurut; barang yang ditulis Hang Nadim itu diturutnya. Kata segala Keling banyak itu, "Adapun kami tiadalah dapat menulis di hadapan Hang Nadim, melainkan pulang ke rumah kami kelak kami tulis." Maka kata Hang Nadim, "Baiklah." Maka sekaliannya pun pulanglah ke rumah masing-masing menu lis. Setelah sudah lengkap ditulis semuanya kain yang seperti kehendak hati Hang Nadim itu, maka diserahkanlah kepada Hang Nadim.

Hatta musim kembali pun datanglah, maka Hang Isap pun hendak kembali; Hang Nadim pun naiklah ke kapal. Hang Nadim dan Hang Isap akan bersama-sama kembali, bermuat segala hartanya ke dalam kapal Hang Isap itu. Adapun akan Hang Isap itu berniaga dengan seorang Saiyid, hamba Allah. Pada kira-kira Saiyid itu, ada emasnya sedikit lagi pada Hang Isap. Hang Isap berkata, "Tiada." Maka berbantahlah Saiyid itu dengan Hang Isap. Maka kata Hang Isap, "Wali apa ini gerangan, yang menuduh orang tiada sebenarnya ini? Wali pelir gerangan namanya." Maka kata Saiyid itu, "Hei Isap, aku seorang hamba Allah, engkau namai buah pelir; adapun engkau kembali ini kharablah." Maka Hang Nadim segera menyembah kaki Saiyid itu, katanya, "Tuan sahaya jangan dimasukkan; mohonkan ampun, sahaya jangan dibawa-bawa pada pekerjaan itu." Maka oleh Saiyid itu disapu-sapunya belakang Hang Nadim, katanya, "Nadim, *antun sallamat*." Maka Saiyid itu pun pulanglah ke rumahnya. Maka Hang Isap pun belayarlah hendak kembali ke Melaka. Maka setelah datang ke laut Selon, hujan tiada, ribut tiada, tiba-tiba kapal itu dengan seisinya Teriggelam. Maka Hang Nadim dengan berapa orang sertanya, lepas bersama dengan hartanya sedikit sebanyak; lalu ia ke Selon.

B-226

A-290

A-291

Setelah didengar oleh raja Selon, maka dipanggilnya Hang Nadim. Maka oleh raja Selon, Hang Nadim disuruhnya membuat tanglong telur; maka oleh Hang Nadim kulit telur itu diukimya, terlalu indah perbuatannya. Maka dipasangnya dian, terlalulah ajaib rupanya. Setelah sudah, dipersembhkannya kepada raja Selon tanglong telur itu; maka terlalulah sukacita raja Selon melihat perbuatannya. Maka Hang Nadim dipersalin oleh raja Selon, dan beberapa anugerahnya berbagai-bagai jenis; maka hendak dipegangnya sekali, tetapi Hang Nadim dapat berlepas, menurupang kapal orang ke Melaka.

Setelah datang ke Melaka, maka Hang Nadim pun masuk mengadap Sultan Mahmud. Kain yang dibelinya itu, hanya empat helai yang lepas; maka dipersembhkannya kepada Sultan Mahmud Syah. Maka segala perihal ehwal semuanya dipersembahkan kepada baginda. Maka titah Sultan Mahmud, "Sudah diketahui Hang Isap disumpah oleh Saiyid itu, mengapa maka Hang Nadim menumpang juga pada kapalnya?" Maka sembah Hang Nadim, "Sebab pun patik naik pada kapal Hang Isap, kerana kapal lain lambat akan belayar. Jika patik nanti kapal yang lain lambatlah patik kembali mengadap ke bawah duli Yang Dipertuan."

B-227

Maka Sultan Mahmud pun terlalu sangat murka akan Hang Nadim. Hatta maka Laksamana Hang Tuah pun kembalilah ke rahmat-Allah Taala, maka oleh Sultan Mahmud ditanamkan di Tanjung Keling, dengan sepenuh-penuh adat dianugerahkan; tiga hari baginda tiada nobat. Maka Khoja Hassanlah jadi Laksamana, menggantikan mertuanya. Maka Laksamana Khoja Hassan beranak dengan anak Laksamana Hang Tuah seorang lelaki, bernama Tun Abdul. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u wa'l-ma'ab.*



ديوان بهاس دان پوسٲاڪا
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

XI


Seri Wak Raja Dengan Gajah Pahang

ALKISAH maka tersebutlah perkataan Sultan Muhammad, raja Pahang yang pertama, telah mangkat; maka tinggal anakanda baginda tiga orang lelaki, seorang bernama, Raja Abdul Jamal; seorang bernama Raja Muzaffar; dan seorang bernama Raja Ahmad. Maka anakanda baginda Raja Jamallah kerajaan, menggantikan ayahanda baginda; gelar baginda di atas kerajaan Sultan Abdul Jamal Syah. Baginda beristerikan saudara Sultan Mahmud, beranak seorang lelaki bernama Raja Mansur, terlalu baik parasnya.

A-292

Adapun akan Bendahara Pahang pada masa itu, Seri Amar Bangsa Diraja gelamya; dia ada beranak seorang perempuan, Tun Teja Ratna Menggala namanya, terlalu baik parasnya; dalam negeri Pahang seorang pun tiada samanya pada zaman itu, Pada barang lakunya sedap manis, penglipur lara tiada berbagai; dan akan Tun Teja itu jika lada sulah dikesipnya dengan giginya, betul belah dua, tiada sipi; demikianlah peri akasnya. Maka hendak dibuat isteri oleh Sultan Abdul Jamal akan Tun Teja itu; maka Bendahara Pahang pun kabullah, sekadar lagi bertangguh musim datang akan bekerja,

Maka Sultan Abdul Jamal pun menitahkan Seri Wangsa Diraja menghadap ke Melaka membawa rahab, dan memberi tahukan ayahanda baginda sudah mangkat itu. Maka surat pun diarak orang ke perahu, dan Seri Wangsa Diraja pun pergilah. Beberapa lamanya di jalan sampailah ke Melaka. Maka Sultan Mahmud pun keluar ke balairung dihadap orang;



B-228 maka surat disuruh baginda jemput seperti adat sediakala juga. Setelah sudah surat datang ke balai, lalu dibaca, demikian bunyinya: "Patik itu Abdul Jamal, dan patik itu Muzaffar, dan patik itu Ahmad, empunya sembah, datang ke bawah duli Yang Dipertuan. Adapun akan paduka ayahanda telah kembali ke rahmat Allah; *kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un.*" Setelah Sultan Mahmud mendengar paduka ayahanda baginda itu mangkat, tujuh hari baginda tiada nobat. Setelah itu maka baginda menitahkan Seri Wak Raja menghantar dian dan setanggi, dan menabalkan Sultan Abdul Jamal sekali, serta menobatkan baginda, kerana baginda, belum nobat; sebab itulah Sultan Mahmud menitahkan Seri Wak Raja ke Pahang. Maka Seri Wak Raja pun berhadirlah perahunya; maka Seri Wangsa Diraja pun dipersalin baginda, dan surat pun diaraklah ke perahu Seri Wak Raja. Maka Seri Wak Raja pun pergilah ke Pahang, bersama-sama dengan Seri Wangsa Diraja.

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Pahang. Maka Sultan Abdul Jamal pun keluar dihadap orang di balairung; maka baginda segera menyuruh menjemput surat, seperti adat dahulu juga; setelah datang ke balairung, maka surat pun dibaca orang, demikian bunyinya: "Salam doa paduka adinda, datang kepada paduka kakanda; adapun yang telah berlaku pada hukum Allah itu, apatah daya kita akan menyalahi dia; itulah maka paduka adinda menitahkan patik itu Orang Kaya Seri Wak Raja menabalkan paduka kakanda." Maka Sultan Abdul Jamal pun terlalu sukacita mendengar bunyi surat itu. Maka Seri Wak Raja pun naik menjunjung duli, serta dikumiai sirih seperti adat.

A-294 Hatta maka Sultan Abdul Jamal pun memulai pekerjaan akan tabal itu; berjaga-jaga tujuh hari, tujuh malam. Maka Sultan Abdul Jamal pun ditabalkan oleh Seri Wak Raja. Setelah itu maka Seri Wak Raja pun bermohon hendak kembali ke Melaka; maka titah Sultan Abdul Jamal pada Seri Wak Raja, "Nantilah dahulu, mari kita fnenjerat gajah; kerana musim ini gajah akan turun, terlalu sekali suka orang menjerat gajah." Maka sembah Seri Wak Raja, "Tuanku, jikalau ada kumia duli tuanku, patik mohon juga kembali; kerana jika patik tiada keluar dalam bulan ini, nescaya akan punaturlah, jikalau akan datanglah patik di sini, murka kelak paduka adinda; akan tetapi patik terlalu sangat hasrat hendak melihat orang

menjerat gajah. Dapatkah gerangan gajah jinak ini kita lepaskan dalam negeri, maka kita suruh jerat?" Maka titah Sultan Abdul Jamal, "Entah, dapat gerangan." Maka baginda menyuruh memanggil bomor yang tahu-tahu dalam negeri Pahang itu. Maka sekaliannya pun datang; maka dikatakan baginda pada segala bomor itu seperti kehendak Seri Wak Raja. Maka sembahsegala bomor itu, "Sedang gajah liar lagi dapat kita jerat, ini konon gajah jinak." Maka kata Seri Wak Raja, "Cubalah jerat, Hamba hendak melihat orang menjerat gajah."

B-229

Maka oleh Sultan Abdul Jamal, disuruh baginda lepaskan seekor gajah jinak, maka dikepong oranglah dengan beberapa ekor gajah yang lain, dan beberapa orang bomor yang tahu A-295 memegang jerat, seperti laku orang menjerat gajah liar, demikianlah rupanya. Maka disaukannyalah jerat itu pada kaki gajah yang dilepaskan itu, tiada kena; terkena pada kaki gajah yang lain, dan terkena kepada leher samanya bomor dan pada kakinya, rebah rirupah tertiarap. Maka segala bomor itu pun hairanlah akan dirinya; maka sembah segala bomor itu pada Sultan Abdul Jamal, "Ampun tuanku, tiadalah dapat patik sekalian menjerat gajah di hadapan Orang Kaya Seri Wak Raja ini, kerana sangat terlalu tahu kepada gajah." Maka Sultan. Abdul Jamal terlalu malu melihat perihal itu, lalu baginda masuk ke dalam istana; maka segala yang mengadap pun masing-masing pulang ke rumahnya.

Setelah keesokan harinya, maka oleh Sultan Abdul Jamal gajah baginda yang bernama Gerupal itu, disuruh baginda gosoki minyak, terlalu licin; tiada diberi baginda bertekan sekadar berjijak juga. Adapun akan Gempal itu buntutnya terlalu curam, sehingga dua orang juga yang dapat duduk di atasnya, jika tiga orang nescaya jatuh; dua itu pun jikalau bertekan maka dapat duduk. Setelah itu maka Sultan Abdul Jamal pun naiklah ke atas Gerupal itu, lalu berjalan ke rumah Seri Wak Raja. Maka Seri Wak Raja diberi orang tahu, "Yang Dipertuan Pahang berangkat datang." Maka Seri Wak Raja segera turun berdiri di tanah; maka titah Sultan Pahang, "Tuan, mana anakanda? Mari hendak beta bawa naik gajah." Maka sembah Seri Wak Raja, "Ada, tuanku." Pada hatinya, "Hendak dibunuh bagindakah anakku ini? Gajah yang demikian curam punggungnya, tiada diberinya bertekan, dan diminyakinya pula.

A-296

Setelah demikian fikirnya, maka Seri Wak Raja pun me-

B-230

nyeru anaknya, katanya, "Umar! Umar! Mari engkau, Sultan hendak membawa engkau bergajah." Maka Tun Umar pun segera datang, maka oleh Seri Wak Raja, dibisiknya sesuatu pada Tun Umar. Setelah sudah, maka Sultan Abdul Jamal pun menderumkan gajah, maka Tun Umar pun segera naik ke buntut gajah itu. Maka gajah itu pun berdirilah, lalu berjalan ke Air Hitam. Maka oleh Sultan Abdul Jamal, pada cenderung yang tinggi-tinggi dengan terjalnya, di sana dibawa baginda bergajah naik turun; pada hati baginda supaya Tun Umar jatuh; oleh Tun Umar apabila dirasainya dirinya akan tergelulur, maka ditekannya pinggang gajah itu dengan isyarat; maka berapa pun digerak oleh Sultan Pahang, tiada juga gajah itu berjalan; daripada sangat digerak baginda, kakinya yang di hadapan terkapai-kapai hendak berjalan, kakinya yang di belakang tiada juga bergerak. Setelah baiklah pada rasa Tun Umar duduknya, maka dilepaskannyalah, maka baharulah gajah itu berjalan; dua tiga kali pun demikian juga. Maka Sultan Abdul Jamal pun terlalu hairan, maka baginda pun kembalilah ke istana baginda.

B-297 Setelah itu maka Seri Wak Raja pun bermohonlah kembali. Maka Sultan Abdul Jamal pun membalas surat dan memberi persalin akan Seri Wak Raja. Maka surat pun diarak oranglah ke perahu; setelah itu maka Seri Wak Raja pun kembalilah ke Melaka. Maka surat pun diarak oranglah ke dalam, maka sampai lalu dibaca. Maka Sultan Mahmud Syah pun terlalu sukacita mendengar bunyi surat itu, dan mendengar kelakuan Seri Wak Raja tatkala di Pahang itu; beberapa puji baginda akan Seri Wak Raja, dan dianugerahi persalin dengan sepertinya. Maka Seri Wak Raja pun berkhabarkan peri baik parasnya Tun Teja, anak Bendahara Pahang, tiadalah ada samanya seorang jua pun pada zaman ini; tetapi sudah bertunangan dengan Sultan Pahang, hampirlah akan duduk.



Peri Cantiknya Paras Anak Bendahara Pahang

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2006

B-231 Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar khabar Seri Wak Raja itu, maka baginda pun inginkan rasanya akan anak Bendahara Pahang yang sangat baik paras dengan akasnya itu; sebab itulah dibuat orang pantun:

Tun Teja Ratna Menggala,
Pandai membelah lada sulah;

Jikalau tuan tidak percaya,
Mari bersurupah kalam Allah.

Maka titah baginda, "Barang siapa membawa anak Bendahara Pahang itu ke mari, apa yang dikehendakinya kita anugerahi akan dia; umpamanya jika ia hendakkan sekerat kerajaan kita sekalipun kita anugerahkan; dan apa pun dosanya tiada kita bunuh. Adapun tatkala itu Hang Nadim ada di bawah penghadapan itu. Setelah ia mendengar titah demikian itu, maka Hang Nadim pun berbicara dalam hatinya, "Baik aku pergi ke Pahang, mudah-mudahan dapat Tun Teja itu ; ke bawah duli Yang Dipertuan akan menghapuskan dosaku." Setelah demikian fikirnya, maka Hang Nadim pun pergilah menumpang balok orang ke Pahang. Setelah datang ke Pahang, maka Hang Nadim bersahabat dengan seorang nakhoda, Saiyid Ahmad namanya, terlalu berkasih-kasihan. Maka kata Hang Nadim pada Nakhoda Saiyid Ahmad, "Tuan hamba kasih akan hamba ini, kasih sungguh-sungguhkah?" Maka sahut Nakhoda Saiyid Ahmad, "Mengapa tuan hamba mengatakan kata demikian ini kepada Hamba? Pada perasaan hamba, hingga atas nyawa hamba sekalipun akan ubat tuan Hamba, redalah hamba."

A-298

Setelah Hang Nadim mendengar kata Nakhoda Saiyid Ahmad demikian itu, maka kata Hang Nadim, "Sungguhkah Tun Teja, anak Bendahara Pahang itu, terlalu baik konon rupanya? Ingin pula rasa hamba hendak melihat rupanya." Maka kata Nakhoda Saiyid Ahmad, "Sungguh, tetapi sudah bertunangan dengan Sultan Pahang. Apa daya tuan hamba hendak melihat dia, kerana ia anak Orang Besar; jangankan manusia memandang dia, matahari dan bulan lagi tiada melihat dia." Maka Hang Nadim pun fikir dalam hatinya, katanya, "Apa dayaku mendapat dia?"



Kalakian maka lalu seorang perempuan tua pelulut; maka oleh Hang Nadim dipanggilnya. Maka si pelulut itu pun datang, maka dibawanya masuk ke dalam rumahnya, lalu Hang Nadim pun berlulutlah padanya. Maka kata Hang Nadim pada si pelulut itu, "Manda ini orang siapa." Maka kata perempuan tua itu, "Sahaya ini orang Datuk Bendahara." Maka kata Hang Nadim, "Adakah manda masuk ke rumah Datuk Bendahara?" Maka kata si pelulut itu, "Biasa sahaya masuk ke rumah Datuk itu, anak Datuk Bendahara yang bernama Tun Teja itu biasa berlulut pada sahaya." Maka kata Hang Nadim, "Sungguhkah

A-299

B-232

Tun Teja itu amat baik parasnya?" Maka kata si pelulut itu, "Sungguh, tiada samanya dalam negeri Pahang ini, kerana sahaya pun ratalah segala rumah Orang Besar-besar sahaya naiki, seorang pun segala anak Orang Kaya-kaya itu, tiada seperti encik Teja itu, sudah bertunangan dengan Yang Dipertuan, dijanjikan musim Jawa inilah akan kahwin." Maka kata Hang Nadim pada si pelulut itu, "Hai mandaku, dapatkah manda menanggung rahsiaku?" Maka kata si pelulut itu, "Insya-Allah Taala dapat sahaya tanggung, kerana sahaya pun biasa disuruh orang."

A-300 Maka oleh Hang Nadim, si pelulut itu diberinya emas dan kain baju terlalu banyak. Setelah si tua itu memandang harta banyak itu, maka tertawanlah hatinya akan harta dunia; maka mengakulah ia menanggung rahsia Hang Nadim. Maka kata Hang Nadim, "Jikalau dapat, hendaklah dengan daya upaya mandaku, akan Tun Teja itu mandaku bawa kepada aku, supaya kupersembahkan kepada raja Melaka." Maka diberi oleh Hang Nadim si pelulut itu suatu lulut, katanya, "Ini sapukan pada Tun Teja." Maka kata si pelulut itu, "Baiklah."

Maka si pelulut itu pun masuklah ke dalam pagar Bendahara; maka ia berseru, katanya, "Siapa hendak berlulut! Mari beta lulut!" Maka kata Tun Teja pada dayang-dayangnya, "Panggil si pelulut itu, aku hendak berlulut." Maka si pelulut itu pun masuklah ke rumah Bendahara melulut Tun Teja.

B-233 Setelah dilihat oleh si pelulut itu orang sunyi, berkatalah si pelulut itu pada Tun Teja, "Sayangnya sahaya melihat rupa tuan, terlalu baik parasnya ini akan berlakikan raja ini; jikalau raja yang besar lagi alangkah baiknya?" Maka kata Tun Teja, "Siapa pula raja besar daripada raja Pahang ini?" Maka kata si pelulut itu, "Raja Melaka raja besar daripada raja Pahang ini, lagi dengan baik parasnya." Maka Tun Teja pun diam mendengar kata si pelulut itu. Maka oleh si pelulut akan lulut daripada Hang Nadim itu, disapukannya pada tubuh Tun Teja, seraya dibujuk-bujuknya Tun Teja, dengan kata yang lemah lembut, lagi dengan manis mulutnya mengeluarkan kata-kata itu, katanya, "Sekarang pun ada hamba raja Melaka di sini, Hang Nadim namanya; disuruh baginda mengambil tuan. Hendak pun disuruh baginda dengan kebesaran, kalau-kalau tiada diberi oleh Yang Dipertuan Pahang; sebab itulah maka disuruhnya curi pada Hang Nadim. Jikalau tuan mau dibawa-

A-301

nya ke Melaka, nescaya diperisteri oleh raja Melaka, kerana baginda tiada beristeri kerajaan, tuanlah kelak jadi raja perempuan di Melaka. Jikalau tuan diperisteri oleh raja Pahang, bermadulah tuan dengan raja perempuan Pahang. Jikalau tuan jadi isteri Raja Melaka, tiada dapat tiada menyembah kelak raja perempuan Pahang kepada tuan."

Maka Tun Teja pun redalah mendengar kata perempuan tua si pelulut itu, sebab itulah maka tiada diberi oleh segala orang yang berakal, anak cucunya berlulut pada si pelulut; adalah seperti kata syair: *La ta'mananna 'ajuzatan dakhalu bal ta'mananna asadan ma'a l-ghanama*; yakni, jangan kamu percaya akan perempuan tua masuk ke rumah karnu; adakah harimau dipercayai serta kawan kambing? Maka kata Tun Teja, "Kalau hamba tiada dipersembhkannya pada raja Melaka, takut Hang Nadim mengambil hamba akan isteri."

Setelah dilihat oleh si pelulut itu bahawa Tun Teja telah redalah rupanya, maka si pelulut itu pun pergilah memberitahu Hang Nadim. Segala kata-kata Tun Teja itu semuanya dikatakannya pada Hang Nadim, maka sahut Hang Nadim, "Hai mandaku, adalah bagai pantun orang:

Tun Teja Ratna Menggala,
Pandai membelah lada sulah;
Jika tuan tidak percaya,
Mari bersumpah kalam Allah."

Tun Teja Dilarikan Ke Melaka



Maka si pelulut pun pergilah pada Tun Teja, segala kata-kata Hang Nadim itu, semuanya dikatakannya. Maka kata Tun Teja, "Jika demikian kabullah Hamba. Maka si pelulut itu pun pergi pula pada Hang Nadim, menyampaikan segala kata Tun **A-302** Teja itu. Maka Hang Nadim pun terlaJu sukacita, mendengar kata si pelulut itu; lalu ia pun pergilah pada Nakhoda Saiyid Ahmad, katanya, "Adapun Hamba datang kepada tuan hamba ini sedia minta disertai ajal, itu pun jika tiada 'aradh kepada hati tuan hamba, semata-mata hamba harap akan kasih tuan hamba." Maka kata Nakhoda Saiyid Ahmad, "Janganlah tuan hamba berdukacita lagi, hingga nyawa hamba, hamba sertakan; tuan hamba, berkata benarlah tuan hamba," **B-234** Maka oleh Hang Nadim segala perihalnya sudah berjanji

A-302

B-234

dengan Tun Teja itu, semuanya dikatakannya pada Nakhoda Saiyid Ahmad; maka kata Hang Nadim, "Jikalau sudah putus kasih tuan hamba akan hamba, baliklah tuan hamba ke jong tuan hamba, nantilah di Kuala Pahang; insya-Allah Taala dinihari kelak hamba hilir mendapatkan tuan hamba, lalulah kita ke Melaka; insya-Allah Taala apabila selamat kita ke Melaka, tuan hamba diperbesar oleh duli Yang Dipertuan." Maka kata Nakhoda Saiyid Ahmad, "Insya-Allah Taala, baiklah." Maka Nakhoda Saiyid Ahmad pun mengerahkan segala orangnya bersegera naik ke jong, "Kerana musim telah dekat, ketika Terigah hari inilah kita keluar," katanya. Adapun Nakhoda Saiyid Ahmad itu terlalu baik jejaknya, patut dengan budi pekertinya lagi berani. Setelah siaplah segala orangnya, maka ia pun naiklah ke jongnya, lalu hilir ke Kuala Pahang, hingga di luar alangan, di sanalah ia berhenti.

A-303 Setelah hari malam, maka Hang Nadiin pun memanggil si pelulut, disuruhnya emasi segala penunggu pintu Bendahara Pahang. Maka si pelulut itu pun pergilah mengemasi segala penunggu pintu; maka sekaliannya itu pun setialah dengan Hang Nadim. Setelah hampir dinihari, pada ketika sedang sedap orang tidur, maka oleh si pelulut dibawanya Tun Teja keluar; maka penunggu pintu pun membukakan pintu, dan Hang Nadim pun telah adalah menanti di luar, perahu pun telah hadir di pangkalan; maka Tun Teja pun disuruh oleh si pelulut keluar. Maka oleh Hang Nadim tangannya dibungkusnya dengan kain, lalu disambutnya Tun Teja, dibawanya turun ke perahu, lalu berkayuh hilir. Adapun batangan Pahang itu tiga lapis; maka oleh Hang Nadim tangan bajunya diisinya pasir, maka diHaruburkan ke air, bunyinya seperti orang menebar jala. Hang Nadim minta bukai batangan pada penunggu batangan. Setelah didengar oleh penunggu batangan bunyi orang menjala, maka dibukanyalah batangan itu; maka Hang Nadim pun keluarlah, datang kepada selapis lagi, pun. demikian juga. Setelah lepas ketiga lapisnya, maka Hang Nadim pun berkayuhlah sungguh-sungguh; setelah sampailah ke jong Nakhoda Saiyid Ahmad, maka oleh Hang Nadim dibawanyalah Tun Teja naik ke jong itu. Angin paksa pun bertiup, maka Nakhoda Saiyid Ahmad pun menyuruh membongkar sauh, lalu belayarliah menuju Melaka.

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Sebermula setelah hari siang maka segala inang pengasuh

Tun Teja datang mendapatkan Tun Teja, maka dilihatnya Tun Teja tiada di peraduannya. Maka dicarinya ke tandas, disangkanya buang air, di tandas pun tiada; maka dilihatnya ke pemandian, di pemandian pun tiada. Maka semuanya hairan akan dirinya, maka ia pergi memberitahu Bendahara Pahang, mengatakan, "Anakanda ghaib, tiada ketahuan ke mana perginya, sahaya tiada tahu." Maka disuruhnya cari segenap sana-sini tiada bertemu, khabarnya pun tiada. Maka riuhlah bunyi orang menangis dalam rumah Bendahara. Setelah Sultan Abdul Jamal mendengar khabar Tun Teja lenyap itu, maka baginda pun terlalu hairan dengan dukacitanya. Maka disuruh baginda tafahus ke sana ke mari, tiada juga bertemu. Maka datang seorang dan Kuala Pahang mengatakan, "Dinihari tadi ia bertemu dengan Hang Nadim membawaseorangperempuan bertudung, dibawanya naik ke jong Nakhoda Saiyid Ahmad, dilayarkannya jalan ke Melaka."

A-304

Pertempuran di Laut Pulau Keban

Setelah Sultan Abdul Jamal mendengar kata orang itu, maka pada sangka baginda ialah yang dibawa Hang Nadim itu Tun Teja. Maka baginda pun terlalu murka, dan menyuruh segera berlengkap perahu, akan mengikut Hang Nadim; dengan sesaat itu juga lengkap sepuluh buah perahu. Maka Sultan Abdul Jamal Sendiri pergi mengikut Hang Nadim. Maka segala hulubalang masing-masing dengan perahunya pergi itu bersegera-segera. Setelah datang ke Pulau Keban, bertemulah dengan jong Nakhoda Saiyid Ahmad, maka diperangilah oleh orang Pahang, terlalu sabar rupa bertikamkan Senjata. Maka tampil sebuah perahu hulubalang Pahang, hendak mengait jong itu; maka dipanah oleh Hang Nadim, kena orang yang mengait itu, jatuh lalu mati. Maka perahu itu pun tenggelam; maka tampil pula sebuah lagi, itu pun demikian juga. Setelah dua tiga buah kena demikian itu, maka seorang pun hulubalang Pahang tiada mahu tampil lagi.

A-305

B-236

Setelah dilihat oleh Sultan Abdul Jamal, maka baginda pun menyuruh menampilkan kenaikannya; maka kenaikan raja Pahang pun dekatlah, maka oleh Hang Nadim segera dipanahnya dengan panah losong kena kemuncak payung raja Pahang, belah dua. Maka Hang Nadim pun bertempik, katanya, "Hei orang Pahang, lihatlah tahunya aku memanah! Jikalau aku

ديوان بهاس دان پوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

hendak melawan kamu sekalian, seorang-seorang dapatku masukkan biji mata kamu." Maka orang Pahang pun hebat rasanya melihat betul Hang Nadim memanah itu; kerana Hang Nadim itu terlalu amat bijaknya pada memanah, umpamanya membelah kayu pun ia dapat dengan panah.

A-306 Setelah melihat kenaikan raja Pahang mendekati jong itu maka segala hulubalang Pahang pun tampil, bersusun rupa perahunya; tetapi seorang pun tiada mau melanggar jong itu, daripada dahsyatnya anak panah Hang Nadim, seperti mata petir datangnya itu. Jika kena orang berjebang, terus dengan jebangnya; jika kena orang berangan terus dengan rangannya; jika kena orang berperisai terbang dengan perisainya, melainkan perahu Tun Aria juga yang mendekati hendak melanggar jong itu. Maka dipanah oleh Hang Nadim kena kepala tiang perahunya, belah; dipanah pula sekali lagi oleh Hang Nadim, kena gandar dayungnya, putus. Adapun Tun Aria berdiri betul pada tiang agung memegang jebang; tiada ia khabar akan panah Hang Nadim yang seperti halilintar membelah itu, tampil juga ia, Maka dipanah oleh Hang Nadim kena jebang Tun Aria terus, lalu kena dadanya, luka sedikit. Maka dengan tolong Rabbu'l alamin, angin besar pun turun; maka jong itu pun dilayarkan oleh Nakhoda Saiyid Ahmad ke Terigah laut. Maka segala kelengkapan Pahang pun tiadalah beroleh melaut, kerana ombak terlalu besar, dan perahu mereka itu kecil-kecil; maka segala orang Pahang pun undurlah mendarat, kembali, ke Pahang. Maka Nakhoda Saiyid Ahmad pun belayarlal ke Melaka.

B-237

Setelah berapa lamanya di jalan, sampailah ke Melaka; maka dipersembahkan oranglah pada Sultan Mahmud, bahawa Hang Nadim datang daripada Pahang menurupangjong Nakhoda Saiyid Ahmad; membawa anak Bendahara Pahang yang bernama Tun Teja Ratna Menggala itu, Telah didengar oleh Sultan Mahmud, maka terlalulah sukacita baginda. Baginda menyuruh mengalu-alukan Hang Nadim. Setelah hari malam, maka Hang Nadim pun masuk mengadap Sultan Mahmud Syah persembahkan Tun Teja Ratna Menggala; maka baginda pun terkejut kerana melihat Tun Teja itu maka diucapkan baginda *Subhana'llah 'amma yasifun*, dan beberapa puji baginda akan Hang Nadim, dan diberi persalin dengan seperti adat pakaian anak raja-raja, dan dianugerahi emas, dan perak,

A-307

dan harta tiada terkira banyaknya. Maka Nakhoda Saiyid Ahmad pun dianugerahi baginda persalin dengan sepertinya, dan digelar baginda Syah Andeka Menteri, dianugerahi keris bersalut dan pedang berikat emas, disuruh berdiri di tingkat sama dengan segala bentara. Maka Tun Teja dikahwini Sultan Mahmud Syah, terlalu kasih baginda akan dia. Pada suatu kaul, Sultan Mahmud dengan Tun Teja beranak seorang perempuan bernama Puteri Adma Dewi.

Pada suatu hari Sultan Mahmud Syah bertanya pada Tun Teja, "Bagaimana engkau tatkala dibawa oleh Hang Nadim?" Maka sembah Tun Teja, "Tuanku, jikalau Hang Nadim tuanku, jangankan dia Hampir kepada patik, memandang legat pun ia tiada; sedang patik turun ke perahu, menyambut patik lagi tangannya dialasnya dengan kain dua tiga lapis." Maka Sultan Mahmud pun terlalu sukacita mendengar kata Tun Teja itu, makin bertambah-tambah kumia baginda akan Hang Nadim; maka Cau Pauk, anak raja Kelantan itu, dianugerahkan baginda akan isteri Hang Nadim, dan digelar baginda Sang Naya; ialah beranakkan Tun Mat Ali, ayah Tun Hamzah; akan Tun Hamzah beranakkan Tun Ali, bergelar Seri Petam, disebut orang Datuk Paduka Tuan di Kampung Jelai.

Gajah Sultan Pahang Pula Dilarikan

Sebermula peninggalan jong Saiyid Ahmad belayar, maka raja Pahang punsampailah ke negeri dengan marahnya. Baginda naik gajah yang bernama Ai Kening, maka titah baginda kepada Bendahara Pahang, "Berlengkaplah tuan sekalian, kerana kita hendak menyerang Melaka; lihatlah oleh kamu sekalian, jikalau tiada Ai Kening ini kulanggarkan kepada balairung raja Melaka." Maka gajah itu dilanggarkan baginda pada balairung Sendiri, roboh; maka titah baginda, "Demikianlah kelak balairung raja Melaka kulanggar dengan gajahku ini." Maka segala hulubalang Pahang pun tunduk, sekaliannya takut melihat Sultan Abdul Jamal murka itu; maka baginda pun masuklah ke Istana.

A-308

B-238

Hatta maka kedengaranlah pekerti raja Pahang itu ke Melaka pada Sultan Mahmud Syah. Maka titah baginda pada segala hulubalang Melaka, "Siapa kamu semua dapat mengambil gajah Sultan Pahang itu yang hendak dilanggarkannya kepada balairung kita ini? Mengakulah kamu, jika apa sekali-

pun dosanya kepada kita, tiada kita bunuh." Maka sembah Laksamana Khoja Hassan, "Patiklah tuanku titahkan ke Pahang. Insya-Allah, patiklah mengambil gajah kenaikan Sultan Pahang itu patik persembahkan ke bawah duli Yang Dipertuan." Maka titah baginda, "Baiklah." Maka Laksamana pun berleengkaplah. Setelah mustaid, maka baginda menyuruh mengarang surat kepada Bendahara Seri Maharaja. Setelah sudah, surat itu diarak ke perahu; maka Laksamana pun pergilah ke Pahang.

A-309 Berapa lama antaranya di laut maka sampailah ke Pahang, lalu dipersembahkan orang kepada Sultan Pahang, "Laksamana datang dititahkan paduka adinda mengadap tuanku." Maka Sultan Abdul Jamal pun keluarlah dihadap orang. Baginda menyuruh menjemput surat dari Melaka itu, diarak ke balairung seperti adat yang dahulu itu juga. Setelah datang ke balairung, lalu disarnt serta dibaca orang, terlalu baik bunyinya. Maka terlalulah sukacita Sultan Abdul Jamal mendengar dia.

Setelah dibaca, maka segala hulubalang Pahang pun naik, duduk masing-masing pada tempatnya, dan Laksamana pun menjunjung duli; sudah itu lalu ia duduk di atas Seri Akar Raja Pahang. Maka sembah Laksamana pada Sultan Abdul Jamal, "Tuanku, kedengaran kepada paduka adinda, tuanku sangat gusar akan paduka adinda, itulah maka pihak dititahkan paduka adinda mengadap tuanku; maka titah paduka adinda, 'apa kerja kita berkelahi saudara bersaudara, yang Melaka dan Pahang itu umpama sebuah negeri juga, demikianlah."

B-239

Setelah didengar oleh Sultan Abdul Jamal sembah Laksamana itu, maka titah baginda, "Siapa yang memberitahu ke Melaka? Mengarut orang itu. Pada fikir Laksamana patutkah Pahang melawan Melaka?" Sesaat duduk berkata-kata, maka Sultan Pahang pun berangkatlah masuk; maka segala yang mengadap itu masing-masing kembali ke rumahnya. Adapun akan Laksamana berlabuh itu, hampir tempat orang memandikan gajah kenaikan Sultan Pahang. Apabila segala gembala gajah membawa gajah mandi, maka dipanggil oleh Laksamana, diberinya makan dan diberinya tenas; maka segala gembala gajah itu semuanya kasih akan Laksamana Khoja Hassan, makin gembala Ai Kening, jangan dikata lagi; ialah yang sangat

A-310

dampingnya. Akan Laksamana perahunya sekerat dihampakannya dan diperbaikinya, kerana Laksamana pergi ke Pahang ituhanya empat buah perahu. Setelah berapa hari lamanya Laksamana di Pahang itu, maka ia pun bermohonlah kepada Sultan Abdul Jamal hendak kembali ke Melaka, Maka Sultan Pahang pun membalas surat dan memberi persalin akan Laksamana; maka surat pun diarak ke perahu Laksamana, telah sudah datang ke perahu, maka segala yang menghantar surat itu kembalilah. Maka Laksamana berhentilah sesaat menantikan orang membawa gajah turun mandi. Setelah datang pada ketika gajah mandi, maka segala gajah pun dibawa oleh gembalanya turun mandi; Ai Kening pun ada. Maka oleh Laksamana dipanggilnya Ai Kening, lalu dinaikannya ke perahu, kerana gembala Ai Kening itu sangat kasih akan Laksamana, barang kehendak hati diturutnya. Telah sudah gajah dengan gembalanya naik ke perahu, maka Laksamana pun hilirlah. Maka orang Pahang pun geruparlah, mengatakan gajah kenaikan dibawa oleh Laksamana dengan keras.

Bersyaikh Diri di Lubuk Pelang

Setelah Sultan Abdul Jamal mendengar kata orangitu, maka baginda pun terlalu murk a, titah baginda, "Kita diperbuat oleh raja Melaka ini 'Mulut disuapinya dengan pisang, pantat dikaitnya dengan onak'." Maka baginda menitahkan segala hulubalang Pahang mengikut Laksamana. Maka segala hulubalang Pahang pun pergilah, tiga puluh banyak kelengkapannya, Seri Akar Raja akan panglimanya, dan Tun Aria pun pergi bersama-sama. Maka diikutnyalah Laksamana; telah datang hingga Sedili Besar, maka bertemulah dengan Laksamana, lalu diperangi oleh Seri Akar Raja dan TunAria; dan segala hulubalang Pahang pun tampillah. Maka oleh Laksamana, barang yang hampir itu dipanahnya, maka segala orang Pahang pun dahsyat mendekati perahu Laksamana.

A-311
B-240

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Telah dilihat oleh Tun Aria, maka ia pun tampillah. Maka oleh Laksamana dipanahnya, kena kemuncak tiang agung Tun Aria, belan dua; maka dipanah oleh Laksamana pula lagi, kena kemuncak payung Seri Akar Raja, putus; sekali lagi dipanah oleh Laksamana, kena batang payung Tun Aria, putus. Adapun akan Tun Aria berdiri betul pada tiang agung memegang jebang, tiada khabar akan panah Laksamana yang seperti

A-312

petir membelah itu; segala orang berjebang, terus dengan jebangnya; segala yang memegang rangan, terus dengan rangannya; yang memegang perisai terus dengan perisainya. Maka orang mati pun tiada terkira banyaknya; maka Tun Aria sebagai juga tampil hendak melanggar perahu Laksamana. Maka oleh Laksamana dipanahnya jebang Tun Aria, terus lalu ke dadanya, luka. Telah melihat Tun Aria luka itu, maka segala kelengkapan Pahang pun undur, lintang-pukang, tiada berketahuan lagi, maka Laksamana pun lepas Penyusuk, lalu belayar ke Melaka.

B-241

Setelah berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Melaka; akan Sultan Mahmud Syah, setelah mendengar Laksamana datang membawa gajah kenaikan raja Pahang itu, maka baginda pun menyuruh orang mengalu-alukan Laksamana. Maka Laksamana pun masuklah mengadap ke dalam, menjunjung duli; maka Sultan Mahmud Syah pun memberi persalin akan Laksamana, seperti pakaian anak raja-raja, maka gajah itu pun disuruh arak, dibawa masuk ke dalam; maka terlalulah sukacita baginda melihat gajah itu, maka diserahkan pada Seri Rama. Akan Seri Rama yang tua sudah hilang, anaknya pula bergelar Seri Rama; seperti kedudukan ayahnya juga, jadi panglima gajah.

A-313

Adapun segala kelengkapan Pahang yang mengikut Laksamana itu pun kembalilah ke Pahang, mengadap Sultan Abdul Jamal; maka segala perihal ehwal semuanya dipersembahkan kepada baginda Sultan Pahang, baginda pun terlalu murka, seperti ular berbelit-belit Sendirinya. Maka oleh baginda, anakanda baginda, Raja Mansur dirajakan baginda; bergelar Sultan Mansur Syah, akan ganti baginda. Maka Sultan Abdul Jamal pun, turunlah dari atas kerajaan; maka anakanda baginda Sultan Mansur Syah kerajaan, dipangku oleh Raja Muzaffar dan Raja Ahmad, keduanya saudara Sultan Abdul Jamal. Maka Sultan Abdul Jamal diam ke hulu; selagi kedengaran bunyi nobat, selagi baginda mudik ke hulu, hingga datangnya ke Lubuk Pelang namanya, tiadalah lagi kedengaran bunyi nobat, di sanalah baginda diam; maka baginda bersyaikh dirinya, itulah yang disebut orang Marhum Syaikh, makam yang di Lubuk Pelang itu. *Wa'llahu a'lamu bi-sawabih wa-ihabih 'injarji'u-wa'l-ma'ab.*

Rahsia Pembunuhan Raja Zainal

Alkisah maka tersebutlah perkataanperibaik paras saudara Sultan Mahmud Syah, bernama Raja Zainal, seorang pun tiada taranya pada zaman itu; kelakuannya pun terlalubaik, sedap manis, pantas, pangus. Jika baginda berkain memancung, pancungnya digantung, daripada hendakkan baik perbuatan pancung itu. Maka ada seekor kuda baginda, Ambangan namanya, terlalu . sangat dikasihi baginda; dekat peraduan baginda itu seruang dilapangkan di sanalah kuda itu ditambatkan, maka dua tiga kali semalam dibanguni baginda. Apabila Raja Zainal akan berkuda, maka baginda memakai; setelah sudah memakai, maka bergosok bau-bauan, sepasu jebat-jebatan digosokkan baginda kepada kuda itu. Maka pergilah baginda berkuda; maka geruparlah segala lebu pekan, melihat Raja Zainal lalu itu. Maka segala anak bini orang dan segala anak dara-dara yang taruhan, sekaliannya berterpaan hendak melihat Raja Zainal; ada yang menengok dari balik pintu, ada yang menengok dari kisi-kisi, ada yang menengok dari tingkap, ada yang menengok dengan menyingkap atap, ada yang memesukkan dinding, ada yang memanjat pagar. Maka rupa pengidah perempuan itu tiadalah tersembunyi lagi, rupa sirih masak, dan gantal, dan lelat, berpuluh-puluh bungkus; bunga Cempaka digubah; bunga melur diangkat berpuluh cepar; bulang-bulang bunga dikarang; gajah gemuling berpuluh cepu; bau-bauan kelembak masak, narawastu beratus cembul, jejabat masak berair mawar; bunga air wangi apatah lagi; maka barang yang berkenaan juga diambil baginda, barang yang tiada berkenan diberikan baginda pada segala orang muda-muda pengiring baginda; maka cabullah negeri Melaka pada masa itu.

B-242

A-314

Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar segala kelakuan Raja Zainal itu, maka baginda terlalu murka, titah baginda, "Jikalau demikian binasalah negeri Melaka ini." Tetapi murka baginda itu tiada zahir, hingga dalam hati juga. Maka Sultan Mahmud menyuruh memanggil hamba raja yang kepercayaan, dua tiga orang. Setelah mereka itu datang, maka ditanya baginda, "Siapa kamu dapat membunuh Raja Zainal, tetapi seorang pun jangan tahu." Maka seorang pun tiada bercakap, lalu semua orang itu pulang ke rumah masing-masing. Setelah sunyi, maka dipanggil baginda orang penunggu pintu-angkat halaman, Hang Berkat namanya; maka titah Sultan Mahmud,

"Dapatkah engkau membunuh Raja Zainal, seorang pun jangan tahu?" Maka Hang Berkat bercakap. Maka titah baginda, "Jika sungguh seperti katamu itu, engkau kuakui saudara."

A-315 Setelah hari malam, ketika sunyi orang tidur, maka Hang Berkat pun pergilah ke rumah Raja Zainal. Telah datang ke rumah Raja Zainal, maka Hang Berkat pun naik daripada tempat kuda itu, dilihatnya Raja Zainal sedang tidur cendera; maka oleh Hang Berkat ditikamnya dada Raja Zainal terus ke belakangnya. Setelah Raja Zainal merasai luka, maka baginda meraba kerisnya, tiada bertemu, lalu baginda melambung-lambung dirinya seperti ayam disembelih. Maka Hang Berkat pun turun kembali, maka Raja Zainal pun matilah; maka orang pun gerupar mengatakan Raja Zainal mati ditikam pencurio. Maka gerupar itu sampai ke dalam, maka Sultan Mahmud Syah pun keluar bertitah, "Siapa ada di bawah istana aku ini?" Maka sembah Hang Berkat, "Patik semua ada tuanku, empat lima orang." Maka titah baginda, "Gempar apa itu?" Maka sembah Hang Berkat, "Entah tuanku, patik tiada periksa." Maka titah baginda, "Pergi engkau lihat."

B-243 Maka Hang Berkat pun pergilah melihat; setelah ia datang maka sembah Hang Berkat, "Paduka adinda, Raja Zainal konon tuanku, sudah mangkat, ditikam orang pencuri; yang menikam itu tiada berketahuan." Maka Sultan Mahmud Syah pun tahulah akan Hang Berkat yang membunuh Raja Zainal itu. Maka titah baginda, "Pergilah engkau kampungkan segala hamba raja." Maka Hang Berkat pun menyembah, lalu pergi mengerahkan hamba raja masuk. Sekaliannya pun berkampunglah, dan segala Orang Besar-besar semuanya datang, maka Sultan Mahmud pun berangkat mendapatkan mayat Raja Zainal, hari pun siang. Maka mayat Raja Zainal pun ditanamkan oranglah seperti adat anak raja-raja mati. Setelah sudah, maka Sultan Mahmud pun berangkatah kembali ke istana baginda. Selang berapa lama antaranya, maka Hang Berkat digelar oleh Sultan Mahmud, "Sang Sura", terlalu sangat dikasihi baginda, diaku baginda saudara.

A-316

ديوان بهاس دان قوستا
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Sultan Mahmud Syah Serba-Salah

Hatta berapa lamanya, maka isteri Sang Sura pun berkendak dengan Sang Guna. Maka Sang Sura pun tahu, lalu Sang Guna diadang oleh Sang Sura. Adapun Sang Guna itu baik sikapnya,

tegap sasa tubuhnya, akan Sang Sura kecil tubuhnya, hanya mersik lagi ricing. Setelah didengar oleh Sultan Mahmud akan perihal itu, maka baginda terlalu sayang akan Sang Guna; kerana Sang Guna pada ketika itu bukan barang-barang orang, ialah yang pertama mengadakan keris terupa Melaka, panjang Terigah tiga jengkal, tetapi Sultan Mahmud sangat kasih akan Sang Sura. Maka tiadalah terbicara oleh baginda, lalu Sang Sura disuruh baginda panggil; maka Sang Sura pun datang, lalu dibawa baginda kepada tempat yang sunyi. Maka titah Sultan Mahmud pada Sang Sura, "Ada suatu kehendak hatiku padamu, adakah engkau beri atau tiadakah?" Maka sembah Sang Sura, "Jikalau ada kepada patik, patik persembahkan, tiada akan patik tahani; sedang otak.dalam kepala patik lagi duli tuanku empunya dia." Maka titah Sultan Mahmud, "Kudengar engkau konon hendak mengadakan Sang Guna, jikalau ada kasihmu akan aku, kupintakilah sekali ini kepadamu, jangan engkau mengadakan Sang Guna. "

B-244

Setelah Sang Sura mendengar titah demikianitu, maka disingsingnya tangan bajunya, seraya katanya, "Tuan hamba inilah tiada kawi rasa akan hamba, sedang kemaluan tuan hamba hari itu, bukankah hamba menghapuskan dia?" Maka titah Sultan Mahmud, "Jikalau apa sekalipun kehendakmu, yang engkau itusedia, tiadalah kuberi mengadakan Sang Guna; tetapiaku hukumkan Sang Guna, tiada kuberi ia keluar dari rumahnya berjalan kesana ke mari, dan bermain dengan segala sahabat handainya. Jika ada kerjaku, serta ia kupanggil, lalu kusuruh pergi juga." Maka sembah Sang Sura, "Baiklah tuanku, yang mana titah duli Yang Dipertuan itu, tiadalah patik lalui, kerana patik hamba ke bawah duli Yang Maha Mulia; kerana hamba hu, jikalau tiada menurutkan kesukaan tuannya, bukanlah hamba namanya." Maka Sang Sura pun tiadalah jadi mengadakan Sang Guna; tetapi akan Sang Guna tiada diberi baginda berjalan ke sana ke mari dan bermain sama muda-muda. Jikalau ada dititahkan barang ke mana, serta ia dipanggil, lalu disuruh pergi juga. Apabila didengar Sultan Mahmud akan Sang Guna berdiri di luar pintunya juga, datanglah telangkai murka akan dia. Maka kata Sang Guna, "Daripada hamba dihukumkan demikian ini, baiklah hamba diikat, diserahkan pada Sang Sura, supaya dibunuhnya sekali. *Wa'la-huza'amu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u wa'l-ma'ab.*

A-317

XII

Raja Legor Gagal Menyerang Pahang

- A-315** ALKISAH maka tersebutlah perkataan raja Legor Maharaja Dewa Sura namanya, disuruhkan raja Siam menyerang Pahang. Maka Maharaja Dewa Sura pun berlengkaplah sekira-kira dua keti rakyat dibawahnya. Maka kedengaranlah ke Pahang; maka Sultan Mansur Syah, raja Pahang pun menyuruh membaiki kota, dan mengampungkan segala rakyat, dan mengerahkan segala orang masuk kota, dan berbahagilah alat senjata. Maka khabar raja Legor disuruh raja Siam menyerang Pahang itu pun kedengaranlah ke Melaka. Maka Sultan Mahmud menyuruh memanggil Bendahara Seri Maharaja, dan segala Orang Besar-besar para menteri, hulubalang. Maka sekaliannya pun datanglah mengadap; maka Sultan Mahmud pun mesyuaratlah akan pekerjaan raja Legor hendak menyerang Pahang itu. Maka sembah Seri Nara Diraja, "Tuanku, pada bicara patik, baik juga duli Yang Dipertuan menyuruh membantu Pahang, dari kerana barang sesuatu peri Pahang itu, tiadakah duli Yang Dipertuan kerugian?" Maka titah Sultan Mahmud, "Baiklah, jika demikian Bendaharalah pergi derigan segala hulubalang, membantu Pahang. Maka sembah Bendahara Seri Maharaja, "Baiklah tuanku. "
- B-245**

Setelah itu maka Bendahara pun berlengkaplah; telah sudah lengkap, maka Bendahara Seri Maharaja pun pergilah diiringkan oleh segala hulubalang; sekaliannya dianugerahi Sultan Mahmud persalin dengan seperti yang Pertama yang pergi mengiring Bendahara itu Sang Setia, dan Sang Naya,

A-319



dan Sang Guna, dan Tun Biajid, dan Sang Jaya Pikrama, dan segala hulubalang sekalian yang pergi, Maka rupa perahu, kecil besar tiada terbilang lagi, kerana pada zaman itu rakyat dalam Melaka juga sembilan laksa banyaknya, lain pula rakyat segala teluk rantau dan segala pemegang jajahan negeri Melaka.

Setelah datang ke Batu Pahat, maka bertemu dengan Laksamana datang dari Sungai Raya, kerana adat Laksamana pegangannya Sungai Raya. Pada ketika itu kelengkapan Sungai Raya, empat puluh banyaknya lancaran bertiang tiga. Maka Laksamana Khoja Hassan pun datang kepada Bendahara Seri Maharaja. Maka kata Bendahara, "Orang Kaya, kita pergi ke Pahang." Maka kata Laksamana, "Sahaya belum mendengar titah Yang Dipertuan." Maka kata Bendahara, "Orang Kaya belum mendengar titah, hamba sudah mendengar titah." Maka kata Laksamana, "Sahaya belum menjunjung duli." Maka sahut Bendahara, "hamba sudah menjunjung duli, marilah kita berjabat tangan." Maka Laksamana pun tiadalah berdaya lagi, lalu ia pun pergilah bersama-sama dengan Bendahara Seri Maharaja.

Setelah sampai ke Pahang, didapatinya kota sepenampang belum lagi sudah; kerana baharu bekas terbakar dimakan api, itulah dibuatkan orang nyanyi:

Kota Pahang dimakan api,
Sampai ke tepi Hampir titian;
Bukan kularang kamu berlaki,
Bukan begini perjanjian.

Maka Bendahara Seri Maharaja dengan segala hulubalang Melaka pun masuklah mengadap Sultan Pahang. Maka Sultan Mansur Syah pun terlalu sukacita; maka titah Sultan Abdul Jamal pada Bendahara Seri Maharaja, "Tuan, kota yang sepenampang lagi ini, orang Melakalah menyudahkan dia." Maka sembah Bendahara Seri Maharaja, "Baiklah tuanku." Maka Bendahara pun menyuruhkan segala orang Melaka bekerja, membuat kota itu, dan Laksamana Khoja Hassan penghulunya. Adapun akan Laksamana, tangan bekerja, kaki bekerja, mulut bekerja, mata bekerja; maka dalam tiga hari juga sudahlah kota yang sepenampang itu.

Hatta maka raja Leger pun datanglah ke Pahang dengan segala rakyat, tiada terhisabkan lagi banyaknya. Maka ber-

B-246
A-320

A-321

peranglah dengan orang Pahang dan orang Melaka terlalu sabar; maka dengan kurnia Allah Subha nahu. wa taala, Pahang pun tiada alah, dan rakyat Legor terlalu banyak mati dibunuh oleh orang Pahang dan orang Melaka, Maharaja Dewa Sura pun lari berpecah-pecah, ke hulu Pahang, lalu berjalan terus ke Kelantan, dari Kelantan lalu pulang ke Leger. Maka Sultan Pahang pun memberi anugerah akan Bendahara Seri Maharaja dengan segala hulubalang Melaka, rata diberi baginda persalin dengan selengkapnya. Maka Bendahara Seri Maharaja serta hulubalang Melaka sekalian pun bermohonlah kembali. Maka Sultan Abdul Jamal dengan anakanda baginda, Sultan Mansur pun persembah surat ke Melaka; maka Bendahara Seri Maharaja pun kembalilah. Setelah berapa lamanya dijalan, sampailah ke Melaka. Maka surat dari Pahang pun diarak oranglah masuk ke dalam, serta Bendahara dan hulubalang Melaka sekalian, mengadap Sultan Mahmud. Maka baginda pun terlalulah sukacita oleh mendengar Pahang tiada alah itu. Maka Sultan Mahmud Syah pun memberi anugerah persalin akan Bendahara Seri Maharaja, dan akan segala hulubalang yang pergi itu, setelah selesai maka masing-masing pun kembalilah ke rumahnya.

Biadap di Hadapan Bendahara

B-247

Hatta ada seorang menteri Sultan Mahmud, Tun Perpatih Hitam namanya, asalnya daripada Tun Jana Buga Dendang. Maka Tun Perpatih Hitam beranak seorang lelaki bernama Tun Hussain, terlalu baik sikapnya. Maka kata Tun Hussain, "Jikalau bapaku dibicarakan orang, aku mengamuk." Maka dengan takdir Allah Taala, Tun Perpatih Hitam pun bersoal dengan seorang dagang. Maka Tun Perpatih Hitam pun berbicara dengan dagang itu pada Bendahara Seri Maharaja. Tatkala itu Laksamana Khoja Hassan pun ada, kerana adat Bendahara Melaka, apabila membicarakan orang, Temenggung dan Laksamana tiada bercerai dengan Bendahara; jikalau orang biadab lakunya pada Bendahara, Laksamanalah membunuh dia; dan jikalau orang yang patut ditangkap dan dipasung, maka Temenggunglah yang menangkap dan memasung dia. Demikianlah istiadat zaman dahulu kala.

Setelah Tun Perpatih Hitam dibicarakan oleh Bendahara Seri Maharaja, maka Tun Hussain, anak Tun Perpatih Hitam

pun datang mendapatkan ayahandanya berbicara itu. Telah Tun Perpatih Hitam melihat Tun Hussain datang berkeris panjang itu, maka pada hati Tun Perpatih Hitam, "Entah disungguhkan oleh anakku, Tun Hussain ini, seperti katanya yang dahulu itu." Maka Tun Perpatih Hitam pun berdiri, dikuisikannya tikar dengan kakinya, seraya katanya. "Menteri apatah ini, yang dibicarakan orang begini?" Setelah dilihat oleh Laksamana makarnya Tun Perpatih Hitam itu, lalu dihunusnya pedang lakia. maka kata Laksamana, "Mengapa maka Orang Kaya biadab, menguisikan tikar di hadapan Bendahara?" Lalu diparang oleh Laksamana; dengan sekali parang itu juga maka Tun Perpatih Hitam pun matilah. Telah Tun Hussain melihat ayahnya mati itu, maka ia pun menghunus keris; maka kata Laksamana Khoja Hassan, "Hendak derhakakah Tun Hussain? Lalukan sekali!" Maka Tun Hussain pun ditikam oranglah; beberapa pun Bendahara Seri Maharaja melarang, tiadalah dikhabarkan orang, kerana sangat sabar. Maka Tun Hussain pun matilah. Setelah itu maka Laksamana pun masuklah mengadap Sultan Mahmud Syah; maka segala perihal itu semuanya dipersembahkan ke bawah duli Sultan Mahmud; maka titah baginda, "Itulah kehendak hati kita, mati-mati Laksamana kita titahkan menemani Bendahara itu, apatah pekerjaan Laksamana jikalau tiada demikian; kerana kelakuan biadab di hadapan Bendahara itu, serasa di hadapan kita. Maka Sultan Mahmud pun menganugerahi persalinan akan Laksamana.

A-322

B-248

A-323

Zuriat Laksamana Hang Tuah

Adapun akan Laksamana Hang Tuah rahmullah beristeri dua orang, seorang saudara Seri Bija Diraja Datuk Bongkok, beranak tiga orang, yang tua perempuan Tun Sirah namanya, duduk dengan Temenggung Khoja Hussain, beranakkan Tun Abdullah; yang Terigah lelaki, Tun Biajid namanya; yang bongsu perempuan, Tun Daerah namanya, diperisteri oleh Sultan Mahmud Syah, beranak seorang perempuan, Raja Dewi namanya. Seorang lagi isteri Laksamana Hang Tuah, keluarga Bendahara Paduka Raja, beranak dua orang, yang tua lelaki bergelar Sang Guna; yang muda perempuan bernama Tun Emas Jiwa, duduk dengan Hang Nadim, beranak seorang lelaki bernama Tun Mat Ali, ayah Tun Hamzah; akan Tun Hamzah

beranakkan Tun Ali, bergelar Seri Petam; sebab itulah maka Laksamana Hang Tuah, anak cucunya Melayu disebut orang datang sekarang. *Wa 'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-marji'u wa'l-ma'ab.*

Raja Petani dan Raja Kedah Dinobatkan

A-324 Alkisah maka tersebutlah perkataan, ada sebuah negeri, Kota Mahligai namanya; rajanya Islam, Raja Sulaiman Syah namanya. Setelah kedengarannya ke benua Siam bahawa negeri Kota Mahligai itu terlalu baik, maka ada seorang anak raja Siam Cau Seri Bangsa namanya; maka ia berlempang dengan segala rakyatnya, lalu diserangnya Kota Mahligai itu. Maka oleh Raja Sulaiman dikeluarkannya, lalu berperanglah kedua pihak rakyat itu. Maka Cau Seri Bangsa pun berperang dengan Raja Sulaiman, sama seekor seorang gajah. Maka kata Cau Seri Bangsa, "Jikalau alah Raja Sulaiman ini olehku, bahawa aku masuk Islamlah." Maka dengan takdir Allah Taala, Kota Mahligai pun alahlah, Raja Sulaiman pun mati dibunuh oleh Cau Seri Bangsa, dan rakyat Kota Mahligai pun terhukum oleh Cau Seri Bangsa. Maka Cau Seri Bangsa pun masuk Islam. Setelah itu baginda pun menyuruh mencari tanah yang baik hendak perbuat negeri.

B-249 Maka ada seorang payang diam di tepi laut, Pak Tani namanya; tempat Pak Tani itulah yang baik. Maka dipersembahkan orang pada Cau Seri Bangsa, akan peri baiknya tempat Pak Tani itu, dilihat baginda tempat itu sungguh baik, tiada bersalahan seperti berita orang itu. Maka Cau Seri Bangsa pun berbuat negerilah di sana. Setelah sudah, maka negeri itu d'inamai baginda Pak Tani, mengikut nama payang itu, maka disebut orang datang sekarang Petani. Maka Cau Seri Bangsa pun menyuruh menterinya Okun Pola namanya, mengadap ke Melaka, mohonkan nobat pada Sultan Mahmud Syah. Maka Okun Pola pun pergilah; berapa lamanya di jalan sampailah ke Melaka. Maka dipersembahkan oranglah pada Sultan Mahmud Syah, "Utusan dari Petani datang." Maka oleh baginda surat dari Petani itu disuruh jempit seperti mana adat mengarak surat dari Pahang demikianlah.

A-325 Setelah datang ke balai, maka surat pun dibaca orang, demikian bunyinya: "Paduka anakanda Cau Seri Bangsa, raja dalam negeri Petani empunya sembah, datang kepada paduka

ayahanda Seri Sultan Mahmud Syah *al-mu 'azam maliku'l mukarram zilu 'llahu fi'l-'alam*, yang di atas takhta kerajaan dalam negeri Melaka, Malakat. Waba'dah; kemudian dan itu, bahawa paduka anakanda menyuruhkan patik itu Okun Pola, mengadap ke bawah duli paduka ayahanda, jikalau ada kumia paduka ayahanda, anakanda mohonkan nobat ke bawah duli paduka ayahanda." Maka Sultan Mahmud pun terlalu sukacita; maka Okun Pola dianugerahi persalinan dengan sepertinya, dan disuruh duduk setara kepala bentara.

Hatta maka Sultan Mahmud pun menyuruh mengarang khatab pada Kadi Menawar, akan Cau Seri Bangsa gelarannya Sultan Ahmad Syah. Setelah sudah maka Sultan Mahmud Syah menganugerahkan gendang nobat dan bingkisan pada Okun Pola, dan dipersalin baginda akan Okun Pola. Maka surat dan khatab pun diaraklah turun ke perahu. Okun Pola pun belayarliah. Setelah berapa lama di jalan, maka sampailah ke Petani; maka surat dari Melaka pun diarak ke dalam, telah sudah dibaca, maka Cau Seri Bangsa pun terlalu sukacita, lalu ia pun nobatlah, gelar baginda Sultan Seri Ahmad Syah, bagindalah beranakkan Cau Gama; bahawa Cau Gama beranakkan raja yang ke Siam, Raja Aji.

B-250

Arkian maka Raja Kedah pun datang mengadap ke Melaka, hendak mohonkan nobat; setelah datang ke Melaka, didudukkan oleh Sultan Mahmud di atas cateria, maka banyak dianugerahi baginda akan raja Kedah.

A-326

Sekali persetua, Bendahara Seri Maharaja duduk dihadap orang banyak di balainya Sendiri, maka Tun Hassan Temenggung dan segala menteri semuanya ada mengadap; maka hidangan pun dikeluarkan orang, maka Bendahara Seri Maharaja pun makan seorangnya; segala orang yang banyak itu ada menanti Bendahara makan, kerana adat Bendahara Melaka, tiada makan sama-sama dengan orang; setelah sudah Bendahara makan maka orang lain makan, demikianlah istiadat dahulukafa.

ديوان بهاس دان فوستاکو
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

Hatta sedang perTerigahan Bendahara Seri Maharaja makan, maka raja Kedah pun datang, maka segera disuruh Bendahara Seri Maharaja naik duduk. Maka raja Kedah pun naiklah duduk, bersama-sama dengan Tun Hassan Temenggung. Maka Bendahara pun sudahlah makan, lalu makan sirih. Maka sisa Bendahara Seri Maharaja itu ditarik oleh Tun Hassan Temenggung

A-327
B-251

dengan segala menteri, maka kata Tun Hassan Temenggung pada raja Kedah, "Raja, mari kita makan," maka kata raja Kedah, "Baiklah." Maka kata Bendahara, "Jangan raja makan sisa hamba, biar diambilkan nasi yang lain." Maka kata raja Kedah, "Tiada mengapa, kerana Bendahara orang tua, pangkat bapa kepada beta." Maka raja Kedah pun makanlah sisa Bendahara itu, bersama-sama dengan Tun Hassan Temenggung. Setelah sudah makan, maka datang sirih dan bau-bauan. Hatta berapa lamanya raja Kedah di Melaka, maka raja Kedah pun bermohonlah ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, hendak kembali ke Kedah. Maka oleh Sultan Mahmud Syah, raja Kedah dianugerahi persalinan, dan dinobatkan sekali. Maka raja Kedahpun kembalilah ke Kedah; setelah sampai ke Kedah, maka baginda pun nobatlah di Kedah.

Kebesaran Melaka dan Kedatangan Peringgi

Adapun pada zaman itu negeri Melaka terlalulah ramainya, segala datang pun bertambah-tambah berkampung; dari sebelah Kampung Keling datang ke Kuala Penajuh, rapat rumah; orang pergi-pergian dari Melaka hingga datang ke Jugra tiada membawa api; barang di mana ia berhenti, di sana adalah kampung orang. Dan dari sebelah sini datang ke Batu Pahat, demikian juga; kerana rakyat Melaka sembilan belas laksa banyaknya yang dalam negeri juga itu.

Hatta maka datang sebuah kapal Peringgi dari Goa, ia berniaga di Melaka. Maka dilihat oleh Peringgi itu, negeri Melaka terlalu baik, bandarnya terlalu ramai. Maka segala orang Melaka pun berkampunglah melihat rupa Peringgi itu, sekaliannya hairan melihat dia. Maka kata orang Melaka ia ini Benggali putih, maka pada seorang orang Peringgi itu, berpuluh-puluh orang Melaka mengerumun dia, ada yang memutar janggutnya ada yang menepuk kepalanya, ada yang mengambil cepiaunya, ada yang memegang tangannya. Maka kapitan kapal itu pun naiklah menghadap Bendahara Seri Maharaja, maka oleh Bendahara akan kapitan kapal itu diangkatnya anak dan dipersalin. Maka kapitan itu persembah pada Bendahara Seri Maharaja, rantai emas berpermata; ia sendiri mengenakan dia pada leher Bendahara Seri Maharaja. Maka segala orang hendak gusar akan Peringgi itu, tiada diberi oleh Bendahara Seri Maharaja, katanya, "Jangan kamu turuti,

A-328

kerana ia orang yang tiada tahu bahasa."

Setelah datanglah musim akan kembali, maka kapitan kapal itu pun kembalilah ke Goa. Setelah ia datang ke Goa, maka diwartakannyalah pada wizurai, peri kebesaran negeri Melaka, dengan makmurnya, dan terlalu ramai bandarnya, Pada masa itu wizurai di Goa, Alfonso d'Albuquerque namanya. Maka ia pun terlalu ingin mendengar khabar negeri Melaka itu. Maka ia menyuruh berengkap kapal tujuh buah: ghali panjang sepuluh; fusta tiga belas. Setelah sudah lengkap, maka disuruhnya menyerang Melaka pada Gonsalo Periera; nama kapitannya Mor,

B-252

Setelah datang ke Melaka, maka dibedilnya dengan meriam. Maka segala orang Melaka pun terkeju t mendengar bunyi meriam itu, katanya, "Bunyi apa itu, yang seperti guruh itu?" Peluru bedil itu pun datanglah mengenai segala orang Melaka; ada yang putus lehernya, ada yang pecah kepalanya, ada yang penggal pinggangnya, ada yang tanggal pahanya; makin bertambahlah hairan orang Melaka melihat peluru bedil itu, katanya, "Apa namanya senjata bulat ini, amat tajamnya maka ia mernbunuh ini?" Setelah keesokan harinya, maka segala anak Pertugal pun naiklah dengan senapangnya, dua ribu banyaknya, lain pula orang hitam dan lasyarnya, tiada terbilang lagi. Maka dikeluarkan oleh orang Melaka, Tun Hassan Temenggung panglimanya. Maka bertemulah segala orang Melaka dengan segala Peringgi lalu berperang, terlalu sabur, rupa senjata seperti hujan yang lebat; lalu ditempuh Tun Hassan Temenggung berserta hulubalang Melaka, maka segala Peringgi pun patah perangnya, dan banyak matinya, lalu undur. Maka oleh orang Melaka digulungnya sekali-sekali, maka Peringgi pun pecahlah, berhamburan terjun ke air, diperhambat oleh orang Melaka. Maka segala Peringgi pun naiklah ke kapalnya, lalu belayar kembali ke Goa.

B-329

Setelah datang ke Goa, segala perihal semuanya dikatakannya pada wizurai, maka wizurai pun terlalu marah, maka ia menyuruh berengkap pula hendak menyerang Melaka lagi. Maka kata Kapitan Mor, "Pada siapa kita, jika lagi ada Bendahara Seri Maharaja, berapa pun besarnya angkatan Goa mau menyerang, Melaka tiada akan alah." Maka kata Alfonso d'Albuquerque, "Mengapa maka engkau berkata demikian? Apatah dayaku, sebab aku tiada boleh meninggalkan Goa ini;

tetapi apabila aku sudah turun daripada wizurai, aku sendiri pergi menyerang Melaka itu, lihatlah olehmu jikalau tiada alah," Maka tiadalah jadi ia berlempak akan menyerang Melaka itu.

Makhdum Dipersenda Muridnya

A-330
B-253 Arkian maka turun sebuah kapal dari Jeddah ke Melaka, dalam kapal itu ada seorang pendeta, Maulana Sadar Jahan namanya, terlalu alim. Maka Sultan Mahmud Syah pun berguru padanya, dan anakanda baginda, Raja Ahmad pun disuruhkan baginda mengaji. Maka Maulana Sadar Jahan disebut orang Makhdum. Pada suatu malam, Bendahara Seri Maharaja duduk dengan Makhdum Sadar Jahan berkata-kata akan ilmu; maka Seri Rama pun datang dengan mabuknya, kerana Seri Rama terlalu peminum. Apabila Seri Rama datang mengadap Sultan Mahmud Syah, maka titah baginda pada Hamba raja, "Bawakan persantapan Orang Kaya Seri Rama," Maka dibawa oranglah arak pada batil perak, disampaikan tatarupan, diberikan pada Seri Rama. Telah teradatlah demikian itu.

Masa Seri Rama datang pada Bendahara Seri Maharaja, dilihatnya Bendahara sedang berkata-kata dengan Makhdum Sadar Jahan. Maka kata Seri Rama, "Mari beta turut mengaji." Maka kata Bendahara, "Marilah Orang Kaya duduk." Maka dilihat oleh Makhdum Sadar Jahan Seri Rama itu mabuk, dan mulutnya pun bau arak. Maka kata Makhdum Sadar Jahan, "*Al-khamru ummu'l-khabaith*," ertinya: arak itu ibu segala najis. Maka sahut Seri Rama, "*Al-hamku ummi'l-khabaith*," yang hamak itu ibu segala najis. Tuan turun dari atas angin ke mari ini, bukankah hendak mencari harta, dari hamaklah itu."

A-331 Maka Makhdum terlalu marah mendengar kata Seri Rama itu, lalu ia pulang; berapa pun ditahani Bendahara Seri Maharaja, tiada juga Makhdum mau bertahan, pulang juga ia ke rumahnya. Maka kata Bendahara Seri Maharaja kepada Seri Rama, "Mabuk Orang Kaya ini, barang kata dikatakan; baik tiada didengar Yang Dipertuan, jikalau baginda tahu, murka baginda akan Orang Kaya." Maka kata Seri Rama, "Mana kehendak Yang Dipertuan, apatah daya kata sudah terlanjur." Maka hidangan pun dikeluarkan oranglah ke hadapan Seri Rama; maka Seri Rama dan khalayak yang ada hadir itu pun

makanlah. Setelah sudah makan, maka makan sirih; sesaat duduk Seri Rama pun bermohonlah pada Bendahara Seri Maharaja, Ialu pulang ke rumahnya. Setelah keesokan harinya, maka Bendahara Sendiri datang ke rumah Makhdum; maka Makhdum Sadar Jahan pun terlalu sukacita melihat Bendahara Seri Maharaja datang itu.

B-254

Bermula Tun Mai Ulat Bulu pun mengaji pada Makhdum Sadar Jahan; akan Tun Mai Ulat Bulu itu, asal namanya Tun Mui'd-Din, anak Tun Zainal Abidin, cucu Bendahara Paduka Raja; sebab tubuh datuk itu berbulu, maka disebut orang Tun Mai Ulat Bulu, Setelah Tun Mai Ulat Bulu mengaji pada Makhdum Sadar Jahan, barang yang diajarkan oleh Makhdum itu, tiada terturut oleh Tun Mai Ulat Bulu, kerana lidah Melayu ini keras. Maka Makhdum Sadar Jahan pun ingar; katanya, "Lidah Tun Mai Ulat Bulu ini, terlalu amat keras; lain kata kita, lain katanya." Maka sahut Tun Mai Ulat Bulu, "Itu pun tuan, sahaya mengikut bahasa tuan, jadi sukarlah pada lidah sahaya, kerana bukan bahasa sahaya sendiri; jikalau tuan sebut bahasa sahaya semuanya pun demikian juga." Maka kata Makhdum Sadar Jahan, "Apa sukar bahasa Melayu ini, maka tiada tersebut olehku?" Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, "Sebutlah oleh tuan, 'kunyit' "; maka disebut oleh Makhdum katanya "kuzit"; maka kata Tun Mai Ulat Bulu, "Salah itu, 'kunyit'; maka disebut pula "nyiru ", maka kata Makhdum "niru ". Maka kata Tun Mai Ulat Bulu, sambil hendak tertawa, "kucing,' pula sebut, tuan"; maka disebut Makhdum, katanya "Kusyini", Maka Tun Mai Ulat Bulu pun tertawa, katanya, "Manatah tuan dapat menyebut bahasa kami? Demikian lagi kami mengikut bahasa tuan." Maka Makhdum Sadar Jahan pun terlalu marah akan Tun Mai Ulat Bulu, katanya, "Taubatlah kita mengajar dia ini lagi."

A-332



Bertanya Satu Masalah Agama ke Pasai

ديوان بهاس دان فوستاک

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Hatta maka Sultan Mahmud Syah hendak menyuruh ke Pasai, bertanyakan masalah perkataan antara Ulama Mawara'l Hartar, dan Ulama Khurasan, dan Ulama benua Irak. Maka baginda hendak menyuruhlah; serta baginda mesyuarat dengan Bendahara dan segala Orang Besar-besar, "Bagaimana kita menyuruh ke Pasai itu? Jikalau bersurat, tiada dapat tiada tewas kita; kerana orang Pasai jikalau bersurat, 'salam ' dibacakannya

A-333 'sembah' juga. Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Jika demikian, kita menyuruh janganlah
B-255 bersurat; sudah kita surat, suruh hafazkan pada utusan itu." Maka titah Sultan Mahmud,
"Benarlah itu, jika demikian Orang Kaya Tun Muhammadlah baikkita titahkan." Maka
sembah Orang Kaya Tun Muhammad, "Baiklah, tuanku." Maka surat pun diaraklah ke
perahu, bingkisannya golok perbuatan Pahang sebilah, bertatahkan emas berpermata; kakatua
putih seekor; kakatua ungu seekor. Maka Orang Kaya Tun Muhammad pun pergilah; maka
surat itu dihafazkannya selama di laut itu.

Berapa lamanya di laut maka sampailah ke Pasai, Maka dipersembahkan orang
kepada raja Pasai, "Tuanku, utusan dari Melaka datang." Maka disuruh jemput oleh raja Pasai
pada segala Orang Besar-besar dengan gendang, serunai, nafiri, nagara; setelah datang
kepada Orang Kaya Tun Muhammad, maka kata orang yang menjemput surat itu, "Manatah
surat, marilah arak." Maka kata Orang Kaya Tun Muhammad, "Hambalah surat, araklah
Hamba." Maka dinaikkan oranglah Orang Kaya Tun Muhammad ke atas gajah, lalu diarak.
Setelah datang ke balai, maka Orang Kaya Tun Muhammad pun turunlah dari atas gajah,
maka berdiri ia pada tempat orang membaca surat, maka dibacanyalah surat pada mulutnya
itu, demikian bunyinya: "Salam doa paduka kakanda, Seri Sultan Mahmud Syah yang
empunya takhta kerajaan dalam negeri Melaka Daru'l Azim, datang kepada paduka adinda
Seri Sultan *al mu 'azam maliku'l-mukarram zilu'llahu fi'l-'alam*, yang di atas perhiasan
kerajaan dalam negeri Pasai Daru'l Salam. Adapun kemudian dari itu, kerana paduka kakanda
menitahkan patik itu Orang Kaya Tun Muhammad dan Menteri Sura Dipa mengadap paduka
adinda bertanyakan kehendak masalah ini. *Man qala: Inna'llaha khaliqun wa raziqun fi'l-azali*
faqad kafara, yakni barang siapa mengatakan bahawa Allah subha nahu wa taala menjadikan
dan memberi rezeki pada azali, bahawa sesungguhnya kafir; *Wa man qala: Inna'llaha lam*
yakun khaliqun wa raziqun fi'l-azali faqad kafara, yakni barang siapa mengatakan bahawa
Allah subha nahu wa taala tiada menjadikan dan tiada memberi rezeki pada azali, maka
sesungguhnya kafir. Hendaklah paduka adinda suruh beri kehendaknya."

A-334

B-256

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka oleh raja Pasai dikampungkannya segala pendeta

Pasai, disuruh baginda beri kehendaknya masalah itu, seorang pun tiada dapat memberi kehendaknya. Maka Sultan Pasai menyuruh memanggil Tun Hassan; maka Tun Hassan pun datang. Maka masalah itu dikatakan oleh Sultan Pasai kepada Tun Hassan, "Hendaklah tuan beri kehendaknya, supaya kita jangan kemaluan; jikalau tiada tuan lagi, hamba pun dapat juga mengatakan dia; walau kan tuan lagi ada, baik tuan jua mengatakan dia." Maka sahut Tun Hassan, "hamba sangka payah, jika sehingga masalah ini, mudah jua pada hamba. Orang Kaya Tun Muhammad mari tuan hampir." Maka Orang Kaya Tun Muhammad pun hampirlah pada Tun Hassan. Maka kata Tun Hassan pada Orang Kaya Tun Muhammad, " ... Inilah ia yang dikehendakkan oleh raja besar itu." Maka berkenan pada Orang Kaya Tun Muhammad kata Tun Hassan itu. Maka Orang Kaya Tun Muhammad pun bermohonlah kepada Sultan Pasai. Maka raja Pasai membalas surat raja Melaka, bingkisan sekin jenawi bertumit bertatah sebilah; panah dua rahin dengan anaknya dua terkas. Maka surat pun diaraklah ke perahu, maka Orang Kaya Tun Muhammad dan Menteri Sura Dipa pun dipersalin oleh Sultan Pasai. Setelah itu maka Orang Kaya Tun Muhammad pun kembalilah ke Melaka.

A-335

Berapa lamanya di jalan maka sampailah ke Melaka. Maka surat dari Pasai pun disuruh arak seperti adat sediakala; setelah datang ke balairung, surat pun dibaca orang. Setelah sudah surat dibaca, maka Orang Kaya Tun Muhammad pun menjunjung duli, serta persembahkan segala kata raja Pasai, dan kata Tun Hassan, dan akan segala peri kelakuannya di Pasai itu, Maka Orang Kaya Tun Muhammad dan Menteri Sura Dipa pun dianugerahi baginda persalin dengan sepertinya. Adapun Orang Kaya Tun Muhammad itu, anak Seri Amar Bangsa, Tun Abu Syahid, cucu Bendahara Putih, cicit Bendahara Seri Wak Raja. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l-mar'atun wa'l-ma'ab.*

B-257



ديوان بهاس دان پustaka
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

XIII

Tun Fatimah Anak Bendahara Seri Maharaja

A-336 ALKISAH maka tersebutlah perkataan peribaik paras anak Bendahara Seri Maharaja yang bernama Tun Fatimah itu, terlalu sekali elok rupanya, tiadalah cendalanya lagi, sedap manis pantas pangus, seperti laut madu, bertasik susu, berpantaikan sakar; mukanya bercahaya berkilat-kilat seperti bulan purnama pada ketika cuaca. Tambahan pula kena pakaian nika warna; anak Bendahara, apa yang hendak dipakainya, tiada siapa melarang dia; makin bertambahlah baik parasnya. Dan akan saudaranya Tun Hassan Temenggung pun baik juga parasnya; maka diperbuatkan orang nyanyi:

Apa dijeruk dengan belimbing?
Geranggang mudik muara;
Apa diTerigok di balik dinding?
Tun Hassan Temenggung anak Bendahara.

Setelah Tun Fatimah besar, maka hendak didudukkan oleh Bendahara Seri Maharaja dengan Tun Ali, anak Seri Nara Diraja, Maka tatkala menghantar sirih, Raja Dibaruh dipersilakan oleh Bendahara Seri Maharaja, akan Raja Dibaruh itu, ayah saudara pada Sultan Mahmud Syah, saudara Sultan Alau'd-Din Syah yang tua sekali. Maka oleh Bendahara Seri Maharaja, Tun Fatimah ditunjukkannya pada Raja Dibaruh. Setelah Raja Dibaruh melihat rupa Tun Fatimah, maka terlalulah hairan baginda, memandang parasnya; maka kata Raja Dibaruh pada Bendahara Seri Maharaja, "Yang Dipertuan adakah

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

A-337 sudah melihat anakanda ini?" Maka sahut Bendahara Seri Maharaja, "Belum duli Yang Dipertuan melihat." Maka kata Raja Dibraruh, "Jikalau Bendahara tiada gusar, mahu beta berkata-kata." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Apa kehendak hati tuanku, katakanlah kepada patik." Maka kata Raja Dibraruh, akan anakanda ini terlalu sekali baik parasnya, pada hati beta tiada patut ia diberi bersuami sama orang keluaran ini; jikalau Bendahara mendengar kata beta, orang tua ini, janganlah anakanda diberi bersuami dahulu; baik juga ditunjukkan kepada Yang Dipertuan, kerana sekarang negeri Melaka ini tiada beraja perempuan, kerana permaisuri Pahang sudah mangkat; yang istiadat raja Melayu, apabila tiada beraja perempuan, anak Bendaharalah akan jadi raja perempuan." Maka sahut Bendahara Seri Maharaja, "Tuanku, akan patik ini orang jahat, patut sama jahat juga." Maka kata Raja Dibraruh, "Baiklah, yang mana kesukaan Bendahara itulah kerjakan, kerana beta orang tua, sekadar mengingatkan Bendahara juga. "

B-258

Setelah itu, maka Bendahara Seri Maharaja pun berjaga-jagalah akan mengahwinkan anaknya, Tun Fatimah dengan Tun Ali, anak Seri Nara Diraja. Setelah datang pada ketika yang baik, maka Sultan Mahmud Syah pun dipersilakan oleh Bendahara Seri Maharaja akan mengadap anaknya kahwin itu. Setelah Sultan Mahmud Syah datang, maka Tun Ali pun beraraklah, kahwin dengan Tun Fatimah. Maka Sultan Mahmud Syah pun masuklah ke dalam rumah Bendahara Seri Maharaja mengadap orang bersuap-suapan itu. Setelah Sultan Mahmud Syah melihat rupa Tun Fatimah itu, maka baginda pun hairan; maka inginlah rasa baginda akan Tun Fatimah seperti kata syair:

A-338

*Ma yarji'u al-tarfu 'ainnuhu 'inda ru'yalibi,
Hatta yu' ada i-laiya al-tarfa musytaq.*

Yakni tiada akan berkelip kelopak mata tatkala melihat dia, hingga berkelip kepadanya kelopak mata, makin bertambah dendam juga adanya. Maka baginda berkata dalam hatinya, "Jahatnya Pak Mutahir ini, demikianlah baik anaknya, tiada ditunjukkannya kepada kita." Maka Sultan Mahmud Syah pun berdendamlah rasanya akan Bendahara Seri Maharaja. Setelah sudah orang kahwin, maka Sultan Mahmud

Syah pun berangkatlah ke istana baginda, santap pun baginda tiada; maka tiada lepas lagi Tun Fatimah daripada hati baginda. Maka Sultan Mahmud Syah sentiasa mencari cedera akan Bendahara Seri Maharaja. Setelah berapa lamanya Tun Ali duduk dengan Tun Fatimah, maka ia beranak seorang perempuan, Tun Terang namanya; baik juga rupanya.

Kekayaan Bendahara Seri Maharaja

Maka tersebutlah perkataan ada seorang Keling diam di Melaka, jadi Syahbandar, Raja Mendaliar namanya, terlalu kaya; pada zaman itu tiadalah ada taranya dalam Melaka itu. Sekali persetua, Raja Mendaliar duduk mengadap Bendahara Seri Maharaja, maka kata Bendahara, "Hai Raja Mendaliar, hendaklah tuan hamba berkata benar, berapa ada emas tuan hamba?" Maka kata Raja Mendaliar, "Tunku, emas sahaya tidak banyak, ada lima bahara." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Lebih hanya sebahara emas kita daripada emas Raja Mendaliar. "

B-259

Adapun akan Bendahara Seri Maharaja, sediakala ia menyuruh mencari, tiada pernah rosak; maka Bendahara Seri Maharaja asyik-asyik dikampungkannya segala anak cucunya, maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Hei budak-budak, maukah engkau memandang emasku?" Maka sahut anak buah Bendahara, "Mau, Datuk." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Pergilah ambil peti arah ke anu itu." Maka segala anak buah Bendahara pun pergilah mengambil peti itu diusungnya, diramai-ramainya, dibawanya ke hadapan Bendahara Seri Maharaja. Maka oleh Bendahara disuruhnya buka, tuangkan pada tikar, disuruhnya sukat dengan gantang. Maka kata Bendahara Seri Maharaja pada segala anak buahnya, "Ambil olehmu segenggam seorang, buat permainan." Maka diambil oleh segala anak buahnya segenggam seorang, dibawanya ke rumah yang baharu dibuat oleh Bendahara Seri Maharaja itu, Maka emas itu dibubuhnya pada segenap pahatan bendul dan pahatan pintu; setelah itu pergilah ia bermain. Telah hari petang, masing-masing turun pulang ke rumahnya.

A-339

Pada pagi-pagi hari, maka segala orang yang bekerja rumah itu pun datanglah; dilihatnya emas, lalu diambilnya. Apabila segala anak buah Bendahara Seri Maharaja teringat akan emas

itu, masing-masing pergi ke rumah itu, dilihatnya tiada, masing-masing pun pulang menangis. Setelah didengar oleh Bendahara, maka ditanyanya, "Apa yang ditangiskan budak-budak itu?" Maka sahut orang, "Emas kelmarin hilang." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Janganlah menangis, biarlah kuganti," Maka diberi pula oleh Bendahara emas segenggam seorang.

A-340

Adapun segala anak buah Bendahara Seri Maharaja, jika pergi berburu kerbau jalang atau rusa, jikalau ia tiada beroleh, maka ia singgah pada kandang kerbau Bendahara Seri Maharaja, maka ditikamnyalah kerbau itu dua tiga ekor, disuruhnya sembelih; maka diambil sepaha dihantarkan kepada Bendahara Seri Maharaja. Maka kata Bendahara, "Daging apa ini?" Maka kata orang yang menghantar itu, "Daging kerbau, anakanda dan cucunda pergi berburu tadi tiada beroleh perburuan, lalu anakanda dan cunda singgah pada kandang kerbau Datuk yang di Kayu Ara; diambil anakanda dan cucunda sekor seorang." Maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Nakalnya budak-budak itu; telah jadilah adat kepadanya, jika ia tiada beroleh berburu, kerbau kitalah diperburuinya."

B-260

Sebermula, jikalau hamba Bendahara Seri Maharaja datang dari teluk rantau, berbaju kesumba berkancing, berdestar pelangi, maka kata Bendahara Seri Maharaja, "Siapa nama tuan hamba?" Maka sembah orang itu, "Sahayaini hamba datuk, nama sahaya si anu, anak si anu, cucu si anu." Maka kata Bendahara, "Jikalau demikian, engkau ini anak si anukah? Turun, turunlah engkau duduk ke bawah." Demikianlah peri kebesaran Bendahara Seri Maharaja, tiada mengenal Hamba sahayanya daripada banyaknya; pada hati Bendahara Seri Maharaja, kekayaannya itu datang kepada anak cucunya, makan dan pakai tiada akan habis.

A-341

Sekali persetua, hari raya, maka Bendahara Seri Maharaja dan segala Orang Besar-besar pun masuklah ke dalam, duduk di balairung menantikan raja keluar; maka Raja Mendaliar pun datang hendak menyembah Bendahara Seri Maharaja, lalu ditepiskan oleh Bendahara tangan Raja Mendaliar, seraya katanya, "Och Keling ini, tiada tahu bahasa; patutkah tuan hamba menyembah Hamba di balai raja ini? Datang ke rumah hamba tiadakah tuan hamba patut? Lagi pula pada

duli Yang Dipertuan belum kita menjunjung duli; bagaimana akan kita berjabat tangan dahulu?" Maka Raja Mendaliar pun undur, malu rasanya.

B-261

Tun Hassan Temenggung Cuba Di"beli"

Maka ada seorang biaperi di Melaka terlalu kaya, Ali Manu Nayan namanya; apabila orang datang bermain ke rumahnya, maka diberinya kain, atau emas, atau barang benda yang gharib-gharib. Maka segala Orang Besar-besar dan hulubalang Melaka semuanya datang bermain ke rumahnya, melainkan Tun Hassan Temenggungjuga yang tiada datang ke rumahnya. Pada suatu hari, Tun Hassan Temenggung duduk di balainya dihadap orang banyak, maka Ali Manu Nayan pun datang duduk, maka katanya pada Tun Hassan Temenggung, "Orang Kaya, semua Orang Besar-besar dalam Melaka ini datang ke rumahku, melainkan Orang Kaya juga yang tiada datang, jikalau dapat mari apa Orang Kaya bermain-main ke rumahku, hingga berdiri juga di hadapan kedaiku, sepuluh tahlil emas kupersembahkan." Maka kata Tun. Hassan Temenggung, "Nuni haram zadah! Aku hendak engkau beri makan sedekah? Jika pada bapak-bapakmu yang lain boleh!"

A-342

Adapun akan adat segala orang muda-muda Tun Hassan Temenggung, apabila ia berjalan tiada berbelanja, maka ia berkata pada Tun Hassan Temenggung, "Tunku, sekarang lebuah kita tiada betul, banyak kedai yang menganjur, baik juga tuanku membetuli; kalau-kalau Yang Dipertuan berangkat, dilihat baginda lebuah tiada betul, murka kelak akan tunku." Maka kata Tun Hassan Temenggung, "Baiklah, pergilah kamu semua perbetul, rentangi tali lebuah itu." Maka segala orang muda-muda Tun Hassan Temenggung pun pergilah dengan segala pertanda merentang tali; maka oleh segala mereka itu, pada Terigah rumah saudagar yang kaya-kaya itu direntangnya tali, disuruhnya roboh. Maka segala saudagar itu menyorong, ada yang seratus, ada yang dua ratus, ada yang tiga ratus seorang-seorang; maka diambil oleh segala orang muda-muda Tun Hassan Temenggung diperbahagikannyalah dengan pertanda sekalian, itulah akan makanannya. Maka tali itu pun diperbenamnya mengikut seperti yang betulnya; segala kedai yang menganjur itu juga disuruhnya buang.

Punca Mencetuskan Sekejam-kejam Hukuman

- B-262** Sebermula ada seorang saudagar, Nina Sura Dewana namanya, penghulu segala saudagar dalam negeri Melaka; maka Nina Sura Dewana pun berdakwa dengan Raja Mendaliar; keduanya pergi bicara kepada Bendahara Seri Maharaja. Hari itu hampir petang, maka kata Bendahara pada Raja Mendaliar dan Nina Sura Dewana, "Kembalilah tuan Hamba dahulu, kerana hari telah petang; esok harilah tuan Hamba datang." Maka sembah Raja Mendaliar dan Nina Sura Dewana, "Baiklah tunku;" maka Raja Mendaliar pun bermohonlah bersama-sama dengan Nina Sura Dewana kembali ke rumahnya. Setelah hari malam, maka Nina Sura Dewana pun fikir pada hatinya, "Adapun bahawa Raja Mendaliar itu orang kaya, kalau-kalau dia menyorong pada Datuk Bendahara, nescaya alah aku olehnya; jikalau demikian baik aku pergi pada malam ini pada Bendahara Seri Maharaja." Setelah demikian fikimya, maka oleh Nina Sura Dewana diambilnya emas sebahara, dibawanya kepada Bendahara.

- A-343** Setelah datang keluar pagar Bendahara, maka kata Nina Sura Dewana pada penunggu pintu. "Beri tahu Datuk Bendahara, katakan Nina Sura Dewana datang hendak mengadap. " Maka dipersembahkan oleh penunggu pintu. Maka Bendahara pun keluar; maka Nina Sura Dewana pun masuklah mengadap Bendahara Seri Maharaja. Maka emas sepuluh kati itu dipersembahkan pada Bendahara; kata Nina Sura Dewana pada Bendahara. "Tunku, emas ini persembah sahaya akan pembeli sirih pinang." Maka kata Bendahara, "Baiklah, tuan hamba memberi hamba, hamba ambillah." Maka Nina Sura Dewana pun bermohonlah kepada Bendahara Seri Maharaja, lalu kembali ke rumahnya.

Setelah datang keluar pagar Bendahara, maka kata Nina Sura Dewana pada penunggu pintu. "Beri tahu Datuk Bendahara, katakan Nina Sura Dewana datang hendak mengadap. " Maka dipersembahkan oleh penunggu pintu. Maka Bendahara pun keluar; maka Nina Sura Dewana pun masuklah mengadap Bendahara Seri Maharaja. Maka emas sepuluh kati itu dipersembahkan pada Bendahara; kata Nina Sura Dewana pada Bendahara. "Tunku, emas ini persembah sahaya akan pembeli sirih pinang." Maka kata Bendahara, "Baiklah, tuan hamba memberi hamba, hamba ambillah." Maka Nina Sura Dewana pun bermohonlah kepada Bendahara Seri Maharaja, lalu kembali ke rumahnya.

Maka ada seorang Keling, keluarga pada Nina Sura Dewana, Kitul namanya; akan Kitul itu berhutang kepada Raja Mendaliar sekati emas. Setelah Nina Sura Dewana kembali dari kampung Bendahara Seri Maharaja, maka pada waktu Terigah malam, ketika sunyi orang tidur, maka Kitul pun pergi ke rumah Raja Mendaliar; ditepuknya pintu Raja Mendaliar. Maka Raja Mendaliar pun terkejut, katanya, "Siapa di luar pintu itu?" Maka sahut Kitul, "Beta Kitul." Maka disuruhnya Raja Mendaliar bukai pintu, maka Kitul pun masuk/dilihat-

- A-344**

nya Raja Mendaliar bersukaan dengan segala anak isterinya. Maka kata Kitul, "Hei Raja Mendaliar, baik sekali tuan Hamba bersuka-sukaan pada malam ini, kerama akan datang tiada tuan Hamba tahu. Maka oleh Raja Mendaliar dipimpinya tangan Kitul, dibawanya pada tempat yang sunyi. Maka kata Raja Mendaliar, "Hei Kitul, apa jua ada khabar tuan hamba dengar?" Maka kata Kitul. "Malam tadi Nina Sura Dewana datang kepada Datuk Bendahara, persembah sepuluh kati emas, hendak menyuruh bunuh tuan hamba; akan sekarang Datuk Bendahara telah sebicaralah dengan Nina Sura Dewana, tuan hamba hendak dikerjakannya."

Raja Mendaliar mendengar kata Kitul itu, maka Raja Mendaliar pun mengambil surat hutang Kitul, lalu dicarik-cariknya; kata Raja Mendaliar pada Kitul, "Yang hutang tuan hamba sekati emas itu, halallah dunia akhirat, tuan hambalah saudara pada hamba; kembalilah tuan hamba." Maka Kitul pun kembalilah ke rumahnya. Maka pada malam itu juga, diambil oleh Raja Mendaliar emas sebahara, dan permata yang baik-baik, dan pakaian yang indah-indah, dibawanya pada Laksamana Khoja Hassan, kerana pada zaman itu segala kaum Laksamana terlalu karib pada Sultan Mahmud Syah.

Setelah datang ke luar pintu Laksamana, maka ia minta bukai pintu; maka Raja Mendaliar pun masuklah mengadap Laksamana, maka segala harta yang dibawanya, semuanya disembahkannya kepada Laksamana. Kata Raja Mendaliar pada Laksamana, "Sahaya mengadap Orang Kaya ini, sahaya berlepas taksir, supaya jangan sahaya dikatakan orang sebicara dengan penghulu sahaya; kerana telah sahaya ketahui bahawa Datuk Bendahara hendak derhaka. Orang Kaya persernbahkanlah ke bawah Duli Yang Dipertuan, sudah ia berbuat takhta kerajaan, menerupa eu emas dan kaus emas; kasadnya hendak naik raja dalam negeri Melaka ini. Setelah Laksamana melihat harta terlalu banyak itu, maka hilanglah budi bicara akal yang sempurna itu, sebab disamun oleh harta dunia *Bita ai' zahab Khuda nuqit walakin nina hasil ista*, yakni. "Hei emas, Tuhan bukan engkau, tetapi kehendak hati berlaku olehmu." Maka kata Laksamana kepada Raja Mendaliar, "Baiklah, Hamba persembahkan dia ke bawah Duli Yang Dipertuan." HARA 2008

Tamat Riwayat Tiga Orang Besar Negara

B-264 Maka Laksamana pun masuklah mengadap Sultan Mahmud; segala kata-kata Raja Mendaliar itu semuanya dipersembahkannya ke bawah duli Sultan Mahmud. Setelah Sultan Mahmud mendengar sembah Laksamana itu, kabullah pada hati baginda, seperti orang mengantuk disorongi bantal; kerana baginda sedia menaruh dendam akan Bendahara Seri Maharaja raja, sebab anaknya Tun Fatimah itu; seperti kata Farsi: "*Al mahabbat bain niyat, Wal 'asyiq fikr niyat,*" ertinya: "Yang kasih itu antara tiada, dan berahi itu bicara tiada." Maka Sultan Mahmud Syah pun menyuruh memanggil Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara; setelah keduanya datang, maka dititahkan baginda membunuh Bendahara Seri Maharaja. Maka mereka keduanya pun pergilah dengan segala hamba raja. Maka segala anak buah Bendahara dan kaum keluarganya, dan segala orangnya semuanya berkampunglah pada Bendahara Seri Maharaja, sekaliannya dengan alat senjatanya; Tun Hassan Temenggung hendak melawan, ditegah oleh Bendahara Seri Maharaja, katanya, "Hei Hassan! Hendak membinasakan nama orang tua-tua kitakah engkau? Kerana adat Melayu tiada pernah derhaka."

A-346 Setelah Tun Hassan Temenggung mendengar kata Bendahara itu, maka Tun Hassan Temenggung pun membuang senjata dari tangannya, lalu berpeluk tubuh; maka kata Bendahara Seri Maharaja pada segala kaum keluarganya, dan kepada segala orangnya, "Barang siapa kamu melawan, hamba dakwa ia di akhirat." Setelah mendengar kata Bendahara Seri Maharaja itu, sekaliannya pun membuang Senjata dari tangan, lalu kembali ke rumah masing-masing. Maka tinggalah Bendahara Seri Maharaja dua bersaudara dengan Seri Nara Diraja; segala anak buahnya undur belaka.

Maka Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara pun masuklah, membawa keris Sultan Mahmud Syah, dibubuhnya di atas ceper perak, ditudungi dengan tetarupan, dikeluarkan di hadapan Bendahara Seri Maharaja. Maka kata Tun Sura Diraja, "Salam doa anakanda, bahawa takdir Allah Taala telah datanglah pada hari ini." Maka sahut Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Diraja, "Barang yang telah berlaku, pada hukum Allah itu, Hamba pun redalah." Maka Bendahara Seri Maharaja dan Seri Nara Diraja pun mengambil air sembahyang.

Maka oleh Tun Hassan Temenggung, peti emas itu hendak dibuangkannya ke air; maka ditegah Bendahara Seri Maharaja, katanya, "Hei, hei, Hassan! Mengapa maka peti emas itu hendak dibuangkan? Kerana Yang Dipertuan membunuh kita ini, bukanlah hendakkan emas kita? Jikalau kita sudah mati, biarlah emas kita diambil oleh Yang Dipertuan akan kebaktian kita," Maka tiadalah jadi dibuangkan oleh Tun Hassan Temenggung peti itu. Maka Bendahara Seri Maharaja, dan Seri Nara Diraja, dan Tun Hassan Temenggung, dan Tun Ali, suami Tun Fatimah pun dibunuhlah empat orang, oleh Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara,

B-265

A-347

Maka ada seorang anak Seri Nara Diraja telah kena parang oleh seorang Benggali Mia Sima namanya, dari ekor pipi lalu ke keningnya, tiada ke hujungan, Tun Hamzah namanya; akan Tun Hamzah tertiarap.

Setelah dilihat oleh anak Bendahara Seri Maharaja, Tun Abdul Karim seorang namanya, Tun Jenal seorang namanya, akan Tun Hamzah kena parang itu, maka keduanya datang ke hadapan Tun Sura Diraja, katanya, "Hei Tun Sura Diraja, hamba kedua bersaudara ini bunuhlah oleh tuan hamba;" Terigah ia berkata-kata itu, maka datang Sang Sura berlari-lari dari dalam membawa titah, katanya, "Jangan dibunuh yang lain, empat orang sahaja, titah." Maka kata Tun Sura Diraja, "Wah! Tun Hamzah sudah kena parang oleh Mia Sima, murkalah kelak duli Yang Dipertuan." Seraya katanya kepada Tun Abdul Karim dan Tun Jenal, "Tuan, kembalilah! Titah, akan ayahanda empat orang sahaja yang dibuangkan." Adapun Tun Abdul Karim dan Tun Jenal itu, adik Tun Fatimah. Setelah itu maka Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara, datanglah menghadap ke bawah duli Sultan Mahmud Syah, persembahkan Tun Hamzah kena parang itu. Maka baginda pun murka akan Mia Sima, disuruh bunuh. Akan Tun Hamzah disuruh ubati kepada tabib, disuruh baginda peliharakan baik-baik; maka dengan takdir Allah Taala, belum datang ajalnya, tiada mati. Ialah yang sangat dikasihi baginda; akan Bendahara Seri Maharaja empat beranak itu disuruh baginda tanamkan, seperti adat dianugerahi.

A-348

Adapun akan Tun Fatimah, isteri Tun Ali itu pun diambil baginda akan isteri, terlalu sangat dikasihi baginda; maka segala pusaka Bendahara Seri Maharaja semuanya dibawa

B-266

orang ke dalam, maka dilihat baginda, seperti berita orang itu tiada sungguh, maka baginda pun terlalulah menyesal oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja, tiada dengan periksanya lagi itu. Maka baginda suruh tafahusi pekerjaan itu dari mana datangnya. Setelah nyatalah diketahui baginda fitnah itu daripada Kitul, daripada Raja Mendaliar datangnya, maka Raja Mendaliar disuruh baginda bunuh dan umbut dengan segala rumahtangganya sekali; akan Kitul disuruh sulakan melintang dengan anak bininya, tanah bekas kaki tiangnya pun disuruh cangkul dibuangkan ke laut; dan akan Laksamana Khoja Hassan pun disuruh baginda rampas, oleh ia berdatang sembah tiada dengan periksanya itu; sebab pun tiada baginda bunuh, kerana sudah diharamkan darahnya oleh baginda, seperti kata ulama: "*Al baqi al qaumu akhiruhum syariban*," yakni, yang sungai minuman pada suatu kaum itu, kesudahan ia juga minum dia.

Bendahara Paduka Tuan [Bendahara Tepok]

A-349

Setelah itu maka Paduka Tuan, anak Bendahara Paduka Raja, dijadikan oleh Sultan Mahmud Syah Bendahara; akan Paduka Tuan itu telah tualah, gigi pun sudah tanggal habis, dan kaki pun telah tepok; duduk di muka pintu, di sana duduk di sana tidur, makan pun di sana, berak pun di sana dan kencing pun di sana. Apabila orang banyak datang mengadap di selasar, dinaikkanlah tabir, dan apabila Paduka Tuan hendak masuk dilabuhkan tabir. Setelah Paduka Tuan mendengar ia hendak dijadikan Bendahara, ia menjatuhkan dirinya dari tempat duduknya itu ke bawah, seraya katanya, "Bendahara apatah ini, yang tepok dan lesu demikian ini?" Maka Paduka Tuan bermohon tiadamatjadi Bendahara; digagahi juga oleh Sultan Mahmud Syah dijadikan Bendahara. Apabila ada kerja, maka disuruh tandu masuk ke dalam, setelah datang ke balairung, maka diletakkan pada tempat Bendahara duduk; inilah yang disebut orang Bendahara Lubuk Batu, yang banyak beranak, anaknya semuanya seibu sebapa belaka; dan anak, cucu-cicit, piut, yang didapati oleh Bendahara Lubuk Batu jua, tujuh puluh tujuh banyaknya.

Maka segala cucu-cicit yang duduk Hampir Bendahara Lubuk Batu, budak-budak belaka; maka kata Bendahara Lubuk Batu pada seorang cucunya, "Awang, Awang, hendakkah



ديوان بهاس دان پوسٽاڪ
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

sepah?" Maka sahut cucunya, "Mahu, Datuk." Maka kata Bendahara, "Tumbukkan aku sirih," maka ditumbukkan oleh cucunya, diberikannya kepada Bendahara; maka dikunyah-kunyah oleh Bendahara Lubuk Batu, diberikannya kepada cucunya. Maka ia memandang pula pada seorang lagi cicitnya, katanya, "Engkau hendaklah sepah?" Maka sahut cicitnya, "Mahu, Datuk," maka kata Bendahara Lubuk Batu, "Tumbukkanlah aku sirih; maka ditumbukkannya sirih, diberikan pada Bendahara, maka dikunyahlah oleh Bendahara, diberikannya pada cicitnya. Demikianlah sudah seorang, seorang pula.

B-267

Adapun apabila Bendahara Lubuk Batu santap nasi pada pinggan lingkar yang besar, lauknya pada satu talam penuh, disantap oleh Bendahara habis sebelah, setelah sudah Bendahara makan, sisa Bendahara itu diberikan pada segala anak cucunya di serambi. Maka segala anak cucu Bendahara itu makanlah, habis lauknya, maka ia meminta garam; maka diberi orang garam, ditumpahkannya, dipintanya pula garam lagi, diberi orang, itu pun' dibuangkannya. Setelah dua tiga kali ia meminta garam, maka kata Bendahara. "Budak-budak itu minta lauk, tiada diberi lauk;" maka diberi oranglah lauk. Adapun di bawah muka pintu Bendahara duduk itu dihadapkannya akan dirinya suatu keranda, sudah terkikir dan terempelas; maka mati anak cucu cicitnya diberikannya, diperbuatnya pula yang lain, demikianlah sediakala: "tatkala mati, Datuk berlarang."

A-350

Adapun akan Bendahara Lubuk Batu, gagah makan nasi, santapnya sepinggan lengkar, sebelah-sebelah habis disantapnya. Jika ibu ayam sebesar-besarnya, habis seekor itu disantapnya; sungguh tiada bergigi itu, dilurutnya daging ayam rebusan itu dikunyah-kunyah ditelan, tinggal tulang juga. Sedang lagi Datuk itu muda, suka bermain-main ke rumah Laksamana Hang Tuah, kerana isteri Laksamana itu peraturan saudara sepupu pada Bendahara Lubuk Batu. Maka keluarlah dari rumah Laksamana susu searai, nasi segantang, sakar secupak. Maka kata perempuan yang membawa nasi itu, "Habiskan konon Datuk nasi ini, akan alas-alas perut, kerana enda lagi menanak." Maka disantap Bendahara Lubuk Batu, habis nasi segantang, dan susu searai, sakar secupak itu, apabila Bendahara mandi berendam di sungai, jikalau ada buah-

A-351
B-268

buahan pohonnya condong ke air, maka sebelah dahannya yang arah ke air itu, habis buahnya dimakan Bendahara. Jikalau sudah ia memakai akan berjalan, sepasu minyak wangi digosokkannya pada tubuhnya.

Tun Biajid Sasar

Maka ada seorang anak Bendahara Lubuk Batu, Tun Biajid namanya, sasaran bahasa kelakuannya; jika ia berjalan di pekan, barang harta orang dilihatnya, yang berkenan pada hatinya, diambilnya. Maka diberi orang tabu pada Bendahara Lubuk Batu, akan perihal itu. Maka oleh Bendahara, jika Tun Biajid berjalan, disuruhnya ikut pada seorang hambanya yang mengiringi membawa emas. Maka barang' di mana Tun Biajid singgah, setelah ia pergi, datanglah orang yang mengikut itu kepada tempat Tun Biajid singgah itu; ditanyanya, "Apa-apa encik diambil tadi?" Maka kata yang empunya kedai itu, "Anu, yang diambil oleh Encik Biajid." Maka kata orang yang mengikut itu, "Berapa harganya"? Kata yang empunya itu "Se anu harganya." Maka dibayanya emas seperti kata yang empunya itu.

Ada seekor gajah pemberian Bendahara Lubuk Batu kepada Tun Biajid; akan gajah itu beberapa kali sudah dijualkannya. Apabila didengar Bendahara Lubuk Batu gajah itu dijual Tun Biajid, maka disuruh tebus oleh Bendahara, lalu diberikan pada anaknya yang lain.

A-352 Setelah dilihat oleh Tun Biajid saudaranya, naik gajah itu, maka disuruh turun oleh Tun Biajid, katanya, "Gajah itu gajahku, pemberian bapaku." Maka saudaranya tiada mau berbantah, turunlah ia dari atas gajah itu; maka gajah itu diambil oleh Tun Biajid, dua tiga bulan kepadanya, dijualkannya pula. Didengar Bendahara, disuruh tebus, tiga empat kali demikian itu. Tiga kali Tun Biajid diikat oleh ayahnya, sekali sebab membunuh orang; sekali melawar di pintu raja; sekali kerana menampar hamba raja. Maka Bendahara terlalu marah, kata Bendahara pada Seri Wak Raja. "Ikut oleh tuan hamba si Biajid, bawa ke dalam persembahkan ke bawah Duli Yang Dipertuan, suruh bunuh ia. Apa gunanya orang bunuhan demikian ini ditaruh? hamba hendak membunuh dia, hamba takutkan Yang Dipertuan." Maka kata Seri Wak Raja pada Tun Biajid, "Sabda Datuk menyuruh mengikat." Maka Tun Biajid pun menyorongkan

tangannya, katanya, "Mana kehendak hati bapak."

Maka oleh Seri Wak Raja diikatnya Tun Biajid dengan cindai, dibawanya masuk ke dalam, mengadap Sultan Mahmud Syah. Maka seperti kata Bendahara itu semuanya dipersembahkannya pada baginda. Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Bagai-bagai pula Bendahara ini, sebab hamba orang jahat, anak diikat, lepaskan!" Maka dilepaskanlah oleh Seri Wak Raja; maka Tun Biajid dianugerahi persalinan oleh baginda, disuruh bawa kembali kepada Bendahara. Maka oleh Seri Wak Raja segala titah Sultan Mahmud Syah itu semuanya dikatakannya pada Bendahara. Maka kata Bendahara, "Itulah duli Yang Dipertuan, lamun si Biajid juga hamba ikat, disuruh lepaskan, dianugerahi persalinan makin lelerlah ia; kehendak hati hamba, bunuh ia, supaya yang lain serik." Demikianlah ketiga kalinya.

A-353

Adapun Tun Biajid, apabila di belakang Bendahara, maka ia berkata pada sama muda-muda, "hamba sedang diikat oleh bapa hamba, dipatutnya hamba; tatkala itu hamba berbaju kesumba, diikatnya hamba dengan cindai natar hijau; sekali hamba berbaju putih, diikatnya hamba dengan cindai natar kuning," maka semua orang mendengar kata Tun Biajid itu suka tertawa.

Zuriat Bendahara Lubuk Batu

Seorang lagi anak bendahara Lubuk Batu, Tun Khoja Ahmad namanya, bergelar Tun Pikrama; ialah beranakan Tun Isap Berakah yang bergelar Paduka Tuan; ialah beranakan Tun Biajid; maka Tun Biajid bergelar Seri Maharaja, menjadi Bendahara, itulah yang disebut orang Datuk Bendahara Johor; beristerikan Tun Munah, beranak empat orang perempuan, seorang Tun Hindap namanya; seorang Tun Cateria namanya; seorang Tun Sambu namanya, seorang Tun Emas Jiwa namanya, berlakukan Temenggung Tun Ibrahim, yang disebut orang Datuk Botan. Adapun akan Tun Hindap, duduk dengan Datuk Bendahara yang tua, beranak dua orang, seorang bernama Tun Jahit; seorang bernama Tun Kecil, dan Tun Kecil berlakukan Raja Mahmud, beranakan Raja Sulung. Akan Tun Cateria, berlakukan Tun Merkah, bergelar Seri Akar Raja, beranakan Tun Sadah, yang disebut orang Datuk Dalam. Adapun akan Tun Emas Ayu, berlakukan Raja Muhammad,

B-270

A-354

raja Perak, yang disebut orang Raja Dibang, beranakkan Raja Fatimah; maka Raja Fatimah berlakikan Raja Mansur, beranakkan Raja Munah.

Seorang lagi anak Bendahara Lubuk Batu, Tun Pauh namanya, diam di Rantau Ceka. Akan TunPauh itu beranakkan Tun Jamal; akan Tun Jamal itu banyak beranak: yang tua sekali Tun Utusan namanya, seorang lagi Tun Bahau namanya, seorang lagi Tun Menawar namanya, seorang lagi Tun Sulaiman namanya; seorang lagi perempuan, Tun Siti namanya, berlakikan Tun Tiram, anak Sang Setia, beranak seorang perempuan Tun Jambul namanya, berlakikan Maharaja Indera Aceh, beranakkan Maharaja Anakanda Tun Laut, dan Paduka Seri Rama, dan Megat Seri Rama. Seorang lagi anak Tun Jambul perempuan, duduk dengan Tun Biajid Hitam, beranak seorang lelaki bernama Tun Mat Ali. Adapun Tun Bahau beranak empat orang lelaki, Tun Biajid seorang namanya, Tun Ibrahim seorang namanya, Tun Bintang seorang namanya, Tun Abu seorang namanya, bergelar Seri Bijaya Pikrama. Akan Tun Menawar beranak empat orang, Tun Bunga seorang namanya, Tun Hussain seorang namanya, bergelar Paduka Seri Maharaja Muda; Tun Hassan seorang namanya, dan perempuan seorang, du'duk dengan Tun Bintang, beranakkan Tun Sulaiman, bergelar Seri Akar Diraja, itu pun banyak anaknya; Tun Mat Ali seorang namanya, bergelar Paduka Seri Indera; seorang Tun Bah namanya; seorang lagi Tun Anjang namanya; seorang Tun Kucang namanya. Akan Paduka Seri Indera Tun Mat beranakkan Tun Mariam; Tun Mariam duduk dengan Paduka Megat Tun Sulung, beranakkan Tun Jambul dan Tun Kecik. Akan Tun Jambul duduk dengan Seri Semara Tun Hitam, beranakkan Tun Jamal dan Tun Mahmud, bergelar Paduka Seri Indera. Adapun akan Tun Kecik duduk dengan Tun Pelawah, beranakkan Tun Jemaat, dan Tun Tipah dan Tun Abdul.

A-355

B-271

Seorang lagi anak Bendahara Lubuk Batu perempuan, duduk dengan Tun Perpatih Kassim, beranakkan Tun Puteri, berlakikan Tun Imanu'd-Din, beranakkan Tun Tahir, bergelar Seri Pikrama Raja; ialah beranakkan Tun Utusan, bergelar Seri Akar Raja. Maka Seri Akar Raja beranakkan Paduka Megat Tun Sulung; seorang lagi anak Seri Akar Raja, Tun Munah dan Tun Kamisa, keduanya diperisteri oleh Seri Nara

Wangsa Tun Ramat. Akan Tun Anjang beranakkan Tun Abdul, beristerikan Tun Perak, saudara paduka Seri Dewa Tun Timur, anak Seri Akar Raja, Tun Kassim. Maka Tun Abdul beranakkan Tun Jalil. Banyak lagi anak Bendahara Lubuk Batu, tiadalah kami sebutkan sekalian; barang yang ada berzuriat juga kami katakan.

Sultan Mahmud Membuang Kerajaan

Sebermula anak Bendahara Seri Maharaja, Tun Fatimah, diperisteri oleh Sultan Mahmud Syah itu, terlalulah kasih baginda akan dia; seperti kata bait: "*Juna takrim dardui jamal mahbubista qad saqafi hiyabnur amru nista*," Yakni, apabila kutilik keelokan muka kekasihku, sesungguhnya tertariklah dalam hatiku kasih, sebab menilik cahaya mata kekasih itu, Dan Tun Fatimah jadi raja perempuan dalam negeri Melaka; adapun akan Tun Fatimah, terlalu sangat percintaannya akan ayahnya, Bendahara Seri Maharaja; selama ia duduk dengan Sultan Mahmud Syah itu, jangankan ia tertawa, tersenyum pun ia tiada pernah. Maka Sultan Mahmud Syah pun turut masyghul, seperti kata bait: "*Syarat mahbubista kah hujad dunista dusta dada daunina dusta*," yakni: syarat orang yang kasih itu, bahawa barang yang dikasihi oleh kekasihnya itu ia pun kasih hendaknya; demikian lagi barang yang dikebencinya pun. Maka Sultan Mahmud terlalu sangat menyesal diri baginda, oleh membunuh Bendahara Seri Maharaja itu. Hatta maka Sultan Mahmud pun membuang kerajaan baginda. Raja Ahmadlah dirajakan baginda, bergelar Sultan Ahmad Syah. Segala pegawai dan alat kerajaan sekaliannya diserahkan baginda kepada Sultan Ahmad Syah. Maka Sultan Mahmud Syah pun diam ke hulu Melaka, pada suatu tempat bernama Kayu Ara; hanya Sang Sura seorang juga teman baginda.

A-356

B-272

Adapun diceriterakan orang apabila Sultan Mahmud Syah pergi bermain ke Tanjung Keling, atau kepada barang tempat, baginda berkuda; maka Sang Sura juga mengiringkan baginda. Bawaan Sang Sura, pertama uncang tempat sirih santap, kedua bungkusan, ketiga kalarndan; apabila didengar oleh Sultan Ahmad Syah ayahanda baginda berjalan itu, maka disuruh iringkan oleh Sultan Ahmad Syah pada segala Orang Besar-besar. Setelah Sultan Mahmud Syah melihat orang banyak datang mendapatkan baginda itu, maka Sultan Mahmud pun

A-357

memacu kudanya lari, tiada mau diiringkan oleh segala Orang Kaya-kaya itu. Maka Sang Sura pun turut berlari, tiada bercerai dengan kuda raja; seraya ia berlari-lari itu, kakinya mengipas tapak kuda raja, supaya jangan dilihat orang, tangannya mengapur sirih santap, demikianlah perihal Sultan Mahmud Syah mendinggalkan kerajaan.

Adapun Sultan Ahmad Syah tiada kasih akan Orang Besar-besar; yang dikasihi baginda, pertama Tun Ali Hati seorang namanya, Tun Mai Ulat Bulu seorang, Tun Muhammad Rahang seorang, Tun Muhammad Unta seorang, Tun Ali Berudu seorang, Tun Ali Kenyal seorang, dan segala orang muda-muda dua tiga empat belas orang, dan segala hamba raja dua tiga puluh, itulah ternan baginda bermain, bergurau. Adapun akan Tun Mai Ulat Bulu itu anak Tun Zainal Abidin, akan Tun Zainal Abidin anak Bendahara Paduka Raja, diam di Lubuk Cina, dipanggil orang Datuk Lubuk Cina. Maka Datuk Zainal Abidin beranak lima orang, tiga orang lelaki; yang tuanya Tun Sallehu'd-Din namanya, yang Terigah Tun Hassanu'd-Din namanya, dan yang bongsu Tun Mahaiyi'd-Din namanya, itulah disebut orang Tun Mai Ulat Bulu, bergelar Seri Udani; yang perempuan itu, diperisteri oleh Bendahara Seri Maharaja. Akan Tun Sallehu'd-Din berakkan Tun Tahiru'd-Din, akan Tun Tahiru'd-Din berakkan Tun Janu'd-Din dan Orang Kaya Siogoh; akan Tun Janu'd-Din berakkan Tun Sulaiman, bapa Seri Bijaya Raja Tun Hussain, dan berakkan bapa Tun Nanam; akan Seri Bijaya Raja Tun Hussain berakkan Tun Bambang; akan Tun Bambang bergelar paduka Seri Raja Muda, berakkan Tun Kulub dan Tun Dagang; maka Tun Dagang duduk dengan Tun Hitam; anak Seri Amar Bangsa, Datuk Bongsu. Akan Seri Udani itulah yang sangat dikasihi Sultan Ahmad, dijadikan baginda Temenggung.

B-273

A-358

Adapun akan Tun Fatimah, disebut orang raja perempuan besar, tetapi apabila ia hamil dengan Sultan Mahmud Syah dibuangnya. Maka titah Sultan Mahmud Syah kepada Tun Fatimah, "Mengapatah maka tuan hamil dibuangkan? Tiada sukakah tuan beranak dengan beta?" Maka sahut Tun Fatimah, "Apatah kerja raja beranak dengan beta lagi, kerana anak raja yang kerajaan telah ada." Maka titah Sultan Mahmud, "Jikalau tuan hamil sekali lagi, jangan dibuangkan;

jikalau ia lelaki ialah kita rajakan." Setelah itu maka Tun Fatimah pun hamil pula, tiadalah dibuangkannya lagi. Setelah genap bulannya, maka Tun Fatimah pun beranak perempuan, terlalu baik parasnya; serta jadi, disambut oleh Sultan Mahmud Syah, lalu dicitum baginda; maka dinamai baginda Raja Putih. Terlalu sangat kasih baginda, tiada dapat terkatakan lagi kasih Sultan Mahmud Syah akan anakanda baginda itu. Hatta maka Tun Fatimah hamil pula; setelah genap bulannya, maka Tun Fatimah pun beranak perempuan juga; maka dinamai oleh Sultan Mahmud, Raja Khadijah. Akan Sultan Ahmad Syah, sentiasa baginda mengaji tasauf pada Makhdum Sadar Jahan. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi 'l-marji'u wa'l-ma'ab.*

A-359



ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

XIV

Di Saat Akhir Kesultanan Melayu Melaka

B-274 *ALKISAH* maka tersebutlah perkataan Alfonso d'Albuquerque, setelah ia turun daripada wizurai, maka ia pun naik ke Portugal mengadap Raja Portugal, minta armada. Maka diberi oleh Raja Portugal empat buah kapal yang besar, dan lima **B-274** buah ghali panjang, maka Alfonso d'Albuquerque pun turun ke Goa; berlengkap pula di Goa tiga buah kapal, delapan ghalias, empat buah ghali panjang, enam belas buah fusta, menjadi empat puluh tiga buah semuanya, maka pergilah ia. Setelah datang ke Melaka, maka orang Melaka pun geruparlah; maka dipersembahkan oranglah kepada Sultan Ahmad Syah, "Bahawa Peringgi datang menyerang kita, tujuh buah kapal, delapan buah ghalias, sembilan buah ghali panjang, enam belas buah fusta."

Maka Sultan Ahmad pun mengerahkan segala rakyat menghadirkan kelengkapan. Maka berperanglah Peringgi dengan orang Melaka; dibedilnya dari kapal, seperti hujan datangnya, bunyinya seperti guruh dari langit; rupa kilat apinya seperti kilat di udara, dan bunyi istinggar seperti kacang direndang. Maka segala orang Melaka tiada lagi boleh berdiri di pantai, daripada kesangatan bedil Peringgi itu; maka ghali dan fusta dilanggarkannya ke pantai, maka Peringgi pun naiklah melanggar, dikeluاري oleh orang Melaka, lalu berperang terlalu ramai. Maka Sultan Ahmad pun keluar naik gajah, Jinak Ci namanya; Seri Udani di kepala gajah, Tun Ali Hati di buntut gajah, Makhdum Sadar J ahan dibawa baginda ber-

ديوان بهاس دان پوسٲاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

timbang rangka, kerana baginda berguru ilmu tauhid kepadanya.

Maka Sultan Ahmad pun pergilah ke jambatan mendapatkan Peringgi, terlalu banyak hulubalang mengiringkan baginda; maka oleh Sultan Ahmad Syah, ditempuh baginda dengan segala hulubalang, Peringgi pun pecah berHaruburan, lalu ke air; sekaliannya undurlah ke perahunya. Maka dibedilnya dari kapal dengan meriam yang besar-besar, seperti halilintar bunyinya. Maka Sultan Ahmad terdiri di atas gajah baginda di hujung jambatan, khabar pun baginda dada akan bedil yang seperti hujan lebat datangnya itu, Maka Makhdum berpegang dua-dua tangannya pada kiri kanan rangka; kata Makhdum Sadar Jahan pada Sultan Ahmad, "Hei Sultan, di sini bukan tempat tauhid; mari kita kembali." Maka Sultan Ahmad pun tersenyum, lalu baginda pun kembalilah ke istana, Maka Peringgi pun berseru dari kapal, katanya, "Hei orang Melaka! Ingat-ingat kamu sekalian! Demi Dios, esok hari kami naik ke darat." Maka sahut orang Melaka, "Baiklah!"

A-360

B-275

Maka Sultan Ahmad pun mengampungkan orang dan disuruh berhadir senjata; maka hari pun malam, segala hulubalang dan segala anak tuan-tuan semuanya bertunggu di balairung. Maka kata segala anak tuan-tuan itu, "Apa kita buat duduk saja ini? Baik kita membaca hikayat perang, supaya kita beroleh faedah daripadanya." Maka sahut Tun Muhammad Unta, "Benarlah seperti kata tuan-tuan itu; baiklah Tun Indera Segara pergi pohonkan Hikayat Muhammad Hanafiah, sembahkan mudah-mudahan dapat patik-patik itu mengambil faedah daripadanya, kerana Peringgi akan melanggar esok hari. "

Maka Tun Indera Segara pun masuklah menghadap Sultan Ahmad, segala sembah orang itu semuanya dipersembahkan ke bawah duli baginda. Maka oleh Sultan Ahmad dianugerahi baginda *Hikayat Amir Hamzah*, titah baginda pada Tun Indera Segara, "Katakan pada segala anak tuan-tuan itu, hendak pun kita anugerahkan *Hikayat Muhammad Hanafiah*, takut dada akan ada berani segala tuan-tuan itu seperti Muhammad Hanafiah; hanya jikalau seperti Amir Hamzah adalah gerangan beraninya, sebab itulah maka kita beri *Hikayat Amir Hamzah*."

A-361

Maka Tun Indera Segara pun keluarlah membawa *Hikayat*

Amir Hamzah itu. Maka segala titah Sultan Ahmad itu semuanya disampaikan pada segala anak tuan-tuan itu, semuanya diam. Maka sahut Tun Isap pada Tun Indera Segara, "Persembahkan ke bawah duli Yang Dipertuan, salah titah itu; hendaknya Yang Dipertuan seperti Muhammad Hanafiah, patik-patik itu seperti hulubalang Beniar." Maka Tun Indera Segara pun masuk mengadap; segala sembah Tun Isap itu, semuanya dipersembahkannya kepada Sultan Ahmad. Maka baginda pun tersenyum, maka titah Sultan Ahmad, "Benar katanya itu," maka dianugerahi baginda *Hikayat Muhammad Hanafiah*.

B-276
A-362

Setelah hari siang, maka Peringgi pun naiklah ke darat melanggar. Sultan Ahmad pun naik gajah, Juru Demang namanya; Seri Udani di kepala, Tun Ali Hati di buntut. Maka baginda pun keluarlah dengan segala hulubalang; maka berperanglah orang Melaka dengan Peringgi, terlalu sabar; daripada sangat tempuh segala hulubalang Melaka, segala Peringgi pun undur. Maka tampil Alfonso di' Albuquerque dengan seribu seldadu beristinggar, menempuh pada segala orang Melaka, bunyi peluru istinggar seperti kacang jatuh ke bidai; daripada sangat tempuh anak Portugal, pecahlah perang orang Melaka, lalu undur; maka tinggal Sultan Ahmad seorangnya, terdiri di atas gajahnya. Maka oleh Peringgi, gajah Sultan Ahmad dikepungnya, dibanyak-banyakinya; maka Sultan Ahmad pun beradakkan tombak dengan Peringgi, kena tapak tangan baginda, luka sedikit. Maka oleh Sultan Ahmad digedangkannya tangannya, titah baginda; "Hei anak Melayu, lihatlah tangan kita!" Setelah melihat tangan Sultan Ahmad luka itu, maka segala hulubalang Melayu pun tampil pula beramuk dengan Peringgi.

Adapun tatkala mula Peringgi melanggar itu, Tun Sallehu'd-Din minta ikat pinggangnya pada cucunya; maka diikat oleh cucunya, seraya kata cucunya, "Nenek, nenek memakai ikat pinggang Datuk Paduka Raja ini, jangan nenek bawa lari." Maka kata Tun Sallehu'd-Din, "Insya-Allah Taala, Awang! Lihatlah olehmu." Maka ia pun pergilah keluar mengiringkan Sultan Ahmad. Setelah ia melihat tangan Sultan Ahmad luka itu, maka Tun Sallehu'd-Din pun tampil ke hadapan gajah Sultan Ahmad, beradakkan tombak dengan Peringgi; maka ditikam oleh Peringgi kena dada Tun Sallehu'd-Din terus ke

belakang, rebah, lalu mati. Maka Terigah tiga puluh hulubalang Melaka yang pilihan mati, Seri Udani pun luka ari-arinya kena tombak Peringgi. Maka gajah pun diderumkan, Seri Udani pun diusung oranglah dibawa kembali ke rumahnya; maka disuruh oleh Sultan Ahmad lihat pada tabib; diduga oleh tabib dengan ekor sirih, kata tabib, "Insya-Allah Taala tiada mengapa, dapat diu bat; jikalau sekerat beras juga lagi masuknya, nescaya Seri Udani mati."

Sultan Mahmud, Sultan Ahmad Berlepas Diri

Maka Melaka pun alahlah, dinaiki oleh Peringgi dari ujung balai, tiba-tiba lalu ke dalam. Maka segala orang Melaka pun larilah; maka Sultan Mahmud Syah pun berlepaslah. Adapun akan Bendahara ditandu orang di bawa lari, Si Lamat Gagah nama orang yang menandu itu. Maka Peringgi pun datanglah berturut-turut; maka kata Bendahara pada Si Lamat Gagah, "Baliklah! Baliklah! Langgarkan aku pada Peringgi!" Maka tiada diberi oleh segala anak cucunya. Maka kata Bendahara, "Ceh! Cabamya segala orang muda-muda ini, apa daya aku telah tepok, kalau aku lagi kuasa, mati aku dengan negeri Melaka ini!"

A-363
B-277

Maka Sultan Ahmad pun undurlah ke hulu Muar, baginda diam di Pagoh; akan Sultan Mahmud Syah diam di Batu Harupar; akan Bendahara diam di Lubuk Batu. Maka Sultan Ahmad berkota di Bentayan. Maka Peringgi pun diamlah di Melaka, akan pagar ruyung istana dibuatnya kota. Hatta Bendahara pun hilanglah, ditanamkan di Lubuk Batu; Datuk itulah disebut orang 'Bendahara Lubuk Batu'. Maka Peringgi pun datang melanggar Pagoh, maka berperanglah ada berapa hari; maka Sang Setia pun mati, Pagoh pun alahlah. Maka Sultan Ahmad dan ayahanda baginda pun undurlah ke hulu Muar, lalu ke Penarikan, dari Penarikan lalu berjalan ke Pahang; maka setelah bertemu dialu-alukan oleh Sultan Abdul Jamal dan Sultan Mansur Syah dengan seribu kebesaran dan kemuliaan; dibawa baginda masuk ke negeri Pahang. Maka oleh Sultan Mahmud Syah, anakanda baginda yang perempuan, beranak dengan permaisuri Kerantan itu dikahwinkan baginda dengan Sultan Mansur Syah.

Hatta berapa lamanya baginda di Pahang, lalu berangkat ke Johor, duduk di Pekan Tua, membuat kota kara; maka

A-364 sembah segala rakyat, "Tuanku, jauh amat ke hulu negeri ini." Maka baginda pun lalu ke Bintan bernegeri di sungai Bukit Batu Pelabuhan namanya. Sultan Mahmud Syah diam di Tebing Tinggi, Laksamana Khoja Hassan duduk di Pantar.

B-278 Adapun akan Sultan Ahmad, sekaliannya baik, lagi dengan murahnyanya; tetapi hanya suatu celanya, sebab tiada kasih akan segala Orang Besar-besar dan segala pegawai, melainkan yang dikasihi baginda segala orangmuda-muda dengan segala hamba raja yang tersebut itu juga dikasihi baginda, Apabila segala orang muda-muda itu sudah makan di dalam, ayam suapan dan nasi kunyit atau barang sebagainya, maka apabila Orang Besar-besar datang mengadap Sultan Ahmad, didapatinya mereka itu Terigah makan, maka dikiasiasinyalah segala Orang Besar-besar itu, katanya, "Mana rimah nasi kunyit dan tulang ayam suapan yang kita makan tadi?"

Maka segala kelakuan itu kedengaran kepada Sultan Mahmud Syah; maka tiadalah berkenan pada baginda akan af al anakanda baginda itu membuang akmal raja-raja, maka disuruh baginda kerjakan dalam senyap; seperti firman Allah Taala: "*Iza ja'a ajaluhum la yasta' khiruna sa'atan, wala yastaq dimuna*", yakni apabila datang ajal mereka itu, tiada terkernudian seketika, dan tiada terdahulu seketika jua pun. Maka Sultan Ahmad pun mangkatlah, ditanamkan di Bukit Batu; itulah disebut orang 'Marhum di Bukit Batu'.

Melantik Orang Besar-besar Kerajaan

A-365 Setelah Sultan Ahmad sudah mangkat, maka oleh Sultan Mahmud anakanda baginda Raja Muzaffarlah ditirngankan baginda akan kerajaan. Hatta Sultan Mahmud pun membuat negeri pula di Kopak. Adapun akan anakanda baginda Raja Muzaffar diserahkan mengaji pada seorang mualim, sama-sama dengan anak tuan-tuan banyak; maka tempat baginda mengaji itu, pertama dibentangi tikar Haruparan, sudah itu permaidani, di atas permaidani itu peterana, di atas peterana itulah Raja Muzaffar duduk mengaji. Maka Raja Muzaffar didudukkan baginda dengan Tun Terang, anak Tun Fatimah, beranak seorang lelaki bernama Raja Mansur. Maka Tun Khoja Ahmad, anak Bendahara Lubuk Batu, dijadikan Sultan Mahmud Syah Bendahara, bergelar Paduka Raja; Tun Abu Ishak, anak Orang Kaya Tun Abu Sahid, dijadikan

baginda Perdana Menteri, bergelar Seri Amar Bangsa, duduk berseberangan dengan Bendahara; saudaranya bernama Orang Kaya Tun Muhammad, berakkan Orang Kaya Tun Undan, dan Orang Kaya Tun Sulit, dan bonda Tun Hamzah, dan bonda Datuk Darat. Adapun Datuk Darat berakkan Tun Isap Berakah; anak Bendahara Paduka Raja bergelar Paduka Tuan.

Adapun Tun Hamzah, anak Seri Nara Diraja yang kena parang itu, dijadikan Sultan Mahmud Syah Penghulu Bendahari, bergelar Seri Nara Diraja juga, ganti ayahnya; ialah yang sangat dikasihi Sultan Mahmud Syah, tiada bandingnya pada zaman itu. Maka Tun Abdul Karim, anak Bendahara Seri Maharaja, digelar baginda Seri Wak Raja, dan saudaranya Tun Jenal, digelar Raja Indera Bongsu. Adapun Tun Mai Ulat Bulu, Temenggung Seri Udani juga; maka Tun Biajid Rupa, anak Bendahara Seri Maharaja, dijadikan baginda menteri, digelar Seri Utama; dan Tun Umar, anak Seri Wak Raja, dijadikan menteri juga, bergelar Seri Petam; maka Tun Mahmud, saudara Tun Hamzah, anak Seri Nara Diraja yang tua, dijadikan kepala bentara, bergelar Tun Nara Wangsa. Maka anak Paduka Tuan yang bernama Tun Mat, bergelar Tun Pikrama Wira; maka Seri Utama beristerikan Tun Cendera Panjang, anak Seri Bija Diraja Datuk Bongkok, beranak seorang lelaki bernama Tun Dollah dan Orang Kaya Tun Hassan. Adapun Orang Kaya Tun Hassan berakkan Tun Ping, bergelar Seri Amar Bangsa; seorang lagi Tun Muyubah namanya, disebut orang Datuk Terigah; seorang lagi anak Orang Kayu Tun Hassan, Tun Cina namanya, disebut orang Datuk Bongsu; yang tua sekali anak Orang Kaya Tun Hassan, Tun Munah namanya, diperisteri oleh Datuk Bendahara Johor,

B-279

A-366

Akan Seri Amar Bangsa Tun Ping itu berakkan Tun Esah, berakkan Megat Biajid, berakkan Megat Dollah; akan Megat Dollah berakkan Tun Tipah, duduk dengan Tun Mir, Bendahara Perak sekarang; seorang lagi anak Seri Amar Bangsa Tun Ping, Tun Kadut namanya, beristerikan Tun Jalak, anak Datuk Kilab, saudara Datuk Kala dan Datuk Jembang, asalnya Raja Cempa konon. Akan Tun Kadut, berakkan dengan Tun Jalak seorang perempuan Tun Aminah namanya, diperisteri oleh Bendahara Paduka Raja Tun Seri Lanang.

A-367
B-280

Adapun akan Laksamana Khoja Hassan pun matilah dengan percintaannya, maka ditanamkan orang di Bukit Pantar; itulah dikata orang 'Laksamana Pantar'. Maka Hang Nadim pula jadi Laksamana; ialah yang sangat masyhur gagah dan berani dalam peperangan, yang bertimbakan darah tiga puluh dua kali; akan isteri Hang Nadim, anak Laksamana Hang Tuah, bondanya pada Bendahara Lubuk Batu bersaudara dua pupu. Adapun Laksamana Hang Nadim dengan anak Laksamana Hang Tuah itu beranak seorang lelaki bernama Tun Mat Ali; banyak lagi anak Laksamana Hang Nadim, tetapi lain bondanya. Maka saudara Sang Setia yang mati di Bentayan bergelar Sang Setia juga.

Anak Raja Bakal Kerajaan

Sebermula setelah Sultan Mahmud Syah pindah ke Kopak, maka isteri baginda, Tun Fatimah pun hamil pula, maka terlalulah suka Sultan Mahmud Syah melihat isteri baginda hamil itu. Maka segala isteri Orang Besar-besar pun bergantiganti bertunggu di dalam; setelah genap bulannya, maka Tun Fatimah pun beranaklah lelaki. Maka Sultan Mahmud Syah terlalu sukacita melihat anakanda baginda lelaki, lalu baginda menyuruh memalu gendang kesukaan; bedil pun dipasang oranglah, terlalu azamat bunyinya, kerana ketika itu bunyi meriam dua belas pucuk dan gendang perang terlalu gemuruh. Maka anak raja itu pun dimandikan, setelah sudah mandi, disuruh baginda bangkan pada kadi; maka Orang Besar-besar pun persembahkanlah kepada anak raja itu masing-masing pada kadarnya. Serta baginda itu jadi, maka peterana daripada Raja Muzaffar pun diambil oranglah.

Setelah tujuh hari di luar, maka Temenggung pun mengarak air mandi. Dan pisau pencukur anak raja itu, pisau tembaga suasa, berhulu emas berpermata; maka anak raja itu pun dicukur oleh Bendahara, maka gendang palu-paluan pun dipalu oranglah seperti adat kerajaan, maka rambut anak raja itu ditimbang oleh Bendahara perempuan dengan emas dan perak, didermakan kepada segala fakir dan miskin. Telah bercukur, maka anak raja itu dinamai Raja Ali, timang-timangannya Raja Kecil Besar. Maka permaidani daripada Raja Muzaffar pun diambil orang pula, maka tinggal tikar hamparan setara orang banyak.

A-368

Setelah genap empat puluh hari anak raja itu di luar, maka Laksamana mengarak kekuningan, ertinya: lampin, dan tilam, beras dan baju bajang; akan pawainya burung-burungan dibubuh di ujung galah, enam belas banyaknya, dan megat mahkotanya enam belas, dan tulang daing enam belas, dan kipas enam belas, orang berbaju seroja enam belas, kain keling empat puluh telepa, serasah empat puluh, cindai kara empat puluh, semuanya disampaikan pada galah; akan bantal dan tilam itu di atas gajah, semuanya berbunga emas berpermata; maka air mandi enam belas buah perarakan, banyak lagi perintahnya lain dari itu sempanakan juga adanya, Setelah datang ke dalam, maka anak raja dan raja perempuan pun dimandikan oranglah; maka segala para puteri dan isteri Orang Besar-besar semuanya menyampaikan tatarupan. Telah sudah mandi, lalu Raja Ali ditabalkan ayahanda baginda, digelar Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah, disebut orang Sultan Muda. Berapa lamanya maka Sultan Muda pun besarlah, terlalu baik khuluknya, dan perdana lakunya, Adapun akan Raja Muzaffar itu didudukkan oleh Sultan Mahmud Syah dengan Tun Terang, anak Tun Fatimah dengan Tun Ali, beranak seorang lelaki bernama Raja Mansur.

B-281

Tun Ali Hati Lebih Relax Mati

Adapun tatkala Sultan Ahmad mangkat itu, maka segala anak tuan-tuan, dan segala Hamba raja yang pada Sultan Ahmad itu, semuanya disuruh oleh Sultan Mahmud Syah kampungkan. Maka titah baginda kepada segala mereka itu, "Engkau semua jangan syak hati, seperti mana pada Si Ahmad, dernikianlah pada aku pun." Maka sembah segala mereka itu, "Baiklah tuanku, kerana patik sekalian ini sedia Hamba ke bawah duli Yang Dipertuan; akan sekarang paduka anakanda telah mangkat, kembalilah patik sekalian ke bawah duli Yang Dipertuan." Maka terlalu sukacita Sultan Mahmud Syah mendengar sembah segala mereka itu, lalu baginda pun memberi anugerah akan segala mereka itu, melainkan Tun Ali Hati juga yang tiada mau datang; beberapa pun disuruh baginda panggil, tiada juga ia mau datang. Maka kata Tun Ali Hati pada orang yang memanggil itu, "Persembahkan ke bawah duli Yang Dipertuan, akan patik itu sedia hamba ke bawah duli Yang Dipertuan, tetapi yang membaiki patik itu paduka anakanda,

A-369

B-282

jikalau paduka anakanda mati itu dengan musuh gerangan, nescaya mati patik itu dengan paduka anakanda; .ini apatah daya patik itu, kerana dengan kehendak duli Yang Dipertuan, 'langit menirupa burni; kerana anak Melaka tiada pernah derhaka, jikalau kehendak yang lain gerangan, tahulah patik itu membalasnya. Adapun sekarang, jikalau ada kumia duli Yang Dipertuan, patik itu mohonkan hendak minta dibunuh."

A-370 Maka segala kata Tun Ali Hati itu semuanya dipersembahkan orang pada Sultan Mahmud; maka titah baginda, "Katakan pada Si Ali, mengapa maka ia berkata demikian, pada Si Ahmad pun ia dibaikinya, jika pada aku pun, ia kubaiki juga, kerana aku tiada mau mernbunuh dia." Maka titahitu dijunjungkan orang pada Tun Ali Hati. Maka sembah Tun Ali Hati, "Jikalau ada kumia, patik itu mohonkan hendak minta bunuh juga, kerana patik itu tiada mau memandang muka orang yang lain." Maka beberapa pun Sultan Mahmud hendak menghidupkan Tun Ali Hati, tiada juga Tun Ali Hati mau hidup, minta bunuh juga ia. Maka disuruh Sultan Mahmud Syah "Bunuhlah Tun Ali Hati. " *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab wa ilaihi'l-marji'u wa 'l-ma 'ab.*

Raja Abdullah Ditawan Peringgi

B-283 Alkisah maka tersebutlah perkataan Raja Kampar yang bernama Raja Abdullah, anak Raja Menawar, saudara Sultan Mahmud Syah; setelah baginda mendengar Melaka telah alah oleh Peringgi, dalam hati baginda, "Mudah-mudahan mau Peringgi menolong aku mengembalikan segala rakyat Melaka kepada aku." Setelah baginda fikir demikian, maka didengar baginda jaga-jaga Peringgi ada di Ungaran dengan sebuah fusta. Maka Raja Abdullah bertitah pada segala pegawai, "Apa bicara Orang Kaya-kaya, segala pegawai Kampar, kita hendak mendapatkan jaga-jaga Peringgi yang di Selat Ungaran itu, kita hendak muafakat dengan kapitannya, mudahmudahan dikembalikannya segala jajahan Melaka kepada kita, kerana yang empunya waris kerajaan Melaka itu kita."

Maka sembah segala pegawai Kampar, "Pada perasaan patik sekalian, jalan yang mana duli tuanku hendak mufarik dengan paduka ayahanda? Kerana patik sekalian dengar, sebuah anak sungai pun tiada terambil oleh Peringgi; sekaliannya mengadap paduka ayahanda ke Bintan. Lagi pula, bukan-

kah musuh paduka ayahanda itu, musuh tuanku? Di mana Peringgi tahu akan duli tuanku berkesumat dengan duli paduka ayahanda? Percayakah ia akan kita, takluk Melaka ini?"

A-371

Maka tiada didengar baginda, lalu Raja Abdullah menyuruh berlengkap perahu kenaikan; telah lengkap maka baginda pun berangkatlah diiringkan segala pegawai Kampar, masing-masing dengan perahunya. Setelah sampai ke Selat Ungaran, kelihatanlah fusta Peringgi, maka Raja Abdullah pun berhentilah di sebelah Tanjung Gading. Maka baginda menyuruhkan orang kepada kapitan fusta itu, mengatakan baginda hendak bertemu; hamba raja yang disuruhkan itu pun pergilah dengan sebuah sampan. Setelah sampai dekat fusta itu, maka ia pun beringatlah, serta ia bersuara, katanya, "Jangan dekat! Apa mau? kata dari sana!" Maka orang Kampar itu pun mengatakan, kita disuruh Raja Kampar kepada kapitan;" maka sahut juru bahasa Peringgi, "Jika betul, dekatlah." Maka hamba raja Kampar itu pun dekatlah, lalu naik ke fusta Peringgi itu. Maka segala kata Raja Abdullah itu semuanya dikatakannya kepada kapitan Peringgi itu. Maka kata kapitan itu. "Jika sungguh Raja Kampar mau bersahabat dengan Kapitan Mor Melaka, banyak boleh untung; kembalilah pakanira bawa Raja Kampar ke mari berkata-kata dengan kita; jangan banyak datang, satu sampan ini juga; jika banyak kita bedil, tidak sungguh raja Kampar mau bersahabat dengan Kapitan Mor."

Maka hamba Raja Kampar itu pun baliklah kepada Raja Abdullah. Setelah datang maka segala kata kapitan fusta itu, semuanya dipersembahkannya. Maka segala pegawai Kampar semuanya menegah, tiada juga didengar oleh Raja Abdullah, turun juga baginda ke sampan, lalu berkayuh mendapatkan Peringgi itu, Adapun kapitan fusta, setelah orang Kampar itu balik, maka perahunya dianjaknya ke laut, serta dipasangnya alatnya, segala seldadunya masing-masing memegang sumbu. Maka Raja Abdullah pun datanglah ke fusta itu, maka dilihat kapitan Raja Kampar datang itu, ia pun turun dari beranda fustanya, berdiri di tepi, menyambut tangan Raja Abdullah, dibawanya naik duduk atas beranda, dengan dua orang budak mernbawa sirih santap baginda, yang lain tiada diberinya naik. Pada masa itu angin selatan pun turun terlalu keras, maka kapitan fusta, "Apa mau raja hendak bertemu

B-284

A-372

dengan kita?" Maka sahut Raja Abdullah, "Kita mau berkasih-kasihan dengan Kapitan Mor; akan segala jajahan Melaka mau kita pinta pada Kapitan Mor." Maka sahut kapitan fusta itu. "Lebih lagi suka Kapitan Mor mau memberi segala anak negeri Melaka pada raja, akan jadi pengapit pada raja Portugal."

Dalam ia berkata-kata itu, maka sauh disuruhnya bongkar. Setelah itu maka Raja Abdullah pun ditangkapnya, serta layar pun ditariknya. Setelah dilihat oleh segala mereka yang di sampan itu akan Raja Abdullah telah tertangkap oleh Peringgi, maka hendak dinaikinya; maka oleh anak Peringgi ditembaknya dengan bedil pengatu, lalu mereka yang di sampan itu undur mendapatkan segala pegawai Kampar, mengatakan Raja Abdullah telah dilarikan Peringgi. Maka masing-masing hendak mengikut Peringgi, maka oleh Peringgi ditembaknya dengan penabur meriam, maka sebuah pun tiada berani mengikut, lalu semuanya kembali. Itulah diperbuat orang pantun:

A-373

Ketua-ketuai raja duduk,
Jangan ditimpa oleh papan;
Diketahui ganja itu mabuk,
Apa sebab mahu dimakan.

B-285

Adapun akan Raja Abdullah setelah datang ke Melaka, diceriterakan orang disuruhkan oleh kapitan hantar ke Goa. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi'l marji'u wa 'l-ma 'ab.*



Angkatan Peringgi Menyerang Bintan

ديوان بهاس دان پوسٹاڪا
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Alkisah maka tersebutlah perkataan Peringgi di Melaka, setelah didengarnya Sultan Mahmud Syah bernegeri di Bintan, maka Peringgi pun berlengkaplah, Terigah tiga puluh buah daripada ghali dan fusta dan jelia. Setelah sudah lengkap, lalu pergi: maka ia singgah di Bengkalis, dilangganya alah, serta dibakarnya. Maka terdengarlah kepada Sultan Mahmud Syah, Peringgi membakar Bengkalis; maka baginda pun menyuruh mengampungkan rakyat, dan menitahkan segala pegawai berlengkap di Kota Kara, dan bertunggu, membaiki alat Senjata, dan menyuruh memanggil Seri Udani. Adapun akan Seri Udani pada masa Sultan Ahmad Syah, ia sahaja dijadikan panglima, hanya terlalu miskin; datang kepada ayahanda

baginda, Sultan Mahmud Syah pun, tiada dipecat baginda daripada panglima; tetapi tiada dikumia mesaranya.

Setelah orang yang dititahkan itu datang kepada Temenggung Seri Udani, katanya, "Datuk, titah! Dipanggil; kerana Peringgi akan datang, telah ada diBengkalis." Maka sahut Temenggung Seri Udani, "Katakan, patik itu empunya sembah, patik itu lagi menentukan segala hartanya banyak dipinjam orang." Maka Hamba raja yang memanggil itu pun kembali mengadap Sultan Mahmud Syah; segala kata Temenggung Seri Udani itu semuanya dipersembhkannya. Maka baginda pun diam.

Maka dipersembahkan orang pula Peringgi membakar Bulang; maka disuruh baginda panggil Temenggung Seri Udani. Adapun Temenggung Seri Udani itu, ia duduk makan di Bukit Batu. Maka Hamba raja yang dititahkan Sultan Mahmud Syah itu datanglah pada Temenggung Seri Udani, katanya, "Datuk., titah! Hilirlah Datuk, Peringgi sudah membakar Bulang." Maka sahut Temenggung Seri Udani, "Persembahkan sembah hamba ke bawah duli Yang Dipertuan, patik itu lagi menyurat akan segala harta dan Hamba sahaya belum habis; jikalau patik itu mati pun, biar Teritu ke bawah duli Yang Dipertuan." Maka hamba raja itu pun hilirlah mengadap baginda. Segala pesan Temenggung Seri Udani itu dipersembhkannya kepada Sultan Mahmud Syah. Maka baginda pun menyuruh berhadir segala pegawai, beringat di Kota Kara, dan menyuruh sulu. Maka orang itu pun pergilah; setelah datang ke Malang Jarum, maka dilihatnya layar Peringgi dari Tanjung Bemban menuju Lobam itu putih, Terigah tiga puluh buah banyaknya. Maka sulu itu pun berkayuhlah segera kembali; setelah datang ke kuala, maka orang di Kota Kara pun geruparlah, mendengar khabar sulu itu; maka Sultan Mahmud Syah pun keluarlah ke balairung, dihadap oleh segala menteri hulubalang, sida-sida, bentara. maka orang sulu itu datanglah mengadap, sembahnya, "Tuanku, Peringgi patik tinggalkan telah di Lobam, tiga puluh banyaknya kelengkapannya."

Setelah baginda mendengar sembah Peringgi itu, maka titah baginda kepada seorang biduanda, "Pergi segerakan Temenggung Seri Udani! Menyurat harta, hamba sahaya apa jua, sudah tiga hari tiga malam ini? Katakan Peringgi sudah di

A-374

B-286

A-375

Kuala." Maka biduanda itu pun menyembah, lalu turun ke perahu, dikayuhkan rakyat mudik ke Bukit Batu. Setelah sampai kepada Temenggung Seri Udani, katanya, "Titah! Datuk segeralah hilir, Peringgi sudah di luar alangan kuala." Maka Seri Udani pun turunlah ke sampannya, dengan tiga orang budaknya, Si Lamat seorang, Si Berkat seorang namanya, Tuakal seorang namanya; lalu hilir bersama-sama dengan biduanda itu.

Pusaka Dari Temenggung Seri Udani

Setelah sampai ke Kopak, maka Temenggung Seri Udani pun memberikan surat itu kepada biduanda, katanya, "Persembahkanlah surat Hamba ini ke bawah Duli Yang Dipertuan, katakan patik itll tiadalah mengadap lagi, hendak segera ke Kota Kara; jikalau patik itu mati, itulah banyak bilangan harta dan Hamba sahaya patik itu, yang di suratkan tiga hari tiga malam; insya-Allah Taala, Kota Kara alah, patik itu mati." Setelah sudah ia berkata-kata memberikan suratitu, lalulah ia ke Kota Kara; didapatinya segala pegawai pepak ada hadir, serta pegawai Bintang semuanya ada. Akan biduanda itu pun datanglah mengadap Sultan Mahmud Syah, persembahkan surat dari Temenggung Seri Udani, dan segala katanya itu semuanya dipersembahkannya. Maka surat itu pun dibaca baginda, demikian bunyinya:

B-287 "Patik pacal yang tua, dianugerahi **B-287** nama Temenggung Seri Udani, lagi dijadikan panglima, empunya sembah ke bawah duli Yang Dipertuan, Yang Maha Mulia. Barang maklum duli tuanku, itulah banyak bilangan harta dan hamba sahaya patik itu, yang disuratkan tiga hari tiga malam. Pertama harta patik itu, talam tiada berbibir lagi pesuk satu; dan bokor pecah alas ternang Pahang sumbing **A-376** satu; dan pinggan retak Cina satu; dan mangkuk semawa retak satu; piring karang satu; periuk tembaga putus bibir satu; belanga Keling tembaga retak satu; dan budak tiga orang, Si Berkat namanya, berkayuh di buritan, lagi membawa pedang; Si Lamat seorang namanya, duduk menimba ruang, lagi membawa epok; Si Tuakal seorang namanya, berkayuh di haluan, lagi membawa pengudut; itulah banyak bilangan harta dan Hamba sahaya patik itu. Dan akan patik ini tiadalah mengadap ke bawah duli Yang Dipertuan lagi; insya-Allah Taala, jika Kota Kara alah, patik itu mati." Telah

dibaca baginda, mendengar bunyi surat itu, baginda pun tunduk. Setelah itu maka Sultan Mahrnud Syah pun menyuruh membawa persalin akan Temenggung Seri Udani dengan selengkapnya, seperti pakaian anak raja-raja.

Hatta maka Peringgi pun masuklah, setelah berpandangan, maka berperanglah Temenggung Seri Udani dengan Peringgi, terlalu azamat berternbak-tembakan: bunyi meriam seperti halilintar membelah; bunyi pelurunya seperti kumbang dijolok; maka yang mati pun terlalu banyak sebelah menyebelah. Sehari semalam lamanya perang itu, maka ubat bedil pun habis, maka Seri Udani menyuruh memohonkan ubat bedil serta bantu. Maka disuruh beri ubat bedil sehabishabisnya, hanya empat terupayan; dan Tun Sura Diraja dan Tun Indera Segara, dititahkan Sultan Mahmud Syah membantu Temenggung Seri Udani. Maka Temenggung Seri Udani pun peranglah semalam-malaman itu; setelah dinihari, air pun penuh pasang dalam, maka Peringgi pun mudiklah menyongsong, dikepilkannya segala perahunya di Kota Kara; maka dibedilnya dengan istinggar, bunyi pelurunya seperti kacang jatuh ke bidai. Maka tiadalah terderita oleh sekalian orang yang di Kota Kara itu, habis berhamburan ke air; mana yang sempat lari, mudik berperahu, melainkan yang tinggal Temenggung Seri Udani, dan Sang Aria, dan Sang Jaya, dan Sang Lela Segara, dan Sang Lela; mereka itulah yang bersama-sama Temenggung beramuk dengan Peringgi, banyak ia membunuh Peringgi. Maka Temenggung Seri Udani pun matilah kena bedil pengatu, dan pegawai empat orang itu pun mati; maka Kota Kara pun alahlah, maka Peringgi pun mudiklah membedil negeri Kopak.

A-377

B-288

Membalas Kasih Raja



Maka Sultan Mahmud Syah berangkatlah ke jambatan, diiringkan segala hulubalang. Maka kata Seri Nara Diraja, "Hendak ke mana tuanku berdiri di sini?" Maka titah Sultan Mahrnud, "Kita hendak berperang dengan Peringgi, kerana istiadat raja-raja itu, negeri alah rajanya mati." Maka sembah Seri Nara Diraja, benarlah titah duli Yang Dipertuan itu; hanya pada kali ini tiadalah duli Yang Dipertuan patik beri mati dengan negeri Kopak ini;" seraya ditariknya tangan Sultan Mahmud Syah, katanya, "Mari tuanku kita undur,

A-378

kerana paduka anakanda, paduka adinda, sudah turun dari istana." Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Syahidlah hulubalang Melayu, kita hendak melawan Peringgi, Seri Nara Diraja membawa kita lari." Maka sembah Seri Nara Diraja, "Ialah patik membawa duli Yang Dipertuan lari, segeralah berangkat, Peringgi hampir ke jambatan." Maka titah baginda, "Kita tiada membawa emas akan belanja;" maka sembah Seri Nara Diraja, "Patik ada membawaemas. Maka baginda pun tiadalah berdaya lagi, lalu berjalan membawa raja perempuan, anakanda baginda Sultan Alau'd-Din, menyusur kaki Gunung Bintan; hemat dua laksa orang lelaki perempuan yang mengiringkan baginda. Maka negeri Kopak alahlah, dibakar oleh Peringgi. Setelah itu Peringgi pun kembalilah ke Melaka.

B-289

Adapun akan Sultan Mahmud berjalan itu, banyaklah orang yang mengiringkan baginda itu berpecah mencari makanan, kerana ketika berundur dari Kopak itu, seorang mereka pun belum makan; orang yang mencari buah-buahan pun azamat bunyi hutan itu, Setelah sampai Terigah hari, maka Sultan Mahmud Shah pun tiadalah terjalan lagi, baginda berhenti pada suatu alur air turun dari gunung, duduk pada suatu batu dengan raja perempuan dan anakanda baginda, Sultan Muda, dihadap Seri Nara Diraja; ialah yang tiada bercerai dengan baginda lima berputera itu. Maka titah Sultan Mahmud pada Seri Nara Diraja, "Kita sangat lapar carikan kita nasi."

Setelah Seri Nara Diraja mendengar titah baginda itu, maka dipandangnya ke kiri ke kanan, tiada orang yang bagai di hatinya akan mencarikan baginda nasi. Hatta maka Seri Wak Raja pun datang, maka segera ditegur oleh Seri Nara Diraja, katanya, "Hendak ke mana Orang Kaya?" Maka sahut Seri Wak Raja, "Sahaya hendak mencari perempuan sahaya;" kerana Seri Wak Raja telah beristeri, duduk dengan cucu Bendahara Paduka Raja.

A-379

Maka kata Seri Nara Diraja, "Mari singgan dahulu," Maka Seri Wak Raja pun datang; maka kata Seri Nara Diraja pada Seri Wak Raja, "Benar bicara diri, melebihi benar daripada tuan. Hei Seri Wak Raja, siapa yang membawa bapa kita dua bersaudara, mati di Melaka itu? Raja mana? Bukankah raja ini? Pada masa inilah kita membalas kasihnya akan bapa kita mati empat beranak itu, Pergi Orang Kaya carikan duli Yang Di-

pertuan nasiangat-bangat, kerana baginda tiga berputera sangat lapar." Maka Seri Wak Raja pun pergilah dengan budak-budaknya, dua tiga empat orang. Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar kata Seri Nara Diraja itu, maka baginda pun tunduk dengan sesalnya akan pekerjaan baginda yang telah lalu itu.

Akan Seri Wak Raja pergi mencari nasi itu, bertemu dengan orang yang sudah makan, ada yang tiada menaruh nasi. Maka lalu ia berjalan menuju arah ke gunung, maka budak-budaknya melihat asap api, katanya, "Engku, itu api orang." Maka kata Seri Wak Raja, "Mari kita intai, kalau orang menanak." Maka pergilah ia mengintai; maka dilihat Seri Wak Raja, perempuan tiga orang menghadapi satu periuk tembaga, ada muat dua cupak, baharu dibangkitnya, dibubuh dilekarnya; lagi ia membakar ikan, seorang mengambil daun palas. Setelah dilihat oleh Seri Wak Raja, maka ia berkemas, lalu diterkamnya periuk dan ikan itu, dilarikannya. Maka perempuan tiga orang itu pun menjerit terkejut, dilihatnya Seri Wak Raja melarikan periuk nasinya; maka diteriakkannya, katanya, "Lihatlah Orang Kaya Seri Wak Raja, menyamun nasi orang! Malu pun tiada, anak Bendahara menyamun!" Tiadalah didengarkannya lagi, dibawanya lari juga lima berhamba.

B-290

Hatta sampailah kepada Sultan Mahmud Syah, maka periuk dengan ikan sudah dibakar itu diberikannya pada Seri Nara Diraja; maka kata Seri Nara Diraja, "Dari mana diri peroleh nasi ini?" Maka oleh Seri Wak Raja, barang kelakuannya dengan segala kata perempuan mengata dia itu, semuanya dikhabarkannya. Maka Sultan Mahmud Syah tiga berputera dan Seri Nara Diraja pun tersenyum, mendengar pekerti Seri Wak Raja itu. Maka Seri Nara Diraja menyuruh Seri Wak Raja mengambil daun palas dua tiga pucuk, maka diambil oleh Seri Wak Raja diperbuatnya bekas nasi, diberikannya pada Seri Nara Diraja. Maka oleh Seri Nara Diraja dikarinya nasi itu, dibubuhnya atas daun palas tiga helai yang diperbuat Seri Wak Raja, diletakkannya di hadapan Sultan Mahmud Syah tiga berputera itu. Maka datang penjawat baginda membawa ternang emas, oleh Seri Wak Raja disambutnya, dibawanya ke hadapan baginda, diecurkannya air dengan sebek batil emas, dipersembahkan pada Sultan Mahmud Syah. Maka titah baginda, "Biar si Ali dengan emaknya makan, kita tiada lapar

A-381

lagi." Maka diambil oleh Seri Nara Diraja cebok batil daripada Seri Wak Raja, katanya, "Mari patik basuh tangan, santaplah tuanku; tadi tuanku minta nasi, sekarang tiada mau santap pula. Baik dibawa san tap, hari sudah Zohor."

Maka titah Sultan Mahmud Syah, seraya berlinang-linang air mata baginda, sebab melihat daun bekas nasi santap baginda itu, "Biarlah raja perempuan makan tiga beranak; si Putih dengan si Khadijah mana dia?" Maka Raja Putih dan Raja Khadijah pun datang dari mandi. Maka kata Seri Nara Diraja, "Mari patik basuh tangan tuanku, baik Yang Dipertuan santap, jikalau tuanku tiada mendengar sembah patik, patik amuk; sekali inilah Melayu derhaka,"

A-381 Setelah baginda mendengar sembah Seri Nara Diraja itu, lalu baginda mengunjukkan tangan, dibasuh oleh Seri Nara Diraja; maka Sultan Mahmud Syah pun santaplah, dua tiga suap, lalu sudah, maka dipersembahkan air persantap oleh Seri Nara Diraja. Setelah baginda santap, maka raja perempuan empat beranak pun sudahlah santap. Maka periuk nasi itu oleh **B-291** Seri Nara Diraja, dibcrikannya pada Seri Wak Raja, katanya, "Bawa baik-baik nasi santapan duli Yang Dipertuan ini oleh Orang Kaya."

Dari Bintang Pindah ke Kampar

Sebermula setelah Asar matahari, berkampunglah segala Orang Besar-besar dan hulubalang, mengadap Sultan Mahmud, kira-kira akan berhenti di sana. Seketika lagi, maka segala batin pun datang mengadap Sultan Mahmud Syah; maka sembah Nara Busana, batin Cedan, "Tuanku, baiklah persilakan turun, kenaikan telah sedia patik hadirkan." Maka sembah Setia Raja, "Ya tuanku, kerana Peringgi patik ikut telah lepas ke laut, menuju Kerimun pulang ke Melaka; banyak sulu patik suruhkan sepanjang jalan itu. Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar sembah segala batin itu, maka baginda pun turunlah diiringkan Bendahara, menteri hulubalang sekalian.

Setelah datang ke Kopak, maka baginda pun turunlah ke kenaikan persembah batin Cedan, dendang bersayap panjang empat belas; kekayuhan jurung panjang sepuluh; penanggahan telentam panjang dua belas. Maka segala Orang Besar-besar, menteri hulubalang sekalian pun turunlah dengan segala anak isterinya, masing-masing pada perahunya. Maka sembah Ben-

dahara, "Sekarang hendak ke mana duli Yang Dipertuan hendak pergi?" Maka titah Sultan Mahmud Syah, "Niat kita hendak ke Kampar, "

Setelah keesokan harinya, maka Sultan Mahmud pun berangkatlah diiringkan segala menteri, hulubalang, bala Teritera; rupa perahu penuh dengan lautan. Hatta berapa lamanya di jalan, maka sampailah ke Kampar. Maka segala pegawai Kampar pun datanglah mengalukan baginda, serta persembahkan perihal ehwal Raja Abdullah dibawa Peringgi, semuanya dipersembahkan oleh segala menteri Kampar. Maka Sultan Mahmud Syah pun hairanlah mendengar pekerti Raja Abdullah itu. Maka Sultan Mahmud Syah pun duduklah di istana Raja Abdullah, kerana istana itu Sultan Menawar empunya dia; dan Bendahara dengan segala menteri, hulubalang sekalian, masing-masing diberi dengan rumahnya. Maka semayamlah baginda di Kampar itu. Hatta maka raja perempuan pun mangkatlah, ditanamkan di Kampar itu; maka Sultan Mahmud Syah pun terlalu percintaan akan isteri baginda raja perempuan itu, empat puluh hari baginda tiada nobat. Selepas dari itu, Bendahara pun persembahkan nobat seperti adat sediakala. *Wa'llahu a 'lamu bi'l-sawab, wa ilaihi 'l-marji'u wa 'l-ma'ab.*

A-382

Masalah Tiada Mempunyai Putera Lelaki

Alkisah maka tersebutlah perkataan Sultan Mansur Syah, raja Pahang. Akan ayahanda baginda Sultan Abdul Jamal telah mangkat, dimakamkan di Lubuk Pelang, dipanggil orang Marhum Syeikh. Dan akan Raja Ahmad, kedua bersaudara baginda pun telah mangkat. Maka Sultan Mansur Syahlah kerajaan di Pahang, baginda beranak dengan isteri baginda, anak Sultan Mahmud Syah dengan anak raja Kelantan dua orang, perempuan keduanya anakanda baginda itu, terlalu baik parasnya; yang tua bernama Raja Puspa Dewi dan yang muda bernama Raja Kesuma Dewi. Maka kedua anakanda baginda itu dikasihi baginda; beberapa hasrat baginda hendak beranak lelaki, tiada baginda peroleh.

B-292

Maka tersebutlah perkataan Raja Terengganu yang bernama Raja Muhammad, ayahnya itu raja Kelantan, cucu Raja Iskandar Syah, Maka Raja Muhammad itu pun mengadap ke Pahang; maka oleh Sultan Mansur Syah, didudukkan baginda dengan saudara dua pupu kepada baginda, beranak

A-368

seorang lelaki, terlalu baik parasnya dan sikapnya. Maka oleh Sultan Mansur Syah diangkat anak; kerana baginda tiada anak lelaki, dinamai baginda Raja Ahmad. Terlalulah sangat Sultan Pahang kasih akan Raja Ahmad itu, seperti anak yang dijadikan baginda dengan sepertinya. Setelah tabu anak raja itu berjalan jatuh, maka ayah bondanya hilang, Setelah Sultan Mansur melihat Raja Ahmad tiada berayah bonda itu, makin bertambahlah kasih sayang akan Raja Ahmad itu, dengan belas kasihan melihat piatu yatim itu.

Hatta berapa lamanya, maka Raja Ahmad pun besarlah, bolehlah baginda dicucikan. Maka Sultan Pahang pun berleengkaplah akan mengerjakan anakanda baginda. Raja Puspa Dewi dan Raja Kesuma Dewi bertindik, serta menyunatkan Raja Ahmad. Baginda berjaga-jaga tujuh hari tujuh malam, dengan segala bunyi-bunyian, minum makan, tepuk tari; betapa adat raja-raja yang besar-besar bekerja demikianlah diperbuat orang. Setelah datang kepada ketika yang baik, maka anakanda baginda kedua pun ditindik oranglah, dan Raja Ahmad pun disunatkanlah. Setelah selesai daripada itu, maka Raja Ahmad diserahkan baginda mengaji. Maka tahulah baginda mengaji, serta sangat besar baginda setelah bercuci itu; makin bertambahlah baik parasnya, dan sangat tertib barang lakunya, halus manis perkataannya, lagi sangat tahu mengambati hati segala menteri hulubalang dalam Pahang itu, Akan Bendahara Pahang jangan dikata lagi, sangat baginda A-384 merendahkan diri kepada Bendahara dan menteri hulubalang yang tua-tua; barang tegur ajar mereka itu tiada dilalui baginda, menjadi sekaliannya kasihlah akan Raja Ahmad itu. Sultan Pahang apatah lagi, sangatlah kasih dan berkenan baginda akan Raja Ahmad itu, bertambah pula memandang budi bahasa dan pekertinya halus manis itu.

B-293

Syahadan pada suatu hari, Sultan Mansur Syah semayam di balairung dihadap Bendahara, dan segala menteri, Orang Besar-besar sekalian ada belaka mengadap baginda. Masa itu Raja Ahmad lalu, berjalan pulang ke rumahnya daripada bermain, diiringkan segala budak-budaknya; maka dipandang oleh Sultan Mansur Syah dan Bendahara serta sekalian yang mengadap itu akan kelakuan Raja Ahmad berjalan itu, maka terlalulah baginda dengan segala yang memandang itu berkenan akan barang kelakuan dan tertib Raja Ahmad, patutlah

dengan rupanya; maka titah Sultan Pahang kepada Bendahara dan segala Orang Kaya-kaya, kerana kita tiada empunya anak lelaki, jikalau kita dikehendaki Allah Taala antara siang dengan malam, siapa Bendahara dan Orang Kaya-kaya sekalian sembah, akan ganti kita, supaya Pahang ini jangan binasa?"

Maka sembah Bendahara dan segala Orang Kaya-kaya sekalian itu, "Tuanku, patik sekaliannya mohonkan ampun beribu-ribu ampun, ke manatah patik sekalian mencari raja; yang mana berkenan ke bawah duli Yang Dipertuan, akan ganti tuanku kerajaan dalam negeri Pahang, itulah patik sekalian sembah dan dipertuan; kerana adat hamba Melayu itu tiada dapat menyalahi kehendak tuannya." Maka titah Sultan Mansur Syah, "Jika demikian, jikalau kita dikehendaki Allah Taala, kabulkah Bendahara dan Orang Kaya-kaya sekalian menyembah Raja Ahmad, merajakan dia dalam Pahang ini ganti kita?" Maka sembah Bendahara dan segala Orang Kaya-kaya itu, "Patik mohonkan ampun, jangankan setara paduka anakanda Raja Ahmad, jikalau umpama si engkau sekalipun, jika dengan titah tuanku, patik sekalian pertuankan; ini konon paduka anakanda Raja Ahmad, kerana baginda sedia bangsa raja, lagi sudah bernasab dengan duli Yang Dipertuan, kabullah patik sekalian merajakan paduka anakanda, Raja Ahmad, kerajaan di negeri Pahang."

A-385

B-294

Setelah putus mesyuarat baginda dengan Bendahara dan sekalian Orang Besar-besar itu, maka Sultan Mansur Syah pun memulai pekerjaan berjaga-jaga, akan mengahwinkan Raja Ahmad dengan anakanda baginda Raja Puspa Dewi. Setelah datang pada ketika yang baik, maka Raja Ahmad pun diarak oranglah bergajah dengan selengkap perhiasan pakaian raja-raja; setelah sampai ke balairung, maka dinikahkan oleh kadi. Setelah sudah dikahwinkan, maka Raja Ahmad pun terlalu berkasih-kasih dua laki isteri. Hatta berapa lamanya maka Raja Puspa Dewi pun Hamillah; setelah genap bulannya maka beranak seorang lelaki, baik rupanya, Maka dinamai oleh Sultan Mansur Syah akan cunda baginda itu Raja Omar, terlalu sangat dikasih baginda, diberi lengkap dengan inangpengasuhnya. *Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab, wa ilaini 'arraji 'ilaha*

XV

Sultan Mahmud Syah Mangkat di Kampar

A-386 *ALKISAH* tersebutlah perkataan Sultan Mahmud Syah semayam di Kampar; datanglah peredaran dunia, maka baginda pun geringlah terlalu sangat. Maka diketahui baginda akan penyakit baginda itu ajal. Maka Bendahara, dan Seri Nara Diraja, dan Temenggung dan Laksamana, segala Orang Kaya sekalian masuk mengadap baginda. Adapun setelah Temenggung Seri Udani mati, Seri Wak Raja dijadikan Sultan Mahmud Ternenggung. Setelah segala Orang Besar-besar itu hadir mengadap baginda, maka Sultan Mahmud Syah pun minta sandari pada Seri Nara Diraja. Maka titah baginda pada Bendahara dan segala Orang Besar-besar itu, "Adapun barang tahu Bendahara dan segala Orang Kaya-kaya, bahawa dunia ini akan lepaslah daripada genggamannya, melainkan semata-mata akhirat kita hadapi. Adapun akan anakku, Sultan Muda ini, dahulu Allah Subha nahu wa taala kemudian Rasul Allah, setelah itu pada Bendahara dan Orang Kaya-kaya sekalian pertaruh kita, daripada memelihara dan mengajar, menegur dia; kerana ia budak penuh dengan khilaf dan bebalnya, lagi ia piatu; telah yakinlah kita akan pelihara Bendahara dan Orang Kaya-kaya sekalian akan dia."

B-295

Setelah Bendahara dan segala Orang Besar-besar itu mendengar titah baginda dernikian, sekaliannya menangislah terlalu sangat, maka sembah sekaliannya, "Barang daulat juga kiranya duli Yang Dipertuan, selagi ada cahaya bulan dan

ديوان بهاس دان پوسٹاڪے
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

matahari ini patik persilkan,* tuan(ku); janganlah kiranya hati patik sekalian tuanku leburkan dengan titah yang memberi pilu rasa patik sekalian yang tiada berkesudahan itu; telah termeterilah dalam simpulan hati patik sekalian tidak akan bercita raja yang lain daripada paduka anakanda ini. Maka bagaimana tiada akan habis jiwa yang di dalam badan patik sekalian daripada memelihara paduka anakanda, kerana gemala jemala patik sekalian hamba Melayu."

Setelah Sultan Mahmud Syah mendengar sembah Bendahara dan segala Orang Besar-besar itu, maka terlalulah sukacita baginda, seraya meraih leher paduka anakanda baginda, dipeluk dicium baginda, seraya bertitah, "Hei anakku, cahaya mataku, buah hatiku, engkau kerajaan, sangat sabarmu; dan barang suatu bicaramu jangan meninggalkan Bendahara dan sekalian menteri hulubalangmu; sangat-sangat adil saksama pada barang hukum atas bala Teriteramu. Jangan engkau dengar-dengaran sembah orang tiada dengan sebenarnya; sangat-sangat ampun periksamu akan mereka itu sekalian, akan ia bernaung kepada keadilan dan kemurahanmu; dan jangan engkau taksir daripada menafahus dan memeriksai atas rakyatmu, supaya Seritosa kerajaanmu." Maka Sultan Muda pun terlalu sangat baginda menangis atas ribaan paduka ayahanda baginda.

A-387

Setelah itu maka Sultan Mahmud Syah pun berlakulah, kembali ke rahmat Allah Taala dari negeri yang fana ke negeri yang baqa. *Kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un*. Maka dikerjakan oranglah jenazah baginda, betapa periadat segala raja-raja yang besar-besar demikianlah diperbuat orang. Setelah baginda ditanamkan, maka mereka sekalian pun berkabunglah. Empat puluh hari Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah tiada nobat, bercintakan ayahanda baginda; lepas daripada empat puluh hari, Bendahara persembah nobat seperti istiadat yang mutakaddimin.

B-296

Setelah selesailah daripada pekerjaan kedukaan, maka Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah pun bicaralah dengan Bendahara dan segala Orang Besar-besar, haginda hendak keluar dari Kampar; maka sekaliannya berhadir perahulah,

*Mungkin dimaksudkan perwasikan, tuanku; (wasi - Ar. orang yang dilantik untuk menunaikan wasiat).

A-388

masing-masing berengkap. Setelah sudah lengkap, pada ketika yang baik, maka Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah pun berangkatlah; baginda hendak ke Pahang, diiringkan Bendahara, dan segala menteri, hulubalang, bentara sida-sida, bala Teritera sekalian; rupa perahu penuh dengan lautan, dan Laksamana Hang Nadim jadi cucuk baginda berangkat itu, perintah laut atasnyalah. Maka rupa kelengkapan baginda berangkat itu dialati oleh Laksamana Hang Nadim, seperti angkatan menyerang negeri lakunya, kerana terupanya bertemu dengan jaga-jaga Peringgi hendak dilanggarnya.

Bertapak Semula di Bumi Semenanjung

Hatta beberapa lamanya di laut, maka sampailah ke Pahang, .Jalu sekaliannya masuk alangan, berlabuh di hulu Tanjung Teja. Maka kedengaranlah kepada Sultan Mansur Syah, Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah, anak Sultan mangkat di Kampar datang itu; maka baginda pun hilirlah mengalu-alukan, Raja Ahmad dan segala Orang Kaya-kaya Pahang dan Bendahara tinggal menghiasi negeri. Setelah bertemu, maka Sultan Pahang pun berpeluk bercium dengan Sultan Alau'd-Din, dengan seribu kemuliaan dan kebesaran dipermulia oleh Sultan Pahang akan Sultan Alau'd-Din; maka Raja Ahmad pun diisyaratkan oleh Sultan Pahang, disuruh menyembah Sultan Alau'd-Din. Maka Raja Ahmad pun khidmat menyembah Sultan Alau'd-Din; maka segera didakap baginda, kerana Sultan Alau'd-Din mendengar khabar akan hal Raja Ahmad itu:

Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din pun mudiklah dibawa oleh Sultan Pahang mudik ke negeri, diiringkan segala menteri hulubalang rakyat sekalian. Maka rupa sungai Pahang itu tiadalah bersela lagi rupa perahu; setelah datang ke negeri, maka segala orang Pahang pun hairanlah melihat kelengkapan Sultan Alau'd-Din itu terlalu banyak, fikimya, "Jika baginda hendak mengalahkan Pahang ini, dengan sekarang pun alah." Setelah itu maka Sultan Pahang memberi Sultan Alau'd-Din sebuah istana, dan Bendahara dengan segala Orang Besar-besar itu semuanya diberi rumah, Maka Sultan Alau'd-Din pun berangkatlah duduk di istana itu, diiringkan Bendahara dan segala menteri hulubalang baginda, naik masing-masing dengan rumahnya, dikumiai oleh Sultan Pahang.

B-297

A-389

Hatta Sultan Alau'd-Din pun berkehendak akan anak Sultan Mansur Syah, Raja Kesuma Dewi itu, maka Sultan Pahang pun kabullah; lalu baginda memulai pekerjaan, Sultan Alau'dDin akan dikahwinkan dengan anakanda baginda itu, berjagajaga antara kedua pihak; pihak Sultan Alau'd-Din, Bendahara yang memerintahkan. Maka terlalu ramai perkahwinan itu, dengan segala bunyi-bunyian, tepuk tari, minum makan; beberapa ratus kerbau yang disembelih orang akan lauk makan orang bekerja itu, lain daripada itik ayam, tiada terbilang lagi banyaknya Setelah genap dua puluh hari dua puluh malam, pada ketika yang baik, maka Sultan Alau'd-Din dan Raja Kesuma Dewi pun dihiasi orang dengan pakaian kerajaan yang bertatahkan ratna mutu manikam. Maka Sultan Alau'd-Din pun diarak oranglah bergajah dengan selengkap alat kerajaan, 'azamat bunyi bahana bunyi-bunyian sabar 'azamat. Setelah datang ke balairung, Sultan Pahang Sendiri menyambut tangan anakanda baginda Sultan Alau'd-Din, didudukkan di atas ciu antelas badar sila, Maka tampillah kadi menikahkan baginda; setelah sudah nikah, maka dipimpin Sultan Pahang masuk ke dalam istana, didudukkan di kanan anakanda baginda, Raja Kesuma Dewi. Setelah sudah bersuap-suapan, maka Sultan Alau'd-Din pun memimpin tangan isteri baginda masuk ke dalam pelaminan bersuka-sukaan; maka Sultan Pahang pun keluarlah ke balairung memberi orang makan, yang tertib hulubalang Melaka dengan hulubalang Pahang itu tiada berubah peraturan duduknya Setelah sudah makan, sekaliannya bermohonlah pada Sultan Pahang, masing-masing kembali ke rumahnya. Maka Sultan Alau'd-Din dua laki isteri pun terlalu amat berkasih-kasih.

A-390

Setelah berapa lama antaranya, maka Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah pun bermohonlah kepada ayahanda baginda, Sultan Pahang, hendak membawa isteri baginda ke Johor; maka kabullah Sultan Pahang. Maka Sultan Alau'd-Din memberitahu Bendahara, baginda hendak keluar itu; maka Bendahara memberitahu Laksamana, dan segala Orang Besar-besar berhadir perahu, maka sekaliannya berlengkaplah. Setelah mustaid, maka Sultan Alau'd-Din dua laki isteri pun bermohonlah kepada ayahanda baginda, Sultan Pahang; maka kedua anakanda baginda dipeluk dicium baginda, dan Raja Puspa Dewi pun berpeluk bercium dengan adinda baginda

B-298

A-391

Raja Kesuma Dewi, bertangis-tangisan. Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din pun berangkatlah turun ke perahu, membawa isteri baginda; setelah itu maka-Sultan Alau'd-Din pun hilirlah, diiringkan menteri hulubalang sekalian rakyat baginda. Raja Ahmad dan Bendahara dengan segala Orang Kaya-kaya Pahang, disuruhkan Sultan Mansur Syah hantar anakanda baginda ke kuala. Setelah datang ke Pasir Kandang, berlabuhlah sekaliannya. Setelah itu, maka Raja Ahmad dan Bendahara serta Orang Kaya-kaya Pahang sekaliannya menjunjung duli baginda; maka Raja Ahmad dipeluk, didakap Sultan Alau'd-Din, dianugerahi persalin sekaliannya, dan baginda berkirim takzim kepada Sultan Pahang. Maka Raja Ahmad dengan segala Orang Besar-besar Pahang pun bermohonlah kepada baginda, lalu sekaliannya kembali.

B-299

Setelah keesokan harinya, dari pagi-pagi hari, maka Sultan Alau'd-Din pun keluarlah dengan sekalian kelengkapan baginda, lalu sekaliannya belayar; Laksamana Hang Nadim akan kepala kelengkapan, perahunya dendang, panjang tiga belas; dua sehaluan meriamnya, dan rentakanya sepuluh sebelah, tahan-turut dua; dan pengapitnya Seri Bija Diraja, cucu kepada Seri Bija Diraja Datuk Bongkok, perahunya jong, panjang sebelas; dua juga meriamnya sehaluan, rentakanya delapan sebelah, tahan-turut dua. Adapun kepada masa itu bedil yang lepas tatkala Kopak alah, meriam dua puluh, dan rentaka tiga ratus; Nara Busana, Batin Cedan, yang berlepas dia. Sebab itulah diletakkan adat oleh paduka Marhum yang mangkat di Kampar, Sultan Mahmud Syah, telah dianugerahkan pihak Cedan itu; barang siapa suku rakyat yang mengirupang, anaknya tiada boleh dibahagikan, semuanya bahagian Cedan belaka.

Berbuat Negeri di Kuala Johor



Hatta berapa hari baginda di jalan, maka sampailah ke Johor, maka Sultan Alau'd-Din pun menitahkan Bendahara dan Seri Nara Diraja mengepalai rakyat menebas Kuala Johor, akan berbuat negeri. Maka Bendahara dan Seri Nara Diraja pun naiklah ke darat, diikuti segala pegawai, mengerah rakyat meriebas dan menebang segala kayu; maka sekaliannya berkampunglah bekerja, 'azamat bunyinya kayu yang rebah ditebang sekalian mereka itu, Adapun akan Laksamana Hang Nadim dan Seri Bija Diraja menjadi langlang laut; tiga ratus

kelengkapannya, menjadi jaga-jaga, sampai ke Rantau Banang ia pergi. Adapun akan Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah, jikalau baginda hendak berangkat pergi bermain, Temenggung dengan segala para menteri, hulubalang sekalian mengiringkan baginda.

A-392

Syahadan akan negeri pun sudahlah dengan kotanya dan paritnya, yang dari hilir Sungai Kerting, yang dari hulu Sungai Johor; maka Bendahara dan Seri Nara Diraja menyegerakan orang membuat istana dan masjid, balairung kedua dan penanggahan, balai gendang, kolam telaga sekaliannya. Setelah mustaidlah dengan sepertinya, maka Sultan Alau'd-Din pun pindahlah ke istana dengan isteri baginda, diiringkan biti dayang-dayang, perwara, mandara baginda; maka Bendahara dan Seri Nara Diraja dianugerahi persalin seperti adat. Maka segala menteri, hulubalang, Orang Kaya-kaya, sida-sida, bentara sekaliannya pindahlah ke rumahnya masing-masing arah tempatnya, dan lebu pekan pesara pun penuh pepak kedai orang; pada masa itu kampung orang arah ke hilir datang ke Beladung, yang ke hulu sampai ke Bukit Piatu, di hulu Kuala Johor.

Adapun akan Laksamana Hang Nadim dititahkan Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah memerintahkan Bintan, duduk di Rocoh, diperbuatnya ban dar terlalu ramai bandar Rocoh pada zaman itu; rupa perahu rakyat penuh sesak, sekalian dalam ingatan perintah Laksamana Hang Nadim; dan segala rakyat karangan sekaliannya disuruhnya membantu kelengkapan, dan sulu pairnya tiada khali; demikianlah perintah Laksamana Hang Nadim memerintahkan rakyat dan teluk rantau raja.

Sebermula Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah pun karlah baginda kerajaan di negeri Johor. Hatta baginda beranak dua orang, yang tua lelaki dinamai baginda anakanda baginda itu Raja Muzaffar, yang muda perempuan dinamai baginda Raja Fatimah. Maka kedua anakanda baginda itu baik rupanya, maka dipelihara baginda dengan sepertinya. Hatta berapa lamanya besarlah anakanda baginda kedua itu, maka dicucikan bagindakedua anakanda baginda itu, dikerjakan seperti adat raja-raja yang besar bekerja demikianlah. Setelah itu maka dititahkan Sultan Alau'd-Din pada Tun Kamal Wangsa disuruh ajar mengaji; takdir Allah Taala dengan segera baginda kedua saudara tamatlah mengaji. Maka Sultan Alau'd-Din pun ter-

B-300
A-393

lalu sukacita, dimandi-mandikan baginda kedua anakanda baginda itu.

Hatta terdengarlah pada Sultan Mansur Syah ke Pahang akan Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah telah beroleh anak perempuan itu; dan baginda pun beranak dengan permaisuri Pahang seorang lelaki, dinamai baginda Raja Ismail. Maka Sultan Pahang berbicaralah hendak meminangkan cunda baginda Raja Omar ke Johor, kepada Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah. Maka Sultan Pahang menitahkan Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa akan ke Johor; maka surat dan bingkisan pun diarak oranglah ke perahu seperti adat sediakala. Maka Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa pun hilirlah lalu pergi; beberapa hari di jalan maka sampailah ke Johor. Maka dipersembahkan orang kepada Sultan Alau'd-Din, "Utusan paduka ayahanda, Sultan Pahang datang." Maka baginda pun menyuruh memanggil segala Orang Kaya-kaya, para menteri sekalian; maka datanglah semuanya ke balairung, maka Sultan Alau'd-Din pun keluarlah semayam di atas peterana, dihadap menteri hulubalang, dan sida-sida, bentara, dan biduanda, hamba raja sekalian. Maka surat dari Pahang itu disuruh baginda jemput; maka pergilah orang menjemput surat itu, betapa adat menjemput surat daripada Pahang pada zaman di Melaka, demikianlah diperbuat orang diarak.

A-394
B-301

Surat Meminang Dari Pahang

Setelah datang ke balairung, disambut oleh bentara, diletakkannya di ceper; ceper itu di atas kerikal dipersembhkannya; setelah diberikan kepada khatib dengan tatarupan, lalu dibaca oleh khatib demikian bunyinya: "Salam Allah bil ta'azim, daripada paduka ayahanda Sultan Mansur Syah, yang empunya kerajaan dalam negeri Pahang, Daru'l-Salam, datang ke hadrat paduka anakanda Seri Sultan Alau'd-Din Syah, zilu'llah fi'l-alam, yang di atas takhta kerajaan dalam negeri Johor, Daru'l-Izam; kemudian dari itu barang maklum paduka anakanda, bahawa paduka ayahanda menyuruhkan patik itu, Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa, mengadap paduka anakanda; jikalau ada tulus ikhlas serta inayat dan sepakat paduka anakanda, paduka ayahanda minta diperhamba akan paduka anakanda Raja Omar, dengan muafakat mangkubumi wazirlah yang empunya tadbir dalam negeri Johor, Daru'l-

Izam; kiranya umpama paduka anakanda, marhum paduka ayahanda juga adanya. Maka tiadalah paduka ayahanda bertaawil kalam, dalilu 'l-hayat daripada paduka ayahanda, karang kerabu emas perbuatan Siam sebutir, dan kain Teriun Petani ragi Jawa panca diragam bukit di titi gunung serapah dua helai, umpama setangkai bunga juga adanya. Syahadan akan patik itu Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa, tatkala sudah selesai daripada mengadap paduka anakanda, paduka ayahanda minta disegerakan kembalinya."

Maka Sultan Alau'd-Din pun terlalu suka mendengar bunyi surat Sultan Pahang itu; maka bingkis pun dibawa oranglah masuk ke dalam, dan Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa pun disuruh bentara menjunjung duli; setelah selesai, lalu duduk mengadap, tunduk kepalanya seperti aturan yang telah lalu itu juga. Maka titah Sultan Alau'd-Din, "Apa khabar ayahanda Sultan Pahang?" Maka sembah Seri Akar Raja, "Khabar baik, tuanku, paduka ayahanda baharu beroleh putera seorang lelaki, dan Raja Ahmad tiga bulan sudah pergi ke Kelantan, dipinta oleh segala pegawai Kelantan; kerana Raja Kelantan sudah hilang." Maka titah baginda, "Saudara kita bonda Raja Omar bagaimana?" Maka sembah Seri Akar Raja, "Paduka kakanda tiada pergi. tuanku, kerana perjanjian Raja Ahmad, dicuba setahun dahulu." Setelah sudah berkata-kata, maka Sultan Alau'd-Din pun berangkat masuk ke dalam istana; maka segala yang mengadap itu pun kembalilah masing-masing ke rumahnya dan Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa pun turunlah ke perahunya.

Maka Sultan Alau'd-Din pun menyuruh memanggil Bendahara, maka Bendahara pun masuk mengadap ke dalam. Maka titah Sultan Alau'd-Din, "Sekarang bagaimana kepada Bendahara, anak kita dipinta oleh Sultan Pahang, hendak didudukkannya dengan cundanya, Raja Omar, anak Raja Ahmad dengan anak Sultan Pahang; jika kata Bendahara terima, kita terima; kerana kita tiada mau melalui kata Bendahara." Maka sembah Bendahara, "Terimalah tuanku; akan Raja Ahmad itu anak Raja Muhammad, akan Raja Muhammad itu ayahnya Raja Kelantan, bondanya anak. Raja Terengganu; ayah Raja Muhammad itu cucu Raja Iskandar Syah, bangsa daripada Raja Chulan; dan anak bonda Raja Ahmad itu peraturan sau-

A-395

B-302

- A-396** dara dua pupu kepada paduka ayahanda Sultan Pahang; maka bagaimana Yang Dipertuan tiada mau menerima paduka anakanda Raja Omar itu?" Maka titah Sultan Alau'd-Din, "Jikalau ada ghalatnya kepada Bendahara, kerana kita tiada tahu; kerana tiang kerajaan anak cucu baginda yang dari Bukit Si Guntang, dari Singapura datang ke Melaka, hingga sampai kepada masa kita ini, tiada lain daripada itu; salasilah Bendahara juga. Sebab itulah maka kita bertanya kepada Bendahara; sudah kabul kepada Bendahara menyembah Raja Omar akan ganti kerajaan kita, kita terimalah. Maka sembah Bendahara, "Terimalah tuanku, tiadalah patik sekalian menaruh ghalat bertuankan paduka anakanda itu."
- B-303**

Setelah keesokan harinya, maka Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa pun masuk mengadap; didapatinya Sultan Alau'd-Din sedang dihadap Orang Besar-besar, Maka Seri Akar Raja dan Seri Nara Wang sa pun duduk mengadap, seraya menyembah baginda. Maka titah Sultan Alau'd-Din, "Seri Akar Raja, esoklah pulang, kita lagi menyurat." Maka sembah Seri Akar Raja, "Baiklah tuanku, mana titah duli Yang Dipertuan, patik junjung." Setelah itu baginda pun berangkat masuk ke istana; segala yang mengadap itu, baginda suruh tahani, kerana Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa hendak dianugerahi ayapan. Maka hidangan pun dikeluarkan oranglah ke hadapan segala Orang Kaya-kaya; maka sekaliannya pun makanlah, masingmasing pada peraturannya, Setelah sudah, maka hidangan itu diambiloranglah, maka datanglah sirih ayapan dan bau-bauan; setelah ayapan sirih dan memakai bau-bauan, masing-masing pulanglahke tempatnya.

- A-397** Setelah keesokan harinya, maka Sultan Alau'd-Din pun keluar semayam dihadap oleh segala Orang Kaya-kaya, sida-sida, bentara, biduanda, Hamba raja sekalian, maka Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa pun datanglah mengadap, naiklah duduk menyembah Sultan Alau'd-Din; maka baginda memberi anugerah persalin akan kedua utusan Pahang itu. Maka keduanya menjunjung duli baginda; maka surat dan bingkis pun diarak oranglah ke perahu utusan itu. Setelah surat tersambut, maka yang menghantar itu kembalilah mengadap Sultan Alau'd-Din, persembahkan sembah kepada tuanku. Setelah itu baginda pun berangkatlah masuk ke dalam istana.

Hasrat Sultan Pahang Tercapai

Adapun akan Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa pun hilirlah, lalu belayar kembali. Berapa hari lamanya di laut, maka datanglah ke Pahang, lalu mudik ke negeri. Setelah sampai maka dipersembahkan orang pada Sultan Pahang, "Patik itu Seri Akar Raja dengan kedua buah perahunya telah datang."

B-304

Maka Sultan Pahang pun keluar ke balairung dihadap segala Orang Besar-besar; maka surat dari Johor itu disuruh baginda jemput seperti istiadatnya yang sediakala. Maka dijemput oranglah surat itu, diarak di atas gajah dengan gendang, serunai, nafiri, nagara, lalu ke dalam, terkepil gajah di balai; maka surat itu disambut oleh bentara, ceper diletakkan di atas kerikal dipersembhkannya kepada Sultan Pahang. Setelah diberikan pada yang membaca dia, serta menyampai tetarupan, demikian bunyinya:

"Salamu'llahi bitta'zim 'aladdawam; fi'l-laili wal-ayyam, daripada paduka anakanda Seri Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah, yang di atas takhta kerajaan dalam negeri Johor Daru'l-Izam, datang kepada paduka ayahanda, Paduka Sultan Mansur Syah yang empunya takhta kerajaan dalam negeri Pahang Daru'l-Salam, wa al haqani almukarram walhamam almuhtaram malja' kaffata al Umamu zillu'llahi fil 'alam, kemudian takrif zihinun yang arif akan surat yang mubarak, daripada paduka ayahanda dibawa oleh patik itu Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa, serta tuhfât yang musyrifât itu telah wasillah, paduka anakanda sambut dengan takzim dan takrim. Pada tatkala dibaca, maka terdengar kepada paduka anakanda akan kehendak paduka ayahanda, akan membawa paduka cucunda Raja Omar itu; maka terlalulah amat kesukaan dan keredaan paduka anakanda, serta muafakatal wazir al kabir, jikalau ittifak paduka ayahanda, jangan kiranya diperlain yang seperti kehendak paduka ayahanda itu. Akan Peringgi telah berdendam akan negeri paduka anakanda, maka tiadalah paduka anakanda berpanjangan kalam. Burhan al mahabbat daripada paduka anakanda antelas Gujerati dua kayu, kara Iskandar dua pucuk, umpama bunga yang kena zohor matahari juga adanya." Setelah Sultan Pahang mendengar bunyi surat paduka anakanda baginda, Sultan Johor itu, maka mengucap syukurlah baginda ke hadrat Tuhan sa'i al azim, serta dengan sukacita baginda.

A-398

B-305


Setelah itu maka Seri Akar Raja dan Seri Nara Wangsa pun naiklah menjunjung duli, lalu mengadap. Maka titah Sultan Pahang, "Apa pekerjaan anak kita Sultan Alau'd-Din?" Maka sembah Seri Akar Raja, "Baiki negeri tuanku, paduka anakanda itu Yang Dipertuan Johor; tiada khali Laksamana melepaskan kelengkapan, pair ke Melaka. Selama patik di Johor, empat kali Laksamana persembahkan lanca Peringgi dengan orangnya, dilanggar oleh panglima rakyat Raja Negara, batin Singapura, dan panglima rakyat Setia Raja, batin Kelang; sekarang pun melara pada segenap jalan. Kawal paduka anakanda Yang Dipertuan Johor, bertemu dengan patik di Penyusuk, enam buah, datang dekat minta tembakau ke perahu patik. Ngeri pula patik melihat kelakuannya, naik keenam orangnya panglima itu; memohonkan ampun, menyembah patik minta emas, hanya katanya, 'hendak membeli perangsang', maka patik beri seem as. Katanya, "Bagaimana Orang Kaya memberi emas hanya seem as ini? Kerana sahaya semuanya enam buah, bukanlah enam emas Orang Kaya beri sahaya? Jika tidak diberi, tidak sahaya semua lepaskan, meskipun datang ke Pahang sahaya iku tkan. Tiada kuasa lagi patik, tuanku, patik berilah, lalu ia turun pergi," Maka segala Orang Kaya-kaya yang mengadap itu pun semuanya tertawa mendengar khabar Seri Akar Raja itu; Sultan Pahang pun tertawa, suka mendengar dia. Seketika duduk baginda pun berangkat masuk diiringkan penjawat, membawa bingkis dari Sultan Johor itu,

A-399

Hatta baginda berbicaralah akan membawa cunda baginda, Raja Omar ke Johor; maka baginda pun berengkap membawa alat dan pakaian Raja Omar. Setelah wasillah sekaliannya, maka Sultan Pahang pun berangkatlah membawa cunda baginda, Raja Omar, ke Johor, diiringkan segala Orang Kaya-kaya Pahang; dan Bendahara dengan segala menteri tinggal menunggui negeri. Berapa hari di jalan maka sampailah ke Kuala Johor maka dipersembahkan orang kepada Sultan Alau'd-Din mengatakan "Sultan Pahang datang," Maka baginda menyuruh alu-alukan kepada Seri Nara Diraja dan Temenggung Seri Wak Raja, bertemu di Tanjung Surat. Maka Seri Nara Diraja dan Temenggung Seri Wak Raja pun naiklah ke kenaikan Sultan Pahang, mengadap menjunjung duli baginda, persembahkan: "Takzim paduka anakanda, tuanku

B-306

A-400



dipersilakan, paduka anakanda telah menanti di Kesali. Maka Sultan Pahang terlalu sukacita, serta menyegerakan dayung kenaikan baginda itu; setelah Hampir Kesali, Sultan Alau'd-Din pun hilirlah diiringkan segala hulu balang, akan Bendahara tinggal. Setelah bertemu, maka Sultan Alau'd-Din pun naik ke kenaikan ayahanda, Sultan Pahang; maka Sultan Pahang pun segera berdiri menyambut tangan paduka anakanda baginda, Sultan Alau'd-Din, dibawa naik semayam, lalu berpeluk bercium. Maka Raja Omar pun menyembah ayahanda baginda, Sultan Johor; maka dipeluk dicitium baginda akan anakanda baginda itu.

Hatta sampailah ke negeri, lalu rapat ke jambatan; maka Sultan Alau'd-Din pun berangkatlah naik membawa ayahanda baginda dan anakanda Raja Omar, diiringkan segala Orang Besar-besar dan hulubalang Johor dan Pahang. Setelah sampai ke balairung, maka Sultan Alau'd-Din lalu ke istana sekali, membawa Sultan Pahang dan Raja Omar, masuk ke dalam istana; setelah datang ke dalam istana, maka Sultan Alau'd-Din pun semayam di atas peterana, satu seorang dengan ayahanda baginda, Sultan Pahang. Maka Raja Kesuma Dewi dengan anakanda baginda, Raja Muzaffar pun datang menyembah ayahanda baginda, Sultan Pahang; maka keduanya dipeluk dicitium baginda, seraya ditangisi baginda, kerana Sultan Pahang terlalu sangat rindu baginda akan anakanda baginda, Raja Kesuma Dewi itu; dan Raja Muzaffar pun berjabat tangan dengan Raja Omar. Setelah itu maka nasi santapan diangkat oranglah ke hadapan Sultan kedua, dan anak raja kedua; maka Sultan Alau'd-Din pun santaplah dengan ayahanda baginda, Sultan Pahang, dan Raja Muzaffar santap dua orang dengan Raja Omar; setelah itu, lalu santap sirih dan memakai bau-bauan. Maka hidangan Bendahara dan segala Orang Besar-besar, hulubalang, cateria, sida-sida, bentara dikeluarkan oranglah ke balairung; maka Bendahara makanlah seorangnya, dan yang lain daripada itu makanlah, masing-masing beraturlah seperti yang telah teradat antara hulubalang Pahang dengan hulubalang Johor; setelah sudah makan, maka makan sirih dan memakai bau-bauan.

B-307
A-401

Maka titah Sultan Pahang kepada anakanda baginda Raja Kesuma Dewi, "Tuan, mana cucu ayahanda yang perempuan, ayahanda hendak bertemu dengan dia." Maka sembah anak-

anda baginda, Raja Kesuma Dewi, "Sudah tuanku patik hendak bawa mengadap tuanku; bertangguh, kepala pening." Maka Sultan Pahang pun tersenyum, tahulah baginda akan cunda baginda itu malu akan cunda, Raja Omar. Maka Raja Omar pun diajak oleh Raja Muzaffar bermain ke istananya Sendiri, lalu keduanya menyembah ninda dan ayahanda banda baginda, mahan keluar bermain ke istana sendirinya.

Maka Raja Fatimah datanglah disuruh bondanya jemput, maka titah ayahanda baginda, "Tuan, sembahlah ninda, Sultan Pahang ini; bukankah ninda anakku, ayah kepada banda tuan?" Maka Raja Fatimah pun datang tunduk menyembah ninda baginda. Maka oleh Sultan Pahang dipeluk dicium baginda akan cunda baginda itu, seraya baginda menghurai bingkis dari dalam sapu tangan; maka dikeluarkan rantai emas berpermata, perbuatan Manila, delapan belas belit, dan subang saga merkah berjentera, dan cincin permata pudi panca warna gemerlap jari sekaliannya; baginda Sendiri mengenakan dia kepada cunda baginda itu,

A-402 Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din pun memberi ayahanda Sultan Pahang, sebuah istana. Maka Sultan Pahang pun keluar dari istana anakanda baginda itu, berangkat kepada istana yang diberi Sultan Alau'd-Din itu, disuruh hantar kepada Bendahara dan Orang Kaya-kaya, diiringkan segala pegawai Pahang. Setelah sampai maka Sultan Pahang pun semayam di balairung, dihadap Bendahara dan segala Orang Besar-besar; setelah itu maka Bendahara dan segala yang menghantar itu, bermohonlah kepada Sultan Pahang, masing-masing pulang ke rumahnya. Maka Sultan Pahang menitahkan orang menyuruh mengerahkan segala dayang-dayang perwara dari kenaikan itu, pindah sekaliannya ke istana, Maka baginda pun masuk ke dalam istana itu, dilihat baginda telah mustaid dengan alat perhiasannya. Maka dayang-dayang perwara baginda datanglah mengikutkan gundik baginda yang dibawa empat orang itu, bertandu keempatnya; maka semayamlah Sultan Pahang di istana itu bersama-sama cunda baginda, Raja Omar.

ديوان بهاس دان پustaka
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Istiadat Perkahwinan Diraja Johor-Pahang

Maka Sultan Alau'd-Din sehari-hari menyuruh menghantari hidangan berjenis-jenis daripada santapan, serta baginda menyuruh berhadir kelengkapan akan bekerja itu. Selang berapa

hari antaranya, maka Sultan Pahang pun bersegeralah menghantar sirih dengan emas belanja, seperti adat segala raja-raja menghantar sirih, demikianlah dikerjakan orang. Setelah itu maka Sultan Alau'd-Din dan Sultan Pahang pun memulai pekerjaan berjaga-jaga dengan segala bunyi-bunyian; dan petang pagi tujuh pucuk sebelah bedil dipasang orang, terlalu ramai pekerjaan itu; aneka pennainan dipermain orang, dan beberapa ratus kerbau, lembu dan kambing disembelih orang; itik, ayam, angsa jangan dikata lagi; akan lauk makanan orang yang bekerja, berjaga-jaga itu.

A-403


Setelah genaplah empat puluh hari empat puluh malam berjaga-jaga itu, kepada keesokan harinya, maka Raja Omar dan Raja Fatimah pun dihiasi oranglah dengan pakaian kerajaan yang bertatahkan ratna mutu intan baiduri. Setelah itu maka Raja Omar pun dinaikkan orang ke atas gajah, Tun Nara Wangsa di kepala, dan Tun Mat Ali, anak Laksamana Hang Nadim di buntut; maka diaraklah dengan selengkap alat kerajaan dandengan segala bunyi-bunyian, gendang, serunai, nafiri, nagara, madeli, terlalu azamat bunyinya, bercampur dengan bunyi bedil pegawai istinggar, seperti kacang direndang; diarak lalu ke dalam, maka gajah pun terkepillah di astaka balai. Maka Sultan Alau'd-Din Sendiri menyambut tangan anakanda baginda, Raja Omar, sebelah kanan dan Bendahara sebelah kiri, dipimpin ke seri balai, didudukkan di atas ciu yang keemasan; maka tampillah kadi menikahkan baginda.

Setelah sudah nikah, lalu dipimpin Sultan Alau'd-Din dan Sultan Pahang masuk ke dalam, didudukkan di kanan Raja Fatimah, maka nasi adap-adap yang berperhiasan emas berpermata itu pun diangkat oranglah ke hadapan baginda kedua; maka datanglah isteri raja-raja yang tua-tua menyuapi baginda kedua. Setelah sudah bersuapan, maka Raja Omar pun memimpin tangan isteri baginda naik ke pelaminan, maka tirai kelambu pun dilabuhkan oranglah, maka duduklah Raja Omar dan Raja Fatimah bersuka-sukaan. Maka Sultan Alau'd-Din dan Sultan Pahang pun keluarlah semayam di penghadapan, duduk di atas peterana, satu seorang, menitahkan bentara menyuruh orang makan. Maka Temenggung Seri Wak Raja pun berdirilah di naga naga menyuruhkan bentara mengatur orang makan itu, di-

B-309

A-404

mata-matainya supaya jangan bersalahan adat tertib majlis Melayu itu. Maka berjalanlah bentara dari ke penghadapan segala menteri hulubalang yang di seri balairung, dan mengatur segala pegawai yang di selasar balai. Setelah itu maka keluarlah air yang bersapu tangan, yang di selasar berselang-selang sapu tangan, hanya terletak kepada alasnya; kemudian keluarlah hidangan Bendahara dan segala menteri hulubalang, sampai kepada pegawai di selasar. Adapun yang di seri balai berhad empat-empat sehidangan; tiada dapat yang di bawah ke atas, atau yang di atas ke bawah, mana yang kurang kepada suatu hidangan itu, kurang seorang makan bertiga, kurang dua makan berdua, kekurangan tiga makan seorang; tiada boleh yang di bawah atau yang di atas menggenapi dia, demikianlah istiadat Melayu dahulukala pada tertib majlis Melayu. Akan Bendahara seorangnya juga, melainkan jikalau keluarga raja yang patut ganti kerajaan, boleh ternan Bendahara makan, kerana asal Bendahara Johor tahulah kita. Setelah sudah makan, maka makan sirih dan memakai bau-bauan; setelah itu sekaliannya kembalilah masing-masing ke rumahnya.

B-310 Maka Sultan Pahang setelah baginda santap, bermohonlah kepada anakanda baginda, Sultan Alau'd-Din, kembali ke istana baginda Sendiri. Setelah selesailah daripada mengahwinkan Raja Omar, beberapa puluh hari antaranya, maka Sultan Pahang pun bermohonlah kepada anakanda baginda, hendak kembali ke Pahang. Maka Sultan Alau'd-Din pun menyuruh berhadir perbekalan dan persalinan akan ayahanda baginda, Sultan Mansur Syah dan segala pegawai-pegawai. Setelah mustaid maka Sultan Mansur Syah pun mengerahkan segala pegawai Pahang turun ke perahu bersiap, kenaikan baginda disuruh sediakan. Maka Sultan Pahang pun masuk mendapatkan anakanda baginda, Sultan Alau'd-Din diiringkan segala Orang Besar-besar  didapati baginda Sultan Alau'd-Din sedang dihadap orang di balairung dalam; Bendahara pun ada. Setelah Sultan Alau'd-Din melihat ayahanda baginda Sultan Pahang datang itu, maka baginda pun turun dari atas peterana berdiri memberi hormat, maka Sultan Pahang dibawa baginda masuk ke dalam istana, semayam satu seorang peterana, dihadap anakanda baginda, dan cunda baginda ketiga pun ada. Seketika duduk berkata-kata, maka persantapan pun diangkat oranglah ke hadapan baginda kedua, maka Sultan Alau'd-Din

A-405

pun santap dengan ayahanda baginda, Sultan Pahang; setelah sudah santap, maka santap sirih dan memakai bau-bauan.

Maka titah baginda Sultan Pahang kepada anakanda baginda, Sultan Alau'd-Din, "Ayahanda sekarang hendak bermohonlah kepada Sultan, kerana negeri Pahang sangat sunyi, adapun akan hal anakanda Raja Omar ini, dahulu Allah dan Rasul-Nya, kemudian kepada Sultanlah ayahanda serahkan daripada memelihara akan dia; kerana ia budak bebal. Sultanlah akan menegur mengajari dia, jangan segan Sultan memurkai anakanda itu. Demikian kepada cunda tuan, Raja Fatimah, sahaja petaruh nindalah kepada tuan; jika ada khilaf bebalnya, jangan tuan gusari, dihalus-halusi banyak-banyak taksir tuan, jangan tuan cerca nama ninda."

B-311

Maka titah Sultan Alau'd-Din, "Lain-lain pula titah ayahanda, masakan lain ayahanda dengan anakanda ini dengan Raja Omar, ayahanda serahkanlah kepada Allah subha nahu wa taala ada memelihara cunda itu." Setelah itu maka Sultan Pahang dipersalini seberhana oleh Sultan Alau'd-Din dengan pakaian kerajaan. Maka anakanda Raja Kesuma Dewi dan cunda baginda ketiga datang menyembah baginda Sultan Pahang, maka dipeluk dicium baginda akan anakanda dan cunda ketiga itu; dan Raja Omar ditinggali baginda emas belanja urai empat kati, dinar enam ratus, hamba lelaki perempuan dua ratus. Setelah itu maka Sultan Pahang pun keluarlah bersama-sama Sultan Alau'd-Din di balairung; maka segala Orang Kaya-kaya Pahang bermohonlah kepada baginda Sultan Alau'd-Din, kedua baginda berpeluk bercium, lalu baginda turun berangkat. Maka Sultan Alau'd-Din menitahkan Bendahara dan Seri Nara Diraja dengan segala Orang Kaya-kaya itu, menghantar Sultan Pahang di kenaikan baginda. Maka Bendahara pun duduk mengadap Sultan Pahang berkata-kata. Maka titah Sultan Pahang kepada Bendahara, "Datuk, adapun akan cucu hamba, Raja Omar, dahulu Allah dan Rasul-Nya, kemudian Sultan Johor dengan Datuklah pengharapan hamba, dengan segala Orang Besar-besar dalam negeri Johor ini, kerana ia anak piatu yatim dengan seorang dirinya."

A-406

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia
HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Maka sembah Bendahara dan Seri Nara Diraja, "Kepada Allah Subha nahu wa taala tuanku serahkan paduka cunda itu, masakan patik sekalian lainkan dengan paduka cunda kedua itu," maka terlalulah sukacita Sultan Pahang mendengar

A-407

kata Bendahara dan Seri Nara Diraja itu. Setelah itu maka Bendahara dan Seri Nara Diraja pun menyembah Sultan Pahang, maka kedua wazir itu didakap baginda, dan segala Orang Kaya-kaya yang berserta menghantar baginda itu semuanya menjunjung duli baginda. Setelah sekaliannya kembali, maka Sultan Pahang pun hilirlah diiringkan segala pegawai Pahang; setelah lepas kuala, lalu baginda belayar sekaliannya kembali. Hatta berapa hari di laut, maka sampailah ke Pahang, lalu mudik ke negeri; dialu-alukan Bendahara dan Orang Besar-besar Pahang, mengiringkan baginda berangkat ke istana. Setelah baginda semayam di istana kembalilah masing-masing ke rumahnya.

B-312

Selepas Mangkat Sultan Alau'd-Din

Sebermula, Sultan Alau'd-Din setelah Sultan Pahang kembali itu, maka Raja Omar dianugerahkan baginda istana Sultan Pahang itu, akan anakanda baginda dua laki isteri pun pindah ke sana, dengan segala inang pengasuh dayang-dayang sekalian; dan akan anakanda Raja Muzaffar pun diberi baginda beristeri akan cucu Bendahara Seri Maharaja, yang bernama Tun Emas Jiwa, anak Tun Hassan Temenggung.

A-408

Hatta datanglah peredaran dunia, maka Sultan Alau'd-Din pun mangkatlah, *Kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un*. Maka ditanamkan oranglah betapa istiadat yang termasyhur perintah segala raja-raja Melayu mangkat, demikianlah diperbuat Bendahara dengan segala Orang' Besar-besar; itulah yang disebut orang 'Marhum diJohor Lama'. Maka anakanda baginda Raja Muzaffarlah kerajaan, menggantikan ayahanda baginda, bergelar Sultan Muzaffar Syah. Baginda kerajaan itu umur baginda baru sembilan belas tahun. Dan Sultan Mansur Syalh, raja Pahang pun telah mangkat, Raja Ismaillah kerajaan, bergelar Sultan Jamal Syah. Adapun Sultan Muzaffar Syah sungguh baginda muda, terlalu baik bicara baginda tiada melepaskan perintah Bendahara dan Seri Nara Diraja, dan Temenggung Seri Wak Raja.

Hatta selama Laksamana Hang Nadim memerintahkan laut, tiadalah Peringgi beroleh terdangka-dangka lagi di laut Johor, barang yang terjumpa dipanahnya; maka adalah teluk rantau sentiasa dipairinya. Hatta berapa lamanya Sultan Muzaffar Syah kerajaan di Johor Lama, maka baginda mem-

buat negeri di Seluyud; maka Sultan Muzaffar Syah dengan segala Orang Besar-besar isi negeri Johor Lama pun pindahlah ke negeri Seluyud; terlalu ramai negeri Seluyud itu. Kampung orang penuh di Sungai Seluyud itu seberang menyeberang dan sungai dari seberang Kuala Seluyud datang ke Padang Riang-riang tiada berputusan seberang menyeberang, pesara besar di Ganggang.

Sebermula akan Raja Omar pun telah beranak dengan isteri baginda yang dari Pahang, anak Seri Nara Diraja Pahang seorang lelaki, dinamai baginda Raja Mangsur. Syahadan Raja Fatimah pun Hamil. Setelah Raja Omar melihat isteri baginda, Raja Fatimah itu Hamil, takdir Allah Taala maka Raja Omar sekonyong-konyong bencilah baginda memandang bonda Raja Mangsur itu tiada terkatakan lagi benci baginda. Maka Raja Omar pun memanggil Seri Nara Diraja, kerana Seri Nara Diraja itu dengan Seri Nara Diraja Pahang peraturan saudara tiga pupu; maka Seri Nara Diraja datanglah mengadap Raja Omar. Maka oleh Raja Omar, Seri Nara Diraja itu dibawa baginda kepada tempat yang sunyi; maka titah Raja Omar, "Orang Kaya, akan makna si Mangsur, Hamba serahkanlah kepada Orang Kaya, kerana ia keluarga -kepada Orang Kaya; mana perintah Orang Kayalah, jikalau hendak diberi berlaki pun Akabullah kepada Hamba; telah talaklah Hamba dengan dia." Maka dikatakan bagindalah perihal-ehwal itu kepada Seri Nara Diraja, maka kata Seri Nara Diraja, "Baiklah tuan, yang kata tuan tiada patik lalui," setelah itu Seri Nara Diraja pun bermohonlah kembali. Setelah petang maka bonda Raja Mangsur pun disuruh hantarkan oleh Raja Omar kepada Seri Nara Diraja.

B-313

A-409



Nikah Dalam Sunyi

Pada suatu hari Sultan Muzaffar Syah bermain-main ke rumah Seri Nara Diraja, maka baginda terpandang pada bonda Raja Mangsur; maka berahilah baginda, seperti orang yang kena guna-guna. Maka Sultan Muzaffar Syah pun bertanya kepada Seri Nara Diraja, maka oleh Seri Nara Diraja dipersembahkannya perihal bonda Raja Mangsur itu, maka baginda kembalilah dengan berahinya. Selang tiga hari, tiada tertanggungbaginda lagi; maka baginda berangkat pula kepada Seri Nara Diraja, makadikatakan bagindalah seperti hasrat hati baginda itu.

Maka sembah Seri Nara Diraja, "Barang suatu bicara, Bendahara tuanku beritahu." Maka titah baginda, "Panggillah Bendahara ke mari;" maka Bendahara pun datanglah, dilihat Bendahara Sultan Muzaffar Syah; muka baginda seperti orang sakit, pucat-pucat berseri. Maka Bendahara pun duduk menyembah baginda; oleh Seri Nara Diraja, segala rahsia Sultan Muzaffar Syah dikatakannya kepada Bendahara, dan akan peri mulanya bonda Raja Mangsur itu pun dikhabarkannya. Maka sembah Bendahara, "Jikalau demikian baiklah tuanku nikahi." Maka titah Sultan Muzaffar Syah, 'Jikalau dalam sunyi maulah hamba, kalau hamba ditampak Raja Omar, dia bencikan isterinya itu, dengan perbuatan hamba, itulah yang hamba malukan. "

B-314

A-410

Maka fikir Bendahara, "Benar titah duli Yang Dipertuan ini." Maka Bendahara pun menyuruh memanggil kadi; maka kadi pun datang. Maka oleh Bendahara perihal baginda semuanya dikatakan kepada kadi, "Dapatkah sah nikahnya yang sunyi itu, dengan berdua ini akan saksinya?" Maka kata kadi, "Boleh; tetapi tanya dahulu idahnya perempuan itu." Maka kata Seri Nara Diraja, "Sudah hamba tanyakan, telah tiga bulan ia tiada bersama-sama dengan Raja Omar; ketiga bulannya dengan halnya juga." Setelah kadi mendengar demikian itu, Sultan Muzaffar Syah pun dinikahkannya dengan bonda Raja Mangsur. Setelah itu maka Bendahara dan kadi pun kembalilah.

Maka Sultan Muzaffar Syah pun beradulah dengan bonda Raja Mangsur, diperbuatkan peraduan oleh Seri Nara Diraja; sampai Terigah malam baginda kembali ke istana. Demikianlah berselang-selang malam baginda mengelakkan ketaraan. Kira-kira sebulan lamanya baginda nikah dengan bonda Raja Mangsur itu, maka zuriat Sultan Muzaffar Syah pun jatuhlah kepada bonda Raja Mangsur; maka diberinya tahu akan dirinya hamil. Setelah baginda mendengar bonda Raja Mangsur hamil itu, baginda memberitahu Bendahara dan Seri Nara Diraja. Maka sembah Bendahara, "Entung patik semualah itu," maka titah Sultan Muzaffar Syah, "Jikalau ada tolong Bendahara dan Seri Nara Diraja, lindungkanlah rahsia hamba ini, kerana hamba malu oleh Raja Omar; nyatalah dengan hajat hamba, sebab emak Raja Mangsur dibuang oleh Raja Omar;

maka didengarnya bam sebulan di rumah Seri Nara Diraja demikian halnya." Maka kata Bendahara, "Jikalau didengarnya baru sebulan demikian, Seri Nara Diraja empunya bicara maka sempuma." Maka sembah Seri Nara Diraja, "Insya-Allah Taala bicara patiklah melindungi rahsia duli Yang Dipertuan itu."

A-411

Maka Seri Nara Diraja pun pergi ke istana Raja Omar, didapatinya baginda duduk dua laki isteri, dihadap penjawat dua tiga orang. Maka Seri Nara Diraja pun duduk menyembah baginda dua laki isteri. Maka titah Raja Fatimah, "Apa pekerjaan nenek baru-baru ini datang?" Seraya disuruh baginda makan siri. Maka sembah Seri Nara Diraja, "Patik hendak persembahkan hal bonda Raja Mangsur, paduka kakanda suruh taruh kepada patik; patik adalah ketakutan menaruh patik itu, kerana ia hamil." Setelah didengar oleh Raja Omar, fikimya, "Benarlah anakku," kerana baginda tiada membilang lama baginda yang tiada bersama-sama dengan dia itu. Maka titah Raja Omar, "Jikalau ia hamil sekalipun, apatah Orang Kaya takut menaruh dia, kerana Orang Kaya orang tua kepadanya?" Maka kata Seri Nara Diraja, "Benar itu tuanku, tetapi adalah kurang majlisnya didengar orang." Maka titah Raja Fatimah, "Nenek Hamzah, hantarkanlah kepada hamba; raja sudah tiada berkenan, biar hamba memelihara dia."

B-315

Setelah itu maka Seri Nara Diraja pun kembali ke rumahnya, maka bonda Raja Mangsur pun disuruh hantar bertandu masuk ke dalam. Maka oleh Raja Fatimah, disuruh baginda peliharakan kepada inang baginda. Maka Raja Fatimah hamil itu genaplah bulannya; baginda beranak lelaki. Maka dikerjakan oranglah seperti istiadat anak raja-raja barujadi, demikianlah diperbuat orang; maka dinamai oleh Sultan Muzaffar Syah, Raja Abdul Jalil. Bagindalah mengangkat anakanda baginda itu anak, dipeliharakan baginda dengan seperti, diberi dengan inang pengasuhnya. Setelah sampailah umur Raja Abdul Jalil sepuluh bulan, maka bonda Raja Mangsur pun beranak lelaki; serta jadi anak raja itu, maka oleh Raja Fatimah disuruh perintahkan seperti istiadat anak raja-raja, maka dinamai Raja Abdullah, disuruh baginda peliharakan dengan seperti inang pengasuh. Hatta cepatlah Raja Abdullah tahu berjalan.

A-412

Wasiat Sultan Muzaffar Syah

Maka Sultan Muzaffar Syah pun geringlah terlalu sangat; maka Bendahara, dan Seri Nara Diraja, dan Temenggung Seri Wak Raja pun masuklah mengadap baginda, dan segala Orang Besar-besar semuanya berleengkap di balairung dalam. Maka titah Sultan Muzaffar Syah kepada Bendahara dan Seri Nara Diraja, dan Temenggung Seri Wak Raja, "Adapun barang tahu akan hal sakit Hamba ini aj all ah , melainkan akhiratlah hamba hadapi. Adapun jikalau hamba dikehendaki Allah Taala, anakanda Raja Abdul Jalillah ganti Hamba akan kerajaan." Adapun kepada masa Sultan Muzaffar Syah bertitah itu, di hadapan Raja Omar dua laki isteri. Setelah itu maka Sultan Muzaffar Syah pun berlakulah, kembali ke rahmat Allah Taala *Kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un.*

B-316

Maka dikerjakan oranglah dengan istiadatnya ditanamkan di Bukit Seluyud, itulah disebut orang 'Marhum di Seluyud'. Maka oleh Bendaharadengan segala Orang Besar-besar, Raja Abdul Jalillah dirajakan seperti wasiat Sultan Muzaffar itu, dipangku oleh Bendahara. Menjadi menaruh iri hatilah Raja Fatimah akan Bendahara; suami baginda, Raja Omar tiada memangku anakanda baginda, Raja Abdul Jalil. Tatkala Raja Abdul Jalil duduk di atas peterana, Bendaharalah meriba baginda, selaku-laku Bendaharalah raja. Akan Raja Fatimah tiadalah selenggarakan anakanda baginda Raja Abdul Jalil itu lagi, akan Raja Abdul Jalil bergelar Sultan Abdul Jalil Syah.

A-414

Hatta Sultan Abdul Jalil Syah pun cepallah berlari-lari, tahulah baginda pada baik dan jahat, berkata-kata pun cerdiklah, dan duduk di atas peterana dihadap orang pun bolehlah; maka tiada Bendahara meriba baginda lagi. Dan akan Raja Abdullah pun tahulah berjalan, maka terlalulah kasih Sultan Abdul Jalil akan baginda itu; mulanya Raja Mangsur baginda kasih, setelah Raja Abdullah sudah tahu berjalan itu, Raja Abdullahlah baginda sangat kasih, tiada bercerai barang sehari, santap pun sama-sama berdua. Maka terlalulah sukacita Bendahara dan Seri Nara Diraja akan Raja Abdullah dikasihi Sultan Abdul Jalil itu; hanya kepada had Bendahara juga yang tahu akan rahsia itu, kepada yang lain seorang pun tiada tahu.

Wasiat Sultan Abdul Jalil Diketepikan

Hatta sampailah umur Sultan Abdul Jalil sembilan tahun, se-

B-317

kira-kira akan hendak dicucikan, maka baginda pun geringlah terlalu sangat; maka bertunggulah Bendahara dengan segala Orang Besar-besar sekalian. Syahadan akan Raja Fatimah dua laki isteri barulah mendapatkan anakanda baginda itu dengan masyghulnya, siang malam tiada kern bali; maka titah Sultan Abdul Jalil kepada ayahanda bonda baginda dan kepada Bendahara dengan segala Orang Besar-besar itu, titah baginda, "Jikalau beta mati, akan kerajaan beta ini kepada Raja Abdullallah beta berikan." Maka titah bonda baginda, "Ayah tuan bukan ada? Mengapa maka tuan am an atkan kerajaan tuan kepada adik tuan?" Maka sahut Sultan Abdul Jalil, "Di mana bonda boleh berkata begitu? Akan beta dengan ayahanda ini. Bukankah beta anaknya? Mengapa maka oleh ayah yang mangkat itu, kerajaannya diberikannya kepada beta? Demikian lagi beta pun sahaja amanat beta, kerajaan beta Raja Abdullah yang empunya dia." Setelah sudah Sultan Abdul Jalil bertitah itu, maka baginda pun berlakulah kembali ke rahmat Allah Taala *kalu inna li'llahi wa inna ilaihi raji'un*, maka ditanamkan oranglah kepada makam ayahanda baginda, Sultan Muzaffar Syah, dengan sepenuh istiadat raja-raja dikerjakan orang.

A-414

Maka seperti amanat Sultan Abdul Jalil Syah itu, hendak dirajakan Bendaharalah akan Raja Abdullah; maka Raja Fatimah pun murkalah akan Bendahara, sebab suami baginda Raja Omar tiada mau dirajakan. Maka titah baginda pada Bendahara, "Siapa yang hendak menerima Raja Omar akan jadi suami beta? Bukankah Bendahara menyuruh ayah beta menerima dia? Tiada ghalat lagi Bendahara dengan segala Orang Besar-besar menyembah. Sekarang bagaimana pula perintah Bendahara mungkir? Anaknya pula yang hendak dirajakan. Akan Abdul Jalil benarlah; dengan amanat abang Muzaffar Syah. Akan pesan Abdul Jalil hendak Bendahara turutkan juga? Biarlah beta keluar dari negeri ini bersama-sama Raja Omar barang ke mana, jangan seorang juga selenggarakan beta."

A-415

Maka Bendahara pun tiadalah berkata lagi, mendengar titah Raja Fatimah demikian itu; Fikirlah Bendahara akan hal itu dalam hatinya, "Jikalau kugagahi merajakan Raja Abdullah ini, selaku-laku akulah hendak menjadi raja, akan hendak menjadi raja, akan Bendahara pun bermohonlah kepada baginda dua laki isteri, kembali duduk di balainya, menyuruh

memanggil wazir, menteri, hulubalang, Orang Kaya-kaya, sida-sida ben tara sekalian berkampunglah mengadap Bendahara. Kepada masa itu Laksamana Hang Nadim pun ada di Johor; mendengar Sultan Abdul Jalil mangkat, ia mudik. Setelah berkampunglah sekalian Orang Besar-besar itu, maka kata Bendahara, "Apa bicara Orang Kaya-kaya sekalian, akan Raja Fatimah tiadalah kabul akan Raja Abdullah dirajakan, yang seperti amanat kakanda baginda itu." Maka segala titah Raja Fatimah itu semuanya dikatakan Bendahara kepada segala Orang Besar-besar itu. Maka kata Laksamana, "Mengapatah datuk maka begitu? Yang mana sembah datuk ke bawah duli Paduka Marhum itulah yang sempuma datuk kerjakan, jangan nama baginda dan nama tuanku tercedera disebut dalam alam ini." Maka segala wazir, menteri, Orang Besar-besar hulubalang sekalian muafakatliah dengan kata Laksamana itu. Maka Bendahara pun kabullah; maka Raja Omar pun ditabalkan Bendaharalah. Sekalian wazir, menteri, Orang Besar-besar, sida-sida bentara sekalian berdiri mengadap, Setelah baginda nobat, gelar baginda di atas takhta kerajaan Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Ri'ayat Syah.

B-318

Tun Seri Lanang Jadi Bendahara

Hatta maka Bendahara Paduka Raja pun kembalilah ke rahmat Allah Taala, dari negeri yang fana ke negeri yang baqa, maka ditanamkan oranglah dengan istiadat Bendahara mati; lima hari Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah tiada baginda nobat, bercintakan akan Bendahara. Setelah sampai lima hari, maka Tun Seri Lananglah dijadikan Bendahara, diarak sebagaimana adat menjadikan Bendahara kepada zaman dahulukala, demikianlah dianugerahkan baginda, maka digelar Bendahara Paduka Raja; pada hari itu juga Bendahara Paduka Raja persembah nobat, maka Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Syah, terlalu baginda sangat kasih akan Bendahara Paduka Raja itu.

A-416

ديوان بهاس دان قوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

Hatta maka Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Ri'ayat Syah pun pindahlah dari Seluyud, membuat negeri di Tanah Putih, maka dinamai Batu Sawar, datang Peringgi menyerang, tiada alah; banyak kelengkapan Peringgi Teriggelam, lalu ia undur, kembali ke Melaka. Sekira-kira dua tahun baginda di Tanah Putih, maka terlalu banyak orang sakit dan mati, kerana Tanah Putih itu sangat keras jembalangnya. Maka Sultan Ala Jalla Abdul

B-319

A-417

Jalil Ri'ayat Syah pun pindahlah dari Tanah Putih, membuat negeri di hulu sungai Damar, dalam sungai Batu Sawar itu juga. Setelah mustaid negeri itu, sudah dengan kota paritnya, maka semayamlah baginda itu. Maka berbuat tempat makam berdewal bata akan akibat baginda, maka dinamai baginda negeri itu makam Tauhid; kararliah baginda semayam di sana. Maka baginda beranak pula dengan gundik baginda tiga orang lelaki; Raja Hassan seorang namanya, Raja Hussain seorang namanya; Raja Mahmud seorang namanya. Maka Raja Hassan dirajakan di Siak, dan Raja Hussain dirajakan di Kelantan, dan Raja Mahmud dirajakan di Kampar. Anakanda baginda Raja Mangsur dua bersaudara dengan Raja Abdullah bersama-sama baginda, kerana anak raja dua bersaudara itu sangat berkasih-kasih, tiada dapat bercerai.

Adapun diceriterakan oleh yang empunya ceritera, dua kali Peringgi datang menyerang negeri Makam Tauhid itu, tiada alah; Peringgi banyak mati naik merangsang, ke laut dibunuh orang.

Bermula Laksamana Hang Nadim pun telah hilang, peranakan orang besar Cempa pula dijadikan Laksamana, dan cicit Laksamana Hang Nadim bernama Tun Isap digelar Maharaja Diraja, ayah Tun Muhammad dan Tun Kuri. Hatta Bendahara Paduka Raja beranak empat orang, tiga orang anak gahara, seorang anak gundik; yang tua bergelar Seri Maharaja, yang Terigah bergelar Paduka Raja, yang muda bergelar Paduka Maharaja; anak gundik bernama Tun Rambu.

Hatta berapa lamanya datanglah peredaran dunia, maka Raja Fatimah pun mangkatlah, dimakamkan di Seluyud, kerana amanat baginda minta dimakamkan bersama-sama kakanda baginda, Sultan Muzaffar Syah. Kemudian dari itu ada selang setahun, maka Sultan Ala Jalla Abdul Jalil Ri'ayat Syah pun mangkatlah. Maka diperintahkan oleh Bendahara Paduka Raja seperti adat, ditanamkan di makam yang diperbuat baginda itu; itulah yang disebut orang Marhum mangkat di Batu Makam. Maka oleh Bendahara hendak dirajakan Raja Abdullah, dengan keredaraan Raja Mangsur. Maka Raja Abdullah tiada mau, kakanda baginda Raja Mangsur juga disuruh baginda rajakan. Maka oleh Bendahara Paduka Raja ditabalkanlah Raja Mangsur menggantikan ayahanda baginda, gelar baginda di atas kerajaan Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah. Tiada baginda

B-320

selenggarakan kerajaan, baginda Sentiasa bermain-main berebana dengan buaian; setelah hadir dengan kipas dihadap segala **A-418** biduanda, san tap minuman dengan segala hulubalang yang muda-muda.

A-418

Setelah dilihat oleh Bendahara, maka perintah kerajaan itu diserahkan kepada Raja Abdullah; selaku Raja Abdullahlah kerajaan, dipangku oleh Bendahara. Tetapi Raja Abdullah beristana di seberang Pangkalan Rama, maka disebut orang Raja Seberang. Beberapa kali Peringgi dan Aceh menyerang negeri Makam Tauhid itu tiada alah.

Hatta beberapa lamanya, maka Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah hendak pindah, minta dibuatkan negeri di hulu Kuala Sungai Riun, Pasir Raja namanya. Maka sembah adinda baginda Raja Abdullah dengan Bendahara Paduka Raja, 'Jangan duli Yang Dipertuan meninggalkan negeri paduka ayahanda ini, bertuah sangat negeri ini," Maka tiadalah didengar baginda sembah adinda baginda dan Bendahara itu, minta diperbuatkan juga negeri di Pasir Raja; maka dikerjakan oranglah, segala rakyat menebas Pasir Raja itu. Setelah sudah, maka diperbuatkan oleh segala Orang Besar-besar negeri berkota kayu kulim, Sungai Riun dijadikan parit; setelah mustaid dengan istana, balairung luar dalam dan penanggahan, balai gendang, masjid, maka Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah pun pindahlah, diiringkan adinda baginda dan Bendahara, segala menteri hulubalang isi negeri sekalian. Maka semayamlah baginda di negeri Pasir Raja itu, dalam perintah paduka adinda baginda Raja Abdullah, dipangku Bendahara Paduka Raja pada zaman itu.

Inilah yang dapat oleh pacal yang daif dibaca
dalam hikayat ayahanda itu rahlmullah, datuk
yang hilang di Tanjung Batu, kepada masa Johor alah
diserang Jambi, pacal datuk dikumia
ayahanda itu membaca *Hikayat Melayu*
oleh baginda terjalin dari Bukit Seng
turun ke Palembang, dari Palembang lalu
ke Bintan, dari Bintan ke Singapura;
alah Singapura oleh Jawa, lalu ke
Melaka; alah Melaka oleh Peringgi,
balik ke Bintan, dari Bintan
lalulah ke Johor; had itulah

yang terbaca oleh pacal datuk
Wa'llahu a'lamu bi'l-sawab wa ilaihi'l-marji'u wa'l-ma'ab.
Tamat kisah *Hikayat Melayu*,
kepada hari Jumaat, kepada
waktu jam pukul sebelas
itulah adanya; amma Osm(an)
(anak) Encik Kur(i),(Encik)
Kuri anak Encik
Amat Utat,
Gelarnya Maharajalela,
yang menyurat ini.

Hijrah seribu dua ratus dua puluh tiga tahun, kepada tahun Ra.



ديوان بهاس دان پوسٲاڪا
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

EPILOG

JIKA dibandingkan edisi ini dengan edisi-edisi lain yang ada; misalnya edisi Shellabear,¹ edisi Abdullah Munsiy² dan edisi Winstedt (Raffles MS. No.18),³ nescaya terdapat perbezaan yang agak banyak, bukan sahaja perbezaan pada nama-nama orang, nama-nama tempat, peristiwa, bahkan jalan ceritanya juga sedikit-sebanyak ada berbeza di antara satu sama lain. Sebagai contoh, perhatikanlah dalam peristiwa mengenai perjumpaan Wan Empuk dan Wan Malini dengan ketiga orang putera Raja Suran. Di dalam edisi ini (hlm.20) dan edisi Shellabear (hlm.18), nama-nama ketiga orang putera Raja Suran itu ialah: Nila Pahlawan, Krisyna Pandita dan Nila Utama; tetapi di dalam edisi Winstedt (hlm.52), nama ketiga orang putera Raja Suran itu ialah Bichitram, Paladutani dan Nilatanam; sementara di dalam edisi Abdullah pula disebut Bichitram Syah, Nila Pahlawan dan Kama Pandita (hlm.24).

Ada lagi perbezaan di antara edisi-edisi tersebut mengenai peristiwa ini; di dalam edisi ini (hlm.18), demikian juga edisi Winstedt (hlm.54) menyebut bahawa Wan Empuk dan Wan Malini sebagai dua orang perempuan balu berhuma padi; di sebaliknya pula di dalam edisi Shellabear (hlm.16) dan edisi

¹ Sejarah Melayu - diusahakan oleh W.G. Shellabear. Selepas ini disebut: (edisi Shellabear).

² Sedjarah Melayu - menurut terbitan Abdullah (ibn Abdul Kadir Munsji) Penerbit Jambatan - Djakarta. Selepas ini disebut: (edisi Abdullah).

³ *JMBRAS* (Vol. XVI, Part III, 1938). Resensi Blagden - Rames MS. No.18. Library Royal Asiatic Society, London. Disunting oleh R.O. Winstedt. Selepas ini disebut: (edisi Winstedt).

Abdullah (hlm.22), tiada menyebut perempuan balu, tetapi menyebut: *ada dua orang perempuan berladang*.

Perbezaan seterusnya, di dalam edisi Shellabear menyebut: "Maka Nila Pahlawan dan Krisyna Pandita pun dikahwinkan Batala dengan Wan Empuk dan Wan Malini" (hlm.19), sementara di dalam edisi Abdullah pula menyebut: "Maka Nila Pahlawan dan Kama Pandita pun dikahwinkan 'Bat dengan Wan Empuk dan Wan Malini" (hlm.25). Perkahwinan itu bukan terhenti setakat itu sahaja, malahan kedua-dua edisi tersebut meneruskan: "Maka daripada anak cucu merekalah digelar oleh Sang Si Perba, yang laki-laki dinamai baginda Awang, dan yang perempuan dipanggil baginda Dara; itulah asalnya perawangan dan perdaraan".

Di dalam edisi ini tidak menceritakan kedua putera Raja Suran itu berkahwin dengan Wan Empuk dan Wan Malini, di sebaliknya putera-putera Raja Suran itu menggunakan panggilan "embuk" (ibu) kepada kedua orang perempuan tersebut (hlm.29) begitu juga edisi Winstedt menggunakan perkataan "Hai ibuku..." (hlm.55). Mengenai kedua putera Raja Suran itu, di dalam edisi ini (hlm.21-22) dan edisi Winstedt menyatakan bahawa yang sulungnya menjadi raja di Minangkabau (hlm.33) dan yang Terigahnya menjadi raja di Tanjung Pura (hlm.34).

Selain dari perbezaan yang tersebut di atas, ada beberapa contoh lagi dapat dikemukakan untuk membuktikan perbezaan-perbezaan keempat buah edisi itu di antara satu sama lain, misalnya, peristiwa mengenai pertikaman di antara Hang Tuah dengan Hang Jebat, seperti yang diceritakan di dalam *Hikayat Hang Tuah* itu. Di dalam *Sejarah Melayu* edisi Shellabear (hal,100), edisi Abdullah (hlm.147) dan edisi Winstedt (hlm.113) menceritakan pertikaman itu di antara Hang Tuah dengan Hang Kasturi; manakala selain dari *Hikayat Hang Tuah*, ketiga-tiga buah naskhah milik Dewan Bahasa dan Pustaka, *Tuhfat-al-Nafis* (Sejarah Melayu dan Bugis)⁴ karangan Raja Ali Haji, semuanya menceritakan pertikaman itu

⁴ *JMBRAS* Vol X Part II August 1932 - (Di dalam "Sejarah Kesusasteraan Melayu III (hlm.6) saya sebagai menolak keterangan yang tersebut di dalam *Tuhfat-al-Nafis* mengenai dari mana Hang Tuah berasal; hal ini ialah kerana isi ketiga-tiga naskhah milik DBP yang dijadikan asas panduan bagi edisi ini belum sampai ke pengetahuan saya).

ialah di antara Hang Tuah dengan Hang Jebat.

Begitu juga kisah mengenai hubungan muhibah di antara Sultan Mansur Syah, raja Melaka, dengan raja Goa di Sulawesi itu, tiada tersebut di dalam edisi-edisi Shellabear, Abdullah, mahupun edisi Winstedt. Kisah ini hanya tersebut di dalam dua buah naskhah DBP, sementara yang sebuah lagi naskhah DBP (naskhah C) terdapat beberapa halamannya pada tempat yang berbetulan dengan riwayat ini telah hilang. Selain dari itu di dalam *Tuhfat-al-Nafis* juga ada menyebut secara ringkas riwayat hubungan muhibah Melaka - Goa itu (hlm.5).

Kisah mengenai "Memining Puteri Gunung Ledang" (seTerigah-seTerigah para sejarawan dan sasterawan menganggapnya sebagai bahan sisipan) ada juga terdapat bertelingkah di antara edisi-edisi tersebut. Di dalam edisi ini (hlm.198), edisi Shellabear (hlm.159), dan edisi Abdullah (hlm.234), kesemuanya mengaitkan cerita itu dengan Sultan Mahmud Syah, tetapi di dalam edisi Winstedt dikaitkan pula dengan Sultan Mansur Syah (hlm.130).

Perbezaan juga terdapat dalam pengenalan siapakah Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah, raja Melaka yang menggantikan ayahanda baginda, Sultan Mansur Syah. Di dalam edisi ini menyebut nama baginda itu ialah Raja Ahmad.⁵ timang-timangannya Raja Hussain (hlm. 158), edisi Shellabear menyebut Raja Husin (hlm. 126), dan edisi Abdullah juga menyebut Raja Hussain (hlm. 186); tetapi edisi Winstedt pula menyebut Raja Raden (hlm.137). Begitu juga mengenai cerita Sultan Melaka yang gering, buang-buang air dua tiga belas kali sehari itu. Di dalam edisi Winstedt mengatakan Sultan Alau'd-Din (Raja Raden); dan Raja Tua yang ingin supaya Sultan Alau'd-Din mati itu, ialah ninda baginda, iaitu bonda kepada Sultan Mansur Syah; kerana Raja Tua terlalu kasih akan Sultan Muhammad yang kerajaan di Pahang, dan baginda mahukan Sultan Muhammad kerajaan di Melaka (hlm.138). Dalam ketigatiga edisi lagi, iaitu edisi Shellabear (hlm.139), edisi Abdullah (hlm.205), dan edisi ini (hlm.178) kesemuanya menyatakan

⁵Saudara Raja Muhammad yang dirajakan di Pahang.

(untuk perhatian, ada seorang putera Sultan Mansur Syah dengan isteri baginda, saudara Bendahara Paduka Raja yang bongsu, bernama Raja Hussain, yang dikahwinkan baginda dengan Tun Senaja, saudara Tun Tahir (lihat hlm.120).

bahawa Sultan Melaka yang gering itu ialah Sultan Mahmud, Raja Tua itu ialah ninda baginda, bonda Sultan Alau'd-Din, kerana baginda terlalu kasih akan cucunda baginda Sultan Menawar yang kerajaan di Kampar, dan baginda mahukan Sultan Menawar kerajaan di Melaka.

Raja Raden yang dikatakan bergelar Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah di dalam edisi Winstedt itu, menurut ketiga-tiga edisi Shellabear (hlm.125), Abdullah (hlm.184) dan edisi ini (hlm.158) telah terbunuh dalam pertikaman dengan orang mengamuk di Tanjung Keling. Peristiwa ini berlaku sebelum ayahandanya, Sultan Mansur Syah mangkat.

* * *

Demikian di antara beberapa contoh perbezaan-perbezaan yang terdapat apabila dibandingkan di antara keempat buah edisi itu. Dan segala perbezaan itu boleh dipertikaikan, umpamanya mengenai perkara siapa lawan Hang Tuah bertikam itu, Di dalam tiga buah edisi, iaitu edisi Shellabear, edisi Abdullah dan edisi Winstedt, Hang Tuah bertikam dengan Hang Kasturi. Di sini dapat dikemukakan pertanyaan: Jika benar demikian, di manakah Hang J ebat pada masa peristiwa itu berlaku? Mengapa dia tidak diperintah membunuh Hang Kasturi, sedangkan dia dikenali sebagai seorang hulubalang handalan, dan namanya terletak pada bilangan yang kedua . sahaja di bawah Hang Tuah?

Begitu juga mengenai riwayat hubungan muhibah di antara raja Melaka dengan raja Goa di Sulawesi, tiada terdapat di dalam ketiga-tiga edisi tersebut. Dalam hal ini, ingin saya menarik perhatian kepada kata Pengantar W.G. Shellabear untuk edisi Jawi *Sejarah Melayunya* yang asal, tahun 1896. Di antara lain-lain beliau menyebut bahawa Munsyi Muhammad Ali ada meminjamkan sebuah naskhahnya kepada beliau, dan naskhah ini dijadikan perbandingan oleh beliau dengan beberapa buah naskhah *Sejarah Melayu* yang lain. Daripada segala keterangan beliau mengenai naskhah itu, tidak diragu-ragukan lagi nyatalah bahawa naskhah yang disebut oleh W.G. Shellabear itu, tidak lain dan tidak bukan ialah naskhah A⁶ milik Dewan

⁶ Lihat. "Tiga Naskhah Lama Tulis Tangan".

Bahasa dan Pustaka, yang dijadikan satu daripada asas panduan bagi edisi ini. Perkara ini disebutkan di sini ialah untuk membuktikan bahawa naskhah A milik DBP ini sudah pernah ada dalam tangan W.G. Shellabear, iaitu pinjaman dari Munsyi Muhammad Ali (Munsyi S. Mohd. Ally, seperti yang tertulis pada sebelah atas halaman pertamanya).

Tatkala beliau membanding-bandingkan naskhah tersebut dengan beberapa buah naskhah *Sejarah Melayu* yang lain-lain itu, sudah semestinyalah beliau telah mengkaji, menyelidiki dan memahami segala sesuatu isinya. Di dalam naskhah Munsyi Muhammad Ali itu, jelas terbukti ada mengandungi riwayat mengenai hubungan muhibah di antara raja Melaka dengan raja Goa, dan menceritakan perihal pertikaman di antara Hang Tuah dengan Hang Jebat. Tetapi suatu perkara yang menghairankan juga, mengapakah di dalam 'Kata Pengantar' W.G. Shellabear itu tiada menyentuh sedikit pun Teritang perkara ini?

Mungkin adadi antara para sejarawan dan sasterawan menghujah bahawa riwayat mengenai Hang Tuah dan hubungan muhibah Melaka-Goa itu, hanya sebagai sisipan atau tokok-tambah yang berbau Seritimen dari penulis atau penyalin yang berketurunan Bugis; tetapi apa kata pula, jika dikemukakan hujah bahawa perbuatan penulis atau penyalin yang membuang atau mengenyepikan riwayat tersebut dari "Sulalatus Salatin" atau yang dinamakan *Sejarah Melayu* itu, sebagai mengikut kehendak atau mengikutselera pihak yang tidak sukakan adanya hubungan demikian di antara kedua buah negeri itu?



Sekarang perhatikan pula hujah-hujah Winstedt mengenai cerita "Meminang Puteri Gunung Ledang", dan dalam perkara Raja Raden naik kerajaan bergelar Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Syah (lihat edisi Winstedt hlm. 31).

ديوان بهاس دان فوستاک
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

Mengenai cerita "Meminang Puteri Gunung Ledang", beliau berkata:

"Hal. memindah-mindahkan bab-bab dan lebih-lebih lagi pemindahan perenggan-perenggan, dan peristiwa-peristiwa di

dalam Sejarah Melayu yang sudah tercetak itu, adalah terlalu banyak untuk dikatakan kecuiaan seorang penyalin naskhah Blagden. Segala pemindahan itu pastilah disebabkan oleh penyuntingan yang sewenang-wenangnya ke atas naskhah itu yang dilakukan dalam tahun 1612. Satu daripada perubahan yang jelas ialah memperkaitkan peminangan Puteri Gunung Ledang oleh Sultan Mansur Syah kepada oleh Sultan Mahmud Syah! Amat aneh sekali bagi penghikayat yang asal mengaitkan suatu pekerjaan sia-sia seperti itu kepada Sultan Mahmud yang telah mangkat delapan tahun sebelum ini terjadi. Tetapi penyunting tahun 1612 itu mungkin hendak mengimbangkan segala kembaraduga Sultan Mansur Syah dengan kehidupan Sultan Mahmud Syah yang kalau menjelang tahun 1612 mempunyai waktu 83 tahun untuk menjadi seorang tokoh separuh metos."

Demikian Winstedt menghujah, seolah-olah naskhah Blagden atau Raffles MS. No.18 (edisi Winstedt) itulah yang menjadi induk bagi penyalinan naskhah-naskhah lain, yakni edisi Shellabear, edisi Abdullah, edisi Dulaurier, dan ini bererti tidak terkecuali juga ketiga-tiga buah naskhah milik DBP, dan mungkin ada beberapa buah naskhah lain lagi yang isinya terdapat pertelingkahan dengan naskhah Blagden itu.

"Ubah-ubahan bab, perenggan, bahkan peristiwa-peristiwa di dalam *Sejarah Melayu* yang sudah tercetakitu,"kata beliau, "ialah disebabkan kecuiaan dan sikap yang sewenang-wenang seorang penyalin naskhah Blagden." Dalam hal ini dapat dikatakan bahawa seseorang yang meneliti mukadimah edisi Winstedt yang berasalkan naskhah Blagden itu, nescaya akan dapat memahami iaitu naskhah Blagden itu Sendiri ialah disalin dari salah sebuah naskhah "Sulalatus Salatin"; oleh yang demikian, tidak mungkinkah dalam penyalinan naskhah tersebut itu pula berlakunya perbuatan yang sewenang-wenang mengubah-pindahkan sesuatu itu supaya menimbulkan kekeliruan?

ديوان بهاس دان قوستاک

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

Seterusnya Winstedt menghujah bahawa penyunting tahun 1612 itu hendak menjadikan Sultan Mahmud sebagai seorang tokoh separuh metos, untuk mengimbangkan dengan segala kembara duga Sultan Mansur Syah, maka itulah dikaitkan cerita "Meminang Puteri Gunung Ledang" itu dengan Sultan Mahmud Syah. Tetapi bagaimana pulajika dikemukakan hujah iaitu: "Tidak mungkinkah kiranya penyalin naskhah Blagden

itu telah diarahkan supaya berbuat sesuatu untuk mencatitkan kegahan Sultan Mansur Syah?" Kerana seperti yang dapat difahami dari "Sulalatus Salatin" bahawa pada zaman kerajaan Sultan Mansurlah Melaka mula membangun dan berkembang dengan pesatnya, Hubungan persahabatan telah dibuat dengan beberapa buah negeri luar, Majapahit, negeri China, negeri Siam, dan mengikut edisi ini dengan Sulawesi juga.

Untuk menegakkan keadilan dan memelihara keutuhan Melaka, baginda rela menyingkirkan daripada bumi Melaka, putera baginda sendiri, putera yang sepatutnya mewarisi takhta kerajaan negeri Melaka itu, atas kesalahan membunuh anak Bendahara. Putera itu disuruh baginda rajakan di Pahang, yang pada zaman itu hanya sebagai sebuah negeri di bawah naungan Melaka.

Begitulah gahnya nama Sultan Mansur Syah pada zaman Melaka sedang pesat membangun dan berkembang; tetapi dalam hal ini tidak mungkinkah bagi sesiapa yang kurang menggemari kiranya kegahan baginda itu menjadi sebagai kegahan warisan orang Melayu, mencari-cari sesuatu jalan yang boleh mencatitkan kegahan baginda itu? Sekurang-kurangnya dengan mengaitkan baginda kepada cerita "Meminang Puteri Gunung Ledang" itu pun boleh menggambarkan suatu kelemahan atau kecacatan peribadi baginda, iaitu baginda seolah-olah mempunyai nafsu umpama "langit tak bertepi"; sudah beristerikan puteri Majapahit, puteri China, itu pun baginda belum puas-puas lagi, berangan-angan pula hendak beristerikan Puteri Gunung Ledang.

Satu perkara lagi patut disebut di sini, iaitu bagi mengurangkan lagi kegahan Sultan Mansur, hairankah kita kiranya dalam menceritakan peristiwa menjalin semula perhubungan berbaik-baik dengan negeri Siam, di dalam edisi Winstedt menceritakan peristiwa itu berlaku pada zaman pemerintahan Sultan' Muzaffar (hlm. 98-100); sedangkan edisi Shellabear (hlm, 78-80), edisi Abdullah (hlm.115-118), dan edisi ini (hlm.101-103) semuanya menceritakan peristiwa itu berlaku pada zaman pemerintahan Sultan Mansur Syah.

* * *

Berhubung dengan persoalan di atas, ingin saya menarik

perhatian kepada keterangan Winstedt di bawah tajuk: "Tarikh, Pengarang Dan Pengenaln Rangka Asal Sejarah Melayu",⁷ mengenai karya-karya utama yang diperbincangkan beliau dalam karangan beliau itu, iaitu terdiri dari tiga buah karya:

- I. *Sejarah Melayu*, Rumi, edisi kedua, Singapura, 1909, disunting oleh W.G. Shellabear:
- II. Cerita *Asal Raja-raja* yakni *Sejarah Melayu*, Raffles MS. No. 18, Library, Royal Asiatic Society, London: disebut sebagai resensi Blagden. Ianya disalin untuk Raffles daripada sebuah naskhah yang lebih tua; kertasnya mempunyai tera-air C. Wilmott, 1812.
- III. *An unpublished Variant Version of the "Malay Annals"* (iaitulah 8 bab yang akhir dari (II), oleh C.O. Blagden, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. III, 1925 hlm.10-52.

Keterangan dari II itu dapat kita fahami dengan jelas bahawa resensi Blagden, yang lebih terkenal dengan sebutan Raffles MS. No.18 (di sini disebut edisi Winstedt) itu, berjudul "Cerita Asal Raja-Raja", dan telah disalin untuk Raffles daripada sebuah naskhah yang lebih tua. Sesungguhnya di sinilah terletak kesimpulan dalam persoalan ini; iaitu sebagaimana telah diketahui bahawa Tun Seri Lanang menkarang "Sulalatus Salatin" ialah dengan tujuan supaya akan menyukakan rajanya, maka sejajar dengan itu adakah mustahil kiranya penyalin naskhah Blagden untuk Raffles itu, sama ada mengikut arahan atau sengaja kerana hendak bermuka-muka, melakukan segala sesuatu yang sesuai dengan selera dan supaya akan menyukakan hati tuannya pula.

Mengenai resensi Blagden yang dikatakan disalin untuk Raffles daripada naskhah yang lebih tua itu pun amatlah meragu-ragukan, kerana di dalam mukadimah edisi Winstedt itu ada ayat yang berbunyi: "*Maka fakir namanya hikayat ini Sulalatu's-Salatina, yakni peraturan segala raja-raja*". Apabila ada tersebut di dalamnya "Sulalatu's-Salatina, yakni peraturan segala raja-raja" itu, maka jelaslah resensi Blagden itu Sendiri tidak terkecuali daripada golongan naskhah-naskhah salinan dari naskhah tahun 1612 itu, dan bukannya salinan dari

⁷ *JMBRAS* (Vol. XVI, Part III 1938) (hlm.27).

hikayat yang asal, "dibawa dari Goa", sebagaimana yang disangka oleh Winstedt.⁸ Tetapi yang anchnya Teritang nama "Sulalatus-Salatin" yang ada terkandung di dalam mukadimah edisi Winstedt itu, bukan "Cerita Asal Raja-Raja" seperti tajuk II itu, tidak pula diSerituh oleh Winstedt dalam membincangkan persoalan itu.

* * *

Untuk memudahkan seseorang mengikuti persoalan yang diperbincangkan di sini, maka di bawah ini diturunkan dengan sepenuhnya isi mukadimah edisi Winstedt (Raffles MS. No. 18) itu:

Bi'smi'llahi'r-Rahmanir-Rahimi. Alhamdu li'llahi, Rabbi al-'tamin, wa salawat wa'l-sallama 'ali Rasul Allah salla'Llahu 'alaihi wassalama wa sahabat ajma'in masalah sudah memuji Allah dan mengucap salawat akan Rasulullah salla 'Llahu 'alaihi wa sallama, seribu dua puluh esatahun, pada, tahun du al-awal (دوالاول -dal) pada dua belas haribulan Rabi'u-l-awal pada hari Ahad pada waktu doha, pada zaman kerajaan Paduka Seri Sultan 'Alau'd-Din Ri'ayat Shah, zillu 'Llahi fi'l-'alam sedang bernegeri di Pasir Raja. Dewasa itu, bahawa Seri Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Sheri Agar Raja Petani iaitu datang menjunjungkan titah Yang Pertuan di Hilir, fa innahus, sharrafa'l-makana wa'z-zamana, (bahawa ia sa-nya kemuliaan tempat dan zaman) waziru majalisi ahli'l-imani (dan ia perhiasan segala kedudukan orang yang beriman) wa nur mad raja alta'at wa'l-ihsan (dan ia menerangkan segala tangga ta'at dan kebajikan) zayyada fadlahu wa'l-imtinan (dan ditambah Allah Taala kiranya dengan kelebihan dan kemurahan), wa abbada 'adlahu fi sa'iri 'l-buldan (dan dikekalkan kiranya ia dengan adil pada segala negeri). Demikian bunyinya titah yang maha mulia itu: "Bahawa hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara, peraturan (قد هاري فرنتورن) segala raja-raja Melayu dengan isradatnya supaya didengar oleh anak cucu kita yang kemudian dari kita dan diketahuinyalah segala perkataan, syahadan beroleh faedah-lah mereka itu daripadanya". Setelah fakir at hadimura kabon 'ala jahlin f'al-taksir (yakni fakir yang insaf akan lemah keadaan dirinya dan singkat pengetahu-

⁸ Lihat *JMBRAS* (Vol. XVI, Part III) (hlm. 27).

an ilmunya) aladdi murakkab 'ala jahiliah (yakni yang kenderaan atas bebalnya) mendengar titah yang maha mulia Itu, maka terjunjunglah atas batu kepala fakir dan beratlah atas segala anggota fakir. Maka fakir bergoncanglah diri fakir pada mengusahakan, syahadan memohonkan taufik ke hadrat Tuhan sani'a'l-alam dan kepada nabi sayyida'l-anam. Maka fakir karanglah hikayat ini kama sami'tu min jaddi wa'abi, dan fakir hlm-punkan daripada segala riwayat orang tua-tua dahulukala, supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namainya hikayat ini Sulalatu's-Salatina Yakni peraturan segala raja-raja. Maka barang siapa membaca dia jangan lagi dibicarakannya dengan sempurna bicaranya, kerana sabda nabi (Allah) salla'Ilahu 'alaihi wa-sallama "Tafakkaru fi ala'i Llahi wa la taffakaru fi dzati'Llahi, " yakni bicarakan olehmu pada segala kebesaran Allah dan jangan fikirkan pada dzat illah.)

Apabila dibandingkan mukadimah edisi Winstedt seperti di atas itu dengan mukadimah edisi Shellabear dan edisi ini, maka ternyata hanya kira-kira sepertiga sahaja daripada mukadimah kedua buah edisi tersebut itu yang ada dan merupakan sebagai mukadimah edisi Winstedt itu; manakala kira-kira dua pertiga bahagian permulaannya mungkin telah Sengaja ditinggalkan oleh penyalinnya, Selain dari itu, terdapat pula beberapa perkataan dan ayat-ayat di dalam mukadimah edisi Winstedt itu sama ada tertinggal atau Sengaja ditinggalkan; maka perkara seperti inilah yang telah menimbulkan keraguan kepada para sarjana seperti Winstedt untuk membuat sesuatu kesimpulan secara rasional, khususnya mengenai siapakah sebenarnya penyunting atau pengarang "Sulalatus Salatin" tahun 1612 itu. Kerana ternyata Winstedt menghujah bahawa Tun Bambang, bukannya Tun Seri Lanang sebagai penyunting atau pengarangnya.



Di antara beberapa perkara yang dijadikan alasan oleh Winstedt dalam hujah beliau pada menyangkal bahawa Tun Seri Lanang bukannya penyunting atau pengarang naskah tahun 1612 itu ialah:

- (a) Kerana di dalam Raffles MS. No. 18, tidak menyebut Tun Seri Lanang sebagai pengarang atau penaung *Sejarah Me-*

layu itu, Naskhah Raffles No.35 menyebut nama Tun Seri Lanang bukan Tun Muhammad tetapi Tun Mahmud. Begitu juga Naskhah Raffles No.39 menyebut nama itu Tun Mahmud ... Naskhah terjemahan Dr. John Leyden juga menyebut nama itu Tun Mahmud, gelarnya Paduka Raja. Sementara Naskhah Raffles No.68 pula menyebut dengan lebih lanjut: "*Setelah itu, disuratkanlah riwayat ini oleh Orang Besar Tun Askob di hadapan Tun Mahmud, Paduka Raja gelarannya, anak Orang Kaya Paduka Raja, cucu Bendahara Seri Maharaja.*" Naskhah MS. No.68 ini dimulai dengan menyebut: "Zaman dahulu orang Melayu bukan beragama Islam dan hikayat itu dikarang pada zaman Nabi Sulaiman. Ditulis semula di suatu majlis Orang Besar-besar yang diadakan pada tahun 887 Hijrah, pada zaman Iskandar Zu 'lKarnain."

- (b) Naskhah Raffles No.18 berakhir dengan kata-kata *wakatibuhu* Raja Bongsu (Raja Bongsu yang menulis). Pada anggapan Winstedt mungkin naskhah ini benar-benar satu salinan dari naskhah "hikayat yang dibawa dari Goa", iaitu milik Sultan Abdullah nama lainnya Raja Bongsu, penaung kepada penyusun edisi *Sejarah Melayu* tahun 1612 itu.

Dalam satu perenggan lain, Winstedt telah menegaskan lagi, bahawa Raja Bongsu yang tersebut pada hujung resensi Blagden itu sekali-kali bukan orang lain, bahkan ialah Raja di Hilir nama lainnya Sultan Abdullah, kerana tidak ada lain anak raja Johor bernama demikian yang begitu -masyhur untuk disebut tanpa ibninya.

- (c) Versi Leyden mengatakan iaitu Raja Dewa Sa'it datang kepada Tun Bambang, anak Seri Agar, seorang raja Patani membawa titah daripada Sultan Abdullah untuk menyusun sebuah sejarah.



ديوان بهاس دان قوستاكة

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PELIHARA 2008

Naskhah Raffles No. 35 juga menyebut bahawa orang yang membawa titah Diraja itu ialah Raja Dewa Sa'it (سائت) PELIHARA 2008

- (d) Bukanlah merupakan suatu kepujian bagi seseorang Bendahara Melayu untuk menjadi seorang pengarang pada zaman dahulu. Namanya dikaitkan, terutama sekali yang disisipkan di dalam mukadimah itu, mungkin kerana berdasarkan pertimbangan-pertimbangan kesusasteraan yang

mengikuti aliran corak sastera Parsi, iaitu dimulai dengan puji-pujian bagi Allah dan diikuti dengan salawat kepada nabi; kemudian, lazimnya puji-pujian kepada seorang Orang Besar (biasanya seorang Sultan yang memerintah) yang ditujukan karya itu. Ini kerap pula diikuti dengan pen yair atau pengarang itu menyatakan perihal yang mendorong dia memulakan karya itu, biasanya dengan permintaan sese orang sahabat.ss

* * *

Sekarang mari kita perhatikan di mana-mana letaknya kekeliruan dalam persoalan ini sehingga mendorong Winstedt membuat kesimpulan sedemikian.

- (a) Mukadimah Raffles M.S. No.18 (edisi Winstedt) itu hanya mengandungi kira-kira satu-pertiga sahaja jika dibandingkan dengan isi mukadimah edisi-edisi lain, khususnya edisi Shellabear dan edisi ini. Seperti yang telah terdahulu dikatakan bahawa kesingkatan mukadimah edisi Winstedt itu bukanlah menjadi ukuran yang menentukan terlebih tua umurnya daripada naskhah-naskhah lain, tetapi rahsianya adalah tergantung kepada penyalinnya, iaitu sama ada dia diarah atau sengaja meninggalkan pada bahagianbahagian yang terTeritu, kerana ada kaitannya dengan sesuatu tujuan atau sesuatu muslihat.

Dengan terbuangnya sebahagian besar isi mukadimah itu mulai daripada bahagian permulaannya, maka turutlah sama terbuang atau tertinggal dari isi mukadimah edisi Winstedt itu perkara-perkara penting berkaitan dengan penciptaan dan penyunting atau pengarang "Sulalatus Salatin" itu; misalnya peristiwa "di suatu majlis Orang Besar-besar", "Hikayat Melayu" dibawa orang dari Goa", dan nama timang-timangan "Tun Seri Lanang". Oleh tiadanya bahagian yang mengandungi perkara-perkara tersebut di dalam Raffles M.S. No.18 itulah yang menyebabkan Winstedt berpegang kepada naskhah-naskhah Raffles No.39 No.68 dan lain-lain yang menyebut bahawa Tun Seri Lanang hanya sebagai penaung; karya itu telah ditulis "di hadapannya".

- (b) Wakatibuhu Raja Bongstl (Raja Bongsu yang menulis).

Apakah yang dimaksudkan dengan "yang menulis" di sini? Adakah bererti "yang mengarang" ataupun "yang menyalin"? Kedua-dua pengertian ini tidak munasabah dikaitkan dengan Raja Bongsu, atau nama lainnya Raja Abdullah, Raja di Hilir. Kerana yang Dipertuan di Hilirlah yang meminta Bendahara perbuatkan hikayat itu; ini bererti baginda bukanlah "yang mengarang". Demikian juga mengenai "yang menyalin"; sesudah ada sebuah naskhah asal hikayat yang dikarang oleh Bendahara itu di tangan baginda, adakah munasabah kiranya baginda membuang masa, menyalin lagi naskhah itu?

Ada kemungkinan penyalin ini berselindung di sebalik nama Raja Bongsu, Raja di Hilir itu, ataupun penyalin itu memang benar namanya Raja Bongsu, tetapi ia sengaja tidak mahu menyatakan siapa dirinya yang sebenarnya, anak siapa, kerana ada sesuatu yang berTeritangan dengan suara hatinya; mungkin ia terasa ada melakukan kesalahan dalam penyalinan naskhah itu, sebab itulah maka ternyata dia tiada sanggup bertanggungjawab atas naskhah tersebut, tidak seperti penyalin naskhah yang dijadikan asas panduan bagi edisi ini, iaitu bukan sahaja dia menyatakan namanya sendiri, bahkan nama bapanya, nama datuknya, dan dengan gelarannya sekali.

(c) Di dalam mukadimah edisi Winstedt itu Sendiri, dengan mudah dapat dikesan betapa cuai penyalinnya dengan meninggalkan bahagian-bahagian yang penting; sehingga ayat-ayatnya boleh mengelirukan, misalnya:

- (1) " ... dan mengucapkan salawat akan Rasulullah salla 'Llahu 'alaihi wa salama, seribu dua puluh esa tahun, pada tahun du al-awal (دوالاول ?=dal) pada dua belas haribulan Rabi'ul-awal ..."



Di antara perkataan "wa sallama" dengan perkataan "seribu dua puluh esa tahun" itu jelaslah ada perkataan-perkataan yang tertinggal. Di dalam edisi SheIIabear, edisi Abdullah dan edisi ini, perkataan-perkataan yang tertinggal itu berbunyi:

Demikian katanya: "Tatkala hijratul-nabiyi salla 'Llahu ialaihi wa salam ...

- (2) *"Dewasa itu, bahawa Seri: Nara Wangsa yang bernama Tun Bambang anak Sheri Agar Raja Petani iaitu datang*

menjunjungkan titah Yang Pertuan di Hilir ... "

Selepas perkataan dewasa itu, nyata ada perkataan tertinggal. Di dalam edisi ini menyebut:

"datang (kepada) Hamba ", (tiada perkataan "bahawa").

Dua perkara yang diturunkan di atas itu adalah menunjukkan betapa kelemahan penyalin-penyalin Raffles M.S. No.18 dan naskhah-naskhah yang sealiran dengannya; tetapi daripada kelemahan penyalin-penyalin itulah pula, khususnya mengenai perkara (2), mendorong Winstedt menganggap bahawa Tun Bambang itulah penyunting atau pengarang "Sulalatus Salatin".

Bagi menguatkan hujahnya dalam penanggapan itu, beliau telah mengemukakan "nama" *Raja Dewa Sa'it*, sebagaimana terdapat di dalam beberapa buah naskhah "Sulalatus Salatin" - tidak terkecuali edisi Shellabear dan edisi Abdullah - tatkala beliau membanding-bandingkannya. *Raja Dewa Sa'it* itulah dikatakan beliau, sebagai orang yang membawa titah Yang Dipertuan di Hilir kepada Tun Bambang.

Dalam perkara ini adalah ternyata bahawa punca yang menyebabkan kekeliruan mengenai "*Raja Dewa Sa'it*" itu, ialah kerana penyalin menggunakan kaedah ejaannya Sendiri, iaitu menulis ejaan perkataan "dewasa itu" dengan ejaan Jawinya "ديواسايت". Maka inilah yang mengelirukan penyunting yang berkenaan dalam memahami pengertiannya yang sebenar ... Kalau benarlah ada orangnya yang bernama "Dewa Sa'it" itu, ejaan jawinya mestilah ditulis "ديواسعيد" bukannya "ديواسايت".



Jika diteliti dengan halus, nescaya dapat difahami bahawa punca yang menyebabkan kekeliruan penyunting yang berkenaan mungkin sekali dari kecuaiannya penyalin, kerana meninggalkan perkataan دفاسير dari rangkaikata دفاسير راج ديواس ايت

- (d) Agak menghairankan juga mengapa maka Winstedt berperilaku benar mencari-cari berbagai alasan bagi menidakkan Tun Seri Lanang sebagai penyunting atau pengarang Sulalatus Salatino. Jika diteliti dari isi mukadimah edisi Winstedt itu Sendiri, nescaya akan dapat difahami hakikat yang sebenarnya, Perhati dan pertimbangkanlah maksud ayat:

- (1) - *Demikian bunyinya titah Yang Maha Mulia itu:*
"Bahawa Hamba minta diperbuatkan hikayat pada Bendahara, peraturan
فد هاري فرتورن⁹ segala raja-raja Melayu dengan istiadatnya ... "

Siapakah Bendahara yang disebutkan itu? Sudah Teritulah bukan Tun Bambang.

- (2) *Setelah fakir murakkabun ... menengar titah yang maha mulia itu, maka terjunjunglah atas batu kepala fakir. Maka fakir bergoncanglah diri fakir pada mengusahakan ... Maka fakir karanglah hikayat ini ... supaya akan menyukakan duli hadrat baginda. Maka fakir namainya hikayat ini Sulalatu's-Salatina yakni peraturan segala raja-raja.*

Siapakah orang yang membahasakan dirinya "fakir" itu? Tak lain dan tak bukan ialah Tun Seri Lanang.

Winstedt menghujah lagi: "Bukanlah merupakan satu kebaktian bagi seseorang Bendahara Melayu menjadi seorang pengarang pada zaman dahulu."

Dalam perkara ini Winstedt seolah-olah tidak mengerti, bahawa persoalan ini bukan terletak pada kebaktian atau kepujian yang boleh meninggikan nilai taraf Bendahara itu, tetapi adalah terletak pada rasa tanggungjawab Bendahara (Tun Seri Lanang) untuk memenuhi hasrat rajanya "minta perbuatkan hikayat" itu.

Bukanlah menjadi suatu perkara luar biasa bagi seseorang Bendahara Melayu mengarang hikayat: terdahulu daripada Tun Seri Lanang, ada seorang Bendahara yang difaHarukan telah menghasilkan sebuah karya; kebetulan pula Bendahara yang dimaksudkan ini ialah datuk kepada Tun Seri Lanang Sendiri, iaitu Bendahara Seri Maharaja Tun Isap Misai, beliau mengarang Anak Panah Sedasa [lihat hlm. 188].¹⁰

Terdapat pertelingkahan Teritang nama Tun Seri Lanang antara naskhah-naskhah Sulalatus Salatin itu - ada beberapa buah menyebut namanya Tun Muhammad dan

⁹ فد هاري ejaan yang sepatutnya فد بتد هارا ini adalah satu bukti menunjukkan kelemahan penyalin naskhah itu.

¹⁰ Untuk keterangan lebih lanjut lihat A. Samad Ahmad, *Sejarah Kesusasteraan Melayu II*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka 1960 (hlm.27).

ada yang lain-lain pula menyebut Tun Mahmud - tetapi hal demikian tiadalah menghairankan, kerana jika hendak dicari-cari pertelingkahan atau perbezaan nama-nama dengan membanding-bandingkan naskhah-naskhah itu antara satu sama lain, nescaya banyakkah boleh dikemukakan, istimewa pula nama-nama yang ejaannya hampir serupa, seperti antara Mahmud dengan Muhammad ini. Seperti yang telah terdahulu diterangkan, hal ini ialah berpunca dari kecuaiian penyalinnya; apabila penyalin naskhah yang terdahulu membuat khilaf, maka berterusanlah kekhilafan itu diikuti oleh penyalin-penyalin yang membuat salinan daripada naskhah salinannya itu,

Bukti yang penting sekali menyatakan Tun Seri Lanang sebagai pengarang *Sulalatus Salatin* itu, ialah dari keterangan Syaikh Nuruddin al-Raniri dalam karyanya *Bustan ulSalatin* (Taman Raja-raja), fasal yang ke 12 bab II (T.M. 1638), pada menyatakan riwayat segala raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka dan Pahang, demikian bunyinya:

"Kata Bendahara PadukaRaja yang mengarang kitab misrat *Sulalatus Salatin*, ia mendengar daripada bapanya, ia mendengar daripada neneknya dan datuknya, tatkala pada hijrat al-Nabi sail a 'llahu 'alaihi wa sallama seribu dua puluh esa, pada bulan Rabiul-awal pada hari Ahad, ia mengarang hikayat pada menyatakan segala raja-raja yang kerajaan di negeri Melaka, Johor dan Pahang, dan menyatakan bangsa, dan salasilah mereka itu daripada Sultan Iskandar Zu'l Karnain ... "



Tun Seri Lanang menerima titah Raja Abdullah yang disebut juga Yang Dipertuan di Hilir atau Raja Seberang, mint a perbuatkan hikayat itu, ialah pada tarikh 12 Rabiulawal T.H. 1021 bersamaan 13 Mei 1612; iaitu pada zaman kerajaan Sultan Alau'd-Din Ria'yat Syah sedang bernegeri di Pasir Raja atau Pekan Tua. Kira-kira setahun kemudian, pada 7 Mei 1613, Johor telah alah oleh angkatan perang Aceh. Sultan Alau'd-Din Riayat Syah bersama Raja Abdullah dan Tun Seri Lanang telah dibawa ke Aceh.¹¹

¹¹ Tun Muhammad, bergelar Paduka Raja ... itulah yang disebut orang Bendahara yang ke Aceh (lihat hlm. 184). Keterangan ini jelas disisipkan kemudian

Dalam masa berada di Aceh, mungkin sekali hasil-hasil kesusasteraan Aceh telah diketahui oleh Tun Seri Lanang dan bahan-bahan daripadanya dipetik dan digunakan untuk karyanya *Sulalatus Salatin* itu. Begitu juga mungkin ia dapat berkenalan dengan Syaikh Shamsuddin Pasai, seorang ulama besar, pengarang kitab dan menjadi sebagai penasihat Sultan. Selain daripada Syaikh Shamsuddin, ada dua orang lagi pengarang yang terkenal pada masa itu, Hamzah Fansuri dan Bokhari al-Jauhari pengarang *Taj ul-Salatin* yakni Mahkota Raja-Raja. Mungkin dari perkenalan dengan pengarang-pengarang tersebut serta meneliti cara gaya kesusasteraan Aceh ini, sedikit-sebanyaknya mempengaruhi Tun Seri Lanang, khususnya dalam penyusunan mukadimah karyanya itu.

Usaha menyusun atau mengarang naskah *Sulalatus Salatin* itu, mungkin telah dimulai oleh Tun Seri Lanang di Pasir Raja atau Pekan Tua, iaitu sesudah ia menerima titah Raja Abdullah, Yang Dipertuan di Hilir, tetapi walau bagaimanapun naskah itu belum selesai melainkan sesudah melalui masa beberapa tahun kemudian; dan mukadimah itu ditulis tidak terdahulu daripada tarikh kemangkatan Sultan Alau'd-Din Riayat Syah. Ini ialah kerana ada sepotong ayat di dalam mukadimah itu berbunyi: "... Pada zaman marhum yang mangkat di Aceh, Sultan Alau'd-Din Riayat Syah ... ".¹²

Di sini dapat diduga bahawa naskah *Sulalatus Salatin* itu telah selesai dikarang atau disusun pada zaman Sultan Abdullah Ma'ayah Syah kerajaan di Johor kira-kira pada tahun 1613-1623, iaitu setelah kakanda baginda Sultan Alau'd-Din Riayat Syah itu mangkat di Aceh. Hal ini dapat difahami dari maksud yang ternyata di dalam mukadimah itu, bahawa Raja Abdullah telah merajai Johor dengan gelaran Sultan Abdullah Ma'ayah Syah. Sebelum itu baginda hanya terkenal sebagai Raja Seberang atau Raja di Hilir.

Sebagai penutup, ingin saya menarik perhatian kepada kata-kata Winstedt, sesudah beliau membuat kesimpulan menganggap bahawa Tun Bambanglah pengarang atau penyunting naskah *Sulalatus Salatin* tahun 1612 itu.

daripada Tun Seri Lanang, mungkin oleh seseorang keturunan Tun "Seri Lanang Sendiri.

¹² Sultan Alau'd-Din Riayat Syah mangkat di Aceh kira-kira antara tahun 1613 dengan 1615.

"Akhir sekali, siapakah Tun Bambang, yang narupaknya menjadi penyunting tahun 1612 yang sebenarnya itu. Katanya, dia mempunyai gelaran Seri Narawangsa, dan ialah anak Seri Akar, Raja Petani. Mengenai hal ini Rouffaer menganggap mungkin dia itu seorang anak saudara Sultan Abdullah (Raja Seberang) Johor. Kerana Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Johor mempunyai empat orang putera lagi, selain dari dua orang putera yang menjadi raja Johor. Yang tuanya kahwin dengan seorang puteri raja Patani (Sejarahfohor - Winstedt - hlm. 31), dan Rouffaer menganjurkan bahawa Tun Bambang ialah anak mereka ...".

Jawapan bagi anggapan seperti di atas itu ialah, dalam hubungan dengan penyusunan *Sulalatus Salatin*, Tun Bambang tidak lebih dari seorang pegawai raja yang menjalankan tugas menyampaikan titah Yang Dipertuan di Hilir, Raja Abdullah, minta perbuatkan hikayat kepada Tun Seri Lanang.


A. Samad Ahmad



ديوان بهاس دان پوسٲاكه
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

LAMPIRAN



Ciri yang dibaca oleh Batala (lih. hlm. 22)

Teks

(Bacaan Drs. Khalid M. Hussain)

1. Ahusta Paduka Seri Maharaja sirat Seri Sapta Buana suranabumi buji bala pakarama.
2. Nagalang karna makuta dan Muntari Buana para sang Sakaritabana Tanggadarma dan bisyarana kuta dan
3. Singgahsana ranawikrama wa dan Rawanaba Palawikasad dewa dadi prabu di kala mula mali.
4. Maliku Seri Darma Raja Adi Raja, Raja Permaisuri, 2008

Tafsiran

(oleh Drs. Khalid M. Hussain)

1. (maka) segera berdiri (terjelma) Paduka Seri Maharaja (terpancar) Seri Sapta Buana (putera dari tujuh petala bumi) sebagai raja (di) bumi
2. (maka) olehnya kerana mahkota dan Menteri Buana bersama-sama Sakaritabana Tanggadarma dan duduk (di) kota dan
3. (naik) (takhta) singgahsana (yang gagah) dan dewa Rawanaba, Palawikasad jadi raja di waktu mula pulih (menjadi)
4. raja, di sana (terdapat) Seri Darma Raja Adi Raja, Raja Permaisuri.

اينله چيري

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
مَسْتَتَا سَسْتَتَبْ قَرْمَدَدَ قَرَحْرَا قَرَحْرَنَه قَرْمَكَبْ قَرْمَكَمْ سَوَجَتَا سَوَجَمَّ
بَوْنَا بَوْتَمْ بَكْرَمَا بَكْرَتَمْ سَوْرَتَا سَوْرَتَمْ بَعْمِي بِيَجْرَا تَعَكَّة تَعَكِّي دَرِي دَرِي دَرِي
دَرِي دَرِي مَلْرَكْت مَلْرَكْت مَهْدِي بَوَقْل بِيْرَم بِيْدَرِيْم نِيْلَم قَوْلَم مَرْدَكَم دَرَكَم
كَوْلَم سَوْرَن مَانِكَم شَهْرَا اللّٰه بَدَن بَدَن اللّٰه تَا جَل جِيْرَت سَمِسْت
قَرَوِيْن سَمَّ اَوِيْن كَرْت نَكْرِي نَكَار سَرِي سَكْنَتَع مَهَا مِيْرُو دَفِيَكْت اِزْنَا
قِيْتِي اَهو سَوَسْتِي مَهَا سَوَسْتِي مَهْرَج

اِنْدَر جِنْدَر بَوَقِي بِيُوْتَن اِنو كَرِنِيَا نَام اِنو تَاوْت جِيَوْت قَرِي قَرِنْت
تَكَّة مَسْتَكْن سَتِيَا بَتِي جَاوَدَ دَل قَادَكْت سَرِي سُلْطَانِ عَادِل اللّٰه وَزِيْن
كِيُوْبَكِي وَ لَحْتَكْن اللّٰه كَرَجَان قَادَكْت سَرِي سُلْطَانِ مُظْفَر شَاه ظِل
اللّٰه فِي الْعَالَم بِرَحْمَتِه كِيَا اَرْحَمَ الرَّحْمِيْن

Bi-smi-llahi-r-rahmani-r-rahim.



Sastata sastatab parmada perkhara palkhanah parmakab parmakam sojana sojanam
buana buanam bakarma bakamam sawarna sawarnam bangka baichara tongkah tinggi dari
darandah dari darakata malarakta mahadea bupala bejram beidariam nilam pualam murdakam
durakam kumalam sawama manikam *shahara Allah badan badan Allah tajila jibarat samista*
parwaban sanam awina karti nagari *nugara Seri Saguntang Mahamiru dipatikatu izna pay anti*
Aho sawasti maha sawasti Maharaja Indera Chandra bupati bahutan *anu karunia nama anu*
tawat jiwat pari parnanta tegoh menegohkan setia baqti kabawah duli paduka Seri Sultan
Adil-ullah wazina kayubaki dilanjutkan Allah-ka-raja-an Paduka Seri Sultan Moafar Shah
Dil-ullah fil alam biyyarHaruati kaya-rahmani-r-rahlin. 1

Contoh Ciri Yang Dipakai di Perak

Contoh ciri yang dipakai dalam istiadat menggelar Orang Besar-besar negeri Perak,
(*J.R.A. Soceity* - Jan. 1881; reprint
Papers On Malay Subject by W.E. Maxwell).

* অহো স্বস্তি নাহকা শ্রীমহারাজকা স্বরাই শ্রী
সুপুত্ৰব অনাহ রণভূমিত্ত্ববন বিক্রমা নংকরনা
মুকুটরত্ন হথপ্রিতবহ স্পর্শকৃত্ত্বং । বিনাতক্কং
ধর্মবাহ্ যত সরন বিতরন সিংহাসনবনবিক্রমা
বনাণবনাবিক সদযানুদেববিহ । পরবাদি
কান মুনমুনীমোনিক ভীধর্মরাজাধিরাচ্চ রাজপর
মেথরহ ।

Ciri Dalam Tulisan Dari India

Satu contoh ciri dalam tulisan yang berasal dari India, dipetik dari *Malay Annals*. Diterjemahkan dari Bahasa Melayu oleh Dr. John Leyden. Dicitak untuk Longman Hurst, Reen, Orme dan Brown - 1821 (hlm. 24).

جيري يع، ملكي اوفه سلطان بروني باكي مشكلر اورجج بسر
 تگارا بروني اداله ترسون مفكوة تارف فريهكة كلارن اورج يع
 هندق دكلر ايت. فريهكة ۲ ايت اداله سفرت يع ترسون دباوه.
 (ايه) باكي وزير:

بسم الله الرحمن الرحيم
 الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد
 سيد الانبياء والمرسلين وعلى اله وصحبه الاكرمين فرض الله خير
 بوناته عمرها وكمل عزاتها وفضلها ودام حياتها وبأت الله دولة في الدنيا
 الى دار الآخرة لينكم رجول العاقلون من كل رعية والوزير العادل
 والاحسان والثور قلبه بالنور معرفة والأيمان والاسلام بالتوفيق الله
 عالى.

اهوتا سرمانا سريبوهانا. سي جاكف فركاس فرغ سيجاي
 فربوهانا. اوباجانا مادانانا دكجوبالا فركرما سري بوهانا. كرتا
 مسكالغ كو فرمالا مالاي. رتنا مهكوت ايوتا سفكهان سي ديوا ۲
 فربو. بهوا فهيران (نام سديري) دانكرامي نام فري مان
 فهيران (نام كلارن) ايوتا سي ديوا ۲ فاري منكوهكن شيا
 يقتي كباوه دولي فادك سري سلطان المعظم (نام سلطان)
 دنكري بروني دارالسلام. دوله قائم مادامة برب العالمين. امين
 اللهم امين ثم امين.

ترمكتوب داستان

.....

كفد هاريولن

(71)

فرايهاتن:

فركتان ۲. رتنا مهكوت ايوتا سفكهان" اين اداله دانتوقكن
 باكي وزير يع اكن منجادي باكل سلطان مهاج. باكي يع تباد دمكين
 ايت مك دفاكي فركتان ۲. ورتا اوتيكا ايوتا سفكهان".
 جيري مفكلر جتريا

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام على سيدنا محمد
 سيد الانبياء والمرسلين وعلى اله واصحابه الاكرمين. فرض الله
 تعالى وناته عمرها وكمل عزاتها وفضلها ودم حياتها ويومت الله
 بنور المعرفة والايمان والاسلام بالتوفيق الله تعالى.

اهوتا سرمانا سري بوهانا سي جاكف فركاس فرغ سيجاي
 فربوهانا امبجانا مادانانا دكجوبالا كرتا مسكالغ كو فرمالا مالاي
 وانا اوتيكا ايوتا سي ديوا ۲ فربو. بهوا (نام اورج يع
 هندق دكلر) دانكرامي نام فاري نام فهيران (نام كلارن)
 ايوتا سي ديوا ۲ منكوهكن شيا يقتي كباوه دولي يمهامليا مولانا
 السلطان المعظم بالعدل بروني دارالسلام. دولة قائم مادامة
 برب العالمين. امين! امين! امين!

ترمكتوب داستان فد

هاريولن تامون هجره

برسان دغن هاريولن

..... تامون مسيحي

(72)

Contoh Ciri Yang Dipakai Di Brunei

Contoh ciri yang dipakai oleh Sultan Brunei bagi menggelar Orang Besar-besar negara Brunei.
 (Dipetik: dari buku *Adat Istiadat Diraja Brunei, Daru'l Salam*).

(بھي) باگھي منٽري ۲:

بسم الله الرحمن الرحيم
اهوتا ۲ سوماتا سريپوهانا. سي جاكف فرگاما. فرمع سيجايا
فربوهانا. اوباجانا مادانا دكجوبالا فرگاما سريپوهانا. گرتا
مسكالم كو فرمالا مالاي ورننا اوتیکا ايوتا سي ديوا ۲ فربو.
بهوا فاري (نام منديزي) دانگراهي نام
فاري نام (نام گلارن) فاري منگوهکن ستيا بقتي گباوه
دولي سلطان (نام سلطان) دنكري بروني دارالسلام.
امين' اللهم امين' مدامات برب العالمين.

ترمکتوب داستان

.....

..... کفد

..... هاريبولن

..... تاهون هجره

برسنان دغن

..... هاريبولن

..... تاهون مسيحي

.....

(73)

Contoh ciri yang dipakai oleh Sultan Brunei bagi menggelar
menteri-menteri negara Brunei.
(Dipetik dari buku *Adat Istiadat Diraja Brunei, Daru'l-Salam*).



ديوان بهاس دان فوستاڪ
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

PANDUAN CATATAN

UNTUK mengelakkan daripada memberi penerangan yang berulang-ulang bagi perkataan-perkataan atau ungkapan-ungkapan yang sama, di bawah ini diSeriarakan mengikut abjad beberapa perkataan yang berulang kali seperti yang terdapat di dalam teks, Erti perkataan-perkataan ini biasanya diberi hanya sekali sahaja di dalam catatan. Untuk penjelasan mengenai sesuatu perkataan itu hendaklah merujuk pada halarnan dan baris yang berkenaan.

Kependekan:

Ar.	Arab	C.	Cina	Pr.	Parsi
Bg.	Bugis	Jw.	Jawa	Sk.	Sanskrit
adang 182.2					
ajaib (Ar.) 43.31					
akas 207.16					
alamat (Ar.) 20.30					
alap 120.18					
alkisah (Ar.) 18.1					
alu: 30.19					
alu-alukan					
andeka (Sk.) 197.34					
anu 172.14					
anugerah (Sk.) 6.34					
arakian 4.41					
asa-asaan 154.28					
atas: 81.21					
atas angin					
			bahara 58.11		
			baluhan 21.33		
			bangat 144.19		
			barang: 174.8		
			barang suatu		
			batil 100.4		
			bawah: 83.3		
			bawah angin		
			beladai 168.4		
			beradu 22.23		
			beroleh 74.24		
			bertapa 13.21		
			betara 43.3		
			bicara 4.27		
			berbicara		

DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

ayapan 49.41
azmat (azamat) (Ar.) 155.26
hadar sila 33.8
boleh 46.9
cakap: 89.6
bercakap
cateria (Sk.) 34.16
cedera 24.23
cembul 6.34
cemeti 186.39
cendala 117
ceper 71.21
cerpu 123.10
cipan 139.14
ciri (Sk.) 21.11
ciu 242.12
cuci: 269.6
dicucikan
dalam: 69.25
ke dalam
datang 48.9
daulat tuanku 87.6
demi 124.9
dengan 137.37
derHaru (Ar.) 4.38
derum: 69.33
menderumkan
destar 72.27
dewa 189.17
dinihari 123.28
diwangga 33.9
duduk: 110.4
didudukkan
ernas: 52.18
diemasi
emas urai 148.9
edah (iddah) (Ar.) 87.20
embuk 20.34
empuk 203.15
fadhihat (Ar.) 24.13

membicarakan
sebicara
bingkisan 44.20
digagahi
bergagah
gahara 54.33
gegak-gempita 115
gemala 19.16
genta 114.10
gerangan 13.19
gering 56.7
ghaib (Ar.) 15.10
ghali 230.31
gharib-gharib (Ar.) 123.4
gulung: 156.37
digulungnya
gundik 54.33
gusar 181.2
hadhir (Ar.) 35.17
berhadhir
haru-biru 69.25
hasrat 208.38
hatta (Ar.) 8.8
hilang 8.21
huma: 18.9
berhuma
hunun: 149.4
menghunun
ibarat (Ar.) 43.28
'iyar (Ar.) 114.6
jaga: 25.29
berjaga-jaga
jebang 129.14
jenawi 146.8
jeram 91.26
jong 44.35
jongor 64.27
juak-juak 96.30
junun (Ar.) 148.3
juru ganjur 115.16



difadbiatkan
fakir (Ar.) 53.12
fi'e1 (Ar.) 84.16
gagah: 176.20
karar (Ar.) 26.9
kasad (Ar.) 7.26
keda122.24
kelek-kelekan balai 71.1
kembar: 97.17
mengembari
kelengkapan 141.17
keluar: 4.10
dikeluar
kenaikan 6.41
kendak: 129.1
berkendak
kepetangan (Jw.) 118.11
kepil: 102.8
dikepilkan
keraeng (Bg.) 94.40
kerikal71.21
kerja: 80.34
mengerjakan
dikerjakan
ketapakan balai 71.3
khali 160.16
khatifah (Ar.) 7.8
kimka 123.3
klrap: 114.17
diklrapkan
kota kara 255.27
kula (Jw.) 108.37
kurung 165.13
kusa 182.27
labuhan dagang 30.10
lancaran 30.27
langir: 122.9
berlangir
lebu duli 11.26
Jebuh 142.26

kabul (Ar.) 5.31
kain serasah 204.22
kalut 29.28
karang-lcarangan 36.6
makhdum (Ar.) 231.30
manira (Jw.) 23.7
masyghul (Ar.) 107.11
masyrik (Ar.) 5.5
maulana (Ar.) 79.19
mendara perwara 33.30
menjunjung duli 131.21
rnyarupai 201.5
meta 10.23
miskinan 131.14
mufarik (Ar.) 50.37
mukah: 122.16
bermukah
mungkur 124.8
musta'id (Ar.) 38.29
musykil (Ar.) 59.31
naga-naga 193.40
nagara 71.26
nasab (Ar.) 18.21
narawastu 54.15
negara bakul 19.29
niat 142.18
nobat (Pr.) 30.2
menobatkan
pair: 145.25
memairi
pak si bendul 176.34
pakai: 65.17
dipakai
pakanira (Jw.) 44.9
paman 22.18
panca persada 25.26
pancar 20.16
pandai 205.20
pangus 108.19
pasiban 113.32

ledang 200.34
 legat 124.31
 lulut 211.26
 maghrib (Ar.) 5.5
 makar (Ar.) 169.16
 payung iram-iram 32.15
 pegangan 101.17
 pekis: 111.30
 memekis
 penaka 109.6
 penampang: 151.28
 sepenampang
 penanak: 183.27
 berpenanak
 penduk 70.18
 pengatu 261.25
 penjawat 32.13
 penjurit (Jw.) 113.13
 pepak 97.20
 periai (Jw.) 197.29
 perlente (Jw.) 113.4
 peterana 256.19
 pilu (pilau) 12.30
 pontoh 72.39
 puan 32.33
 ramai: 4.12
 terlalu ramai
 rangan, rangin 215.37
 ranggas 129.14
 rata 100.24
 rangka 184.30
 ridha (Ar.) 6.9
 rosak 27.20
 sabuk 198.24
 sabar 32.20
 sakhlata (Ar.) 193.8
 salah terupa 43.33
 sampean (Jw.) 117.28
 sangka bunyi: 10.8
 tiada sangkabunyi

pasungan 85.7
 patah: 45.4
 patahlah perang
 payang: 106.38
 memayang
 sekonyong-konyong 20.1
 sela: 69.5
 bersela
 selasar 71.16
 seligi 45.7
 semaja 186.27
 seri balai 32.25
 setara 49.21
 sikap 96.23
 sinda 75.4
 subang 43.18
 sulu 88.13
 sum 57.12
 sumbing 27.14
 syahadan 21.21
 syahidlah 176.17
 tabal 34.7
 tafahus (Ar.) 15.35
 taksir: 93.29
 mentaksirkan
 tampil: 17.24
 tandu 33.10
 tata 4.22
 terpermanai: 9.29
 tiada terpermanai
 tetampan: 39.2
 bertetampan
 tersampai 163.19
 tikar pacar 193.26
 timbal: 184.30
 bertimbal rangka
 tunggul 31.35
 upeti 93.1
 usir: 105.28
 diusir

saujana 46.29
sebai 70.25
seberhana pakaian 193.38
sediakala 177 .26

usung: 73.12
usungan
utar-utar 114.10
utus (utas) 13.23
wa'ad (Ar.) 25.1



ديوان بهاس دان پوسٽاك
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

CATATAN

- 2 allazi murakkabun ala jahlihi (Ar.) - orang yang terlalu dungu: jahil murakkab
- 3 kama sami'tuhu minjaddi wa abi (Ar.) - sebagai yang kudengar dari datukku dan bapaku
- 4 bi'at (Ar.) - kawasan; tempat
setelah sudah kampung semuanya - berkumpul
dikeluari - keluar melawan
berperanglah terlalu ramai - terlalu dahsyat
dipersalini - dikumiai selengkap pakaian
paras - wajah
"aku hendak bertanyakari bicara kepadamu" - nasihat; pendapat
tara- bandingan
"sahaja sebenamyalah pekerjaan yang seperti titah tuan hamba itu" - seperti titah tuan hamba itulah yang sebaik-baik dilakukan
- 5 Nabi Khidir - Menurut *Turjumanul al-Quran*, oleh Maulana Mohd. Yusuff Ali - Lahor, Namanya Balyabin Malkan. Seorang nabi yang ada sejak Nabi Ibrahim a.s, pernah bertemu dengan Nabi Musa a.s. Dalam *sahih* Bukhari didapati Khidir ialah nama panggilan. Hadis ini diriwayatkan oleh Abu Hurairah r.a, Dalam *Sulalatus Salatin*, Nabi Khidir dikaitkan pula dengan Iskandar ZulKarnain .

derham (Ar.) - sejenis mata wang perak
arkian - sesudah itu

tiada ada bagainya - seumpamanya



ديوان بهاس دان پustaka
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

- dari masyrik lalu ke maghrib (Ar.) - dari timur hingga ke barat
dari daksina lalu ke paksina (Sk.) - dari selatan hingga ke utara
sahibul hikayat (Ar.) - yang empunya ceritera
6. kabul (Ar.) - diperkenan
wali (Ar.) - wakil
isi kahwin - mas kahwin
rida (Ar.) - rela
hukama (Ar.) - cendekiawan; cerdik pandai
naik mempelai - tidur pertama kali dengan isteri
7. anugerahi - mengumiakan
cembul - bekas mengisi kapur, pinang, gambir dsb.
kenaikan - kenderaan
khatifah (Ar.) - kain daripada bulu biri-biri; permaidani
8. kasad (Ar.) - maksud; niat; tujuan
termazkur (Ar.) - tersebut
tiada haid (Ar.) - tiada datang bulan
9. *mengangkatkan* kerajaan ninda baginda - menggantikan
hatta - kemudian dari itu
hilang - mangkat; meninggal dunia
naik raja - menjadi raja
10. tiada terpermanai - tiada terbilang (ramainya)
tiada sangka bunyi - terlalu bisings
11. meta - ganas
gumba - bincul pada dahi gajah
lebu duli - debu
gorah bumi (Par.) - ukuran jauh, kira-kira dua atau tiga batu
12. *menampilkan* gajahnya - maju ke muka
balohan gajah - rangka tempat duduk di atas gajah
gajah tunggal lagi meta - gajah yang menguasai diri dari kawan-kawannya, amat ganas
13. pilu (pilau) - sejenis perahu China
14. gerangan - agaknya
betapa - bagaimana
utus (utas) - tukang; mahir dalam pekerjaan tangan
hulurkan - turunkan
15. iradat (Ar.) - kehendak; kemahuan (Tuhan)
16. ghaib (Ar.) - lenyap; hilang

- kuda semberani - kuda sakti yang bersayap
 tafahus - penyelidikan yang teliti
 17 seperti dituang - seperti dibuat dengan acuan
 serba - aneka
 saput - litup
 Bijaya negara (Vijayanagar) - sebuah kerajaan Hindu di India Selatan didirikan oleh
 Vira Ballaha III dalam T.M. 1336. Mencapai puncak zaman gemilangnya pada T.M.
 1509-1530 dalam pemerintahan Maharaja Krishna Devaraya - jatuh pada T.M. 1565
 19 Alkisah - 'menurut ceriteranya', biasa digunakan dalam kesusasteraan lama sebagai
 memulai sesuatu ceritera baru
 balu - isteri yang suaminya telah mati
 berhuma - berladang
 nasab (Ar.) - keturunan (terutama dari sebelah bapa)
 20 ingar-ingar - bising-bising
 gemala - batu bercahaya yang mempunyai hikmat (berasal dari ular, naga dan lain-
 lain)
 negara bukit - puncak
 21 curik - sejenis pisau atau parang
 sekonyong-konyong - tiba-tiba
 pancar - keturunan; anak-cucu
 alamat - bukti; tanda
 22 embuk - ibu
 ciri - di sini dimaksudkan suatu mantera rasmi (asalny dari bahasa sanskrit) yang
 diucapkan pada ketika terTeritu dalam isyarat perlantikan raja dan sebagainya.
 dahulukala - zaman dahulu
 syahadan (Ar.) - selanjutnya; digunakan dalam kesusasteraan lama untuk permulaan
 perenggan baru.
 23 baluhan - bingkai (gendang, tabuh dan lain-lain)
 paman (Jw.) - Pak cik
 beradu - tidur
 kedal - sejenis penyakit kulit yang meninggalkan kesan bertelau-telau pada kulit
 24 Kuyu - tiada berseri; suram; muram (muka)
 manira (Jw.) - saya; aku
 mengembala - mengendali, mentadbir



- 25 fadhihat (Ar.) - cela; aib
cedera - di sini mungkin dimaksudkan tidak mematuhi janji
- 26 wa'ad - janji
- 27 berjaga-jaga - adat berjaga siang malam (kerana kenduri kahwin dan sebagainya)
panca persada - bangunan persiraman yang bertingkat-tingkat
karar (Ar.) - tetap Teriteram
- 28 sumbing - sumpik pada mata pisau dan lain-lain
- 29 rosak - ditirupa kecelakaan atau kerugian
laut Selbu - laut lepas; samudera
tanah Andalas - Andalas (Sumatera)
- 30 bermuat - mengisi barang-barang ke dalam perahu dan sebagainya
telumba, tongkang, ganting, kelulus - nama jenis-jenis perahu
- 31 kalut (kalut kelibut) - kelam-kabut
bercita - mencipta atau mewujudkan sesuatu dengan kuasa batin
- 32 alu-alukan - sambut dengan baik (tetamu)
nobat - bunyi-bunyian diraja mengandungi gendang nobat, nafiri, nagara (2 buah),
serunai (2 buah), gendang (2 buah), termasuk seorang pemimpin
labuhan dagang - pelabuhan
bicara - pendapat; nasihat
lancaran - sejenis perahu besar yang laju
bangun teruna - perawakan seperti teruna
- 33 selur, den dang, jong, tidar, data, banting - nama jenis-jenis perahu
tunggul, panji-panji, merawal, ambul-ambul - namajenisjenis yang merupai bendera
dibawa dalam perarakan taruk kayu, pucuk kayu
- 34 badram belawa - nama pedang
penjawat - pegawai-pegawai perjawatan di istana
payung iram-iram - sejenis payung Diraja, bahagian tepinya berlipat-lipat dan
berumbai-umbai
cogan kerajaan - tombak lambang kerajaan
panji-panji alam - panji-panji lambang kerajaan
sabur - kelam-kabut

- seri balai - terkadang disebut balairung seri
 seri penghadapan - tempat raja bersemayam dihadapi Orang Besar-besar dan lain-lain
 puan - sejenis tempat sirih yang diperbuat dari emas atau perak
- 35 badar sila - sejenis kain putih yang halus
 diwangga pirang - sejenis kain serasah indah, tanahnya
 berwarna perang bertandu - berusung
 dayang-dayang - gadis-gadis pelayan di istana
 mendara perwara - gadis-gadis pengiring permaisuri
- 36 akan kerajaan - akan menjadi raja
 ditabalkan - dirasmikan dengan istiadat menjadi raja
 dinobatkan - dinaikkan ke atas takhta kerajaan dengan istiadat sambil bunyi-bunyian
 nobat
 ateria (kesyatriya) (Sk.) - hulubalang
 perawangan - golongan orang lelaki dalam istana yang disebut awang
 perdaraan - golongan wanita dalam istana yang disebut dara
 membawa perempuan - membawa isteri
- 37 serba mati - segala sesuatu boleh menyebabkan kematian, walaupun ditimpa rambut
 sehelai
 berhadir - menyediakan
 pembujangan, kayuh-kayuhan, penanggahan-tetlentam – nama jenis-jenis perahu
 panjang lima belas - dimaksudkan lima belas depa
- 38 karang-karangan - jenis binatang (berkulit kapur) di tepi pantai yang boleh dimakan
 seperti kepah, remis dan sebagainya
- 39 mengirap pasir - hapus pasir (dilitupi air)
- 40 molek perbuatan tanah itu - baik keadaan bentuk bumi tanah itu
 tangkas - pantas; cergas
 kambing randuk - kambing jantan tua yang berjanggut dan berbulu banyak
 tiada menyahut - tiada menjawab
- 41 mustaid (Ar.) - siap; lengkap
- 43 sambuk, batil - nama jenis-jenis perahu



- 44 tiada dituruninya - tiada ia turun dari tempatnya untuk menyambut
- 45 masing-masing pada martabatnya - masing-masing mengikut taraf dan darjatnya
 betara - gelaran raja Majapahit
 tatal - kelupasan yang tipis dari kayu (biasanya panjang-panjang) yang diketam (ditarah dan lain-lain)
 Nusantara - kepulauan Melayu
 ditarah - dilicinkan
- 46 subang - perhiasan cuping telinga perempuan yang dicucukkan ke dalamnya
 ibarat (Ar.) - kias; umpama
 dipertidaknya - dipandang rendah; dipermudah-mudahkannya
 ajaib (Ar.) - hairan
 salah tempa - salah sangka; salah anggapan
 baharu duduk mentimun - baru belajar-belajar duduk
 pakanira (Jw.) - kamu; tuan
 paduka sangulun (Jw.) - paduka tuanku
 bingkisan - barang kiriman; buah tangan
- 47 jong, ganting, lelanang, pemangkah, telemba, jokong nama jenis-jenis perahu lama
 maka *patahlah kelengkapan* Majapahit - alah; tewas
 seligi - sejenis senjata seperti lembing (diperbuat daripada ruyung, buluh dan lain-lain ditajarnkan)
- 48 lukah - sejenis alat menangkap ikan
 banir - akar yang keluar daripada tanah seperti papan
 boleh - beroleh
 dapat tiada - sudah Teritu; sudah pasti
 ilmu halimun - ilmu yang boleh menghilangkan diri
 bantuan - cabut
- 49 saujana mata memandang - sejauh pemandangan mata
 merdaheka - merdeka; bebasa
 kuras - sejenis pokok
 pilang - sejenis perahu
 kempas - sejenis pokok yang kuat kayunya
- 50 sama seorang - seorang diri
 datanglah ke Singapura - sampailah ke Singapura
- 51 berkuat-kuatan - berlawan mengadu kuat
 tersandang - terdampar



- 52 setara - sejajar
 ayapan - makanan, jamuan (berbahasa kepada raja)
 bicaramu - pendapatmu
 disesaknya - diasaknya
- 53 dengan bicara tuan hamba - dengan ikhtiar tuan hamba
 mufarik - bercerai; berpisah
- 54 oleh apa - mengapa
 nisan - batu tanda pada kubur
 ditumpu - ditekan secara menolak perlahan-lahan
 ulu - kepala
 lembang - lekuk
- 55 diemasi - memujuk dengan memberikan emas
- 56 fakir - orang miskin
 sudah lalu - sudah lampau
- 57 berkarang - mengutip karang-karangan
 narawastu - wangi-wangian diperbuat dari akar-akar wangi
 anak gahara - anak raja yang lahir dari permaisuri
- 59 gering - sakit (bahasa kepada raja)
 bersalahan - bersalah; bertelingkah
 semesta (Sk.) - seluruh; segenap
- 60 syahru 'n-Nuwi - ibu kota Thailand zaman dahulu
 sum - sejenis kapal Siam
- 61 bahara - timbangan berat, yang berlain-lainan (bergantung pada barang yang ditimbang)
- 62 mong-mong - canang
- 63 digagahnya juga dirinya - berdegi juga
 musykil (Ar.) - sulit; sukar
 hilanglah budi bicaraku - hilanglah pertimbangan akal yang sempurna
 tergerak hatinya - marah dan berendam
 masyghul akan dirinya - melupakan hal dunia, semata-mata memikirkan akhirat
- 64 puawang - pawang
 maya - apa
- 65 ahmak - dungu; tongong
 alamat (Ar.) -lihat hlm. 21
- 67 ilmu khayal lillah lagi tamam dua belas alam -?
 bikang - sejenis kuih; kuih bingka
- 68 terhantar - terlantar



- tui - sejenis pokok
todak - sejenis ikan laut bermuncung panjang
berkotakan betis – berdiri berjejeran di tepi pantai sehingga betis-betis merupakan sebagai benTerig
jongor - muncung yang panjang
mendayakan diri - menipu diri; membodoh diri
- 69 tatkala ia akan dibunuh, maka ia menanggungkan haknya atas negeri itu - haknya sudah semestinyalah mendapat sebaik-baik balasan, tetapi hukuman kejam pula diterimanya; dosa dan balasan dari akibat kekejaman inilah yang ditanggungkan ke atas negeri itu
dipakai – dipergundik
percanggaikan – sulakan
keti - seratus ribu
- 70 *patahlah perang* orang Singapura - alah; tewas
rengkiang - tempat menyimpan padi
ada datang sekarang dengan beras itu - hingga sekarang
- 71 terhidu - terbau
mendarat - berjalan ke arah darat
membaruh - berjalan mengikut hala ke sebelah pantai
- 73 kalam - zakar; kemaluan lelaki
khatan - sunat (memotong kulup)
tunggang-tunggik - membongkok menundukkan kepala kemudian tegak semula berulang-ulang kali
tiada bersela - tiada celah yang kosong
haru-birulah bunyinya - hingar-bingar
ke dalam - ke istana
- 74 menderumkan - merendahkan badan gajah dengan melutut
masuk Islam - menganut agama Islam
kekuningan larangan - dilarang orang kebanyakan memakai atau menggunakan warna kuning, kerana segala yang berwarna kuning menjadi hak raja
tiada dapat dipakai - tiada boleh; tiada dibolehkan
diambil akan sapu tangan - dibuat
tabir - tirai
ulasan bantal - sampul bantal
rumah bermanjungan bertiang gantung - rumah yang tiang anjungnya tiada tertanam atau terletak ke tanah



- peranginan - ruang di bahagian atas tempat berangin dan bersenang-senang
 bertingkap berhadapan - bertingkap dan mempunyai bilik yang seolah-olah merupai tempat mengadap raja
 penduk - penyalut pada sarung keris dari emas perak dan lain-lain
 tetetapan keris - sarung keris yang dilapis dengan emas atau ditatah dengan permata
 keroncong - gelang kaki yang dilekatkan padanya loeng kecil
 75 berpancung - memakai kain yang hujungnya diserongkan
 sebai - kain yang dibelit ke leher untuk menutup bahu, dengan dua hujungnya tergantung
 kelek-kelekan balai - sejenis serambi pada balai istana ketapakan balai - tempat kehormatan dalam istana selasar - sejenis serambi
 ketur - tempat ludah
 kendi - sejenis bekas air minum
 76 ceper - sejenis talam kecil
 kerikal - sejenis pinggan besar atau talam yang berkaki
 had (Ar.) - takat; enggat
 serunai - sejenis alat bunyi-bunyian tiup
 nagara - sejenis gendang besar
 medeli (medali) - sejenis alat bunyi-bunyian seperti seruling diperbuat daripada tanduk
 perserian, persangan, pertuanan - pegawai-pegawai yang bergelar seri, sang dan tuan
 77 destar - kain ikat kepala, Terigkolok; tanjak
 dibiru-biru - dilipat-lipat secara lebih kurang sahaja
 diampu - ditatang dengan dua belah tangan
 masing-masing pada patutnya - menurut taraf dan darjat masing-masing
 patam - hiasan dari benangemas dan lain-lain pada tepi pakaian; penutup dahi
 pontoh - sejenis gelang pada lengan atas penangkal - tangkal; azimat
 khalkah (Ar.) - gelang kaki HAK CIPTA TERPELIHARA 2008
 bertimbangan - pada kedua belah lengan
 usungan - tandu, alat kenaikan yang dibawa dengan di-

- 78 pikul beramai-ramai, di atasnya terdapat tempat duduk
jogan - tombak, bendera, sebagai tanda kebesaran raja jikalau berjalan
lebih kanan daripada kiri - ketika berjalan mengiring raja pihak yang di kanan lebih
tinggi darjatnya daripada pihak yang di sebelah kiri
tombak berjajar - deretan tombak-tombak yang dibawa orang
pawai - alat kebesaran raja yang dibawa ketika berarak
yang kena sirih nobat - orang yang menerima sirih di majlis penobatan
raja bekerja - raja mengadakan sesuatu istiadat diraja
mengunjung orang - menemui orang; menyambut orang
Syahbandar - ketua pelabuhan
dalam kira-kira Penghulu Bendahari belaka - semuanya di bawah urusan Penghulu
Bendahari
- 79 tiada dapat - tiada boleh
sejadah (Ar.) - tikar sembahyang
sembahyang teraweh (Ar.) - sembahyang sunat pada malam hari dalam bulan
Ramadan, iaitu selepas sembahyang isyak
berTerigkolok - memakai destar
beroleh - boleh
bersaf-saf (Ar.) - berderet-deret
gendang adi mula - gendang yang mengisyaratkan permulaan istiadat dan sebagainya
astaka (Sk.) - sejenis balai dalam istana; balai pertemuan
sinda (senda) - saya; hamba
rawi (Ar.) - periwayat; yang empunya cerita
- 80 papan cuki - papan untuk permainan yang memakai buah seperti dam, catur dan
sebagainya
- 81 terselimpang - tercelapak
dipersurupahkan - dijadikan pantang-larang
didudukkannya - dikahwinkannya
- 82 menitir - memukul
dendam sahaya dapat berdapar - rindu saya dapat kiranya layanan yang sepadan
- 83 raja-diraja - usungan jenazah raja
- 84 dinyahkan - dihalau



- maulana (Ar.) - gelar untuk ulama besar
 si polan - sebutan untuk orang yang tiada diketahui namanya
 86 teraula - terutama
 mengerjakan - pengertian di sini: membunuh atau mengusir
 atas angin - pada zaman dahulu negeri-negeri yang dianggap sebagai negeri atas angin
 ialah India, Parsi, Arab dan juga Eropah
 87 serta aku datang - apabila sahaja aku datang
 tiada kena kerja raja - tiada menjawat apa-apa jawatan dari raja
 menolak - membuang; menyingkirkan
 89 bawah angin - kepulauan Melayu
 surat sembah - surat mengaku tunduk di bawah kuasa
 90 barang titah - apa-apa titah
 fiil - pekerti
 anak perempuannya - anak isterinya
 91 pasungan - alat dari kayu berlubang dipasang pada kaki (tangan atau leher) sebagai
 hukuman atau supaya jangan lari
 jeluk - bekas mengisi air dan lain-lain tumang - sejenis tungku
 dengan sakai hamba - dengan orang bawahan hamba
 92 berkisar - berpindah; beralih
 bersingggit - bergeser; berselisih
 kedapatan - dijumpai; diketahui
 melihat kelakuan - gelagat; gerak-geri
 93 mohon tuanku - ampunilah tuanku (kerana melahirkan tidak berkenan)
 daulat tuanku - di sini dimaksudkan bersetuju, berkenan
 ditalak (Ar.) - dicerai
 idah (edah) (Ar.) - masa menanti bagi orang perempuan yang dicerai atau
 kematian suami selama tiga kali haid (100 hari); dalam tempoh tersebut perempuan
 itu belum boleh kahwin HAK CIPTA TERPELIHARA 2008
 saudara sejalan jadi - seibu sebapa; saudara kandung
 94 sulu - intip
 olang-oleng - tidak tetap, berayun-ayun ke kiri ke kanan

- 95 paduka bubunnya - gelaran hormat untuk raja Siam
 bercakap - menyatakan sanggup
 bermain panah lasykar - berlatih memanah dengan panah askar
 dewal - dinding atau tembok keliling kota dan lain-lain seperti dewal orang berdirik -
 mungkin dimaksudkan keadaan tempat berlatih memanah itu
 dihalakannya - ditunjukannya arah
- 96 berladung - dibasahi
 rantau - pantai sejauh sungai, pesisir dan lain-lain
 musim utara - masa angin timur-laut bertiup (dari November hingga Januari)
 kelian emas - galian atau lombong emas
 pemanggangan - alat (penyepit) untuk memanggang daging, ikan dan lain-lain.
 Sepemanggangan bererti sebanyak daging yang boleh disepitkan pada satu pemanggangan
- 97 raga-raga - berlagak-lagak
- 98 digalahkan - ditolak dengan galah (bukan dikayuh)
 jeram - air terjun di sungai
 randaukan - memasukkan benda-benda lain supaya menjadi lebih sedap atau lebih banyak; buat recah
 tangguk - sejenis alat menangkap ikan, berupa jaring berbingkai yang dipegang dipisitnya - disoal dengan teliti atau dengan ancaman supaya mengaku (membuka rahsia)
 apit - disiksa dengan alat menyepit jari
 payung iram-iram berapit - payung iram-iram yang dibawa berdamping di hadapan raja dan lain-lain
- 99 upeti - persembahan (barang, emas dan lain-lain) yang wajib dibayar kepada raja atau negara yang berkuasa
- 100 mentaksirkan - menganggap lalai
 mengutus - menghantar wakil
- 101 keraeng - gelaran bagi orang bangsawan (di Makasar)
 juak-juak - Hamba raja yang mengiring raja atau membawa alat kebesaran
 jalan muafakat - hubungan berbaik-baik
 apa kehendaknya - apa hajatnya
 sirih berkelurupang -- sirih yang diperbuat seperti kelong-



- 103 song dan di dalamnya diisi pinang, gambir, kapur dan lain-lain
juadah-kuih, penganan
angin musim - angin yang datang menurut musim tiap-tiap tahun
kegemaran - yang disukai
sikap - perawakan
- 104 mengembari - melawan; menentang
pepak - penuh sesak
petaruhku - titipanku, amanatku
menyuruh ia kepada aku - mengutus
- 105 dipindahkannya - disampaikannya
dimasukinya - pergi (kepada orang itu) untuk menuntut ilmu
perhangan - lihat hlm. 331
- 106 ditatapnya - diperhati dengan teliti
berguru - menuntut
batil - mangkuk dari logam
- 107 beralangan - dalam keadaan berselisih (berseteru)
rata - sekaliannya
- 108 pengapitnya - dimaksudkan sebagai timbalan
pegangannya - tugasnya memerintah
pungutan - perahu-perahu yang dikumpulkan
lalai (tali lalai) - sejenis tali untuk memutar kayu palang tempat menggantung layar (di perahu)
bubutan (tali bubutan) - tali penegak tiang untuk mengukuhkan tegak tiang perahu
dikelati - ditarik tegang
- 109 mudarat (Ar.) - merbahaya
kepilkan - didampirkan
untut - penyakit bengkak kaki
mengantul - menganjal; melambatkan kembali
amat jahat - di sini dimaksudkan hodoh, hina
- 110 ketumbukan - di sini dimaksudkan tugas menyerang
pemali - pantang
- 111 nugerahi - anugerah
- 112 penyadap - orang yang mengambil niradengan memotong mayang kelapa, kabung dan lain-lain
perempuannya - isterinya
tiada khabarkan diri - tiada sedarkan diri; pengsan



- 113 rosak - di sini dimaksudkan karam
 mengusir - mengejar; berenang mendapatkan
 senyampang - kebetulan; mujurlah
 ditimang - disanjung dengan berbagai kata pujian
- 114 memayang - menangkap ikan di laut
 rajut - pundi-pundi yang diperbuat dari siratan benang
 pawang - ketua kumpulan nelayan
 masyghul - dukacita
- 115 panggungan - anjung kecil (rumah yang tinggi, tempat berangin-angin atau meninjau;
 balkoni)
 pada bicaranya - fikimya
sabuk biaban hijau - sejenis bengkung warna hijau
 gelang kemit tubuh - sejenis gelang
 suntung - perhiasan berupa bunga yang dicucukkan di rambut atau di belakang telinga
 bunga semadarasah wilis cempaka - bunga cempaka biru
 berurap-urapan - berpupur dengan urap (minyak wangi cair)
 serigading - sejenis tumbuhan yang putih bunganya
 ketirah - sejenis tumbuhan berdaun merah
 pangus - cekap; cekatan
- 116 kula (Jw.) - saya; patik (kepada raja)
 penaka - seolah-olah
 turus - tunggak; tiang
- 117 rama andeka - ayahanda paduka tuanku
 berdatang sembah - berkata-kata (dengan raja)
 didudukkan - disini bererti diberi tempat duduk
- 118 hang - gelaran orang istana yang disebut hang
- 119 tiada terkembari - tiada terlawan
 memengkis - membentak; berlagak
 terkokol-kokol - menggelatuk; tergigil-gigil
 diusir - dikejar; diikuti
 dapur-dapur susu - bahagian di bawah tetek
 dilekatkan - dikekalkan
- 120 ratna mutu manikam - pelbagai intan permata
 keris ganja kerawang - keris yang ada berpalang tangan dan berukir hulunya
 perlente - penjahat
 tunggui - jagai; kawal
 penjurit (Jw.) - pejuang; askar upahan; perwira Jawa

- 121 berhadir - bersiap sedia
akan mengerjakan - di sini ertinya memulakan kerja kahwin
paseban agung (Jw.) - balairung
'iyar (Ar.) - berbangga dengan keperwiraan
utar-utar - perisai kecil berbentuk bundar
- 122 genta - loceng kecil
berlayam - menari dengan melila-lilakan pedang, perisai dan lain-lain
dikirapkannya - menggerakkan ke atas ke bawah
sapu-sapu rengit - disebut juga sapu-sapu ringan, sejenis permainan dalam, dengan kaki berlunjur dan menghayun tangan ke kanan ke kiri sambil menyanyi
berkanjar - berlunjur
tanpa kedep tambung laku sira (Jw.) - tak hormat kelakuanmu; pura-pura berbuat tidak tahu
balai larangan - rumah di kawasan istana tempat puteri-puteri
- 123 juru ganjur - pengawal yang memegang tombak
bersamarlah - tiada nyata lagi kerana banyaknya
alun-alun (Jw.) - tanah lapang di muka keratin
gegak-gempita - riuh-rendah; terlalu bising
panggung - di sini ertinya; tempat menonton wayang dan lain-lain
- 125 bertaru - hingar-bingar
gendir, sambian, sekati, gelinang dan lain-lain - nama jenis bunyi-bunyian Jawa
menjadi zaman - di sini dimaksudkan kenang-kenangan
sampean (Jw.) - paduka tuanku
- 126 cendala - jahat; hina
keparat - celaka; bangsat (kata makian)
kepetangan (Jw.) - bijak; banyak mempunyai tipu helah
sendal (Jw.) - curi
- 127 hunus – cabut
tersemu - terpedaya
- 128 alap - mengambil dengan cara mengait
mengigal - menari dengan gaya yang menarik
- 129 kecederaan - malapetaka; kecelakaan
- 130 pelindungan - jamban; kakus
diudar - diruntun; ditarik kuat-kuat



- berlangir - mencuci rambut, badan dengan sejenis wangi-wangian
hujjatul balighat (Ar.) - bukti (tanda) sudah dewasa bermukah - melakukan
persetubuhan yang haram; berzina
- 131 Kimka - sejenis kain yang halus dan berbunga
gharib-gharib (Ar.) - luar biasa; ajaib
cerpu - sejenis terompah dari kulit
sarat - penuh (muatan perahu)
dinihari - waktu belum terbit fajar
- 132 gagak sekawan - ini mungkin dimaksudkan pasukan perajurit China yang memakai
serba hitam
gong pengerah - gong untuk memberi isyarat berhimpun (mengerah dan lain-lain)
separsakh - sejenis ukuran jauh, kira-kira sejam perjalanan
mungkur - sejenis usungan atau tandu
demi - sebaik sahaja
digelek - dipusar di an tara dua belah tapak tangan sehingga jadi bulat
- 133 pada sehari-hari - setiap hari
legat - tertumpu tetap
membibit - menjinjing dengan hujung jari
menengadah - mendongakkan kepala
ada permusuhan - dalam ancaman seteru
- 135 biaslah - terbiluk dari hala tujuan yang asal
- 136 seri kopiah - gelaran hormat untuk raja China
penyakit kenohong - sejenis penyakit kusta
tulah - kutukan
- 138 berkendak - bermukah
hasratnya yang sah - di sini dimaksudkan hakikatnya yang sah
perhangan - golongan pegawai yang bergelar hang
kesiangan - terlewat (bangun dan tidur) sehingga siang
jebang - perisai panjang dari kayu bersalut kulit
ranggas - pokok yang meranting tiada berdaun
- 139 mengenang - terkenang akan
menaiki Hang Jebat - naik melawan
bermara - mendapat mara
masa kita samakan - tidak kita samakan

- diterpa – diterkam
seperi-perinya - katakanlah
- 140 Bukit Kaf - menurut riwayat, iaitu nama pergunungan dunia yang terbesar
bukan barang-barang hamba - bukan hamba yang sembarangan
ada perkenaan - ada pekerjaan yang hendak ditanggungkan kepadanya
teranggar-anggar - tidak tetap; terhoyong-hayang miskinan - kedaifan
basuhkan arang di muka aku - hapuskan malu aku menjunjung duli - di sini
maksudnya; mengerjakan perintah raja
- 141 terlanjur - terdorong; terlangsung
bertemu sama sebesi - bertikam seorang sebilah keris
temasya - jadi tontonan
menyiah - berganjak ke tepi: menyisih
faraj (Ar.) - kemaluan perempuan
kemamar-kemamar bahasa - seolah-olah hilang ingatan atau pandangan
- 142 moga-moga - di sini dimaksudkan tiba-tiba atau kebetulan
diumbut - dibunuh
pantatnya - punggungnya
- 143 kapa-kapa - atap yang curam pada kedua pihaknya gajah menyusu - atap tambahan
atau yang disambung pada rumah
layang-layang - bahagian rumah antara bumbung dengan dinding yang berbentuk
segitiga
sengkuap - sejenis serambi tambahan
belalang bersagi - nama sejenis kayu bumbungan yang bersegi-segi
kambi - papan lebar yang dipasang pada dinding
kilau-kilauan - bercahaya gemerlap
ditampali - dilekatkan
rasuk - kayu yang dipasang di antara dua tiang rumah
birai - selusur; tepi
rembatan - kayu palang yang dipasang untuk menguatkan pintu
disiripkan - ditindih-tindih atau dilapis-lapis (genting)





- 144 penanggahan - tempat memasak; dapur
 ibul - sejenis tumbuhan. (palma)
 hendak bangat - hendak cepat (siap)
 beramu rasuk kulim - pergi ke hutan mencari kayu kulim untuk dibuat rasuk
 mengenakan – memasang
 syahmura - sejenis senjata
 berbela api - mengawal; memadamkan
 berlepas harta raja - membawa keluar
 berbela segala harta – menyelamatkan
 menghulu-hulu - mendahului
 pekis - mengeluarkan kata-kata yang keras
- 145 bawakan - beban
 berselat - memegang (menguasai) sesuatu kawasan selat
 balai apit pintu - balai sebelah menyebelah pintu
 balai kendi - balai tempat mengambil air
- 146 terlalu olahan - banyak ragam; tingkah tiga hari maka sudah - baru
 penanak - sepenanak ertinya selama orang menanak nasi hingga masak
- 147 dengan - hamba tebusan
 penghulu dengan - tuan punya hamba
- 149 cipan - sejenis senjata seperti kapak
 menyisip - sipi; tidak tepat
- 150 meletakkan - menempatkan
 adipati (Jw.)- kepala daerah
- 151 kelengkapan - di sini dimaksudkan kapal-kapal dari angkatan laut
- 152 niat - hajat di hati
 lebu - jalan raya
 penjawat - di sini dimaksudkan pegawai pengiring
- 153 berbalas - membalas
 hendak derhakakah ke bukit? - hendak derhakakah kepada raja?
datang ke Terengganu - hingga; sampai
- 154 bangat - cepat
 bidak - buah catur yang terendah
- 155 emak bongso - adik yang bongso kepada ibu atau bapa
 saudara emakmu - adik beradik emakmu
 hujung tanah - bahagian yang selatan sekali dari Seme-



- nanjung Tanah Melayu
teluk rantau - daerah sekeliling
memairi - mengawal laut (meronda) dengan perahu (kapal)
campaki sauh terbang - liruparkan besi yang berbentuk sauh ke perahu lawan, apabila
lekat lalu ditarik hingga rapat
putar - ditarik dengan alat pemutar
tetas - potong (tali dan lain-lain)
- 156 tawar ipuh - jampi atau ubat untuk menghilangkan bisa getah ipuh yang beracun itu
jenawi bertumit - pedang yang lurus panjang, digunakan dengan dua belah tangan
terpencil - terpisah dari yang lain
batu tolak-bara - batu pemberat digunakan sebagai pengimbang dalam perahu
ilmu tasauf (Ar.) - ilmu suluk, mistik
hadas (Ar.) - berkeadaan tidak sud diri orang Islam yang menyebabkan tidak boleh
bersembahyang (tawaf dan lain-lain)
- 157 Duri'l-mazlum (Ar.) (**دُرِّ الْمَظْلُومِ**) mutiara yang dizalimi atau "Duraril-mazlum "
(**دُرِّ الْمَظْلُومِ**) yakni permata bagi orang-orang yang dizalimi.
fatwa (Ar.) - keputusan dari segi agama yang diberikan oleh alim ulama atau mufti
mengenai sesuatu masalah .sudah bermakna - sudah mempunyai penjelasan
- 158 junun (Ar.) - karam dalam rasa cinta ilahi
memecat diri - sendiri meletakkan jawatan
emas urai - emas yang masih berbutir-butir
- 159 memalis - memaling ke arah lain (kerana marah dan lain-lain)
- 160 membaliki - menarik kembali apa yang sudah dikatakan khalayak (Ar.) - di sini
dimaksudkan ramai
tahkik - di sini dimaksudkan yang sebenarnya
- 162 Cempa – sekarang dikenali dengan nama Vietnam
mayang - bunga pinang (kelapa, kabung dan lain-lain)
mengurai - keluar berjurai dari kelongsong
seludang - kelongsong mayang (pinang, kelapa dan lain-lain)
panca-wama - lima warna

- 163 pada sepenampang - garis Terigah pada permukaan (bidang) sesuatu
 angin tegang kelat - angin kencang
 mendapatkan - menemui
- 164 tiada beralahan - kedua-dua pihak tiada mau kalah berlepas anak bininya - lari
 menyelamatkan anak isteri
- 165 balok - perahu muatan
 laksa - sepuluh ribu
- 166 asa-asaan - harap-harapan
 bersaji nasi - menghidangkan nasi
 jurutanak - tukang masak
 makan sedaun - makan beramai sama-sama di atas satu daun
- 167 azamat (azmat) - hebat
 berhantaran - bertibaran
 mengelih-ngelih - menoleh-noleh; mengawasi
 unjukkan - hুলurkan
 lepuri - terkam; terpa
 lari merapah - lari memijak-mijak tanaman
- 168 digulungnya sekali-sekali - dihambat; diserbu
 pintu tani - pintu kawasan luar istana
 "yang sembah hamba di Melaka itu, tinggal di Melakalah - sembah hamba ketika
 hamba di Melaka itu batallah
- 169 berjahat - memburukkan
- 170 sama datang mata keris itu - kens keduanya menikam sama semasa
- 171 jangan apalah - janganlah kiranya
 berkaul (Ar.) - bernazar; berniat melakukan sesuatu apabila hajat berhasil
 diafiatkan (Ar.) - disembuhkan
 khazanah (Ar.) - di sini dimaksudkan: harta kepunyaan layu rumput di halaman Yang
 Dipertuan - sebagai kata HAK CIPTA TERPELIHARA 2008
 kiasan kepada perkataan "tuanku mangkat"
- 172 mengarnbil hak orang tiada sebenarnya - bukan secara halal
 makan haqul-adam (Ar.) - makan hak sesama manusia (tiada dengan cara halal)
 khali (Ar.) - berhenti; lalai
 jemah - kelak

- kira-kiramu - perkiraan (dosa pahala)mu di, hadapan Tuhan
- 173 buas - galak; ganas
- 174 bodi - pohon beringin
- 175 pedang bertupai - pedang yang ada palang di hulunya tersampai - tersangkut
- 176 remak - lebih baiklah
- 177 petak agung - petak besar
 tiang agung - tiang yang tertinggi
 kurung - bilik dalam perahu
 pekajangan - bahagian belakang perahu yang beratap dengan kajang
- 178 terjerumus - tersungkur
 pelabun - senda dalam bualan
 menyurung damai - minta berdamai
- 179 termasya - seronok
 mengupam - menggilap
 timbangan lada pidir - sama maksudnya dengan kecil-kecil cili padi
- 180 menjadi ibu - menjadi pemimpin pennainan
 duduk umbi - pangkainya baru membesar
 beladau - sejenis golok
- 181 datangi - di sini dimaksudkan serang
 dekat patut - lebih patut
 makar (Ar.) - kecurangan; di sini lebih hampir kepada maksud bongkak
 ta'ajal (Ar.) - terburu-buru; tergesa-gesa
- 184 anu - sesuatu yang tak disebutkan namanya (orang, benda dan lain-lain)
 maharajalela - melakukan sewenang-wenang
- 185 dapat membunuh - dibolehkan membunuh
- 186 umur kita telah pautlah - genaplah
 barang suatu - apa jua sesuatu
- 187 ketanahanmu - asas tempat kamu bertapak
 tiada apa bahananya - tiada begitu besar
- 188 bentan- berbalik sakit (sesudah agak sembuh)
 lepas dari tangan - meninggal dunia
 sabar - di sini ertinya tidak keruan
- 176 serta aku datang - apabila sahaja aku sampai
 tergerbang-gerbang - terurai dan kusut (rambut)

- syahidlah - ini dirnaksudkan sebagai menempelak. Syahid bererti mati kerana agama Islam
- bergagah - berdegil
- suratan ajal - batas hidup menurut takdir
- 189 Pak Si Bendul - Pak Pandir; tolol
- sediakala - setiap waktu
- 190 tiada perolehan - tiada mendapat apa-apa
- 191 padahal - cukuplah
- turut-turutan - mengikut-ikut (kehendak, pemikiran orang lain)
- seturutan - sama perbuatan dengan mengikut orang lain
- dengar-dengaran - melayani; pedulikan
- waswas - sangkaan
- 'alaihil-Ia'anat (Ar.) - yang terkutuk
- puntung - lebihan (dian, rokok, kayu dan lain-lain) yang sebahagian besar sudah terbakar
- 192 saraf (Ar.) - perubahan kata-kata (dalam bahasa Arab)
- nahu (A) - tatabahasa
- ilmu fikah (Ar.) - pengetahuan berkenaan hukum agama Islam
- Terigah tiga jengkal - dua jengkal seTerigah
- pendua (keris) - pengganti
- 193 bermain - berseronok-seronok
- gusar - marah
- ditalaknya - diceraikannya
- 194 tanda kurnialah - melambangkan tanda kasih
- adang - tunggu (dengan maksud akan menyergap dengan tiba-tiba)
- tumpah darahnya – lahirnya 
- 195 dicabuknya - dipalunya 
- kusa - tongkat yang berhujungkan kait besi (untuk mengendalikan gajah)
- pesuk - pecah berlubangbesar
- 196 banian - sejenis peti
- penanak - selama orang menanak nasi
- titah dipanggil - raja memanggil (berbahasa untuk raja)
- 197 adat - kebiasaan
- bertimbal rangka - duduk di sebelah kiri dan kanan rangka supaya imbang
- 185 dipaling - dipusing kembali

- tagar - guruh; guntur
 tiada dihisabkannya - tiada dihiraukannya
- 198 kisi-kisi - kayu atau besi yang dipasang berderet (pada tingkap dan lain-lain)
 selasar - sambungan menganjur keluar pada ibu rumah
- 199 dua tiga belit - dua tiga keliling
 semaja - sememang; Teritu sahaja
 kekang - besi bergerigi yang dikenakan pada mulut kuda
 pelana - lapik tempat duduk belakang kuda
 gertak - pacu (kuda) supaya kencang lari
 cemeti - sebat (dengan penyebat)
- 200 tiada apa bena - tiada hiraukan
 diirik - dipijak
 kura-kura kaki - bahagian kaki yang melengkung di antara buku lali dengan jari
barang layang-layang - mana-mana jua
 disamak dengan samak kaca - digosok dengan melekatkan serbuk kaca
- 201 alpa - lalai
 maklumat (Ma'alamat) (Ar.) – pengetahuan
 ali-ali - tali pelontar batu
- 202 dua berbudak - bersama seorang hamba
 mengarang *Anak Panah Sedasa* - mungkin nama sebuah hikayat; sedasa bererti:
 sepuluh (batang)
- 205 berdiri berbanjar - berdiri berbaris
- 206 karas bandan (كرس بندن) - mungkin merupakan sebuah bekas menyimpan alat-alat
 terTeritu, ataupun mungkin dimaksudkan suatu bekas seperti *kalamdan*, iaitu sejenis
 kotak tempat menyimpan alatulis; maksud perkataan ini diperkuat dengan adanya
 perkataan buli-buli (botol) dakwat dan kobak (kobah?)
 sakhlata (Ar.) - kain sutera bersulam benang emas berkobak - mungkin dimaksudkan
 kobah (Pr.) yang bererti: cap dari kayu
 buli-buli dakwat - botol (bekas) dakwat
 pada membaiki orang - berbuat baik kepada orang
memeliharakan segala dagang - menjaga
 salawatlah (Ar.) - berdoalah
 malim - jurumudi

- kiwi - penyewa petak perahu (kapal) yang juga menjalankan pemiagaan
 orang berbayu tok, berbayur - di sini pengertiannya tidak jelas, bayu bererti: angin,
 badai, dan bererti juga Hamba, sahaya; tetapi kerana ada perkaitan dengan pelayaran,
 maka lebih munasabah rasanya dimaksudkan kepada mengharap angin
 tikar pacar - tikar yang berlapis-lapis dan berwarna (untuk raja dan Orang Besar-
 besar)
 diunjukkan - dihulurkan tangan dan jauh, sebagai tanda mengalu-alukan kedatangan
 perdana lakunya - terlalu baik lakunya
 207 seberhana pakaian - selengkap pakaian
 destar berhalaman - sejenis bentuk ikatan destar
 tajuk - perhiasan kepala yang diperbuat dari emas dan lain-lain
 kancing - butang baju
 naga-naga - tempat yang dipertinggi di balai penghadapan
 melabuhkan - memanjangkan ke bawah pangkal tangan baju - bahagian atas tangan
 baju derji - tukang jahit
 mutia - mutiara
 kelebut - benda (acuan) untuk disarungkan destar, kopiah dan lain-lain
 buaian - ayunan
 210 inggih (Jw.) - ya
 211 sigap-sigap - cergas; pantas
 periai (Jw.)- orang atasan; orang bangsawan
 andeka pakanera - yang mulia tuan
 peremasan (Jw.) - bangsawan; ningrat
 persenggerahan - rumah rehat; tempat menginap
 merogol - menguasai (perempuan) dengan kekerasan; memperkosa
 sabuk - sejenis bengkung
 212 sampun pejah (Jw.)- sudah mati
 penakawan (Jw.)- hamba perhambaan
 kabeh (Jw.)- semuanya
 213 benua - orang asli yang tinggal di bahagian darat bertengah - seperdua



- serba bunga - aneka bunga
 mergastua - binatang-binatang di hutan
- 214 adakah gila bagimu tuan, burung terbang dipipiskan lada - adakah tuan sudah gila?
 Membuat persediaan, sedangkan apa yang dihajat itu belum tentu dapatnya
 pipiskan - haluskan; lumatkan
 ledang - wama putih kekuningan (seperti awan disinari matahari)
 wakab - helang sikap?
 hairan memandang dunia sekarang bayang-bayang hendak ditangkap – ini jelaslah
 suatu kiasan yang menyatakan perbuatan sia-sia hendak memiliki sesuatu yang
 mustahil diperolehi
menyampai kain pendukung - menyandang; menyangkutkan pada bahu
 pengetua - ketua segala inang pengasuh
- 215 lecah - becak, berlumpur
- 216 diumpamakan - disegani; dihormati
 diincitkan - dihalau
 ipalit - dicalit
 empuk - panggilan kepada orang perempuan; kakak perempuan
- 217 sekata - sepakat
- 218 kain serasah - sejenis kain cap Teriunan India
 bagai - macam
 perkara - ragam; pola
 ternak - lahir di
 rata-rata - pada umumnya
 pandai - orang yang mahir dalam pertukangan
- 219 berbantah - berTerigkar
 pelir - kemaluan lelaki
 kharab (Ar.) - binasa
- 220 tanglong (Ch.) - lantera kertas yang dipasangi api dalamnya
- 221 lada sulah - sejenis lada berwama putih
 akas - cekap; cekatan
 rahab - kain tudung mayat
- 222 setanggi - sejenis bakaran seperti kemenyan yang di-



- perbuat daripada ramuan kayu-kayu harum dan lain-lain
menyalahi - mengelakkan hasrat - ingin
- 223 bomor - bomoh; pawang
ini konon - inikah pula
disaukkan - satu cara untuk cuba memasukkan jerat ke kaki (gajah dan lain-lain)
bertekan - sesuatu untuk bertumpudengan tangan atau kaki
- 224 cenderung - lereng bukit
terjal - curam yang hampir tegak tergelulur - melincir turun
terkapai-kapai - kedua-dua kaki hadapan tergerak-gerak di awang-awang
- 225 lulut - sejenis bedak wangi untuk membersihkan badan
pelulut - orang yang kerjanya melulut
manda - emak (berbahasa kepada perempuan tua yang patut dipanggil emak)
- 226 musim Jawa - masa angin bertiup dari barat-laut dan membawa hujan (Jun-
September), itulah masanya banyak pelayaran dari Jawa ke Melaka
menanggung rahsia - menyimpan rahsia
reda (Ar.) - rela; berkenan
- 227 ajal - batas hidup; janji
'aradh (Ar.) - sesuatu yang terlintas tiba-tiba dalam hati
- 228 putus kasih - sempurna kasih
baik *jejaknya* - tabiat dan tingkah lakunya
alangan - rintangan kayu di kuala sungai
batangan - alangan; sekatan
ngin paksa - angin yang baik untuk belayar
- 229 mengait - menarik dengan alat pengait supaya rapat kepada diri
- 230 jebang - sejenis perisai panjang (dari kayu dilapis dengan kulit)
rangan (rangin) - sejenis perisai panjang
beroleh melaut - boleh pergi ke Terengganu
mendarat - turun dari perahu, naik ke darat
Subhana'LLah 'amma yasifun - maha suci Allah daripada yang mereka sifatkan

- 231 suatu kaul- suatu sumber
memandang legat - hala pandangan yang tetap
- 232 gusar - berang; marah
mengarut - merepek
- 233 dihampakan - dikosongkan
onak - duri yang bengkok seperti kait
- 234 bersyaikh diri - mengasingkan diri untuk beribadat kepada Allah
- 235 jebat-jebatan - wangi-wangian
anak dara-dara yang taruhan - pingitan
pengidah - suatu pemberian (benda) sebagai tanda percintaan .
gantol (Jw.) - daun sirih yang sudah digulung
lelat (sirih lelat) - sirih bergubah
gajah gemuling - perhiasan sanggul dengan dua untai bunga melati
cepu - sejenis cembul
khelembak - kayu yang berbau harum; gaharu
Hang Berkat *bercakap* - mengaku sanggup
- 236 tidur cendera - nyenyak; nyedar
- 237 sasa - kuat; agam
mersik lagi rincing - kurus lampai
kawi rasa - teguh perdirian telangkai - orang perantaraan
- 238 dua keti - dua ratus ribu
barang sesuatu peri Pahang itu - kalau berlaku apa-apa (malapetaka) ke atas Pahang
- 239 laksa - sepuluh ribu
- 240 biadab - tidak sopan
- 241 dikhabarkan - diindahkan
- 242 seorang payang - penangkap ikan, nelayan
okun - sebutan (Siam) bagi orang-orang berpangkat tinggi
- 243 sisa -lebih makanan yang sudah diinfakkan
- 244 orang pergi-pergian - pengembara
Peringgi - orang Portugis
mengerumun - beramai-ramai mengelilingi
cepiau - topi
- 245 wizurai - naib-raja; vice-roy
ghali, fusta - jenis kapal kuno yang besar



- kapitan Mor - dalam bahasa Portugis *Capitao-mor* 'kapitan agung' satu pangkat jawatan dalam angkatan laut Portugis zaman dahulu. *
- lasykar - askar upahan
- 246 makhdum (Ar.) - tuan (biasanya gelaran untuk ahli agama)
hamak - di sini mungkin dimaksudkan tamak
khalayak (Ar.) - perhimpunan orang-orang
- 247 ingar - bising-bising; berungut
taubat (Ar.) - di sini dimaksudkan sekali-kali tidak akan
- 248 azali (Ar.) - sejak permulaan zaman
walau kan - mungkin maksudnya: tetapi kerana
- 249 sekin jenawi - sejenis pedang panjang
- 250 cendala - cacat cela
sakar - gula
nika - aneka
geranggang - mungkin dimaksudkan:
- 251 orang keluaran - orang kebanyakan
patik ini orang jahat, patut sama *jahat* juga - di sini dimaksudkan: hina, Mungkin kerana hati bendahara tersinggung, sebab mendengar perkataan 'orang keluaran' itu
- 252 mencari cedera - mencari-cari kesalahan
bahara - sejenis sukatan menimbang berat (beratnya berlainan, bergantung pada barang yang ditimbang; ada barang yang beratnya kira-kira 10 kati bagi sebahara)
tiada pernah rosak - tiada pernah kerugian
asyik-asyik - kerap benar
- 253 kerbau jalang - kerbau liar
kesumba - warna merah tua
destar pelangi - destar yang bermacam warna
tiada tahu bahasa - tiada tahu adat
- 254 biaperi - saudagar; pedagang
haram zadah - anak gampang
lebu - jalan raya
menganjur - menjulur ke depan



*Lihat *JMBRAS* (Vol. XXV, Pt. 2 dan 3), Oktober, 1952, commentary oleh C.C. Brown, hlm. 250, 641a.

- 255 menyorong - memberi rasuah
- 256 kerama - bencana; kecelakaan
dikerjakannya - ditekannya; dibunuhnya
sebicara – semuafakat
demi - apabila sahaja
karib (Ar.) - berdamping rapat
berlepas taksir - membebaskan diri dan kesalahan orang ciu emas - tikar tebal tiga
rangkap yang dihias dengan emas
kaus - kasut
yang kasih itu antara tiada, dan berahi itu bicara tiadarasa kasih itu tiada mengenal
perbezaan darjat keturunan, dan rasa berahi itu melupai akan akal budi yang waras
- 258 tiada ke hujung - tiada kena hujung senjata (kena bahagian pangkal atau Terigah)
maksudnya tidak dalam lukanya
dibuangkan - dibunuh
- 259 umbut - cabut buang; bongkar
tiada baginda bunuh, kerana sudah diharamkan darahnya oleh baginda - lihat hlm. 217
mengenai janji Sultan Mahmud dalam peristiwa melarikan gajah kenaikan Sultan
Pahang ke Melaka
tabir – tirai
tepok - lumpuh
lesu - lemah; tiada berTeriaga
digagahi - didesak; dikerasi
- 260 sepah - hampas sirih yang dikunyah setelah ditelan airnya
dihadirkannya - disediakan
terempelas - sudah dilicinkan dengan empelas
datuk berlarang - datuk ada araf melintang
pinggan lingkak - pinggan besar
dilurut - dikelupas
- searai - ukuran isi (dua cupak)
- 261 sasaran bahasa - gila-gila bahasa
melawar - melagak
ke dalam - ke istana
orang bunuhan - pembunuh
- 262 leler - tidak senonoh (perangai); nakal



دewan Bahasa dan Pustaka
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
Malaysia
HAK CIPTA TERPELIHARA 2008

- dipatutnya - dipadannya
natar - warna dasar (pada kain); tanah kain
- 264 membuang kerajaan - turun takhta
uncang - pundi-pundi kecil dari kain untuk mengisi barang-barang yang dibawa
kalamdan - sejenis kotak untuk menyimpan alatulis
- 267 armada (Fr.) - sepasukan kapal perang
ghali, ghalias, fusta - jenis-jenis kapal perang zaman dahulu
istinggar - senapang kuno
- 268 ilmu tauhid (Ar.) - ilmu berkenaan keesaan Allah khabar pun baginda tiada - baginda tidak mengindahkan
- 269 digedangkan - di sini dimaksudkan, melurus tangan ke atas untuk menunjukkan tapak tangan yang luka
- 270 ari-ari - bahagian badan di antara perut dengan kemaluan
cabanya - penakutnya lagi kuasa - lagi berTeriaga
pagar ruyung - pagar yang diperbuat dari batang rumbia, enau dan lain-lain
kota kara - kubu luar
- 271 dikias-kiasi - disindir
rimah - sisa; lebihan makanan af'al (Ar.) - pekerti
akmal (Ar.) – kesempumaan
kerjakan - bunuh
mu 'alim - guru agama
peterana - sejenis tempat duduk orang yang dihormati
- 273 bertimbakan darah - berperang bertumpah darah bangkan - menyuarkan azan pada telinga anak yang baru lahir
- 274 baju bajang - baju yang lebar hujungnya
tulang daing - sejenis tumbuhan (pokok)
telepa - bekas untuk menyimpan sesuatu
cindai kara - kain sutera halus bertungga bunga
sempanakan juga - berkat juga
khuluk (Ar.) - akhlak; budi pekerti; perangai
perdana lakunya - terlalu baik lakunya
syak hati - ragu-ragu

- membaiki patik - berbuat baik kepada patik
- 275 langit menimpa bumi - tempat menumpangkan hidup pula menimpakan bencana
jaga-jaga - pengawas
- 276 berkesumat - bermusuhan; berbencian
dianjak - dialih
- 277 pengatu - sejenis meriam
- 278 mesara - belanja; gaji
biar Teritu ke bawah Duli Yang Dipertuan - biar Teritu diketahui dan diterima oleh
Duli Yang Dipertuan sulu - intip; pengintip
- 279 epok - sejenis kampil kecil bertutup dianyam dari mengkuang untuk bekas sirih
pinang
pengudut (udutan) - paip untuk mengisap candu
mudik menyongsong - mudik menungkah arus
- 280 berhamburan ke air - berterjunan ke air
- 281 hemat dua laksa - kira-kira dua puluh ribu
mencari *perempuan* sahaya - isteri
- 282 sangat-sangat - cepat-cepat
lekar - alas periuk belanga dari lidi atau rotan
diri - di sini dimaksudkan: tuan hamba
ternang - sejenis buyung atau kendi bertutup
- 283 dendang bersayap, kekayuhan, jurung, penanggahan, telentam - nama jenis perahu
zaman dahulu
- 285 berjalan jatuh - baru belajar berjalan
dicucikan - dikhatankan
- 286 bertindik - melubangi cuping telinga
menyalahi - mengingkari
- 287 bernasab (Ar.) - bertalian keluarga
termeteri (termetra) - di sini dimaksudkan tarik apes
- 288 bercita - bemiati akan
gemala jemala - mestika yang dijunjung diatas kepala
meraih leher - menarik leher kepada diri sendiri
jangan taksir - jangan lalai
mutakaddimin (Ar.) - yang telah lalu; yang dahulu-dahulu
- 289 cucuk (Jw.) - barisan (pasukan) yang terdepan
tempunya - niatnya; kasadnya
didakap - dipeluk
- 290 ciu - sejenis tikar tebal tiga rangkap terhias dengan



- emas dan lain-lain
 antalas - sutera yang berkilat badar sila - kain putih yang halus
 peraturan duduknya - sekarang istilahnya protokol
 291 takzim (Ar.) - penuh hormat dan sopan
 dendang - sejenis perahu
 rentaka - sejenis meriam yang boleh dipusing-pusing
 tahan-turut - sejenis meriam
 pengapit - pembantu
 yang berlepas dia - menyelamatkan daripada jatuh ke tangan musuh
 mengirupang - mengerupang; membendung atau membuat tebat pada anak sungai
 untuk menangkap ikan
 lang-lang laut - peronda laut
 292 jaga-jaga - pengawas
 balairung - tempat raja dihadap rakyat
 penanggahan - tempat memasak; dapur
 balai gendang - tempat menyimpan alat-alat bunyi-bunyian nobat
 ingatan perintah - urusan; perhatian sulu pair - pengintip dan peronda
 294 kerabu - sejenis subang
 295 jikalau ada ghalatnya - kemusykilan; terkilan
 296 zihinun (Ar.) - faham; ingatan hati
 mubarrak (Ar.) - bahagia
 tuhfat (Ar.) - anugerah; pemberian
 musyrifat (Ar.) - mulia
 wasillah (Ar.) - sampailah
 takrim (Ar.) - permuliaan
 ittifak (Ar.) - persetujuan; persesuaian
 burhan al mahabbat (Ar.) - tanda muhibah
 297 apa pekerjaan - di sini maksudnya apa kerjanya
 lanca - sejenis perahu besar
 melara - merayau
 kawal - di sini dimaksudkan pasukan pengawal
 perangsang - sesuatu yang membangkitkan semangat
 (keberanian)
 299 menghurai - membuka (bungkusan)
 permata pudi - permata yang butirnya kecil-kecil
 300 baiduri - sejenis batu permata yang berwarna



- 301 di mata-matainya - diawasinya
 302 piatu yatim - tiada beribu bapa
 303 terdangka-dangka - mendekati pantai (daratan)
 304 pesara - pekan
 telah talaklah Hamba dengan dia - bercerai
 305 mengelakkan ketaraan - mengelakkan daripada kelihatan orang
 306 Seri Nara Diraja empunya bicara maka sempurna - hanya dengan ikhtiar Seri Nara
 Diraja dapat diselesaikan dengan baik
 apa pekerjaan - apa hal
 kurang majlisnya - kurang manis; kurang baik
 307 selenggarakan - memelihara; menjaga
 308 selenggarakan - di sini dimaksudkan hiraukan
 309 jembalang - sejenis hantu
 310 makam - tempat kediaman (semayam)
 berdewal (dewala) - berding (tembok) bata keliling kota
 merangsang - menyerang
 311 rebaria - gendang yang di sebelah sahaja di pasang kulit
 312 hijrah 1223 – bersamaan tahun Masihi 1808*

*Lihat Coruparative Tables of Muhammadan and Christian Dates.



ديوان بهاس دان پوسٽاك
 DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
 Malaysia

HAK CIPTA TERPELIHARA 2008